DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI
DEWAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.
6, 8, 9, 10 & 13 MEI 2024

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.
6, 8, 9, 10 & 13 MEI 2024

PEJABAT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI PERTAMA
06 MEI 2024
(ISNIN)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 06 MEI 2024 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2 DEWAN NEGERI PAHANG KE-15	1
4	TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	3
5	BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG	9

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 06 Mei 2024 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Kanan
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang**	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**

Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama : Isnin, 06 Mei 2024
bersamaan 27 Syawal 1445 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim [bacaan dalam Bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT. Marilah kita mulakan majlis kita ini dengan ummul kitab Al-Fatihah [bacaan ayat Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [bacaan dalam Bahasa Arab]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 4, 5, 6 dan 8 Disember 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 4, 5, 6 dan 8 Disember 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan, disahkan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Yang Berhormat Dato‘ Sri Speaker,

Saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Soalannya ialah,

> **“Satu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 4, 5, 6 dan 8 Disember 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan”**,

telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan “ya”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan Mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sebelum saya meneruskan atur cara urusan mesyuarat, saya ingin memaklumkan pada hari esok, Selasa, 7 Mei 2024, persidangan kita akan ditempohkan. Ini kerana Majlis Perasmian Penutup International Conference On Contemporary Education In The Islamic World (ICCEIW) disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bertempat di Grand Darul Makmur Hotel. Oleh itu, semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dijemput menghadiri majlis tersebut pada jam 10.30 pagi dan berpakaian *lounge suit* bersongkok.

Seterusnya dimaklumkan, pada hari yang sama, acara Sukan Mesra ADUN iaitu sukan boling akan diadakan bertempat di PlayGround 6, Semambu pada jam 3.00 petang. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan isteri yang menyertai sukan tersebut dijemput hadir.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Menurut Perkara 29 Bab IV Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja.

Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat untuk bersemayam di Dewan ini. Dengan ini saya menempohkan Dewan ini sebentar.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan kepada Paduka Tuanku untuk meneruskan aturan mesyuarat.

Perkara ketiga: Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

Bismillahirrahmannirahim. Alhamdulillah [Bacaan ayat dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Paduka anakanda Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Amat Mulia Kerabat-kerabat Bergelar, Yang di-Pertua Dewan Negeri dan semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang yang Beta hormati sekalian.

Segala pujian ke hadrat Allah SWT, Tuhan yang memelihara dan mentadbir semesta alam. Beta merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, rahmat dan inayah-Nya dapat Beta berkesempatan melafazkan Titah Diraja bersempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Kali Ke-15 pada pagi yang penuh bermakna ini.

Tahun 2024 merupakan tahun yang penuh bermakna dengan keberangkatan balik Beta ke negeri Pahang Darul Makmur yang Beta amat cintai dan kasihi. Oleh itu, Beta berharap Ahli-ahli Dewan dapat menjalankan tanggungjawab dan memberikan komitmen serta mengambil bahagian dalam perbahasan dengan memberikan pandangan yang boleh meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri Beta.

Beta juga menyeru agar Ahli-ahli Dewan berbahaslah secara rasional dan berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan.

Beta juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri atas kecekapan dalam persediaan pengendalian Persidangan Dewan Negeri Pahang pada kali ini.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan semua Ahli-ahli Dewan Negeri,

Prestasi hasil negeri. Pertamanya, Beta mengucapkan tahniah kepada pentadbiran kerajaan Beta serta orang tua Beta, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail atas kejayaan meningkatkan prestasi kutipan hasil melebihi RM1 bilion untuk dua tahun berturut-turut.

Beta telah dimaklumkan pada tahun 2023, kerajaan Beta telah berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM1.306 bilion melalui pelbagai sumber hasil negeri dengan sumbangan terbesar adalah kutipan hasil tanah yang keseluruhannya berjumlah RM740.35 juta.

Malah, kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 1.42% lebih tinggi berbanding dengan prestasi jumlah kutipan hasil pada tahun 2022 iaitu RM1.28 bilion.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Beta telah menetapkan sasaran kutipan hasil secara keseluruhan sebanyak RM1.137 bilion. Sehingga 30 April 2024, kerajaan Beta telah berjaya mengutip hasil secara keseluruhan sebanyak RM298.108 juta iaitu 26.2% daripada sasaran yang ditetapkan dan Beta percaya jumlah ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Dalam pada itu, pencapaian pentadbiran kerajaan Beta turut diperkukuh apabila sebanyak 70% hutang kerajaan Beta iaitu daripada RM3.31 bilion kepada RM993.62 juta telah berjaya dikurangkan dalam tempoh lima tahun. Maka dalam hal ini, Beta mahu kerajaan Beta terus komited dalam meningkatkan usaha untuk mengurangkan lagi jumlah hutang tersebut. Tahniah dan syabas Beta ucapkan.

Beta berharap kerajaan Beta memperkukuhkan lagi iltizam untuk melipat ganda produktiviti dan daya saing bagi memastikan prestasi kutipan... hasil tahun 2024 bukan sahaja dapat dikekalkan malah dipertingkatkan lagi sebagaimana yang telah disasarkan.

Dalam hal ini, Beta percaya pentadbiran kerajaan Beta amat menitikberatkan perihal tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan integriti setiap anggota pentadbiran kerajaan Beta untuk merealisasikan harapan negeri Beta sebagai sebuah negeri beretika dan berintegriti tinggi.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan semua Ahli-ahli Dewan Negeri,

Ketirisan hasil negeri. Beta berbangga dengan usaha kerajaan Beta yang memandang serius dalam mengatasi ketirisan hasil negeri yang berpunca daripada kegiatan kecurian hasil bumi dan pencerobohan tanah kerajaan.

Beta dimaklumkan pada tahun 2023 sebanyak RM2.7 juta kompaun dan denda berjaya dikutip berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM1.5 juta. Malah, masih terdapat 15 kes telah dibawa ke... ke muka pengadilan.

Malah Beta dimaklumkan pentadbiran kerajaan Beta pada hari ini tidak lagi mengenakan kompaun terhadap aktiviti pencerobohan tanah kerajaan, sebaliknya mengheret mereka yang didapati melakukan aktiviti tersebut terus ke mahkamah. Syabas dan tahniah di atas tindakan yang tegas ini.

Beta mengambil maklum keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan berkenaan permohonan semakan kehakiman bagi notis pengosongan tanah oleh pekebun durian Musang King di Raub pada 24 April 2024 yang lalu dan Beta berharap agar semua pihak menghormati keputusan mahkamah tersebut.

Beta berharap Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang tidak gusar dan takut, dan akan terus proaktif memperkasakan tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti

aktiviti rondaan, pencegahan, siasatan dan pengumpulan-pengumpulan maklumat berkenaan pencerobohan tanah kerajaan.

Prestasi ekonomi dan pembangunan negeri. Suka Beta nyatakan di sini berhubung prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu sejumlah RM2.61 bilion telah dibelanjakan bagi melaksanakan 548 projek di negeri Pahang Darul Makmur iaitu 99.11% daripada peruntukan tahun 2023 yang telah diperuntukkan.

Prestasi ini Beta lihat memberangsangkan berbanding prestasi nasional tahun 2023 iaitu sebanyak 98.80%. Di samping itu, kerajaan Beta turut memperuntukkan sejumlah RM303.272 juta bagi melaksanakan 211 projek pembangunan negeri dan pembekalan air pada tahun 2023.

Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2024 yang bertemakan 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' telah memperuntukkan sejumlah RM1.125 bilion bagi tujuan peruntukan perbelanjaan mengurus iaitu peningkatan RM54 juta atau 5.5% berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM1.071 bilion.

Manakala, bagi peruntukan perbelanjaan pembangunan dan bekalan air pula, sejumlah RM301.29 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2024 bagi melaksanakan 249 projek-projek infrastruktur serta projek-projek bekalan air di seluruh negeri Pahang, dengan objektif meningkatkan lagi kemudahan asas, keselesaan dan taraf hidup rakyat.

Beta berharap pelaksanaan projek- projek yang telah diluluskan di negeri Beta akan berjalan dengan lancar dan apabila siap kelak ia akan memberi manfaat kepada rakyat Beta jua.

Berkaitan alam sekitar, di kesempatan ini Beta mengucapkan tahniah kepada kerajaan Beta kerana berjaya mengangkat daerah Lipis sebagai Geopark Kebangsaan yang berkuatkuasa pada 9 November 2023 dan dimasyhurkan sebagai Lipis Geopark pada 18 Januari 2024 yang lalu.

Beta berharap menerusi pengiktirafan Lipis Geopark ini, kerajaan Beta dapat merancang untuk membentuk strategi baharu pelancongan negeri dan membina persepsi awam mengenai keunikan dan keprihatinan untuk menjaga warisan berharga yang ada di negeri ini.

Pertanian dan keterjaminan makanan. Sejajar dengan Revolusi Pertanian 4.0, sektor pertanian di negeri ini perlu diperhebatkan lagi pada tahun 2024 dengan memfokuskan kepada pembangunan pertanian berteknologi tinggi bagi pengeluaran bahan makanan yang berkualiti, mencukupi dan selamat dimakan.

Bagi menjayakan hasrat murni ini, Beta amat menggalakkan lebih ramai golongan muda ataupun *agropreneur* muda untuk melibatkan diri dan menceburi bidang pertanian. Sehubungan dengan itu, dalam semua perancangan dan pelaksanaan program pertanian, golongan muda sudah pastinya akan dilibatkan dengan lebih aktif bagi mencapai Revolusi Pertanian 4.0.

Pendidikan dan pembangunan modal insan. Bagi sektor pendidikan, kerajaan Beta menerusi Yayasan Pahang komited dalam membantu anak-anak Pahang dengan pemberian biasiswa sekolah untuk pelajar sekolah rendah dan menengah sejak 1983 sehingga 2023 melibatkan peruntukan sejumlah RM488 juta yang telah dimanfaatkan

oleh 385,000 penerima. Pada tahun 2023 sahaja, Yayasan Pahang telah memberi biasiswa kepada 51,000 penerima dengan kos berjumlah RM31.6 juta.

Selain itu, Beta turut berbangga dengan usaha mewujudkan program-program tahfiz di negeri ini bagi melahirkan modal insan cemerlang, baik dari aspek akademik dan juga kerohanian menerusi pendidikan agama bermula dari awal persekolahan sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi.

Beta dimaklumkan antara program tahfiz yang ada di negeri Beta ialah Tadika Tahfiz Negeri Pahang, Sekolah Rendah Tahfiz Negeri Pahang, Maahad Tahfiz… Maahad Tahfiz Negeri Pahang, Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang serta Program Tahfiz Mahir.

Dalam pada itu, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) pula akan terus mempergiatkan usaha dalam memperkasakan pendidikan dan pembangunan modal insan. Malah, UniPSAS telah dianugerahkan sebagai universiti berdaya saing dalam penarafan setara 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Ini membuktikan kerajaan Beta telah berjaya meletakkan UniPSAS setaraf dengan universiti awam yang lain serta tersenarai dalam 90 universiti terbaik di Malaysia, alhamdulillah.

Dakwah islamiah. Beta berharap, kerajaan Beta sentiasa menerapkan konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran yang merupakan asas kepada ajaran Islam untuk menjadikan negeri Pahang terus makmur dan sejahtera. Oleh itu, Beta menyeru agar lebih banyak program-program kesedaran dan aktiviti dakwah diadakan.

Selari dengan perkembangan teknologi masa kini, kaedah penyebaran dakwah juga haruslah berubah seiring dengan perkembangan teknologi dengan melaksanakan pelbagai inovasi dan perubahan, mencari kaedah-kaedah baru tanpa meninggalkan asas-asas yang telah diajarkan oleh agama Islam itu sendiri.

Selain itu, Beta berharap Jabatan Agama Islam Pahang mengambil inisiatif dengan memperluaskan metodologi dakwah bil hal melalui pelaksanaan program-program di semua peringkat sama ada di kawasan bandar, kawasan pedalaman mahupun di kawasan penempatan kampung Orang Asli.

Dalam pada itu, Beta juga turut berbangga dengan usaha kerajaan Beta menyalurkan sumbangan berupa wang tunai berjumlah RM750.00 serta Pek Makanan Juadah Makmur *ready to eat* kepada setiap jemaah haji negeri ini yang akan menunaikan Rukun Islam kelima pada tahun ini menerusi Program Barakah Haji Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Beta berharap usaha murni ini er… seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun seterusnya bagi meraikan, memuliakan jemaah haji negeri ini yang akan berangkat ke Tanah Suci.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan semua Ahli-ahli Dewan Negeri.

Peningkatan pelaburan asing pemangkin ekonomi negeri. Peranan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik (DDI) adalah antara pemangkin utama ekonomi negeri Pahang. Beta amat berbangga dengan pencapaian kerajaan Beta sepanjang 2023 di mana negeri ini menerima banyak cadangan pelaburan dari dan er… dari dalam dan luar negara meliputi negara China, Singapura, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Australia, New Zealand dan lain-lain lagi.

Sehingga Disember 2023, kerajaan Beta telah berjaya memuktamadkan beberapa pelaburan komited dengan nilai pelaburan sebanyak RM11.66 bilion yang merupakan 70.9% daripada nilai keseluruhan pelaburan komited iaitu sebanyak RM16.44 bilion yang telah berjaya dibawa masuk oleh kerajaan Beta. Sehubungan dengan itu, Beta berharap agar cadangan-cadangan ini dapat dipertimbangkan dan dimuktamadkan sebaiknya bagi menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial negeri Pahang.

Bagi meningkatkan usaha membawa pelaburan masuk ke Pahang, Beta menitahkan supaya segala karenah birokrasi yang menyebabkan kelewatan di dalam proses permohonan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan tidak akan berlaku, tidak harus berlaku.

Dengan cara ini ianya bukan sahaja menjadikan negeri Beta sebagai negeri mesra pelabur *ease of doing businesss,* malah mampu mempertingkatkan tahap kompetensi dan kecekapan semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat.

Bantuan Kerajaan Negeri. Beta cukup berbangga dengan usaha kerajaan Beta dalam memastikan kebajikan rakyat Beta tidak pernah dilupakan. Seperti mana tahun sebelumnya, Bantuan Prihatin Pahang (BPP) diteruskan dengan 20 jenis bantuan melibatkan peruntukan sebanyak RM38.08 juta.

Beta percaya berdasarkan prestasi cemerlang yang dicapai, kerajaan Beta berupaya untuk meneruskan lagi program-program bantuan seperti ini bagi memastikan lebih ramai lagi rakyat Beta yang dihimpit kemiskinan terus mendapat perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, Beta amat gembira dengan pelaksanaan Program Rumah Rakyat Pahang (RRP) sejak tahun 2020 sehingga ke hari ini yang diberikan secara percuma kepada rakyat Beta yang dikategorikan sebagai miskin atau miskin tegar yang tidak memiliki rumah atau rumah yang didiami terlalu uzur untuk dibaiki. Rumah tersebut dibina dengan kos RM75,000.00 seunit dan ditanggung sepenuhnya… sepenuhnya oleh kerajaan Beta.

Saya ingat Parlimen sahaja panjang, Negeri pun panjang juga ucapan. Beta turut dimaklumkan kerajaan Beta turut menyediakan 120 unit Rumah Rakyat Pahang secara percuma kepada penduduk Orang Asli yang menelan belanja sebanyak RM9 juta.

Bukan itu sahaja, kerajaan Beta juga turut menyalurkan RM2,000.00 kepada setiap penerima Rumah Rakyat Pahang untuk pembelian peralatan isi rumah yang asas dengan jumlah peruntukan keseluruhan berjumlah RM940,000.00.

Selain itu, sebagai keprihatinan terhadap rakyat Beta yang dikasihi, sebanyak 274 Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA) akan diteruskan pada tahun ini melibatkan peruntukan sebanyak RM25.03 juta. [Ahli Dewan menepuk meja] Projek Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA) turut memberi fokus kepada pemilikan rumah untuk golongan B40 di negeri Pahang.

Pengurangan kemiskinan tegar. Di kesempatan ini Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada kerajaan Beta kerana telah berjaya mengurangkan jumlah kemiskinan tegar pada tahun 2023. Itu daripada 4,968 orang pada bulan Januari kepada 1,946 orang pada bulan Disember, dengan pengurangan sebanyak 60.08 %.

Kejayaan pengurangan ini adalah hasil daripada usaha kerajaan Beta dalam memberi pelbagai bentuk bantuan sumbangan dan inisiatif secara berterusan serta projek-projek pembangunan yang secara langsung membuka peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi rakyat Beta.

Oleh itu, Beta mahu program dan inisiatif harus diteruskan serta dirancang dengan sebaik-baiknya bagi meningkatkan kualiti hidup golongan yang memerlukan dan tiada kelompok masyarakat yang terpinggir dari arus pemodenan dan pembangunan di negeri Beta.

Pada pagi yang berbahagia ini, Beta terlebih dulu ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada paduka anakanda saya. Yang Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang mana telah memegang tanggungjawab dan tugas, sebagai Pemangku Raja selama lima tahun sewaktu saya menjadi Yang Dipertuan Agong dan saya baru nak suruh minta bagi tepukan sikit kepada anak muda ini. Dan ucapan terima kasih juga kepada semua khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Semua setiausaha kerajaan, Ahli-ahli Mesyuarat dan Ahli-ahli Dewan Undangan yang mana telah memberi segala dorongan sokongan tunjuk ajar dalam sepanjang tugasan Yang Teramat Mulia sebagai Pemangku Raja Pahang. Mudah-mudahan anakanda saya akan dapat mempelajari selok-belok tentang urusan tadbir urus sebuah negeri seperti negeri Pahang. Dan mudah mudahan juga kita berdoa supaya dia cepat kahwin. Amin Amin

Pada pagi yang bahagia ini, Beta mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-Ahli Berhormat atas usaha berterusan dalam memakmurkan negeri Beta.

Beta menyeru menasihat semua Ahli Dewan agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, insya-Allah.

Beta juga melafazkan ucapan terima kasih kepada orang tua Beta. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Ahli ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, ahli ahli Dewan Negeri, ketua-ketua jabatan dan semua kakitangan awam yang terlibat dalam urusan mentadbir kerajaan Beta untuk faedah rakyat Beta keseluruhan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan membalas jasa dan budi yang ditaburkan dengan ganjaran pahala dan kebaikan, insya-Allah.

Akhir titah, Beta sentiasa berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi petunjuk taufik dan hidayah dalam apa jua yang kita lakukan untuk negeri Pahang Darul Makmur yang tercinta.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, Beta merasmikan pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15. Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang mohon membaca doa.

MUFTI NEGERI PAHANG

(Bacaan dalam Bahasa Arab). Maha Suci Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya dan segala pujian adalah kepujiannya. Dan Dialah Tuhan Yang Maha Berkuasa ke atas sesuatu. Sesungguhnya kami memohon limpah rahmat-Mu dengan mengurniakan keberkatan ke atas Istiadat Pembukaan Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 disempurnakan pada hari yang penuh kemuliaan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah.

Allahumma Ya Allah Ya Allah, kurniakanlah perbincangan Ahli Dewan yang mulia ini. Perbincangan yang bernas dan tuntas dan berjaya memberi manfaat kepada negeri Pahang Darul Makmur yang kita sayangi. Semoga segala usaha kita semua memartabat syiar agamamu dan memacu kesejahteraan negeri Pahang Darul Makmur dapat dipermudahkan serta mendapat taufik keredhaan-Mu

Ya Allah Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim. Kami bermohon barang dipelihara dan diredhai olehmu berkatilah hari-hari pemerintahan sultan yang kami kasihi. Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah. Selaku Sultan dan Raja Pemerintah bagi negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya. Kurniakanlah kepada baginda, taufik hidayah, riayah dan inayah sentiasa dalam rahmat, perlindungan dan pemeliharaanMu. Selamat sejahtera sihat walafiat yang baik yang berpanjangan. Di lanjutkan usia sentiasa dilindungi Yang Maha Esa. Berkat doa sekalian makhluk di bumi serta kekal karar memerintah dan bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Demikian juga kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah. Yang Amat Mulia Paduka Paduka Anakanda Putera puteri cucunda dan kerabat, para pemimpin alim ulamak, muslimin, muslimat serta rakyat jelata. Sentiasa berada dalam keselamatan dan kesejahteraan serta mendapat keredaan dan keampunan dariMu Ya Allah. (Bacaan dalam Bahasa Arab)

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan sempurnanya Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempoh Mesyuarat Dewan ini pada hari Rabu, 8 Mei 2024 bersamaan 29 Syawal 1445 Hijrah mulai jam 9.30 pagi, terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang berangkat meninggalkan majlis.

(Persidangan ditempohkan pada jam 10.35 pagi)

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEDUA
08 MEI 2024
(RABU)

KANDUNGAN

HARI KE-2: 08 MEI 2024 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	38
5	PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PAGI	39
6	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PETANG	62

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 08 Mei 2024 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Kanan
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang**	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**

Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama	:	Rabu, 08 Mei 2024 bersamaan 29 Syawal 1445 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara pertama: Bacaan doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Marilah kita sama-sama mulakan mesyuarat kita dengan membaca Ummul kitab Al-Fatihah. (Ayat al-Quran). Bismilahirrahmanirahhim (Ayat al-Quran). Segala puji bagi Allah dibuka mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah yang maha pemurah, yang maha mengasihani. KepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkatMu ke atas, kami berhimpun dipohon dianugerahkan TaufiqMu dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduk sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, selamat pagi, *good morning,* salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini. Di kesempatan ini, marilah kita sama-sama merakamkan rasa menjunjung kasih kita atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan perasmian Istiadat Pembukaan Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada Isnin, 6 Mei 2024 dan seterusnya menyempurnakan Titah Diraja.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sejak berakhirnya mesyuarat penggal lalu, banyak peristiwa berlaku di dalam negeri dan negara sehinggakan kita dapat kembali bersama-sama pada hari ini. Tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya lihat pada hari ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersemangat masuk dalam Dewan Yang Mulia ini di mana ia memberikan petanda bahawa semuanya sudah bersedia untuk bersidang pada mesyuarat kali ini. Apatah lagi semalam saya tempohkan mesyuarat. Maknanya ada cuti lepas perasmian, dia ada cuti sehari, dia ada tempoh sehari.

Maknanya dilihat semuanya ceria-ceria belaka. Walau bagaimanapun, persidangan kita yang terakhir yang kita… diadakan di akhir Syawal yang menandakan musim haji telah tiba, ya. Kita bersidang di akhir Syawal ini yang menandakan musim haji telah tiba. Sebab itu ada beberapa rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat hadir kerana telah berlepas ke Tanah Suci bagi menunggu hari wukuf untuk melaksanakan ibadah haji. Saya difahamkan ada juga yang akan pergi selepas ini.

Kita mengucapkan selamat menunaikan fardu haji. Kalau diizinkan Allah Ta'ala, boleh berjumpa dengan Speaker Dewan Negeri di sana, insya-Allah. Speaker pun insya-Allah kalau dapat visa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya akan pergi juga, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sidang dewan pada hari ini juga merupakan satu petanda perjalanan sistem demokrasi berparlimen di negara kita, dipraktikkan dengan bebas mengikut lunas Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri yang telah diamalkan sejak merdeka lagi.

Umum mengetahui corak pemerintahan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Di negeri… di peringkat negeri Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang merupakan Ketua Negeri dan Dewan Negeri merupakan institusi perundangan dan badan legislatif yang tertinggi di peringkat negeri yang menggubal undang-undang.

Selain daripada badan *legislative,* pentadbiran negara adalah menerusi badan eksekutif dan badan kehakiman yang menjadikan pentadbiran negara saling melengkapi peranan dan kuasa di antara ketiga-tiga badan tersebut eksekutif legislatif dan juga *judiciary* ataupun kehakiman tidak melangkaui di antara satu sama lain. Menerusi doktrin atau konsep perasingan kuasa ini adalah prinsip penting di dalam sistem demokrasi. Objektif pengasingan kuasa adalah untuk menjaga kebebasan individu kerana penumpuan kuasa boleh menjadi ancaman kepada kebebasan individu.

Namun ini bukan bertujuan utama untuk… bukan tujuan utama pengasingan kuasa. Tujuan utama pengasingan kuasa adalah untuk memastikan pentadbiran berjalan dengan lancar dan berkesan. Oleh itu, istiadat pembukaan Dewan Negeri pada hari Isnin yang lalu merupakan detik saksi perjalanan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan secara konsisten, adil, telus di negara kita.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengekalkan prestasi pendapatan negeri sebanyak melebihi RM1 bilion bagi tempoh dua tahun berturut-turut.

Dengan jumlah pelaburan dari luar negara ataupun FDI, *Foreign Direct Investment* serta pelaburan dari dalam negara iaitu DDI ataupun *Domestic Direct Investment* yang melebihi daripada… melebihi daripada RM16 bilion. Ianya sekali gus meletakkan Pahang setanding dengan negeri-negeri maju yang lain di semenanjung seperti Pulau Pinang, Selangor dan juga Johor.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua terutama sekali Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat rakan-rakan EXCO, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua pegawai-pegawai kerajaan serta agensi negeri dan Persekutuan di atas usaha dan komitmen yang diberikan bagi mencapai pendapatan tersebut. Dengan prestasi pendapatan negeri yang berjaya dicapai ini, pelbagai golongan memerlukan di negeri ini terus diberikan sumbangan daripada Kerajaan Negeri tanpa ada sebarang diskriminasi mahupun pilih kasih.

Bantuan-bantuan ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang sentiasa mengambil berat terhadap keperluan rakyat termasuklah bantuan pendidikan, bantuan perubatan, bantuan kepada bakal-bakal haji, tidak termasuk Speaker dan sebagainya lagi. Boleh masuk Speaker tak? Takde ya?

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO Kerajaan Negeri dan semua pihak yang secara langsung telah terlibat ataupun secara tidak langsung.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Rakyat perlu juga bersedia dengan sebarang kemungkinan mendepani tahun 2024, terutamanya isu ekonomi global yang berpunca dengan… daripada peperangan dan ketidaktentuan cuaca. Peperangan yang berterusan dan fenomena El Nino berpotensi untuk mempengaruhi kenaikan harga barangan khususnya bekalan makanan.

Negara perlu berhati-hati dengan fenomena El Nino yang berkemungkinan menyebabkan negara mengalami kemarau, jerebu dan gelombang haba yang bakal menyebabkan sebahagian daripada tempat mengalami cuaca panas luar… yang begitu luar biasa. Kesan fonemena ini cukup dirasai ketika ini apabila kita dapat melihat sungai kering seperti padang pasir, berlaku kematian akibat strok haba dan berlakunya penggunaan elektrik yang lebih tinggi sekali gus meningkatkan kos bil elektrik.

Saya… Malaysia dijangka terus berdepan dengan cuaca panas hingga Julai ini susulan peralihan Monsun Timur Laut dan fenomena El Nino yang melanda dunia ketika ini. Negeri-negeri yang kini dilanda cuaca panas antara 37 hingga 40 *degree celsius* bagi tempoh tiga bulan ini ialah Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak, Perlis dan juga Kedah.

Diharap perancangan rapi dapat dilakukan oleh kerajaan bagi berdepan dengan fenomena ini. Orang ramai khususnya rakyat negeri Pahang juga dinasihat mengikuti saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan terutamanya membabitkan aktiviti di luar rumah yang terdedah dengan panas. Saya juga difahamkan ada juga

rakan-rakan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak berapa sihat. Jadi kalau tak berapa sihat, tak dapat hadir maklumkan kepada kita supaya kita senang cari di mana mereka kalau tidak ada di dalam dewan ini.

Konflik Israel-Palestin yang sudah berlarutan sejak tujuh dekad lalu bukan sahaja menyaksikan dunia semakin runsing tentang kesudahan kepada konflik yang berlarutan ini. Konflik berpanjangan ini telah mencetuskan krisis kemanusiaan yang dahsyat dan terkini lebih 30,000 terbunuh di Gaza serta turut memusnahkan sebahagian besar daripada wilayah di Palestin. Konflik ini perlu segera dihentikan untuk menamatkan kesengsaraan rakyat Palestin dan mengelakkan lebih banyak jiwa terkorban. Pengajaran utama kepada pencerobohan di bumi Palestin ini adalah betapa perlunya rakyat pelbagai kaum di negara ini bersatu-padu, bermuafakat dan saling membantu kerana perpaduan adalah teras yang akan membawa kepada kekuatan, kemajuan, keberkatan kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Yang penting, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat pulang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 yang juga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, Raja... Sultan yang amat kita cintai dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj ke negeri Pahang yang tercinta ini.

Selama 5 tahun memerintah Malaysia bermula 31 Januari 2019 hingga 30 Januari 2024, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang mencipta sejarah apabila menjadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang rata-rata sangat disayangi oleh rakyat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 telah meletakkan tanda aras yang tinggi di dalam pemerintahan apabila baginda dihormati oleh rakyat, disayangi oleh rakyat dan memainkan peranan yang penting dalam membawa Malaysia ke arena politik err… ke arena antarabangsa dan berjaya menyelesaikan konflik politik di Malaysia.

Era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan Pahang selama lima tahun menyaksikan episod penuh warna-warni apabila berlaku pelbagai peristiwa termasuklah penularan COVID-19 dan kemelut politik negara. Walaupun diuji dengan pelbagai cabaran, namun baginda kekal cekal, tenang menghadapinya dan menyelesaikan permasalahan yang timbul dengan bijaksana, bak menarik rambut di dalam tepung. Menjunjung kasih Tuanku. Daulat Tuanku!

Pada Istiadat Pembukaan Penggal Ke-3 Dewan Negeri ke-15 pada hari Isnin yang lalu merupakan detik yang cukup bermakna apabila ianya buat julung-julung kalinya disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku sebagai Sultan Pahang. Sebelum ini, setelah dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku telah dipilih dan ditabal sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Kita semua sama-sama berharap agar istiadat pembukaan Dewan Negeri yang akan datang ini insya-Allah dapat diadakan di Dewan Negeri kita yang baru iaitu di Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) iaitu di KotaSAS. Semalam pun Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku pun telah *bye bye* ya bangunan lama *so* dia nak pergi ke bangunan baru, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya ingin maklumkan juga bahawa err... selepas ini insya-Allah ya err... kita memulakan iaitu kita menjemput Ahli Yang Berhormat untuk kita memulakan persoalan ya apa ni jawapan lisan pada hari ini. Baiklah, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Inderapura untuk mengemukakan pertanyaan pertama.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mengemukakan pertanyaan nombor 1.

> [Apakah kedudukan semasa kewangan PAIP dan sejauh manakah kemampuan kewangan PAIP dapat menampung keperluan pembangunan dan naik taraf bekalan air?]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera.

Yang Berhormat Speaker,

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Inderapura kerana telah bertanyakan soalan yang begitu penting yang mana mendapat perhatian netizen dan ini memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan apa yang telah dilaksanakan oleh PAIP dan juga Kerajaan Negeri. Kita semua tahu bahawa Kerajaan Negeri sedaya upaya dan sentiasa berhubung rapat untuk membantu dan memberi kerjasama yang sehabis baik kepada Pengurusan Air Pahang Berhad iaitu PAIP. Di dalam memastikan PAIP menjadi sebuah syarikat yang mempunyai tadbir urus yang baik dan mempunyai kewangan yang kukuh. Ini penting bagi kita memberikan perkhidmatan bekalan air yang baik kepada pengguna.

Untuk makluman ADUN daripada Inderapura dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2023, kedudukan kewangan PAIP telah menunjukkan satu peningkatan yang ketara. Buat pertama kali dalam sejarah pengkorporatan PAIP, PAIP telah berjaya mencatat keuntungan bersih bagi Tahun Kewangan Berakhir Disember 2023. Usaha ini bukan datang secara sekelip mata. Ia sudah pasti hasil saban tahun menerusi tadbir urus yang baik dan penambahbaikan berterusan dari semasa ke semasa. Peningkatan tahun ke tahun kedudukan kewangan daripada mencatatkan kerugian kasar iaitu daripada tahun 2012 hingga 2018, PAIP mengalami kerugian kasar. Selepas itu mendapat keuntungan kasar bermula pada tahun 2019 hingga 2022 dan akhirnya pada tahun lepas, PAIP telah mencatatkan keuntungan bersih. Syabas dan tahniah kepada PAIP. [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini adalah hakikat Yang Berhormat Speaker, yang tidak boleh dinafikan kerana ianya boleh diukur dengan angka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniah kita ucapkan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kepada PAIP. Dapat bonus ke?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dapat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Tahniah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan di sini bahawa keuntungan bukanlah fokus utama PAIP. Kedudukan aliran tunai yang lebih positif dan kukuh adalah lebih diutamakan bagi memastikan PAIP berdaya saing dalam menyediakan kerja-kerja perbelanjaan modal ataupun CAPEX. Kerja-kerja perbelanjaan modal inilah yang akan menjadi fokus utama dalam memastikan PAIP mampu memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengguna, insya-Allah. Dengan kedudukan yang kukuh ini, ianya dapat memberi keyakinan kepada Pengurusan Aset Air Pahang... minta maaf, kepada Pengurusan Aset Air Berhad ataupun PAAB untuk memberi peruntukan kewangan dalam usaha PAIP menggantikan paip-paip usang, menaik taraf loji dan tangki-tangki. Paip-paip ini untuk makluman Yang Berhormat Speaker, sebelum perang lagi kita gunakan paip AC. Selepas merdeka pun paip itu juga. Sekarang ini kita nak tukar kepada MS, *mild steel* yang boleh tahan dan analogi mengatakan paip AC ini asbestos ni kalau kita jentik pun dia boleh bocor. Itu menunjukkan betapa tidak kuatnya dia dan kerana terlampau lama. Bila *pressure* lebih sikit, bila tekanan... *pressure*... *pressure*... Yang di-Pertua...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya bila *pressure* lebih sikit, dia pecah, dah tutup pulak paip itu ya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Err... tutup pulak dan ini menjejaskan kepada pengguna. Kita dah dalam proses untuk menukar semua paip bentuk AC ini kepada MS, *mild steel*. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Speaker, proses ini memerlukan masa untuk melihat hasilnya secara keseluruhan. Sepertimana yang dimaklumkan, Kerajaan Negeri menerusi PAIP sedang giat melaksanakan projek Pembangunan Bekalan Air Negeri Pahang fasa pertama dan menerusi kedudukan kewangan yang kukuh ini, kita mampu melaksana projek-projek ini secara berperingkat. Peruntukan kewangan dalaman PAIP, pinjaman Persekutuan, pinjaman Pengurusan Aset Air Berhad dapat direalisasikan menerusi kedudukan kewangan yang kukuh.

Sehingga April 2024, sejumlah 217 projek berjumlah RM2.5 bilion yang diumumkan masih diberi fokus utama di samping projek-projek tambahan yang lain. Sebanyak 103 projek telah berjaya disiapkan membabitkan kos sebanyak RM121.2 juta. Kerajaan Negeri Pahang dan PAIP sehingga ini mempunyai 32 projek yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di mana Surat Setuju Terima telah diserahkan kepada kontraktor yang dilantik. Nilai keseluruhan bagi semua projek ini adalah RM461 juta.

Selain daripada itu, projek yang masih belum dilaksanakan adalah sedang giat di peringkat prapembinaan. Kerja-kerja ini termasuk kerja-kerja merancang, kerja-kerja juruperunding serta mendapatkan kelulusan pelbagai peringkat sama ada pengurusan perolehan atau kelulusan perancangan projek.

Sejumlah 82 projek sedang dalam peringkat prapembinaan yang membabitkan komitmen kewangan berjumlah RM1.91 bilion. Dan ini adalah sejajar komitmen Kerajaan Negeri sepertimana yang saya nyatakan sebelum ini bahawa hasrat Kerajaan Negeri merealisasikan pengurangan masalah bekalan air kepada 90% pada akhir tahun 2026. Justeru, marilah kita bersama berdoa agar segala perancangan berjalan lancar. Kerajaan Negeri dan PAIP akan terus berusaha memastikan mutu perkhidmatan bekalan air terus ditingkatkan dari masa ke semasa. Sebagai harapan untuk PAIP terus melaksanakan projek-projek pembangunan dan menambah baik keperluan operasi seterusnya disampaikan kepada pengguna. Kita semua hendaklah beri peluang, ruang dan masa kepada PAIP untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pahang ini. Dan kalau boleh Yang Berhormat Speaker kita bagi kreditlah kepada PAIP ini, kepada apa yang telah mereka buat. [Ahli Dewan menepuk meja]. Jangan asyik kondem je, kutuk je, kredit tiada langsung, daripada belah sini okeylah, daripada belah sana.

Jadi tak ada... tak ada... seolah-olah tidak nampak kebaikan langsung yang PAIP laksanakan walhal PAIP telah melaksanakan usaha yang begitu gigih. Malahan sampai pukul 12.00 malam, pukul 1.00 pagi, 2.00 pagi masih lagi berusaha supaya mana-mana paip yang pecah dapat dibaikikan dengan segera. Sepatutnya yang ni kita bagi kredit dan kita bagi satu tepukan kepada pengurusan PAIP, kepada staf dan kakitangannya. [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila, soalan tambahan.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato’ Sri, soalan tambahan. Tahniah, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas penjelasan kepada soalan yang saya bawa tadi. Ingin saya mengemukakan sedikit... satu persoalan tambahan. Bila kita nak buat pembangunan infrastruktur air ini, dia makan belanja yang besar. Setakat hari ini, alhamdulillah buat julung kali kita peroleh keuntungan. Apakah sumber-sumber lain untuk pembiayaan-pembiayaan dan apakah Kerajaan Persekutuan masih memberikan pinjaman ataupun dana untuk membiayai apa-apa juga pembangunan-pembangunan baru demi untuk melestarikan pembinaan pembangunan sumber air kita ini? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Inderapura. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa PAIP, Pengurusan Air Pahang Berhad merupakan sebuah syarikat swasta milik penuh Kerajaan Negeri dan telah melalui proses pengkorporatan sejak tahun 2012. Maknanya daripada JBA, dikorporat dulu dan barulah diswastakan. Oleh yang demikian, PAIP sepertimana operator-operator yang lain dan juga negeri lain tidak lagi menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia dan PAIP juga perlu mencari dana sendiri bagi menjalankan projek-projek bekalan air kecuali

mendapat sedikit bantuan geran melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Dalam perjanjian penstrukturan semula bekalan air di mana PAIP dikehendaki mencari dana sendiri. Satu-satunya pembiaya terbesar untuk PAIP di negeri kita adalah menerusi pinjaman oleh PAAB, Pengurusan Aset Air Berhad dan ianya perlu dibayar dalam tempoh-tempoh tertentu yang telah ditetapkan di dalam perjanjian. Oleh itu, amat penting bagi PAIP mendapatkan hasil yang optimum tanpa membebankan ataupun tidak membebankan secara serius kepada pengguna. Bagi memaksimakan had aliran tunai sepertimana yang saya katakan sebelum ini, untung rugi bukanlah keutamaan PAIP tapi dalam masa yang sama PAIP perlu juga mempunyai kedudukan kewangan.

Sebaliknya kedudukan kewangan yang kukuh dan aliran tunai yang baik adalah menjadi penanda aras utama bagi PAIP mengemukakan permohonan pinjaman kepada PAAB. PAAB akan melihat kedudukan kewangan PAIP kalau sekiranya kedudukan kewangan PAIP itu membolehkan mereka memberi pinjaman kepada PAIP, PAAB akan berikan pinjaman dan kita akan bayar sepertimana dalam perjanjian yang akan dipersetujui secara bersama. Oleh itu, kerja-kerja menaik taraf loji pertukaran paip-paip usang, penukaran pam atau pembinaan baru loji rawatan air, semuanya perlu dilakukan oleh PAIP melalui kerjasama pinjaman dengan PAAB.

Ataupun kita buat selain daripada pinjaman dengan PAAB, kita buat melalui dana dalaman. Keupayaan PAIP untuk mengutip hasil yang optimum setakat ini baik dan ini membolehkan PAIP berdaya saing dan memberi perkhidmatan kepada pengguna melalui pelaksanaan sepenuhnya perbelanjaan modal. Pelan Projek Pembangunan Bekalan Air Negeri Pahang fasa pertama telah pun kita laksanakan dan sehingga hari ini banyak kawasan-kawasan yang telah mendapat bekalan air yang baik walaupun masih terdapat lagi kawasan-kawasan yang perlu diberi perhatian oleh pihak PAIP. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila Wakil dari Luit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Speaker. Saya sikit je, saya nak tanyalah boleh tak kita muktamadkan sebenarnya bila tarikh noktahnya masalah air ini diselesaikan? Mungkin tahun bila ke? Bulan bila ke? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, dalam dunia ini nak noktahkan macam kemiskinanlah sebab dia *very subjective*. Air pun begitu juga. Kadang-kadang di musim perayaan, pengguna banyak, ramai...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tambahan balik kampung, ya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Orang balik kampung. Masa tulah ada masalah. Macam masjidlah. Ada orang jumpa saya nak mintak masjid baru. Masa hari raya hari tu lah sebab masjid penuh. Saya kata kalau hari Jumaat orang sembahyang masjid macam ini boleh kita buat masjid baru tapi masalahnya masa Raya Haji, Raya Puasa je jadi masalah air ini, Kerajaan Negeri dah bagi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bila sembahyang subuh satu saf sahaja. [Ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Di mana itu?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Di merata tempat. Mengikut tinjauan Speaker. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okey. Tahniah Speaker kerana rajin sembahyang subuh di banyak masjid.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Allah... Speaker ini kalau pergi masjid sembahyang subuh saja, lain tak.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri dah bagi komitmen di Dewan Yang Mulia ini, bahawasanya menjelang akhir tahun 2026, 90%. Sebab tu saya tak nyatakan 100%. *In this world* Yang Berhormat, dengan izin, *sometime we cannot get* 100%, kita boleh dapat majoriti pun, 3/4 ke, majoriti *simple* pun dah bagus dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya… kalau syarikat tu Yang Amat Berhormat, 51% dah *control* dah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha ya. Jadi untuk noktahkan bekalan air di negeri Pahang ni memang sesuatu yang boleh saya katakan agak sukarlah, tetapi kita akan bagi satu err... pencapaian yang terbaik untuk pengguna. Sebab itulah kita berusaha rapat, dulu PAIP Kerajaan Negeri kena pam duit tau, nak bayar gaji sebelum 2018, RM6 juta… RM7 juta setahun. Tapi sekarang dah mencatatkan keuntungan, itu adalah satu pencapaian yang harus kita bangga dan kita hadapkan sama bahawa bukan mudah… [Ahli Dewan menepuk meja]… bukan mudah untuk daripada rugi kepada keuntungan. Bukan mudah daripada RM600 juta… RM700 juta bertahun-tahun nak bayar gaji pun kadang-kadang tak boleh mendapat RM1 billion ringgit dan boleh berdikari dan buat bantuan seimbang. Saya harap ini rakan-rakan saya di sebelah sana kena hargai dan hayati bahawa ini bukan satu kerja yang mudah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil dari Cheka. Sebab dia bangun awal sikit.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak… Yang Berhormat Speaker saya tak habis lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh… tak habis lagi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tak duduk lagi. Boleh saya harap err…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh, saya ingat dah habis dah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya harap ADUN Cheka ada kesabaran sikit, walaupun saya tahu… [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

ADUN Cheka nak pergi ke KKB, kempen. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tahu, semalam pun mungkin lebih kurang dengan saya sampai rumah pukul 3.00 pagi, jadi tu yang... tak pe saya bagi laluan Yang Berhormat Speaker, sahabat saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Gentlemen Yang Amat Berhormat ini rupanya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Terima kasih Speaker. Kalau kita tengok laporan audit, *reserve* margin bagi Kuantan ini agak kritikal, negatif 2.6 peratus. Isunya ialah kerana permintaan yang agak tinggi daripada kawasan industri Gebeng. Saya tengok perancangan laporan audit dan laporan daripada status bekalan air di Pahang didapati PAIP ada perancangan yang agak teliti dan tahniahlah kepada PAIP kerana ada *planning* yang tersusun untuk mencapai *reserve margin* sekurang-kurangnya 7.6 peratus. Persoalan saya ialah berapa sebenar jumlah hutang yang melalui novasi dengan kad persekutuan yang PAIP buat pinjaman oleh PAAB, projek-projek di bawah PAAB? Yang keduanya ialah err... kalau kita tengok daripada geran… di geran… peruntukan geran kepada err... Projek NRW, pendekatan satu... pendekatan satu ialah geran. Saya ingin mendapat pengesahan berapakah jumlah geran yang diperolehi oleh PAIP daripada pendekatan 1, NRW Kebangsaan? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. NRW ni dia Yang Berhormat Speaker, kalau di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar dia berbeza dan kita pernah mencapai *non revenue water* ni, yang paling tinggi satu ketika dulu, di kawasan bandar Kuantan, Temerloh melebihi 50%, pada suatu ketika dulu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, err… NRW ni di mana air yang tirihlah, air yang tak sampai, ya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Air yang bocorlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha… air yang bocor.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Air yang tidak mengeluarkan err... yang tidak mendatangkan hasil.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab… sebab Wakil Cheka sekarang ni, pakai NRW dah… *standard* tinggi, cakap omputih dah. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pernah jadi Menteri, Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lupa.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi yang menariknya, NRW ni semakin berkurang. Untuk makluman daripada ADUN Cheka, mana kawasan di Temerloh dulu kalau 50%, Kuantan sekarang ni kalau tak silap saya dia bawah daripada 40 dan semakin hari semakin berkurang tapi untuk noktahkan tu sepertimana kata duit tu, kita agak-agak sukarlah untuk noktahkan. Tapi yang pentingnya dalam pekerjaan… permintaan kita adalah hari ini lebih baik daripada hari semalam. Begitu juga dengan NRW ni.

Berkenaan dengan jumlah hutang ni banyak. Antara yang kita novasikan kerana dulu kita ada RM3.3 bilion hutang Kerajaan Negeri termasuklah hutang bersabit dengan air ini dan alhamdulillah, takdir Allahnya bila saya diamanahkan untuk menjadi Menteri Besar apabila dalam satu mesyuarat Majlis Kewangan Negara, bila dibentang hutang Kerajaan Negeri Pahang itu, ditayangkan di layar, Pahang menduduki tempat pertama, hutang Kerajaan Negeri Pahang. Dan kita telah bermula daripada 2018, usaha-usaha untuk mengurangkan hutang ini dan sehingga sepertimana yang dititahkan oleh Tuanku tinggal RM953 juta. Dan saya sangat bersyukur kerana Allah

Taala memudahkan kerja saya. Bila Yang Berhormat jadi menteri ketika itu, usaha-usaha semua ni telah dibuat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan Ahli Parlimen Bera jadi Menteri Besar er... Perdana Menteri.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi bola tu dah dekat nak masuk gol, Yang Berhormat Speaker err... Yang Berhormat daripada Cheka terus membiarkan bola tu masuk gol, maknanya melupuskan hutang tersebut. [Ahli Dewan ketawa]. Ha… jadi terima kasih juga. Senang... senang kerja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jangan masuk gol sendiri.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang itu saya kena memberi penghargaan kerana memudahkan, sebab kita dah buat banyak kemudian tiba tiba ADUN Cheka jadi menteri ketika itu, Parlimen. Bola dah nak masuk gol, dibiarnya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kiranya itu sebenarnya Yang Amat Berhormat, tanggungjawab semua orang.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dato' PS 9 pula bagi sokongan, itulah lebih kurang cerita dia. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan kedua, ADUN Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan kedua. Terima kasih.

> [Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi prasarana dan ekosistem Kuala Lipis sebagai Hab Pendidikan seperti yang pernah dicadang pada tahun 2013?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada ADUN Cheka kerana membangkit soalan berkaitan dengan Hab Pendidikan yang telah dicadangkan di Kuala Lipis. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Dato' Sri Yang di-Pertua, antara hasrat yang dizahirkan oleh saf kepimpinan adalah untuk memperkasakan sistem pendidikan. Malahan banyak cadangan telah dikemukakan untuk menjadikan kawasan masing-masing mahupun daerah sebagai hab… pusat pendidikan yang cemerlang dan tidak kecuali daerah Lipis.

Dan dalam usaha untuk mewujudkan hab pendidikan yang baik ini, kita kena mengadakan satu ekosistem dan juga prasarana yang sesuai dan baik dan dalam konteks seumpama ini dalam daerah Lipis, saya nak maklumkan bahawasanya terdapat sekolah-sekolah yang mana di antara yang penting di sini ialah sekolah itu sendiri. Kita ada Sekolah Menengah Kebangsaan. Ada 10 buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Sekolah Kebangsaan ada 43. Sekolah Rendah Kebangsaan 43. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ada 6, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ada 4. Satu sekolah asrama penuh iaitu MRSM Tun Ghazali Shafie. Kita juga ada sekolah agama. Sekolah Agama Rakyat Tanjong Besar-1, Sekolah Menengah Agama Padang Tengku di bawah Pengurusan JAIP, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Kerambitlah di kawasan ADUN Cheka dan kita juga ada (SEMEKAR) Sekolah Menengah Agama Kuala Lipis di bawah Kementerian Pendidikan.

Kita juga ada Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah. Kemudian kita juga ada Kolej Komuniti Lipis dan alhamdulillah sebuah kolej komuniti yang baharu iaitu Kolej Komuniti Jelai. Insya-Allah akan dibina oleh pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan Tinggi ini telah pun diputuskan oleh kerajaan dan kita juga ada atas usaha daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita akan mewujudkan Akademi Mineral Malaysia Pahang yang akan beroperasi di Lipis iaitu di kawasan Centre Point asalnya sedang di*renovate* dan insya-Allah dijangkakan akhir tahun ini akan bermulanya pengajian di Akademi Mineral Malaysia Pahang. Manakala mana yang kita sedia maklum Kerajaan Negeri Pahang di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang sentiasa bergerak seiring dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam turut memperkasa prasarana juga ekosistem pendidikan di seluruh Malaysia dan di Lipis.

Antara usaha untuk mengangkat dan memperkasakan makna pendidikan MADANI iaitu ada akses pendidikan saksama maka sebuah sekolah model khas yang dinamakan sebagai Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) telah pun diwujudkan di Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Betau mulai pada 20 Mac tahun 2023. Ini sebenarnya hasil usaha daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri kerana sebelum ini, err… sebuah sekolah atau model sekolah khas dipanggil K9. K9 ini, sekolah untuk golongan masyarakat Orang Asli. Di antara teras err… pendidikan MADANI err… ialah untuk ada *accesibility* ataupun akses pendidikan saksama kepada semua pihak termasuk masyarakat Orang Asli.

Dan K9 ini adalah daripada darjah 1 hingga tingkatan 3. Namun setelah diteliti, Yang Amat Berhormat Dato' Sri err… melihat bahawasanya anak-anak Orang Asli yang err… bersekolah di sekolah-sekolah biasa ini tadi, dia ada masalah dari segi keciciran. Maknanya selalu tidak… ketidakhadiran ke sekolah itu tinggi.

Maka dicadangkan model yang akan memberi tumpuan kepada er… masyarakat Orang Asli sendiri. Dan ianya hanya err… bermula daripada darjah 1 hingga tingkatan 3. Dan daya usaha daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri err… yang memohon pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan, maka alhamdulillah pada tahun sudah, err… Sekolah K11 iaitu merangkumi darjah 1 hingga tingkatan 5, err… diwujudkan di Sekolah Menengah Kebangsaan RPS, Rancangan Penempatan Semula Betau ya, kawasan Orang Asli.

Dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri sendiri telah mengesyorkan supaya diwujudkan asrama, di sekolah ini. Ini adalah satu permintaan di tahap yang satu lagi supaya anak-anak masyarakat Orang Asli ini tadi dapat tinggal di asrama dan tidak berulang-alik seperti yang ada sekarang ini. Dan err… yang di Betau ini merupakan sekolah yang pertama di Malaysia, yang diwujudkan K11, ya.

Kemudian, kewujudan pelbagai peringkat persekolahan memberi suatu suasana baru yang diharap dapat membentuk sosial budaya yang lebih positif dan menarik. Bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini, bangunan-bangunan baharu yang merangkumi blok pentadbiran, Makmal Sains serta bengkel mata pelajaran telah siap digunakan… telah siap dibangun dan digunakan.

Dan err… mata pelajaran termasuk pemprosesan makanan sebagai mata pelajaran pilihan di tingkatan 4 dan 5 diharap dapat memberi tarikan kepada murid-murid untuk meneroka disiplin baharu atau disiplin ilmu dan kemahiran yang berbeza dengan gaya hidup setempat.

Dan insya-Allah, bagi sekolah di Lipis yang K11 ini, kohort pertama murid sekolah ini akan menduduki peperiksaan SPM, tahun ini, 2024 ya, *first batch,* dengan izin. Mulai sesi persekolahan 2024 ini juga, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Lipis telah diluluskan pengoperasian sebagai Kolej Tingkatan Enam yang pertama di daerah Lipis.

Semua aliran kemanusiaan bagi pendidikan tingkatan enam (prauniversiti) di sekolah-sekolah sekitar iaitu Sekolah Menengah Clifford dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanar telah dipusatkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Lipis bagi tujuan err… penjenamaan ekosistem pengajian agar para pelajar lebih bermotivasi dengan gaya hidup di pusat pengajian tinggi. Para-para guru yang mengajar di Kolej Tingkatan Enam juga berpeluang memantapkan budaya penyebaran ilmu secara lebih dinamik seperti sesi perkuliahan di pusat pengajian tinggi.

Penganjuran bengkel, seminar yang melibatkan Institusi Pembelajaran Tinggi Awam dan Swasta akan pasti melimpahkan kesan menyeluruh ke dalam masyarakat dengan secara sedar dengan perkembangan yang sebelum ini.

Bagi pendidikan rendah, kerajaan telah meluluskan perluasan pembinaan bangunan Prasekolah Integrasi di Sekolah Kebangsaan Penjom, Lipis, yang mengandungi satu bilik darjah serta kemudahan-kemudahan lain mengikut piawai melalui peruntukan pembangunan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12, *Rolling Plan* Ke-4 tahun 2024.

Dengan kewujudan bangunan ini, ekosistem pembelajaran bagi murid-murid keperluan khas, di kawasan Penjom khususnya dan daerah Lipis amnya dapat ditawarkan kepada anggota masyarakat. Ini merupakan satu-satunya prasekolah integrasi yang ada di daerah Lipis.

Selain daripada itu, pengoperasian Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lipis sejak Januari tahun 2017, telah semakin menjadi tumpuan kepada bukan sahaja penduduk daerah Lipis, malah sebilangan besar warga luar daripada negeri Pahang sendiri iaitu… atau luar daripada Lipis termasuk Kuantan dan daerah-daerah lain dan juga luar daripada Pahang, termasuk daripada Kuala Lumpur, Selangor dan sebagainya.

Dimensi pendidikan berteraskan aliran agama yang semakin menjadi pilihan menyemarakkan lagi perkembangan ilmu di daerah Lipis. Insya-Allah, pihak err… Pejabat Pendidikan Daerah Lipis juga sentiasa bersama-sama dengan perancangan pembangunan pejabat daerah dalam usaha meningkatkan prasarana dan ekosistem Kuala Lipis sebagai Hab Pendidikan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan tambahan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan saya ialah pertama sekali tahniah di atas apa perancangan yang telah pun dibuat untuk menjadikan Kuala Lipis sebagai Hab Pendidikan. Cuma soalan saya ialah permintaan kepada err… pelajar-pelajar untuk masuk sekolah agama ini sangat luar biasa dan kita Lipis hanya ada satu sekolah agama di bawah majlis iaitu Sekolah Agama Padang Tengku yang satu lagi ialah Sekolah Rakyat di Tanjung Besar dan Sekolah Bantuan Kerajaan.

Persoalan saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi sekolah agama di daerah Lipis khususnya di kawasan Benta yang agak strategik? Ini nak sokong YB, err… sebab Benta ini kawasan yang sangat strategik. Dia berada di tengah-tengah, dan dia akan dapat menampung permintaan, khusus daripada sekitar-sekitarnya, sebab Pahang ni luas. Lipis ini sangat luas untuk pergi ke Padang Tengku sahaja terlalu jauh, ya. Jadi oleh kerana itu, saya mencadangkan nak… err… soalan apakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan Sekolah Menengah Agama di bawah Majlis Agama Islam untuk menampung permintaan yang sangat tinggi di kalangan rakyat? Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Sebenarnya, memang… memang betul. Memang diakui bahawasanya kecenderungan, minat untuk anak-anak pelajar err… menyertai Sekolah Menengah Agama ini begitu ketara sekali. Malahan dalam konteks seumpama inilah kita lihat bagaimana perkembangan berlaku, misal contohnya, err… kita memperkasa sekolah-sekolah sedia ada. Sekolah Menengah Agama Relai ataupun di Kerambit ini adalah merupakan Sekolah Menengah Agama Rakyat.

Dan melalui kaedah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan iaitu mewujudkan model Sekolah Agama Bantuan Khas… Bantuan Kerajaan, *sorry*, (SABK) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Maka dipertingkatkan, bukan sahaja prasarana tetapi diberikan juga… ada sediakan juga tenaga-tenaga pengajar yang berkemahiran.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan… dan ikut skim kerajaanlah.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Mengikut skim kerajaan, dengan bantuan daripada Kerajaan Pusat. Alhamdulillah, Sekolah Menengah Agama Rakyat yang dulunya di Relai ini telah dinaik taraf sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Begitu juga dengan err… Sekolah Agama Rakyat Tanjung Besar ini, ya, Sekolah Menengah Agama Rakyat Tanjung Besar ini, memang dalam usaha untuk kita cadangkan dijadikan sebagai SABK. Dan ini, telah pun berurusan sekian lama, err… bukan sahaja di Benta, malahan di… di seluruh negeri Pahang.

Ada Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang kini sedang err… diproses untuk err… mengemukakan bukan sahaja… telah mengemukakan cadangan supaya dapat dinaikkan taraf sebagai SABK, dan insya-Allah makna pandangan daripada rakan saya daripada Cheka tadi. Sebenarnya kita telah ada perancangan ke arah itu.

Manakala di Lipis, ada Sekolah Menengah Agama (SEMEKAL) Kuala Lipis. Ini Sekolah Menengah Agama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan sejak ianya dibuka macam saya maklumkan tadi menjadi satu, err… ini apa nama…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tumpuan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pilihan… pilihan yang err… agak err… baik daripada bukan sahaja pelajar-pelajar di persekitaran, bukan sahaja pelajar-pelajar daripada negeri Pahang tetapi pelajar-pelajar daripada luar negeri Pahang, termasuk di Selangor, dari Kuala Lumpur dan sebagainya menghantar, dan sebenarnya, err… kalau dilihat dari segi data yang ada, err… ini, kapasiti yang ada di SMK Kuala Lipis ini masih boleh menampung pertambahan hingga 10 ke 20% lagi.

Jadi insya-Allah, maknanya buat masa ini, err… dilihat bahawasanya keperluan untuk membina Sekolah Menengah Agama yang baharu, err… tidak dilihat sebagai terlalu kritikal. Malahan Sekolah Menengah Agama Padang Tengku sendiri, melalui usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan negeri akan ditambah baik, akan diperkasakan, dan ditambah kemudahan-kemudahan dan insya-Allah perkara ini sedang dalam tindakan. Jadi, err… memang saya mengakui… pihak kerajaan mengakui bahwasanya kecenderungan untuk mengikuti sekolah aliran agama di negeri Pahang ini makin meningkat dan memang pihak kerajaan memberikan perhatian, insya-Allah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan ke-3, wakil daripada Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

> [Mohon kerajaan membaiki serta naik taraf jambatan gantung Kampung Dala penghubung antara kebun-kebun dan kawasan perkampungan di sekitaranya.]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang… Dato' Sri Speaker, saya dikemukakan oleh Lanchang mengenai tentang naik taraf jambatan di Kampung Dala. Pembangunan luar bandar ni memang salah-satu usaha gigih Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Desa dan Luar Bandar, Dato' Sri termasuklah err... kampung-kampung di mana jua dan di Kampung Dala ini. Jambatan ini memang rosak dan perlu kepada baik pulih. Sebenarnya Ketua Kampung dan Tok Penghulu, memang ada menyebut perkara ini kepada pihak kerajaan dan kerajaan pun dah kenal pasti melalui Pejabat Daerah err… untuk dibaik pulih, insya-Allah. Kosnya pun kita dah tahu, speknya pun kita dah tahu macam mana nak buat, cuma

kita tunggu peruntukan sebab di daerah Temerloh ni ada banyak jambatan rosak Dato' Sri. Kita dah… dah err... berusaha membaik pulih, contohnya di Mambang Berulang, di Seboi, di Kuala Krau.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kuala Kaung tu dapat jambatan baru.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, bahkan di Temerloh tu sendiri dapat jambatan baru, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniahlah kita ucapkan yang minta-minta dulu.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, daripada dua lorong sekarang ni kita nak jadikan empat lorong termasuklah Kampung Dala, tapi tidaklah empat lorong Dato' Sri, Kampung Dala ini. Kita naik taraf saja, insya-Allah.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih kepada pihak kerajaan. Err... soalan tambahan saya ialah err... pertamanya saya ucap terima kasih atas perhatian tersebut. Cuma err... biasanya jambatan gantung ni kita bermasalah apabila musim banjir. Adakah pihak kerajaan err... mengambil kira untuk naik taraf tersebut, membuat pengukuran daripada tahap banjir yang berlaku baru-baru inilah kerana setiap kali banjir, dia akan rosak apabila kayu-kayu ataupun balak yang sangkut pada jambatan tersebut? Jadi adakah termasuk dalam penambahbaikan dalam naik taraf tersebut? Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh rakan daripada Lanchang. Kita ni Dato' Sri Speaker, memanglah kalau boleh maknanya macam di mahligai di syurga, berjalan. Makna tidak ada masalah dan tak ada rintangan, tetapi demikianlah dijadikan oleh Allah SWT kepada kita manusia ni, ujian. Ada masa susah, ada masa senang, ada masa kemarau, ada masa banjir. Jadi benda itu kalau boleh kita atasi kita atasi, insya-Allah. Kita ada jentera kita, ada JKR, ada PLB. Mereka ini kita gerakkan supaya meneliti, boleh kita ada upaya kita atasi… kita atasi. Tetapi hukum Allah SWT tidak ada makhluk boleh atasi, Dato' Sri Speaker. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan ke-4, wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon kemukakan soalan nombor 4. Terima Kasih.

[DUN Tioman adalah sebuah DUN yang meliputi kawasan kepulauan dan kawasan pesisir pantai yang luas dan terdedah kepada ancaman bencana alam semasa musim Monsun Timur Laut seperti hakisan pantai teruk yang melibatkan Pantai Kuala Pontian, Pantai Mempisang, Pantai Kg. Jawa dan lain-lain. Sehubungan itu, apakah cadangan dan status justifikasi permohonan melibatkan kawasan hakisan pantai ini?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih daripada wakil Tioman. Yang pertamanya, untuk makluman sidang dewan, err... kejadian hakisan pantai ni memang kritikal berlaku di seluruh negara dan di kawasan kita negeri Pahang kawasan yang terlibat ialah yang melibatkan kawasan daerah Kuantan, Pekan dan juga Rompin. Dan jenis pantai kita di Pahang ni adalah yang tidak dilindungi oleh zon penampan seperti pokok bakau yang menyebabkan garisan pantai kita terdedah secara langsung… dengan secara langsung dengan faktor… faktor hakisan semula jadi seperti ombak, angin, arus dan pasang surut.

Dan apatah lagi dalam musim tengkujuh, pantai ini akan mengalami hakisan yang sangat ketara disebabkan ombak daripada Laut China Selatan dan kenaikan paras air serta tiupan angin kencang dari arah Timur… daerah Timur Laut dan hakisan pantai. Menurut *National Coastal Erotion Studies,* dengan izin Yang di-Pertua, *(NCES)* 2015 dan mendapati bahawa kawasan ini adalah mengalami kehakisan dengan kadar yang melebihi 4 meter setahun.

Jadi Kerajaan Negeri err... juga melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengemukakan permohonan-permohonan untuk mengatasi masalah hakisan pantai di beberapa tempat di kawasan Rompin dan antara kawasan-kawasan yang terlibat permohonan tersebut adalah Kampung Genting Tioman, Kampung Salam Tioman, Kampung Air Batang Tioman, Kampung Pantai Bernas, Pantai Pisang di Kampung Teluk Gading, Pantai Sungai Lumpur di Kampung Jawa, Pantai Kampung Seringkin dan juga di Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Kuala Pontian sebagaimana yang telah di… soalan yang telah ditimbulkan oleh wakil daripada Tioman. Dan JPS juga telah mengemukakan sekali lagi permohonan-permohonan tersebut dalam *Rolling Plan* Ke-5 (RP5), dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua RMK yang ke-12 nanti, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Memang Yang Berhormat, kita ni dipanggil *open sea*. Kita punya sebab Laut China Selatan ni… dia luas dia tak macam Selat Melaka, dia ada penampan jadi sebab tu lah bila angin Timur Laut tu bertiup memang hakisan pantai ini adalah satu masalah sebenarnya. Ada soalan tambahan? Sila.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Err... Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya kepada pihak kerajaan. Adakah pihak kerajaan akan melihat lebih mendalam perkara ini khususnya juga selain ucapan tahniah kepada pihak kerajaan kerana banyak tempat-tempat yang disebutkan tadi, ada yang sudah siap, ada yang dalam proses pembinaan. Tapi satu perkara juga saya nak sebut di sini iaitu di Pantai Kuala Rompin tu bakal diwujudkan, insya-Allah err… Caravan… Rompin Caravan Park. Jadi mungkin juga kawasan ini akan terdedah kepada hakisan jadi mohon pihak kerajaan err... melihat juga kawasan seumpama ini. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Err... sukacitalah saya maklumkan ke dalam Dewan Yang Mulia ini, bahawa antara projek-projek hakisan pantai yang telah siap dilaksanakan di daerah Rompin. Pertamanya ialah Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Tanjung Pahang, Rompin dan keduanya Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pulau Kampung Mukut, Pulau Tioman dan projek dalam pelaksanaan pula adalah seperti Projek Mencegah Hakisan Pantai di Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin yang sedang dilaksanakan. Dan untuk maklumat… makluman daripada wakil daripada Tioman, JPS dan Kerajaan Negeri melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) giat menjalankan kajian untuk mengatasi masalah hakisan pantai kita di negeri Pahang ini.

JPS juga, negeri Pahang juga telah dan sedang melaksanakan perancangan jangka panjang dalam mengatasi masalah hakisan dan mengenal pasti isu-isu dan kaedah penyelesaiannya dan dalam Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu di… atau dikenali sebagai *Integrated Shoreline Management Plan,* dengan izin Yang di-Pertua. Dalam kajian ini, ISMP Pahang yang pertama telah disiapkan pada tahun 2005 dan kajian semula ISMP Pahang ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangkakan siap pada Oktober 2025 dan kajian-kajian tersebut mengambil kira isu-isu berkaitan masalah hakisan di muara dan juga di setiap pantai di pesisiran pantai negeri Pahang. Insya-Allah, kita akan mengambil kira pandangan wakil daripada Tioman ini bagi pihak Kerajaan Negeri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya wakil daripada Pulau Manis. Soalan nombor 5.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 5.

> [i) Sejauh manakah peruntukan MARRIS bernilai lebih RM400 juta ringgit telah digunakan khusus bagi memperbaiki dan menambah baik jalan raya di seluruh negeri Pahang setakat ini? Bagaimanakah kaedah pengagihan peruntukan ini? Apakah fokus utama peruntukan ini?
>
> ii) Apa perancangan kerajaan bagi menangani isu mendapan jalan dan beberapa tempat yang sama sering berlaku tanah runtuh apabila tiba musim Monsun Timul Laut (MTL)?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pandai main golf, pandai main bowling, pandai YB Pulau Manis ni semalam, Yang Amat Berhormat err… tak sangkalah. Wakil Cheka… saya ingat dia wakil daripada ni Jengka pun pandai juga. Ingat orang suruh dia bagi ceramah, dia main bowling agaknyalah. [Ketawa]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih err... Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Pulau Manis yang mengemukakan soalan berkaitan dengan peruntukan MARRIS. MARRIS

ini ialah *Malaysia Road Record Information System,* pangkalan data bagi semua jalan-jalan negeri di seluruh Malaysia ni.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk makluman, peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang diterima oleh JKR Pahang pada tahun 2023 adalah sebanyak RM262,587,420.00 dan lain-lain agensi iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun JPS sebanyak RM50 juta dan Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak RM136,407,873.13. Peruntukan ini telah digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan jalan seluruh negeri Pahang. Err... manakala err... dari segi kaedah pengagihan peruntukan ini err... JKR Negeri Pahang mengikut keutamaan err... dan keperluan kerosakan jalan di setiap daerah termasuk panjang jalan yang berdaftar dalam sistem MARRIS dan fokus utama peruntukan ini adalah untuk menyelenggara jalan MARRIS yang merangkumi pembaikan cerun err... selain jalan tu lah... cerun runtuh, jambatan, pembetung dan lain-lain kerosakan berkaitan dengan jalan MARRIS dan err... berhubung soalan yang berkaitan dengan perancangan err... untuk menangani isu mendapan jalan di beberapa tempat yang sering berlaku.

Bagi tahun 2024, er... setakat April, 30 April 2024, pengagihan kali pertama adalah yang diterima oleh JKR Pahang adalah sebanyak RM104,595,000.00. Daripada pengagihan kali pertama yang diterima, sebanyak 201 kerja telah diluluskan untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan jalan yang merangkumi cerun runtuh, jalan mendap, pembaikan jambatan dan lain-lain yang berkaitan. JKR Pahang telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang berlaku mendapan dan tanah runtuh. Kerja-kerja akan dilaksanakan segera setelah mendapat kelulusan.

Selain daripada itu juga, bagi jalan-jalan yang kerap berlaku mendapan dan kerosakan, kaedah *Special Treatment*, dengan izin seperti *Cool In-Place Recycling* (CIPR) akan digunakan err... dalam… di dalam pembaikan jalan yang sering berlaku rosaknya. Sebagai contohnya, mendapan yang berlaku di Jalan Pelak-Belimbing C106 akan dibaiki menggunakan kaedah CIPR ni. Kerja penyelenggaraan dilaksanakan menggunakan peruntukan penyelenggaraan kali pertama MARRIS dan kerja penyelenggaraan dijangka bermula pada 6 Mei 2024 dan kos penyelenggaraan sebanyak RM2.6 juta. Manakala bagi pembaikan cerun pula, setiap kaedah pembaikan yang akan dilaksanakan akan disemak err... oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi mengenal pasti kaedah pembaikan yang bersesuaian dengan kos yang optimum. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada soalan tambahan? Sila wakil daripada Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah err... adakah err... dibolehkan keutamaan pembaikpulihlah sekiranya berlaku err... kita monsun timur laut, kita tahu kadang-kadang jalan… jalan utama tu ada berlubang dan boleh menyebabkan kemalangan dan ada kemalangan jiwa. Bolehkah letak *priority* utama untuk membaiki jalan tu contoh ada lubang ke kita beri *priority* utama untuk pembaikan pulih… membaik pulih segera. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Err... pengagihan jalan MARRIS ni dia berperingkat bukannya sekali sahaja dalam setahun. Agihan peringkat pertama, kedua, biasanya sampai tiga kali. Jadi dalam tempoh tersebut tu err... sekiranya berlaku mana-mana kerosakan, jadi kita boleh pertimbangkannya. Pihak jabatan ataupun pihak agensi ini boleh dipertimbangkan untuk dibaiki dalam err... agihan-agihan tersebut. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya difahamkan dulu jalan MARRIS ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar… Yang Amat Berhormat Menteri Besar… dulu jalan MARRIS kita ni sikit… pendek daripada Negeri Sembilan [ketawa] tetapi kita kaji balik. Saya ingat lagi, kita kaji balik ha… ini yang kita dapat, err... pendek daripada Melaka. Cuba bayangkan dulu kita tak masuk dalam apa namanya dalam jadual kita atau dalam senarai kita kemudian kita kaji balik, alhamdulillah. Soalan seterusnya wakil daripada Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih, Dato' Sri Yang Berhormat Speaker. Pertanyaan saya nombor 6.

> [Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pahang dalam usaha untuk meningkatkan lagi sektor perindustrian di Pahang?]

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih Dato' Sri Speaker dan juga terima kasih kepada sahabat saya YB ADUN Jenderak yang telah kemukakan soalan iaitu apakah perancangan Kerajaan Negeri Pahang dalam usaha untuk meningkatkan lagi sektor perindustrian di Pahang? Kerajaan Negeri Pahang melalui Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 2023-2027 telah menggariskan beberapa Teras Strategik. Bagi strategi untuk meningkatkan sektor perindustrian di negeri Pahang, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran peningkatan jumlah pelaburan sebanyak 5% setiap tahun bagi pelaburan Zon Perindustrian iaitu Gebeng, Pekan, Estet Bentong, MCKIP antaranya bagi memacu ekonomi negeri Pahang.

Kerajaan Negeri Pahang pada 23 April 2024 baru-baru ini telah menghadiri Mesyuarat Majlis Kerjasama Bersama (*Joint Cooperation Council* (JCC)) Ke-5 di Guangxi, China bagi meninjau kemajuan projek Taman Perindustrian Berkembar antara kerajaan Malaysia dan China iaitu Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng, Kuantan dan juga Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia, (CMQIP) di Qinzhou, China. Yang Berhormat Menteri Besar turut menekankan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan Taman Perindustrian berkembar ini seperti berikut.

Pertamanya, meningkatkan peranan MCKIP dan CMQIP sebagai pusat inovasi untuk sektor strategik, memanfaatkan industri sedia ada seperti besi dan keluli dan komponen kenderaan elektrik (EV) bagi mewujudkan program latihan TVET serta pusat R&D melalui kerjasama dengan universiti tempatan atau institut latihan di Pahang seperti Kolej Yayasan Pahang dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk memanfaatkan program sedia ada di bawah Akademi dalam Industri.

Kedua, mempromosikan Taman Logistik Antarabangsa Kuantan Malaysia-China (MCKLIP) bagi hab… sebagai hab bagi industri perkhidmatan 2.0 yang memberi tumpuan kepada industri logistik bersepadu, memanfaatkan Pelabuhan Kuantan, ECRL dan juga Lapangan Terbang Kuantan.

Ketiga, mengukuhkan sinergi antara MCKIP dan CMQIP dengan memberi tumpuan kepada kedudukan kompetitif Malaysia sebagai peneraju minyak sawit serta peranan Pelabuhan Kuantan untuk memudahkan lebih banyak perdagangan minyak sawit dibawa masuk ke China melalui Pelabuhan Qinzhou.

Selain itu, delegasi Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Besar turut mengadakan pertemuan kunjungan hormat dengan Tuan Yang Terutama Liu Ning, dengan izin, *Party Secretary Guangxi* bagi mengukuhkan kerjasama perdagangan dan pelaburan serta menarik minat lebih banyak lagi pelabur China ke MCKIP untuk memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga komited dalam pembangunan industri aeroangkasa di negeri Pahang sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Khas Daerah Kecil Gebeng 2035 yang dilancarkan pada 13 September 2022. Melalui cadangan pembangunan projek Lapangan Terbang Antarabangsa dan bandar aeroangkasa yang akan dibangunkan di Seksyen 4 Kawasan Perindustrian Gebeng. Ia juga telah menarik minat ramai pelabur dari dalam dan luar negara kerana projek ini mempunyai potensi besar serta merupakan industri yang sedang berkembang serta ia menjadi satu pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi negeri Pahang di mana Kerajaan Negeri juga mensasarkan untuk menguasai sekurang kurangnya 1% daripada pasaran *Maintenance, Repair & Overhaul,* dengan izin, Asia Pasifik yang dianggarkan bernilai RM15 trilion.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri juga mengadakan sesi libat urus bersama pihak *Malaysia Space Agency* (MYSA) dalam usaha untuk menerokai peluang kerjasama dalam bidang *space science* dan kerjasama dalam bidang sains, teknologi terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan sumber manusia selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030 yang dilancarkan pada tahun lepas.

Manakala PKNP berdasarkan Pelan Guna Tanah di sekitar stesen ECRL, agensi ini sedang mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi yang boleh dibangunkan terutamanya di Kawasan Perindustrian Gebeng, Bentong dan Kompleks Makanan Halal Gambang di Paya Besar. Dengan wujudnya pembangunan di sekitar stesen ECRL ini secara tidak langsung dapat menyumbang dalam pembangunan ekonomi negeri Pahang.

Bagi Kawasan Perindustrian Gebeng, PKNP dalam perancangan membangunkan tapak IKS baru yang berkonsepkan *Park Management* untuk memberi peluang kepada pelabur tempatan dan dari luar dalam sama-sama merancakkan lagi pertumbuhan Kawasan Perindustrian Gebeng. Akhir kata PKNP juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan industri baru terutamanya di Wilayah Pantai Pahang Barat dengan mengambil kira Projek Lingkaran Tengah Utara dalam erti kata *Central Spine Road* yang kini sedang dilaksanakan secara berperingkat di samping dapat mewujudkan keseimbangan pembangunan ekonomi di wilayah-wilayah negeri Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil daripada ni... daripada Ketari dulu lepas tu wakil daripada [batuk] Beserah.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Kawasan... kawasan di daerah Bentong adalah amat strategik dan berpotensi dalam sektor perindustrian memandangkan ia terletak berdekatan dengan wilayah Kuala Lumpur dan juga dengan pelaksanaan ECRL pada tahun 2027. Soalan saya, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan daerah Bentong mengambil peluang dan bersedia untuk memajukan sektor perindustrian di daerah Bentong untuk memaju... memacukan sektor ekonomi di dalam negeri Pahang yang apa yang dinyatakan oleh er... Yang Berhormat tadi memang adalah rancangan-rancangan tetapi saya nampak tidak begitu banyak terhadap kawasan Bentong. Jadi adakah apa-apa perancangan Kerajaan Negeri untuk daerah Bentong khususnya?

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya ADUN Ketari. Buat masa ini, pihak BPEN telah… akan mengkaji beberapa cadangan pembangunan terutama sekali di stesen ECRL Bentong yang bakal dibangunkan err... tidak lama lagi dan kita melihat apakah cadangan-cadangan mengenai *Transit Oriented Development* ataupun pembangunan yang boleh dilakukan dalam... dalam radius 20 atau 30 kilometer dalam kawasan stesen tersebut dan perkara ini akan dimaklumkan kelak. Saya setuju dengan kenyataan YB di mana Bentong ni dekat dengan Kuala Lumpur dan kita juga telah berjaya menarik minat pelabur-pelabur daripada luar negara.

Sebagai contoh, ND Paper yang bertapak di Bentong memberi peluang pekerjaan tapi pada masa yang sama kita perlu imbangkan dengan keperluan err... keperluan industri-industri tempatan yang sedia ada seperti Pascorp Paper. Saya juga telah terima beberapa cadangan pelaburan di Bentong tetapi tidak dapat kawasan yang sesuai. Sebagai contoh, ada syarikat yang ingin apa tu... bangunkan gedung untuk bahan-bahan letupan tetapi kita tidak boleh letak syarikat ini dalam kawasan perindustrian kerana kalau ia meletup, semua orang meletup dan kita perlu cari satu tanah yang sesuai di mana ada zon penampan ataupun *buffer zone* supaya syarikat ini boleh menyimpan gedung letupan ini yang digunakan dalam industri *oil and gas* ataupun minyak dan gas supaya mereka dapat melakukan operasi dengan selamat.Tapi usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk mencari pelabur-pelabur yang sesuai di Bentong. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya tertarik dengan penjelasan pihak kerajaan tentang kapasiti yang sedang dibangunkan di MCKIP dan usaha yang sedang dibuat di CMQIP err... rakan di negara China. Cuma soalan saya ialah apakah bidang-bidang tertentu yang kita akan hantar di CMQIP? Berapa banyak syarikat-syarikat kita yang melabur di CMQIP seperti mana syarikat-syarikat daripada China datang melabur di Kuantan di Gebeng dalam MCKIP? Dan err... apa yang utama adalah apabila mereka melabur di Kuantan, mereka boleh mengeksport *talent* mereka, sumber mereka. Di

MCKIP sekarang err... 30% adalah tenaga kerja daripada China... daripada China. Maknanya mereka boleh eksport tenaga kerja ke Malaysia. Jadi kalau syarikat-syarikat Malaysia mengusahakan industri di... di...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak buat pembetulan bukan 30%... 20% yang terkini.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Okey minta maaf saya buat pembetulan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab... sebab 30% tu banyak tu.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Dulu... dulu memang 30% sekarang ni MITI telah letakkan 20%.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dulu bukan 30%... 40%. Dululah... kalau kira dululah.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Tapi apa yang saya nak cerita adalah err... mereka boleh eksport sumber tenaga mereka ke Malaysia. Dan kita pula ada kawasan industri di China yang *joint* dengan MCKIP… CMQIP. Jadi syarikat mana daripada negara kita yang berusaha… yang mengusahakan industri di CMQIP dan berapa ramai yang kita nak eksport *talent* kita ke sana supaya dia ada *reciprocal action,* dengan izin. Dia ada tindak balas yang seimbang antara dua belah pihak. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih kepada sahabat saya ADUN Beserah. Memang kalau kita lihat antara dua taman industri ini jumlah pelaburan sebenarnya lebih tinggi daripada China ke Malaysia. Sebab negara China ni mempunyai sumber modal yang sangat-sangat tinggi, suka tak suka kita err... para pelabur China adalah pelabur yang paling banyak menunjukkan minat di negeri Pahang. Jadi sekiranya kalau kita tidak mengambil peluang pelaburan daripada negara China amatlah rugi negeri Pahang dari segi pembangunan. Tapi kita perlu imbangkan dengan pelabur-pelabur dari negara-negara lain seperti di Eropah, daripada Timur Tengah err... untuk orang kata dengan izin, *diversify* portfolio pelabur-pelabur yang masuk dari negara asing.

Mengenai pelaburan syarikat-syarikat Malaysia ke China, kita mengalami cabaran untuk melabur di sana kerana seperti semua sedia maklum, China ni dia boleh apa… dia boleh dengan izin, *manufacture* apa sahaja ya, *they can manufacture anything,* dia boleh buat apa saja. Dia ada kekuatan err... dari segi pembuatan kilang dalam semua bidang. Kalau kita tengok kedai DIY ni semua kita ambil daripada China. Saya yakin tiada satu pun diambil daripada kilang tempatan. Jadi inilah kekuatan mereka sebagai gergasi ekonomi yang kita tak dapat elak. Dan syarikat kita sekiranya syarikat-syarikat Malaysia pergi ke sana, mereka tidak nampak insentif tertentu...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

YB… YB boleh pandang saya. Jangan pandang ke dia.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Masalah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pandang ke Speaker. Dia bukan Speaker, belum lagi.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Okey, okey. Saya ralit cuba... cuba tekankan berapa *point* dan saya pandang muka... [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi saya faham Yang Berhormat tengah penuh semangat tadi...

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Saya terlupa pandang muka Speaker yang amat *handsome* dan saya akan toleh ke kiri, maaf.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini... ini antara… antara perkaralah dia… bila bercakap tu kita kena itu biasalah. Kadang-kadang kita memang nak menjawab soalan yang di... ditanya tu jadi tapi dia amalan dia kena pandang Speaker sebab tu Speaker kena bersih-bersih sikit.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Maaf Dato' Sri Speaker dengan izin. Okey err... mana dah saya tak ingat dah [Ahli Dewan ketawa]. Okey, berkenaan dengan insentif syarikat Malaysia yang...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang… Yang Berhormat tadi berhenti gergasi China ni sebagai gergasi ekonomi...

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Ha... gergasi ekonomi maka untuk syarikat Malaysia melabur ke China, saya berpendapat mereka perlu diberikan insentif tertentu mungkin untuk tempoh masa yang singkat bawah lima tahun supaya mereka dilindungi daripada gergasi-gergasi ini untuk bersaing dengan mereka. Berilah peluang syarikat-syarikat kita yang mempunyai kepakaran dan dalam bidang tertentu seperti Musang King ke, sarang burung untuk bertapak di negeri China. Kalau semua bidang syarikat-syarikat China nak bersaing dengan *company* syarikat Malaysia maka alamatnya ia akan menjadi cerita yang samalah, *same old story.* Tak ada syarikat Malaysia pun yang boleh bertapak di negeri China.

Oleh itu, perkara ini perlu diperhalusi oleh kedua-dua pihak di mana mereka perlu memilih industri ataupun sektor-sektor tertentu yang perlu diceburi oleh syarikat-syarikat Malaysia. Saya lihat di sana kita adalah berniaga jual durian Musang King dan juga produk-produk sarang burung. Tapi masih di skala yang begitu kecil belum di skala yang besar sedangkan pasaran... pasaran China itu begitu besar dengan penduduk RM1.4 billion. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi ke soalan nombor 7.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, pertanyaan saya nombor 7.

> [Sejak kebelakangan ini dilihat ramai pengemis berkeliaran di sekitar bandar di negeri Pahang. Ini akan mencacatkan dan memberi imej buruk kepada Kerajaan Negeri. Apakah tindakan dan usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu pengemis ini?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker bukan Yang di-Pertua. Sekarang dah tukar.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga sahabat yang bertanya. Okey, sebelum itu saya ingin menerangkan dan menjelaskan mengenai apakah maksud orang papa ya. Mengikut Seksyen 2 Akta Orang Papa 1877 Akta 183 adalah merujuk kepada seorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga menimbulkan kacau ganggu.

Tafsiran kedua ialah seorang yang berpeleseran yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak ia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan. Dan bagi menjawab soalan tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat secara berterusan melaksanakan err… operasi berjadual atau berkala bagi tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi tempat pengemis bertapak. Manakala operasi tidak berjadual atau tidak berkala dilakukan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang ramai.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang juga telah giat melaksanakan di peringkat negeri dan juga daerah melalui program penerangan yang diberi nama 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' bertujuan membanteras aktiviti mengemis selain menyedarkan masyarakat supaya lebih bijak agar tidak tertipu oleh individu atau kumpulan yang mengambil jalan mudah meraih keuntungan atau err... di atas sikap pemurah segelintir masyarakat pada masa kini. Sekian, terima kasih.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Speaker,

Mohon pertanyaan tambahan. Kalau kita lihatlah pengemis ni dia banyak apa kategori daripada kanak-kanak, dewasa, pastu ada yang cacat OKU dan ada juga yang kita nampak macam PATI sikit, Pendatang Tanpa Izin ni kan, bawa anak kecil ke sana ke sini. Jadi kita nak tanya kepada pihak kerajaan, kluster-kluster ni penguatkuasaannya di bawah siapa? Kadang-kadang bila kita mintak ni untuk nak kuat kuasa sesuatu kumpulan dia kata ini PATI ini di bawah agensi jabatan lain. Jadi penguatkuasaan tak dapat dilaksana. Jadi adakah semua apa yang dikategori sebagai kumpulan-kumpulan pengemis ini kita nak tanya di bawah mana penguatkuasaan? Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Operasi untuk pengambilan orang-orang papa yang menurut akta yang dibacakan tadi tidak terpakai di atas kes orang papa yang disyaki berpenyakit mental. Juga kes orang papa disyaki mempunyai masalah kesihatan kronik atau penyakit berjangkit, kes orang papa bukan warganegara, maksudnya orang bukan warganegara ni dia tidak termasuk dalam akta ditetapkan. Seterusnya kes orang papa yang memegang kad UNHCR, juga kes orang papa disyaki penagih dadah dan… dan kes yang mengutip derma tanpa kelulusan dan semua yang saya sebutkan tadi tidak termasuk dalam akta yang telah ditentukan. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tiada, kita pergi ke soalan seterusnya. Wakil daripada Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan 8.

> [Nyatakan usaha kerajaan dalam mencungkil bakat atlet baharu dalam kalangan pelajar untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi demi meningkatkan mutu sukan negeri Pahang.]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tanah Rata atas soalan mengenai usaha kerajaan dalam mencungkil bakat atlet baharu dalam kalangan pelajar untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang err... Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang telah melaksanakan pelbagai usaha serta inisiatif bagi mencungkil bakat baru di kalangan para pelajar. Terbaru, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah menjalin satu bentuk kerjasama yang erat, jitu lagi konsisten bersama dalam usaha untuk mencungkil bakat atlet baharu di peringkat akar umbi khususnya di sekolah bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Melalui inisiatif ini, pihak Majlis Sukan Pahang dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah mengenal pasti serta melantik guru-guru yang berkelayakan dan berkemahiran dalam bidang sukan di setiap daerah di seluruh negeri Pahang sebagai jurulatih sambilan untuk mencari, mencungkil serta melatih atlet-atlet di kalangan para pelajar sekolah rendah dan juga menengah. Jurulatih-jurulatih di kalangan guru ini akan menerima *allowance* daripada Majlis Sukan Pahang mengikut tahap sijil yang mereka miliki. Kadar *allowance* adalah seperti bagi Lesen A, berjumlah RM750.00 sebulan, Lesen B, RM600.00 sebulan manakala lesen C RM500.00 sebulan.

Melalui inisiatif dan kerjasama ini, kita akan mempergiat dan memperkukuhkan pelaksanaan Program Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi bagi melahirkan atlet-atlet berprestasi tinggi di kalangan para pelajar sekolah untuk diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Sukan-sukan yang terlibat melalui program ini adalah seperti hoki, olahraga, sepak takraw, ragbi dan bola jaring yang dilaksanakan di Sekolah Sukan Negeri Pahang iaitu di Seberang Temerloh dan Sekolah Sukan Malaysia di Gambang. Hasil dari kerjasama erat ini, pasukan hoki lelaki dan wanita yang terdiri dari pelajar Sekolah Sukan Negeri Seberang Temerloh telah berjaya merangkul pingat emas di SUKMA pada tahun 2022 di Kuala Lumpur.

Bagi memastikan program pembangunan sukan di Pahang ini terus rancak dan berkesinambungan, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang telah menganjurkan beberapa kejohanan tertutup Pahang yang mensasarkan penyertaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah di setiap daerah di negeri ini. Antara kejohanan yang telah dilaksanakan adalah Karnival *Future Elephant Warrior Hunt*, Karnival Pantai Timur, Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Pahang, Kejohanan Olahraga Tertutup Pahang, *Revos Swimming Championship* 2024. Kejohanan-kejohanan ini dilaksanakan secara berkala setiap tiga bulan.

Selain itu, Majlis Sukan Pahang juga sentiasa menggalakkan persatuan dan kelab sukan untuk menganjurkan lebih banyak kejohanan serta program bagi mencungkil bakat-bakat baru. Malah, bagi memastikan kelestarian bakat sukan di negeri Pahang terus berkembang sambil melentur buluh dari rebungnya, seramai 1,504 orang pelajar telah menyertai sesi pencarian bakat Majlis Sukan Pahang yang melibatkan 22 program sepanjang tahun lalu. Daripada jumlah tersebut, seramai 417 orang bakat baru telah disaring dan dipilih bagi menjalani latihan di bawah kendalian jurulatih sepenuh masa Majlis Sukan Pahang bagi Projek Bakat SUKMA 2026/2028.

Di samping itu, Majlis Sukan Pahang turut melaksanakan pengukuhan kepada program pembangunan bakat dengan penjenamaan semula program kepada tiga segmen utama iaitu *Young Elephant Warrior* libatkan atlet bakat di bawah umur 15 tahun, *Future Elephant Warrior* iaitu atlet pelapis di bawah umur 17 tahun dan *Golden Elephant Warrior* iaitu atlet SUKMA di bawah umur 21 tahun.

SUKMA di Sarawak pada tahun ini iaitu pada Ogos ini telah menyenaraikan seramai 603 atlet Pahang iaitu melibatkan 327 atlet dan 276 atlet wanita di bawah umur 17 tahun iaitu atlet muda di bawah program *Future Elephant Warrior*. Atlet-atlet ini pula telah menikmati *allowance* latihan sekurang-kurangnya RM250.00 sebulan bermula bulan Januari lalu berbanding hanya RM100.00 sebulan pada tahun-tahun sebelum ini. Peningkatan kadar elaun sehingga 150 peratus ini adalah inisiatif julung-julung kali dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi menambah baik kebajikan atlet termasuklah di kalangan para pelajar.

Hakikatnya, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa bersungguh-sungguh melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mencungkil dan mengetengahkan bakat atlet-atlet baru di kalangan pelajar sekolah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Sekali gus memastikan agenda kebajikan para atlet sentiasa terbela. Langkah ini penting bukan sahaja untuk membantu mengekalkan kesihatan mental dan fizikal para pelajar, mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah dan mengelakkan mereka daripada terjerumus kepada aktiviti yang tidak sihat, sebaliknya memupuk perpaduan, menambahkan pendapatan mereka dan meningkatkan jati diri anak-anak Pahang melalui bidang sukan.

Tidak terhenti setakat itu, di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang pula, Kerajaan Negeri turut komited dalam memberikan penumpuan kepada pembangunan sukan komuniti bagi mencungkil bakat sukan termasuklah di kalangan pelajar sekolah dan atlet kurang upaya. Banyak programnya antaranya adalah program *Inspire I-Talent* iaitu program pencarian bakat yang dikhususkan untuk pelajar dari golongan orang kurang upaya.

Melalui program ini, mereka yang terpilih akan diserap untuk menyertai beberapa acara berprestij sukan termasuklah Para SUKMA Kebangsaan. Antara pemain Pahang yang dilahirkan melalui program ini adalah Loh Chi Hui (atlet memanah) dan Mohd Syazwan (atlet tenis berkerusi roda) di mana mereka kini telah mewakili negara untuk bertanding ke peringkat yang lebih tinggi.

Dato' Sri Speaker,

Begitulah deretan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang dan juga Jabatan Belia dan Sukan Pahang untuk mencungkil bakat-bakat baru atlet di kalangan pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah di seluruh negeri Pahang ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada kerajaan. Kita terus ke soalan seterusnya. Ada soalan tambahan? Apa soalannya? Sila YB.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan tambahan saya. Menteri Belia dan Sukan mengadakan lawatan kerja ke Cameron Highlands pada 6 Mei beberapa hari yang lepas dan mengatakan bahawa perlu adanya fasiliti kolam renang untuk terus mencungkil bakat err... atlet renang di Cameron Highlands. Jadi soalan saya, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneliti dan err... menyokong cadangan untuk membina kolam renang di Cameron Highlands? Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya percaya permohonan kolam renang di Cameron Highlands ini dipohon oleh Ahli Parlimen Cameron Highlands. Mungkin kesesuaiannya di tempat sejuk ni kita kena tengok juga Yang… Yang Berhormat. Cuma dari segi infrastruktur…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia… kita boleh buat *indoor, indoor swimming pool.*

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Err… Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Tanah Rata, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa terbuka untuk menambah baik, meningkatkan fasiliti sukan di seluruh negeri Pahang dan ketika ini pun memang banyak pembukaan pusat serta fasiliti sukan di seluruh negeri Pahang. Contohnya di Jerantut, sekarang kita bangunkan sukan Pusat Latihan Sukan Muay Thai. Di Temerloh sekarang dengan Pusat Latihan Silat dan Pusat Latihan Gimnastik yang baru dan kita boleh tengok keperluan di Cameron Highlands berkait dengan kemudahan sukan renang. Terima kasih, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan nombor 9. Wakil daripada Beserah

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 9.

[Kerajaan telah memperuntukan hampir RM4 Juta untuk mengatasi masalah pengganguran di negeri Pahang;

i) Berapa banyakkah syarikat yang telah terlibat di dalam program Pahang 1st Job setakat Februari 2024?
ii) Berapa ramaikah jumlah pencari pekerjaan yang mendaftar di dalam Sistem Pangkalan Data Pekerjaan Pahang, CariKerja@Pahang?

ii) Apakah bidang-bidang pekerjaan yang ditawarkan di dalam Sistem CariKerja@Pahang?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Speaker... Dato' Sri Speaker. Untuk menjawab soalan ADUN Beserah, kawan saya. Inisiatif Pahang *1st Job* yang akan dilaksanakan melalui Majlis Pekerja Negeri Pahang yang buat masa ini masih belum dilancarkan. Juga di bawah selia... seliaan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Ia adalah terbuka kepada semua majikan di negeri Pahang yang berminat untuk mengambil peluang untuk memperolehi insentif gaji bagi penawaran pekerja kepada graduan yang terlibat. Proses penawaran ini adalah terbuka kepada semua majikan. Majikan yang berdaftar melalui portal *MYFutureJobs*.

Untuk makluman ADUN Beserah, Pahang *1st Job* ini memberi peluang pekerjaan kepada 100 orang graduan anak Pahang yang terdiri daripada IPTA/IPTS di negeri Pahang yang terpilih. Graduan ini akan dibayar sebanyak gaji RM2,500.00 sebulan selama tempoh 6 bulan. Untuk… sebab err… untuk Pahang *1st Job*, kita masih belum dilancarkan dan setakat ini yang majikan yang berdaftar untuk makluman, yang berdaftar dengan *MYFutureJobs* di Pahang adalah 4,570 majikan.

Untuk menjawab soalan (b), Sistem Pengkalan Data Pekerja Pahang masih belum ada lagi tapi untuk data ini senang dibangunkan dan akan diintegrasikan dengan nama sesawang Investment Pahang secara berperingkat. Sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk bagi membangunkan sistem pengkalan data tersebut. Untuk makluman juga ADUN Beserah, bagaimanapun, sebab kita tak boleh tunggu, kita juga kena bagi kerja kepada anak-anak Pahang. *So,* setakat Mac 2024, terdapat seramai 112,262 pencari kerja di Negeri Pahang yang berdaftar di *Portal MYFutureJobs* dan daripada jumlah tersebut, seramai 31,129 pencari kerja yang sedang aktif mencari pekerjaan.

Untuk menjawab soalan (c), bidang-bidang pekerjaan yang akan ditawarkan di dalam sistem cari kerja Pahang akan merangkumi semua mengikut sektor industri seperti berikut:

i) Pembinaan;
ii) Pembuatan;
iii) Perkhidmatan;
v) Pertanian & Penternakan; dan
iv) Perlombongan.

Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih wakil kerajaan di atas penjelasan. Soalan tambahan saya adalah, bila anggaran akan dilancarkan Program Pahang *1st Job* serta Pengkalan Data Pekerjaan Pahang itu akan dilancarkan? Yang keduanya, apakah insentif-insentif yang diberikan apabila mereka menyertai program yang dilancarkan oleh err… Kerajaan Negeri nanti? Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih soalan dari ADUN Beserah. Err…Kita jangkakan untuk *Pahang 1st Job* ni akan mula pada err… Januari atau Mac 2025 dan insentif-insentif yang tadi saya bangkitkan adalah 100 orang graduan yang kita bayar gaji si… se…sebanyak RM2,500.00 untuk tempoh 6 bulan. Terima kasih, Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya, saya jemput wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker, soalan saya nombor 10.

[Negeri Pahang memang popular dengan pelbagai produk pelancongan.

i) Berapakah statistik kehadiran pelancong ke Negeri Pahang bagi tahun 2023?

ii) Apakah inisiatif baru yang dilaksanakan bagi memacu pembangunan sektor pelancongan negeri Pahang?]

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Sabai. Untuk tahun 2023, negeri Pahang telah menerima ketibaan pelancong seramai 13,231,064 orang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM11.89 billion dan kita telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun lepas. Untuk destinasi pelancongan yang paling ramai dikunjungi *top 3,* dengan izin adalah Genting Highlands, Kuantan dan Cameron Highlands. Manakala bagi pelancong antarabangsa ikut negara yang paling ramai mengunjungi Pahang, *top 3,* dengan izin adalah Singapura berikutan dengan China dan Indonesia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di… Dato' Sri Speaker,

Untuk tahun ini, ada inisiatif baru dari Kerajaan Negeri untuk merancakkan lagi sektor pelancongan di mana kita akan menganjurkan *Malaysia International Tourism Expo Pahang*, MIT Pahang pada bulan Oktober di Kuantan untuk menjadikan negeri Pahang sebagai hab pertemuan pemain-pemain industri dari seluruh negara Asia Tenggara dan dunia. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pahang melalui Tourism Pahang juga akan bekerjasama untuk mengga… menggalakkan dan menganjurkan lebih banyak acara pelanco… pelancongan bertaraf dunia dan pada masak… pada masa yang sama, usaha promosi diteruskan Kerajaan Negeri Pahang bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mempromosikan negeri Pahang dengan menye… penyertaan dalam pameran pelancongan. Penganjuran latan… lawatan suai kenal dengan izin, *Fam Trip (Familiarition Trip)* dan juga Tourism Malaysia telah menyediakan platform E-risalah untuk menghebahkan maklumat produk pelancongan.

Pada masa yang sama, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Pahang, (MOTAC Pahang) juga turut memperkukuh aktiviti pelancongan melalui Community Based EcoTourism (CBET) dengan menggalakkan komuniti tempatan terlibat dalam industri pelancongan. Err… MOTAC Pahang juga menggalakkan pengusaha produk pelancongan untuk meyer… menyertai program Penilaian MYTQA sebagai pengiktirafan kepada produk mereka, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada? Sila.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Err… di kawasan saya ada beberapa pusat pelancongan err… yang memerlukan bantuan dan pembelaan daripada Kerajaan Negeri khususnya berkaitan dengan err…

penyediaan prasarana jalan. Jalan yang menghubungkan pusat-pusat ini, err… jalan tanah yang perlu diturap dan err… saya ucapkan terima kasih juga kepada EXCO Pelancongan err… kerana melapangkan masa untuk bertemu dengan beberapa pengusaha pusat-pusat pelancongan ini err… untuk err… mendapatkan bantuan. Saya mohon Kerajaan Negeri dapat bantu err… pengusaha pusat-pusat pelancongan ini kerana pusat-pusat ini kerap juga menerima pelancong dari luar dari semasa ke semasa err… itu saja, terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sabai. Memang kalau kita melihat daerah Bentong termasuk kawasan Yang Berhormat Sabai, salah satu kekuatan adalah ekopelancongan dan setiap tahun Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menyediakan bajet untuk menaik taraf ataupun menyelenggara infrastruktur diproduk-produk pelancongan. Jadi dengan ini, err… daerah Bentong dan juga kawasan Sabai juga turut dimasukkan dalam bajet infrastruktur. Tapi minta maaf saya tak ada senarai buat sekarang. Saya minta sekiranya ada permohonan, permohonan boleh biasanya dikemukakan melalui 3, err… 3 platform iaitu Pejabat Tanah dan Daerah, yang kedua err… Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran yang ketiga, Tourism Pahang. Dengan ini saya mohon Yang Berhormat Sabai boleh mengem… mengemukakan cadangan untuk kita mempertimbangkan, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir untuk hari ini. Err… sila wakil daripada PadangTengku.

YB DATO MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 11.

> [Mohon Kerajaan Negeri Pahang memaklumkan bilangan setinggan FELDA di setiap wilayah berdasarkan isi rumah yang meliputi kriteria berikut:
>
> i) Rumah-rumah yang dibina di lot-lot kediaman peneroka.
>
> ii) Rumah kedai yang dijadikan rumah kediaman.
>
> iii) Lain-lain bangunan yang diubahsuai sebagai rumah kediaman.
>
> Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri Pahang bagi menangani isu setinggan FELDA ini demi merealisasikan dan memperkasakan FELDA sebagai sebuah penempatan moden yang tersusun?]

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

(Bacaan ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada ayahanda Dato' Yang Berhormat Padang Tengku kerana memberi soalan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', masalah perumahan khususnya isu penempatan setinggan merupakan isu utama yang sering dibangkitkan oleh generasi baharu FELDA di tanah-tanah rancangan dan ia juga memberi kesan langsung kepada iklim politik setempat.

Sehingga kini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bilangan penempatan setinggan di semua rancangan FELDA negeri Pahang adalah seperti huraian berikut. Wilayah

Kuantan sebanyak 583 unit, Wilayah Jengka sebanyak 1,779 unit dan juga Wilayah Mempaga sebanyak 540 unit dan keseluruhan unit ialah 2,902 unit.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Daripada 2,902 unit tersebut sebanyak 1,334 unit yang membawa maksud sembilan pu… 45.97% adalah rumah-rumah yang telah dibina di lot-lot kediaman peneroka manakala 814 unit bermaksud 28.05% rumah kedai yang dijadikan rumah kediaman dan lain-lain bangunan yang dikenal pasti diubah suai sebagai rumah kediaman berjumlah 754 unit yang membawa maksud 25.98%.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Seperti yang Yang Berhormat Dato' sedia maklum, penempatan setinggan di kawasan rancangan FELDA ini sebenarnya adalah menyalahi peruntukan undang-undang Seksyen 30, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dan juga Seksyen 425, Kanun Tanah Negara (KTN). Oleh demikian, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga sidang Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama FELDA telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan FELDA sebagai sebuah penempatan moden yang tersusun melalui pengisytiharan 18 kawasan dalam FELDA ataupun dalam wilayah FELDA sebagai Skim Tanah Rakyat ataupun dipanggil STR yang diperuntukkan untuk generasi baru FELDA negeri Pahang.

Kawasan yang disenaraikan sebagai STRFP adalah seperti berikut. Pertama Mempaga 3 sebanyak 190 unit, Triang 1-100 unit, FELDA Lakum-150 unit, Chegar Perah 1-38 unit, Tembangau 2-190 unit, Kechau 1-65 unit, Krau 1-65 unit, Jenderak Selatan-115 unit, Kumai-150 unit, Sungai Kemahal-150 unit, Sungai Tekam Utara-86 unit, Jengka 5-214 unit, Jengka 20-87 unit, Jengka 24-239 unit, Kampung New Zealand-61 unit, Kampung Panching Selatan-70 unit, Lepar Hilir 1-34 unit dan akhir sekali, Lepar Hilir 2 sebanyak 106 unit dan membawa maksud keseluruhan unit yang di*ready*kan ialah 2,110. Dasar berkaitan bidang kuasa dalam memuktamadkan syarat pemilikan serta kaedah pelaksanaan telah ditetapkan dan permohonan yang memenuhi syarat akan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri bersama FELDA kelak. Yang Berhormat Dato' Sri, terima kasih banyak.

YB DATO MUSTAPA BIN LONG

Tambahan Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB DATO MUSTAPA BIN LONG

Dato' Sri Speaker,

Pertama sekali saya nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di atas pelancaran Skim STR tapi itu merupakan… Dato' Speaker merupakan err… program jangka panjang program. Jangka pendeknya kita selesaikan sebab saya tengok angka ni tinggi 2,902. Maknanya ada setinggan di… di FELDA sekarang ni. Macam mana kita nak selesaikan sebab kita nak wujudkan FELDA sebagai satu kawasan kampung tersusun, cantic, indah tapi dengan adanya rumah-rumah yang tidak semenggah ni saya kira ini akan mencacatkan pandangan dan juga hasrat kita.

Jadi soalan saya yang pertama, apa yang kita nak buat? Langkah yang kita nak buat kepada rumah-rumah yang saya sebutkan tadi. Terutama tak ada api dan sebagainya tu, adakah kita nak runtuh ke dan kalau kita nak runtuh, apakah apa nama perancangan kita jangka pendek? Jadi di situ saya nak tanya pulak adakah perancangan kita nak bahagikan misalnya *pocket land* yang ada di tanah tu di situ dibangunkan untuk tujuan membina rumah-rumah transit untuk mereka sewakan bagi mengatasi sementara… sementara apa ni STR kita dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Padang Tengku. Bahawasanya buat masa ini, inisiatif Kerajaan Negeri Pahang telah melakukan STRF. Ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pahang untuk membantu kepada terutama sekali anak-anak Pahang ataupun terutama sekali anak-anak peneroka yang telah ingin kembali kepada FELDA. Untuk pengetahuan dan sidang Dewan Yang Mulia ini, bahawasanya inisiatif Kerajaan Negeri Pahang bersama dengan FELDA telah dilaksanakan dan buat masa ini itulah apabila semua penduduk yang telah ataupun semua anak-anak peneroka ataupun peneroka-peneroka membuatkan di tanah haram itu. Iyalah perkataan haram ini tidak boleh dihalalkan.

Sebab itu pada pandangan Kerajaan Negeri Pahang, kita telah mengutarakan cadangan untuk mempercepatkan proses STRF ini untuk memudahkan anak-anak yang telah pun melakukan pendudukan haram ini dapat kita selaraskan supaya dia mengambil tempat dalam STRF yang telah kita utarakan kepada semua peneroka dan juga semua apa nama FELDA-FELDA yang di bawah Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya ingin dapat penjelasan. Kalau kita tengok status tanah FELDA ini yang ada hari ni tanah tepi jalan dengan tanah tepi hutan sama taraf. Sedangkan realitinya tanah tepi… tepi jalan besar ini dia punya nilai *value* yang sangat tinggi tapi oleh kerana skim yang ada di FELDA menyebabkan sama taraf, tanah tepi hutan dengan tanah tepi jalan utama. Saya fikir sampai masa pihak FELDA, zaman Almarhum Tun Razak kita ucap tahniah dia telah melihat kerangka pada waktu itu tapi kerangka kita ialah kerangka generasi kedua, ketiga FELDA. Apa penyelesaian? kalau STF tak boleh selesai, dengan hanya dua ribu lebih, puluh ribu. Kita isu besar kita ialah kita minta peneroka, anak peneroka kekal *stay* di FELDA bagi bantu kekurangan tenaga buruh tapi mereka tak boleh duduk satu rumah berkongsi dengan 10 adik-beradik, itu penyelesaian mesti dicari.

Saya cadangkan dua perkara untuk penjelasan. Yang pertama, status diberi kelonggaran kepada tanah-tanah yang berstrategi untuk dibangunkan. Contoh kerajaan pernah ambil FELDA Sungai Buaya menjadi satu kawasan bandar baru. Bandar Pusat Jengka sebagai contoh, dia sangat kritikal bila permintaan tinggi menyebabkan kos perumahan yang sangat melampau, RM400,000.00 satu unit.

Kenapa? Kerana keluasan tanah yang sangat sempit. Sedangkan kalau kita lihat kalau kita ambil kaedah pembangunan Sungai Buaya sebagai contoh kita akan dapat bangunkan kawasan-kawasan berstrategi ini untuk dibangunkan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua ialah tentang pendekatan kita terhadap skim perumahan yang gagal. Jengka 11 sebagai contoh, kita Kerajaan Negeri dah ambil alih tapi masih gagal lagi dan kecurian berlaku. Kabel dicuri, frim dicuri sebab bila gagal projek ini kita akan rugi berkali ganda. Saya mohon supaya perkara ni dapat diberi perhatian, terima kasih.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Cheka dan juga terima kasih banyak Dato' Sri dan ini saya ingin maklumkan daripada sidang Dewan ni Yang Berhormat Dato' Sri iaitu ialah mengenai pindaan Akta GSA…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato' Sri.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Silakan, silakan.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Berkenaan dengan Perumahan Generasi Kedua FELDA, pihak Kerajaan Negeri Pahang kita telah menerima satu cadangan, *proposal* daripada Kerajaan Pusat di bawah FELDA iaitu untuk melantik syarikat bagi melaksanakan membaik pulih atau menyiapkan projek-projek PGBF di seluruh negeri Pahang dan di dalam peringkat pelaksanaan… dalam peringkat pelaksanaan dan melibatkan lebih kurang 1,850 unit rumah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan tersebut yang di cadangkan oleh pihak FELDA.

Kerajaan Negeri telah bersama dengan Lembaga Perumahan dan Tanah Pahang (LPHP) bekerjasama untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan… projek-projek rumah terbengkalai ini dan kita dapat menyiapkannya agar dapat didiami oleh generasi-generasi kedua.

Untuk makluman, sidang dewan juga satu ketika dulu memang projek PGBF ini dicadangkan oleh Perdana Menteri kita pada waktu itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib kita dan akhirnya apabila telah kalah dalam pilihan raya dan projek tersebut telah tidak dicadangkan untuk diteruskan dan akhirnya memberi kesan kepada negeri Pahang sendiri sedangkan tanah tersebut adalah milik FELDA.

Jadi sekarang apa yang Kerajaan Pahang cuba laksanakan adalah untuk membaik pulih, untuk memastikan projek yang mula-mula ini diinisiatifkan oleh FELDA dapat disiapkan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri kita yang terpaksa menanggung apa yang telah ditinggalkan sebelum ini oleh kerajaan yang telah apa memberhentikan projek PGBF. Itu sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan bagi… untuk sesi pagi ini untuk kita minum pagi dan kemudian kita akan sambung balik persidangan. Kita sambung semula pada pukul 12.00 tengah hari. Saya bagi setengah jamlah untuk kita berehat, minum-minum dan kemudian kita kembali semula pada pukul 12.00 untuk kita sambung semula persidangan kita. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 11.39 pagi]

[Persidangan disambung semula]

USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang Yang Bersidang Pada Hari Ini, Bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."**

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan Majlis ini ialah satu Usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang Yang Bersidang Pada Hari Ini, Bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan.

Sekarang, kita meneruskan dengan Aturan Urusan selanjutnya.

PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sekarang saya kemukakan semula Usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli Dewan dari Kawasan Tioman untuk membahaskan Usul tersebut. Silakan, Yang Berhormat Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSIN

Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan ayat al-Quran). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana pada tengah hari ini memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Titah Diraja Menjunjung Kasih yang dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, sebentar tadi.

Sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 dan Dewan yang dimuliakan, setinggi-tinggi Junjungan Kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, seterusnya Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, dan Dewan yang dimuliakan, saya mengambil kesempatan juga di sini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih atas tunjuk ajar, nasihat dan pandangan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdi bin Wan Ismail yang merupakan peneraju Kerajaan Negeri Pahang bersama barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, para pegawai kanan, para pegawai, kakitangan seluruh dalam negeri Pahang ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Jelas dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, kita melihat bagaimana Kebawah Duli Paduka Baginda menitikberatkan beberapa tonggak dalam memacu kejayaan negeri Pahang ini. Antara perkara yang dibangkitkan ialah berhubung kait dengan prestasi hasil Kerajaan Negeri, ketirisan Kerajaan Negeri, prestasi ekonomi dan pembangunan negeri. Sedikit perkara menyentuh alam sekitar, pertanian dan keterjaminan makanan, begitu juga urusan yang berkaitan pendidikan dan pembangunan modal insan, dakwah Islamiah serta peningkatan pelaburan asing, pemangkin ekonomi negeri selain bantuan Kerajaan Negeri atau BPP, Bantuan Prihatin Negeri serta pengurangan kadar kemiskinan tegar di dalam negeri kita Pahang Darul Makmur ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya sangat teruja dan sangat bangga melihat keprihatinan Kebawah Duli Paduka Baginda, sebagaimana dalam Titah Diraja mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri terhadap pencapaian hasil melebihi RM1 bilion untuk dua tahun berturut-turut. Tahniah dan syabas kita ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] dan sudah pasti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang selaku peneraju dalam pentadbiran ini, kita berikan satu ucapan syabas dan tahniah, kerana dua tahun berturut-turut ini bukanlah satu perkara yang mudah dan dalam meneraju kepimpinan sebuah negeri Pahang yang semakin hari semakin mencabar tetapi masih lagi dapat mengekalkan prestasi yang berdaya saing berbanding dengan negara… negeri-negeri lain di dalam negara kita Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang saya kasihi, mudah-mudahan Dato' Sri Speaker terus dapat menangani dan mengurus hal ehwal dewan dengan cemerlang. Dalam masa yang sama, insya-Allah kita melihat Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku juga menyentuh dengan tegas dan hemahnya supaya kita semua berpegang kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat untuk kemakmuran negeri dan rakyat yang tercinta negeri ini.

Dalam pada Kerajaan Negeri menempa kejayaan, perolehan hasil meningkat naik, turut ditekankan agar terdapatnya usaha berterusan untuk menjana sumber-sumber pendapatan yang baharu bagi mewujudkan sinergi jangka masa panjang yang lebih dinamik pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri telah berbuat sehabis baik dengan kejayaan kutipan hasil yang tinggi, dizahirkan atau dipulangkan balik kepada rakyat melalui insentif dan inisiatif yang pelbagai dalam bentuk bantuan dan kebajikan serta bantuan-bantuan lain kepada rakyat dalam negeri ini.

Dalam hal ini, ucapan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kita yang mana telah memperuntukkan ratusan… jutaan ringgit bagi penduduk, kalau dalam bahasa kampungnya bukan setakat di daerah-daerah tetapi di atas bukit, banjaran, pedalaman yang terpencil, di hutan, kampung tradisional, di kalangan warga FELDA, di kalangan warga FELCRA, luar bandar, pinggir bandar, anak rantau Pahang, mahasiswa, anak muda, di pulau dan sebagainya. Semuanya mendapat nikmat dan juga sentuhan daripada Kerajaan Negeri termasuklah kluster-kluster yang lain.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bukanlah kita untuk membodek Kerajaan Negeri tetapi itulah hakikatnya yang telah kita lalui selama berpenggal-penggal selama ini, melihat bahawa Kerajaan Negeri terus-menerus membantu rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Begitu juga terhadap pelaksanaan penguatkuasaan terhadap tanah-tanah kerajaan yang diceroboh turut dibangkitkan, yang mana inilah antara ketirisan yang berlaku yang mana akhirnya hasil-hasil cukai ataupun hasil pendapatan kerajaan tidak dapat dipungut. Namun, atas keberkesanan penguatkuasaan yang berterusan dan penuh hemah itu tadi, Kerajaan Negeri telah dapat mengumpulkan cukai atau pendapatan

hasil tanah khususnya sehingga disebut melebihi RM740 juta ringgit dalam pendapatan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Titah Diraja turut melibatkan libat urus yang baik di semua peringkat dan meletakkan Kerajaan Negeri yang aman makmur. Di sebalik rakyat sebagai tonggak utama, komposisi dalam memperuntukkan perbelanjaan pembangunan dan juga perbelanjaan mengurus dengan penuh hemah. Sudah pasti kerajaan ini akan dapat ditadbir dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga melihat dalam banyak-banyak Titah Diraja, pada kali ini tidak kekang ataupun tidak lekang disebutkan juga tentang penglibatan anak muda terus-menerus dalam arus pembangunan Kerajaan Negeri Pahang. Kali ini diletakkan di bawah bidang pertanian dan dikaitkan juga dengan keterjaminan makanan kepada anak-anak muda supaya mereka ini dilibat secara langsung dan kita tahu bahawa negeri Pahang ini ada jelapang padi. Merupakan sumber keterjaminan makanan untuk negara dan juga negeri kita khususnya. Jadi, saya mohon mencadang dalam pembentangan dan perbahasan hari ini agar diwujudkan kembali iaitu ibaratnya Tanah Rancangan Pemuda kepada anak-anak muda atau atas apa nama sekali pun yang dapat menjurus kepada penglibatan anak-anak muda dalam negeri ini.

Kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana telah mewujudkan juga Skim Tanah Rakyat dan boleh dikatakan semua Wakil-wakil Rakyat dalam negeri Pahang ini khususnya pimpinan kerajaan yang memerintah Kerajaan Perpaduan pada hari ini memperolehi Skim Tanah Rakyat ini yang dapat diagih-agihkan kepada penduduk ataupun rakyat di luar sana. Tidak kira usia, tak kira jantina. Boleh dikatakan setidak-tidaknya mereka memiliki sekeping tanah untuk bercucuk tanam.

Jadi dalam hal untuk kita mengambil hati, menjaga generasi pada masa akan datang, saya melihat Skim Tanah Anak Muda ini perlu diperkenalkan juga walaupun secara kecil-kecilan, walaupun secara berperingkat. Namun sudah pasti ia akan dapat menarik minat anak muda yang tidak seperti ayah-ayah kita terdahulu boleh bercucuk tanam di laman rumah, di belakang rumah. Walaupun seekar tetapi untuk anak anak muda pada hari ini, kalau tidak dibimbing, tidak diberi garis panduan, tidak dibantu sebaiknya mungkin mereka akan lihat dan tengok sahaja tanah-tanah yang ada di sekitar penglihatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang yang mana semalam kita sama-sama menghadiri *International Conference on Contemporary Education in Islamic World*. Di bawah seliaan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah yang berlangsung dengan gemilang dan julung-julung kalinya diselaraskan oleh universiti ini. Menghimpun para sarjana Islam dari seluruh dunia. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pahang bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita [Ahli Dewan menepuk meja] dan kepada EXCO berkenaan juga yang menerajui portfolio berkenaan. Saya ucapkan terima kasih kerana ini merupakan satu penampilan ilmu dan intelektual di kalangan para sarjana dan sudah pasti universiti ini akan melahirkan *student* ataupun para pelajar sarjana pada masa akan datang. Dan difahamkan insya-

Allah jika tiada halangan pada tahun ini akan melahirkan graduan-graduan, doktor falsafah dan juga *Master Degree* di universiti tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita juga… disebut pada hari semalam dan difahamkan bahawa ada *twinning* program akan dilaksanakan di bumi Pahang ini melibatkan kerjasama antara dua negeri… dua negara termasuk negara-negara di Timur Tengah. Dan ini adalah satu langkah yang sangat baik yang akan memberi peluang kepada anak-anak bangsa kita untuk meneruskan dan menyambung belajar dalam bidang-bidang tertentu dengan kerjasama negara kita… negeri Pahang kita dengan negeri luar… negara luar.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga suka untuk menyebutkan bagaimana Kerajaan Negeri telah mensasarkan kestabilan dengan pelan tindakan pada 2026 untuk PAIP akan stabil bekalan dan sebagainya dan dalam soal jawab lisan awal pagi tadi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita ada menyebut bahawa dalam kita meletakkan kestabilan bekalan air terawat dan sebagainya sudah pastilah akan ada masalah-masalah tertentu. Namun begitu, ucapan terima kasih dan tahniah saya juga ingin sampaikan kepada pengurusan PAIP negeri Pahang kerana dalam keadaan kita memang ada masalah tertentu khususnya pada hari-hari keraian ataupun hari raya sebagai contoh. Tiap-tiap tahun memang kita ada menghadapi masalah tetapi kita mengharapkan moga- moga dengan peruntukan hampir RM300 juta lebih yang disasarkan pada tahun 2024 ini diperuntukkan kepada PAIP, akan dapat sedikit sebanyak meningkatkan kualiti perkhidmatan dan juga kualiti bekalan air… air mentah ataupun air terawat ini ke seluruh pelusuk daerah dalam negeri Pahang ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bukan senang kerana air ini sumber utama kehidupan kita dan kita Wakil Rakyat pun kadang-kala memang rasa fobia. Sampai sahaja hari raya memang kita dah menjangkakan. Namun begitu, atas kesedaran dan kepekaan tadi, kita mohon juga kepada Pegawai Daerah dan juga YDP sama-sama dan juga PAIP daerah untuk mengambil tindakan awal supaya dapat meminimakan masalah yang kita hadapi ini dan saya yakin, percaya, insya-Allah dengan keyakinan dan juga keiltizaman Kerajaan Negeri dan juga PAIP itu sendiri dengan peruntukan yang lebih RM300 juta ini sebagaimana dalam Titah Diraja ada menyatakan perkara ini. Mudah-mudahan isu air ini akan bertambah baik khususnya di zon-zon merah… yang saya sebut zon-zon merah ini termasuklah Rompin, Temerloh, Jerantut, Raub, Maran ya.

Bukan apa Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali-sekala dia tak ada air ini, dia akan tutup 35,000 akaun… 50,000 akaun. Jadi benda-benda ini memang sangat err... orang kata kita memerlukan tindakan segera dan insya-Allah saya pun sempat berbisik dengan CEO PAIP tadi err… di luar tadi. Makna komitmen Kerajaan Negeri akan terus-menerus memastikan bahawa PAIP ini sentiasa membantu dan sentiasa bersiap sedia untuk mengatasi perkara ini. Terima kasih juga saya ucapkan kerana di tempat saya setakat ini walaupun ada masalah tetapi masih dalam keadaan terkawal. Terima kasih, PAIP.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung Yang Berhormat?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ada sikit lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulunglah tu.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya, baik Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya ingin menyatakan rasa terharu dan rasa gembira pun ada apabila Kerajaan Negeri telah memperuntukkan rumah RRP ini. Dalam setiap kali ucapan, saya akan bangkitkan perkara ini kerana antara wow faktor yang menggembirakan penduduk-penduduk rakyat dalam negeri Pahang ini khususnya mereka yang tidak mempunyai tempat berteduh yang baik dan tempat menginap daripada hujan dan panas yang baik. Dengan adanya peruntukan RRP ini ataupun Rumah Rakyat Pahang ini sekurang-kurangnya di samping rumah PPRT, rumah peruntukan daripada agensi-agensi lain tetapi rumah RRP ini juga memberi satu impak yang besar dalam kehidupan rakyat di dalam negeri Pahang ini.

Ditambah pula dengan kemuliaan dan juga kurniaan Ru'RASA oleh Kebawah Duli… Kebawah Duli Tuanku Baginda kita dengan mengurniakan Ru'RASA ini, maka bertambahlah makmur di negeri kita ini dengan binaan-binaan rumah yang hampir RM75,000.00. Masuk basuh kaki sahaja. Bagaimana saya lihat keluarga-keluarga yang dapat rumah ini begitu gembira dengan anak-anak melompat sana sini. Kerana apa, tak pernah dapat rumah sebegini termasuklah rumah RRP tadi. Jadi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kita. Terima kasih daun keladi. Kalau boleh tambah lagi, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Seterusnya saya ingin bangkitkan sikitlah perkara yang ada kaitan iaitu tengah *hot* sedikit di kawasan saya iaitu tentang bekalan baja subsidi padi ini. Jadi, saya tidak bercadang untuk membahas panjang perkara ini. Cuma saya mohon daripada Kerajaan Negeri kalau dapat mempertimbangkan supaya kalau dapatlah TOL... TOL err... tanah sawah padi ini, kita cadangkan buat *blanket approval,* dengan izin. Makna kata tak perlulah tiap-tiap tahun kita nak *renew*. Kita buat macam Air Asia, siapa bayar awal murah sikit, contoh. Bayar lima tahun sekali lagi bagus macam kita *renew* lesen.

Jadi kalau tiap-tiap tahun asal lambat fail tu naik dah tersangkut baja. Sedangkan tiap-tiap tahun dia dapat dan dia tanam padi. Jadi saya kira kalaulah Yang Amat Berhormat Dato' Sri selaku orang yang pengalaman dalam Industri Padi Negara (BERNAS). Benda tiap-tiap tahun saya rasa kita buat macam Pahang Mining bagi tiga tahun, lima tahun terus TOL ini. Jadi dia orang bayar, pastu dia nak bayar geran dia bayar jadi senang. Tak ada terputus bekalan baja subsidi, tidak terputus err... subsidi RM500.00 yang BERNAS bagi hasil jualan padi. Jadi ini saya kira sangat membantu dan kita pun dapat mengurangkan err... krisis emosi dan tekanan jiwa, pesawah-pesawah dan juga Wakil Rakyat sendiri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Satu lagi saya ingin bangkitkan di sini ialah Pulau Tioman. Pulau Tioman ini terkenal dengan indah permai, gunung-ganang dia, pantai laut dan sebagainya. Ikan cantik-cantik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Gunung je... dia ganang tak ada, dia satu gunung je.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya. Minta maaf Dato' Sri dia terlebih. Gunung je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Gunung-ganang, tak ada gunung. Kalau ganang tu, banjaran-banjaran tu... gunung satu.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Baik, saya tengok gunung ni Semukut tu dua macam gunung-ganang juga nampak. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bolehlah panggil ganang kalau macam tu. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya... ya terima kasih Dato' Sri. Jadi Dato' Sri Speaker, saya ni ialah alhamdulillah, terima kasih atas sokongan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, rakan-rakan, Speaker sendiri, ya. Dah masuk 4 penggal saya tengok banyak projek dapat. Kadang kala kena batal. Kita dah gembira dah. Dah canang sana sini masuk kampung sebab penduduk pun khabor, jadi YB Tioman jangan datang tiga... empat kali setahun. Kita datang 450 kali dah. Jangan datang ke Tioman, tidur Tekek sahaja, kita tidur semua kampung belaka dah. Datang ke sini, jangan bawak kontraktor kita pergi seorang datang ke sana err... apa... janganlah duduk di Hotel Berjaya, kita tidur rumah orang kampung, ikut belaka dah. Tapi begitulah keadaan kita lumrah manusia tak ada benda yang boleh puasnya. Tapi nak menyebutnya dalam masa yang sama. Kita dah lapangan terbang dah batal. Panjang kapal terbang... lapangan terbang pun dah batal balik. Jadi, kita tak tahu di mana ruang kita nak bagi kredit kepada penduduk Pulau Tioman ni sebab datang projek kita Kerajaan Negeri *fight.* Kita EXCO pergi *fight* pun beria-ia pergi lobi Persekutuan, dapat. Tiba-tiba kena batal pula, duit ada. Lambat buat kang kena tarik balik.

Jadi ini antara masalah-masalah yang dihadapi pembangunan di Pulau Tioman dan bayangkan nak buat tandas atas jeti demi keselesaan pelancong-pelancong pun nak kena Laporan EIA. Sebab itu saya mohon sangat kalau diadakan rundingan sehabis baik dengan Taman Laut ni... Taman Laut ini, kerana apa? Kalau boleh kita *zoning*kan, jangan keseluruhan pulau tu jadi taman laut. Payah orang kampung nak cari makan. Masa COVID-19 dulu, saya sendiri pun menangis, sebab apa? Dahlah pelancongan tak datang, pelancong tak ada, nak pergi ke laut pun tak boleh, dengan musim

tengkujuh, lepas tu dua batu nautika. Dua batu nautika ni bendalah boleh carinya. Kalau bot kecil-kecil tu jadi banyak sangat halangannya.

Jadi kalau boleh saya bukanlah nak menidakkan taman laut tu, bagus dia ada. Tapi kalau dia duduk kat pulau yang tak ada orang lagi bagus. Makna dia tak ada masalah dengan orang, dia jagalah pulau tu. Jadi kalau susah kita mintak *zoning* saja. *Zoning* tu maksudnya, sebab rata-ratalah kalau saya ingat rakan-rakan ada yang buat PhD di Tioman tu tentang kelestarian pelancongan, dia kata Dato' YB, kami ini duduk sehari dua hari cemuh dah sebab tak ada aktiviti dia khabor. Nak pergi *banana boat* tak boleh sebab taman laut, nak pergi apa nama naik jetski, taman laut. Jadi benda kami boleh naik?

Ini adalah antara yang saya nak sebutlah. Saya terpaksa sebut juga sebab nanti orang kampung... penduduk khabor saya tak bawa Usul ini ke Dewan. Jadi untuk akhirnya, Yang Berhormat Speaker saya mohon sangatlah merayu kalau dapat Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan ini dan Kerajaan Perpaduan ini dapatlah kita bincang betul-betul perhalusi supaya penduduk di Pulau Tioman ini dia tak jadi macam zoo, macam zoo manusia. Minta maaf, dengan izin saya sebut Dato' Sri Speaker.

Dan untuk akhir sekali, ingin saya nyatakan saya mohon juga Kerajaan Negeri mempertimbangkan. Oleh kerana kita ni banyak pulau selain Pulau Tioman, Dato' Sri Speaker. Mungkin Dato' Sri Speaker boleh melawat sekali kita buat lawatan khas, lawatan kerja. Tengok bagaimana pulau-pulau sebanyak 21 buah pulau ini err... ada pulau-pulau yang duduk dekat dengan darat. Contohnya yang saya bangkitkan tentang hakisan tadi, hakisan pantai. Dulu Pulau Pontian ni sekolah dalam laut dah sekarang ni. Tapak sekolah dalam laut, tapak masjid dalam laut, tapak bomba dalam laut belaka. Jadi adalah bukit kecil dulu sekarang jadi pulau. Jadi baru-baru ini saya alhamdulillah pernah bangkit beberapa kali dan baru-baru ini, Pegawai Daerah Rompin dan juga *team* Majlis Daerah bersama buat lawatan kerja. Kalau boleh kita nak mintak dipertimbangkan. Dua buah pulau kecil ini kita letak di bawah pentadbiran Majlis Daerah.

Kalau nak letak TDA dia jauh, dia nak jaga pulau Tioman lagi, Pulau Labas lagi, Pulau Berhala dan macam-macam. Jadi itulah hasrat saya dalam hal ini, moga dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Yang penting juga Taman Laut tu la Dato' Sri Speaker, terima kasih banyak. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang yang banyak membantu dan seterusnya Dato' Sri Speaker err... barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta para pegawai dan rakan rakan Ahli Mesyuarat, rakan-rakan Yang Berhormat dalam dewan ini dan juga tak lupa kepada Pegawai Daerah Rompin serta GM TDA yang banyak membantu pentadbiran pengurusan daerah dengan baiknya. Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Titah Diraja pada hari ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dijemput wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bismillahirahmanirrahim. (Bacaan ayat al-Quran), "dan inilah jalanku yang lurus hendaklah kamu mengikutinya dan janganlah kamu menyimpang dan sikap kasar daripada jalan yang sebenar". (Bacaan ayat al-Quran). Terutama saya ucapkan terima

kasih kepada Tuan Speaker yang memberi ruang kepada saya untuk turut sama membahas Usul Titah Diraja sempena Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama... Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada Isnin lalu.

Alhamdulillah, pembukaan mesyuarat kali ini begitu bermakna kerana ia merupakan titah pertama Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku selepas ditabal sebagai Sultan Pahang pada tahun 2019 dan terus dilantik sebagai Yang Dipertuan Agong. Sesungguhnya Titah dan peringatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin A-Mustafa Billah Shah merupakan satu peringatan yang sangat serius khususnya bagi kita dalam mentadbir dan memaju negeri Pahang, negeri yang makmur dengan sumber hasil, pelbagai bangsa yang tinggal secara aman dan makmur di negeri ini. Keprihatinan baginda dalam soal masalah rakyat terserlah bila mana baginda menyatakan secara khusus beberapa perkara seperti prestasi tadbir urus, pembangunan negeri, pendidikan dan modal insan serta dakwah Islamiah.

Dato' Sri Yang… Speaker,

Saya ingin melihat satu perkembangan yang kita harus lihat secara serius. Dewan Negeri Pahang ni tak ada siaran langsung persidangannya. Bukan saja tak ada siaran langsung, rakaman pun tak dibenar. Ucapan yang baik daripada ADUN Tioman tak didengar oleh penduduk Tioman yang dia bawa. Demikian juga wakil-wakil yang lain. Hari ni sebenarnya siaran langsung ni dah jadi normal. Orang menjala ikan pun buat siaran langsung. Kita Sidang Dewan Negeri tak boleh buat secara langsung.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya nak bagitahu kepada ADUN Cheka, saya telah mengarahkan Speaker untuk membuat siaran langsung tetapi oleh sebab provokasi yang melampau daripada pihak Perikatan Nasional yang cuba mengambil *mileage* yang mengatakan kalau MB anak jantan buatlah *live*, buat itu. Jadi, atas sebab itulah kita tarik balik sebabnya PAS akan *claim*, Perikatan Nasional akan *claim mileage*... sebab kami desaklah nak buat ini. Speaker dah bersedia *anytime* je nak buat *live* tetapi disebabkan ada cabaran yang melampau dan cuba nak ambil *mileage* sekiranya dibuat secara *live,* kita tarik balik.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kita rasionallah, bila tak ada siaran langsung dan kita tak benarkan siaran langsung, timbul provokasi itu kerana tak ada secara langsung.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, sidang akan datang kita ada secara langsung. Okey, teruskan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya ucap terima kasih banyak. Saya ni menyampaikan hasrat pemberita… media.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak… tak… sila… sila… yang itu kita dah selesai dah dan pada bulan 8 ni kita akan ada siaran langsung. Insya-Allah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih banyak.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mendapat maklum balas pulak selepas provokasi melampau, mereka setuju supaya Sidang Dewan ini tidak dibuat secara langsung untuk kali ini, media-media. Jadi, nampak kontra kat situ tak tahulah media ni makan kiri kanan. Dengan Cheka dia cakap macam ni, dengan saya dia cakap macam ni, tetapi maklumat yang saya dapat kebanyakan media mengatakan kepada saya Yang Berhormat Speaker, saya… kami setuju supaya tiada siaran langsung kerana terdapat provokasi yang melampau terhadap kepimpinan kerajaan.

Jadi, bukan cara dia macam tu. Kita sepatutnya kalau nak sesuatu dalam poket orang, kita bincang elok-elok, bukan dengan mengatakan anak jantanlah… itulah… inilah dan sebagainya. Saya memang anak jantan, kalau tidak… kalau tidak… saya Wan Rosdy binti Wan Ismaillah. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, dengan izin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wan Rosdiah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya rasa provokasi dan sebagainya, pandangan yang buruk bila kita tak ada siaran langsung. Jadi, bila siaran langsung orang boleh tahu apa yang diucap, dibahas dan sebagainya. Apa pun, saya ucap terima kasih kepada Dato' Sri Speaker yang telah beri komitmen tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Keputusan saya bukan disebabkan oleh provokasi daripadanya kerana kita dah bercadang dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri bahawa saya telah mencadangkan dan mereka setuju. Selepas ini pada bulan 8 ini akan ada siaran langsung. Jadi, jangan ada yang ponteng-ponteng ya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Untuk sidang kali ni boleh tak dibuat rakaman?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Untuk sidang akan datang. Itu, saya telah putuskan okey. Teruskan Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Baik. Pertama sekali saya melihat pengurangan hutang Kerajaan Persekutuan daripada RM3.31 bilion kepada RM993.62 juta merupakan satu perkara positif dan tahniahlah kerana kita berjaya mengurangkan. Namun, kalau sekiranya kita teliti pengurangan tersebut, pengurangan sebanyak RM2.316 bilion hutang yang dilangsaikan itu yang diingat bahawa sejumlah RM2.074 bilion hutang Kerajaan Pahang terhadap Kerajaan Persekutuan, dia merupakan hutang hapus kira, bukan kerana kita bayar hutang. RM2.074 bilion itu kerana novasi syarikat air PAIP dengan Kerajaan Persekutuan lalu Kerajaan Persekutuan hapus kira sebanyak RM2.074. Ada pun yang kita bayar sebenar ialah RM2.42 juta saja. Lagipun, saya ucap tahniahlah bukan saya nak *complaint.* Saya nak sebut bahawa angka yang sebenar ialah sebanyak RM2.42 juta dan saya mohon Kerajaan Negeri melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak tanya ada juga, apa masalahnya? Daripada RM3.5 tinggal RM950 juta, apa… apa masalahnya? Apa masalahnya?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya, terima kasih. Masalahnya ialah kita bukan bayar, orang lupus kira. Kita kena *clear* supaya jangan dianggap kita bayar hutang sebab bukan kita bayar. Kerajaan Persekutuan pun kira hutang. Saya menandatangani waktu itu 7 tahun tak selesai isu novasi air. Perak err… Kedah 5 tahun, Perlis hampir 5 tahun, kita berjaya selesai tiga… tiga. Saya beri keutamaan untuk…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya dalam kenyataan saya berterusan saya mengatakan Kerajaan Negeri Pahang berjaya mengurangkan hutang daripada RM3.2 bilion kepada RM952 juta. Saya tidak pernah mengatakan Kerajaan Negeri Pahang bayar hutang. Jadi, benda-benda macam ni yang cuba diputarbelitkan cuba mainkan persepsi dan sentimen yang menimbulkan orang di bawah jadi keliru. Apa salahnya ADUN Cheka setuju dan memang kena setuju sebab kita berjaya mengurangkan hutang. Kaedah bagaimana nak kurangkan hutang itu terpulang kepada kebijaksanaan dan kepandaian Kerajaan Negeri. [Ahli Dewan menepuk meja]

Itu yang pentingnya, jangan kita nak belit, nak *hide cash,* oh… ni dia duit RM300 bilion, nak *hide cash*, bukan macam itu. Yang pentingnya hutang tu kurang. Kaedah 7 tahun… 5 tahun… itu terpulang kepada cara kita untuk menyelesaikan hutang kitalah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam nilah kalau saya hutang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar RM10,000.00, lepas tu saya cakap Yang Amat Berhormat boleh halalkan? Halal. Makna, habis la hutang tu, contoh… contoh… contoh. Jadi, kita teruskan Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya, teruskan, terima kasih. Kita ada satu lagi hutang dengan Kerajaan Persekutuan yang saya fikir Kerajaan Negeri mampu dapat penghapusan iaitu hutang SUKMA. Lama dah ni hutang ni. Saya fikir mungkin kita boleh cari jalan bagaimana untuk Kerajaan Persekutuan juga melupuskan hutang SUKMA. Kita ni penganjur satu masa dulu, tapi sepatutnya Kerajaan Persekutuan menanggung kos tapi diletakkan beban kepada Kerajaan Negeri. Apapun ini pandangan saya. Yang keduanya ialah soal tentang hal kutipan hasil. Dalam Titah Tuanku, Baginda menyebut tentang pencapaian kutipan hasil hingga setakat ini ialah sebanyak 26.5% daripada sasaran. Saya ingin menyatakan… mendapat penjelasan tentang bagaimana strategi kita untuk meningkatkan sasaran kutipan hasil ni?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dato' Sri Speaker, saya nak tanya sikit, hutang SUKMA tu yang mana? Berapa? Berapa?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dulu yang sama… isu air dengan SUKMA sebenarnya 2 beban yang menjadi tanggungan Kerajaan Negeri pada masa itu.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sebab seingat saya, SUKMA sudah bayar dah, dah selesai dah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dah selesai?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dah, dah selesai dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat baca berita lain ni. Dah selesai, dah selesai. [Ketawa]

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey, terima kasih. Jadi, 26.5%, soalan saya ialah bagaimana… apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran bagi meningkatkan hasil sebab pertama sekali kita lihat beberapa hasil baru perlu kita teroka? Kita Pahang ni ada REE saya fikir dia akan jadi sumber negeri. Yang kedua produk pelancongan kita yang sangat banyak dan mungkin kerajaan juga boleh pertimbangkan soal bagaimana untuk meningkatkan premium balak yang dah lama kita tidak semak. Saya fikir sampai masa

untuk meningkatkan hasil negeri di samping *carbon tax,* cukai karbon yang boleh dipertimbangkan di mana kilang-kilang industri melepaskan pencemaran. Kerajaan Negeri terpaksa tanggung dan satu perkara yang… yang juga boleh dilihat ialah bila mana Pahang yang antara negeri yang menyumbang besar kepada hasil taman…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya sangat setuju pasal karbon tu tapi pasal premium balak tu saya harap ADUN Cheka semak balik sebabnya pada 2018, 31 tahun Kerajaan Negeri Pahang tidak menaikkan cukai dan permit balak negeri Pahang berbanding dengan negeri-negeri lain yang tidak mahu sebut. Dua, tiga kali naik dalam masa 31 tahun tersebut dan pada 2019 atau 2020, kita dah naiklah premium balak semua. Ini baru berapa tahun kalau nak naik lagi. Itu pun nak naik selepas 31 tahun tersebut bagai nak pecah Dewan… Wisma Sri Pahang ni. Persatuan macam-macam persatuanlah bersabit dengan kayu-kayan yang datang dan saya suka menyatakan Dewan Yang Mulia ini bahawa kenaikan premium cukai balak di negeri Pahang ini adalah lebih rendah lagi daripada beberapa negeri lain. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih, soal saya sebut tadi soal taman negara. Pahang menyumbang sebanyak 2,477 kilometer persegi daripada keluasan sebenar taman negara, 4,343 kilometer persegi. Kerajaan Persekutuan sebenarnya telah pun bagi komitmen, ni zaman Bera jadi Perdana Menteri untuk membayar hasil taman-taman negara yang telah berkorban tidak ambil hasil seluas 2,477 kilometer persegi dan ini bukan taman negeri, ini taman negara. Komitmen Kerajaan Persekutuan pada waktu itu ialah untuk membayar pampasan kepada negeri yang *reserve* tanah dia untuk taman negara. Saya rasa ini di antara perkara yang mungkin boleh dilihat sebagai sumber-sumber baru bagi Kerajaan Negeri. Insya-Allah, semoga dengan hasil yang banyak itu kita dapat membangunkan negeri kita dengan lebih cemerlang.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin menyentuh soal tentang sumber daripada yang dititah oleh Tuanku ialah tentang industri pelancongan khususnya di kawasan Geopark Kebangsaan di kawasan Lipis. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya mendapat pengiktirafan tersebut. Namun, apa yang penting ialah selain pengiktirafan ialah pelan strategi bagi membangunkan kawasan Geopark dan limpahan daripada program ini kepada kawasan-kawasan sekitar. Kita akui bahawa kita Pahang mendapat antara negeri yang saya rasa satu-satunya di Malaysia yang punya semua ekopelancongan… produk pelancongan berbanding negeri-negeri lain. Kita ada pulau… Tioman, 10 tercantik dunia. Kita ada tanah tinggi, Genting Highlands, Fraser Hills dan err...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cameron Highlands.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Cameron Highlands. Kit... kita ada pulau yang... pantai yang sangat cantik. Kita ada gua yang sangat menarik. Tapi berdasarkan jawapan daripada EXCO tadi, fokus

hanya tiga kawasan, Cameron Highlands, Kuantan dan Genting Highlands. Jadi, saya fikir Tioman...

YB CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Err... Genting Highlands…

YB CIK LEONG YU MAN

Saya minta laluan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kuantan...

YB CIK LEONG YU MAN

Mungkin err... Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya ingin err... membetulkan apa yang dita... ditujukan Yang Berhormat Cheka. Tadi dalam jawapan kita menyatakan mengikut statistik destinasi yang paling ramai dikunjungi, tapi ini tidak bermaksud Kerajaan Negeri mengetepikan mana-mana destinasi. Setiap daerah kita ada hala tuju untuk membangunkan supaya setiap err... setiap daerah ada satu... sekurang-kurangnya satu tempat pelancongan menjadi keunikan dan tarikan. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih err... sebab saya tengok kita punya produk bagus dan kita dah habis berjuta ringgit untuk bangunkan produk tersebut. Kalau kita tidak laksanakan agenda program, produk ini akan hilang. Contoh Gua Kota Gelanggi, banyak perkara… duit dah dibelanjakan. Gua Gunung Senyum, banyak kita dah habis belanjakan tetapi dia gagal menjadi destinasi pelancongan. Saya fikir saya bukan nak… nak beleber, saya bukan nak komen, saya hanya mencadangkan supaya Pelan Pembangunan Industri Pelancongan di Pahang mengambil kira tempat-tempat tersebut.

Bila kita isytihar Tioman sebagai bebas cukai, jauh beza dengan Langkawi jauh beza dengan tempat lain. Cabaran ada tapi dia merupakan satu produk yang perlu kita manfaatkan. Sebagai contoh, dalam se... dalam ekopelancongan ya, ini data pada saya, kita ada... daerah Bentong ada 47 daripada 51 kawasan ekopelancongan kita di kawasan-kawasan yang berada di Janda Baik. Janda Baik, 47 daripada 51 daerah... di daerah Bentong. Err… demikian juga kalau tengok daerah-daerah lain ya, di Raub ada 12 kawasan ekopelancongan, di Kuantan ada empat, Temerloh ada dua, err... Cameron Highlands ada dua, Rompin ada empat dan Pekan ada satu yang baru diwujudkan.

Maknanya ekopelancongan ini ialah merupakan produk yang sangat baik untuk kita jadikan daya tarikan pelancongan. Saya lihat bahawa dua el... dua cabaran besar. Yang pertama, semua kawasan-kawasan ini bergantung kepada keindahan sungai. Sebarang kemusnahan pada sungai menyebabkan semua ekopelancongan ini akan rosak sebab hampir semua kawasan ialah kawasan yang tepi sungai ya terutama di Janda Baik.

Jadi kalau melihat kepada data yang ada, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan gazet kawasan ekopelancongan sebagai kawasan yang tidak dibenarkan pembalakan berlaku. Sekiranya pembalakan dibenar akan rosak sepenuhnya dan jutaan duit telah dibelanjakan oleh pihak swasta, pihak kerajaan dan sebagainya. Dan saya fikir di antara perkara-perkara yang mungkin boleh kita pertimbangkan perkara tersebut.

Di samping itu, selain daripada itu, err… Dato' Sri Speaker, saya ingin menyentuh soal pelancongan dalam konteks err… sejarah. Lipis, ibu negeri Pahang yang pertama. Banyak kawasan bersejarah. Masjid yang tertua berada di Lipis, bangunan-bangunan zaman Inggeris masih ada. Namun kalau sekiranya kita tidak peruntukkan kewangan untuk memelihara, dia akan musnah. Dalam titah Tuanku waktu jamuan, Tuanku menyebut penemuan kubur di Pekan yang mendedahkan Pahang antara negeri yang awal…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Di Pahang Tua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Di Pahang Tua. Pahang antara negeri yang awal menerima Islam. Tapi kalau produk sejarah ini tidak di… di… dilakukan penjagaan, pendanaan untuk… untuk penjagaan, dia akan musnah, dia akan hilang. Saya pergi ke Makam Mat Kilau, adalah pagar dijaga tapi kosong. Tak ada apa. Ini sebagai contoh.

Jadi, oleh kerana itu mengambil kira tang Lipis merupakan ibu negeri pertama dan banyak mempunyai sejarah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang sentiasa berada di sana dan Tuanku sendiri pun banyak kali turun ke Lipis dan melawat tempat-tempat yang bersejarah ini, saya fikir ini di antara produk pelancongan sejarah yang perlu kita bangunkan, yang kita perlu pelihara.

Akhir sekali, saya ingin juga ingin menyentuh soal tentang aktiviti dakwah yang dibangkitkan oleh Tuanku, tentang bagaimana perlu tingkatkan aktiviti dakwah dan alhamdulillah, saya juga telah lihat tentang perlunya kita membangunkan satu dokumentari ataupun inventori tentang… tentang produk-produk pelancongan dan usaha-usaha dakwah yang dibuat di peringkat negeri Pahang. Ada yang kadang-kadang kita timbul rungutan kerana masjid-masjid banyak kosong, tak ada kuliah, tak ada pengajian.

Saya ingin dapatkan penjelasan daripada EXCO berkenaan, berapa… berapa orang yang dah diberi tauliah untuk mengajar di negeri Pahang ya dan berapa ramai yang tauliahnya dibatalkan kerana faktor umur, faktor dia meninggal dunia dan sebagainya dan bagaimana proses mengganti supaya masjid-masjid tidak terbiar kosong? Dan kita ada isu tentang isu cabaran sosial yang dialami oleh rakyat.

Dan akhir sekali ialah tentang kita tahu bahawa baru-baru ini penutupan Pasar Raya Darul Makmur (PDM). PDM banyak dibuka hampir setiap daerah, ya. Ini err… waktu kita lancar, kita sebut sebagai nak selesaikan masalah… masalah fardu kifayah umat Islam. Alhamdulillah, dana besar dikeluarkan untuk bina PDM. Tiba-tiba hari ini seluruh PDM ditutup, seluruh Pahang dan kalau seluruh Pahang bermakna ada pengurus… ada masalah pengurusan. Kalau satu PDM tutup, mungkin masalah pengurusan di tempat tersebut. Tapi kalau seluruh negeri, dia menggambarkan satu imej yang sangat tidak baik.

Kita dah belanja banyak, saya dapat… ingin dapat penjelasan berapa kos yang telah kita belanja? Berapa kerugian yang terpaksa ditanggung sebab pasar raya ini pasar raya milik Majlis Agama Islam dan apakah mekanisme bagi mengatasi ataupun menutup balik, membayar hutang-hutang yang masih tergantung?

Tuan… Dato' Sri Speaker,

Saya fikir itu ucapan saya pada tengah hari ini. Terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Cheka. Sebelum saya menangguhkan, seorang lagi. Kita jemput wakil daripada Tras. Kemudian kita akan berehat dan kita akan kembali pada pukul 2.30 petang.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya nak tanya Dato' Speaker sikit. Dewan baru nanti ada jam masa untuk berucap tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dewan baru nanti, kita belum masuk lagi dewan tu.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya kena pakai jam sayalah untuk berucap.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh… boleh. Nanti, itu… itu ada Yang Berhormat, boleh tengok ke belakang.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya kena pusing…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sesekali tak apa. Jangan terus lihat di sana saja. Sesekali, okey. [Ketawa]

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani kepada semua Ahli Mesyuarat Dewan Negeri, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih Dato' Sri Speaker kerana memberi laluan pada tengah hari ini untuk saya bersama-sama membahas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Sebelum itu, saya ingin merafak sembah serta menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di atas perkenan Baginda merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Negeri Pahang Ke-15 ini.

Dato' Sri Speaker,

Saya mulakan dengan ekonomi pelancongan. Dalam semakan saya pada tahun 2023, negeri Pahang telah berjaya meningkatkan jumlah keseluruhan kedatangan pelancong sebanyak 29% lebih daripada sasaran, dengan anggaran RM11.89 bilion telah dibelanjakan. Kedatangan sebelum pandemik 2019, pelancong Pahang sekitar 11.023 juta yang datang. Sasaran pada tahun 2023 sekitar 10.26 juta pelancong. Alhamdulillah, melebihi sasaran 29% iaitu 2.97 juta pelancong lebih pada sasaran. Namun, jumlah kedatangan pengunjung ke permata negeri Pahang iaitu Bukit Fraser. 2023 masih belum melebihi 90% kalau dibandingkan pelancongan sebelum err… pandemik berlaku.

Bukit Fraser yang dahulunya masyhur dengan alam dan warisannya di seluruh dunia terutama di kalangan pemerhati burung, khususnya pemerhati dari Singapura dan Jepun kini merosot dari pelbagai sudut. Mengapa perlu saya tekankan beberapa kali di dalam sidang Dewan Yang Mulia ini? Jika dibandingkan dengan kawasan lain, Bukit Fraser yang sangat unik ini terbukti berpotensi tinggi untuk menarik pelancong luar negara dan juga pelancong yang mencari keunikan alam semula jadi, warisan dan juga untuk… dengan izin, *wellness tourism*. Jika kita lihat daripada peratusan pelaburan di Bukit Fraser ini sebahagian besarnya adalah Kerajaan Negeri dan juga swasta. Malah kini pihak swasta seperti Shahzan Inn, Pines Resort sedang berusaha dan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menaik taraf hotel-hotel mereka dan resort mereka.

Terdapat juga ramai pengusaha swasta lain seperti Stephen's Place, MCM Outdoor Nature Villa yang berusaha meningkat alam semula jadi Bukit Fraser selain mempunyai penambahan *nature guide* terlatih daripada orang tempatan dan juga pihak FH Events yang kini banyak menjalankan aktiviti berkaitan alam dan warisan seni. Pemain-pemain industri pelancongan ini penting untuk menjayakan Bukit Fraser sebagai salah satu destinasi yang popular. Kita harap kerajaan… pihak kerajaan dan juga pihak swasta melalui ataupun err… di satu arah yang betul.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pihak Kerajaan Negeri tidak boleh melihat daripada kepentingan aset Kerajaan Negeri sahaja tanpa bekerjasama dan memberi inisiatif kepada pelabur-pelabur yang telah sedia ada termasuk hotel-hotel, rumah tumpangan serta termasuk alam sekitar serta ekosistem yang sedia ada. Tambahan pula, dengan nilai mata wang negara yang dianggap kompetitif ini, Kerajaan Pahang mestilah mengambil kesempatan untuk membuat dasar baru bagi menarik para pelancong yang dahulunya… yang dahulunya dikenali sebagai *Little England*.

Dahulunya Bukit Fraser diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser di mana terdapat seorang pengurus besar yang memantau setiap segala urusan Bukit Fraser. Bermula 1997, tugas ini diambil alih oleh Majlis Daerah Raub dan Bahagian Pelancongan dan Promosi Bukit Fraser dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser yang kini di bawah pengurusan Tourism Pahang manakala Majlis Daerah Hulu Selangor turut mempunyai kawasan yang diuruskan di sini begitu err… begitu juga dengan Tourism Selangor.

Semenjak selepas 1997, Bukit Fraser semakin hilang dari tarikan asalnya. Semakin tidak terurus apabila tugas-tugas ini dipecah-pecahkan. Masalah pentadbiran, pengurusan infra err… infrastruktur asas menjadi permasalahan utama sebagai contoh di sinilah. Jalan-jalan utama kurang penyelenggaraan, air bersih, elektrik selalu

terputus, gangguan monyet, binatang lain, babi termasuk yang lain ya dan err… pengambilan sampah semasa puncak err… semasa orang ramai pun agak lewat dan saya difahamkan juga kerugian masa putus air di tahun lepas err… pihak peniaga kerugian lebih kurang RM250,000.00. Dalam semakan saya dengan penduduk-penduduk lama pada awal zaman British memerintah dahulu ada satu kajian telah dibuat berkenaan Bukit Fraser.

Bukitnya agak berpasir sedikit. Jika diuruskan dengan betul kemungkinan besar… jika diuruskan dengan tidak betul kemungkinan besar akan… akan berlaku banyak tanah runtuh. Sebab itu zaman British hanya satu jalan sahaja dibuat turun untuk memastikan pemeliharaan alam sekitar terjamin maksud dia turun naik. Selepas itu British ada membuat satu cadangan turun err… untuk jalan lain iaitu terus di belakang Kampung Tras. Mengikut maklumat ketika itu, kos pembinaan dianggarkan oleh British RM15 juta. Projek ini terpaksa diberhentikan kerana dipercayai ianya meningkat sehingga RM100 juta ketika itu.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada pandangan saya untuk memantapkan kembali menjadikan Bukit Fraser salah satu tarikan err… tarikan pelancongan yang utama perlu ada pengurusan tertinggi yang boleh bekerjasama serta boleh memberi arahan terus kepada agensi-agensi kerajaan yang terbabit tanpa ada birokrasi atau mengambil masa yang lama. Perlu juga difikirkan penglibatan pihak swasta dalam pengurusan ini.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan penerokaan tanah kerajaan, kes mahkamah. Kerajaan Malaysia rugi lebih pada RM200 bilion setahun disebabkan oleh ekonomi gelap. Apa itu ekonomi gelap? Gejala rasuah, salah guna kuasa, ketirisan cukai yang tidak dapat dikutip dan lain-lain. Apa yang hendak saya katakan di sini ialah usaha Kerajaan Pahang untuk mengutip cukai-cukai daripada hasil bumi negeri Pahang itu sendiri dari sumber-sumber tanah tanpa sah. Saya menghormati kesungguhan usaha Kerajaan Negeri dalam memaksimumkan pendapatan Kerajaan Negeri dan mengubah dasar terhadap tanah-tanah pencerobohan yang tak sah ini. Ya, dasar baru ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu penerokaan tanah-tanah kerajaan yang tidak sah dan sekali gus untuk kerajaan memperolehi hasil cukai dan dimanfaat kembali kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Penerokaan tanah yang tidak sah ini sebenarnya telah berlaku semenjak awal tahun 60-an lagi. Ada yang kini melebihi 30 tahun, 20 tahun dan sebagainya. Sebagai contoh, Kampung Temalian yang berada di Mukim Dong yang telah diterokai semenjak tahun 60-an lagi yang bertujuan untuk penempatan dan pertanian bercucuk tanam. Permohonan mereka untuk mendapat geran sehingga hari ini masih lagi dalam harapan. Begitulah juga di kawasan lain seperti Sungai Ruan, Sungai Klau, Tras, Ulu Sungai, Batu Talam dan sebagainya. Penerokaan tanah kerajaan ini melibatkan pelbagai etnik, kaum dan pelbagai alasan serta lapisan taraf kehidupan masyarakat. Ada yang susah dan ada yang tauke-tauke besar.

Dalam semakan pengetahuan saya, lebih 400 ekar penerokaan tanah kerajaan di seluruh negeri Pahang telah berlaku. Saya tidak mahu mempertikaikan siapa betul siapa salah di sini. Cuma ingin berkongsi pendapat dan pandangan bagi menyelesaikan masalah ini lebih lagi sebagai ADUN Tras dan sebahagian daripada ADUN Kerajaan. Saya mengharapkan kerajaan dapat mengutip hasil dan juga pekebun-pekebun boleh terus mencari nafkah. Secara umumnya, saya boleh

pecahkan kepada dua kategori peneroka ini. Peneroka baru dan peneroka lama. Tidak boleh dinafikan oleh pihak kerajaan mungkin ada akan menjawab terlepas pandang dan juga ada alasan yang tidak cukup kakitangan untuk memantau kawasan tersebut dan juga mungkin ada ketirisan yang lain.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat,

Cuma saya nak betulkan sedikit fakta. Ia seolah-olah… saya sebagai Speaker err… sebab saya tahu ini sebab saya jadi EXCO empat penggal. Sebenarnya, bukan kita yang bawa ke mahkamah, diaorang yang saman kita. Dia yang menyaman Kerajaan Negeri okey, sebenarnya Kerajaan Negeri ketika itu saya nak jawab sedikit sebab saya tahu benda ini biar…. biar benda ini berada dalam landasan yang betul. Sebenarnya Kerajaan Negeri cuba membuat penyelesaian tetapi disebabkan oleh ketidak puas hati, pihak peneroka… mereka telah mencabar Kerajaan Negeri ke mahkamah, sebenarnya. Itu err… itu… itu sebenarnya kes dia err… jadi… jadi kita seolah-olah kita Kerajaan Negeri kita kena betulkan itu.

Maknanya Kerajaan Negeri memang tidak ada langsung niat untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Malah, Kerajaan Negeri telah pun memberikan beberapa alternatif untuk penyelesaian dan kemudian peneroka tersebut membawa perkara ini ke mahkamah dan itu yang menyebabkan keputusan yang terkini bahawa mahkamah menolak err… mahkamah menolak itu… itu err… itu pembetulan, itu kena betul tu.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Boleh saya memberi pandangan sedikit. Saya rasa ialah parti bersama kerajaan kita jangan hantar isyarat yang salah kepada rakyat. Kalau berlaku pelanggaran peraturan undang-undang kita bela yang langgar kita dah hantar isyarat yang salah saya fikir kita kena… saya ucap tahniahlah kepada Kerajaan Negeri yang bertegas dengan prinsip ini. Ini bukan satu ekar dua, beribu hektar. Jadi, kita kena hantar *signal* yang betul, jangan bela orang yang langgar undang-undang. Jangan err… jangan bela orang yang langgar peraturan. Terima kasih.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tak habis bercakap lagi. Cuma saya tidak pertikaikan masalah keputusan mahkamah. Cuma saya ingin bagi pandangan supaya ia lebih jelas kepada semua sebenarnya. Mungkin itu salah faham anggapan. Tidak boleh dinafikan oleh pihak kerajaan. Ya mungkin ada yang menjawab… okey ini yang tadi. Sebagai ADUN kerajaan, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya inisiatif-inisiatif baru dibuat supaya kedua-dua pihak… pihak kerajaan dan peneroka dapat duduk bersama-sama berbincang dan tidak melibat kepada orang yang ketiga ataupun orang tengah.

Maksud saya di sini sekiranya tanah, contohnya tanah PSK atau tanah kerajaan lain perlu melantik atau membuat perjanjian dengan pihak Syarikat A, sebagai contoh. Kemudian, Syarikat A pula akan mengurus perbincangan dengan peneroka-peneroka. Ini sebagai contoh, ya.

Yang Berhormat Dato'… Dato' Sri Speaker,

Saya sebenarnya itu tak habis saya cakap tadi kan. Saya bukan nak… nak… nak… pertikaikan apa ni keputusan mahkamah, sebenar saya nak beri kredit kepada kerajaan. Saya kagum serta tabik. Saya tabik sekarang kepada kekanda Dato' Sri MB sebagai dan serta Ahli Mesyuarat Negeri ya bukan nak mengampu ni Dato' Sri, ya bukan nak mengampu, ini saya cakap yang *fact* sikit apa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mengampu sikit tak apa, kan sama-sama kerajaan kena ampu. [Ketawa]

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ini realiti. Saya kagum dengan idea kerajaan Pahang ya dapat menyelesaikan perlombongan haram. Dengan mewujudkan Skim Pelombongan Kecil (SPK) [Ahli Dewan menepuk meja], itu yang saya nak sampaikan ini tapi belum habis lagi saya nak bercakap, mungkin Dato' Speaker agak keliru.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya sebagai Speaker, saya nak pastikan kita berada di landasan yang betul sebab saya berada ketika itu. Jadi, saya kena jawab kerana ini Dewan Yang Mulia. Saya kena nyatakan apa yang benar. Sebab ini di dalam pengetahuan saya kalau sekiranya saya tidak memberikan jawapan yang betul. Maknanya saya pun tidak bertanggungjawablah. Itu pada pandangan saya. Jadi, saya pun minta maaf kepada Yang Berhormat kerana terlalu cepat.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dato' Sri Speaker, sebenarnya kalau kita nak sampaikan satu hujah berjalan dia kena panjang sikit bercerita. Tapi kalau kita ambil sikit dia akan jadi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya… seorang je yang tahu panjang ini… iaitu wakil daripada Benta je hat itu memang panjang. [Ahli Dewan ketawa]

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey. Saya sambung balik tadi yang mana telah dapat menyelesaikan permasalahan perlombongan haram sekali gus dapat membantu orang kampung setempat mencari nafkah di mana lebih kurang 56 lesen telah dikeluarkan. Tahniah kepada kerajaan negeri Pahang. Apa yang saya nak disebutkan di sini, Dato' Sri Speaker, kerajaan dapat mewujudkan suasana perlombongan individu. Sebab saya pun macam daripada Cheka juga saya, bekas Timbalan Menteri Air Tanah dan Sumber Asli. Saya tahu yang…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat saya nak mengambil kesempatan. Saya nak terangkan. Saya nak terangkan kalaulah satu ekar tanah tu dia tanam dengan 35… 35 pokok durian… 35 pokok durian dan dia ada 11,000… 11,000 ekar, betul Yang Amat Berhormat Menteri Besar? 11,000 ekar. Kalau 35 cuba tolong kira Dato' SFINO,

dia memang tunggu duit ya dak ini kita nak *clear*kan ni dalam dewan ni. 35 pokok kali dengan 11,000 ada berapa pokok tu? 385,000. Kalau satu pokok mengeluarkan hasil 60 biji sebab saya ada… saya ada dusun durian tapi enam ekar jelah. Berapa ada tu? Kemudian kali dengan 1.5 kilo, untuk *average* 1 dan kemudian kali dengan X kebun RM25.00, berapa jumlah dia? Ini RM25.00 ini paling… paling minimum, Yang Amat Berhormat. 25, kalau… kalau dia jual sendiri RM40.00… RM50.00, ini Musang King berapa jumlahnya? Tak RM660 juta… RM900 juta satu musim. Cuba kita bayangkan berapa kehilangan hasil Kerajaan Negeri.

Jadi sebab tu Kerajaan Negeri bertegas untuk itu cuma nak bagitahu mana pergi duit, bayar tak bayar *income tax* itu kita tak *check* lagi. Sila Yang Berhormat, sambung. Minta maaflah, saya bukan… saya nak menerangkan.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Tak apa. Dato' Speaker, saya sebenarnya nak bagi kredit sekali lagilah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana Kerajaan Negeri Pahang adalah negeri yang pertama yang mengeluarkan Skim Perlombongan Kecil (SPK). Dalam rujukan saya tak ada negeri lain lagi. Sebagai bekas Timbalan Perdana... [Ahli Dewan ketawa], Timbalan Menteri Air dan Sumber Asli, saya ingin kongsi di sini, kongsi di sini, bukan apa saya ingin menghargai di sini sebab benda ini bukan perkara yang senang… menghargai eh… bukan perkara yang senang di mana kalau kita buat perlombongan yang besar ini skim yang kecil, betul.

Maknanya apa ni Skim Perlombongan Kecil (SPK), kalau yang besar memerlukan dua autoriti iaitu Kerajaan Pusat, perlombongan operasi dan juga Kerajaan Negeri, kawasan untuk kawasan. Itu yang saya ingin sampaikan sebab saya menghormati di atas kebijaksanaan Kerajaan Negeri Pahang dan saya penuh yakin tanah penerokaan lama tak kiralah apa Musang King ke, yang lain ke, ini juga boleh kita kendalikan. Kita… kita bincang bersama-sama dengan… dengan peneroka-peneroka yang ada untuk kita selesaikan secara baik. Saya tidak akan mempertikaikan masalah ataupun keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya rasa masa pun dah banyak ya… [ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa, kalau sekiranya lewat, kita semua lewat makan. [Ketawa]

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila… sila, teruskan.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey, err.. seterusnya saya ingin menjelaskan sikit untuk kebajikan rakyat. Malaysia bakal menjadi negara tua menjelang 2030. Dalam masa hanya 7 tahun ini, peluang kita untuk membuat persediaan, negeri Pahang telah membuat beberapa tindakan awal inisiatif kepada golongan warga emas seperti Kad Kesihatan Warga Emas, program membantu di rumah kepada warga emas yang miskin dan tinggal bersendirian dan bantuan sukarelawan dan peruntukan oleh Kerajaan Negeri Pahang

yang disalurkan melalui NGO iaitu Gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan ataupun ringkasannya GPSK Negeri Pahang. Pogram Kerajaan Pahang ini adalah kesinambungan dari inisiatif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Tahniah.

Difahamkan juga terdapat usaha dari pihak yang berkaitan untuk meningkatkan pendaftaran Rumah Sejahtera sebagai pusat jagaan berdaftar mengikut Akta Pusat Jagaan 1993. Maka dengan ini saya mencadangkan agar Rumah Sejahtera Perkampungan Ibadat, ya Kampung Sempam, Raub, Mukim Gali yang diuruskan oleh… yang diuruskan ketika ini oleh NGO, diambil alih dan naik taraf sebagai Rumah Seri Kenangan Mini dalam ringkasannya RSK Mini di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Sepertimana Rumah Seri Kenangan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Rumah Sejahtera Perkampungan Ibadat ini merupakan tanah Kerajaan Negeri Pahang yang masih belum diwartakan tetapi dalam permohonan untuk diwartakan. Kini, DUN Tras agak relevan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang memandangkan bilangan penerima bantuan warga… warga tua sekitar 700 orang daripada 1,767 penerima bantuan JKM di seluruh daerah Raub. Di negeri Pahang, Dato' Speaker belum ada institusi warga emas berbandingkan institusi kanak-kanak seperti Rumah Tengku Ampuan Afzan dan Rumah Tengku… dan Rumah Kanak-Kanak Sultanah Kalsom yang kedua… kedua-duanya… yang kedua duanya berada di daerah Kuantan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Ingin sekali lagi DUN Tras menegaskan keperluan untuk diwujudkan sebuah institusi warga emas di daerah Raub ini sebagai satu daerah menua. Memohon dipertimbangkan juga, rumah-rumah warga emas tua di kawasan Sempalit, Sungai Ruan diambil alih oleh kerajaan.

Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin menyentuh perihal tanah yang lainnya. Dalam semakan saya ada sebahagian tanah PSK yang belum ini tidak diuruskan dengan baik yang menyebabkan terbengkalai dan ada yang lari daripada tujuan asal yang dicadangkan. Rungutan ini disuarakan oleh beberapa persatuan bumiputera di kawasan Raub. Salah satu cadangan pembangunan bercampur di atas tanah kerajaan seluas 19 ekar secara swasta, pengswastaan di Bandar Raub, Jalan Cheroh, Mukim Gali, daerah Raub. Yang patutnya disiap pada 18.3.2018… dia bermula dan tempoh siap 18.3.2023, sampai sekarang tak siap. Projek rumah kedai Pusat Perniagaan Putera di Jalan Tengku Abdul Samad, saya terpaksa bawakan di dewan untuk suara... suara-suara persatuan-persatuan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi ke Yang Berhormat?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

5 minit… 10 minit lagi. Pada mulanya… pada mulanya dikhaskan untuk golongan bumiputera tapi kini hanya mampu dilihat sahaja. Walaupun projek ini mampu disiapkan tetapi ia jauh daripada sasaran asal. Saya mencadangkan supaya Zakat

Pahang, Majlis Agama Islam dan Wakaf membangunkan kawasan tanah lapang di depan Masjid Besar Sultan Abu Bakar serta kawasan masjid lama Tengku Abu Bakar... bandar, untuk dijadikan kompleks bumiputera supaya kaum-kaum bumiputera dapat bersaing dengan kaum-kaum lain. Pihak Zakat Pahang, Majlis Agama Islam, Wakaf boleh melantik juruperunding yang profesional untuk menguruskannya.

Saya juga ingin menyentuh Dasar Perumahan PRIMA Kerajaan Pusat. Walaupun kita berada di negeri, tapi ini penting. Rumah... rumah PRIMA ini nak sebut ni, di belakang Taman Tengku… Tengku Faris, Batu Talam. Projek ini sepatutnya siap tiga tahun lepas tapi terbengkalai sehingga hari ini. Dalam semakan saya lebih… ini yang kita nak tekankan lebih 50% daripada pembelinya adalah penjawat awam dan ada yang telah membayar yang begitu banyak. Saya mencadangkan satu saluran ataupun jawatankuasa negeri bagi menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai ini. Walaupun di *federal*, kita kena wujudkan untuk sama-sama bantu.

Saya juga ingin menyentuh kawasan rayau atau tanah adat Orang Aslilah. Jadi, saya harap, ni saya ringkaskan dan harap rizab ataupun kawasan rayau Orang Asli dapat digazetkan dengan segera. Ini penting satu lagi, kes batu sempadan. Permohonan tukar syarat. Ini penting sebab dia bukan berlaku di Raub sahaja. Dia berlaku di daerah Pahang ya. Tanah-tanah ini yang dimiliki tahun 30-an hingga 40-an. Di dalam geran tangan atau *inquiry* untuk diambil jalan dan dibina jalan. Maksud di sini, masa zaman dulu diambil jalan, dibina jalan. Tetapi tidak dinyatakan dalam pelan atau geran batu-batu sempadan.

Jalan ini serta keluasan yang sebenar dalam geran tak ada. Masalahnya apabila pemohon mahu menukar syarat daripada pertanian ke kediaman, permohonan ini tidak dapat diproses kerana tiada batu sempadan yang dinyatakan dalam geran tersebut. Tanah-tanah pusaka yang berstatus pertanian ini kini diduduki oleh generasi kedua, ketiga, sukar untuk dipecahkan geran dan tukar syarat. Ini melibatkan Kampung Bekas SC, Singapore-China, Ulu Gali. Nama tempat ya. Tok Machang jugak, kawasan Dong, Jeram Pangking ke Pamah Rawas dan saya difahamkan lebih 100 kes batu sempadan ini yang wujud. Rasa itu sajalah. Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya boleh bagi 2 minit...

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dengan ini saya menyokong Titah Diraja dan saya ingin juga mengucapkan mungkin tidak terlewat, Selamat Hari Raya kepada semua. Assalammualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Tras. Tras dengan Cheka ni… dua-dua hebat seorang Menteri Air, sorang Timbalan Menteri Air. Maknanya dua-dua banyak airlah. [Ketawa]

Ahli Ahli Yang Berhormat sekalian,

Sebelum saya menangguhkan apa namanya persidangan kita pada sebelah pagi ini, saya juga nak maklumkan bahawa kita ada 2 jemputan jamuan raya iaitu satu Menara Kuantan 188, diadakan di pelantar Restoran Kuantan 188 bermula pada 11.00 pagi hingga pukul 3.00 petang. Masih ada lagilah ni.

Yang keduanya, Tenaga Nasional Berhad, Majlis Mesra Aidilfitri Tenaga Nasional bermula 12.30 tengah hari hingga pukul 2.00 petang. Masih ada lagi. Bertempat di Wisma TNB Kuantan. Jadi saya ingin menangguhkan persidangan kita pada sebelah pagi ini dan kita menyambung semula pada pukul 2.45 petang.

[Persidangan ditempohkan pada jam 1.29 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat: Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT dan selamat petang, persidangan kita bersambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi di dalam Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri. Pada petang ini kita menyambung semula perbahasan atas titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberikan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul ini.

Baiklah, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Kuala Sentul.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Bismilahirrahmanirrahim. Awal pertama bersyukur saya ke hadrat Ilahi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian berucap dalam perbahasan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas Titah Diraja menyempurnakan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-15.

Pohon nan rimbun di tanah lembah,
Pokok ciku berbuah lebat,
Dari Kuala Sentul merafak sembah,
Kesisi Tuanku permata hati rakyat.

Sesungguhnya negeri Pahang amat bertuah kerana dinaungan dan dipayungi oleh seorang pemerintah… raja pemerintah yang sentiasa dekat di hati rakyat. Kepekaan dan keprihatinan Kebawah Duli Tuanku kepada kehidupan rakyat jelata ketika senang dan susah menjadi pemangkin dan pendukung utama kepada kemajuan dan pembangunan negeri. Sifat semula jadi inilah menzahirkan Tuanku sebagai jantung hati rakyat, tempat bersandar… tempat berteduh. Sesungguhnya derma kurniaan Tuanku kepada pembangunan negeri, nasib serta kebajikan rakyat jelata tiada taranya dan ia sekali gus mengukuhkan hubungan terindah antara raja dan hamba rakyat. Menepati falsafah dan warisan turun temurun Istana Pahang, raja dan rakyat berpisah tiada.

Kami di barisan pembangkang menjunjung tinggi Titah Diraja yang mahukan kami memainkan peranan sebagai semak dan imbang dalam membantu usaha membangunkan negeri dan mengutamakan kebajikan rakyat. Di samping merafak sembah atas Titah Diraja yang mahukan hak kami diiktiraf dan diterima sesuai dengan keputusan rakyat dalam sebuah negara demokrasi dan saranan Kebawah Duli Tuanku

supaya tidak berpolitik sepanjang masa. Sesungguhnya Titah Diraja di mana sahaja Tuanku berangkat, bagaikan embun dan gerimis. Setitik menjadi lautan, sebutir menjadi daratan. Ianya menjadi sinar cahaya, pembakar semangat dan semarak kerja di kalangan kami. Tuanku junjungan payung mahkota, jantung hati rakyat jelata. Semoga Allah sentiasa memelihara, sihat Tuanku di singgahsana takhta. Daulat Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara di dalam perbahasan kali ini. Bersangkutan dengan isu-isu semasa dan perkara-perkara yang memerlukan kesinambungan… perbincangan mesyuarat Dewan yang lepas. Terutama berkenaan dengan jawapan bertulis yang sepatutnya dijawab oleh pihak kerajaan. Saya dapati pihak kerajaan tidak menyediakan jawapan sehingga ke hari ini. Sudah 5 bulan berlalu. Terakhir saya menyemak Sistem Soalan Dewan Negeri masih tidak dijawab. Mengikut catatan, kerajaan perlu menjawab setelah satu jam disampaikan Borang A di dalam Sistem Soalan Dewan Negeri.

Persoalannya, bagaimana kami mahu menjalankan tugas kami untuk semak dan imbang perjalanan pengurusan kerajaan sekiranya pihak kerajaan tidak memberi jawapan yang sepatutnya? Rakyat di luar sana memberi amanah kepada kami untuk menyampaikan suara mereka. Persepsi akan timbul sama ada pihak kerajaan tiada jawapan atau tidak berani berdepan permasalahan yang rakyat bangkitkan. Saya mohon penjelasan dari pihak kerajaan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Antara persoalan yang saya ingin bangkitkan adalah apakah status terkini 10Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA yang juga dikenali sebagai Rumah Pahang. EXCO Perumahan baru masuk. Terlalu lama masa dibazirkan dan menidakkan keperluan mendesak anak-anak FELDA yang sangat memerlukan rumah. Jumlah rumah sebanyak 1,850 buah ini boleh menampung penduduk FELDA seramai hampir 10,000 orang penduduk. Sekiranya kita mengambil purata satu keluarga mempunyai lima ahli keluarga. Ini juga termasuk generasi ketiga FELDA yang dilahirkan oleh generasi kedua.

Dari tinjauan saya, projek ini akan bermasalah dan tidak akan siap sekiranya tiada tindakan drastik. Masalah yang dihadapi oleh pemaju projek ini bukan sahaja merencatkan perjalanan projek, malah akan berdepan dengan tindakan undang-undang oleh pihak kontraktor yang tidak mendapat bayaran. Jumlah bayaran tertunggak kepada kontraktor yang dimaklumkan kepada saya mencecah sehingga RM17 juta. Saya pasti pihak kerajaan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang telah bertemu dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat dan kedudukan sebenar perkara ini. Satu perkara lagi dapatan saya ialah…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato Sri Yang di-Pertua,

Mohon mencelah. Terima kasih daripada Kuala Sentul. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sebelum ini pihak kerajaan ada menerima cadangan, saranan daripada pihak FELDA untuk melaksanakan… memberi kebenaran kepada sebuah

syarikat untuk melaksana dan menyiapkan rumah di negeri Pahang dan Kerajaan Negeri bersetuju dan tiada halangan menerima pakai cadangan tersebut dan membenarkan syarikat tersebut untuk memulakan projek bagi menyiapkan… menyambung kerja-kerja yang terbengkalai.

Dan buat masa ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Pihak Lembaga Perumahan sentiasa memantau progres-progres yang sedang dilaksanakan oleh pihak syarikat terbabit dan dan kita dapati bahawa ada kerja-kerja yang sedang dijalankan dan kita akan sentiasa memastikan bahawa syarikat tersebut akan dapat menyelesaikan masalah terbabit dan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai. Jika kita mendapati bahawa projek tersebut tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya. Buat masa ini di FELDA Sungai Retang, FELDA Retang, kita telah memberikan sebilangan sebanyak 37 nama kepada syarikat terbabit sebagai pembeli yang untuk diangkat kepada pihak kewangan sebagai… sebagai untuk meluluskan pinjaman dan akan meneruskan projek tersebut dan insya-Allah bahawa LPHP telah mengadakan pertemuan-pertemuan dengan pihak-pihak terbabit dan kita akan mengambil tindakan yang sepatutnya bagi memastikan projek tersebut dapat dijalankan dengan sebaiknya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan, Kuala Sentul.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ingat YB EXCO nak bagi tahu masa penggulungan. Okey err... terima kasih atas jawapan kerana ada cadangan. Tapi bagaimanakah status pemaju sekarang bersama kontraktor-kontraktor yang ada sekarang ni, adakah akan diteruskan ataupun perlu ada tindakan-tindakan yang diambil kerana Yang Berhormat Dato' Sri Speaker...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Err... mohon mencelah, mohon mencelah Dato’ Sri. Kita...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila YB.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

…dengan pihak pemaju ini kita tak masuk campurlah dengan dia punya apa cara dia nak melaksanakan. Cuma kita sebagai pihak kerajaan ingin kita dapat memastikan bahawa syarikat yang dilantik ini dapat menunaikan tanggungjawab dia. Urusan dia nak melantik siapa itu bukan urusan kitalah ya. Kita dapati bahawa sekiranya berlaku kepincangan besok dan syarikat yang kita lantik tak dapat menunaikan tanggungjawab menyelesaikan projek ini, kita akan mengambil tindakan yang sesuai. Terima kasih.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya dah meninjau projek ini dan saya dapati pemaju yang dilantik ini juga mempunyai isu dalaman yang boleh menyebabkan projek ini gagal. Terdapat isu penipuan tandatangan antara pengarah dan melibatkan mahkamah. Jadi, saya rasa tak nampak. Kalau tiada tindakan drastik perlu diambil kepada...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa err... kita tidak melantik syarikat terbabit bahawa syarikat tersebut telah mendapat kebenaran atau persetujuan daripada pihak FELDA untuk melaksanakan projek kerja-kerja yang terbengkalai ini. Jadi pihak Kerajaan Negeri menghormati pandangan FELDA tersebut dan bersetuju untuk melantik syarikat tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja di bawah kawalan selia Lembaga Perumahan. Itu yang kita laksanakan ketika ini. Urusan dalaman tu kita menunggu keputusan mahkamah, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Kuala Sentul,

Kerajaan Negeri tidak ada kuasa. Kuasa melantik kontraktor adalah dari FELDA. FELDA ni Persekutuan, Kerajaan Negeri hanya apa namanya memantau sahajalah dan ianya di dalam inilah Lembaga Perumahan, masuk dalam program Perumahan kita. Kita tunggulah apa keputusan daripada FELDA, insya-Allah.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya mohon betulkan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker ya, kontraktor yang dilantik adalah daripada LPHP. LPHP yang melantik pemaju untuk projek ini. Pemaju itu yang melantik kontraktor-kontraktor. Jadi soalan saya pada pemaju ini bukan pada kontraktor-kontraktor ini.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kita hanya bersetuju dengan cadangan daripada pihak FELDA dan pihak FELDA mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar bersetuju menerima syarikat tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja tu. Jadi daripada pihak kerajaan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, kita telah melalui MMK telah melantiklah pemaju tersebut sebagaimana kita bersetuju dengan pihak FELDA dan pada masa sama, sebab bila berlaku dalam negeri Pahang, kita perlu mengawal selia memastikan projek-projek yang sebelum ini dilaksanakan oleh pihak FELDA dan kini kita kena memastikan projek tersebut siap pula ni Kerajaan Negeri Pahang, kita menggalas tanggungjawab orang yang tak siap sebelum ni. Ha… itu yang saya nak beritahu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Marah nampak.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ada burung. [Ahli Dewan ketawa]. Saya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya membangkitkan perkara ini sebab kita sama-sama nakkan projek Rumah Generasi Kedua ni siap. Bukan kita nak mencari salah siapa. Saya membangkitkan perkara ini dari Dewan Sidang Pertama lagi sebab LPHP err... FELDA telah menyerahkan projek ini kepada LPHP pada tahun 2021 dan sehingga sekarang masih belum siap dan saya mendapat aduan daripada kontraktor-kontraktor dan orang ramai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, Yang Berhormat teruskan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Jadi saya harap kita sama-samalah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri,

Minta maaf… minta maaflah ya. Saya bagi pihak kerajaan ni kita akan sentiasa ingin memastikan bahawa setiap projek yang dilaksanakan dalam negeri Pahang ini dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya dan kita sebenarnya kita tak tahu masalah yang berkaitan dengan syarikat terbabit yang disarankan oleh pihak FELDA. Tetapi kini kita dalam proses untuk memastikan setiap perjalanan atau pelaksanaan projek tersebut dapat dipastikan menepati syarat-syaratnya. Kita juga nak memastikan bahawa pembeli-pembeli juga dipastikan selamatlah untuk daripada sekiranya membeli rumah tersebut dapat menerima rumah tersebut dalam keadaan yang baik. Sebab itu di Sungai Retang kita telah menawarkan 37 nama baru kepada syarikat terbabit untuk diproses bagi untuk membeli rumah yang kita sedang bina tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan wakil daripada Sentul. Yang ni kita ingat kita… kita… kita bagi tajuk lainlah pula.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita masih lagi di dalam bulan Syawal. Isu yang biasa setiap tahun kita dengar yang menjadi rungutan dan keluhan rakyat Pahang adalah isu air. Anak cucu balik beraya ramai-ramai di kampung menghadapi masalah air dan ini menyebabkan kesukaran untuk persiapan hari raya. Tujuan bergembira menyambut hari raya bersama keluarga menjadi satu kepayahan dan penderitaan kepada mereka. Pada saya, masalah yang sebenar bukanlah di peringkat operasi daerah-daerah di mana pekerja-pekerja PAIP bertungkus-lumus membantu penduduk. Ada pekerja yang bekerja sehingga malam raya untuk memastikan bekalan air sampai kepada mereka. Sebagai contoh, di kawasan saya, pihak PAIP berusaha sehabis baik menyediakan *tanker-tanker* bekalan air di mana ada tempat-tempat yang mempunyai tekanan air rendah. Saya puji PAIP ni YB Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniahlah PAIP.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Masalah sebenar adalah di peringkat *structure*, perancangan, pelaksanaan dan teknikal di peringkat PAIP negeri. Kita semua maklum masalah air ini antaranya kerja-kerja penggantian paip lama yang sedang berjalan dan dalam peringkat rundingan. Pihak PAIP sebenarnya perlu menerangkan dan memberitahu kepada rakyat. Sementara menunggu kerja-kerja siap, perlu ada langkah-langkah solusi untuk jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang untuk bekalan air yang berterusan. Bukan tiba-tiba tiada air… tiba-tiba tiada air.

Saya juga ingin mengulas pihak CEO PAIP yang datang ke Maran baru-baru ini atas arahan permintaan Penyelaras DUN dan Tuan CEO memohon maaf kepada rakyat yang menghadapi putus bekalan air. Pada saya, seorang CEO tidak perlu meminta maaf kepada rakyat tetapi perlu meminta maaf kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sepatutnya memohon maaf kepada rakyat. CEO PAIP perlu menjawab dan bertanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menguruskan negeri. Perbuatan ini menggambarkan kegagalan pihak kerajaan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lawyer, Yang Amat Berhormat. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kuala Sentul ni dia...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia *Lawyer*. [Ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dia *Lawyer* saya tahu… dia tengok rakan-rakan ADUN ramai yang mengantuk. Dia usik la. Tapi cuba Yang Berhormat Speaker fikir kalau satu CEO buat kesilapan semua MB kena minta maaf. Logik ke tak logik? Habis kerja MB nak jadi kerja apa? Kerja mintak maaf, MB minta maaf jelah. Tak pernah buat dek orang ni Kuala Sentul. Nanti kita usik tempat lainlah, kita jumpa tempat lain [ketawa]. Terima kasih Speaker.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya nak pukul menantu, sindir anak. [Ketawa]. Kami sebab isu air ni kami YB-YB Pembangkang juga mendapat kesan yang sama apabila rakyat susah dan marah. Begitu juga dengan aduan paip bocor dan putus bekalan. Kalau aduan dibuat kepada bekas Wakil Rakyat kawasan saya dan disampaikan kepada pihak PAIP olehnya dalam masa dua hari selesai. Ini saya baca dalam *Facebook* di kawasan saya. Saya nak tanya juga pihak PAIP ini ada SOP atau SOP aduan atau tidak? Saya percaya syarikat PAIP ini, sebagai sebuah agensi kerajaan yang penting mesti mempunyai SOP aduan yang komprehensif. Bila aduan dibuat, berapa lama tindakan dan langkah-langkah seterusnya.

YB Dato' Sri Speaker,

Pada bulan Ramadan yang lalu, saya mengagihkan zakat kepada asnaf dan yang memerlukan bantuan melalui masjid-masjid di kawasan saya. Saya mengadakan majlis berbuka puasa di setiap masjid sempena bulan yang mulia dan saya ada dalam kawasan FELDA, daripada 9 kampung. Di majlis tersebut, sudah pasti Pengurus FELDA akan bersama-sama dengan saya. Beliau merupakan Pengurus Rancangan yang bertanggungjawab kepada penduduk dan mengetahui penduduk mana yang asnaf dan susah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa masjid.

Walaupun kami dinafikan peruntukan dari kerajaan untuk membantu tetapi kami sebagai Ahli Dewan Negeri yang bertanggungjawab terus berusaha mencari sumber-sumber lain untuk membantu rakyat. Duit sumbangan bulan Ramadan yang dikatakan peruntukan kepada kami dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya RM5,000.00 setahun. Saya ada 10 masjid dan sumbangan RM500.00 diberi kepada setiap masjid untuk berbuka puasa. Jadi RM5,000.00 yang diberi daripada oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, hanya untuk itu sahaja. Apa pun, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Di sini saya ingin memohon penjelasan sebenarnya daripada sahabat saya, YB Pelangai yang baru dilantik menjadi EXCO Hal Ehwal FELDA. Saya dimaklumkan EXCO Hal Ehwal FELDA mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Pengurus FELDA Wilayah Jengka kerana Pengurus-pengurus FELDA ada bersama dan mengiringi saya semasa mengagihkan zakat. Perkara ini amat mendukacitakan dan sangat tidak berpatutan. Ini seperti YB EXCO menghalang tugas-tugas seorang Pengurus FELDA atau penjawat awam. Begitu juga kami ini seorang Ahli Dewan Negeri yang juga merupakan Wakil Rakyat yang dipilih secara demokrasi berperlembagaan.

Sepertimana titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada 28 Mac 2024, pemerintah mestilah adil dan bukan hanya memimpin dari golongan penyokong sendiri tapi juga dari seluruh rakyat di dalam lingkungan pemerintahannya.

Buah pedada dalam baldi,
Masak nasi hari petang,
Hidup kita biar berbudi,
Hingga mati dikenang orang.

YB Dato' Sri Speaker,

Kuala Sentul menjunjung Titah Diraja dan mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Kuala Sentul. Kita jemput wakil daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Salam Sejahtera, salam Malaysia MADANI, salam Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada hari kedua sesi Dewan Negeri kali ni. Kerajaan Negeri Pahang mencatat hasil melebihi RM1 bilion untuk dua tahun berturut-turut dan pengurangan hutang negeri sebanyak 70% merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan di

bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, EXCO Kerajaan Negeri dan semua penjawat awam negeri Pahang atas kejayaan tersebut. Hasil cukai perlu dimanfaatkan dalam membantu rakyat negeri Pahang dan pembangunan negeri Pahang untuk kesejahteraan bersama.

Dato' Sri Speaker,

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri dan Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan satu laporan yang bertajuk "Ada Balak di Balik Sawit" bertarikh 1 April 2024 di Malaysia Kini yang ditulis oleh pemberita bernama Low Choon Chyuan dengan kerjasama *Pulitzer Center's Rainforest Investigations Network*. Ia mempunyai beberapa isi penting yang perlu mendapatkan perhatian dalam Dewan Yang Mulia ini.

Pertama, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah membangunkan kawasan hutan yang terletaknya Sungai Kancin sebagai ladang sawit sejak tahun 2014. Penduduk di Kampung Tanah Pindah yang bergantung kepada Sungai Kancin sebagai sumber air telah terjejas kerana air menjadi keruh dan tidak sesuai untuk mendapatkan sumber air. Kedua, kawasan yang dijadikan ladang hutan... hutan dengan keluasan 8,093 hektar yang juga telah diklasifikasikan sebagai kawasan sensitif alam sekitar turut juga bersempadan dengan hutan yang telah diwartakan sebagai rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah pada tahun lepas. Kawasan tersebut juga mempunyai kawasan jilat garam di mana haiwan liar datang untuk mendapatkan mineral.

Ketiga, dalam laporan tersebut juga menyatakan bahawa penanam sawit di kawasan tersebut yang bermula pada Oktober 2015 err... tapi menurut laporan, hasil sawit hampir 90% telah rosak disebabkan pencerobohan gajah. Menurut laporan tersebut juga, Jabatan Alam Sekitar di antara 2001 hingga 2023 telah meluluskan pembersihan kawasan yang seluas 94,000 hektar di Semenanjung Malaysia untuk penanaman kelapa sawit dan di antara tersebut, 50% adalah di dalam negeri Pahang. Dengan itu, saya memohon pertimbangan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula kelulusan tanah yang dijadikan ladang kelapa sawit melalui syarikat GLC ataupun syarikat swasta. Persekitaran perlu dilindungi dan pembalakan seperti ini yang telah menjejaskan alam sekitar perlu dihentikan serta-merta. Ia bukan hanya berlaku di Kampung Tanah Pindah. Setahu saya penduduk di Kampung Ganoh, Bukit Ibam juga menghadapi perkara yang sama.

Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelaburan dan juga Jawatankuasa Khas Birokrasi serta Tadbir Urus untuk meningkatkan pelaburan di negeri Pahang dan mengurangkan kerenah birokrasi. Realisasi pelaburan sangat berkait rapat dengan masalah kerenah birokrasi di sesuatu tempat. Saya mohon agar kedua-dua jawatankuasa di peringkat negeri dapat ditubuhkan dengan dua tujuan.

Pertama, memastikan realisasi setiap potensi pelaburan di negeri Pahang dalam jangka masa yang ditentukan. Kedua, mengurangkan karenah birokrasi untuk mempercepatkan setiap pelaburan, pembangunan dan permohonan daripada rakyat. Kelebihan dan kesesuaian negeri Pahang menjadi tempat pelaburan asing dan domestik perlu ditonjolkan dan Pahang akan lebih menarik pelabur sekiranya dapat mengurangkan karenah birokrasi yang seiring dengan Titah Diraja.

Bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam program pertanian untuk mencapai Revolusi Pertanian 4.0, saya setuju dengan cadangan yang dilontarkan oleh YB Tioman tadi. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program penyewaan tanah lot Kerajaan Negeri untuk sementara waktu dalam tempoh satu hingga dua tahun kepada anak-anak muda yang berminat dalam pertanian di setiap kawasan DUN.

Saya yakin ia akan menarik banyak anak-anak muda untuk terlibat dalam pertanian. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas usaha untuk membina tugu peringatan bagi watak *anime* Jujutsu Kaisen yang bernama Nanami di pantai Kuantan. Usaha tersebut menarik perhatian peminat di seluruh dunia dan hangat dibincang di sosial media selepas pengumuman dibuat oleh Kerajaan Negeri Pahang. Saya amat berharap pengusaha-pengusaha sektor pelancongan termasuk dengan Tourism Pahang dapat menghargai peluang ini untuk mempromosi Kuantan dan Pahang sebagai destinasi pelancong untuk semua.

Dato Sri Speaker,

Tahniah atas kejayaan negeri Pahang di bawah Menteri Besar telah memberi sebanyak 20 jenis Bantuan Prihatin Pahang (BPP) kepada rakyat-rakyat negeri Pahang. Semoga bantuan-bantuan tersebut dapat diteruskan untuk meringankan beban hidup rakyat dan seterusnya mengubah kualiti kehidupan mereka. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini dengan beri cadangan untuk bantuan kit Pride Kasih yang diberikan kepada warga emas dengan nilai RM500.00 setiap tahun. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana terus memberikan nilai RM500.00 kepada penerima-penerima lama setiap tahun.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk terus menambah nilai RM500.00 dalam kit Pride Kasih yang sedia ada tanpa memerlukan warga emas untuk mengambil kad yang baru setiap tahun.Ia bukan sahaja merupakan satu penjimatan. Ia juga menyenangkan warga-warga emas terutamanya mereka yang tiada kenderaan dan bergantung kepada anak ataupun rakan.

Dato' Sri Speaker,

Ingin saya membawa beberapa isu kawasan untuk perhatian Dewan Yang Mulia ini. Pertama, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan isu tekanan air rendah di Kampung Padang Tradisional, Taman Impianku dan juga Kampung Padang Damai. Isu tekanan air rendah telah berlanjutan untuk satu tempoh yang lama. Tekanan air rendah di kawasan tersebut telah menyebabkan penduduk-penduduk menghadapi masalah untuk menjalankan aktiviti harian.

Saya memohon pihak Kerajaan Negeri terutamanya Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) untuk menyelesaikan isu tekanan air rendah ini secepat yang mungkin. Cadangan untuk mengaktifkan semula loji Kampung Padang perlu dipertimbangkan untuk memberi pembekalan air yang terurus dan tidak terganggu sepanjang masa. Harap pihak PAIP dapat menyelesaikan tekanan air di kawasan tersebut secepat mungkin.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri untuk mewajibkan setiap pemohon lesen perniagaan di bawah PBT terutamanya penjaja untuk mewajibkan pencaruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri atau dikenali sebagai (SKSPS) setiap tahun sebagai perlindungan diri dan juga untuk keluarga. Pencaruman tersebut di bawah

PERKESO, hanya RM23.30 setahun ataupun bersamaan dengan 6 sen sehari dapat menikmati 8 jenis faedah termasuk faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara dan 6 jenis lagi faedah. SKSPS dengan harga asalnya RM232.80 telah disubsidi oleh kerajaan sebanyak 90% perlu dimanfaatkan untuk kepentingan peniaga, penjaja dan juga kesejahteraan keluarga mereka dan saya difahamkan negeri Melaka telah mewajibkan setiap penjaja ataupun setiap pemohon perniagaan lesen PBT untuk mencarum PERKESO.

Dato' Sri Speaker,

Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2018 telah menetapkan bahawa Kerajaan Tempatan tidak lagi bertanggungjawab untuk menguruskan sampah di kawasan perindustrian bangunan *stand alone* seperti stesen minyak dan juga bangunan komersial. Namun, saya mendapati bahawa bukan semua negeri yang mempraktikkan amalan ini kerana kesannya yang begitu besar terhadap pengusaha.

Untuk makluman Tuan Speaker, kawasan Semambu mempunyai tiga industri kecil dan sederhana iaitu Semambu, Indera Mahkota 14 dan Indera Mahkota 3. Kawasan-kawasan ini dikategorikan sebagai kawasan perindustrian dan sejak tahun 2003 sampah tidak lagi dikutip. PPSPPA ataupun dinamakan SWCorp. mewajibkan setiap pengusaha untuk melantik kontraktor sendiri setiap bulan dengan bayaran di antara RM100.00 hingga RM150.00 bergantung kepada kekerapan.

Jika tidak melantik, SWCorp. berhak mengeluarkan kompaun kepada setiap pengusaha, dengan itu saya memohon Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan untuk mempertimbangkan pengurusan sampah di kawasan perindustrian kecil dan sederhana untuk menguruskan sampah oleh SWCorp. ataupun PPSPPA. Harap pelaksanaan pengurusan sampah dapat diuruskan oleh Kerajaan Tempatan seperti dulu. Dengan itu, saya menamatkan ucapan perbahasan saya di sini dengan menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Semambu. Seterusnya, saya ingin menjemput wakil daripada Luit untuk memberi.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABDUL JALIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah. (Bacaan ayat al-Quran). Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan sampailah giliran saya Yang Berhormat Speaker memberi laluan kepada saya untuk sesi perbahasan pada petang ini. Pertamanya, saya menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan… Al-Sultan Abdullah Al-Muktafi Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Err… syukur juga saya dapat bersama-sama dengan Ahli Dewan yang lain, Ketua Jabatan, pemerhati-pemerhati dalam sidang kali ini dan hujung Syawal ini sempat saya ucapkan Selamat Hari raya, mohon maaf, zahir dan batin. Cuma sebelum saya nak meneruskan perbahasan saya Yang Berhormat Speaker, saya nak menyanyi sebenarnya, boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila, ini slot Yang Berhormat.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABDUL JALIL

Baik, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nyanyi lagu ni separuh je kalau saya nyanyi penuh semua kena berdiri. Jadi saya nyanyi ye. Ya Allah Yang Maha Kuasa Lanjutkan Usia… kat sini kita kena berhenti sekejap. Kita guna perkataan Duli Yang Maha Mulia sekarang kita sudah tukar kepada Kebawah Duli Paduka Baginda. Jadi saya nyanyi sekali lagi. Saya cuba kalau boleh dipakai oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tukar la lagu ini. Ya Allah Yang Maha Kuasa Lanjutkan Usia Duli Paduka Baginda. Dedededede… ha… itu ya. Sila… sila.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Dia belum tukar. Saya tak boleh di*cross* dalam Dewan Yang Mulia ini sebenarnya masih boleh guna Duli Yang Maha Mulia dan masih boleh gunakan Kebawah Duli Paduka Baginda, boleh… dua-dua boleh. Jangan… jangan keliru ya… kalau nak *elaborate* lagi… masa minum-minum kita boleh *elaborate*, sebab tuanku hanya bagitahu kepada Jemaah Pangkuan, kepada saya, kepada tertentu, seolah-olah benda ni tidak berubah. Okey, harap Ahli Dewan semua faham, terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABDUL JALIL

Terima kasih pencerahan daripada Jelai, terima kasih. Baik Yang Berhormat Speaker, menyentuh tentang Dewan Undangan Negeri Luit ini, saya pertamanya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta sebagainya di kawasan saya yang saya kira memang kerja berdedikasi, yang kerjanya apa ni bersungguh-sungguh, yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' kitalah… Dato' DO kita Dato' Sharuddin Jali ya. Err… dan kita sempat bersama di pejabat daerah, dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah didapati di kawasan saya ini, ada lebih 30 atau hampir 40 projek-projek… senarai projek yang sedang dijalankan dan ada yang baru. Jadi saya rasa memang itu satu kerja yang yang *tough* la ya untuk kakitangan di kawasan DUN saya. Dan 38, 40 projek ini, berkaitan dengan 7, 8 kementerian juga.

Jadi saya ucapkan syabas dan tahniahlah. Semoga apa ni kakitangan kerajaan kita di kawasan DUN Luit ini dapat melaksanakan kerja-kerjanya. Sebab dalam buku audit pun saya terbaca juga ada ditulis. Rumusan Audit, saya baca sikitlah. Pembangunan Hartanah Komersial daerah Maran baik dan mencapai objektif. Sebanyak 82.1% projek yang diluluskan berjaya disiapkan. Jadi ini satu buktilah bahawa kakitangan kita di jabatan kerajaan di Maran… di Luit berjaya melaksanakan kerja-kerja dengan baik dan kerja-kerja ini banyaklah Yang Berhormat Speaker melibatkan kerja-kerja apa ni jalan raya… berkaitan jalan raya, berkaitan jambatan, simpang-simpang jalan, kerja-kerja sungai, infra, sungai, tebatan banjir dan sebagainya.

Juga bangunan-bangunan, kuarters, asrama, sekolah, klinik dan taman-taman ni semua antara projek yang sedang dijalankan dan akan dijalankan. Namun demikian, dalam sokongan kita kepada usaha kerajaan ini terdapat sedikit kekhuatiran sayalah sebab kita dapat laporan daripada Jabatan Pembangunan Negeri bahawasanya prestasi pelaksanaan projek… program pembangunan dalam *Rolling Plan* Ke-4 RMK Ke-12 sehingga April 24, menunjukkan prestasi negeri ya bukan prestasi Maran ya… prestasi negeri ini sangat rendah data dia.

Saya tak nak sebutlah berapa peratus, biar kita sama kita tahu cukuplah. Sangat rendah, jadi bila rendah ini, di antara yang tercorot juga ya. Kita kalau dalam industri ini, kalau rendah sangat, kalau bawah 25 *consider* tutuplah tak *reliable* projek tu. Kalau 25 hingga… 25 hingga berapa ya… hingga 50 syaratnya. Err… boleh apa ni… boleh buat *safe* audit dan sebagainya. Jadi data menunjukkan bahawa prestasi perbelanjaan ikut negeri kita ini memang sangat rendah dan saya juga nak menyentuh dan berharap kepada pihak kerajaan dapat meneliti, mengenal pasti dan meningkatkan prestasi ini. Mungkinlah, pada pandangan saya antara faktor-faktornya, mesyuaratlah sebab dalam kawasan projek ini biasa kita ada *project planning,* perancangan projek dan projek ini dibincang dalam mesyuarat.

Jadi, saya percaya boleh kita sebut dari sudut mesyuarat ini tak efisien antara faktor yang boleh merendahkan prestasi… peratusan prestasi kita ini. Sebab saya kira tak kiralah mesyuarat tu di peringkat unit apa jabatan atau agensi atau daerah atau macam kita peringkat Dewan Negeri sekali pun kita kena rasa bahawa kehadiran mesyuarat kita ni… mesyuarat kita hadir ini ialah mesyuarat *high profile meeting*, dengan izin ya. Makna kita kena anggap mesyuarat tu mesyuarat penting. Jadi kita kena datang dengan data-data, dengan maklumat dan kita mampu membuat keputusan-keputusan segera dalam mesyuarat itu. Antara faktor-faktor yang boleh membantu mempercepatkan prestasi projek yang dibuat dalam negeri kita ini. Sebab ada kalangan… saya pun ada pengalaman mesyuarat dalam agensi kerajaan pun memang ada isu-isu begini. Isu-isu yang ta... yang mesyuaratnya sambil lewa sahaja. Sampai boleh memohon takpelah maklumat ini akan saya bawak mesyuarat akan datang. Saya tidak ada maklumat, bos saya tak ada sebagainya.

Jadi antara faktor-faktor nampak kecil tapi dia memberi kesan kepada prestasi kita di dalam melaksanakan kerja. Dan juga satu lagi antara faktornya tapi orang alim sebut ni subjektif. Macam Yang Berhormat Jelai sebut subjektif. Ada orang alim kata ada satu ketika nanti manusia itu akan dibelenggu oleh peraturan yang mereka buat sendiri. Agaknya di masa kita je kot. Jalannya di bawah kuasa Majlis Daerah serah kepada kontraktor, kontraktor pun pening, mak ayah meninggallah apalah. Jadi dia berbolok-bolok, berbelit-belit. Ini antara faktor juga yang menyebabkan kita lambat dalam melaksanakan projek.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

ADUN Luit bangkit tentang prestasi. Sebenarnya prestasi ni biasanya kita ukur mengikut fakta yang ada. Jadi kalau kita menyentuh mengenai projek, kemudian kita katakan err… kegagalan ini, dia banyak sebab kegagalan ni. Tapi saya [ketawa] nak menarik perhatian sebab bila ADUN Luit bangkitkan mungkin ada pegawai datang sambil lewa jawab begitu. Saya takut nanti dia memberi gambaran yang negatif.

Biasa kita buat mesyuarat, kita akan teliti. Teliti mengenai, khusus mengenai projek. Dia banyak faktor. Antara lainnya yang saya nak maklumkan, kita sebenarnya tidak menjangka COVID melanda negara. Tetapi COVID-19 ini telah melanda bukan sahaja negara, seluruh dunia, dan ini memberi kesan kepada prestasi, sebarang projek yang dilaksanakan dan ini semua tahu sebenarnya.

Impak daripada COVID ini, bukan sahaja menyebabkan industri-industri tertentu tu err… menjadi ini, apa nama, tertekan dek kerana sumber-sumber yang berkaitan itu, susa… sukar didapati dan juga kosnya meningkat. Sebab itu, dalam konteks yang seumpama ini, saya rasa err… kita kena mengambil kira juga faktor-faktor yang err…

di luar daripada kawalan kita dan kalau sekiranya kita nak bangkitkan saya ingat lebih baik YB Luit bangkitkan projek mana. Jadi kita boleh *zero down* dan kita boleh juruskan kepada itu supaya dia berlaku adil kepada rakan-rakan err… kepegawaian di peringkat… semua peringkat kerana kalau dibuat secara *general*, dia akan tempelak kepada semua, dan ini saya rasa tak begitu adillah ya, terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Baik terima kasih kekanda Benta, memang cakap melalui pengalaman itu, ya. Err… saya pun pakai data je, data umum, negeri, data keseluruhan negeri tapi takpe kita teruskan juga. Err… tapi itulah…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sorry, malahan err… saya nak menokok err… inisiatif Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri. Malahan, bila disebutkan begini, contohnya, projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana tapak err… tak sesuai, tapak belum err… diluluskan.

Oleh kerana itu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri, inisiatif oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri, pihak Kerajaan Negeri mengeluarkan sijil. Ini Dato' Sri, sijil err… kebolehgunaan tanah itu sendiri, yang akan ditandatangani oleh Dato' Sri SS dan Dato' PTG.

Err… tiga pihak, maknanya Dato' Sri SS, Dato' PTG dan JKPTG, jadi ditandatangan kebolehgunaan tanah. Jadi usaha, memang kita peringkat negeri, berusaha, berikhtiar, bagaimana caranya untuk kita err… bantu bagi merancakkan err… pelaksanaan projek. Jadi untuk makluman sebagai inisiatif kita… kita mengambil langkah-langkah yang… kalau sekiranya YB err… Luit ada pandangan-pandangan yang boleh membantu, pihak kerajaan bersedia untuk mendengar dan memberi pertimbangan, terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Baik terima kasih Dato' Sri. Kita tak sambunglah isu tadi ya, kita teruskanlah perkara kedua saya. Err… susulan keberangkatan…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sekejap, saya minta sikit laluan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila… sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya tengok laporan tentang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Luit tentang laporan audit ini. Apa yang agak… agak pelik, tapi ini bukan, bukan nak menyalahkan mana-mana pihak, cuma saya nak dapat penjelasan. Dalam Laporan audit ini dia tidak menyebut syarikat. Dia cuma menyebut daftar syarikat.

Sebagai contoh ya, syarikat 982470-H. Kita tak tahu syarikat apa. Pada muka surat lain, err… syarikat. Err… bagi syarikat 342353-P. Rasanya agak pelik laporan tapi Laporan Audit Negara ni. Apakah dia memang… memang kaedah dia begitu sebabnya

saya yakin dia prosesnya memang betullah sebab laporan audit keluar. Cumanya isu kepada kita semualah bukan pihak pembangkang saja semua ialah, bila diguna kod, kita tak dapat err… tak dapat tahu syarikat mana sebenarnya yang ditimbulkan oleh audit.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya sebenarnya tak nak macam err… ADUN Cheka juga, tak nak menuding jari atau menyalahkan mana-mana pihak. Tapi saya terkejutlah, sebagai bekas apa nama, anggota Kabinet Kerajaan Pusat. Sebenarnya, akta dan peraturan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Maknanya ini, sistem pengauditan itu, dia tidak membenarkan ini apa nama yang menamakan, ataupun ada sistem, dia gunakan *coding-coding* tertentu ini *federal* bukannya di peringkat ini, peringkat negeri. Jadi saya rasa mungkin err… YB sedia maklum hanya kadang-kadang kita terlupa kot.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Habis ya, tak ada dah. Susulan keberangkatan, err… Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ke daerah Maran baru-baru ini, 20 hari bulan 3, saya berkesempatan berada di dalam bilik taklimat itu, terima kasihlah kepada pejabat daerah yang menjemput kita sekali.

Err…, namun saya nak bagi cadangan je, saya nak bagi cadangan tambahan jika sesuailah. Dalam taklimat itu, err… Yang Hormat Dato' Pegawai Daerah cuma bentang pembangunan fizikallah sikit-sikit, tentang longkang, bangunan sebagai jalan raya, air dan sebagainya.

Saya nak cadangkan buat tambahan lagi, iaitu pembentangan Pembangunan Insan Daerah. Dato' kena cerita jugalah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda ini, tentang ihsan apa ini insan tempat kita. Orang… manusia dan gelandangan macam mana kita *handle* orang gila misalannya kalau ada orang penagih-penagih dadah itu. Sebab lepas taklimat tu memang, apa ini, Kebawah Duli Paduka Baginda, memang tekan ditanya persoalan tentang penagih dadah, ya.

Dan yang ketiganya, saya cadangkan, ada juga apa ini pembentangan pembangunan ekonomi daerah. Sebab dalam tahun ini, saya nampak banyak program di Majlis Daerah Maran sendiri, program buka gerai dan sebagainya. Latihan-latihan kepada usahawan-usahawan. Saya rasa elok dipersembahkan kepada Tuanku Paduka Baginda tentang maklumat yang apa kita buat di daerah kita. Jadi itulah, saya rasa, kalau boleh ditambahkan lagi, ya. Walaupun masa untuk satu tajuk pembangunan… pembangunan fizikal pun dah satu jam, saya rasa boleh di*compact*kanlah, dikemaskan, dipadatkan lagi untuk persembahan pada Paduka Baginda.

Kemudian juga saya nak cadang juga kepada kerajaan terutamanya khusus… khususnya kepada pihak yang buat teks khutbah ini, teks khutbah. Inilah kita pun dah rasa gembira. Kita boleh rakam rasa gembira kita. Keberangkatan balik Tuanku menjadi sultan kembali sebagai sultan ke negeri… negeri ini. Elok kita cari teks-teks ataupun titah-titah, titah perintah ke, titah pesanan ke, titah peringatan ke, ditaruk ke dalam slot khutbah Jumaat.

Dengan lima… enam ratus masjid yang ada ini saya rasa, mesej-mesej ini akan sampai sementelahan pula, kita kalau ikut pada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker

pagi tadi dia kata memang Tuanku kita ini dah berada di hati rakyat. Jadi bila ada mesej-mesej dalam khutbah ini mudah untuk sampai kepada rakyat.

Contoh yang ada sekarang ini, apabila Paduka Baginda pesan, solat berjemaah di masjid-masjid, surau-surau, dalam khutbah ya, jadi dah boleh dah jadi, perbahasan di kalangan kita di luar… luar pada masjid itu.

Jadi, saya cadangkan dapatkan lagi apa teks-teks, titah err… Paduka Baginda ini dalam mengamalkan kehidupan Islam dan letakkanlah dalam khutbah itu. Dan juga mesej-mesej ini boleh dipanjangkan lagi kepada kita punya penceramah-penceramah kuliah kita ya, macam kita di sebelah sini ramai yang ada tauliah ini, boleh bawa err… bincang dibawa dalam kuliah-kuliah dan sebagainya.

Jadi, itu saja yang saya boleh sebut cadangan-cadangan saya kepada pihak kerajaan err… dan akhirnya saya nak mohon juga kat sini, dalam Sidang Dewan ini, err… kepada kontraktor-kontraktor yang membuat kerja di kawasan saya, ECRL ke, ataupun apa ni syarikat-syarikat yang buat tebatan banjir dan sebagainya.

Mohon sangatlah mereka ini dapat meraikanlah, aduan-aduan daripada penduduk kampung. Ya, masalah-masalah yang timbul akibat projek yang dijalankan tu. Contohnya, air… air… air… apa ini air termenung, air bertakung dalam kebun dia, air tersumbat dan sebagainya dan jalan-jalan kebun yang terputus, jalan tak rata, lecah, licin dan sebagainya. Kita mohon sangat kepada kontraktor-kontraktor yang dapat projek tempat kita ini, err… peka sikitlah kepada aduan-aduan kami di DUN Luit ini.

Err… dan saya ucap terima kasih juga kepada pihak kerajaan yang pada isu-isu pada penggal yang lepas telah pun di... di… diberi perhatian.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

YB Speaker,

Minta maaf, ini sahabat saya daripada Luit dia sebenarnya gini. Dia kerja-kerja kontrak ni, dia bila kita ada perjanjian satu dipanggil kontrak perjanjian antara pihak kerajaan yang mewakilkan pegawai ni apa nama Penguasa SO lah *Supervisor officer* dipanggil jadi, dengan kontraktor jadi pihak kontraktor kalau sekiranya dia nak melaksanakan sesuatu projek sama ada dia melaksanakan bersandarkan kepada spesifikasi… spesifikasi termasuklah syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuk pelan, reka bentuk dan sebagainya dan juga arahan daripada SO ni tadi. Ni *Supritening Officer* ni maknanya ni… ni… *Supervising Officer*.

Jadi, kalau sekiranya misal contoh penduduk… masyarakat ada masalah, saya rasa sesuai dibangkitkan kepada pihak yang berwajib katalah projek tadi JPS bangkit dengan ni jurutera di Jabatan Pengairan dan Saliran supaya perkara ini dapat diambil tindakan dan boleh dikeluarkan arahan. Arahan *version order* pindaan ini apa nama ni pindaan ya *version order (VO)*. *So,* bila dibagi *VO*, arahan tu kontraktor wajib mengikuti. Tetapi pada masa yang sama kontraktor juga berhak untuk menuntut kos tambahan.

Jadi kalau dibuat misal contohnya katalah sorang komplen dibuat lepas tu orang lain komplen buat akhirnya besok dia tak mampu untuk menyiapkan kerja utama dia tetapi lebih melayan kepada kehendak dan permintaan daripada mereka yang… yang terlibat dengan projek itu maknanya orang kampunglah. *So,* kalau ada YB ye, maklumkan kepada minta Tok Empat, Tok Penghulu maklumkan kepada Jurutera

Daerah atau jurutera projek agar perkara-perkara ini dapat diambil kira dan dikeluarkan satu arahan ni pinda kerja yang baru sepertimana yang diperuntukkan dalam kontrak yang dimeterai antara pihak ni kerajaan dengan kontraktor. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Baik, terima kasih *respons* daripada pihak kerajaan err... dan akhirnya saya sentuh juga projek yang penggal lepas yang telah mendapat perhatian pihak kerajaan terima kasih banyak pada pihak kerajaan err... terutamanya saya menyebut tentang keperluan sebuah jambatan, di DUN Luit tu iaitu Jambatan Lubuk Paku yang menyeberang ke Kampung Kuala Wau dan telah dimasukkan dalam senarai projek-projek di Bandar Maran yang kita pernah bermesyuarat bersama dengan wakil kerajaan, Yang Berhormat Dato' daripada Peramu Jaya err… dan saya pun mohon sangat kepada wakil kerajaan angkat projek ini menjadi prioriti menjadi keutamaan untuk projek di DUN Luit ini, Bandar Maran sebenarnya. Dan selain itu, kita juga dapat *respons* juga daripada pentadbir daerah tentang bandar purba yang kita sebut dulu. Ada bandar purba di Bandar Maran belakang tu bandar lama yang terbengkalai. Dan juga isu penduduk 25 keluarga rumah kilang yang tidak tahu lagi apa nasib masa depan status tanah yang didiami itu.

Jadi, akhirnya saya kena rakam juga ni rasa dukacita tapi tak sedih sangat er... bila mana, hari raya baru ni kita tak dapat nak guna kemudahan kerajaan ye. Minta mohon dewan, minta mohon tempat, padang sebagainya. Jadi takpelah kira *win-win* kita pun ada ada hikmah juga sebaliknya. Jadi, sedih jugalah sebab kita pun kampung orang situ kan tempat… tempat kita di situ tempat lahir kita di situ tempat kita membesar di situ, tapi tak dapat nak guna ye. Jadi saya akhirilah dengan perbahasan saya ini dengan dua buah pantun.

Kain kering kain basah,
Mari jemur atas tali,
Jaga negeri ini tak susah,
Yang susah tu jaga hati.

Yang keduanya.

Anak kecil udang galah,
Mari main dalam kendi,
Jangan mengundang murka Allah,
Tapi rahmat-Nya yang kita cari.

Sekian, saya mohon menyokong usul Titah Diraja, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Yang Berhormat Luit. Sebelum saya menjemput wakil kemudian, saya ingin mengingatkan kepada Wakil Rakyat ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengikut Perkara (19)1 Peraturan Majlis Mesyuarat iaitu Yang Berhormat tidak boleh mendedahkan maklumat seperti Laporan Audit sehingga Isnin, 13 haribulan Mei 2024. Okay, itu sahaja. Seterusnya saya ingin menjemput Ahli dari Sungai Lembing.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Bismillahirahmanirrahim. Assalamulaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Speaker, Sungai Lembing menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, atas Titah Diraja yang menzahirkan keprihatinan terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta pembangunan di negeri ini. Juga masih tidak terlambat buat patik juga mewakili warga Sungai Lembing merafak sembah mengalu-alukan keberangkatan balik Paduka Baginda ke negeri Pahang Darul Makmur ini. Semoga Allah terus mengurniakan Afiat buat Tuanku sepanjang bersemayam di takhta Kerajaan Negeri yang dicintai dan dikasihi ini.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin memulakan perbahasan Titah Diraja ini dengan ucapan setinggi tahniah atas prestasi kutipan hasil negeri yang memberangsangkan seperti mana yang dititahkan oleh Tuanku Baginda… Tuanku Paduka Baginda dalam Titah Diraja tempoh hari. Hal ini dapat dicapai dengan adanya perancangan strategik yang berkesan oleh Kerajaan Negeri dan juga sokongan pelaksanaan dan operasi yang komited dan dedikasi oleh semua kakitangan-kakitangan sektor awam dalam menjayakan agenda ini. Dalam hal ini juga, Tuanku ada menitahkan agar kerajaan menitikberatkan perihal tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan integriti dalam merealisasikan harapan sebagai sebuah negeri yang beretika dan berintegriti tinggi. Apabila berbicara tentang perihal tadbir urus yang baik dan berintegriti, suka saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa terkilan dan kecewa atas dasar berat sebelah Kerajaan Negeri dalam menguruskan fasiliti dan kemudahan awam yang diselia oleh organisasi setempat mahupun pentadbiran awam di negeri ini.

Pengalaman saya yang terbaru adalah ketika… ketika mana saya ingin menganjurkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri peringkat Dewan Negeri Sungai Lembing, di Dewan Orang Ramai Kampung Kolek pada minggu… pada minggu lepas. Majlis anjuran Pusat Khidmat saya itu telah cuba diganggu gugat oleh tangan-tangan ghaib, Ahli Politik sehingga cuba mengaitkan nama Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk campur tangan bagi menghalang atau menutup dewan orang ramai tersebut daripada digunakan untuk majlis jamuan saya. Namun, saya melahirkan rasa syukur dan penghargaan tidak terhingga atas pertimbangan dan toleransi pimpinan setempat yang memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan majlis tersebut. Ini baru satu contoh ketidakadilan dan tidak berintegriti Kerajaan Negeri dalam menguruskan fasiliti dan kemudahan awam yang saya sendiri alami.

Saya percaya rakan-rakan saya seperti mana yang telah disebut tadi di meja pembangkang ini juga mempunyai banyak pengalaman yang sama seperti saya alami. Besar harapan saya agar semua kita tidak kira di meja di meja pembangkang mahupun kerajaan bersama mendokong dan melaksanakan harapan titah Baginda yang menyeru kita semua untuk sentiasa menitik beratkan perihal tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan integriti dalam setiap keputusan, tindakan dan dasar yang kita ingin laksanakan.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam kesempatan ini, ingin saya lahirkan kegusaran rakyat di bawah atas tekanan ekonomi yang kian menekan pada masa kini. Saya kerap menerima mesej aduan dan rintihan daripada pelbagai lapisan rakyat. Yang lain… yang antara lain menyatakan kegusaran atas peningkatan barangan keperluan asas dan makanan sekali gus meningkatkan kos sara hidup bulanan rakyat di negeri ini. Saya ingin mencadangkan

kepada pihak kerajaan agar memperhalusi titah Tuanku yang meletakkan harapan tinggi agar badan penguatkuasa tidak takut dan gusar dalam menjalankan tanggungjawab dan terus proaktif dalam memperkasa tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti pemeriksaan berkala, harga barangan kawalan dan keperluan asas di premis perniagaan tumpuan utama di seluruh negeri ini.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam berbicara tentang kos sara hidup yang kian meningkat sekarang, Sungai Lembing melihat antara pendekatan yang boleh membantu mengurangkan tekanan ini adalah dengan membentuk kitaran pengguna dalam kalangan rakyat di negeri kita… negeri ini. Kitaran pengguna ini boleh dibentuk dengan pemerkasaan budaya dan pendekatan koperasi dalam kalangan rakyat di negeri ini. Melalui amalan koperasi ini, rakyat di negeri ini akan menerima manfaat semula terhadap apa yang mereka belanjakan sebagai pengguna dalam kehidupan seharian mereka. Semakin banyak mereka berbelanja semakin tinggi manfaat dan faedah yang bakal mereka terima daripada koperasi yang mereka sertai.

Dalam hal ini, suka saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk menggagaskan inisiatif… inisiatif pembentukan koperasi dalam kalangan komuniti setempat terutamanya golongan rentan dan muda. Kerajaan seharusnya membuka jalan kepada golongan ini untuk turut serta dalam mana-mana koperasi dengan menyediakan geran khas sebagai modal awal keahlian individu dan juga modal permulaan kepada permulaan sesuatu koperasi. Besarlah harapan kita dengan berkembangnya budaya dan amalan koperasi ini, kita mampu untuk merapatkan jurang pengguna dan pengeluar barangan, sekali gus mampu untuk memutuskan jaringan monopoli satu pihak dalam mana-mana barangan dan industri di samping mampu untuk menambah aliran tunai dan kuasa beli dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker,

Perkara seterusnya yang ingin saya ketengahkan dalam kesempatan ini adalah peruntukan RM301.29 juta bagi melaksanakan 249 Projek Pembangunan Negeri dan Pembekalan Air seperti yang dibentangkan dalam sesi Pembentangan Bajet Negeri Pahang 2024 yang lepas. Soalan saya, bilakah isu bekalan air bersih di kawasan Sungai Lembing akan dapat diselesaikan dengan sebaiknya? Ini sudah kali ke-4 saya bangkitkan isu bekalan air bersih di kawasan saya ini di dalam Dewan ini. Sehingga kini, masalah ini seolah-olah tiada langkah konkrit dan serius diambil oleh kerajaan di mata rakyat Sungai Lembing untuk menyelesaikannya.

Sebagai contoh yang terbaru hampir 8 hari penduduk di Taman Perumahan Kampung Kolek terputus bekalan air. Puncanya adalah kerana berlakunya paip pecah di kawasan tersebut dan masalah berlarutan apabila paip yang ditukar itu err… apabila ditukar di err… apa ni… di sini, bocor di sana, apabila baiki di sana bocor di sini. Begitulah keadaan yang berlaku di err… kawasan Sungai Lembing ketika ini. Perkara ini sangat menyedihkan saya sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Sungai Lembing ini. Kawasan saya ini bukanlah dikategorikan sebagai kawasan pedalaman yang perlu dilalui dengan jalan balak. Hanya terletak kira-kira 15 hingga 20 kilometer sahaja dari ibu negeri Pahang, Bandar Raya Kuantan. Namun, nikmat bekalan air bersih untuk penduduk di sini seolah-olah mereka duduk di kawasan jauh di pedalaman pada dekad awal kemerdekaan.

Dalam hal ini juga, saya ingin memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri daripada sejumlah RM301.29 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air dalam bajet yang lepas, berapa yang sudah dibelanjakan bagi tujuan penambahbaikan sistem bekalan air bersih khususnya di kawasan Sungai Lembing. Seterusnya juga… seterusnya saya juga, ingin penjelasan tentang status pemasangan *booster pump,* dengan izin di kawasan perumahan Bukit Goh dan Tangki Air Bukit Kuin. Apa perkembangan terkini dan sejauh manakah impaknya jika dapat diselesaikan dalam masa terdekat. Harapan saya, pada persidangan akan dating sidang dewan ini tidak akan mendengar lagi saya bercakap tentang isu bekalan air bersih di kawasan Sungai Lembing.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PAIP kerana memberi kerjasama yang baik sepanjang masalah… masalah air yang berlaku di Taman Perumahan Kolek baru-baru ini dan saya ingin menafikan telahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kononnya sebelah sana sahaja yang puji, sebelah sini asyik hentam saja err… dengan boleh tengok merujuk pada video *live* yang saya buat di *Facebook* saya, err... tidak ada hentaman kepada pihak PAIP melainkan kita ucapkan terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam kesempatan ini, suka untuk saya menyentuh titah Tuanku untuk memperhebatkan lagi sektor pertanian dengan memfokuskan pembangunan pertanian berteknologi tinggi bagi merangsang pengeluaran makanan yang berkualiti tinggi, mencukupi dan selamat untuk dimakan. Dalam hal ini juga, baginda ada bertitah agar generasi muda perlu dilibatkan dan digalakkan dalam industri pertanian moden dan berteknologi tinggi supaya mereka boleh menjadi agropreneur muda. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan seharusnya membangunkan dan mengintegrasikan kursus pembangunan teknologi tinggi dengan industri pertanian bagi menarik minat golongan muda untuk bersama dalam projek pertanian moden.

Kursus-kursus seperti pengendalian *drone*, pertanian, penggunaan jentera berat moden dan berteknologi tinggi. Pengurusan pertanian secara digital seharusnya menjadi fokus Kerajaan Negeri dalam membangunkan sumber manusia yang berkualiti dalam kelompok anak muda untuk sektor dan industri pertanian. Sungguh pun begitu ingin saya peringatkan kepada semua pelaksana. Semua aspirasi ini hanya boleh berjaya dicapai jika pelaksanaannya disulam dengan kejujuran, tatakelola dan pengurusan yang baik serta nilai integriti yang tinggi. Saya tidak mahu projek ini menjadi seperti projek Akademi Kecemerlangan Sukan Drone Negara (AKSADRON) yang pernah dilancarkan oleh mantan Timbalan Menteri Kewangan di kawasan Paya Bungor pada tahun 2022 dengan peruntukan kerajaan yang besar.

Namun, sehingga kini langsung tidak ada apa-apa perkembangan yang konstruktif. Pembaharuan yang hanya dapat dilihat di kawasan itu hanyalah kawasan yang telah dibersihkan suatu ketika dahulu dan beberapa buah sangkar ikan yang baru diletakkan di kawasan paya di kawasan tersebut. Perkembangan pembangunan berkaitan *drone* langsung tidak kelihatan. Saya kira projek ini gagal dan berlaku kebocoran dana kerajaan dalam projek ini. Alangkah baiknya peruntukan ini disalurkan kepada program *drone* pertanian untuk generasi muda lebih realistik dan praktikal serta rendah kosnya berbanding dengan projek ini.

Saya tidak mahu program pertanian moden untuk generasi muda menjadi seperti ini. Rancang dan laksanakanlah projek-projek dan program yang bersifat realistik dan relevan dari sudut aplikasi dan juga realiti semasa dan setempat.

Yang Berhormat Speaker,

Saya sememangnya sangat gembira apabila RM31.6 juta peruntukan telah memberi manfaat kepada 51,000 penerima biasiswa Yayasan Pahang pada tahun 2023. Sejak tahun 1983 lagi Yayasan Pahang telah membiayai pendidikan untuk anak-anak Pahang dengan kos peruntukan lebih RM488 juta.

Dalam hal ini, saya ingin menzahirkan, setinggi tahniah kepada pentadbiran Kerajaan Negeri kerana serius dalam soal pembangunan sumber manusia yang berkualiti melalui pendidikan kepada warga negeri ini. Sungguh pun begitu, saya juga ingin… inginkan penjelasan lanjut daripada kerajaan tentang pasaran kerja sumber manusia yang mendapat pembiayaan pendidikan daripada Yayasan Pahang. Apa laluan kerja yang dirancang untuk mereka ini oleh pihak kerajaan? Berapa peratuskah penerima pembiayaan pendidikan ini kembali berkhidmat di negeri Pahang? Sejauh manakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber manusia berkualiti tinggi negeri Pahang ini kembali menabur bakti di negeri Pahang ini?

Saya melahirkan rasa terkilan apabila mendengar ada di kalangan anak-anak Pahang yang berpotensi tinggi, berpotensi besar dan berkualiti tinggi. Tidak dapat… tidak mendapat tempat dalam pentadbiran dan struktur Kerajaan Negeri sehingga terpaksa menyumbang dan berkhidmat di negeri lain. Saya ingin menyeru Kerajaan Negeri agar memanfaatkan sepenuhnya modal insan dan sumber manusia yang berkualiti dalam kalangan anak negeri Pahang untuk membantu menguruskan pentadbiran negeri dan melonjakkan ekonomi dan pembangunan negeri.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri seharusnya memanfaatkan pelaburan komited yang bernilai RM11.66 bilion pada tahun 2023 untuk membuka ruang dan peluang kepada modal insan dan sumber manusia dalam kalangan anak-anak negeri ini untuk menyumbang dan berkhidmat menabur bakti di negeri ini, sekali gus menjadi tulang belakang kepada kemampanan ekosistem sosioekonomi di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker,

Yang terakhir, saya ingin menyentuh mengenai aspek peranan-peranan Ahli Dewan Negeri. Kita semua di sini telah hampir setengah penggal dipilih dan berkhidmat untuk rakyat di kawasan masing-masing. Harapan saya kepada kerajaan supaya peruntukan kepada semua Ahli Dewan Negeri dapat diagih... diagihkan dengan adil tidak kira sama ada kerajaan mahupun pembangkang kerana pada akhirnya kita semua perlu berkhidmat kepada rakyat sejajar dengan Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka... Paduka Anakanda Tengku Mahkota Pahang. Dengan ini saya menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Lembing. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDIN BIN SALIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera buat semua. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih Yang Berhormat Speaker yang memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian berbahas Usul Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Saya menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan menjunjung kasih di atas ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan PahangAl-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Begitu juga kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan melahirkan rasa syukur yang teramat sangat di atas kembalinya Paduka Baginda menduduki takhta sebagai Raja yang memerintah di negeri Pahang dan segala jajahan takluknya.

Saya juga ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tinggi tahniah kepada Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah yang memerintah negeri Pahang sebagai Pemangku Raja Pahang selama Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah menjadi Yang di-Pertuan Agong bagi negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Speaker,

Kita semua bersidang di sini pada hari ini adalah untuk membawa suara dan masalah rakyat untuk sama-sama kita teliti dan perbincangkan bagi mencari penyelesaian terbaik terutama di masa seluruh rakyat hari ini berhadapan dengan tekanan hidup dari sudut ekonomi dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang berlaku di sekitar kita pada hari ini. Titah Paduka Baginda Al-Sultan agar kita semua berbahas dengan prinsip mendahulukan kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri Pahang dalam setiap hujah yang disampaikan adalah menjadi asas kepada perbahasan kita bersama di sini, insya-Allah. Dalam menanggapi perkara ini, saya mengharapkan Kerajaan Negeri dapat bertindak dengan lebih menepati lunas demokrasi sebenar. Dalam politik moden yang semakin berkembang dan terbuka di negara kita dengan memberikan layanan yang adil dan sama rata kepada kami ADUN-ADUN Pembangkang.

Rakyat pada hari ini telah lebih terbuka dengan maklumat di hujung jari yang boleh diperolehi oleh mereka untuk menilai kita semua sebagai pemimpin dan Wakil-wakil Rakyat di negeri Pahang ini. Peruntukan yang sama rata dan layanan yang lebih terbuka oleh jabatan-jabatan kerajaan kepada ADUN-ADUN Pembangkang akan membolehkan kami memberikan khidmat yang lebih baik secara langsung kepada rakyat. Sesuai dengan kedudukan kami sebagai Wakil Rakyat yang telah dipilih oleh mereka para pengundi dalam proses demokrasi pilihan raya yang telah kita lalui.

Yang Berhormat Speaker,

Sebagaimana Titah Paduka Baginda Al-Sultan berkaitan prestasi kutipan hasil negeri yang begitu baik sewajarnya peruntukan yang sama rata diberi kepada kami ADUN-ADUN Pembangkang menepati Titah Paduka Baginda Tuanku bagi mendahulukan kepentingan rakyat yang kami wakili di kawasan kami. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pemberian peruntukan RM5,000.00 setahun yang diberi pada setiap bulan Ramadan pada dua tahun yang berlalu kepada kami dan projek kecil bernilai RM30,000.00 yang diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Tanah dan Daerah melalui Agensi Pembangunan Luar Bandar tetapi pada hemat saya, peruntukan ini wajar disemak semula supaya diberikan sama rata atau dalam jumlah yang lebih wajar kepada kami secara bulanan bagi kepentingan rakyat yang kami wakili di kawasan kami.

Dalam masa yang sama, kenaikan tarif air yang telah pun dilaksanakan bermula Februari yang lalu menambah beban rakyat negeri ini di tengah-tengah kenaikan pelbagai cukai yang berlaku di peringkat Persekutuan termasuklah kenaikan cukai

SST daripada 6% kepada 8% yang pastinya menambah keperitan ramai rakyat di luar sana. Saya mengharapkan dengan kenaikan tarif air ini membawa bersama perkhidmatan yang lebih baik dan perlu ditingkatkan ke tahap kecemerlangan sesuai dengan kenaikan tarif tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Pihak pengurusan PAIP juga diminta lebih bersedia berhadapan dengan keadaan penggunaan air yang mendadak naik pada satu-satu masa. Sebagai contoh, pada musim perayaan Aidilfitri yang lalu dengan gandaan penggunaan yang tinggi di satu-satu kawasan menyebabkan kawasan yang sedia bermasalah seperti di kawasan yang tinggi dan terletak di hujung sistem rangkaian paip air bertambah buruk keadaannya yang memakan masa sehingga kadang-kala selama lima… enam hari tanpa bekalan air paip dan sistem sokongan seperti lori-lori tangki juga gagal sampai dalam masa yang sepatutnya untuk membekalkan air ke kawasan-kawasan terbabit.

PAIP diharapkan dapat meningkatkan kesediaan untuk berhadapan dengan situasi-situasi yang seperti ini. Dalam kawasan saya, kawasan-kawasan yang tinggi seperti kawasan perpindahan banjir Kampung Desa Murni, Sanggang, Bukit Kelulut dan Kampung Orang Asli Paya Mengkuang. Manakala di kawasan yang jauh di hujung sistem rangkaian paip seperti Kampung Orang Asli Paya Mengkuang… err… Kampung Orang Asli Paya Badak yang memang selalu menghadapi masalah air paip menjadi semakin buruk keadaannya pada musim perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam hal tarif air ini, saya ingin membawa satu aduan khusus rakyat di tempat saya berkaitan tarif yang dikenakan kepada tapak pertanian ataupun kebun yang mana satu kadar minima rata sejumlah RM30.00 sebulan dikenakan kepada tapak pertanian atau kebun. Suka saya mencadangkan supaya kadar ini hanya dikenakan kepada tapak pertanian atau kebun atau ladang yang melebihi lima ekar dan ke atas. Ini kerana pemilik-pemilik tanah terutama di kampung-kampung mereka memiliki tapak tanah dalam keluasan seumpama seperti suku ekar, setengah ekar atau tiga suku ekar yang mereka cadang untuk dibuat rumah bila pencen atau pada hari tua mereka.

Dan buat sementara waktu, mereka menanam tanaman kontan seperti sayur-sayuran, pisang atau beberapa batang pohon durian dan dalam jumlah kecil. Dan memasang paip air untuk kegunaan apabila sesekali mereka ke kebun. Tidak wajar suatu kadar minima rata RM30.00 dikenakan kepada mereka. Sebaliknya adalah dicadangkan untuk dikenakan caj mengikut kadar penggunaan bulanan yang mereka gunakan seperti penggunaan domestik yang lain.

Yang Berhormat Speaker…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan sikit, bagi laluan. Kita rehat sekejap. Isu yang kita hadapi sekarang ni ialah isu penggunaan air terawat kepada sektor yang tidak sepatutnya. Basuh kereta guna air terawat, siram pokok, kebun guna air terawat menyebabkan tekanan dihadapi oleh syarikat air. Ini berlaku realiti hidup sedangkan sepatutnya dalam proses penjimatan yang dibuat oleh Perbadanan Aset Air Negara, kita dapati bahawa penggunaan air terawat ini perlu ada *backup*. Daripada sumber tak perlu air terawat. Siram pokok, basuh err… basuh kereta, sebenarnya tak perlu air terawat. Jadi dengan peningkatan kos, saya rasa apa di err… isu dibangkitkan oleh Semantan tadi ialah supaya suatu

mekanisme mencari alternatif kepada mengurangkan penggunaan air terawat untuk minuman sahaja. Manakala yang tempat yang tidak serius tu kita guna air yang tidak terawat. Ini mintak sekadar pandangan dan bagi mengurangkan kos pekebun-pekebun yang dibangkitkan oleh Semantan. Terima kasih.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Cuma sedikit penjelasan yang saya sebut tadi adalah tanah-tanah yang keluasannya kecil seumpama suku ekar, 3 suku ekar yang dimiliki oleh masyarakat kampung. Mereka ni cadang nak buat rumah pada masa mereka pencen ataupun hari tua mereka. Untuk sementara waktu mereka mungkin buat pondok kecil dan sedikit tanaman kontan dan sebagainya. Hujung minggu mereka datang, ketika berehat, mereka nak guna air untuk minum dan sebagainya sebagaimana yang disebut oleh Dato' Sri, ini yang saya maksudkan.

Jadi adalah tidak wajar dikenakan caj RM30.00 rata setiap bulan kepada kebun-kebun yang seperti ini. Mungkin boleh disesuaikan mekanismenya kebun yang lebih luas, 5 ekar ke atas dan sebagainya dikenakan caj rata RM30.00. Ada pun yang kecik-kecik ini, orang-orang kampung kita ada tanah sikit dia simpan nak buat rumah di hari tua, dia sambunglah air sementara kan. Jadi untuk itu, saya rasa wajar dia dikenakan caj domestik sepertimana caj-caj yang lain juga.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga suka menarik perhatian kita semua kepada titah baginda Sultan dalam hal pertanian dan keterjaminan makanan. Paduka Baginda bertitah tentang perlunya Kerajaan Negeri memfokuskan kepada pembangunan pertanian berteknologi tinggi bagi pengeluaran makanan yang berkualiti, mencukupi dan selamat dimakan. Realitinya, beras putih tempatan yang menjadi makanan asas utama kepada kebanyakan rakyat sehingga ke hari ini masih sukar didapati di pasaran pada harga kawalan RM26.00 yang ditetapkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Mengikut maklumat, keluasan kawasan pertanian di negeri Pahang ini adalah 1,354,320.62 hektar iaitu sebanyak 37.66% dan sudah tentu daripada jumlah itu banyak kawasan paya terbiar yang ada di seluruh daerah di negeri Pahang. Satu ketika dulu kawasan paya ini sebahagiannya adalah sawah padi yang diusahakan oleh orang-orang tua kita. Sayugia, dicadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan jelapang padi di negeri Pahang ini dengan dibangunkan sistem saliran yang baik dan berteknologi tinggi bagi pengeluaran padi dan beras. Setidak-tidaknya untuk menampung keperluan rakyat negeri Pahang tanpa bergantung kepada padi dan beras dari luar.

Yang Berhormat Speaker,

Golongan muda yang ramai di luar sana yang pada hari ini juga sukar untuk memperolehi pekerjaan boleh dilatih untuk menceburkan diri dalam bidang pembangunan pertanian moden. Pengeluaran padi beras ini sepertimana titah Paduka Baginda Tuanku yang mahu golongan muda dilatih menjadi Agropreneur Muda di negeri Pahang ini.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh tentang prestasi kutipan hasil kerajaan negeri yang dilaporkan meningkat saban tahun yang menggambarkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang baik. Suka saya mencadangkan supaya elaun kepimpinan masyarakat di kawasan kampung seperti Pengerusi JPKK, Imam, Bilal dan Siak di masjid-masjid dinaikkan bersesuaian dengan ketetapan gaji minima yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Dalam hal ini juga, saya membawa suatu pesanan khas daripada rakan-rakan kepimpinan JPKK yang meminta supaya elaun pengurusan mesyuarat JPKK dinaikkan kadar… kadarnya iaitu pada kadar semasa RM100.00 untuk setiap kali mesyuarat kerana tidak mencukupi kerana dengan jumlah tersebutlah persiapan kertas mesyuarat, fotostat, alat tulis dan juga persediaan persegaran mesyuarat perlu disiapkan oleh pengerusi-pengerusi JPKK. Acap kali mereka terpaksa mengeluarkan duit poket sendiri sebagai tambahan untuk perkara-perkara tersebut.

Buat akhirnya saya ingin menyentuh langsung beberapa perkara berkaitan kawasan saya selain daripada masalah bekalan air yang telah pun saya sebutkan sebelum ini. Yang pertama, projek menaik taraf Jambatan Temerloh sudah hampir siap. Saya suka mencadangkan supaya laluan Persekutuan 2 yang melalui jambatan ini dibesarkan kepada dua laluan sehala. Bermula dari Karak ke Maran atau setidak-tidaknya daripada simpang lampu isyarat *bypass* berhampiran dengan SMK Seri Semantan di Mentakab hingga ke persimpangan Chenor kerana laluan ini tinggi penggunaan oleh penduduk setempat semasa hujung minggu dan juga cuti umum berlaku kesesakan lalu lintas di jambatan ini. Dibimbangi jika laluan Persekutuan 2 di kawasan jambatan ini tidak dibesarkan, akan menyebabkan kesesakan lalu lintas pula di atas jambatan apabila jambatan ini disiapkan nanti.

Yang kedua, penyelenggaraan jalan di Laluan C119 daripada Hotel Seri Malaysia di Bandar Temerloh hingga ke persimpangan Lubuk Kawah dan di Jalan Temerloh-Jerantut. Keadaan permukaan jalan ini teruk disebabkan oleh lori-lori pasir yang bersaiz besar menggunakan jalan ini secara intensif bagi mengeluarkan pasir sungai di Kampung Bangau Tanjung. Masalah ini sudah agak lama dan sehingga kini tidak dapat ditangani secara baik oleh agensi-agensi yang berkaitan di daerah Temerloh.

Hal ini memerlukan suatu tindakan bersama yang diselaraskan melibatkan agensi-agensi seperti JKR, polis, JPJ, PAIP dan Pejabat Daerah sendiri. Disebabkan oleh penggunaan yang intensif oleh lori-lori di kawasan ini, permukaan jalan rosak dan pecah. Terdapat pula laluan paip air di bawahnya juga sering kali pecah mungkin disebabkan oleh usia paip yang telah lama dan lori yang berat yang melalui jalan ini menyebabkan pembaikan sementara yang dilakukan menjadikan permukaan jalan bergelombang, berlekuk-lekik dan tidak rata. Ini memerlukan tindakan bersepadu agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

Yang ketiga, keadaan cerun Sungai Pahang yang terhakis dan runtuh di beberapa kampung sepanjang Sungai Pahang seperti di Bangau Tanjung dan juga di Lubuk Kawah yang mengancam keadaan rumah penduduk dan perusahaan ikan sangkar di kawasan ini. Ada rumah yang berhampiran dengan cerun ini yang dibimbangi akan terkesan dengan cerun... dengan hakisan cerun yang berhampiran dengan rumah mereka dan juga sebahagiannya mengganggu operasi ikan sangkar yang diusahakan oleh penduduk-penduduk di sini.

Mohon supaya pihak JPS dapat bertindak terhadap isu ini untuk kepentingan penduduk-penduduk setempat. Buat akhirnya saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada sidang kali ini. Sekian perbahasan saya, terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat kawasan Kuala Semantan. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Mentakab.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah di Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Speaker,

Pembangunan modal insan adalah aspek yang sangat penting dalam memacu pembangunan negara seiring dengan negara maju dan ia perlu sentiasa dititikberatkan untuk memastikan negara kita mempunyai sumber manusia yang berkualiti dan mencukupi untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan perkembangan industri. Justeru itu, penubuhan Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah mustahak untuk mewujudkan peluang pendidikan kepada generasi masa depan dan melahirkan golongan profesional dan tenaga kerja yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Di sini saya ingin mengesyorkan supaya satu institusi pengajian tinggi yang baru dapat diwujudkan di daerah Temerloh khususnya di kawasan Mentakab dalam masa terdekat. Ini merupakan hasrat masyarakat Temerloh yang masih belum tercapai setelah berpuluhan tahun. Walaupun Temerloh merupakan bandar yang yang kedua terbesar di negeri Pahang dan mempunyai populasi dalam sekitar 200,000 orang. Namun, tidak ada satu pun IPT yang bersaiz besar di kawasan ini.

Di sini hanya terdapat Kolej Komuniti Temerloh dan Kampus Cawangan Open University Malaysia yang merupakan IPT yang bersaiz kecil jika berbanding dengan IPT-IPT yang lain. Kebanyakan IPT di negeri Pahang adalah tertumpu di kawasan barat Pahang, contohnya Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, DRB-Hicom Universiti Automotif Malaysia, Cawangan Kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, University College of Yayasan Pahang dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar Kerajaan Negeri Pahang dapat menunaikan impian orang Temerloh dengan mewujudkan satu IPT yang berprestij di daerah Temerloh sama ada menubuhkan kampus induk atau cawangan kampus bagi IPT awam, IPT swasta mahupun universiti luar negara di kawasan tengah negeri Pahang ini. Cadangan penubuhan IPT ini juga adalah selaras dengan cadangan berimpak tinggi di bawah teras 3 kesejahteraan sosial, Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 (RSNP 2050), yang mencadangkan pembangunan satu IPT berprestij bagi setiap daerah di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Temerloh juga dikenali sebagai Titik Tengah Semenanjung, mempunyai lokasi yang sangat strategik dan sesuai untuk dibangunkan sebagai pusat pendidikan dan perindustrian di negeri Pahang. Ini kerana perjalanan melalui lebuh raya dari Temerloh ke Kuala Lumpur dan kuat… atau Kuantan hanya mengambil masa sekitar satu jam setengah hingga dua jam.

Tambahan pula, pembinaan stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Mentakab akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pengangkutan antara Mentakab dengan bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia. Kewujudan IPT ini akan memudahkan dan menarik orang muda dari daerah-daerah berdekatan seperti Maran, Jerantut, Bera malah negeri-negeri berdekatan untuk melanjutkan pelajaran di sini. Daerah Temerloh juga mempunyai kemudahan hospital, stesen bas dan keretapi serta pusat komersial yang membolehkan pelajar-pelajar IPT menikmati akses pengangkutan dan kesihatan serta kualiti hidup yang baik. Kos sara hidup yang lebih rendah berbanding bandar-bandar lain dapat mengurangkan beban kewangan ibu bapa.

Persekitaran pembelajaran yang baik dan kondusif juga membolehkan pelajar menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian dan tidak terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Kewujudan satu IPT yang baru di Temerloh akan membawa peluang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Anak-anak Temerloh yang merantau jauh dapat kembali ke kampung halaman sendiri untuk mencari rezeki. Sama ada berkhidmat sebagai pensyarah, pengurus dan pekerja di IPT tersebut atau membuka kedai dan gerai di dalam dan atau kawasan yang berdekatan dengan kampus.

Di samping itu, sektor pertanian, perniagaan dan industri di Temerloh juga boleh mengadakan kerjasama dengan pihak IPT untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang akan meningkatkan kualiti produk dan taraf hidup masyarakat tempatan. Saya amat berharap semua pihak dapat menjayakan penubuhan IPT ini secara bersama demi kebaikan warga Temerloh.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini ke satu isu yang amat berkait rapat dengan kehidupan harian rakyat iaitu isu kenaikan tarif air di negeri Pahang. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tarif air di negeri Pahang telah dinaikkan sebanyak 41 sen kepada 78 sen bagi setiap meter padu iaitu lebih tinggi daripada kenaikan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu di seluruh Semenanjung Malaysia.

Walaupun ini merupakan kenaikan kali pertama dalam tempoh 40 tahun, namun kadar kenaikan satu kali ganda ini telah menyebabkan peningkatan kos sara hidup secara mendadak kepada rakyat jelata. Justeru itu, saya ingin mencadang supaya pihak Kerajaan Negeri Pahang dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula keputusan tersebut iaitu mengurangkan kadar kenaikan tersebut supaya setaraf dengan kenaikan purata di seluruh Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, saya ingin menyambut baik langkah Kerajaan Negeri yang telah memberikan rebat air makmur kepada pengguna yang berpendapatan rendah iaitu kategori B40. Di mana inisiatif ini telah sedikit sebanyak mengurangkan beban kehidupan mereka.

Yang Berhormat Speaker,

Negeri Pahang mempunyai punca bekalan air yang baik daripada pelbagai sungai dan juga berkemampuan untuk membuat penyaluran bekalan air kepada negeri lain. Oleh yang demikian, saya percaya melalui pengurusan bekalan air yang lebih cekap dan efisien oleh Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) kadar kenaikan yang lebih rendah masih lagi dapat menampung kos operasi dan penyelenggaraan sistem bekalan air secara keseluruhan. Pihak PAIP juga harus sentiasa memberi perhatian kepada masalah seperti kebocoran air, keusangan paip air dan sebagainya bagi mengelakkan pembaziran sumber air yang akan meningkatkan kos operasinya. Rakyat berharap mutu perkhidmatan dan kestabilan bekalan air di negeri Pahang dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya kehidupan seharian tidak terganggu akibat masalah bekalan air.

Kerajaan Negeri perlu memastikan kenaikan tarif air ini adalah setimpal dengan peningkatan kualiti air supaya semua rakyat Pahang dapat menikmati akses air bersih tanpa mengira di mana mereka berada. Di samping itu, saya ingin membangkitkan isu berkaitan kapasi… kapasiti Loji Rawatan Air Lubuk Kawah di daerah Temerloh yang telah digunakan lebih daripada 40 tahun. Penggunaan loji ini telah mencapai tahap maksimum dan tidak dapat lagi menampung permintaan bekalan air yang baharu. Jumlah bilangan akaun pengguna yang bergantung kepada loji ini adalah lebih kurang 38,000 yang berada di kawasan Temerloh, Mentakab dan Lanchang.

Walaupun penduduk kawasan ini semakin bertambah dari tahun ke setahun, namun Loji Rawatan Air Lubuk Kawah ini tidak dinaik taraf seiring dengan pembangunan tempatan. Ini telah menyebabkan sesetengah projek pembangunan kawasan perumahan dan komersial yang baharu di daerah Temerloh tidak mendapat kelulusan PAIP atas isu kapasiti bekalan air. Terdapat pemaju-pemaju yang terpaksa hilang deposit dan bayar ganti rugi kepada pemilik tanah kerana tidak boleh melaksanakan projek-projek yang telah dirancang. Perkara ini telah menjejaskan ekonomi setempat dan ramai pekerja juga telah hilang punca pendapatan. Maka saya menyaran supaya PAIP dapat menjalankan kerja-kerja menaik taraf dan meningkatkan kapasiti Loji Rawatan Air Lubuk Kawah ini dengan kadar segera. Dengan itu, saya mohon menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Mentakab. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

(Ayat al-Quran) YB Speaker,

Bersyukur kita kepada hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia serta inayah-Nya, kita semua dapat lagi bersama-sama berada di dalam Dewan Yang Mulia ini tidak lain dan tidak bukan bagi menjalankan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat di kaw… kawasan kita. Tidak juga… lupa… tidak lupa juga… kita lupa memanjatkan syukur dan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana atas usaha dan kesungguhan baginda serta sahabat-sahabat di dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah dalam menyampaikan dakwah di mana sehingga ke hari ini kita dapat mengecapi iman dan Islam.

Pulau Manis merafak sembah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah dan juga Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj di atas keberangkatan pulang ke negeri Pahang setelah selesai menjalankan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan semua Ahli Dewan kerana memberi ruang kepada Pulau Manis pada petang ini untuk membahas ucapan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Muktafi Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah pada petang Isnin yang lalu.

Yang Berhormat Speaker,

Saya mewakili rakyat Pulau Manis ingin mengucapkan jutaan pengar… penghargaan dan terima kasih kami kepada seluruh kakitangan kerajaan dan agensi-agensi di bawah Kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan seluruh kawasan di dalam DUN Pulau Manis ini terbela kebajikannya dan keselesaannya terpelihara.

Yang Berhormat Speaker,

Di dalam tik… titah Tuanku, baginda ada menyentuh berkenaan pembangunan. Suka saya menyentuh berkenaan pembangunan infrastruktur jalan raya negeri Pahang. Saya memetik laporan BERNAMA yang bertarikh 5 Februari 2018 di mana ketika itu Kebawah Duli Paduka Tuanku masih menjadi Pemangku Raja Pahang. Baginda telah melawat ke lokasi cerun runtuh di Kilometer 30 Jalan Sungai Koyan, Ringlet.

Baginda bertitah bahawa pada masa akan datang, jangan ambil mudah tentang pembinaan projek infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan awam lain seperti bangunan… bangunan, bekalan elektrik dan tangki air. Baginda tidak mahu membi… tidak mahu pembinaan infrastruktur awam ini dibina secara substandard atau kualiti murah kerana mengutamakan keuntungan. Biarlah menggunakan kualiti baik supaya pembinaan bertahan lama. Titah… titah Tuanku ini patut diingati sepanjang masa bagi memastikan mutu pembinaan sentiasa berada di tahap yang optimum.

Hal ini boleh kita mengambil contoh di Jambatan Bailey, Jalan Kuantan-Segamat. Pada mus… musim perayaan baru-baru ini, ramai rakyat tertekan apabila terpaksa menggunakan laluan ini bagi pulang ke kampung mahupun pulang ke kediaman mereka apabila selesai cuti beraya. Pihak kerajaan perlu memberikan solusi yang terbaik bagi menangani isu ini. Kebiasaannya, masalah akan timbul sekiranya musim mon… monsun timur laut hadir. Selain dari memastikan standard mutu pembinaan ditekankan seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Tuanku.

Selain daripada lokasi itu juga banyak lokasi lain yang menjadi rosak bila musim monsun timur laut tiba. Hal ini mungkin tidak menjadi kritikal sekiranya spesifikasi binaan dipantau rapi. Implikasi buruk terlalu banyak untuk disenaraikan sekiranya hal ini tidak ditangani dengan serius. Selain daripada kerugian yang ditanggung oleh pengguna jalan raya, keselamatan pengguna juga turut terancam.

Hal ini melibatkan jalan negeri dan juga jalan-jalan persekutuan. Antara lain juga ada lampu jalan yang banyak tidak diselenggara. Saya pernah menggunakan jalan… jalan di mana jalan Kuantan-Pekan di mana lampu jalannya lebih daripada 2 kilometer tidak

berfungsi. Situasi ini sangat-sangat membahayakan pengguna jalan raya terutama pengguna motosikal.

Yang Berhormat Speaker,

Keduli… Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan juga ada menyebut berkenaan dakwah Islamiah. Di sini ingin saya menyentuh berkenaan isu kelulusan permit konsert atau persembahan yang mengganggu sensitiviti agama. Alangkah eloknya pihak penguasa tempatan meneliti relevan atau tidak terlebih dahulu sebelum mengeluarkan permit. Permit atau hiburan atau lesen hiburan.

Saya mengambil contoh hal yang terjadi di kawasan saya. Lesen atau permit untuk memulakan konsert dangdut telah pun dikeluarkan oleh Pihak Penguasa Tempatan. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk setempat dan telah membuat aduan kepada Pusat Khidmat agar menghalang aktiviti tersebut dijalankan dan pusat khidmat telah membuat bantahan kepada Pihak Penguatkuasa Tempatan dan Penguatkuasa Tempatan telah menarik semula permit lesen tersebut.

Hal ini memang dapat diselesaikan dengan membatalkan permit atau lesen tersebut ak… dan dapat menghilangkan kemarahan penduduk. Isunya kita perlu juga memikirkan kos kerugian yang akan ditanggung pihak penganjur. Hal ini tidak akan terjadi sekiranya langkah awal diambil. Walau bagaimanapun, saya merakam ucapan jutaan terima kasih kepada Pihak Penguatkuasa Tempatan Majlis Bandaraya Kuantan kerana cakna dengan bantahan yang telah dibuat oleh penduduk.

Isu ini juga terjadi di Temerloh iaitu Pertandingan Pakaian Beragam Janda-janda Daerah Temerloh. Alhamdulillah juga telah dibatalkan. Tahniah kepada Penguasa Tempatan. Pihak kerajaan juga perlu mempergiatkan lagi penerangan mengenai inisiatif-inisiatif yang disediakan dan diperuntukkan oleh kerajaan kepada golongan muda dari segi bantuan permulaan perniagaan tidak kira dari sektor pertanian, perikanan mahupun perkhidmatan. Contoh Skim i-Push, tempoh permohonan mula 1 Januari hingga 31 Januari mungkin kerajaan boleh memanjangkan sedikit tempoh pendaftaran ini agar ramai yang boleh membuat permohonan.

Yang Berhormat Speaker,

Tidak patut sekiranya saya tidak membawa isu di kawasan saya sendiri di dalam Dewan Yang Mulia ini. Isu yang saya ingin utarakan ialah berkenaan isu haiwan liar iaitu berkenaan isu anjing liar dan monyet. Isu ini sangat kritikal. Isu anjing liar ini pernah menyebabkan kemalangan motosikal di mana anjing liar ini mengganggu penunggang motosikal sehingga penunggang motosikal itu hilang kawalan lalu terbabas dan mengalami kecederaan yang agak serius.

Hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana ianya melibatkan keselamatan rakyat dan implikasi lebih teruk boleh… boleh terjadi iaitu mengancam nyawa. Begitu juga dengan isu monyet di mana telah menyebabkan ketenteraman… ketenteraman penduduk terganggu di mana monyet-monyet ini memunggah tong-tong sampah sehingga sampah-sampah bertaburan berselerak di dalam kawasan perumahan. Mohon Jabatan dan Penguatkuasa Tempatan dapat memikirkan bagaimana solusi yang terbaik bagi menangani isu haiwan liar ini dari terus menganggu gugat ketenteraman rakyat.

Seterusnya, isu bekalan air yang sering menjadi keluhan sebahagian penduduk kawasan Pulau Manis. Kemarahan mereka memuncak apabila gangguan berlaku

ket… ketika mana sedang membuat persiapan menyambut kedatangan Syawal. Harapan saya untuk pihak berkenaan pihak PAIP dengan kenaikan tarif kali ini dapatlah meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan air. Saya juga ada memaklumkan kepada penduduk supaya bertenang dan kita memberi peluang… peluang dan ruang kepada pihak PAIP untuk menambah baik mutu servis memandangkan tariff… tarif air bar… dikira baru dinaikkan. Harapan saya mutu perkhidmatan pengurusan air dapat segera ditingkatkan memandangkan isu ini sudah menjadi isu tradisi dan sudah lama dihadap… dihadapi oleh sebahagian rakyat.

Walau bagaimanapun, jutaan terima kasih kepada kakitangan Pengurusan Air Pahang Berhad yang bertungkus-lumus memberi bantuan menghantar lori tangki bagi memberi bekalan air di kala mana gangguan bekalan air sedang berlaku. Mereka terpaksa berkhidmat di kala orang… orang lain sedang menyambut Syawal. Ini adalah antara pengorbanan kakitangan awam yang patut kita kenang. Semoga Allah saja dapat memba… membalas jasa kalian. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Speaker,

Kebawah Duli Paduka Tuanku ada juga menyebut berkenaan isu pekebun Musang King, Raub. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang di atas kejayaan ini. Walaupun begitu, diharap kerajaan memberi tumpuan permohonan tanah bagi pemohon… permohonan-permohonan yang berkelayakan dan cukup syarat permohonannya. Ada saya menerima aduan permohonan sudah tiga keturunan bermula dari datuk hingga ke cucu. Permohonan telah dibuat, akan tetapi masih belum diberi kelulusan sedangkan pemohon mereka cukup syarat dan telah lama menetap di tanah yang yang dipohon tersebut.

Saya pernah menerima aduan dari penduduk. Beliau mengadu bahawa tanah yang diusahakan sekian lama hampir 30 tahun dan tanah itu diusahakan dengan baik akan tetapi ada individu datang kepadanya memaklumkan bahawa tanah yang diusahakan itu telah dimiliki oleh orang lain dan gerannya telah dikeluarkan dan saya memohon agar pengurusan permohonan tanah perlu diperkemaskan kerana ada aduan dibuat bila datang ke Pejabat Daerah dan Tanah, pegawai memaklumkan fail permohonan tidak dapat dikenal pasti. Hal ini amat amat mendukacitakan kepada rakyat yang meletakkan harapan yang tinggi agar permohonannya dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Speaker,

Isu jalan rosak juga menjadi…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato'... Tuan Yang di-Pertua, di mana itu orang tu memohon tanah?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Di Kampung Jaya Gading.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Di Kerdau?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Kampung Jaya, Gading.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha… Kampung Jaya Gading. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Saya teruskan. Isu jalan rosak juga menjadi isu tradisi bagi kawasan Pulau Manis. Alhamdulillah, isu ini telah dijawab oleh Yang Behormat wakil kerajaan Yang Berhormat Muadzam dan wakil kerajaan sudah memaklumkan bahawa apabila kerosakan jalan yang disebabkan MTL, Monsun Timur Laut boleh diberi keutamaan bagi membaik pulih. Cuma apa yang terjadi di kawasan saya proses membaik pulih itu tidak berlaku dengan segera sehingga ada beberapa kemalangan yang telah berlaku.

Seterusnya saya membawa isu Perumahan Inderapura… PRIMA Inderapura yang sekarang ini dinamakan sebagai Sri Damai Jaya. Mungkin saya boleh minta pencerahan daripada wakil kerajaan masa penggulungan nanti. Isu ni pemaju tidak mahu bertanggungjawab terhadap hasil kualiti kerja. Aduan telah dibuat kepada… saya kira EXCO yang lama, EXCO Perumahan yang lama. Walaupun telah menang kes ini di peringkat Tribunal Perumahan dan Mahkamah Tinggi telah membuktikan bahawa pemaju telah gagal mematuhi spesifikasi kualiti yang telah ditetapkan, tetapi pemaju masih enggan membayar ganti rugi kecacatan tersebut.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tuan Yang di-Pertua,

Minta mencelah sikit. Minta maaflah kita pusing sikit sebabnya berkaitan dengan lesen dangdut ni. Lesen dangdut ni… di mana tempatnya?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Indera Sempurna.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Setahu sayalah kalau lesen dangdut ni memerlukan lesen hiburan ni hiburan kita perlu membawa kepada keputusan MMK, EXCO ya. Jadi kalau benda itu tak ada saya rasa benda itu mungkin melibatkan pusat hiburan dangdut secara mungkin haram. Jadi YB bagitahulah pusat tu kat mana?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Dia bukan…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sebelum ni… selama ni dalam EXCO, Mesyuarat MMK kita tak pernah luluskan. Tak ada meluluskan sebarang lesen dangdut ya.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih wakil kerajaan. Dia bukan pusat dangdut, dia konsert. Dia buat ada ekspo makanan dan dia ada agenda dia dangdut, malam dangdut. Poster itu disebarkan dan itulah mengganggu sensitiviti. Sebab situ kawasan tu semua kebanyakannya orang Melayu dan kebanyakannya golongan intelek duduk di situ. Bila aktiviti seperti itu dijalankan menyebabkan penduduk rasa tidak selesa dengan kehadiran program-program sebegitu.

Okey, saya teruskan. Akhir sekali, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya mewakili seluruh rakyat DUN Pulau Manis kepada kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan di mana telah memberi perkhidmatan yang terbaik demi memastikan kelestarian terjaga. Izinkan saya menyampaikan dua rangkap pantun.

Berjalan ke pekan ditegur nyonya,
Dijamu pula murtabak mayat,
Pahang luas besar tanahnya,
Pelbagai hasil untung rakyat.

Ambil wuduk di tepi perigi,
Airnya jernih semestinya bersih,
Dengar-dengar peruntukan nak bagi,
Alhamdulillah terima kasih.

Sekian dari Pulau Manis. Yang Berhormat Speaker, Pulau Manis mohon menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil Yang Berhormat Pulau Manis. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Kemayan.

YB TUAN KHAIZUNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. [Ayat Al-Quran]. Terima kasih. Yang Berhormat Speaker. Saya di sini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada saya bagi sesi Usul… Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri kerana telah berjaya melaksanakan semua agenda kerajaan yang telah dirancang. Kalau kita lihat di dalam Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah baru-baru ini kita lihat apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Ini yang kita tak boleh sangkal apa yang telah dinyatakan atau telah dititahkan oleh Paduka Baginda inilah dia realiti hari ini yang Kerajaan Negeri Pahang berjaya meningkatkan hasil. Kerajaan Negeri Pahang berjaya mengurangkan ketirisan. Kerajaan Negeri Pahang berjaya memberikan inisiatif-inisiatif baru. Kalau kita lihat BPP sampai 20 kluster yang diberikan dan tak ada di negeri-negeri lain dan inilah yang menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini di landasan yang baik.

Oleh itu, saya menyarankanlah kepada kita semua supaya janganlah kita wujudkan satu persepsi yang kurang baik. Perkara yang baik kita ceritakan dengan baik ini adalah yang digembar-gemburkan sebelum ini ingin mengamalkan politik matang. Bagi saya jika perkara itu baik, kita perlu akui baik bukan hanya di dalam Dewan ini sahaja. Kalau kita lihat ada yang nak minta *live* dan sebagainya untuk sidang perbahasan tapi bila di luar satu kebaikan kerajaan pun tidak ingin diceritakan. Tak kiralah kita di pihak kerajaan ataupun kita di pihak pembangkang. Bagi saya perkara yang baik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini kita perlu sebarkan kepada rakyat. Bukan hanya kami di pihak kerajaan sahaja ataupun pegawai-pegawai kerajaan sahaja yang menyebarkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini.

Saya mengharapkan juga rakan-rakan di sebelah sana bukan hanya *provoke* kepada Kerajaan Negeri pada hari ini tapi kita mengharapkan juga menceritakan kebaikan. Tak salah bagi saya kalau kita ingin satu kesatuan atau penyatuan yang baik, kita perlu saling ceritakan kebaikan seseorang. Jangan kita cari keburukan kalau kita cari keburukan kita akan dapat keburukan tapi kalau kita sebarkan kebaikan itu adalah lebih baik. Kalau kita nak lihat isu dan sebagainya banyak. Isu yang Kerajaan Negeri Pahang hari ini telah atasi sedikit demi sedikit perkara ini dapat diatasi.

Sebagai contoh untuk basmi kemiskinan. Saya tak dengar lagi yang di sebelah sana menyebut yang Kerajaan Negeri Pahang hari ini berjaya menurunkan 60% kadar kemiskinan tegar di negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Inilah satu kejayaan yang cukup baik bagi Kerajaan Negeri Pahang. Tahniah saya ucapkan dan juga dari segi perumahan. Betul mungkin ada masalah pembangunan perumahan di kawasan FELDA dan sebagainya. Tapi Kerajaan Negeri Pahang juga menyediakan Rumah Rakyat Pahang, Rumah Ru'RASA dan sebagainya sentiasa melihat kepentingan dan juga kebajikan rakyat di negeri Pahang ini.

Kalau kita nak cerita kejayaan Kerajaan Negeri Pahang ni banyak dan kalau kita dah baca Titah DiRaja tersebut satu persatu Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan telah sebutkan, telah nyatakan dari segi mengikut kluster-kluster yang telah disenaraikan dan dari segi apa dakwah Islamiah saya rasa satu jumlah yang cukup besar yang Kerajaan Negeri Pahang peruntukkan saya rasa hampir RM150 juta setahun untuk badan-badan Islam di dalam negeri Pahang.

Sebab itu kita kadang kena tengok ada sesetengah pihak dia lebih suka memuji Menteri Besar negeri lain berbanding dengan Menteri Besar yang selama ini kalau kita tengok daripada awal sampailah ke hari ini kejayaan-kejayaan telah dicapai yang negeri itu pun tak capai pun tapi mungkin sebab negeri itu ada royalti minyak duk kejar royalti minyak, royalti minyak, royalty minyak kita pun nak sebut nak banggakan negeri tersebut tapi yang ada dalam negeri ini yang cukup baik mentadbir kerajaan hari ini berjaya mengurangkan ketirisan. *So,* tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]

Bagi mengurangkan ketirisan saya ingin betulkanlah, saya rasa bukan peneroka dia penceroboh. Saya rasa *term,* dengan izin, yang sesuai untuk mereka adalah penceroboh. Sebab tanah itu bukan tanah milik mereka tak kiralah awak nak duduk 40 tahun ke 50 tahun ke 60 tahun, 60 tahun awak makan hasil… kalau dalam Islam tu kita kata boleh dianggap haramlah hasil tanah orang lain. Tanah kerajaan, tanam pokok, ambil hasil, lepas tu dia kata dia punya. Saya ucapkan tahniah dan saya mengharapkan yang Kerajaan Negeri Pahang terus konsisten untuk memerangi golongan-golongan penceroboh ini.

Ha... kalau di Bera itu banyak tu, di Bera dia tak tanam Musang King dia buat sawit. *So,* tanah-tanah ini pun perlu dirampas dan perlu... bagi saya perlu kita buat satu program, mungkin STR untuk kawasan itu diberikan kepada golongan-golongan yang memerlukan. Kalau nak cerita rugi dia, kalau 30 tahun dia makan hasil sawit tu, eh… balik modal dah, dah untung banyak dah tu. Kalau ambik 50 hektar, 60 hektar.

Ha… kalau baru ini, saya ada didatangi beberapa penceroboh-penceroboh. Berani, penceroboh datang jumpa Wakil Rakyat mintak supaya err… boleh benarkan mereka ambil hasil sawit tersebut, sebab Unit Penguatkuasa dah masuk, tak benarkan dia orang masuk ke kawasan tersebut sebab kawasan itu akan dijadikan STR err… di Bera tersebut. Jadi, mereka berani mengaku, yang itu mereka yang usahakan. Kalau pencuri ini, penceroboh ni dia tak berani. Kita ceroboh rumah seseorang, kita mengaku kita ceroboh rumah dia, terus kena tangkap dia.

Tapi penceroboh tanah di negeri Pahang ini berani tapi atas komitmen daripada Kerajaan Negeri dan juga Penguatkuasa Tanah, saya rasa, saya ucapkan tahniahlah. Kalau boleh bagi *rewards* kepada penguatkuasa ini lebih sikit, lebih baik. Mungkin OT dia orang ni kena lebih. Jangan sampai tak cukup, dia orang nak buat penguatkuasaan, OT tak cukup. Mungkin dari segi pentadbirannya boleh bagi *rewards* sikitlah kepada penguatkuasa-penguatkuasa ini sebab melalui tindakan mereka, hasil yang sepatutnya dapat err… apa… apa hasil yang tak dapat kepada kerajaan dapat kepada kerajaan pada hari ini.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan perumahan FELDA. Sebab kawasan saya pun ada 7 FELDA, ada 18 ladang FGV, ada lebih kurang 9 estet dan juga 30 kampung Orang Asli. Jadi, bagi saya perumahan ini satu perkara yang penting. Kalau di sesi pagi tadi semasa soalan lisan, kita lihat yang banyak rumah-rumah yang dibuat di tanah peneroka, rumah kedua dan ini adalah disebabkan kerajaan dulu, kita bagi kebenaran, boleh bina rumah di tanah ayah dan juga ibu kita. Tapi hari ini bila dah buat, mungkin sehingga 12 err… hingga 31.12.2023 dibenarkan masuk elektrik dan juga air. Ada juga yang masih belum memohon, walaupun rumah dah siap tapi masih belum memohon. Rumah dah siap tahun lepas, dua tahun lepas tapi pakai air mak ayah. Kalau *rate* sekarang ini, kalau penggunaan air ataupun elektrik itu lebih daripada sesuatu kadar, harga dia boleh lebih tinggi.

Jadi, saya cadangkanlah dan mohon kepada kerajaan supaya membenarkanlah terutama yang tanah peneroka. Betul, saya faham dari segi Akta Tanah itu salah, tapi atas sebab, dulu kita benarkan untuk mereka bina rumah kedua di tanah tersebut. Jadi, saya mohon supaya ada pertimbanganlah daripada pihak PAIP dan juga pihak Tenaga Nasional Berhad untuk membenarkan rumah yang dah siap ini, diberikan masuk elektrik dan juga bekalan air. Dan saya juga memohon supaya segerakan untuk… bagi peluang kepada tanah berkelompok ini dibenarkan membuat rumah lebih daripada satu. Kalau rumah, tanah tu suku ekar besar, boleh buat dua atau pun tiga rumah. Saya pun tak berani nak buat rumah belakang rumah arwah mak ayah saya, sebab tak dibenarkanlah nanti tak boleh masuk air dan elektrik terpaksalah cari rumah lain.

Selain itu, saya memohon supaya ladang-ladang dan juga estet-estet terutama yang berkaitan dengan kerajaan. Sebagai contoh, FGV ataupun di bawah Kerajaan Negeri yang ada di tempat saya adalah PKPP ataupun FELCRA dan juga RISDA, supaya mengutamakan pekerja-pekerja tempatan. Kalau kita lihat hari ini, *trend* di ladang-ladang FGV dan sebagainya, kebanyakannya mengambil pekerja-pekerja asing. Jadi, ruang untuk pekerja ataupun anak-anak muda yang masih berminat untuk dalam sektor perladangan ini tidak dapatlah. Jadi, saya mohon supaya Kerajaan Negeri boleh

menyuarakan, membantu supaya terutama ladang-ladang di bawah Kerajaan Negeri ataupun bawah FGV dapat diselesaikan.

Isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan FELDA Plantation Management. Di FELDA ini, kita lihat dia ada dua, satu diuruskan oleh FPM, satu diuruskan sendiri dan ada sesetengah FELDA tu yang pengurusan FELDA yang uruskan. Yang mendukacitakan adalah FELDA… FPM uruskan ni, hasil dia lebih rendah daripada yang urus sendiri. Kos pengurusan FPM lebih tinggi daripada kos pengurusan sendiri. Ini berlaku pada diri saya sendiri, bukan pada orang lain. Saya tak tengok orang lain pun. Walaupun dengar di kalangan peneroka FELDA ni, generasi FELDA bercakap kenapa FPM caj tinggi sangat macam-macam kos. Ada yang kata kena potong dalam *payslip* RM3,000.00 lebih ya, Jengka ya. Perkara ini, berlaku pada hari ini dan kita mohon supaya Kerajaan Negeri… sebab di dalam Pahang ini banyak FELDA dan banyak diuruskan lot-lot peneroka ini diuruskan oleh FPM. Jadi, kita nak supaya kalau FPM bagus menguruskan ladang tersebut, sepatutnya hasil dia lebih tinggi daripada saya yang uruskan sendiri.

Sebagai contoh, bulan lepas saya boleh dapat RM8,000.00, yang diuruskan boleh… di bawah FPM boleh dapat RM5,000.00 atau RM4,000.00, sesuatu yang cukup ketara. Kalau beza 4… RM500.00 mungkinlah, kita tengok tak ada masalah sangat tapi err… bila jurang tu terlampau tinggi dan kita lihat FPM tetap mengambil untung kepada peneroka dan saya rasa itu satu perkara yang tak sepatutnyalah. Sebagai satu agensi di bawah FELDA yang sepatutnya kita ni… FELDA ni membela peneroka-peneroka ini.

Jadi, saya menyeru memohon kepada Kerajaan Negeri boleh membawa isu ini kepada Lembaga FELDA supaya isu FPM ini amat ketara sebab kontraktor yang mengusahakan ladang tersebut oleh FPM sama dengan yang saya err… upah. Jadi kenapa yang FPM uruskan lebih tinggi dan hasilnya tu, tak setinggi yang saya uruskan. Jadi itu yang menjadikan satu perkara yang pelik adakah diuruskan dengan baik ataupun tidak. Ini semua berlaku. Mungkin boleh tanya Chini, mungkin boleh tanya Jenderak, mungkin boleh tanya Jengka yang berkaitan dengan FELDA ni. Inilah dia masalah utama yang saya rasa sebelum FELDA buat perkara-perkara lain, perkara asas ni yang daripada saya dilahirkan di dalam FELDA ni sehinggalah ke hari ini dah jadi Wakil Rakyat, menda ni masih tak selesai.

Saya mohon dengan keupayaan yang ada pada Kerajaan Negeri Pahang untuk memberi sedikit pembelaan kepada warga peneroka FELDA pada hari ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat… Yang Berhormat, panjang lagi?

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ha... ada sikit lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, sila.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya pun memang berhajat tak nak bercakap panjang tapi itulah masalahnya. Jadi perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini dah cukup banyak. Kalau kita tengok, daripada mula lahir kita dapat, sehinggalah pergi haji pun dapat err… manalah orang kata kita tak "Isle" tu. Ha… kadang-kadang dia nak lebih "Isle" daripada benda lain tapi di Pahang ni, dah cukup Islam. Badan-badan yang berkaitan dengan Islam ni cukup banyak, diperkasakan lagi, kalau kita tengok Yang Berhormat Dato' Sri Ker… err… apa ni Kerdau semalam boleh bercakap Arab, *translate direct* macam tu saya cukup kagum. [Ahli Dewan menepuk meja].

Tahniah kepada YB Kerdau ni, bukan semua orang boleh. Maknanya kerajaan… kerajaan hari ini, dilihat susunan dan juga apa yang ada pada hari ini mempunyai kepakaran masing-masing dan berilah kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berilah kepercayaan kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri pada hari ini untuk meneruskan agenda yang telah dirancang dan juga saya ingin menyentuh sedikit sahaja berkaitan dengan air, tetap ada masalah air ini. Walaupun memang petugas-petugas di peringkat daerah, banyak berkorban. Kalau kita minta tolong tu, boleh selesai dengan segeralah.

Alhamdulillah, kalau tak musim raya tu macam tak…tak cuti raya dia. *So*, tahniah kepada pihak pengurusan PAIP di peringkat daerah. Walau bagaimanapun, kalau kita tengok hampir berapa… 200… RM300 juta yang diperuntukkan untuk buat kerja-kerja baik pulih paip ni di negeri Pahang pada tahun ini mestilah mengikut jadual. Saya tak naklah kalau, bila tanya, bila projek ini nak dijalankan? Oh… kita masih lantik perunding daripada mula saya jadi Wakil Rakyat sampailah hari ini.

Saya minta maaf tapi perkara itu perlu kita tegur supaya perancangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri untuk melaksanakan, mencapai 90 peratus masalah air ini selesai pada penghujung 2026 tidak tergendala. Kalau perancangan ini boleh mengikut jadual yang ditetapkan, Insya-Allah saya yakin sebab banyak yang bila projek-projek itu dapat diselesaikan, masalah air di kawasan tersebut dapat diselesaikan. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Dengan ini, saya Kemayan mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Sekian, assalamualaikum WBT dan terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Kemayan. Seterusnya saya menjemput wakil dari Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam bahasa Arab). Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Ucapan Titah Diraja yang disampaikan pada Isnin lalu. Titah yang membahaskan lebih kurang 10 teras utama. Penuh dengan nasihat membina negeri ke arah yang lebih baik, termasuk nasihat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, semua sekali sama ada daripada pihak pembangkang ataupun daripada pihak kerajaan. Perbahasan saya kali ini hanya akan menyentuh lima perkara teras dalam Ucapan Titah Tuanku.

Pertama, Kebawah Duli Tuanku ada menyentuh tentang mendahulukan kepentingan rakyat. Alhamdulillah tahun 2024, Pahang sangat bertuah kerana Kebawah Duli Tuanku telah berangkat balik dengan selamat dan sejahtera ke negeri Pahang dan

semoga Pahang lebih berkat, maju ke hadapan tanpa sedikit pun lari daripada petunjuk-petunjuk syarak, insya-Allah.

Dalam Titah Kebawah Duli Tuanku Isnin yang lalu, Tuanku bertitah menasihatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas secara rasional dan mendahulukan kepentingan rakyat bukan kepentingan sendiri. Utamakanlah rakyat dan bukan kelompok-kelompok tertentu. Berilah kepada rakyat yang layak dan berhak tanpa meletakkan syarat. Dengan izin Yang Berhormat Speaker, y*ou vote and support me, then I give you that and this.* Inilah yang ditekankan oleh Tuanku dalam titahnya tentang perihal tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan integriti setiap anggota pentadbiran Kerajaan Pahang.

Yang Berhormat Speaker.

Kedua. Tuanku menyentuh tentang ketirisan hasil negeri. Pahang ni bumi bertuah. Walaupun tak ada minyak macam Terengganu, tanahnya luas. Yang Berhormat Kerdau ya, terima kasih. Dengan izin, (bacaan dalam bahasa Arab). Pahang, bumi bertuah. Pahang kaya dengan hasil bumi yang banyak seperti bijih besi, timah, bauksit. Ni Jengka kata nak ada bauksit ini. Orang Jengka dah terbayang nak jadi jutawan dah. Peramu Jaya? Katanya. Wallahualam. Ada emas, rizab emas yang banyak. Tak tahulah dok mana.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Minta izin. Bauksit ke *boxing*? [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey ya, bauksit ya. Emas, balak, nadir bumi, air sungai yang panjang. Tak pernah kering, insya-Allah. Walaupun ada kering sikit dan lain-lain lagi. Itu khazanah kekayaan yang Allah beri kepada negeri Pahang. Sawit, getah dan sebagainya. Namun, jika tidak diurus dengan baik dan tidak ada penguatkuasaan dan penguatkuasaan yang longgar akan mengakibatkan berlakunya ketirisan. Ketirisan hasil negeri banyak berlaku pada banyak perkara, antaranya kecurian hasil bumi disentuh oleh Tuanku dan pencerobohan tanah kerajaan secara besar-besaran sehingga melibatkan ribuan hektar.

Bukan ratus hektar, ribuan hektar dan ia dibiarkan begitu lama. Kesilapan kerajaan yang lalu, ia dibiarkan begitu lama tanpa sebarang tindakan. Apabila dibiarkan lama, maka ia menjadi masalah yang sangat *complicated* untuk diselesaikan. Tambahan pula, penceroboh-penceroboh haram ini dibela oleh Ahli Yang Berhormat yang berada dalam kerajaan. Sepatutnya apabila berada dalam kerajaan, dia kena berpihak dan mendokong usaha-usaha dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang dia berada dalam kerajaan tersebut.

Tuanku menyebut sebagai rakyat, kita mesti patuh kepada titah. Tuanku mengatakan "Beta berharap agar semua pihak menghormati keputusan mahkamah dan beta berharap agar kerajaan tidak gusar, tidak takut mengambil tindakan ke atas penceroboh". Saya ada sebut perkara ini dalam Sidang Dewan yang lalu tapi masa tu masih dalam kes mahkamah. Jadi Dato' Sri MB pun sebut dia tak nak jawab sangat sebab masih dalam kes mahkamah. Sekarang kita… kemenangan telah berpihak kepada Kerajaan Negeri. Tuanku kata kerajaan jangan gusar, jangan takut untuk mengambil sebarang tindakan yang bercanggah dengan undang undang.

Ketiga, hutang Kerajaan Negeri…

YB TUAN HO CHI YANG

Mohon celah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya.

YB TUAN HO CHI YANG

Yang Berhormat Jengka, saya difahamkan kes yang disebutkan tadi, plaintif telah masuk ke mahkamah dan memfailkan rayuan. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya teruskan. Hutang Kerajaan Negeri. Berdasarkan rekod Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Pahang suatu ketika dulu pernah menjadi negeri yang mempunyai hutang paling besar. Dato' Sri Menteri Besar sebut pagi tadi ditayangkan di layar. Saya tak tahulah perasaan ketika itu macam mana ya. Maksudnya Pahang berhutang paling besar berbanding daripada negeri-negeri yang lain. RM3.3 bilion, waktu itu sebelum 2019. Alhamdulillah, berkat usaha dan kerja keras kerajaan ketika itu, kerajaan ketika itu. Err... faham-fahamlah ya. Maka 70 peratus hutang Kerajaan Pahang berjaya dihapus kira yakni sebanyak RM2.1 bilion dengan Kerajaan Persekutuan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya nak mendapat penjelasan daripada Jengka. Kerajaan ketika itu, kerajaan 22 bulan ke, kerajaan 17 bulan ke, kerajaan 14 bulan? Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih. Saya sengaja tak nak sebut tadi. Nak mintak biar ada yang bangun tu. Biar lama sikitlah. Kerajaan ketika itu, err... Perdana Menterinya, Datuk Sri Ismail Sabri dan Menteri KASAnya, Dato' Sri Tuan Ibharim Tuan Man. Jadi di bawah Perikatan Nasionallah waktu itu. Saya nak mengelak menyebut benda-benda begini tapi tak ada arahlah MB tanyakan saya sebutlah. Okey, baik.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hutang tu bukan pasal air aja. Pasal air, pasal ada lagi Cheka sebut pasal apa? Sukan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar buat kerja bersungguh-sungguh dengan teliti minta dengan Kerajaan Persekutuan bersetuju. Tapi kalau tak ada tukang pinang takkan ada orang bertunang. Kita dah pinang, orang yang menerima pinangan tu dia terima, maka pandailah meminang tu. Tetapi sekarang ni rakan daripada sebelah sana tak berapa pandai meminang. Ini yang dia tengah pening kepala macam mana nak cari ilmu meminang tu ha... supaya bila dia meminang laku pinangan dia. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Kerdau. Saya tak habis lagi dia dah mencelah tu. Saya petang...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Hutang dah selesai negeri pun dah untung, jadi-jadilah cakap pasal hutang ceritalah pasal lain. Kan dah kata tadi hal rakyat kena selesaikan, hutang-hutang... asal bersidangnya hutang. Wallahualam, tak faham. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Kerdau. Orang mengaji Mesir dia cakap (bacaan dalam bahasa Arab), jelas terus tanpa konar. Orang mengaji Pakistan, dia cakap secara hikayatan. Dia konar dulu, pergi ke *point* dia yang dia macam cerita Hindustan. Berbeza dengan cerita Arab. Bangun lagi. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sebab... sebab itu, Hindustan hero jahat menang sokmo. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yang Berhormat Speaker,

Nak bagi hilang mengantuk sikit. Saya kurang semangat sikit petang ini bukan apa, jiran saya Chenor pergi Mekah. Jiran saya Lepar ada temu janji dengan doktor. Jadi saya keseorangan pada petang ni. [Ahli Dewan ketawa]. Saya sambung lagi.

Yang Berhormat Speaker,

RM2.1 bilion, hutang lagi ya. RM2.1 bilion, alhamdulillah telah dihapus kira menjadikan hutang terkini kerajaan Pahang apa yang disebut dalam titah Baginda, RM993.62 juta tahniah, alhamdulillah. Ini baru nak sebut dia punya *point*, kenapa saya konar ke situ tadi. Saya masih ingat dan saya *quote* ucapan Dato' Sri Menteri Besar ketika menggulung ucapan pada Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang, 8 Disember 2023. Apa Dato' Sri sebut? Saya *quote* ini, "walau bagaimanapun saya ingin...", sebelum tu, dia hurailah. Usaha untuk dapat dihapus kira RM2.1 bilion diusahakan dalam jangka masa lama sejak 2018... diusahakan oleh Kerajaan Negeri. Tapi di hujung tu, "walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Cheka ketika itu selaku Menteri Alam Sekitar dan Air telah pun meluluskan ataupun menurunkan tandatangan". Maknanya kalau main bola ini, *example,* yang kalau main bola, dia tolong tendang je, bola masuk, tapi nak bawa bola ke gol hok inilah... lama ni dia gelecek... gelecek... gelecek sampai ke gol.

Maka Menteri KASA tolong tendang mudah je kerja dia masuk ke golnya. Maknanya apa? maknanya menunjukkan betapa pentingnya pengakhiran itu. Pengakhiran yang baik. Kalau bagi kepada yang akhir itu ditendang bola tak masuk gol...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat mintak laluan. Yang Berhormat Speaker, dia kuasa muktamad Perdana Menteri, satu. Itu tidak siapa boleh nafikan dan Perdana Menteri ketika itu

adalah Ahli Parlimen Bera, yang ke-9. Yang kedua, bola yang saya maksudkan itu kalau tak tendang pun memang nak masuk ke gol dah [Ahli Dewan ketawa]. Memang bola akan masuk ke gol dah. Kalau ditendang memang dah bergolek dah. Jadi maknanya ada dengan tak ada pun benda tu diluluskan jugalah sebab saya dah... dah bagi tau benda tu dah luluskan. Itulah cerita dia. Saya ingat cukuplah pasal peruntukan ni buang masa je. Saya ingat boleh pergi ke angka nombor 3 lah. Terima kasih Jengka. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Untuk saya panjang lagi ini 15 minit, maknanya...

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Jengka. Yang Berhormat Speaker, boleh saya mencecah?

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tak boleh, saya... saya tak mencelah pun dia tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sekejap aja.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sikit aja sebab err... bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut Bera tadi. Masa tu saya Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-9. *So* kalau bak kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun sepak ke mana pun kita akan alihkan gol itu supaya masuk. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya minta sikit laluan ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Mungkin Dewan ni tidak... tidak ada maklumat. Salah satu di antara Perjanjian... *Agreement*... Novasi Pahang dengan PAIP dengan PAAB ialah satu-satu negeri, negeri lain tak termasuk syarat ni, Pahang saja dia letak syarat penguatkuasaan perjanjian ini hanya boleh kuat kuasa dengan syarat tarif air dinaikkan. Tanpa kenaikan tarif perjanjian tak boleh kuat kuasa. Apa yang berlaku, Pahang tergantung hampir 2

tahun. Walaupun perjanjian dah *sign*. Apa yang boleh kita bantu? Saya setuju dengan Speaker bahawa siapa-siapa yang pegang jawatan kita harus tanggungjawab. Tak kisah siapalah.

Saya pun bukan nak bagi kredit, tapi soalnya ialah akhirnya kerana syarat Pahang inilah menyebabkan kita buat keputusan tarif air bukan domestik dinaikkan. Semata-mata nak beri ruang Pahang dapat benefit daripada perjanjian. Tarif air bukan domestik naikkan pada tahun 2022 sebelum pilihan raya. Alhamdulillah, Pahang dapat manfaat kerana syarat perjanjian. Negeri lain tak letak syarat. Syarat itulah menyebabkan kita naik tarif air bukan domestik, cuma domestik baru naiklah. Jadi saya fikir itu di antara *content* perjanjian yang menyebabkan bukan saja sepak masuk gol. Masuk gol pun kalau sekiranya kita tak... tarif air tak naik gol tu *referee* batalkan. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Sila... sila Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, saya pergi ke tajuk lainlah. [Ahli Dewan ketawa]. Nampak panjang sangat tajuk ni. Yang keempat, apa yang disentuh oleh Duli Tuanku ialah pengurangan kemiskinan tegar. Tuanku juga menyeru agar aktiviti dan program mengurangkan kemiskinan tegar perlu diteruskan dan dirancang dengan sebaik-baiknya. Saya ucap tahniahlah daripada empat ribu lebih pergi kepada seribu lebih. Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Supaya tiada kelompok masyarakat yang terpinggir.

Insya-Allah, perkara ini akan dapat dilakukan dengan lebih baik dengan sentiasa mengemas kini *database* fakir miskin agar tidak terjadi pembuangan beratus-ratus kampit beras rosak dimakan bubuk dan pek-pek bantuan barang dapur dibazirkan, dibakar dan dibuang begitu sahaja di kawasan pelupusan haram seolah-olah tidak ditemui golongan fakir miskin di negeri Pahang ini. Perbuatan tersebut walau atas alasan apa pun... apa pun adalah satu perbuatan fasad. Dan saya percaya ada berlaku unsur penyelewengan pihak-pihak berkenaan yang perlu disiasat oleh pihak berkuasa kerana orang kampung yang saya temui di kawasan itu berkata, ini bukan kali pertama.

Pembuangan beratus-ratus kampit beras dan pek-pek makanan barang dapur bukan masalah duit peribadi tetapi soal etika.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon izin, saya mencelah. Sebenarnya ini bukan masalah Kerajaan Negeri dan saya rasa ini bukan masalah Kerajaan Persekutuan kerana individu yang berkenaan pun telah membuat pengakuan dan dah minta maaf serta dah bersedia untuk mengambil tanggungjawab. Jadi, ini lebih kepada individu bukan masalah kerajaan. Jadi kalau kita bincang hal individu yang tak ada di dalam dewan ini kurang manislah, Yang di-Pertua. Jadi, saya minta sekali lagi kita lompat ke yang ke-5 lah pula ADUN Jengka. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yang Berhormat Speaker, saya nak beri peringatan kepada pimpinan YB yang ada dalam ni.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dak… Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada ADUN-ADUN Kerajaan dan juga kepada semua ADUN-ADUN yang diagihkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barangan Kerajaan Negeri. Ketika masa COVID ke, masa banjir ke, sentiasa dia telefon seorang-seorang. Dato' Syed, barang yang Kerajaan Negeri hantar dah *deliver?* Dengan izin. Selagi kami orang tak *deliver*, dia takkan diam diri. Dia pastikan benda tu sampai kepada orang sama ada oleh JKM ataupun oleh Pejabat Daerah ataupun oleh apa namanya Pejabat DUN sendiri.

Maknanya kita ambil tanggungjawab, hak. Kalau hak kerajaan kita tak buat apa sewenang-wenangnya kerana kita tahu semua benda itu bukan sahaja di dalam dewan ini tetapi di dalam Mahkamah Rabbuljalil kita akan ditanya yang mempersoalkan, yang kena soal. Tidak ada siapa akan dikecuali. Sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri ambil berat cuma tak nampak lebai je Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dia tak pandai pakai kopiah putih tapi lebai bukan pada kopiah putih. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ya, sila.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, jadi *conclusion*. Saya berpendapat ada kewajaran pihak berkuasa seperti polis, SPRM, Lembaga Kawal Selia Padi dan Beras, SWCorp. menyiasat perkara tersebut.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Nak juga Yang di-Pertua. Itu hal individu, biarlah pihak berkuasa ambil tindakan ke tak ambil tindakan. Dia orang yang bertanggungjawab. Jadi, ini bukan… bukan masalah Menteri Besar, bukan masalah EXCO Kebajikan, bukan masalah ADUN Kerdau, masalah dia orang dengan pihak SWCorp. ke, dengan polis ke, dengan SPRM. Biarlah… dia buat kerjalah. Makna contohnya Jengka buat maksiat, ha… biar je Jabatan Agama, Jabatan Penguatkuasa yang menyiasatnya. Yang saya beria-ia sangat gi ngelecek buntut ADUN Jengka buat benda? [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Kalau saya cakap lagi, saya rasa Kerdau bangun lagi, rasa. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik… baik.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Rasulullah pesan [Bacaan dalam Bahasa Arab], "Sebaik-baik individu seorang Muslim itu tinggalkan benda yang tak ada kena-mengena dengan kita". [Bacaan dalam Bahasa Arab], "Tinggalkan cakap begini dan cakap begitu", pesan Nabi kita. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. [Ahli Dewan ketawa]

Al-Fadhil daripada Pakistan belajar agama, jaga benda ini. Ini benda yang kita cakap ni esok kena tanya ni. Jadi, itu saja pandangan saya. Saya sayangkan ADUN Jengka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, itu pandangan Kerdau. Beliau seorang pemimpin, bekas Timbalan Menteri dan perkara yang dibuat ini adalah isu besar sehingga seluruh negara gempar. (CAP) Persatuan Pengguna pun mintak supaya diambil tindakan. Okey, cukup setakat tu.

Baik, saya pergi kepada *point* saya yang seterusnya ialah yang terakhir. Yang tadi panjang lagi tapi kalau saya cakap dia bangun lagi. Yang terakhir ialah err… perkasakan ataupun *upgrade* pasukan pemantau yang lebih agresif. Kalau belum ada, tubuh. Kalau sudah ada, perkasakan.

Saya nak sebut iaitu berkaitan isu kebocoran air paip. Semua tempat berlaku, kebocoran air paip. Tidak dibaiki dalam tempoh yang lama. Bila kita tanya err… PAIP. Dia kata tak ada aduan daripada penduduk ataupun pengguna. Bila kita jumpa pengguna, dia kata… saya orang biasa ustaz sebab *from* Pakistan ni dia begitulah ya. Bila kita tanya pengguna, dia kata mmm… ustaz dah 3 bulan dia kata… ada 3 bulan lama. Dah aduan dia kata, saya pun tak pasti PAIP ke betul atau pengguna yang betul. Jadi, saya melihat pihak pengurusan PAIP mestilah meng*upgrade*kan dan memperkasakan pasukan pemantau yang lebih agresif dan efisien bagi memantau dan mencari lokasi air terawat terbuang dalam tempoh yang lama tanpa menunggu aduan daripada pengguna.

Ini kerana pengguna tidak sama sikapnya, ada yang prihatin, cakna, bertanggungjawab bila dia tengok bocor walaupun bukan kawasan rumah dia, dia akan buat aduan kepada PAIP. Di sana ada pengguna selagi rumah dia ada air walaupun bocor di depan rumah dia, rumah dia air tak putus. Jadi, tak ada gangguan, jadi dia pun malaslah… orang lainlah report.

Jadi, di situ menuntut supaya pihak PAIP sendiri ada pasukan yang agresif, efisien, dia pergi *check*, lalu dia baiki. Kalau kecil tu kena cepat. Kalau besar dia punya bocor tu kena lagi cepat supaya air terawat ini tidak membazir begitu banyak. Jadi, kita boleh mengurangkan kos operasi. Tadi, pagi tadi, Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebut apa ni PAIP untung. 2023 untung, 2022 untung cuma tak sebut untung berapa. Ha… mungkin dalam penggulungan boleh sebut kot untung berapa. Jadi, untung tulah kalau kita kemas lagi kita punya pengurusan tadi, yang bocor kita baiki. Insya-Allah, keuntungan lebih besar, insya-Allah.

Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya ingat sekadar tu saya menyokong Titah Baginda. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Jengka. Seterusnya iaitu Wakil Rakyat yang terakhir iaitu wakil dari Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan peluang untuk saya bersama-sama menitahkan… membahaskan Titah Diraja pada sidang kali ini. Saya juga nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang masih menunggu dan juga Ketua-ketua Jabatan masih berada di dewan kerana saya yakin *climax* kepada perbincangan kita pada hari ini ialah antara Kerdau dengan apa Jengka tadi.

Kalau di stadium ini orang dah mula keluar daripada stadium tapi hari ini saya nampak masih lagi ada bersama-sama. Jadi, saya ucapkan terima kasih. Saya juga menjunjung kasih kepada dan juga mengucapkan tahniah kesisi Kebawah Duli Tuanku yang telah melunaskan tanggungjawab beliau sebagai… tanggungjawab Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Ke-16 dan dengan cemerlang dan gemilang sekali dan sudah tentu ini menjadi ingatan dan sejarah kepada negara kita di Malaysia. Isnin lalu, Tuanku telah kembali semula melafazkan titah ucapannya di sidang ini dan seterusnya ianya menjadi satu panduan untuk kita Ahli-ahli Dewan membahaskan dan juga menentukan dasar-dasar negeri kita, insya-Allah.

Di antara Titah Tuanku yang menarik perhatian saya ialah tentang ketirisan hasil negeri. Baginda telah melahirkan rasa bangga di atas langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras kegiatan mencuri hasil bumi dan juga pencerobohan tanah-tanah kerajaan dan membuktikan bahawa tindakan kita sekarang telah diendors oleh Baginda Tuanku dan tindakan kita ini sebenarnya tindakan yang tepat dan betul dan di atas sebagaimana kita semua maklum, keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan yang telah memberikan kemenangan kepada pihak Kerajaan Negeri dalam kes ini telah memberikan satu kekuatan baharu untuk kerajaan mengambil tindakan tegas dan berani terhadap pihak-pihak yang membelakangkan undang-undang ini.

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri dan juga pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertindak cekap dan telus dan ini sekarang ini kita tidak boleh lagi berkompromi dalam hal-hal yang menyebabkan ketirisan dan juga hal-hal yang menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar dan sebagainya yang hanya merugikan negeri kita walau apa pun sekali alasan yang diberikan oleh err… penceroboh-penceroboh ini bagi menghalalkan tindakan mereka. Saya percaya masih banyak lagi tanah-tanah yang telah diceroboh secara haram… bila dah ceroboh ni haramlah ya. Tadi kawan saya, rakan saya daripada… daripada Kemayan dia sebut err… penceroboh tak boleh sebut peneroka. Jadi saya amat setuju dalam kes ini. Maknanya kita percaya banyak lagi, tadi dia sebut berlaku juga di Bera dan saya percaya ini berlaku di seluruh negeri, di Lipis umpamanya dan tak terkecuali di Padang Tengku err… pencerobohan… cerobohan ini banyak berlaku.

Jadi Yang Berhormat Speaker,

Saya percaya penceroboh-penceroboh ini bukan orang… orang miskin, bukannya orang yang biasa-biasa, kerana nak tanam apa nama durian Musang King, nak tanam

kelapa sawit, nak tanam apa-apa pun dalam bentuk ladang yang begitu besar, ia memakan kos yang tinggi. Saya ada la sikit tanah di kampung tu dalam empat ekar dan sebagainya, saya nak tanam Musang King ini… durian Musang King di tanah tu saya berdeeh juga nak cari duitnya. Jadi, saya percaya yang ni memang err… terdiri daripada orang-orang yang kaya-raya, orang-orang yang ada modal dan sebagainya. Justeru itu, tuan-tuan apa ni Sidang Dewan Yang Berhormat Speaker, kita jangan takut dan teruskan tindakan ini untuk memastikan bahawa tindakan err… penguatkuasaan ini dan usaha-usaha pembanterasan ini dapat dijalankan dengan cara yang lebih komprehensif sebagaimana yang disebut oleh rakan daripada Jengka tadi. Dalam hal ini saya… saya bersetuju dengan kenyataan yang dinyatakan oleh beliau.

Tuan Speaker,

Mungkin ada pula yang mendakwa bahawa mereka ini menceroboh kerana mereka tak ada tanah, maka terpaksalah mereka apa nama ni menanam ataupun menggunakan err… tanah-tanah kerajaan. Yang ini mungkin betul kepada petani-petani ataupun apa nama rakyat-rakyat jelata kita yang duduk di kampung, yang baru berhijrah ataupun sebagainya. Mereka ni memang… memang betullah tak ada tanah. Maka dia kata dengan alasan untuk meneruskan kehidupan, dia… dia meneroka ataupun menduduki tanah-tanah kerajaan ini untuk buat tanam getah ke, tanam apa nama sayur-sayur ke dalam bentuk yang kecil-kecilan seekar dua ekar atau mungkin kecil daripada itu lagi dan juga buat rumah, buat pondok dan sebagainya. Itu… itu mungkin kecil. Itu mungkin, apa nama? Ada kebenarannya dan inilah yang sepatutnya Tuan Speaker, diberikan keutamaan dan perhatian khusus oleh pihak kerajaan untuk kita atasi.

Justeru itu, kita tidak pernah apa menafikan bahawa benda ini berlaku. Sebab itu wujudnya kumpulan-kumpulan yang menduduki tanah-tanah seperti wujudnya setinggan-setinggan dan di tanah-tanah apa nama ni… tanah-tanah rizab jalan, setinggan sungai, setinggan… keretapi, tanah keretapi, setinggan gua, setinggan FELDA tadi sebagaimana kita bincang. Ini semua adalah daripada keadaan di mana tidak ada tanah menyebabkan mereka terpaksa meneroka di situ.

Namun begitu, sebenarnya kerajaan telah pun sejak daripada dulu telah mewujudkan berbagai-bagai skim di antaranya Rancangan Tanah Pemuda. Tadi disebutkan oleh rakan saya daripada Tioman. Kita kena kembalikan semula dalam bentuk apa nama pun Rancangan-rancangan Tanah Pemuda ini. Kita dulu ada Rancangan Tanah Pinggir. Sekarang ini… kemudian kita ada apa ni Rancangan Skim Tanah Kelompok yang kita kenali sekarang ni sebagai STR, Skim Tanah Rakyat dan juga skim apa nama? Tanah Warisan yang merupakan satu pendekatan baru di mana kerajaan telah mempermudahkan urusan pengurusan tanah ini.

Justeru itu, err… saudara-saudara dan Ahli Dewan yang apa nama, dihormati sekalian, kita sebagai Ahli Dewan dan pemimpin masyarakat sewajarnya memastikan bahawa tiap-tiap kawasan kita err… kita perbanyakkan dan Kerajaan Negeri saya yakin menyokong tindakan ini untuk kita memperbanyakkan err… rancangan-rancangan skim seperti SPR… apa STR dan juga apa STW ini.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di Padang Tengku saja sepanjang saya jadi Yang Berhormat, sebanyak 21 Skim STR telah pun diluluskan. Namun begitu, saya nak mintaklah, dipermudahkan sedikit urusan sebab daripada 21 itu ada sem… ada sembilan skim lagi yang belum… yang tertangguh yang kita belum dapat ber… walaupun kita dah cabut apa nama… undian lot tetapi belum di… dapat di…

dikeluarkan err… Notis 5A kerana err… urusan apa nama ni… pewartaan sebagai Tanah Rizab Melayu.

Jadi saya ingat err… perkara ini minta diberikan…. ada sembilan skim saya tak tahu di mana. Kalau saya tanya di Pejabat Tanah Lipis dia katakan err… apa ni? Perkara ini ada dah di Kuantan, maksudnya mungkin di PTG ataupun di Pejabat Menteri Besar di mana saya tidak pasti. Tapi ini menjadikan satu pertanyaan oleh apa rakyat kerana kita dah cabut lot ini sebelum pilihan raya yang lepas lagi iaitu sekitar tahun 2021.

Yang Hormat… Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin mencadangkan err… satu lagi perkara yang menjadi apa nama ni err… pendekatan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pahang dapat mengatasi ketirisan ini ialah Skim Pelombong Kecil. Skim Pelombong Kecil ini telah dimulakan di kawasan saya di kua… di Mukim Kechau, di mana er… sebanyak 49 lesen telah dikeluarkan dengan kutipan hasil yang selama ini hasil ini kita tak tahu err… apabila dibuat secara haram, diteroka secara haram oleh err… pelombong-pelombong ini, kutipan tak… tak berlaku tetapi insya-Allah ataupun apa ni… apa yang kita dapat sekarang ini kutipan hasil sebanyak dua… RM2.38 juta pada tahun… pada tahun 19… pada tahun 22… 2022.

Maknanya kita ada pendapatan, pertambahan kepada pendapatan negeri dan saya yakin dan saya nak cadangkan supaya Skim Pelombong Kecil ini diperluaskan sebab tadi disebut juga oleh apa nama rakan saya daripada Jengka, di Pahang ini macam-macam tempat di mana-mana pun ada… ada sumber-sumber mineral yang banyak dan terutamanya emas ini.

Jadi saya nak cadang diperluaskan lagi. Sekarang saya… kita hanya ada di di Mukim Kechau dan di… di Luit, di Luit. Ini dua… dua tempat yang ada dan diperluaskan, misalnya di Lipis ini, di Lepeh ini, boleh kata seluruh daerah Lepeh tu err… Cheka, semua ada… ada emas dan banyak kegiatan-kegiatan haram agaknya, sebab kita nampak lombong-lombong secara tersorok-sorok dan sebagainya sedang berlaku dan err… perkara ini perlu kita… kita perluaskan dan apa nama ni… ada lagi kelulusan baru yang sepatutnya ki… apa nama… yang satu kes ini yang di Kechau tu sekarang ini belum diperbaharui. Maknanya kita nak mintak pihak kerajaan segera memperbaharui lessen-lesen mereka supaya mereka dapat meneruskan kegiatan mereka dan hasil negeri dapat kita kutip di situ.

Di samping itu, saya nak mintak juga ada 64 lagi lesen peke… apa ni… Skim Pelombong Kecil ini Fasa 2 di Mukim Kechau ini juga diluluskan bagi mengelakkan aktiviti mencuri hasil-hasil bumi ini dapat kita hentikan. Dan jugak di tempat-tempat lain di Mukim Kechau, selain daripada di Mukim Kechau, di Mukim err… Batu Yon, di Mukim Telang semua sini ada kegiatan-kegiatan ini yang seharusnya kita juga memastikan mereka juga diberikan lesen-lesen pekebun-pekebun kecil ini.

Perkara yang kedua yang disentuh oleh Baginda Tuanku ialah berkaitan dengan pemerkasaan pertanian dan keterjaminan makanan. Dan saya kira saya ada satu soalan yang saya kemukakan dalam Dewan ini tapi mungkin akan dijawab secara… secara bertulis berkaitan perkara ini di mana kita telah pun di… dimaklumkan bahawa Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)… NAHRIM telah pun membuat satu ramalan ke kajian ke yang menyatakan bahawa kita akan menghadapi tempoh err… kemarau yang akan berlanjutan bermula tahun depan sehinggalah 10 tahun, 2035, perkara ini akan berlaku.

Walaupun kita tidak pasti sama ada ia benar-benar berlaku tetapi persediaan mesti kita… kita buat dan saya harap err… isu ini akan ada jawapan. Saya ada tanya juga macam mana masalah keterjaminan… keterjaminan air. Proses untuk menjamin air-air dapat kita laksanakan. Tapi dalam kes ini saya nak… nak… nak menyentuh tentang keterjaminan makanan yang seharusnya juga menjadi satu perkara yang penting.

Kerajaan mestilah memastikan bahawa tanah-tanah yang telah dilupuskan kepada agensi-agensi, kita ada bagi tanah kepada PKPP, kita banyak juga bagi tanah pada PKNP, kepada Yayasan Pahang, agensi-agensi yang lain err… Peladang dan sebagainya dan kita harap tanah-tanah yang dilupuskan err… kepada agensi-agensi ini dibangunkan untuk tujuan-tujuan pertanian dan lain-lain jenis yang boleh menjamin err… apa makanan dan apa ini… bahan-bahan yang makanan yang akan kita… kita yang akan menjadi satu sumber untuk kita meneruskan kehidupan dalam tempoh yang… yang mendatang ini. Contohnya, tentang Taman Pengeluaran Kekal Makanan ini banyak di… telah diluluskan di… di apa nama ini tempat saya di Merapoh, kita juga ada satu lot tanah yang telah kita berikan untuk tujuan ini tetapi hingga sekarang tanah ini belum pun kita nampak usaha-usaha untuk dimajukan.

Kalau tak silap saya EXCO Pertanian dalam jawapan beberapa err… dalam sidang-sidang yang lepas ada menyebut soal Merapoh ini yang dikatakan akan disegerakan dan di dalam jawapan itu telah menyebut bahawa err… dia akan memberikan keutamaan kepada… kepada kumpulan belia dan inilah masanya untuk kita melaksanakan titah Tuanku yang mengajak atau mencadangkan supaya kumpulan belia ini diwujudkan dalam bentuk teknologi pertahanan dalam teknologi tinggi atau moden…moden ini.

Seterusnya, kita menggalakkan orang ramai bercucuk tanam secara individu atau berkumpulan dengan memperluaskan err… satu projek yang telah diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Projek Kebun Dapur, *Kitchen Garden* dan saya nampak satu ketika dulu Jabatan Pertanian begitu rancak untuk melaksanakan Program Kebun Dapur ini tetapi di akhir-akhir ini nampak agak suram.

Jadi saya kira ini peluang juga untuk kita bangkitkan kerana konsep ini sebenarnya err… bukanlah satu konsep baharu. Pada ketika kita beberapa lama dahulu menghadapi krisis permakanan ini melalui beberapa agensi kerajaan khasnya kalau di Pahang ini kita ada dulu (IADP) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Mereka telah melaksanakan apa yang dikenali sebagai Projek Bumi Hijau. Jadi untuk itu, kita kena galakkan setiap kawasan-kawasan lapang yang ada di kawasan rumah dan sebagainya dan lain-lain tempat termasuk err… apa nama ini pusat-pusat pertanian.

Kita ada pusat pertanian kalau di… di sebelah Padang Tengku kita ada sekurang-kurangnya tiga pusat pertanian iaitu Pusat Pertanian err… Speaker… Pusat Pertanian Padang Tengku, Pusat Pertanian di Kechau, Pusat Pertanian di Merapoh. Saya nampak tanahnya memang luas berpagar cantik tetapi di dalamnya tidak terurus dengan baik dan tidak dapat menunjukkan satu contoh yang baik. Jadi kalau boleh kita boleh usahakan kita panggil penduduk-penduduk setempat apa ini… belia-belia untuk bangunkan dan majukan pusat-pusat pertanian ini supaya dia nampak kesannya dan boleh mengeluarkan hasil-hasil terutama dalam tanaman-tanaman yang berbentuk tanaman kontan ini.

Jadi saya nak… begitu juga nak mengajak Jabatan Pertanian membangunkan juga selain Jabatan Pertanian err… haiwan juga… Jabatan Veterinar… Jabatan Veterinar Jabatan err… FAMA umpamanya membangunkan tanah-tanah mereka kalau Jabatan err… ada satu… ada banyak tempatlah berkaitan dengan pusat perkhidmatan

veterinar ini nampak pun sama juga macam pertanian tadilah ya kalau boleh kita bangunkan err… ada bangunan-bangunan di situ macam setengah-setengah itu nak runtuh saya duduk fikir juga ya kalau kita bagi ke petani-petani, penternak-penternak kalau payah sangat kita buat reban kambing sahaja. [ketawa] Buat reban kambing, buat reban ayam, buat reban mungkin lembu gunakan teknologi moden kita usahakan supaya ianya dapat kita… kita manfaatkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat… gulung ya. Gulung.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Itu… okey, insya-Allah yang err… kerana minta digulungkan. Begitu juga yang lain-lain ini err… saya nak sebutkan juga tentang tanah STR tadi kalau boleh sebelum kita majukan juga untuk bentuk pertanian secara moden ini sebab sebelum kita luluskan kadang kala ia makan… memakan kadang-kadang… bukan kadang-kadang memang memakan masa yang lama jadi kita bangunkan dulu tanah-tanah STR ini. Mungkin nanti dalam tempoh yang beberapa lama itu… tanah itu telah dimajukan. Kita dapat hasil daripada kita biarkan dieramkan begitu lama kan macam tempoh… tempoh tadi sepuluh tahun baru kita boleh bagi agihkan kepada… kepada peserta jadi ini menyebabkan tanah ini tidak dapat dihasilkan.

Yang akhirnya sebagai penggulungan ini, saya nak juga sentuh tentang prestasi ekonomi dan juga pembangunan negeri yang disentuh oleh Tuanku. Err… benda ini juga berkait dengan kami di daerah Lipis. Di daerah Lipis kita tahu satu daripada rancangan baru yang telah diperkenalkan ialah pembangunan Bandar Baru Lipis 3.0 sebagai usaha untuk mengembalikan apa nama ini… memacu ekonomi daerah Lipis dan sebagainya. Sebenarnya saya nak ucapkan terima kasih kalau satu ketika dulu Lipis ini agak ketinggalan selepas saja kita dipindahkan ibu negeri ke Kuantan, Lipis agak suram yang tinggal ialah bangunan-bangunan sejarah yang tidak terurus dengan yang sedang yang tidak terurus dengan baik.

Tapi saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri mungkin melalui agensi-agensi yang di… di… yang mula menggerakkan err… apa operasi masing-masing. Misalnya, Pengisytiharan Lipis Geopark Kebangsaan. Peranan yang boleh dimainkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur, Unit Pembangunan Ekonomi Wilayah Pahang Barat Plus, Perbadanan Taman Negeri, MOTAC, Pejabat Daerah Lipis, Majlis Daerah Lipis, tidak mustahil Lipis ini boleh dibangunkan dan sekarang kita nampak dah perubahan Lipis dah sangat berbeza. Kalau dulu bandar Lipis bandar mati, hari ini saya nak jemput tuan-tuan pergi ke Lipis terutama pada malam Sabtu err… bandar Lipis begitu meriah berbanding dengan dahulu.

Jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada pejabat apa nama err… Kerajaan Negeri dan tahniah kepada DO Lipis yang mempunyai idea yang berbagai-bagai yang saya kira mampu untuk membawa Lipis ini ke err… apa ini ke arah yang lebih baik [Ahli Dewan menepuk meja] dan untuk itu… untuk membangunkan… membangunkan apa nama Lipis ini, maka saya nak sebutkan tadi tentang pembangunan Bandar Baru 3.0 ini, kita dah sediakan tanah yang agak luas hampir apa nama… lebih daripada 300 ekar jadi kami amat mengharapkan bahawa ia dapat dirancangkan dengan segera supaya ia menjadi satu pusat pentadbiran sebagai alternatif bandar Lipis yang telah tepu.

Justeru itu, saya nak mencadangkan… kami nak mencadangkan supaya diwujudkan pembinaan Kompleks Gunasama Pejabat-pejabat Persekutuan sebab hari ini banyak pejabat-pejabat persekutuan terutamanya pejabat Belia ini di antara Pejabat… Pejabat Belia dan Sukan, Pejabat Penerangan, Pejabat Pendaftaran Negara, Pejabat Kebajikan Masyarakat, Pejabat Perikanan, Pejabat FAMA, MARA, Perhilitan, Pejabat Ukur dan Pemetaan, Amanah Ikhtiar, Agensi Dadah Kebangsaan, Pejabat Perpaduan, semuanya pejabat-pejabat ini wujud ataupun beroperasi di rumah-rumah kedai dan premis-premis yang tidak menggambarkan err… apa nama kecekapan dan sebagainya.

Baru ini saya pergi Jamuan Hari Raya di Pejabat apa nama… Kebajikan Masyarakat dia pun mengadu dia kata kami ini kena pindah dah, dia duduk letak di premis Hotel Seri apa… Hotel Lipis Plaza itu jadi dia kata tak dapat lagi tempat nak pindah ini. Jabatan-jabatan ini saya rasa perlu dikumpulkan di satu tempat dan pejabat gunasama itu sangat penting untuk kita di samping ia dapat membangunkan err… apa namanya sebagai satu mercu baru kepada Bandar Lipis 3.0.

Begitu juga apa kita nak menyeru pejabat-pejabat kerajaan belum beroperasi di Lipis, umpamanya Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pejabat KDNHEP, Pejabat Pengangkutan Jalan, JPJ, PERKESO, Pejabat Alam Sekitar, MOTAC, Perbadanan Taman-Taman Negeri dan juga Pejabat Lipis Geo err… Geopark harus ataupun menggunakan kesempatan untuk membina operasi masing-masing dan pejabat masing-masing di tapak yang disediakan iaitu Lipis 3.0 dan juga saya nak mencadangkan supaya disegerakan Pembinaan Akademi Kenegaraan sekarang ini beroperasi di apa ini Lipis Centre Point dipindahkan sebagai kampus kekalnya di tapak ini, kompleks sukan dan aktiviti belia dan juga pusat rehabilitasi PERKESO diwujudkan di kawasan berkenaan.

Itulah di antara cadangan-cadangan saya dan insya-Allah bandar Lipis dan Lipis akan menjadi pembangun... pemangkin kepada pembangunan di wilayah Pahang Barat ini. Dengan kata kata itu, saya akhirkan bicara saya. “Padang Tengku, pandangan cantik, budayanya menarik, makanannya enak terbaik, orang yang molek-molek”. Dengan itu, sekian wabilahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong Titah Diraja. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Padang Tengku. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan seramai 13 orang Ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan kita akan disambung semula pada hari Khamis, 9 Mei 2024 bersamaan 30 Syawal 1445H bermula pukul 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

(Persidangan ditempohkan pada jam 6.12 petang)

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KETIGA
09 MEI 2024
(KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KE-3: 09 MEI 2024 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PAGI	28
5	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PETANG	54

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 09 Mei 2024 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Kanan
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang**	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**

Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Khamis, 9 Mei 2024
Bersamaan 30 Syawal 1445 Hijrah.

DOA

Bacaan doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama memulakan mesyuarat kita pada pagi ini dengan membaca Ummul kitab Al-Fatihah. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, (bacaan dalam Bahasa Arab). Segala puji bagi Allah di buka mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani. kepadaNya terpulang segala puji pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian Hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyat sekaliannya. Ya Allah berkat mu ke atas, kami berhimpun dipohon dianugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan kepada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam perpaduan, selamat pagi semua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafak syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini. Hari ini adalah hari yang ke-3 iaitu hari kedua perbahasan kita. Insya-Allah kita akan menghabiskan perbahasan kita pada hari ini dan insya-Allah pada hari esok kerajaan akan mula membuat penggulungan ataupun menjawab segala perbahasan yang telah pun dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat.

Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Padang Tengku untuk mengemukakan pertanyaan pertama.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Speaker,

Soalan yang pertama saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan nombor satu.

> [Kerajaan Negeri telah meluluskan satu kawasan di Padang Tengku sebagai Bandar Pertahanan (*Defence City*) di Daeah Lipis. Sejauh manakah tahap kemajuan perlaksanaann Lipis sebagai Bandar Pertahanan dan apakah implikasi serta kesan positif berkaitan kuasa beli penduduk setempat serta kesan anjakan berganda terhadap pembangunan Daerah Lipis khasnya.]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, Yang Berhormat Speaker. Saya nampak YB Speaker pagi ini lain macam. Sahabat saya daripada Benta mengatakan Speaker ni makan ubat awal pagi ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pukul 6.30.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pukul 6.30. Terima kasih kepada ADUN kawasan Padang Tengku yang bertanyakan soalan berkenaan di satu kawasan di di dalam kawasan beliau sebagai yang mana kita merancang dan sedang melaksanakan sebuah bandar pertahanan ataupun *defence city*. Jadi, beliau bertanyakan sejauh manakah status kemajuan pelaksanaan setakat ini? Sukacita saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa kawasan perindustrian Padang Tengku Fasa II ini telah dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk dimajukan bagi projek-projek berasaskan industri pertahanan. Setakat hari ini, terdapat dua syarikat yang berminat untuk memajukan projek berasaskan industri pertahanan di kawasan tersebut.

Pelaburan pertama yang bernilai RM150 juta oleh syarikat Ketech Asia Sdn. Bhd ini merupakan kilang pembuatan peluru pertama di Malaysia. Syarikat ini berpengalaman dalam menguruskan keperluan peluru Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri. Untuk makluman ADUN Kawasan Padang Tengku, pembangunan kilang di atas tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ataupun PKNP yang dipajak kepada syarikat dengan keluasan seluas 100 ekar ini telah mencapai 82% status pembinaannya sehingga 15 haribulan tiga, sehingga 15 haribulan tiga dan dijangka siap sepenuhnya untuk beroperasi pada suku tahun 2024.

Ayat ni, “dijangka siap” ADUN Padang Tengku. Dijangka siap, bukan akan siap. Jadi dia beza. Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan hutang daripada RM3 bilion kepada RM900 juta dan Kerajaan Negeri membayar hutang, ha itu lain. Saya tak pernah sebut bayar hutang tapi saya kata Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan hutang, beza tu. Jadi saya harap ADUN Padang Tengku balik, bagi tahu orang kawasan dijangka siap, jangan balik pula, MB kata akan siap. Itu dah cuba mengelirukan. Bila tak siap esok,

dia mainlah sentimen persepsi dan sebagainya. Kita. Kita tak main persepsi, sentiment, kita main yang fakta… fakta… fakta.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan auta.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bukan. Jadi fakta ini ialah Yang Berhormat Speaker, dia tak boleh konar dah. Kalau lahir 1.10.2008, 1.10 Ia. Dia tak jadi 10 bulan 1 dan sebagainya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Speaker, kelulusan dasar diperoleh daripada Kementerian Dalam Negeri pada 4 Mac 2022 bagi mendapatkan lesen mengilang peluru di bawah Seksyen 12 Akta Senjata 1960 (Akta 206) di Kuala Lipis bermula pada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2024.

Pembukaan kilang tersebut dijangka bakal membuka 150 peluang pekerjaan yang baru. Selain daripada itu, terdapat satu lagi pelaburan yang berpotensi bakal bertapak di Kawasan Perindustrian Padang Tengku Fasa II iaitu kilang kereta perisai oleh MILDEF International Sdn. Bhd. Tapak tapak projek tersebut telah diluluskan kepada PSK ataupun Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Manakala agensi pelaksana projek adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Kini, pihak syarikat sedang dalam rundingan memuktamadkan pelaburan dan dijangka… dan dijangka mula melabur apabila pelaburan fasa satu daripada kilang peluru Ketech Asia Sdn. Bhd beroperasi sepenuhnya.

Sejajar dengan kelulusan projek kilang pembuatan peluru dan kilang kereta perisai ini, semua bentuk pelaburan yang berkaitan pertahanan akan dicadang untuk dilaksanakan dalam Kawasan Perindustrian Padang Tengku Fasa II. Secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan upah dan kontrak perkhidmatan melalui peluang-peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan kelak kepada penduduk tempatan. Seperti kita semua sedia maklum, pelaksanaan projek pembangunan terutamanya pelaburan komersial akan menjadi pemacu kepada perkara-perkara seperti berikut.

Yang pertama, akan berlaku peningkatan ekonomi setempat melalui peningkatan penduduk dan peningkatan perbelanjaan isi rumah. Kedua, limpahan ekonomi dari sudut permintaan, perkhidmatan, perumahan dan utiliti. Ketiga, penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan untuk penduduk sekitar. Keempat potensi membuka ruang kepada peniaga tempatan untuk meningkatkan pendapatan berikutan saiz pasaran yang semakin bertambah dan akhirnya peningkatan perbelanjaan pelancongan dan rekreasi daerah Lipis. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Alhamdulillah, projek kilang peluru sedang rancak dijalankan sekarang ini, tetapi persoalan yang saya nak timbulkan di sini ialah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ada senapang, ada, tak ada?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada, boleh la beli situ

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ada senapang klasik pun ada. Gurau… gurau. Alhamdulillah, persoalan saya ialah mengenai kilang kereta perisai yang tanah telah pun disebut oleh Dato' Sri tadi. Ia telah pun di… di tanah PSK. Isu yang saya nak bawakan sini ialah saya difahamkan ada banyak juga negeri-negeri yang berminat untuk membawa ke negeri merekalah. Jadi persoalannya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan bahawa kilang itu akan tetap dibina di kawasan yang telah ditetapkan. Dan juga sebelum tengokkan isu-isu berkaitan dengan er… gangguan bekalan air yang selalu berlaku di kampung persekitaran yang mungkin menjejaskan keputusan pelabur untuk melabur di situ. Terima kasih Dato' Sri.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih ADUN Padang Tengku. ADUN ni beria betul ya untuk supaya memastikan apa ni er… pembesaran kilang kereta perisai ini dapat dilaksanakan di kawasan Padang Tengku juga. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, sekarang ni di Pahang ni, semua daerah kita dah ada kawasan perindustrian. Dan er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu daerah, satu kawasan perindustrian.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Satu daerah satu ataupun dua. Ini adalah komitmen Kerajaan Negeri semasa saya membuat lawatan ke Shanghai dan ke Nanning tempoh hari dan ramai yang berminat. Tetapi kita kena kaji juga ya kita nak *ballance* kan juga kemasukan pelaburan. Berbalik kepada soalan daripada sahabat saya daripada ADUN Padang Tengku. Kilang kereta perisai ini merupakan pembangunan pembesaran daripada kilang peluru di mana pelabur dijangka melabur apabila pelaburan fasa pertama daripada kilang peluru Ketech Asia Sdn. Bhd beroperasi sepenuhnya.

Maksudnya Yang Berhormat daripada Padang Tengku er… bagi saya agak sukar untuk dia pergi ke tempat lain. Sebabnya kita dah ada er… kilang peluru ni. Jadi bila dah ada kilang peluru, dia akan cuba sekalikan dengan kereta perisai ini. Kita dah *lock* dia. Sebab itulah PKNP ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang sebagai agensi pelaksana bagi projek kilang kereta perisai dan sebagai *One Stop Agency* (OSA) bagi pelabur akan membantu memudah cara pihak syarikat sepanjang proses rundingan dengan mengadakan perbincangan bersama agensi-agensi teknikal di negeri Pahang.

Perbincangan bersama agensi-agensi teknikal ini adalah bagi memastikan syarikat dapat mematuhi syarat-syarat pembangunan di negeri Pahang terutamanya untuk meyakinkan er… pelabur khususnya di daerah Lipis. Untuk makluman ADUN Padang Tengku juga saya telah mengarahkan PKNP dan juga PSK untuk membuat tindakan susulan dan *keep in touch* dengan pihak yang terbabit supaya untuk kita memastikan syarikat ini tidak lari ke tempat lain lah ya.

Dan bersabit dengan bekalan air, saya telah difahamkan oleh er… PAIP, rundingan sedang dijalankan untuk memastikan bekalan air tidak menimbulkan masalah apabila kilang ini dibina di kawasan Padang Tengku ini. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah pun berjaya membangunkan kawasan 100 ekar di Padang Tengku, saya kira penyumbang kepada ekonomi setempat dan saya jangka peluang pekerjaan lebih pada 300, 400 orang bila kedua-dua kilang... Persoalan saya ialah apakah Kerajaan Negeri mempunyai *share* dalam Ketech Asia Sdn. Bhd. dan apakah mekanisme supaya pelabur ini setelah dia buat pelaburan, dia bukan mengambil kesempatan. Sebab kita bagi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, dia tak ambil kesempatan dia ambil mana yang sempat je (ketawa).

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ha tu yang kita bimbang. Jadi kalau kita ada *share* contoh kita pengalaman Pahang lah dulu kita ada masalah di kilang simen. Akhirnya, kita terpaksa lepaskan dan kita bimbang takut-takut pelabur ini dia kalau kita tak ada *share* mungkin pegangan kita lebih kuat. Itu minta penjelasan Yang Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Cheka yang memberikan pandangan ya. Tapi untuk makluman Yang Berhormat Speaker, apa yang telah dimaklumkan oleh ADUN Cheka sebentar tadi kita dah buat bermula pada tahun 2018. Untuk makluman Yang Berhormat. Sebab tu, kita boleh dapat sampai RM1 bilion. Contohnya, dulu kita tak ada Pahang Mining Corporation ya, *zero*. Bila kita tubuh Pahang Mining Corporation telah memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri berpuluh juta, angka tepat saya tak ingatlah. Saya takut nanti di pusing-pusing pula. Saya tak ada angka tepat tetapi berjuta-juta yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya lebih daripada RM10 jutalah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... lebih. Pahang Mining Corporation, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, ha lagi benda lagi. Ada enam yang saya tubuhkan yang kosong, akhirnya enam-enam ini ditubuhkan, semuanya mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri dan kita elak ketirisan dan kebocoran. Berbalik dengan saham dan sebagainya semua, kita tidak lepas begitu sahaja. Maknanya kalau kita bagi kepada PSK, tiap-tiap tahun PSK akan dapat kutipan sewa. Kita dulu kadang-kadang ada permohonan, kita bagi milik tanah. Sekarang ini tidak ada kita tidak akan bagi milik tanah kita bagi pajakan dan Kerajaan Negeri masih ada pegangan.

Jadi ini yang... yang kita buat setakat hari nilah. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana mengingatkan saya. Alhamdulillah ya. Macam kita sembahyanglah, kita tahu dah lepas ini nak sembahyang Zohor tapi azan masih berkumandang di udara. Sebenarnya kita dah tahu. Macam ADUN Cheka ni macam tu jugalah. Kalau macam ni lah Yang Berhormat Speaker, Pahang ini amanlah… amanlah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebabnya Yang Amat Berhormat, sebab manusia ni sifat manusia ni dia selalu lupa. Ha ini sifat manusia, lupa. Sebab tu ada azan, ada jam ya, sebagainya dia pelupa. Okay soalan terakhir.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak tanya tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tadi satu kawasan, satu industri… satu daerah, satu industri. Saya nak tahu di Maran di mana kawasan industri?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Belum jumpa lagi. [Ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Sebelum itu nak tanya ADUN daripada Kuala Sentul tak pergi jamuan (tidak jelas)? YB jawatankuasa kan?

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ya... ya. Dah minta maaf dah [ketawa] tak dapat pergi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak bukan apa, sebab saya sayang pada YB ni. Saya takut esok kalah jawatankuasa tu [ketawa].

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Betullah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi ginilah ya. Yang maksud tu saya punya tu *general statement*. Semua daerah di Pahang ini akan ada kawasan perindustrian dan di Maran pun dah telah dikenal pasti. Maksudnya dikenal pasti itu bukan dia jadi. Sebab tanah ini, dia banyak proses dia. Kadang-kadang kita bimbang ianya berlapis. Ada permohonan dan ada nak buat sekolah dan sebagainya. Ada di Maran tu ada dua, tiga tempat yang telah dikenal pasti tetapi masih belum dimuktamadkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kadang kadang nak cari tempat yang strategic, Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha nak cari tempat strategik, nak cari mungkin nak letak di Kuala Sentul, kawasan industri itu kan. Ataupun nak letak di tempat-tempat lain. Jadi er… Kuala Sentul sahabat saya jangan bimbanglah ya, insya-Allah *confirm* ada di Maran. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 2. Wakil dari Chini.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Jenderak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jenderak. Minta maaf tu nombor tiga.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pertanyaan saya nombor 2.

> [Apakah bentuk dan jumlah bantuan atau insentif yang ditawarkan oleh kerajaan bagi menggalakkan lagi golongan belia di negeri Pahang untuk menceburi bidang pertanian?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Jenderak yang bertanyakan tentang insentif yang ditawarkan oleh kerajaan bagi menggalakkan golongan muda bagi menceburkan diri dalam sektor pertanian ya.

Er… untuk Dato' Sri Speaker, program yang ditumpukan kepada golongan muda ini dinamakan sebagai Agropreneur Muda yang telah diwujudkan untuk golongan muda

yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Ianya bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan Agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantaian... rantaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman untuk pertanian, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

Objektif program ini ialah menarik golongan muda berumur antara 18 hingga 40 untuk menceburi bidang pertanian. Mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju, meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti, kualiti produk dan penggunaan teknologi dan inovasi serta penyediaan pasaran yang kompetitif dan juga menjadikan industri Agromakanan sebagai bidang kerjaya masa depan yang menjana pendapatan yang mampan.

Kumpulan sasar yang merupakan er... seperti mana yang saya telah katakan tadi, 18 hingga 40 tahun dan skop program merangkumi er… ini industri tanaman, perikanan dan ternakan dan jenis-jenis bantuan itu dia… banyak juga bantuan. Antaranya dipanggil Geran Agropreneur Muda (GAM) adalah bantuan daripada kerajaan kepada Agropreneur Muda bagi membantu mereka meminimakan kos kewangan dalam menjalankan perniagaan.

Geran ini diberi dalam bentuk barangan, nilaian maksimumnya RM20,000.00 dan tidak perlu dibayar balik. Ini geran Dato' Sri Yang di-Pertua er… tak perlu dibayar balik dan hasil dan impak pemberian geran disasarkan memberi faedah ekonomi kepada penerima geran dan perniagaan untuk jangka masa panjang.

Keduanya memberi khidmat nasihat teknikal dan latihan, khidmat nasihat teknikal dan latihan serta intensif yang… secara intensif yang bersesuaian melalui program program yang dilaksanakan oleh jabatan, agensi atau syarikat yang dilantik oleh Kementerian er... Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkaitan dengan projek yang dijalankan. Dan kalau kita lihat misal contohnya untuk pertanian, antara projek yang diceburi yang boleh layak untuk mendapat bantuan ini termasuklah tanaman sayur tanaman... tanaman singkat masa, fertigasi, cendawan, perusahaan madu kelulut dan projek industri asas tani. Manakala bagi Jabatan Veterinar misalnya... dia program ini mencakupi tiga-tiga sektor. Jadi maknanya Jabatan Pertanian, Veterinar, Perikanan.

Kalau Veterinar misal contohnya, kita boleh menceburkan diri dalam ternakan ruminan iaitu lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa. Ternakan unggas macam ayam, itik, puyuh. Ternakan bukan ruminan selain unggas seperti arnab dan juga perkhidmatan sokongan serta *input* ternakan seperti penghasilan makanan ternakan dan permanian beradas ini *artificial insemination*. Dan bagi Jabatan Perikanan, ianya mencakupi projek akuakultur, penangkapan ikan di laut, pembenihan ikan, ikan hiasan dan pemprosesan produk perikanan.

Dan bantuan atau insentif selain pada Geran Agropreneur Muda, juga termasuk Geran Pemadanan (CUP) atau bahasa Inggerisnya *Change Upgrade Product*. Maksimum geran bantuan ini tadi ialah RM60,000.00. Dipanggil Geran Pemadanan iaitu geran 70% geran dan usahawan kena mengeluarkan 30%. Dan ini termasuk... misal contohnya kajian pembangunan kualiti produk, reka bentuk, pembungkusan... *packaging,* dengan izin, pelabelan, peningkatan kapasiti, pengeluaran penambahan... penambahbaikan premis dan termasuk juga perolehan papan tanda perniagaan. Kemudian kita ada Geran Pemadanan (HIP), *High Impact Product*, dengan izin. Maksimum gerannya adalah, bantuannya ialah RM200,000.00 iaitu 50% daripada geran dan 50% lagi daripada usahawan.

Dan seterusnya ada geran membina dan menaik taraf infrastruktur pusat agro pelancongan kepada pengusaha. Maksimum er... bantuannya ialah RM200,000.00. Kita ada juga program Rezeki Tani yang bantuannya maksimum yang diberikan ialah RM10,000.00. Ini termasuk perolehan peralatan, input perikanan, bahan mentah, lesen, pembungkusan dan sebagainya. Dan di bawah Jabatan Perikanan juga ada Mild Agroprenuer Perikanan, myAP namanya. Maksimum bantuannya RM150,000.00 dan juga kita ada Program My Komuniti Perikanan, myKP. Maksimum bantuannya ialah RM50,000.00. Jadi insentif dan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan khususnya di bawah agenda persekuriti atau keterjaminan makanan ini banyak.

Jadi kalau sekiranya sahabat saya daripada Jenderak nak tahu *detail*, boleh pergi ketiga-tiga jabatan ini. Pertanian, Veterinar dan juga Perikanan dan kita ada banyak insentif-insentif ini boleh dimanfaatkan oleh golongan-golongan yang berminat termasuk golongan muda yang dinamakan sebagai Agropreneur Muda.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat,

Boleh ya kalau macam Wakil daripada Jenderak panggil tiga-tiga buat dialog kat kampung, macam itu senang, tak payah pergi satu-satu.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Boleh, apa tak bolehnya. Kita akan bagi fakta, kita akan bagi yang sebenarnya supaya tidak mudah dikelirukan oleh mana-mana pihak. Sebab kita banyak. Lebih lagi nak ataupun tak nak je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Betullah, terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, soalan seterusnya, ada soalan tambahan? Hah, sila.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Kita tengok tadi banyak insentif yang dibuat oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Pertanian. Cuma di sini saya nak bertanya tentang angka. Berapakah kita telah berjaya menghasilkan usahawan berhasil untuk negeri Pahang sepanjang tempoh yang ada ini dan khususnya mereka yang berumur 18 hingga 40 tahun dan berapakah daripada golongan tersebut melibatkan golongan wanita muda? Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ini, Yang Berhormat Pulau Tawar ini, dia nama dia ini bahasa Melayunya Yohanis tapi kalau dalam bahasa Inggerisnya *Your Highness* [ketawa]. Bahaya nama tu. Sila jawab Wakil Kerajaan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih YB Dato' Sri Speaker. Saya teringat bila Dato' Sri Speaker sebut tu, dia nama tu kadang dia unik macam nombor plat kereta. BGU 6422 [ketawa]. Jadi kita tengok BGU 6422. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Menjawab...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila jawab Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, pagi ini kita...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ceria sikit, kita kena ceria, suasana ukhwah.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya, YB Yohanis ini daripada Pulau Tawar. Jadi Pulau Tawar ini saya ada DNA Pulau Tawar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia... ini Wakil apa pembangkang, dia ada dua-dua, Pulau Tawar ada, Pulau Manis pun ada [ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Oh gitu ya. Dia ada macam orang kata... Pulau Tawar, Pulau Manis tapi kalau ada kencing manis, dia ada kencing tawar tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ketawa]. Tak ada Yang Berhormat. Kencing tawar tu maknanya sihatlah.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker,

Minta maaf ya. Ini waris saya daripada Pulau Tawar. Dia tak panggil Pulau Tawar ya... Pulau Tawa. Dia sebenarnya kita ada senarai Agropreneur Muda yang telah kita bantu. Malahan saya kalau boleh bagi statistik ya, daripada tahun 2021 hingga tahun 2024 ini, kita ada di bawah Jabatan Pertanian ada 62 orang yang kita tengok ada

menyeluruhlah di setiap daerah kita ada. Kemudian di melalui Jabatan Perikanan, malahan daripada tahun 2020 hingga tahun 2023 kita ada 16 iaitu di Bera ada 2, Jerantut 1, Jerantut ini Mohd Zarif bin Mahmood, nama dia. Dia pembenihan ikan air tawar... *hatchery*. Kemudian di Kuantan ada 1, di Lipis ada 2, Maran ada 1, Mohd Khairuddin Mat Noh. Pekan ada 4, Rompin ada 1, Temerloh ada 4. Ternakan ikan air tawar dalam sangkar ini banyak yang ada bantu dia dan begitu juga dengan Veterinar.

Jadi kita ada senarai ini banyak juga yang kita ada di bawah Veterinar dan malahan dalam tahun 2014, kalau kita tengok 2014, veterinarnya ada 5 yang dibantu, 2015 ada 22, 2016... *sorry* ini apa nama 2015 ada 17, 2016 ada 5 dan seterusnya termasuklah saya tengok 2018 ada hampir 15. Kita ada banyak yang... ada senarai yang mungkin insya-Allah saya bagi kepada yang Berhormat ADUN Pulau Tawar untuk melihat bahawasanya kejayaan program Agropreneur Muda ini dan malahan keutamaan kita bagikan kepada mereka yang dah ada projek.

Misal contoh dia dah ada projek, dia nak membesar dan meningkatkan lagi nak memajukan lagi perusahaan dia, yang ini yang kita berikan keutamaan. Dan insya-Allah saya rasa marilah sama-sama kita menyeru kepada golongan muda, *Agropreneur* Muda supaya dapat menghampiri jabatan-jabatan, agensi agensi yang berkaitan ini, ada belaka. Misal contohnya, kalau kita misal contoh kalau kita sebut nak tanam nenas, misal contohnya, jadi Lembaga Pembangunan Nanas ini ada bantuan solo, dia ada belaka. MARDI misalnya contohnya. Saya ingat ini err... YB Pulau Tawar kenal Ketua Pengarah MARDI Malaysia?

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Waris ke Yang Berhormat?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Habis waris belaka deme ni ([ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Waris kome ni sampai Australia, Amerika, ke UK, rata...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baka baik macam itulah Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Benih yang baik ini dia campak ke mana dia akan jadi er... campak ke laut jadi pulau, orang kata gitulah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pulau Tawar itu [ketawa]. Campak ke laut jadi pulau, itu jadi Pulau Tawar itu.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi kalau bawa ke bukit dia jadi Musang King [ketawa]. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri, er... maknanya MARDI ini dia ada teknologi terkini. Sebab itu kita nak perkenalkan IoT ini, *Internet of Things,* dengan izin dan juga sekarang ini kita memperkenalkan

Artificial Intelligence, dipanggil Kecerdasan Buatan, yang menggunakan ini apa nama, pendekatan er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh itu istilah dia? Maknanya itu… apa namanya… dalam Bahasa Melayunya, Kecerdasan Buatan? Okey.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tidak pakar dalam bahasa. Mungkin ramai sahabat-sahabat saya pakar dalam bahasa. AI kita ingat *Artificial Insemination,* atau permanian berhadas. Tapi AI di sini *Artificial Intelligence,* maknanya Kecerdasan Buatan. Dan dia menggunakan kaedah di mana er... robot ataupun komputer, tapi kita masukkan ini, apa ini… *intelligence* manusia dalam. Jadi yang ini kena kita lihat supaya tidak disalahgunakan. Tapi insya-Allah, ini pendekatan yang er... akan kita buat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada kerajaan. Seterusnya soalan nombor 3, Wakil daripada Chini. Minta maaf tadi sebab dia dekat-dekat berdua tu. Chini dengan Jenderak.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, er... saya kemukakan pertanyaan yang ke-3.

> [Apakah status pewartaan perkampungan masyarakat orang asli (OA) khususnya di DUN Chini?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Chini yang mempersoalkan tentang urusan pewartaan perkampungan Orang Asli di dalam DUN Chini. Sebenarnya di dalam er… usaha Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang, kita telah memberi perhatian kepada 9 buah kampung di er... DUN Chini ini, kampung Orang Asli.

Tetapi daripada 9 buah kampung ini, kita telah mengemukakan sebanyak er... 4 buah permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang. 4 buah permohonan itu melibatkan Kampung Dusun, Kampung Tasik Mentiga, Air Hitam dan Kampung Gumum.

Ada permohonan-permohonan itu, er... setelah kita teliti, mendapat jawapan daripada Pihak Berkuasa Tanah, masih di dalam penelitian pihak Jabatan Teknikal, seperti contoh di Kampung er... Dusun dan juga Kampung Tasik Mentiga, tetapi ada juga yang dalam keadaan berlapis dengan pemilik-pemilik asal seperti di Kampung Air Hitam dan Kampung Gumum.

Insya-Allah, er... ada 4 buah kampung lagi seperti Kampung Dusun, Kampung Batu Gong, Kampung Tasik Mentega, Kampung Belukar Nangka, Kampung Tanah Merah, dalam usaha Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk mendapatkan peruntukan daripada pihak kementerian untuk membuat permohonan mengukur perimeter bagi kita boleh

mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tanah Negeri. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya. Soalan nombor 4, Wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam Sejahtera, selamat pagi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mengemukakan soalan nombor 4.

> [Harga rumah kediaman di dalam kebanyakan projek perumahan baru adalah tinggi, di luar kemampuan kumpulan B40. Kumpulan berpendapatan rendah amat memerlukan projek perumahan kos rendah dan sederhana. Adakah sebarang perancangan bagi pembangunan projek perumahan sedemikian, termasuk projek Rumah Makmur di DUN Sabai?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Sabai. Untuk makluman, rakyat negeri Pahang amat bertuah kerana Kerajaan Negeri memang amat menitikberatkan keperluan penyediaan perumahan, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan juga yang sederhana.

Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa program-program perumahan untuk membantu rakyat, dalam memiliki rumah. Sebagai contohnya, di antara program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini dan sehingga terkini adalah termasuklah Rumah, Rancangan Rumah Murah, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Penjawat Awam, Rumah Pahang (PGBF), Rumah Rakyat Pahang, Rumah Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA), Rumah Bantuan Mangsa Banjir, Projek Perumahan Rakyat, daripada PPR, KPKT, Perumahan PR1MA Malaysia, Rumah Mesra Rakyat (SPNB), Perumahan Generasi Baru FELDA, Projek Sinar Lestari (YaPEIM), Rumah FELCRA Berhad.

Daripada 2020 hingga April 2024, er... perumahan yang telah siap ini adalah lebih kurang sebanyak 13,772 unit rumah, manakala yang siap pada tahun hadapan dan 2026 adalah sebanyak 6,500 lepas itu, 21 biji rumah akan siap dibina sepenuhnya. Jadi hampir 20,000 rumah telah kita *provide*kan untuk rakyat di negeri Pahang, dan bawah skim ini. Bagi DUN Sabai, untuk makluman DUN Sabai, sebanyak 40… 429 unit Rumah RRM dan PAKR telah dibina serta 185 unit di PAKR Kampung Muhibbah Benus, 96 unit di Telemong dan di Muhibbah Karak, 32 unit, RRM Kilat er... Karak dan 20 unit di RRM, 32 unit di RRM Kilat Karak dan 20 unit di RRM Karak.

Bagi Projek Rumah Rakyat Pahang yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pahang, er... yang telah memberikan subsidi harga sebanyak RM75,000.00 seunit bagi membantu rakyat kurang berkemampuan dalam negeri Pahang ini, yang diberikan secara percuma Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Dan bagi kawasan DUN Sabai ini, terdapat 12 unit Rumah RRP telah dibina. Iaitu masing-masing 2 unit di Fasa 1, Fasa 2A dan Fasa 2B dan 6 unit dalam Fasa 3.

Manakala 8 unit dalam proses pembinaan dalam Fasa 4. Bagi Projek Rumah Makmur, harga jualan ini adalah bernilai RM80,000.00 seunit dan bagi membantu, untuk membantu golongan berpendapatan seisi rumah di bawah RM5,000.00 sebulan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, cadangan Projek Rumah Makmur tidak akan… tidak ada lagi yang dibina di kawasan Bentong, dan pihak kerajaan sangat mengalu-alukan cadangan-cadangan daripada kawasan-kawasan seperti DUN Sabai, untuk dilaksanakan Rumah Makmur ini dan saya juga meminta Ahli-ahli Yang Berhormat agar memastikan bahawa setiap rakyat, lapisan rakyat yang memerlukan perumahan ini agar dapat sama-sama menggunakan aplikasi ePerumahan Pahang untuk, mendaftarkan sebagai, untuk proses pemilikan rumah.

Kalau kawasan Cameron Highlands, nak rumah, masuk dan daftarkan. Beritahu kepada kawasan-kawasan, rakyat, kawasan masing-masing yang memerlukan rumah ini supaya daftar. Di mana sahaja di kawasan dalam negeri Pahang ini. Dan kerajaan akan meneliti dan mendapati data-data tersebut, dan apabila menepati angka-angka yang sesuai, kerajaan akan menimbang untuk membina perumahan-perumahan yang sepatutnya dibina di kawasan-kawasan terbabit. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita bagi kepada soalan er... nombor 5, Wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

> [Kesesakan Tempat Meletak Kenderaan di HOSHAS Temerloh. Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi kesesakan tempat letak kereta di kawasan parkir Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh (HOSHAS) khususnya pada waktu puncak yang kerap kali berlaku sejak kebelakangan ini?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih er… Kuala Semantan, yang mengemukakan soalan berkenaan dengan isu tempat letak kenderaan Hospital Temerloh.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hospital Sultan Haji Ahmad Shah atau ringkasnya HoSHAS adalah merupakan Hospital Berpakar Major dengan kapasiti 60, er... 650 katil. Ini juga… ia juga merupakan *lead hospital* bagi Hospital Kluster Pahang Tengah yang menerima kes-kes rujukan daripada Hospital Jerantut, Hospital Bentong, Hospital Bera dan Hospital Jengka, selain daripada klinik-klinik kesihatan yang berdekatan.

Dato’ Sri Speaker,

HoSHAS ini turut menerima rujukan kes-kes kompleks dari Hospital Kluster Barat daripada Hospital Kluster Pahang Barat iaitu daripada Hospital Kuala Lipis dan juga Hospital Raub. Ini berikutan kedudukannya yang strategik berdekatan dengan laluan

masuk dan keluar Lebuhraya Karak - Pantai Timur. Dan jaraknya yang lebih dekat dengan Hospital Kluster Pahang Barat berbanding dengan Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan. Keadaan ini secara tidak, secara langsung telah menyebabkan HoSHAS ini, menerima jumlah… menerima masuk jumlah kenderaan membawa pesakit serta waris pesakit yang tinggi bagi tujuan menerima rawatan susulan dan kemasukan buat yang menyumbang kepada kesesakan di kawasan parkir.

Dato' Sri Speaker,

Isu kesesakan parkir di HoSHAS merupakan isu yang turut berlaku di semua hospital pakar di seluruh negara sebenarnya. Kesesakan ini akan berlaku pada hari Isnin hingga Jumaat. Semasa er... Klinik Pakar Hospital beroperasi terutamanya di waktu puncak daripada pukul 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari. Pada masa ini, HoSHAS mempunyai 678 petak parkir bagi kemudahan waris dan pesakit.

Dato' Sri Speaker,

Sebagai langkah untuk mengawal kemasukan kenderaan oleh waris serta pesakit, beberapa langkah telah er... dilaksanakan er... pertamanya, HoSHAS telah mengadakan kaedah temujanji berperingkat di klinik pakar iaitu pesakit hanya boleh mendaftar 30 minit lebih awal sebelum temu janji, sebelum waktu temu janji agar jumlah pesakit ini dapat dikawal dan lebih teratur dan memberi ruang kepada waris pesakit merancang perjalanan ke hospital.

Manakala langkah keduanya pula, HoSHAS telah merancang untuk memperkenalkan kaedah temu janji secara digital melalui aplikasi HoSHAS yang telah dibangunkan bagi memudahkan pesakit serta waris pesakit mengesahkan kehadiran ke Klinik Pakar tanpa perlu tergesa-gesa hadir ke hospital di awal pagi. Aplikasi ini dijangka akan dapat digunakan pada awal Julai 2024 setelah mendapat kelulusan dari daripada ibu pejabat er... Kementerian Kesihatan Malaysia. Adalah diharapkan pendekatan ini dapat melancarkan perjalanan pesakit menerima rawatan serta menambah baik er... menambah baik er... pengalaman pesakit di hospital dengan lebih teratur dan lebih selesa.

Selain itu, er... Dato' Sri Speaker, HoSHAS juga telah melaksanakan polisi dalaman di mana kakitangan hospital tidak dibenarkan meletak kenderaan di kawasan parkir di hadapan Klinik Pakar sehingga pukul 2.00 petang. Ini bagi memberi kemudahan kepada waris pesakit meletak kenderaan. Kakitangan hospital diarah untuk meletak kenderaan mereka di belakang… di… mereka di kawasan parkir yang disediakan di belakang hospital dengan kapasiti 120 petak parkir yang telah siap dibina pada bulan Ogos 2021. Dan er... yang keempatnya pula, er... untuk makluman di bawah er... pelan jangka panjang pembangunan HoSHAS, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah mengemukakan satu er... telah mengemukakan kepada Bahagian Perancang, Kementerian Kesihatan Malaysia, pelan pembangunan bagi membina blok baru tambahan dengan jumlah katil sebanyak 400 katil untuk blok wanita dan kanak-kanak di dalam tapak hospital sedia ada, keluasan 2.24 ekar.

Selain daripada pembinaan wad dan kemudahan klinik, pembangunan blok ini juga mengambil kira pembangunan kompleks parkir bertingkat di bahagian *basement* sebanyak 450 parkir tambahan yang akan menjadikan sebanyak jumlah keseluruhannya berjumlah 1,128 lot parkir. Jadi, hal ini akan dapat membantu mengurangkan masalah kesesakan tempat di HoSHAS ini. Perancangan permohonan blok tambahan baru ini dicadangkan dalam… dicadangkan pada permohonan Rancangan Malaysia Ke-13 akan datang. Sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi pada soalan nombor 6 Wakil daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan 6.

> [Pohon Kerajaan Negeri senaraikan Memorandum yang telah ditandatangani dengan pihak pelabur asing atau tempatan dalam 10 tahun kebelakangan ini. Pohon senaraikan juga daripada pelabur-pelabur yang telah menandatangani Memorandum, pelabur manakah yang telah memulakan perniagaan dan jumlah pelaburan mereka.]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Anak saya lah ya... [Ahli Dewan ketawa].

YB. DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih juga kepada sahabat saya ADUN Semambu yang bertanyakan soalan, pohon Kerajaan Negeri senaraikan memorandum yang telah ditandatangani dengan pihak pelabur asing atau tempatan dalam 10 tahun kebelakangan ini, dan juga pohon senaraikan juga daripada pelabur-pelabur yang telah menandatangani memorandum, dan pelabur manakah yang telah memulakan perniagaan dengan jumlah pelaburan mereka.

Baik, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang telah menerima pelbagai jenis cadangan projek pembangunan, untuk dilaksanakan dan keutamaan sentiasa diberikan kepada projek-projek yang mampu menjamin peningkatan hasil kepada Kerajaan Negeri dan memberi kesan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Dalam tempoh 10 tahun iaitu 2013 sehingga 2023, PSK telah menandatangani sebanyak 235, Perjanjian Jual Beli mahupun Pajakan dan juga pajakan dan 22 Memorandum Persefahaman ataupun dengan izin MoU, merangkumi projek FDI dan DDI.

Daripada jumlah MoU tersebut, empat daripadanya telah direalisasikan melalui Perjanjian Jual Beli/Pajakan di mana ia telah menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM534.2 juta dan empat projek tersebut adalah nombor satu, *Alliance Steel* di mana, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan YB-YB sedia maklum, pada tahun lepas, mereka telah memulakan pembesaran kilang ataupun *expantion* dengan izin, Fasa 2 dengan kos pelaburan sebanyak RM8 bilion. Yang kedua, *Sealegs International* mana mereka telah *commit* untuk melabur sebanyak RM425,000,000 juta dan *Sealegs* ini adalah satu syarikat yang menarik berpangkalan di New Zealand. Mereka adalah pembuat bot amfibia.

Pada YB-YB, Dato' Sri Speaker yang biasa tengok cerita James Bond, bot amfibia tu, dia ada roda atas darat kalau dia Teluk Cempedak tu dia boleh terus masuk er... masuk laut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia…dia boleh hidup dalam dua alam.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Dua alam… dua alam. Betul-betul Yang di-Pertua, dua alam. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Dua alam dan sebabnya *Sealegs* ini ingin pindah daripada New Zealand ke Kuantan adalah satu, dia punya… dia punya kos untuk membuat bot tersebut adalah terlalu tinggi dengan apa… dengan undang-undang yang ketat. Kos para jurutera yang gaji jurutera yang sangat tinggi dan juga mereka juga perlu import 7,000 *spareparts* daripada seluruh dunia. Dan sekiranya mereka pindah ke Kuantan, maka kos *base* mereka akan jadi jauh lebih rendah.

Mereka sekarang ni jual bot tu dengan harga RM1 juta. Kalau dia pindah ke Kuantan, mungkin kita boleh kurangkan harga jualan tersebut untuk RM700 juta ataupun lima… maaf RM700,000.00 ataupun RM500,000.00 berbanding dengan RM1 juta. Dan saya difahamkan *orderbook* untuk *company* ini adalah 16 bulan dan bot ini boleh digunakan untuk tujuan memancing, menyelamat mangsa banjir, untuk tujuan pemantauan tentera dan sebagainya. Dan saya perlu ucapkan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Sri Speaker kerana telah memainkan peranan besar untuk membantu kami mendapatkan pelaburan ini, sebelum beliau menjadi Dato' Sri Speaker, beliau cuba memujuk *company Sealegs* ini untuk melabur di Kuantan. Saya difahamkan CEOnya berkata “boleh, dengan satu syarat”, Dato' Sri… Dato' Sri Sharkar ketika itu kena buat *bungee jumping*. *Bungee jumping* tuan-tuan dan puan-puan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er... saya buat ya. 40 meter daripada atas bawah turun hanya untuk negeri Pahang.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Dato' Sri, selaku anak jantan sejati menyahut cabaran tersebut ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Beliau terjun dengan beraninya. Masa terjun saya… *legend* kata dia jerit Pahang *First* semasa terjun itu. Apabila telah melakukan terjunan tersebut, maka CEO tidak ada pilihan melainkan untuk memindah kilang ke Kuantan. Terima kasih Dato' Sri Speaker. [Ahli Dewan menepuk meja]. Ketiga adalah Muhibbah Engineering di mana mereka telah bersetuju melabur untuk membina Projek Kuantan Maritim Hub. Projek ini telah diumumkan pada tahun 2016 dan pada Pusat Maritim Hub ini mereka akan membina kapal, membuat pembaikan kapal dan juga membina pelantar minyak ataupun dengan izin *offshore platform*. Kos pelaburan dijangka RM2 bilion dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2028 jangka... dijangka siap.

Dan akhir sekali, Syarikat Amat Bayu, telah menandatangani perjanjian untuk membina sebuah kilang palet kayu untuk tujuan *biomass* dan jumlah pelaburan ataupun kos projek tersebut adalah RM1.12 bilion dan mereka telah menyewa pajakan

tanah sebanyak 30 hektar untuk tujuan tersebut dan *biomass* ini amat diperlukan oleh negara-negara seperti Jepun yang memang mencari sumber tenaga yang baru selepas tragedi er… tragedi Fukushima ya, reaktor nuklear Fukushima, mereka mencari sumber tenaga yang lain dan *biomass* adalah salah satu pilihan mereka. Terima kasih YB Dato' Sri.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Soalan tambahan Dato' Sri.

Terima kasih kepada wakil Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Peramu Jaya atas jawapan daripada… untuk menjawab soalan saya. Cuma pertanyaan saya ialah daripada 22… 22 MoU yang telah ditandatangani, hanya 4 sahaja yang telah berjaya. Untuk yang 4 berjaya ini, apakah sebab mereka akan melabur di Pahang dan untuk 18 yang lain kenapa masih tak ada direalisasi pelaburan mereka dan ketiga er... sebenarnya apa *advantage* apa tu *competitive advantage* negeri Pahang berbanding dengan negeri lain untuk pelabur melabur di negeri Pahang.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Yang 18 syarikat yang tak jadi *sign* MoU tu adalah pelbagai sebab antaranya ada yang tukar syarat er... setelah membuat perjanjian ataupun persefahaman dengan Kerajaan Negeri. Ada yang ada masalah dari segi modal dan ada yang menghadapi cabaran selepas fenomena COVID-19 yang melanda satu dunia baru-baru ini. Di antara kelebihan Kerajaan Negeri Pahang ataupun negeri Pahang ialah kita masih mempunyai tanah yang banyak dan kita ada Kluster Taman Industri yang… yang maju seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut di Gebeng er... di Pekan kita ada ekosistem untuk automotif. Saya ada sebut kilang-kilang kertas besar yang bertapak di Bentong.

Advantage dia nilai tanah dan ke hadapan kita ada satu perancangan yang besar di mana kita ada perancangan untuk membuat apa itu… membina (ECRL) *East Coast Rail Link,* dengan izin. Kita ada perancangan untuk membina lapangan terbang baru dan juga *Central Spine Road* dan *Kuantan Port* juga bakal diperbesarkan di masa-masa akan datang dan semua ini adalah infrastruktur bersepadu yang boleh membantu memacu pelaburan ke dalam negeri Pahang di masa-masa akan datang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Wakil daripada Batu Talam.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pertanyaan saya nombor 7.

> [Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan Badan Bukan Kerajaan, syarikat swasta dan Badan Berkanun untuk memperbanyak program-program *Corporate Social Responsibilities* (CSR) bersama pusat-pusat jagaan yang berdaftar di bawah JKM?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker serta sahabat yang bertanyakan soalan yang berbunyi, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan Badan Bukan Kerajaan, syarikat swasta dan Badan Berkanun untuk memperbanyakkan program-program CSR bersama pusat-pusat jagaan yang berdaftar bersama di bawah JKM. Er... Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri amat menggalakkan penglibatan syarikat swasta serta Badan Berkanun untuk membantu dan menyalurkan sumbangan melalui pelaksanaan program CSR bersama-sama pusat jagaan yang berdaftar di bawah JKM.

Sebagai insentif untuk menggalakkan penyertaan syarikat swasta mahupun Badan Berkanun, pihak jabatan telah membangunkan sistem *MyCorporate Care* (MyCC) yang merupakan satu kaedah alternatif untuk mendapatkan sumbangan oleh pusat jagaan ataupun Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang berdaftar selain daripada menggunakan kaedah yang sedia ada, sistem ini memudahkan sektor korporat, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan individu untuk menyalurkan sumbangan kepada pusat jagaan yang berdaftar berdasarkan keperluan yang dikehendaki.

Selain daripada itu, kita juga menyediakan modul yang mana satu platform mengenai maklumat keperluan pusat jagaan dan membolehkan sektor kerajaan, swasta korporat, syarikat swasta, NGO dan individu yang berhasrat melakukan Tanggungjawab Sosial Korporat. Modul ini juga membantu menyumbang untuk mengetahui keperluan sebenar yang disenaraikan oleh PSK yang… PSK ni er... Pusat Sukarela Kebajikan er... keperluan PSK melalui kaedah suai... suai padan. Ia juga memastikan sumbangan diberikan kepada PSK yang berkelayakan dan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan atau Akta Pusat Jagaan 1993.

Rasionalnya aktiviti-aktiviti ditaja atau dianjurkan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan, syarikat swasta dan badan berkanun adalah satu inisiatif yang harus digerakkan secara kolaborasi dan berterusan. Manfaat yang diperolehi hasil dengan penglibatan ini sangat berguna kepada golongan sasar yang mendapat perkhidmatan di pusat jagaan seterusnya menjadi pemangkin kepada pengendali pusat jagaan untuk meneruskan operasi. Selain itu, melalui pelaksanaan program ini, segala sumbangan ini dapat dilebarkan secara lebih luas supaya semua yang layak dapat menikmati manfaat ini.

Contohnya, sumbangan tidak tertumpu kepada pusat jagaan di sekitar bandar sahaja tanpa mengira pusat jagaan di luar bandar yang tertentu lebih memerlukan. Pusat jagaan yang kurang berkemampuan juga dapat menjalankan dan meneruskan operasi lebih baik dan lancar. Segala kejayaan ini nanti akan memberi implikasi positif bukan sahaja kepada pusat jagaan setempat malah kepada seluruh pusat jagaan di negeri Pahang amnya. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan nombor 8. Wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon mengemukakan soalan atau pertanyaan nombor 8.

[Apakah status permohonan mini stadium dan litar lumba di Kuala Rompin?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tioman atas soalan berkenaan status permohonan mini stadium dan litar lumba di Kuala Rompin.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kementerian Belia dan Sukan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6 juta melalui *Rolling Plan* 4 Rancangan Malaysia ke-12 bagi pembinaan mini stadium dan mini kompleks atau mini kompleks sukan di Kampung Kolam, Rompin. Lawatan tapak dan perbincangan berkenaan skop kerja projek oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan bersama Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, Majlis Daerah Rompin serta wakil Yang Berhormat Tioman sendiri telah diadakan pada 8 Februari yang lalu.

Dijangkakan proses tender bagi projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2025. Skop pembinaan mini stadium di Kampung Kolam ini merangkumi kerja-kerja awalan, pembinaan trek lapangan sintetik, sebuah padang bola sepak, sebuah mini astaka berkapasiti 200 orang, lampu limpah, kerja-kerja elektrikal dan mekanikal. Serta kerja-kerja yang berkaitan. Bagi permohonan pembinaan litar lumba *drag* di Kuala Rompin pula, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang terus komited mengekalkan permohonan ini dalam senarai permohonan peruntukan *Rolling Plan* 5, dengan izin, Rancangan Malaysia Ke-12 berdasarkan cadangan lokasi baharu pembinaan iaitu di Kampung Selendang, Tioman.

Projek ini merangkumi kerja-kerja awalan pembinaan litar *premix* sepanjang 1.5km. Kerja-kerja elektrikal dan mekanikal serta kerja-kerja berkaitan yang melibatkan kos anggaran RM6 juta. Insya-Allah Kerajaan Negeri Pahang akan terus memberikan perhatian khusus kepada pelaksanaan dan perancangan kedua-dua projek ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Ada soalan tambahan? Ha... sila, satu lagi.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah er... menjawab pertanyaan dengan *detail* berhubung dengan dua perkara tadilah. Jadi er... dalam masa yang sama saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas juga kepada penganjuran er... 50,000 yang er... jelajah kembara motosikal er... pada masa yang lalu dengan jayanya di peringkat negeri Pahang dan saya ingin memberitahu juga kepada Wakil Kerajaan bahawa kita sangat perlu litar lumba ini kerana ramai anak-anak muda kita pergi ke Johor, ke Sepang dan er... sukan permotoran ini sangat baik sekali sambutannya di negeri Pahang dan satu ketika kita pernah lulus litar lumba ini sebanyak RM42 juta er... di Lakum, Temerloh. Namun masa pemerintahan 22 bulan itu ditarik balik er... dibawa ke Kedah. Jadi saya harap dengan karisma Wakil Kerajaan Negeri untuk meneruskan usaha ini, dapatlah anak-anak

muda Pahang untuk er... bersama dalam sukan permotoran ini pada masa akan datang dan soalan saya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat lawatan kerja ke tempat-tempat er... tersebut? Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Tioman. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Berkenaan minat anak muda terhadap sukan permotoran ini memang kita, Pihak Kerajaan Negeri sangat menyedari dan seperti kata Yang Berhormat Tioman. baru-baru ini Kerajaan Negeri menganjurkan er... Himpunan *RXZ Fighter* di Serambi Teruntum yang julung-julung kali diadakan di negeri ini dan kehadirannya cukup ramai sehingga mencecah lebih er... dari 50,000 orang [Ahli Dewan menepuk meja] dan serata peminat RXZ dari seluruh negara termasuk dari Singapura hadir dalam himpunan dua hari ini dan ketika *event t*ersebut…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, berapa satu motor... motor RXZ... RXZ kan? Berapa sebiji sekarang ini orang jual?

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Kalau yang saya punya tahun er... 2000 harganya RM30,000 Dato' Sri. Ada yang lebih mahal.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dulu harga asal?

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Harga asal dulu lebih kurang RM6,000.00-RM7,000.00...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita beli 10 ya... kali RM30,000.00, RM300,000.00 boleh dapat motor...

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Kalau Dato' Sri Speaker minat kita boleh tolong carikan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya, Yang Berhormat, lesen motor pun tak ada. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Speaker,

Er... masa *event RXZ Fighter* ini berlangsung sebenarnya manfaat dari sudut pelancongan cukup tinggi ke negeri Pahang. Masa itu lah hotel semua penuh di Kuantan ni, *homestay* semua penuh dan restoran-restoran kedai makan di Kuantan tak dapat nak *cater* er... kehadiran lebih 50,000 peminat sukan permotoran khususnya RXZ.

Dan menjawab soalan Yang Berhormat er... Tioman berkenaan komitmen Kerajaan Negeri Pahang ketika ini terhadap sukan permotoran. Selain rancangan di Rompin ini, ada sebuah litar di Pekan yang turut akan kita lewati... lawati nanti. Keperluan untuk bangunkan semula litar ini. Cumanya untuk kemudahan dan infra litar permotoran ini dia menelan belanja yang cukup besar.

Ini kita kena kerjasama rapat dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memajukan serta membangun litar-litar lumba yang sebenarnya sangat sesuai untuk kita bangunkan ketika ini untuk mengelakkan anak-anak muda kita menggunakan jalan raya, satu kawasan jalan yang tidak sesuailah. Sepatutnya ada tempat khas seperti litar ini untuk mereka teruskan minat dalam sukan permotoran dan Kerajaan Negeri Pahang komited dan bersungguh-sungguh untuk memenuhi hasrat minat er... golongan anak muda dalam sukan permotoran. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya soalan nombor 9. Ya, daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 9.

> [Berapa banyak peluang pekerjaan yang perlu kerajaan negeri sediakan untuk tahun 2024?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Untuk menjawab soalan dari ADUN Tras, setakat Mac 2024, seramai 31,129 pencari kerja berbanding 2018, peluang pekerja aktif telah direkodkan. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak lebih kurang 29,000 peluang pekerjaan aktif perlu disediakan oleh Pihak Kerajaan Negeri Pahang melalui PERKESO dan agensi Kerajaan Negeri sekiranya hendak memberi peluang kepada semua pencari kerja terlibat untuk bekerja di negeri ini.

Kerajaan Negeri Pahang melalui PERKESO di dalam Bajet Belanjawan Negeri Pahang pada tahun ini juga telah menyediakan sebanyak 11 program karnival berskala sederhana dan satu program karnival negeri yang akan membantu menyediakan 3,700 peluang pekerjaan baru di negeri ini. Selain ini lebih kurang 118,000 peluang pekerjaan aktif semasa yang boleh diperolehi di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya soalan... oh, sila. Wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya tentang er... peluang pekerjaan tadi. Di antara pencari-pencari pekerjaan seramai 31,000 yang berdaftar dalam *My Future Jobs* melalui PERKESO itu, er... apakah kelayakan ataupun peringkat kelayakan yang... yang mereka ada untuk mencari kerja dan sektor mana pencari kerja ini paling ramai? Sektor yang er... yang sedang mereka cari ini, sektor yang mana yang menjadi pilihan pencari-pencari, 31,000. Sebab kita hanya boleh

sediakan 2,000 peluang pekerjaan sahaja sedangkan pencari pekerjaan adalah 31,000. Yang 29,000 ni sektor mana pilihan mereka untuk bekerja? Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Er... terima kasih er... ADUN Beserah. Saya tak ada rekod, nanti saya akan bagi jawapan bertulis, okey, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, nombor 10.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, mewakili Panching yang jauh soalan dia nombor 10.

> [Kerajaan negeri dilihat kurang mempromosikan dan mengambil tindakan untuk projek-projek dan kawasan pelancongan di Kuantan dan Pahang amnya. Pahang dianugerahi Ilahi kawasan semulajadi yang menarik dan cantik untuk dikunjungi seperti pantai-pantai dari Kuantan hingga Rompin, Sungai Pahang, air-air terjun, Sungai lembing serta Taman Negara. Mohon tindakan dapat dilakukan bagi menggalakkan pelancongan dan menjana ekonomi negeri.]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Panching sekarang ini berada di Madinah... Madinah ke Mekah? Madinah ya? Tak silap semalam dia ada hantar gambar ke saya. Madinah menunaikan fardu haji, awal pergi. Sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Dalam soalan... soalan Yang Berhormat Panching yang menyatakan Kerajaan Negeri dilihat kurang mempromosikan dan mengambil tindakan untuk projek-projek dan kawasan pelancongan di Kuantan dan Pahang amnya dan Yang Berhormat Pancing mohon tindakan dapat dilakukan untuk menggalakkan pelancongan dan menjana ekonomi negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memang mengambil berat tentang sektor pelancongan di negeri Pahang. Dari aspek promosi, Tourism Pahang bekerjasama erat dengan MOTAC Pahang dan juga Tourism Malaysia untuk er... aspek promosi termasuk penganjuran acara pelancongan sepanjang tahun. Eksposisi pelancongan, penerbitan bahan-bahan promosi, penganjuran lawatan suai kenal dan lain-lain. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang (PTNP) untuk memelihara dan memulihara aset-aset pelancongan di negeri Pahang.

Untuk projek pelancongan, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Kerajaan Negeri dalam belanjawan tahun ini memperuntukkan peruntukan yang besar untuk membangunkan sektor pelancongan. Antaranya RM3 juta untuk infra dan fasiliti pelancongan, RM500,000.00 untuk menaik taraf dan er… memelihara kawasan tinggalan sejarah Tok Gajah, Mat Kilau. RM500,000.00 ribu untuk kemudahan pelancongan di Hutan Lipur Parit Fall Cameron Highlands. RM300,000.00 ribu untuk Kompleks

Perkampungan Budaya Orang Asli di Lipis. RM2.2 juta untuk pembangunan pelancongan berasaskan flora atau perhutanan. RM3 juta untuk eko pelancongan Sungai Pahang. RM600,000.00 ribu bagi Projek Merapoh The Caving Paradise.

Selain itu, bagi daerah Kuantan, MOTAC meluluskan projek er… penyelenggaraan pada tahun 2022, RM200,000.00 untuk Sungai Lembing. Tahun lepas RM700,000.00 untuk menaik taraf Jeti Shahbandar Kuantan dan juga penyelenggaraan infrastruktur pelancongan di Sungai Lembing. Pada er… pada masa yang sama, MOTAC juga meluluskan bahawa Rolling Plan Keempat RMKe-12 untuk menaik taraf kemudahan pelancongan di paya bakau Kuantan dengan jumlah kos RM4 juta.

Dengan usaha-usaha ini, semoga ia dapat memberi impak yang besar untuk membantu pelancongan di negeri Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Luit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Dato' Sri Pegerusi… Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh, boleh boleh. Pengerusi boleh, Speaker boleh.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Kita sedia maklum, pelancong ini bukan sahaja tertarik pada alam semula jadi, tetapi daripada sumber-sumber untuk sebagainya, kita tengok pelancong ni berminat dengan budaya dan cara hidup kita. Jadi soalan saya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan beri perhatian kepada cara hidup seperti apa ni… makanan ke, muzik, pakaian sebagainya untuk kita menggalakkan lagi menyemarakkan lagi yang ini menarik pelancong ke negeri kita. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Luit, memang untuk pelancongan bukan sahaja alam semula jadi. Satu usaha daripada Kerajaan Persekutuan adalah program *homestay* di mana pelancong-pelancong dapat hidup bersama dengan orang kampung merasai cara hidup tempatan, budaya, makanan, adat resam dan untuk maklumat Yang Berhormat Luit, pada tahun lepas, kita telah… MOTAC telah meluluskan dua kluster baru dan tahun ini ada tiga kluster baru dalam proses penilaian dan semakan dan menjadikan jumlah *homestay* di Pahang, 18. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Pertama saya ucap tahniah kepada kerajaan di atas usaha yang sangat bagus. Cuma soalan saya satu masa dulu kita Sungai Kuantan kita ada *cruise* untuk bawak pelancong. Tapi sekarang ini dia tutup. Saya ingat dah tak berfungsi. Soalan saya ialah apa masalah yang dialami?

Yang kedua kalau kita tengok kita ada empangan yang agak menarik, Empangan Chereh. Walaupun ada sikit masalah tapi kita gagal manfaatkan. Kalau tengok *compare* dengan er… dengan empangan beberapa tempat yang lain, dijadikan sebagai kawasan industri pelancongan untuk bawa di kawasan-kawasan empangan tersebut. Soalan saya, apakah kerajaan berhasrat untuk jadikan Empangan Chereh ini sebagai satu kawasan tarikan industri pelancongan yang kita boleh bangunkan di situ?

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Untuk persoalan tentang *cruise* di Sungai Kuantan. Memang kita rasa bersyukur kalau berbanding dengan sungai-sungai di negeri lain sebagai contoh, di Melaka. Saya secara *personal* saya rasa Sungai Kuantan jauh lebih cantik dan berpotensi untuk dibangun… untuk dibangunkan.

Perkhidmatan *Cruise* tidak ditutup sepenuhnya tapi untuk menarik *river cruise* sekarang memang sudah ada dalam perancangan dan kita menghadapi sedikit isu teknikal di mana keadaan Sungai Kuantan itu perlu berkapasiti untuk menampung *river cruise* yang besar. Ini masih dalam proses dan tindakan Kerajaan Negeri dan untuk tentang cadangan Yang Berhormat Cheka mengenai pelancongan untuk empangan. Terima kasih atas cadangan, kita akan mengkaji. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih kepada wakil kerajaan. Soalan terakhir pada pagi ini. Soalan nombor 11. Wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan yang ke-11.

[Skim Pembiayaan Kewangan Mikro (i-PUSH)

i) Berapa ramai penerima Skim ini sejak dilancarkan mengikut daerah?

ii) Apakah bidang perniagaan utama usahawan yang memohon?

iii) Berapakah bilangan usahawan yang gagal membuat pembayaran balik setakat ini?]

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih banyak kepada sahabat Yang Berhormat Beserah. Soalannya berbunyi, Skim Pembiayaan Kewangan Mikro (i-PUSH). Berapa ramai penerima skim ini sejak dilancarkan mengikut daerah? Apakah bidang perniagaan utama usahawan yang memohon dan yang ketiganya, berapakah bilangan usahawan yang gagal membuat pembayaran balik setakat ini?

Seperti Yang Berhormat Dato' dan juga Ahli Dewan sedia maklum, Skim i-PUSH merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Perpaduan yang memberikan pembiayaan kewangan *islamic concept*, dengan izin, kepada usahawan yang berkelayakan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada dan juga rata-rata usahawan yang telah kita temui yang telah pun menerima di fasa pertama, mereka menzahirkan kesyukuran dan juga ucapan terima kasih di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana melaksanakan i-PUSH ini, inisiatif ini untuk memberikan sokongan kepada usahawan-usahawan di negeri Pahang.

Sejak dilancarkan, jumlah keseluruhan penerima Skim i-PUSH ini bermula dari fasa pertama hingga ke fasa kedua adalah seramai 2,258 orang, yakni usahawan mikro. Maklumat pecahan bagi setiap daerah adalah seperti yang saya akan nyatakan iaitu pertama di daerah Kuantan, sebanyak penerima 801 penerima. Temerloh sebanyak 388 penerima. Bentong sebanyak 171, Pekan 167, Maran 163, Jerantut 144 dan juga Rompin penerimanya 133, Lipis 113 dan juga Bera 107 dan juga Raub 58 tapi Cameron Highlands ni hanya dapat 13 sahaja dan jumlah keseluruhan 2,258.

Berdasarkan rekod terkini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bidang perniagaan utama yang diceburi oleh pemohon skim i-PUSH ini terdiri daripada usahawan dalam bidang perkhidmatan penyediaan makanan dan juga minuman. Iaitu sebanyak 2,478 permohonan bersama dengan 43.4% daripada jumlah keseluruhan permohonan yang telah diterima. Untuk makluman semua Ahli Sidang Dewan, Penerima Pembiayaan i-PUSH ini diberikan tempoh moratorium selama satu tahun sebelum bayaran balik mula dikuatkuasakan.

Sehingga kini, semua penerima i-PUSH fasa satu dan juga fasa kedua tersebut masih tertakluk dalam tempoh moratorium yang diberikan. Sekian, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan tambahan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih wakil kepada kerajaan di atas jawapan yang diberikan. Saya cuma ingin bertanya soalan tambahan saya ke… bidang usahawan yang paling ramai memohon Skim i-PUSH ini adalah daripada F&B er... makanan dan minuman. Bagaimana dengan bidang agropreneur ataupun usahawan tani di dalam pembiayaan permohonan Pembiayaan Mikro i-PUSH ini?

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak ya kepada Yang Berhormat Beserah, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dato' Sri. Program Agropreneur Muda ini dipanggil Agropreneur Muda, kita berkolaborasi bersama dengan pertanian, EXCO Pertanian bahawasanya ada Skim Agropreneur Muda iaitu skim dipanggil Agropreneur Muda iaitu geran... geran pemadanan bernilai RM20,000.00 ke… yang telah dibentangkan oleh EXCO Pertanian.

Sebab itu saya menjangkakan dalam F&B ataupun pemakanan yang dalam i-PUSH ini iaitu *loan* ataupun pinjaman bernilai RM3,000.00 ke RM10,000.00 sahaja. Maksudnya lebih daripada RM10,000.00 bolehlah berhubung ke jabatan-jabatan lain ataupun peminjam ataupun bank yang lain. *So*, ini inisiatif Kerajaan Negeri tanpa *interest*, *islamic concept* yang kita telah berikan kepada usahawan-usahawan yang bakal diterima pada yang dapat ini permohonan dan juga boleh diminta mengikut keperluan-keperluan yang telah ditetapkan oleh tatakelola yang telah diberikan untuk setiap usahawan-usahawan tersebut. Terima kasih banyak kepada Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini konsep mikro kreditlah yang dia bagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 er... 11 pertanyaan dan jawapan sebelum saya bercadang untuk menempohkan, kita nak mengalu-alukan kehadiran pemerhati. Kita bagi satu tepukan sikit pada mereka ni, wakil daripada pemerhati daripada EXCO Kerja Raya dan Pengangkutan Kesihatan, wakil pemerhati daripada EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, pemerhati wakil daripada EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan. EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia, ada wakil dia… dia nak tengok bos dia... okey tak okey. Wakil daripada Parti Perikatan Nasional. [Ahli Dewan menepuk meja]. Wakil daripada kawasan DUN Batu Talam. Wakil daripada kawasan DUN Panching. [Ahli Dewan menepuk meja]. Wakil rakyat dia tiada tapi wakil dia ada datang. Wakil kawasan DUN Beserah, patut DUN Beserah banyak bercakap hari ini, rupanya ada wakil dia, nak tunjuk saya bercakap di dalam dewan. [Ahli Dewan ketawa].

Wakil daripada Pejabat Pengurusan Pasir Pahang Berhad. [Ahli Dewan menepuk meja]. 8 orang wakil daripada Pemuda UMNO Indera Mahkota dan 9 orang wakil pelajar asasi daripada UnIPSAS, mahasiswa kita. [Ahli Dewan menepuk meja].

Terima kasih kita ucapkan kepada mereka. Beginilah caranya kita bersidang. Kita bersidang Dewan Negeri ini. Yang… Yang… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan akan disambung semula pada pukul 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 10.56 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YANG DI-PERTUA SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Di hadapan majlis adalah satu usul yang berbunyi bahawa,

> **"Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri.**

Usul tersebut telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan usul… semula usul tersebut dalam perbahasan. Kita mempunyai 12 lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih lagi belum berbahas dan insya-Allah saya cukup yakin bahawa hari ini kita boleh selesaikan perbahasan usul dan pada hari esok er…Kerajaan boleh mula menjawab. Dengan ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada kawasan er…Batu Talam untuk membahaskan usul tersebut. Silakan Wakil Batu Talam.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Bismillahirahmanirrahim, assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah atas titah ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Undangan Negeri yang ke-13. Patik mendoakan agar Tuanku sentiasa dalam pemeliharaan Allah SWT.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pertumbuhan ekonomi sebanyak 10.8% pada tahun lalu. Ianya juga telah melepasi Indeks Nasional iaitu 8.7%. Maknanya kita di Pahang ini lebih daripada di peringkat ini nasional dan ini secara langsung jika dibandingkan negeri di Pantai Timur, Pahang adalah negeri yang yang terbaiklah dan tahniah kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan saya berharap agar di tahun ini kita dapat melonjak lebih lagi dan setara dengan negeri-negeri lain seperti Johor, Selangor dan juga ini… Pulau Pinang.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa KDNK di Raub telah pun mencapai sebanyak ini… 1 bilion iaitu sama dengan daerah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Cameron Highlands sebanyak 1 bilion dan saya amat menyokong dengan Revolusi ini… Pertanian 4.0 kerana sebahagian besar daripada aktiviti di Cameron Highlands dan Raub adalah mengenai ini pertanian. Jadi dengan adanya Revolusi Pertanian 4.0 dan berteknologi terkini, ianya boleh menjadi ataupun menggerakkan daerah ini ke satu tahap yang lebih ini… baik lagi.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri di atas kemasukan pelaburan yang dibawa kepada negeri ini lebih daripada RM16 bilion dan ini telah berjaya membawa pelabur, bukan hanya kita berjaya membawa pelabur, ini menunjukkan dengan kerajaan yang stabil dengan apa… pimpinan *good governors*. Jadi, insya-Allah segala perancangan ataupun pelaburan-pelaburan di negeri ini dapat dibangunkan dengan lebih hebat dan saya amat menyokonglah dengan dasar kerajaan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi mewujudkan satu daerah satu industri dan kita akan lihatlah termasuklah apa… Raub ini.

Dalam perbahasan ini, saya ingin juga membawa sedikit isu di daerah ini… saya. Pertamanya ialah mengenai jalan. Infrastruktur jalan baru daripada Raub ke Slim River. Jalan ini sebenarnya telah dimasukkan di dalam beberapa Rancangan Malaysia (RMK) tetapi sentiasa dia bukan berpindah bertukar sehinggalah ianya masih lagi kekal di dalam Rancangan Malaysia yang ke-12. Jadi kita haraplah ada pihak kerajaan dapat membantu menyegerakan perancangan ini di mana ianya dapat sedikit sebanyak, dengan adanya jalan Slim ke… Raub ke Slim River ni dapat membantu membuka kampung-kampung yang berhampiran dan ia juga sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah kesesakan.

Maknanya daripada Slim River, daripada Perak, ia akan tembus ke er…Raub dan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesesakan. Di samping itu juga, ianya dapat membuka khususnya dari segi sektor sosio-ekonomi kepada kampung-kampung yang berdekatan. Jadi apabila terbukanya jalan ini, limpahan ekonomi ini akan banyak kepada daerah yang akan dilalui. Itulah, ini yang pertama.

Yang keduanya ialah mengenai jalan Centre Spine Road ni (CSR). Ianya bermula daripada Kuala Lumpur hingga ke Kota Bharu. Kita nampak jalan ini tidak… bukan tak ada tapi kurang *exit* dia apabila melalui apa ini… daerah Raub ini jauh sangat dia punya *exit* ni. Jadi saya mencadangkan supaya satu *exit* dibuat di kampung ini di Tanjong Raja yang mana jalan itu amat dekat dengan Cheroh, iaitu satu laluan yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa laluan baru ke Cameron Highlands adalah daripada Kuala Lumpur, Bentong, Raub, Sungai Koyan, Cameron Highlands. Jadi *exit* ni dia tidak pergi ke situ er…makna CSR ini dia tidak pergi menghala ke Cameron Highlands. Dia terus ke Kota Bharu. Jadi dengan er… permohonan saya itu, perancangan saya supaya *exit* di Tanjung Raja ini akan pergi ke Cheroh dalam 3 kilometer saja, 3 hingga 5 kilometer dan dari situ akan pergi ke Sungai Koyan.

Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun mudah balik kawasan. Kalau tidak dia berpusing sama ada dia nak pergi ke Lipis ataupun dari Raub itu melalui jalan yang agak panjang. Jadi kalau terbukanya jalan itu, lebih memudahkan untuk… mungkin pelancong-pelancong pergi ke apa… Cameron Highlands. Jadi ianya tidak secara langsung akan membuka lagi laluan limpahan kepada kampung-kampung yang berdekatan. Ini 10 kilometer di daerah Raub ini baru ada satu *exit,* satu di Batu Tiga kemudian di Jeram Besu er…di Jeram Besu, tiada *exit.* Er…Yang Berhormat Dato' Sri Soffi ini nampaklah kawasan-kawasan itu. Jadi dengan adanya *exit* ini, ia amat mudah keluar Tanjung Raja pergi Cheroh kejap je dah sampai Cameron Highlands. Tapi lalulah juga Sungai Koyan itu. Jadi ini saya amat berharaplah kepada Kerajaan Negeri agar dapat membuka satu laluan ini dan ianya…

YANG DI-PERTUA SPEAKER

Dia dekat lagilah Yang Berhormat

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Ha dekat sangat dekat

YANG DI-PERTUA SPEAKER

Dia makin dekat

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

sangat rasa rasa tak dan tukar gear kan. 3 4 mungkin sampai ke Sungai Koyan, tukar gear lagi terus sampai Cameron Highlands dah.

YANG DI-PERTUA SPEAKER

Cameron Highlands

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Dekat sangat

YANG DI-PERTUA SPEAKER

Makna masuk gear 4 Cameron Highlands

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Gear 4 dah Cameron Highlands. Tuan Speaker ini, dia macam ADUN Lanchang juga.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya ucapkan terima kasihlah kepada ADUN Batu Talam. Tapi er…saya harap perkara ini, jangan tunggu Sidang Dewan baru YB Batu Talam bercakap. Baru ini kita ada perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri er…dengan ketua-ketua jabatan dan juga *team* Pahang dengan *team* er…Putrajaya. Jadi kalau dibawa pada masa itu, benda itu dah di dalam perancangan dah. Ini bawa dalam Dewan, lepas itu nak tunggu… dia lambat proses itu. Jadi untuk mempercepatkan perkara ini saya harap Yang Berhormat Batu Talam boleh buat surat bawa dalam Mesyuarat JKPTD sertakan dengan *plan* sekali. Sebab tadi disebut Tanjung Raja. Saya pun *confuse* sebab di Cameron Highlands Kampung Raja, Kampung Raja. Ini Tanjung Raja di Raub ya YB?

Jadi kalau kita tahu, kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya. Sebab memanglah lagi cepat saya boleh balik ke kawasan lagi bagus, lagi dekat dan juga YB Batu Talam dapat lah juga *practical mileage* untuk dia. Dia pun hendak ada kepentingan tu juga Yang Berhormat. Terima Kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat penjelasan. Sila teruskan wakil Batu Talam.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Itu yang kedua. Yang ketiganya adalah mengenai ECRL, yang mana daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu juga, kereta api laju. Yang saya nampak ianya ada satu stesen sebagaimana yang disebut oleh wakil kerajaan akan bangunkan di Bentong. Jadi saya mencadangkan satu laluan baru kereta api laju ini, daripada Bentong dia pergi ke Lipis. Kerana apa? Laluan kereta api pantai timur ini dia tak pergi ke sebelah sini. Maknanya kalau dari utara daripada apa… Kedah-Perak ini dia akan turun ke Segamat dulu dan baru dia naik ke Kuala Lumpur. Jadi kalau Bentong-Lipis ni dah dekat. Bentong-Lipis dekat. Makna dengan ada laluan baru mana esok di macam bas ekspres juga. Makna ada Kuala Lumpur-Kuala Lipis. Esok keretapi laju daripada Kuala Lumpur ke Kuala Lipis melalui Bentong.

Jadi saya mencadangkan agar kerajaan merancang agar mewujudkan satu laluan baru kereta api laju ini kereta api *East Coast Rail Link* ni ECRL daripada Bentong ke Lipis. Tapi saya tak sebut Raub lagi tapi biasanya kalau dia nak ikut mana lagi dia mesti ikut Raub juga. Maknanya Raub dapat juga lah limpahannya Dato' Sri MB. Makna dengan itu, ianya dapat menggerakkan lagi sosioekonomi ataupun pengangkutan awam daripada Pahang ke ini… ke Kuala Lumpur. Jadi kalau ada itu kita boleh dapat membayangkan yang mana pada tahun lepas, kerajaan pun telah meluluskan Geopark di Kuala Lipis.

Jadi kita nampak lah pelancong. Pelancong yang dari Kuala Lumpur ini boleh naik keretapi laju terus ke Kuala Lipis. Jadi inilah yang saya nampak sebahagian daripada infra jalan yang boleh menggerakkan lagi negeri Pahang ini ke arah satu negeri yang aktif di dalam pembangunan-pembangunan khususnya dalam... dalam konteks ini jalan ataupun pengangkutan.

Itulah sedikit sebanyak apa… pandangan saya. Saya berharaplah antara ini dapat difikirkan oleh kerajaan dapat menyokong dan membantu daerah ini… Pahang Barat ini lebih maju lagi ataupun membangun lagi. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dengan ni saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Titah Diraja sempena perasmian Dewan. Sekian, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Batu Talam. Seterusnya kita silakan wakil daripada Beserah. Batu Talam menepati masa. Tahniah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismilahirrahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker di atas kebenaran dan ruang yang diberikan kepada saya bagi sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan dan juga menjunjung kasih di atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Besar di atas titah yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda pada pembukaan Dewan hari isnin yang lalu. Sesungguhnya apa yang di Titahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda adalah memberikan satu rangsangan yang baik kepada kita semua serta memberikan satu loncatan ataupun peluang untuk kita meneroka ke arah sistem atau perkara yang lebih baik seperti mana… seperti yang kita harapkan.

Apa yang menarik dalam titah Paduka Baginda pada hari Isnin yang lepas adalah berkaitan dengan seruan supaya kita mempermudahkan urusan pelaburan asing

ataupun pelaburan tempatan di dalam membuka perniagaan mereka, meneroka peluang perniagaan dan pelaburan di dalam negeri Pahang. Apa yang saya nak sentuh di sini adalah Pahang ini adalah negeri yang paling luas di di Semenanjung. Sudah semestinya negeri yang paling luas di Semenanjung ini memberikan impak yang besar kepada seluruh Semenanjung ini dan kita nak bawa kepada bagaimana industri revolusi 4.0 kepada 5.0 ke arah perolehan tenaga yang boleh diperbaharui.

Ini adalah *transition* yang sedang berlaku sekarang ini di mana dunia sedang berdepan dengan suasana yang tidak menentu dari segi iklim ataupun perubahan cuaca dan oleh kerana Pahang ini Allah kurniakan satu negeri yang paling besar dan luas, maka kita perlu ambil peluang ini adalah *advantage* terbaik untuk kita bersama-sama terlibat di dalam meneroka peluang baru ke arah pengeluar ataupun ke arah negeri yang menyumbang kepada *renewable energy* yang baik untuk Semenanjung Malaysia ini.

Saya bagi satu contoh, dalam pelancaran *National Energy Transition Roadmap*, dengan izin, yang dikemukakan pada baru ini, negara mensasarkan aspirasi negara pada tahun 2040 menjadi pengeluar karbon paling rendah, menjadi negara pengeluar karbon rendah berbanding sekarang dan nilai pelaburan yang perlu ada sehingga ke arah itu adalah sebanyak 415 bilion dolar. Menunjukkan bahawa ini adalah satu potensi ataupun satu peluang yang besar yang perlu kita ambil, ambil peluang ini kerana kita negeri paling besar.

Antara perkara yang ditekankan dalam *Renewable Energy Transition Roadmap* ini adalah berkaitan dengan penjanaan tenaga elektrik menggunakan solar. Kita tahu negeri kita negeri luas, tanah luas. Saya cadangkan peluang yang ada ini kita ambil supaya kita jadi negeri pengeluar tenaga solar terbesar di Semenanjung kerana kita ada tanah yang terbiar yang milik kerajaan, kita boleh guna dan usahakan. Kemukakan atau tawarkan peluang kepada pelabur-pelabur yang berkaitan dengan *renewable energy* ini supaya mereka boleh meneroka peluang ini. Kita ada tasik yang luas, kita ada *floating solar farm* sekarang ini. Teknologi Panel Solar Terapung.

Maka ini juga peluang yang besar. Maka saya menyarankan pihak kerajaan supaya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius kerana kita bergerak seiring dengan aspirasi negara ke arah negeri yang mengeluarkan karbon yang rendah. Kita besar tapi karbon kita rendah. Jadi kita kena pelihara alam sekitar yang ada di samping itu kita mengeluarkan sumber tenaga yang… yang boleh diperbaharui menggunakan sumber bukan berasaskan kepada *fossil fuel,* dengan izin, bukan berasaskan kepada *oil and gas* atau *natural gas* tetapi berasaskan sumber biodiversiti dan juga sumber *natural* yang ada.

Yang kedua, kita ada beberapa *advantage* juga dalam teknologi *mobility* yang kita kata *Green Mobility* iaitu kita ada Taman Industri Automotif di Pekan, yang besar. Kita ada kawasan industri Gebeng yang juga luas serta berteknologi tinggi, yang mempunyai kemampuan untuk menjana dan juga menghasilkan satu sistem ataupun satu pengeluaran kepada kereta berasaskan *green energy, electric* atau *hydrogen*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dipanggil EV, *Electrical Vehicle.*

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Electrical Vehicle. Kerana dengan kehadiran kawasan perindustrian automotif di Pekan kita dah ada teknologi automotif dan kawasan perindustrian Gebeng yang ada

teknologi ke atas… ke atas komponen-komponen yang boleh menghasilkan *electrical vehicle* ini maka kenapa tidak kita ambil peluang ini menjadikan Pahang sebagai *hub* pengeluar *EV* untuk tahun mungkin 10 atau 15 tahun daripada sekarang. Jangkaan yang dikeluarkan adalah kerajaan menyasarkan, kita menyasarkan bahawa pada tahun 2030 di atas jalan raya ini akan ada 125,000 *EV* dalam satu masa. Maknanya, dia adalah satu prospek yang besar untuk pengeluar kenderaan *EV* ini untuk tempoh 5 tahun, 10 tahun daripada sekarang kita akan lihat jalan raya kita akan dipenuhi oleh *electrical vehicle.* Maka kita ada asas itu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita boleh jual bateri.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kita ada kilang bateri di Gebeng yang juga terlibat dalam proses menghasilkan, membekalkan bateri untuk *electrical vehicle* kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan sekarang. Dan di Pekan, kita ada *assembly,* kita ada pemasangan kenderaan, maka kita *combine*kan, gabungkan dia menjadi kita sebagai pengeluar terbesar *EV* dalam negara ini. Itu yang saya…

YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sikit.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Hah… sila.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Emm… terima kasih ADUN Berserah. Baru-baru ini kita ke Qinzhou saya dengan Dato' Nizar, kita sedang… sudah jumpa dengan satu *invester EV* yang akan datang pada minggu depan. Okey, *so* harap-haraplah kejayaan kita ke China ni berjaya dapat err… apa ni, perindustrian ini. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat di atas pencerahan yang diberikan. Jemput saya kalau dia datang boleh juga, kita boleh bagi idea sedikit, peluang untuk kita berkongsi idea ataupun pandangan yang boleh membantu mempercepat. Cuma saranan Kebawah Duli Paduka Baginda supaya kita mempermudahkan, kurangkan kerenah birokrasi di dalam memberikan kelulusan pelabur-pelabur ini untuk meneruskan pelaburan mereka.

Kadang-kadang pelabur-pelabur ini, ya bukan kadang-kadanglah, memang *business* ni *times is gold*, masa itu sangat berharga bagi mereka. Kalau kita lewatkan permohonan mereka, kelulusan seminggu pun dia akan ubah fikiran. Dia akan pergi ke lokasi lain. Maka kerenah birokrasi yang disentuh oleh Kebawah Paduka Baginda itu perlu diambil perhatian supaya kita jadi lebih mesra kepada pelabur-pelabur termasuk pelabur domestik.

Saya juga ingin menyentuh tentang peluang yang perlu kita ambil bila kita ada *joint partner*. Kita ada MCKIP, Malaysia-China Kuantan Industrial Park. Kita ada CMQIP,

China-Malaysia Qinzhou dia panggil apa... “Qinzhou” Qinzhou Industrial Park di China. Kita telah membuka peluang yang besar kepada syarikat daripada China datang melabur di sini. Kita menghargai pelaburan mereka kerana banyak beri peluang dan boleh memberi kesan hiliran kepada peniaga-peniaga tempatan yang lain.

Tapi dalam masa yang sama, kita perlu juga melihat apa yang kita boleh guna atau ambil peluang bila kita boleh keluar daripada Kuantan pergi ke China. Apa yang saya maksudkan adalah, semalam kita… saya bangkitkan di Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP), 20% tenaga kerja dia adalah datang daripada China. 20% makna kalau dia ada 3,000 pekerja, 600 adalah pekerja daripada China yang memegang jawatan pengurusan tertinggi dan juga pertengahan.

Orang kita hanya sebagai pekerja-pekerja yang *supervisor, supervisory* pengurusan bawahan. Kenapa tidak kita melabur di China, *work up* perindustrian kita, syarikat syarikat tawarkan dan kita eksport tenaga kita pula ke sana. Mungkin kalau kata… perlukan 1,000 pekerja di China, kita boleh hantar 30 orang, 40 orang pun, itu telah memberikan kesan yang besar kepada kita memberikan peluang tenaga manusia kita, dihantar ke luar negara dan menyumbang untuk kemajuan-kemajuan syarikat dia dan juga kepada negeri itu atau negara kita.

Saya sentuh ini kerana mungkin seperti mana dijawab oleh Pihak Kerajaan, kesukaran untuk nak membuka perniagaan di… di China. Kita tahu dan kita sedar nak bersaing dengan China ini bukan satu perkara yang… yang mudah. Dia *giant*, dia besar, dia gergasi ekonomi. Dia mengawal segala-galanya. Namun kita cari kaedah bagaimana kita boleh bersama dengan mereka. *Joint venture* contohnya.

Maknanya kita tak boleh pergi sendiri, macam mereka datang sini, dia sendiri. Dia tak mahu *joint* dengan orang lain. Tetapi kita ke sana, kita cari *company* yang sanggup bersama, buat usaha sama, sekurang-kurangnya ada tenaga, *talent,* bakat daripada Malaysia berkhidmat di negara China. Kalau tidak boleh *joint venture,* kita buat, kita perlu juga ada insentif daripada negara untuk kita melabur di luar dan memberi peluang pekerjaan kepada tenaga kita di luar negara.

Ini pandangan yang… yang saya boleh kemukakan, cadangan yang saya kemukakan untuk penambahbaikan hubungan dua hala. Kita… memang kita tahu MCKIP ini China akan datang tapi kita di China tu, kita ada kawasan kita di sana, tapi kita tidak buka ruang sebesar dan sebaik mungkin untuk kita menyumbang kepada negeri dan negara di China itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, er… Tuan Speaker,

Saya beralih kepada isu kawasan saya. Pertama sekali adalah berkaitan dengan infrastruktur. Kawasan saya ni adalah kawasan pintu masuk sempadan Terengganu. Infrastruktur jalan raya di kawasan saya masuk je sempadan itu, dia beri imej yang tidak baik kepada negeri Pahang. Daripada Terengganu masuk sempadan, ada pintu gerbang cantik, jalan dia pula. Dulu ada orang buat, buat apa ini cerita, kalau tertidur naik bas itu, bila terjaga tuh… tau dah itu Pahang. Menunjukkan keadaan jalan raya yang, yang tidak… tidak selesa dan saya bangkitkan ini kerana ianya telah berlarutan sekian lama.

Tidak ada penambahbaikan untuk nak menyelesaikan masalah jangka masa panjang atau terlalu perlahan serta langkah yang diambil sementara ini, dia tidak mampu menyelesaikan, dia akan berulang balik dan dia menjejaskan bukan sahaja kelancaran perjalanan tapi keselamatan pengguna jalan raya. Banyak kemalangan berlaku,

kerugian harta benda pengguna disebabkan oleh kerosakan jalan ini dan laluan ini laluan yang saya sebut laluan yang er… trafik yang *heavy*, yang sesak sepanjang hari kerana itu, laluan pekerja industri. Ribuan pekerja industri menggunakan setiap hari laluan tersebut. Maka ini membuka kepada punca-punca kemalangan jalan raya berlaku. Antaranya infrastruktur jalan raya bukan sahaja rosak tapi…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon mencelah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Kita tahu isu jalan ini, sama ada jalan persekutuan ataupun jalan negeri, memang menjadi satu isu yang sering mendapat perhatian netizen. Ekoran daripada itu yang menjadi serius ialah jalan persekutuan. Jalan negeri di bawah MARRIS memang telah diakui banyak yang telah dapat kita selesaikan sebab kita mempunyai peruntukan yang cukup dan isu yang sekarang ini ialah jalan persekutuan.

Kerajaan Negeri sangat menyedari apa yang dibangkitkan oleh ADUN Beserah tadi. Bukan sahaja di Beserah, banyak tempat ke Rompin, err… ke Pekan dan sebagainya dan ekoran daripada itulah setiap kali mesyuarat, terutamanya apabila saya mesyuarat MB-MB dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya bangkitkan perkara ini dan yang terakhir ialah apabila kita ada mesyuarat dengan PMX, PM… PMX di Kuantan baru-baru ni.

Sebelum tu saya, saya bersama dengan SS, bersama dengan SFINO, PAIP, PTG tak silap saya, kami telah berkunjung ke pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dua isu je yang saya bawa. Yang pertama pasal jalan persekutuan, yang kedua pasal air. Isu dia untuk makluman Ahli Dewan ini, setiap kali kita minta, yang saya bangkitkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katalah untuk membaiki naik taraf jalan persekutuan ini RM500 juta contohnya, Kerajaan Persekutuan bagi RM150 juta, RM100 juta, jadi dia… dia jadi *backlog, backlog*. Saya bangkitkan perkara ini. Tidak seperti mana jalan negeri di bawah MARRIS, peruntukan cukup.

Yang Amat Berhormat menyedari, pada masa itu pun saya bawak dalam RM480 juta permohonan dan cuma diluluskan RM160. Boleh *confirm* dengan Pengarah JKR. Saya bulatkan angkalah RM160 juta. Mungkin 1.5 *something* gitulah …. satu, hah… RM157 kira tak gagallah. Saya kata 160, ingatan okey lagilah. Maknanya ini, saya harap semua ni kena faham. Jangan labelkan yang Kerajaan Negeri tak buat apa-apa, tidak berusaha dan sebagainya.

‘

Kita dah buat sehabis baik tetapi Kerajaan Persekutuan, kita nak RM500 juta bagi RM157 juta, sudah tentu ada *backlog* ya. ADUN Beserah pun kawan saya ya, dan seratus lima puluh… RM157 juta tersebut, saya dah bagitau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya kata tak cukup, ini orang balun saya ini, Kerajaan Negeri ni. Dia kata "MB tunggulah", dia kata. Tunggu ekonomi ada, duit ada, saya akan bagi lagi. Jadi kalau sekiranya kita dapat lagi ya...kalau sekiranya dapat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna nak ambil dululah Yang Amat Berhormat ya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang ada itu ambil dulu.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah… dah ambil dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ambil dah...[ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dah ambil dah, dan kita dah buat, kita tak tunggu dan kalau sekiranya dapat lagi tambahan, ini bukan janji. *Tagline* saya. Err...apa…Tiada janji, lihat bukti. *Priority* yang pertama di kawasan Beserah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pintu masuk.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pengarah JKR, Wakil JKR, tolong tengok ya. Tengok, kalau dapat lagi RM200 juta tu, bukan RM200 juta bagi semua. Dak, saya letaklah kat Batu Talam skit. Saya tengok Batu Talam, dia tak berapa selesa sikit. Maknanya kita letak dekat situ. Saya bukan apa sebab memang betul apa yang dikatakan oleh ADUN Beserah tadi kemudian ramai pemerhati daripada Beserah hari ni. Jadi kita jagalah kawan kitakan. Jadi yang itulah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Makna saya tadi cakap itu betullah belajar dari Menteri Besar. Sila, teruskan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan. Itulah yang saya jawab kepada pengadu-pengadu bila mereka komplen tentang jalan. Saya kata dah ada perancangan dan mengikut fasa dan mengikut keupayaan kewangan. Itu jawapan yang kita boleh bagi. Tetapi kalau setiap kali dia tanya jawapan yang sama tu, payah juga kita nak jawabnya. Jadi itu yang penjelasan Yang Amat Berhormat itu tadi memberikan satu ruang dan juga orang kata untuk beri peluang kita baiki keadaan. Kita dah tahu ada masalah dan kita perlu perbaiki mengikut kemampuan yang kita ada.

Seterusnya adalah berkaitan dengan keselamatan juga. Nelayan-nelayan. Saya sekali lagi bangkitkan muara sungai, tempat nelayan masuk keluar pergi tangkap ikan ini. Adalah penting kerana itu laluan mereka, laluan utama mereka keluar masuk. Sekiranya muara itu semakin cetek, mereka tak boleh masuk, tak boleh keluar kalau air surut. Jadi menjejaskan aktiviti harian penangkapan ikan ini. Jadi ikan pun jadi kurang, jadi mahal. Kita juga susah. Dan ianya telah dibangkitkan juga sekian lama. Lebih memburukkan keadaan, apabila kita ada aktiviti pengorek… pengambilan pasir berhampiran dengan muara. Itu lebih memburukkan keadaan sehingga boleh menjejaskan bukan sahaja keselamatan nelayan tetapi keselamatan setempat itu.

Apabila ombak besar datang, beting pasir yang melindungi jeti dan juga kampung itu juga telah habis kerana dikorek pasirnya, dia akan memberikan ombak apa ini… air pasang besar dan ombak besar akan membadai atau menghentam perumahan dan juga harta benda yang ada berhampiran. Maka saya harap kebenaran mengorek pasir muara sungai ini, kita hentikan supaya tidak mengganggu dan memburukkan lagi keadaan muara sungai yang sedia cetek di kawasan saya, di muara Sungai Ular, contohnya adalah merupakan yang paling kritikal buat masa ini. Saya harap ada… ada…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh…boleh gulung Yang Berhormat.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Gulung dah? Seterusnya berkaitan dengan PAIP juga. Satu perkara yang saya kena bangkitkan juga di sini. Kalau kita tengok dalam aduan media sosial mereka, inisiatif orang ramai buat Facebook “PAIP Pahang Buat Hal Apa Hari Ini”. Ada Facebook. Menunjukkan bahawa luahan daripada pengguna ini perlu kita ambil perhatian dan perlu kita tangani dengan cara yang lebih berhemah. Antara aduan yang paling banyak saya tengok di sini adalah aduan *call* tak angkat. Ini… kita tak perlu tunggu tarif air naik, nak angkat telefon. Kita tak perlu tunggu ini… sebab kita mesti ada KPI dan saya yakin PAIP ada KPI. Berapa kali, berapa saat, telefon berbunyi mesti angkat. Tapi kalau ini aduan yang diberikan oleh rakyat, maka kita menunjukkan bahawa kita tidak responsif kepada aduan.

Yang kedua. Lambat tindakan. Itu mungkin sebab mungkin perlukan kos, modal dan sebagainya untuk nak perbaiki. Tukar meter, bil naik. Ini juga adalah aduan yang…yang berlaku, dan dalam masa yang sama banyak masalah yang kita tidak tidak dapat beri penjelasan kepada rakyat, kepada orang pengguna. Kenapa kita tak boleh selesai. Contohnya di kawasan saya, ada satu kawasan Taman, Taman Balok Jaya Dua. Mengalami masalah tekanan air dah sekian lama, bertahun-tahun. Menjejaskan rutin harian penduduk di situ. Pukul 3 pagi kena bangun basuh kain sebab air tak naik. Kalau dia tak buat maknanya dia tak boleh basuh. Pukul… kena tadah air. Kadang-kadang tak dapat, tak penuh tangki. Anak nak bangun, anak nak mandi pergi sekolah, air tak ada, dan ianya telah di buat aduan beberapa kali. Banyak kali.

Bila kita tengok masalah dia, kita berhubung dengan pihak PAIP, mereka datang tengok, tekanan air ada. Tekanan air cukup tapi tak boleh nak tambah tekanan kepada kawasan itu kerana paip lama. AC *pipe*, dan dia tak jauh. Dia tak panjang, beberapa ratus meter sahaja. Tak sampai pun dalam dua ratus meter. Maka inilah yang perlu dijelaskan kepada… kalau kita tak ada kewangan, kena jelas kepada pengguna, kepada penduduk. Saya cuba aturkan pertemuan dengan KRT, wakil penduduk dan

juga PAIP. Dah bersetuju tapi akhirnya dibatalkan pertemuan tersebut atas arahan orang atasan.

Yang inilah sikap yang perlu kita atasi yang perlu kita ubah supaya profesionalisme urusan berkenaan pengguna, tidak ada politik di dalamnya. Siapa sahaja yang membantu untuk menyelesaikan masalah rakyat. Agensi-agensi yang berdepan dengan rakyat secara langsung ini perlu mengambil tanggungjawab ini bersama. Tak kiralah siapa pun yang terlibat. Jadi saya harap kita kena ubah sedikit cara kita untuk berurusan dengan pengguna-pengguna yang secara langsung ini. Itu PAIP.

Yang kedua pasal kawasan saya adalah pasal Majlis Bandaraya Kuantan. Saya di diberikan satu borang ini "Penyata Pemunya Penyewa" di kawasan saya, tak pasti di Kuantan, kawasan lain ada tak. Jabatan Penilaian Majlis Bandaraya Kuantan letak dalam peti surat. Katanya diedarkan oleh pihak konsultan. Cuma tidak ada maklumat. Borang ini untuk apa di isi? Apa tujuan borang ini diedarkan kepada penduduk sekitar? Adakah untuk tujuan penilaian semula cukai pintu… cukai taksiran? Ataupun untuk tujuan apa? Itu yang pertama. Sebab itu penduduk pun… saya nak tanya berapa banyak respons yang diterima oleh MBK tentang… dapat kembali borang ini? Itu yang pertama, sebab penduduk tertanya-tanya, borang ini siapa bagi, untuk apa di isi?

Yang kedua, borang ini perlu diserahkan sendiri di tingkat 8, Bahagian Penilaian Harta Jabatan Majlis Bandaraya Kuantan. Dahlah kita kena isi, kena hantar kat Majlis Bandaraya Kuantan. Satu lagi yang menyukarkan orang dan tak akan ada respon yang baik. Sekarang ni kita teknologi baru banyak, *WhatsApp* boleh, bagi nombor supaya dihantar, isi, *scan*, ambil gambar, *WhatsApp* boleh, pdf, e-mel boleh, *Telegram* boleh. Maka lebih mudah, maka kita akan dapat respon yang lebih baik.

Permudahkan urusan rakyat dan ini penting kerana dalam ni dia sebut ini, "kalau tak kembali dalam masa dua minggu, boleh denda tidak lebih dua ribu atau penjara selama tempoh tidak lebih enam bulan". Hah, ini mengerikan. Sebab bila orang baca ini, dia jadi satu perkara yang banyak salah tafsir akan berlaku dan kita perlu permudahkan urusan rakyat. Apatah lagi dalam keadaan dan suasana hari ini, kita tak perlulah guna terlalu banyak manual ataupun terlalu er… perkara yang berkaitan dengannya.

Akhir sekali untuk kawasan saya, nak gulung dah ini. Klinik Kesihatan Sungai Ular. Alhamdulillah, kita dah ada klinik kesihatan yang baru di situ. Baik tapi suasana dia masih lagi dalam… sebab dulu dia hanya klinik desa. Kemudian kita ke klinik kesihatan. Saya difahamkan telah ada bajet untuk buat wad bersalin, klinik… jadikan ia sebagai klinik bersalin. Hari ini orang di Beserah nak bersalin, dia kena pergi Kemaman atau pun datang Kuantan. Sebab di kawasan saya sebab tidak ada klinik bersalin berhampiran di situ, maka cadangan mengadakan klinik bersalin di… wad bersalin di Klinik Kesihatan Sungai Ular. Saya sambut baik, cuma pelaksanaannya perlu disegerakan sebab saya rasa bajet dia dah ada. Cuma tak tahu di mana kekangannya sehingga dia menyukarkan pelaksanaan. Apa tu perancangan tersebut.

Akhir sekali, Dato' Sri Speaker. Satu lagi. Baru-baru ni di bulan puasa. Bulan puasa berlaku kebakaran. Musim panas, kebakaran hutan sekitar kawasan saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dekat setengah jam dah, Yang Berhormat.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

… yang… yang memberikan satu, sedikit er… orang kata apa… ketidakpuasan hati di pihak kami terutama sekali bila melihat pasukan Bomba dan penyelamat telah berusaha keras untuk memadam. Bulan puasa musim panas, telah seminggu berlarutan tapi tidak ada usaha untuk bantu mereka mengurangkan atau mengawal kebakaran tersebut. Sedangkan kita, pihak respons bencana ini, dia ada aset, dia ada…ada helikopter yang boleh bantu gunakan… bantu Bomba ni. Mereka ni dah tidak ada cara.

Maka kita boleh gunakan aset ini untuk bantu mereka, padamkan gunakan helikopter. Padamkan kebakaran itu menggunakan kaedah terbaik sebab di dalam hutan, memang payah untuk nak *access*. Maka kita aset yang ada itu jangan sampai seminggu lebih, baru nak…kita nak... nak cari jalan dan juga tidak ada usaha. Maka kalau sekiranya ada bencana, kita ada aset, kita perlu kerahkan, keluarkan gunakan aset ini supaya dia tidak melarat. Kebakaran ataupun bencana itu dapat dikawal dengan segera.

Saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan. Terima kasih Dato' Sri Speaker bagi masa dan laluan pada saya. Saya mohon menyokong

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil daripada Beserah. Dijemput Wakil daripada Ketari.

YB SU KEONG SIONG

Salam sejahtera dan salam perpaduan. Dato' Sri Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada Ketari dan membenarkan saya membahas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bersempena dengan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Undangan ke-15 pada 6 Mei 2024 yang lalu. Saya merafak sembah... sembah dan menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15. Saya mengalu-alukan Titah ucapan Tuanku yang antara lainnya menitik berat perihal tadbir urus yang baik, akauntabiliti, ketirisan dan integriti setiap anggota pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dan juga isu prestasi perlaksanaan projek pembangunan di bawah Rolling Plan Ke-3 Rancangan Malaysia Ke-12.

Dato' Sri Speaker,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail serta anggota pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang atas kejayaan memperolehi kutipan hasil sebanyak RM1.306 bilion dengan sumbangan yang paling besar daripada kutipan hasil cukai tanah sebanyak RM740.35 juta. Dengan peningkatan hasil Kerajaan Negeri, pentadbiran Kerajaan Negeri dapat menjalankan lebih banyak projek pembangunan dan juga memberi tumpuan kepada kebajikan rakyat demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Saya penuh yakin Kerajaan Perpaduan negeri Pahang dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan terus menumpu perhatian sepenuhnya dan komited dalam usaha membangun negeri Pahang ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan tema "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur".

Dato' Sri Speaker,

Izinkan saya mengambil peluang dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang untuk membangkit beberapa isu berkaitan dengan kawasan saya Ketari. Yang pertama adalah infrastruktur pembekalan air paip. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pengurusan PAIP Air Pahang yang telah menunjukkan peningkatan yang ketara di mana PAIP telah mencatat keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir Disember 2023. Pencapaian ini harus dipuji kerana PAIP telah mencatat keuntungan setelah saban tahun mengalami *gross loss gross profit* kepada *net profit* untuk tahun 2023.

Saya amat yakin dengan komitmen dan usaha pengurusan tadbir urus yang baik, PAIP akan kekal menjadi sebuah syarikat yang punyai kewangan yang kukuh untuk memberi perkhidmatan bekalan air yang baik dan cemerlang kepada pengguna pengguna PAIP. Saya amat berharap dengan prestasi yang baik dan cemerlang, PAIP terus mencapai kecemerlangan prestasi dan mampu memberi fokus dalam menyediakan kerja-kerja perbelanjaan modal *CapEx* terutamanya penggantian paip lama demi memberi bekalan air yang lebih baik dan berkualiti.

Dato' Sri Speaker,

Saya amat bangga apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pada hari pertama Persidangan Dewan mengambil peluang untuk menjawab isu berkenaan dengan masalah bekalan air di bawah pengurusan PAIP. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat prihatin terhadap masalah pembekalan air dan sentiasa *hands-on* dalam usaha menangani masalah bekalan air agar perkhidmatan bekalan air terus ditingkatkan dari masa ke semasa.

Dato' Sri Speaker,

Saya sebagai ADUN kawasan DUN... ADUN kawasan Ketari ingin membawa perhatian Dewan Yang Mulia berkenaan isu kebocoran paip air di dalam kawasan saya, terutamanya di kawasan Janda Baik. Gangguan bekalan air kerap berlaku dan adalah merupakan satu masalah yang hampir berlaku setiap hari di kawasan Janda Baik. Punca masalah kebocoran paip air kerap berlaku adalah kerana disebabkan keadaan paip yang uzur, usang yang perlu digantikan seperti yang dinyatakan oleh Amat Berhormat Menteri Besar iaitu menggantikan paip-paip AC kepada MS.

Kita faham bahawa kerja-kerja penggantian paip- paip ini memerlukan peruntukan yang besar dan saya juga faham bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggantikan sistem pembaikan perpaipan yang uzur dan usang di kawasan Janda Baik ini. Kami telah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri dalam jawapan beliau di Parlimen pada 23 Mac 2023 bahawa PAIP akan melaksanakan kerja-kerja penggantian paip AC sedia ada untuk kawasan Janda Baik dengan kos sebanyak RM4.2 juta yang telah diluluskan oleh SPAN. Kerja-kerja penggantian paip ini dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2023 dan dijangka siap pada tahun Disember 2024.

Dato' Sri Speaker,

Malangnya, kini kita dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek penggantian paip-paip AC di Janda Baik telah ditangguhkan kerana masalah bekalan air di Janda Baik adalah dianggap tidak kritikal berbandingkan dengan kawasan lain. Saya difahamkan bahawa

projek penggantian paip di Janda Baik tidak akan disempurnakan sehingga awal tahun 2027. Dengan rendah diri Dato' Sri Speaker, saya tidak setuju bahawa masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Janda Baik adalah dianggap tidak kritikal kerana kawasan Janda Baik adalah merupakan salah satu destinasi pelancongan eco-tourism yang terkenal di negeri Pahang.

Pelancongan adalah merupakan satu tarikan eco-tourism dan merupakan sumber pendapatan utama untuk kawasan Janda Baik. Pada musim perayaan ataupun musim cuti, ia pesat dengan pengunjung-pengunjung dari luar negeri dan luar bandar untuk menikmati kawasan peranginan dengan tempat berkelah dan *homestay* yang terkenal. Selain daripada itu, dengan kenaikan kadar tarif air baru baru ini, ia telah meningkatkan *expectation* dengan izin, *expectation* pengguna-pengguna yang mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik daripada pihak PAIP kepada pengguna terhadap... dengan kenaikan taraf air tersebut.

Kita semua faham bahawa tarif air di negeri Pahang tidak pernah naik selama 40 tahun dan juga kenaikan tersebut adalah dijalankan di seluruh negara. Namun, dengan kenaikan tarif-tarif air ini, kita berharap kenaikan tarif air ini akan meletakkan PAIP ke atas kedudukan kewangan yang lebih kukuh bagi memastikan PAIP berdaya saing dalam kerja-kerja menyediakan perbelanjaan modal CapEx sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Selanjutnya, kebocoran paip air yang sering berlaku ini boleh menyebabkan kerugian dari segi kewangan di mana kehilangan sumber kewangan dari *non-revenue water* yakni iaitu air tidak berhasil yang merupakan satu isu yang harus diminimakan oleh PAIP. Kekurangan pembaziran melalui air tidak berhasil juga akan mengurangkan kos rawatan air bersih yang dibekalkan kepada pengguna-pengguna PAIP.

Adalah diharapkan bahawa masalah gangguan bekalan air di kawasan Janda Baik dapat diselesaikan dengan secepat mungkin kerana ia amat menjejaskan ekonomi tempatan selain daripada menyusahkan penduduk-penduduk setempat dengan kekerapan gangguan bekalan air terutamanya di musim cuti dan perayaan jika gangguan ini berterusan. Di sini saya berharap pihak Kerajaan Negeri bersama dengan PAIP mengambil perhatian berkenaan isu ini dan berusaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aset Air Berhad, PAAB agar projek penggantian paip lama di Janda Baik dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Saya amat berharap masalah yang dibelenggui penduduk-penduduk dapat... Janda Baik... dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Izinkan saya merakamkan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa pihak PAIP Bentong memang selalunya mengambil langkah yang secepat mungkin untuk membaiki kebocoran ataupun aduan yang dibuat oleh pejabat saya. Tapi masalahnya paip-paip yang lama ini perlu diganti dengan segera.

Isu yang kedua adalah perhidmatan... pelaksanaan Perkhidmatan Rel Hubungan Pantai Timur iaitu ECRL. Sepertimana pengangkutan umum, projek ECRL yang giat dilaksanakan dan adalah dijangkakan akan beroperasi mulai Januari 2027. Mudah-mudahan dengan penyempurnaan dan pelaksanaan perkhidmatan ECRL sepanjang 665 kilometer pada tahun 2027, ia akan memacu aktiviti komersial menarik pelaburan, meningkatkan peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi ataupun aktiviti pelancongan di negeri Pahang.

Saya amat tertarik dengan jawapan Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains dan Teknologi dan Inovasi pada hari kelmarin yang mengatakan bahawa berdasarkan kepada pelan guna tanah di sekitar stesen ECRL, 2 lokasi yang dilihat berpotensi adalah Kawasan Perindustrian Gebeng, Bentong dan juga Kompleks Makanan Halal Gambang di Paya Besar. Sememangnya ia adalah tepat untuk mengenal pasti kawasan Bentong sebagai satu kawasan strategik dan berpotensi tinggi dalam sektor perindustrian yang boleh memacu pembangunan ekonomi negeri Pahang. Kedudukan strategik daerah Bentong yang terletak berdekatan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang hanya lebih kurang 60 kilometer jaraknya dari Bandaraya Kuala Lumpur menjadikan ia amat menarik untuk dijadikan hab perindustrian dan pelancongan.

Saya amat berharap Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) dapat memberi keutamaan dan menyegerakan kajian cadangan-cadangan pembangunan untuk daerah Bentong dalam kawasan radius 20 hingga 30 radius km kawasan stesen ECRL Bentong agar… agar kita bersedia dan menyahut cabaran dan peluang untuk menjadikan daerah Bentong sebagai salah satu hub pembangunan perindustrian dan pelancongan di dalam negeri Pahang.

Saya cadangkan satu *blueprint* jangka masa pendek dan panjang disediakan untuk membangun sektor perindustrian dan pelancongan di daerah Bentong terutamanya berdekatan dengan stesen ECRL Bentong yang dapat… dapat disediakan dan dilaksanakan demi kesejahteraan dan kemakmuran kawasan daerah Bentong. Dalam pada itu, saya mencadangkan bahawa selain daripada perkhidmatan pengangkutan ECRL, pihak Kerajaan Negeri perlu mempertimbang, mempertimbangkan prasarana infrastruktur dan penambah baik sistem pengangkutan yang sedia ada juga dijalankan dan dilaksanakan.

Kita semua tahu bahawa buat masa ini satu-satunya pengangkutan jalan raya utama yang digunakan adalah Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak atau lebih dikenali sebagai LPT. Lebuh raya ini adalah merupakan nadi dan satu-satunya infrastruktur pengangkutan utama yang menyambung negeri pantai timur Malaysia dengan kawasan barat Malaysia. Untuk makluman Dato' Sri Speaker, demi menampung bakal peningkatan pengguna jalan raya… lebuh raya Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak ini, ia adalah amat penting untuk kita mempunyai perancangan yang awal untuk menaik taraf Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak yang merupakan lebuh raya utama yang amat sibuk terutamanya pada musim perayaan, musim cuti ataupun juga pada musim hujung minggu.

Selain daripada itu, jalan lama Kuala Lumpur - Bentong juga perlu diberi perhatian dari segi penyelenggaraan dan keselamatan jalan raya tersebut. Sekiranya kita meneliti kawasan jalan raya lama ini, kita akan dapati banyak kawasan jalan raya tersebut mengalami masalah hakisan tebing sungai dan juga keruntuhan cerun yang agak membahayakan. Saya difahamkan oleh pihak JKR bahawa terdapat sekurang-kurangnya 100 kawasan *hot spot* yang mana terdapat hakisan tebing sungai dan juga keruntuhan cerun di sepanjang jalan raya tersebut. Walaupun jalan raya ini pada kebiasaannya tidak banyak digunakan oleh pengguna-pengguna, namun ia perlu diselenggarakan dengan sebaik-baiknya kerana ia adalah merupakan laluan alternatif sekiranya berlaku sebarang kecemasan di Lebuhraya Karak - Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, untuk mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk membawa pembangunan ekonomi dari sektor perindustrian dan pelancongan, ia adalah amat penting bahawa kesinambungan pembangunan prasarana, infrastruktur dan sistem pengangkutan juga dibangunkan dan dirancang serentak agar kita dapat

memanfaatkan limpahan pembangunan ekonomi yang bakal dibawa oleh pelaksanaan perkhidmatan ECRL pada tahun 2027.

Isu yang ketiga adalah berkenaan dengan sektor pertanian dan keterjaminan makanan iaitu terutamanya penanaman halia di Bukit Tinggi. Dato' Sri Speaker, bandar Bentong memang adalah terkenal…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, boleh tak Yang Berhormat rendahkan sikit kertas itu. Kalau ikut peraturan mesyuarat, seorang ahli, seorang ahli… seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya, maksudnya kalau bawa rendah sikit tu tak adalah nampak baca. Ha begitu.

YB SU KEONG SIONG

Okay, terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini peraturan kita kena ikut.

YB SU KEONG SIONG

Faham, faham. Okey, terima kasih. Dato' Sri Speaker, bandar Bentong adalah terkenal dan sinonim dengan produk halia di seluruh Malaysia. Kebanyakan pengunjung-pengunjung yang datang ke bandar Bentong akan pasti pulang dengan pembelian produk halia Bentong. Akan tetapi ramai yang mungkin tidak tahu bahawa produk halia Bentong ini adalah kebanyakannya dihasilkan di kawasan Bukit Tinggi dan saya percaya Kerajaan Negeri mempunyai hasrat dan memberi fokus pembangunan pertanian dan pengeluaran produk makanan yang berkualiti serta seperti halia di Bukit Tinggi.

Ia adalah dikatakan bahawa kualiti tanah yang ada di kawasan Bukit Tinggi adalah amat bersesuaian dengan penanaman halia dan sememangnya aktiviti penanaman halia di Bukit Tinggi telah dijalankan sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu hingga ia menjadi satu produk makanan yang terkenal di seluruh Malaysia. Namun begitu, sepertimana apa yang berlaku di banyak kawasan-kawasan lain di dalam sektor pertanian. Penerokaan tanah kerajaan juga merupakan satu masalah yang perlu kita hadapi dan selesaikan di kawasan Bukit Tinggi. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang cuba menyelesaikan isu penerokaan tanah kerajaan dengan peneroka-peneroka tanaman halia di Bukit Tinggi. Saya selaku wakil rakyat di kawasan Bukit Tinggi akan membantu pihak kerajaan untuk capai satu *win-win situation* dalam isu ini.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang iaitu PSK telah merizabkan sebidang tanah yang seluasnya 327 hektar untuk peneroka-peneroka menjalankan aktiviti penanaman halia di kawasan Bukit Tinggi. Namun sehingga hari ini, isu ini masih belum diselesaikan dan saya berharap satu penyelesaian dapat dicapai dengan pihak PSK dalam masa yang terdekat. Saya amat berharap bahawa PSK akan memulakan perbincangan semula dengan peneroka-peneroka yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa yang merangkumi 197 pemegang permit dalam satu golongan, sebanyak 231 peneroka-peneroka di kawasan tersebut. Ini adalah agar mereka dapat berpindah ke kawasan

yang telah dirizabkan untuk menjalankan aktiviti penanaman halia di Bukit Tinggi tersebut.

Di sini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Jabatan Perhutanan Daerah Bentong yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam usaha untuk mendapat maklumat dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah lama berlarutan.

Dato' Sri Speaker,

Akhir kata saya berharap isu-isu yang dibangkitkan oleh saya dalam perbahasan akan diberikan perhatian dan pertimbangan daripada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Pahang. Dengan itu, saya dengan rendah diri memohon menjunjung kasih dan mohon menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Sultan Pahang. Sekian terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tepat pada masanya. Dijemput Wakil daripada… kita ada 2 lagi, 3 lagi saya nak habiskan untuk sesi pagi ini. Kita jemput Wakil daripada Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Sri Speaker. Pertamanya saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kerana beri ruang kepada Lanchang untuk sama-sama berbahas di atas Titah Paduka Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan tempoh hari.

Saya juga ingin merafakkan sembah dan junjung kasih di atas Titah Tuanku yang telah pun banyak memberi perhatian kepada pentadbiran kerajaan yang sudah tentunya tidak lari daripada sektor ekonomi yang telah banyak disumbangkan oleh agensi-agensi dan juga pemain-pemain sektor ekonomi yang telah berjaya meningkatkan hasil Kerajaan Negeri sehingga melebihi sasaran yang telah pun ditetapkan.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga sudah tentulah kita tidak melupakan juga ucapan terima kasih kepada seluruh agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi pelaksana kepada kerja gerak kerja di bawah yang mereka memahami hasrat kerajaan dan juga pimpinan untuk melaksanakan agenda-agenda yang telah pun ditetapkan dari masa ke semasa.

Jadi, saya rasa satu ucapan terima kasih dan tepukanlah kepada seluruh anggota pelaksana jabatan kerajaan semua. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Sepertimana kita sudah sedia maklum bahawa krisis ekonomi dunia berlaku di seluruh negara dan sudah tentulah Malaysia juga tidak terkesan. Maka negeri Pahang ialah salah satu mengalami sedikit kesan daripada apa yang berlaku krisis di dunia ini tentang industri dan sebagainya. Maka sudah tentulah kita bagi pihak negeri ini perlu mencari suatu sumber ekonomi di samping yang telah sedia ada untuk menggerakkan lebih hebat lagi diperkasakan tentang bagaimana kita nak menambah lagi hasil kita pada masa akan datang.

Memandangkan dalam sidang ini juga kita telah pun dimaklumkan oleh pihak kerajaan negeri bahawa berbagai-bagai aktiviti yang telah pun dijalankan termasuklah bajet-bajet tertentu yang telah pun disediakan kepada unit-unit tertentu yang semuanya adalah untuk menambah hasil dalam negeri, supaya dengan hasil itulah kita dapat melaksanakan pelbagai program yang akhirnya yang mendapat limpahan daripada program tersebut adalah rakyat di bawah sana dan saya amat yakin dan percaya bahawa rakyat melihat kita sebenarnya.

Saya dah sebut dahulu daripada awal er… apa nama mesyuarat kita yang pertama bahawa menjadi harapan besar kepada rakyat kita di kawasan masing-masing memilih wakil mereka untuk dihantar ke Dewan ini kerana ia memberi pengharapan yang besar supaya kita dapat berbincang dengan baik dan menghasilkan satu keputusan yang baik, melaksanakan program yang natijahnya akan nanti akan berbalik kepada mereka kerana itu ialah merupakan satu harapan besarlah yang saya yakin dan percaya bahawa kita faham semua harapan itu dan kita hari ini berusaha untuk ke arah itu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Antara perkara yang… yang dititahkan oleh Kebawah Duli Tuanku ialah tentang projek ekonomi-ekonomi seperti pelaburan dan sebagainya. Di antara perkara yang saya rasa tidak dilupakan oleh kerajaan ialah melalui sektor pertanian dan pertanian ini merupakan asas kepada pekerjaan utama rakyat kita di bawah sana yang terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar, sama ada daripada pertanian, penternakan, perikanan ataupun asas tani mahupun perladangan lah yang berkaitan dengan ekonomi. Oleh kerana itulah, dalam keadaan kita menghadapi kemelesetan ekonomi ini, mungkin satu perkara yang baru perlu kita naik tarafkan sedikit sektor pertanian sebagainya nanti supaya menjadi lebih berdaya saing.

Apa yang saya lihat ialah urm… satu perkara yang menarik sejak akhir-akhir ini iaitu dan er… dari pihak kerajaan tadi pun dah sebut bahawa peruntukan kepada sektor agropelancongan. Agropelancongan ini merupakan satu sektor baru yang mana… yang sedia ada pertanian itu juga sendiri dan ternakan dan sebagainya, di mana kita melaksanakan daripada satu aktiviti itu kita dapat mendapat berbagai-bagai apa er… hasil yang bakal… kalau boleh kita sebutkan bahawa dengan inisiatif tersebut, kita dapat menghasilkan pelbagai serampang.

Pertamanya, dari sudut ekonomi kita sudah tentulah petani ataupun pemain industri mendapat hasil ekonomi disebut-sebut. Yang keduanya, dalam masa yang sama juga kita dapat menarik pelancong, agropelancongan itu dan yang ketiganya ialah kita juga er… dengan menumpukan ke arah ini juga ialah menyediakan peluang pekerjaan. Tadi disebut oleh apa nama… pihak kerajaan bahawa kita ada 29,000 yang perlu kita sediakan. Kalau kita gerakkan daripada apa… sektor agropelancongan itu, maka sudah tentulah sektor-sektor tersebut juga turut menyumbang pekerjaan kepada er… pencari pekerja lah dan sekurang-kurangnya dia mengurangkan beban kerajaan untuk menyediakan peluang tadi la. Maka saya suka menyarankan bahawa urm… tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut bahawa dalam sektor industri menjadikan satu daerah satu kawasan industri.

Maka suka juga saya menyarankan bahawa untuk agropelancongan itu, saya rasa perlu dibuat begitu. Setiap daerah perlu diwujudkan agropelancongan supaya dengan ini dapat menarik pelancong ramai yang datang ke tempat tersebut. *Trend* masa kini ialah bagaimana er… pelancong masuk ke satu tempat dia tidak seperti dulu. Kalau dulu mungkin dalam bentuk perseorangan, keluarga dan pelancong tetapi generasi-

generasi baru sekarang bergerak dalam bentuk kumpulan-kumpulan yang ramai. Saya beri contoh, kalau mereka pergi satu tempat untuk melancong dan sebagainya, dia pergi dengan gerombolan motosikal. Tadi Yang Berhormat kita daripada apa… Exco Belia dah sebut, dia ada kumpulan motosikal dan sebagainya. Pergi satu tempat ke satu tempat dengan jumlah yang besar, 30, 50 buah motosikal dan sekali berhenti satu tempat contohnya, di kedai… di tempat pelancong itu sudah tentulah mereka akan berbelanja. Maka itulah kenapa saya sebut agropelancongan ini penting kerana kita dapat… dalam masa yang sama menarik pelancong ke tempat tersebut menyumbang ekonomi dan memberi peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Tuan Speaker,

Selain daripada itu ialah juga mengenai sektor pelancongan ya. Saya ucap terima kasih dan tahniah kerana er… banyak produk yang telah disebut itu telah untuk negeri Pahang bagi menarik pelancong dalam dan luar negara. Cuma baru baru ini er… Exco Pelancongan ada sebut bahawa akan mengadakan satu bentuk replika, kartun daripada Jepun untuk er… di Kuantan kalau tak silap saya. Cuma saya kalau boleh nak minta pencerahan er… apakah kriteria yang menyebabkan kita mengambil ciri-ciri tersebut daripada negeri Jepun kalau tak silap saya kartun ini watak tersebutlah? Kenapa kita tidak memilih watak-watak bercirikan Malaysia, paling tidak negeri Pahang kan. Sebab pelancong datang ke tempat kita nak melihat Malaysia. Kalau dia nak tengok Ultraman, dia pergi ke Jepun [ketawa]. Jadi sebab itu saya kata kita mungkin ada watak-watak yang baik untuk negeri Pahang, kita tonjolkan negeri Pahang.

Ini… ini sebagaimana orang luar mengagumi Paduka Baginda Sultan kita. Saya nak cerita pada tuan-tuan, baru-baru ini saya jumpa sahabat kita daripada luar Sabah dan Sarawak. Dia bertanya saya er… tuan daripada mana. Saya kata saya Pahang. Dia kata tuan beruntung kerana apa, mempunyai seorang er… Sultan yang cukup *humble*, menjiwai watak, yang cukup berbeza apabila sewaktu er… Yang di-Pertuan Agong ini … satu-satunya Agong yang turun ke Sabah Sarawak. Jadi dalam suasana tersebut dia kata er… cukup beruntung orang Pahang dan sudah er… sudah tentu menjadi satu er… Tuanku sudah membawa satu *image, trademark* yang cukup baik untuk negeri Pahang. Maka kita perlu ambil kesempatan tersebut bagaimana pelancong datang ke sini menggambarkan watak kita orang Pahang, apa nama er… pekerjaan dan sebagainya lah yang melengkapi. Sebab itulah er… saya alhamdulillah kerana kita telah pun di apa… dianugerah oleh Allah SWT dalam keadaan begitu. Tuan-tuan dan Puan er…

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Selain daripada perancangan telah saya er… untuk sekarang saya ingin menyebut tentang beberapa masalah di tempat saya ialah tentang menambah baikkan lagi sektor perancangan pelancongan di Lanchang. Seperti mana kita maklum, di Lanchang juga ada er… pusat-pusat pelancongan seperti di Kuala Gandah, gajah, pusat pemuliharaan harimau dan juga taman biodiversiti dan yang selainnya ialah er… yang er… yang menjadi mengurangkan ialah tentang infrastruktur yang terdapat di Lanchang itu sendiri di mana kekurangan bandar tersebut perlu dinaiktarafkan supaya ia lebih menggambarkan sebagai sebuah tempat pelancongan lah oleh kerana sering di… di apa dilewati oleh pelancong-pelancong luar untuk melihat tempat gajah dan juga harimau tersebut. Jadi kalau boleh pihak kerajaan melihat bandar Lanchang itu perlu dinaikkan taraf sedikit supaya menggambarkan suasana sebagai pintu masuk daripada er… apa nama negeri jiran sebelah ke… ke apa ke… negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Selain daripada itu ialah saya juga ingin menyebut masalah tempat saya iaitu pertamanya ialah mengenai Kampung Kelubi. Kampung Kelubi ini ialah satu tempat di mana sering berlakunya banjir er… dan dia dah sinonimlah. Tetapi oleh kerana di situlah tempat mereka menjalankan aktiviti ekonomi, maka perlu satu perhubungan yang lebih baik. Di sini terdapat satu titi gantung yang telah pun saya sebut sebelum ini iaitu perlu dinaik tarafkan kerana ia menjadi jalan keluar masuk untuk mereka mengeluarkan hasil ataupun penduduk di dalam tersebut yang seramainya 10 atau 12 keluarga untuk keluar masuk dan sebagainya. Dan er… mereka ini memerlukan tempat tersebut sebagai satu er… satu alat perhubungan lah walaupun keluarganya tidak ramai tapi penggunaannya menjadi mustahak kerana anak-anak untuk bersekolah dan sebagainya dan jika titi gantung ini dibaik pulih, maka sudah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada berapa rumah kat Kampung Kelubi itu Yang Berhormat?

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Ada 12 buah rumah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya ke Yang Berhormat? Sebab er… cuba *check* balik.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

12 buah rumah ini kalau kita ambil…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

12 buah rumah yang duduk la, 12 rumah… rumah tapi yang duduk itu berapa? Tak apa, tak apa, teruskan.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Yang duduknya ada 10. Tapi saya ingat kalau kita nak pindahkan mereka sebab ada ura-ura untuk memindahkan. Cuma kita lihat apabila kemungkinan generasi pertama er… mungkin tidak pindah tapi perlu untuk generasi yang kedua. Bila kita memindahkan tempat sebab pertamanya kemungkinan ada harapan er… tidak semua yang akan pindah kerana sumber pendapatan mereka di situ. Kebun di situ, kebun sawit di situ, kelapa apa… kebun getah di situ, kebun durian dan sebagainya di situ. Yang itu satu.

Yang keduanya, bila kita pindahkan sudah tentulah nanti generasi kedua akan meninggalkan tempat tersebut maka sudah tentulah akan mengurangkan aktiviti pertanian tersebutlah. Dan er… dan juga naik taraf ini saya sebutnya ialah mesti mengambil kira banjir yang sentiasa berlaku. Kalau pun kita tidak boleh mengambil kayu ukur sebagai banjir besar tahun 2021 er…banjir biasa pun boleh. Makna ditinggikan kerana banjir 21 itu disebut sebagai banjir luar biasa yang berlaku dalam tempoh 50 tahun sekali.

Jadi dengan dengan adanya apa nama ditingkatkan, ditinggikan. Banjir biasanya tidak merosakkan titi gantung tersebutlah yang biasa setiap tahun perlu dibaiki. Dan saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang selama ini saya kira mengambil berat tentang jambatan tersebutlah. Cuma saya kira untuk akan datang ini perlu dinaikkan taraf lebih baik daripada biasalah. Yang keduanya ialah di Kampung Insaf. Kampung Insaf ini juga merupakan tempat antara kampung yang teruk mengalami banjir yang lalu lah dan setiap kali banjir dan rumah juga tak banyak, tujuh apa… tujuh atau lapan buah sahaja. Dan mereka ini, saya difahamkan akan dipindahkan.

Cuma saya mengharapkan perpindahan tersebut, kita harapkan semua yang terlibat akan dapat menikmati rumah yang akan disediakan dan dalam masa yang sama ialah… saya melihat bahawa tempat ini merupakan tepi Sungai Semantan dan agak menarik apabila dikosongkan nanti dijadikan sebagai pusat rekreasi sebagaimana di tepi Sungai Pahang di Temerloh menjadi tempat peniaga-peniaga kecil dan sebagainyalah. Dan menjadi salah satu tarikan pelancong juga saya rasa untuk di kampung di tepi Sungai Semantan tersebut.

Sebelum saya terlupa ada satu lagi tentang kelubi tadi yang Berhormat Dato' Speaker iaitu Kampung Kelubi ini terletak dalam Mukim Mentakab. Baru-baru ini, saya telahpun dimaklumkan suara hati daripada Kampung Kelubi. Mereka telahpun diletakkan di dalam JKKP Sungai Kepong. Di tengah tengah di antara kampung mereka ialah JKKKP Desa Bakti. Maka kenapakah mereka tidak diletakkan dalam apa… Jawatankuasa Desa Bakti kerana mereka lebih dekat… dengan tersebut… dengan Desa Bakti dan seringkali seolah-olah mereka ini terlepas pandang dalam berbagai-bagai aktivitilah dan saya harapkan untuk akan datang mungkin pihak yang berkenaan boleh mengambil kira...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Seri Yang di-Pertua... Terima kasih kepada Lanchang, Kelubi Kelubi tentang hal kepentingan mangsa banjir.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kelubi ini kawasan rendah. Setiap kali banjir sikit pun dia dah naik air.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Nasib kampung situ nama Kampung Rakit, Kampung Mancis kerap terbakar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu ada Batu Kapur.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Cuma apa namanya pemindahan itu kita… Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dah bersetuju untuk buat tempat pemindahan. Orang yang nak dipindah itu pun kita dah berunding dengan dia orang, insya-Allah. Kalau dia minat nak main air, biar dia tak pindah. Kalau dia rasa nak selesa, dia ikut cadangan nanti. Tempat yang selesa untuk kita pindahkan dia. Kita kerja mindah ke orang kena banjir ni daripada tahun 70an lagi dah, dah pengalaman. Itu ada kampung banjir di sini. kampung Banjir, Dato' Seri Ahmad, Kampung Banjir di Lanchang, Kampung Banjir Lanchang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Desa Murni...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bukit Nikmat, rata dah. Di Chenor, pun ada Kampung Banjir. Jadi apa namanya insya-Allah yang inipun yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya. Saya boleh jawab masih penggulungan. Tapi sebab ulang-ulang tu saya cerita jugalah sikit supaya balik kang kita semua lelap tidur. Maknanya ada usaha kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini. Hak yang tadi apa namanya… tentang dia orang terpinggir ini, kita sentiasa memberikan *knowledge* kepada Tok Empat-Tok Empat ini supaya dia proaktif untuk membantu orang kampung dia macam mana dia tidak ketinggalan. Kita pula sebagai wakil rakyat mesti kita dekati orang kampung ini, supaya dia… apa boleh kita bantu, apa boleh kita bersama.

Orang kampung pun dia pandai Dato' Seri Speaker. Kadang dia gi manja kampung ini, kadang pergi manja kampung itu. Macam saya di Kerdau, Kampung Kuala Tekal. Orang Cengkenik tu, dengan orang Kampung Gajah mati, kadang dia gi manja dengan Tok Empat Dato' Sarip. Sebab dia akan dapat dengan Dato' Rodzuan. Bila nampak saya tengah sibuk dengan apa orang Kampung Terat, dia gi manja dengan Tok Empat Tekal pula. Jadi bila bulan puasa, dia dapat dua, daripada Dato' Rodzuan pun dia dapat, daripada saya dapat. Kerja kita memang kena tipu. Di antara gaji kita itu, kena tipu Dato' Sri Speaker. Jadi takpelah tu, dia pandai pandailah dia sebagai rakyat nak manja dengan wakil rakyat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung Yang Berhormat…

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih kepada apa… Tuan Speaker ke atas penerangan tersebut. Sebelum saya menggulung, cuma ada satu saja perkara. Iaitu, kebetulan yang menjawab tadi ialah EXCO daripada apa… Kerdau yang berkenaan dengan penempatan Orang Asli. Ada satu kampung di Lanchang ialah salah satu daripada Kampung Sungai Leleh. Di sini, ramai yang daripada mereka ialah bukan sebahagian, tetapi beberapa keluarga kalau tak silap saya dalam bancian kita ini lebih kurang hampir 20 orang dan Islam dan mereka ini memerlukan satu tempat yang untuk berkumpul dan sebagainya.

Dan hasil tersebut baru-baru ini telahpun didirikan, hasil gotong royong NGO dan sebagainya, sebuah surau. Dan sebelum ini mereka menukar beberapa infrastruktur yang mungkin tidak mencukupi, wang derma dan sebagainya, dan saya ada buat permohonan untuk mendirikan bilik air dan tandas yang telahpun dimohon pada Ramadhan tahun lepas dan InsyaAllah pada tahun… pada tahun ini Ramadhan dah setahun. Jadi oleh kerana belum lagi mendapat khabar berita dan saya harap selepas ini ahli Yang Berhormat EXCO boleh melihat sikit dan satu gotong-royong baru telahpun dilaksanakan pada baru-baru ini, menyediakan bilik air dan tandas yang kecillah tapi masih memerlukan permohonan tersebut. Jadi harapan insyaAllah dapat diberi perhatian.

Yang keduanya di sini ialah juga, masalah air itu memang berlaku kerana dia berada di penghujung dan saya rasa antara perkaranya ialah kita dah sebut tadi banyak perkaralah tentang tekanan rendah dan sebagainya. Cuma saya lihat bahawa

kemungkinan kita boleh melihat inisiatif lain bagi mengadakan langkah jangka pendek kerana penggunaan air di sini, contohnya, ia kes kampung-kampung terpencil sepertimana di Leleh ini mengadakan Telaga Boring atau *Tube Well* yang mungkin nya tidak tidak kepada PAIP yang menyediakan mungkin agensi lain seperti apa pejabat daerah ke ataupun JPS dan sebagainya bagi kegunaan harian mereka walaupun tidak… orang kata apa, menyelesaikan sepenuhnya masalah air tapi sekurang-kurangnya mengurangkan. Dan bukan di kampung Leleh sahaja di bahagian bahagian lain seperti di Sokmek dan Bolok yang asalnya kampung inilah penghujung daripada bekalan air daripada Lubuk Kawah. Maka sudah tentulah krisis kritikal ini sering berlaku terutamanya di musim perayaan. Dan dalam pada itu jugalah terdapat juga taman-taman dan sebagainya yang mengalami krisis bekalan air tersebut.

Jadi antara perkara yang saya nak syorkan juga ialah mungkin taman-taman ini kita, Pihak Berkuasa Tempatan boleh boleh menilai kerana saya pernah melihat satu tempat tapi bukan negeri Pahang, taman-taman baru yang di dalam pelan mereka menyediakan tangki air hujan kerana negara kita banyak air hujan. Tangki hujan yang yang turun daripada salur rumah terus turun ke dalam tangki yang disediakan yang berperingkat-peringkat, ditapis. Maklum ya, bukan untuk diminum tapi sekurang-kurangnya untuk kegunaan luaran, membasuh dan sebagainya.

Jadi sekurang-kurangnya itulah perkara perkara yang kita kata boleh mengurangkan masalah krisis air. Dalam masa kita nak menunggu proses yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat, tahun 2026 baru nak selesai. Kita ada lebih kurang 2 tahun lebih lagi. Jadi perkara-perkara yang boleh kita dengan bajet yang kecil dan sebagainya dan dapat menyelesaikan perkara perkara tersebut. Jadi terima kasih kepada Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong titah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada ucapan… kepada titah pembukaan tempoh hari. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

SPEAKER DEWAN NEGERI

Jemput wakil dari Jenderak

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih. Dato' Seri Speaker. Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskankan Menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustaffabillah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah sempena Mesyuarat Penggal Pertama… Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke 15. Sebagai Ahli Dewan Negeri, marilah kita sama sama membahaskan usul ini dengan rasional serta berpegang kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat dan kemakmuran negeri sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya merasa amat bangga dengan pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Pahang kerana bukan sahaja negeri Pahang berjaya memperolehi hasil melebihi satu bilion untuk dua tahun berturut turut, tetapi hasil ini dikembalikan kepada rakyat dengan pelbagai insentif untuk kesejahteraan rakyat negeri Pahang.

Ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri Pahang yang telah dilaksanakan dengan sebaiknya untuk rakyat Pahang. Ada yang gembira, ada yang terharu, malah ada yang

menerima dengan tangisan kegembiraan. Ini bukanlah satu cerita dongeng. Pengalaman saya semasa saya berjumpa dengan penerima Rumah RRP iaitu Rumah Rakyat Pahang. Mereka ini menangis dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana membantu mereka memiliki rumah untuk mereka berteduh. Dan saya rasa amat bersyukur dan berterima kasih kerana insentif ini diteruskan lagi pada tahun ini dan selepas ini akan lebih ramai lagi rakyat Pahang yang akan menerima manfaatnya.

Dan di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang negeri Pahang berjaya menaik taraf sebuah institusi pendidikan tinggi Islam bertaraf sehingga ke tahap universiti iaitu UniPSAS. Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja pendidikan islam di negeri Pahang terus diperkasa tetapi pada masa yang sama syiar islam itu sendiri terus diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Hari ini kita semua dikelilingi oleh teknologi. Di tangan kita ada telefon pintar. Di depan kita ada komputer. Malah, kita juga berhubung melalui pelbagai aplikasi WhatsApp, Facebook, Tik Tok dan sebagainya digunakan oleh semua golongan untuk mendapatkan informasi. Saya nak cadangkan agar Kerajaan Negeri dapat memperkenalkan lebih banyak insentif untuk golongan golongan ini menambahkan pendapatan melalui manfaat teknologi.

Saya bagi satu contoh di kawasan saya, ada seorang anak muda daripada masyarakat Orang Asli. Namanya Fida dari Kampung Orang Asli Penderas yang telah berjaya memperolehi pendapatan ribuan ringgit hasil menjual produk dan juga barangan melalui aplikasi Tik Tok. Hasil dari pendapatan itu, beliau berjaya membina sebuah rumah baru sendiri untuk beliau dan keluarga berteduh. Sebelum anak muda Fida ini mula menambahkan pendapatan, beliau telah menjalankan… menjalani bengkel multimedia dan perniagaan digital yang dikelolakan oleh Studio Multimedia PPKI Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau yang merupakan studio yang tercanggih dan pertama untuk sekolah menengah di Malaysia.

Ternyata idea untuk mewujudkan studio ini oleh Cikgu Hazeem dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau sendiri telah mengubah kehidupan seseorang seperti Fida ini. Sekiranya kita dapat mewujudkan insentif sebegini, saya yakin dan percaya akan ada lebih ramai lagi rakyat Pahang yang akan berjaya dalam perniagaan dan juga kehidupan mereka.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya memuji dan mengucapkan tahniah atas ketegasan Kerajaan Negeri Pahang dalam memastikan masalah ketirisan hasil negeri dapat dibendung. Tindakan ini adalah amat wajar dan berketepatan kerana hasil yang diambil tanpa kebenaran ini menyebabkan kesukaran kerajaan untuk memberikan lebih banyak manfaat kepada rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di DUN Jenderak, ada satu Pusat konservasi Hidupan Liar Jenderak Selatan. Saya rasa Yang Berhormat Dato' Sri Speaker pun tahu tempat ini. Dulu, kita boleh pergi melihat ya, Pusat Konservasi Hidupan Liar Jenderak Selatan ini yang diuruskan oleh Jabatan Perhilitan Malaysia. Pusat konservasi ini ialah dia memelihara seladang,

salah satu hidupan liar yang hidup di negara. Namun pusat ini tidak dibuka lagi untuk orang ramai. Saya berpandangan dan mengusulkan cadangan agar pusat ini dibuka kembali kepada orang ramai sebagaimana Pusat Konservasi Gajah di Kuala Gandah yang mendapat sambutan yang sangat baik. Selain daripada dapat memberi manfaat daripada segi pelancongan. Pembukaan pusat ini juga akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia melihat sendiri hidupan liar seperti seladang yang sekarang ini memang susah kita nak jumpa. Pembukaan pusat ini juga mampu memberi manfaat ekonomi kepada penduduk setempat.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Isu yang hendak saya bawakan di dalam kawasan DUN Jenderak adalah berkenaan jalan di perkampungan Orang Asli, Kampung Paya… Paya Pelung yang mempunyai penduduk seramai 700 orang. Jadi, suasana di dalam perkampungan ini memang ada jalan yang bertar, tetapi isunya adalah jalan masuk, jalan masuk. Ianya terpaksa melalui kawasan estet dan juga perkampungan. Dan apa ni… pihak estet tidak membenarkan membuat jalan bertar.

Jadi ada satu jalan yang boleh iaitu jalan pintas iaitu dari kepada Kampung Paya Pelung ke Kampung Bukit Rekoh. Sebenarnya perkara ini telah diangkat ke apa ni… RMK-12. Iaitu *Rolling Plan* ke-3 tapi sehingga hari ini belum mendapat apa perkhabaran dan saya juga difahamkan dalam *Rolling Plan* ke-5, kita pun telah bawa tapi dengan harapan supaya Kerajaan Negeri juga dapat melihat membantu mempercepatkan proses demi untuk kemudahan dan juga kesejahteraan Orang Asli di kampung ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kesimpulannya, saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang berada di landasan yang betul dan sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai serta ketegasan Kerajaan Negeri dalam memastikan ketirisan dapat dibendung adalah bukti bahawa kerajaan hari ini sangat cemerlang dan cekap dalam pentadbiran.

Selari dengan Titah Tuanku, marilah kita bersama sama memberi pandangan dan juga cadangan yang boleh meningkatkan lagi kemakmuran, kesejahteraan negeri Pahang. Jadi sebelum saya nak akhiri ucapan saya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Hormat Dato' DO Temerloh dan juga Tuan YDP Majlis Perbandaran Temerloh yang turut bersama. Mereka ini banyak membantu di dalam apa ini… bahagian Kuala Krau khususnya di Temerloh. Jadi, dengan itu, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian Jenderak menjunjung titah dan menyokong usul ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, waktu menghampiri pukul 1.00 tengah hari. Saya bercadang untuk menempoh persidangan kita di sebelah pagi dan kita ada tujuh lagi iaitu wakil daripada Bukit Ibam kita bawa ke petanglah, ya. Boleh nanti supaya wakil Bukit Ibam boleh sembahyang dengan khusyuk. Insya-Allah. Kita bawa ke petang dan pada petang ini kita ada tujuh lagi iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih belum membahaskan, dan kita bagi peluang kepada tujuh ini, dan insya-Allah kita jangka akan siap lebih kurang dalam pukul 5.00 petang ini insya-

Allah. Jadi untuk itu, saya akan menyambung... kita akan menyambung semula pada pukul 2.30 petang. Persidangan ditempohkan.

(Persidangan ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari)

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat: Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Sekalian, kita masih lagi di atas usul yang berbunyi,

> **"bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan titah diraja kepada Dewan Negeri."**

Pada petang ini kita menyambung semula perbahasan atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberikan peluang kepada ahli-ahli iaitu seramai 7 orang yang masih lagi belum mengambil bahagian, untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Baiklah, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum WBT dan salam sejahtera. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Yang Amat Berhormat Dato Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan dan para pemerhati sekalian. Pertamanya Saya juga seperti orang lain ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua, walaupun sudah agak lewat tapi kita masih lagi berada dalam bulan Syawal, hari ini hari terakhirlah. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

Cuma untuk pengetahuan dewan sambutan Aidilfitri tahun ini agak suram dan terganggu bagi warga DUN Bukit Ibam. Sama seperti tahun sebelum ini, akibat gangguan bekalan air dan elektrik sebelum 1 Syawal lagi dan berlarutan beberapa hari selepas itu. Tidak tahu sampai bilakah masalah-masalah ini akan terus dihadapi. Perantau pun trauma nak balik pulang beraya. Biarpun isu bekalan air ini pernah saya bangkitkan beberapa kali sebelum ini. Namun insya-Allah saya akan terus memperjuangkannya sehingga warga DUN Bukit Ibam dapat menikmati bekalan air bersih dan selamat insya-Allah.

Saya bersimpati dengan rakan-rakan staf Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) yang terpaksa beraya di tempat kerja bagi menyelesaikan masalah yang berlaku. Dalam masa yang sama terpaksa menelan segala cemuhan yang dilemparkan oleh netizen. Maka adalah tidak benar wakil rakyat pembangkang tidak pernah berterima kasih kepada pekerja PAIP. Mana mungkin kami melupakan orang yang telah bertungkus lumus selama ini demi menyenangkan orang ramai. Bahkan kami sendiri pernah beraya dengan para pekerja ini di lapangan kerana ingin menyiapkan kerja-kerja mereka.

Cuma saya mengharapkan pelan bertindak yang tuntas daripada pihak CEO dan pengurusan tertinggi PAIP dalam meminimakan segala masalah yang sering berlaku. Bukan hanya di kawasan bandar, tetapi tolonglah tengok sama di kawasan-kawasan pedalaman dan FELDA. Jangan sekadar berbincang di bilik mesyuarat. Tapi pantaulah juga masalah kebocoran paip. Ada yang sudah berbulan-bulan belum dapat dibaiki walaupun sudah banyak aduan dibuat oleh pengguna. Baru-baru ini, saya meninjau tangki air Kota Bahagia yang saya difahamkan sudah tidak digunakan lebih 10 tahun. Waktu saya pergi penuh dengan semak samun. Tidak dibaiki sedangkan kerosakannya tidaklah terlalu besar. Akibatnya penduduk di seluruh Kota Bahagia Meripuh, Lubok Batu dan Tenggalung sering menghadapi masalah bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Selain isu jalan raya yang merupakan keperluan asas masyarakat, isu lampu jalan juga perlu diberi perhatian oleh kerajaan kerana ia melibatkan keselamatan pengguna. Walaupun saya difahamkan ada lampu di bawah seliaan TNB, JKR atau Majlis Daerah, namun janganlah aduan yang dibuat oleh rakyat dijadikan bola yang di*passing* ke sana dan ke sini. Cubalah berbincang dengan baik agar masalah yang dihadapi tidak berlarutan. Sebagai contoh, simpang masuk ke gugusan FELDA Selancar berbulan-bulan lamanya mengambil masa untuk dibaiki. Simpang Gading di Bandar Tun Razak, beberapa simpang di gugusan FELDA Keratong dan Taman Keratong Indah. Saya juga mengharapkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menaik taraf dan menurap jalan masuk ke beberapa perkampungan Orang Asli seperti Kampung Gambir dan Kampung Ganoh.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Selain keperluan prasarana fizikal, kerajaan juga bertanggungjawab terhadap keperluan rohani masyarakat. Menepati roh amanah kepimpinan sebagaimana yang disebut oleh al-Quran, [bacaan ayat al-Quran] surat Al-Hajj ayat 41, yang membawa maksud "orang-orang yang jika sekiranya kami berikan kuasa kepada mereka memerintah di atas muka bumi". Ada empat sifat yang disebut oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam ayat ini yang pertamanya [ayat al-Quran], mendirikan sembahyang membawa maksud hubungan kerajaan tersebut dengan Allah Subhanahu wata'ala. Yang kedua [bacaan dalam Bahasa Arab] mengeluarkan zakat simbolik kepada kebajikan sebagaimana konsep zakat itu sendiri ialah untuk [bacaan dalam Bahasa Arab] diambil daripada orang kaya dan dikembalikan semula kepada orang miskin. Dan yang ketiga dan keempat, [bacaan dalam Bahasa Arab] menyuruh kepada yang maaruf dan mencegah kemungkaran.

Isu sosial di kawasan pedalaman dan tanah rancangan FELDA seperti pelajar ponteng sekolah, penagihan dadah, pergaulan bebas dan lain lain lagi. Kita yakin formula penyelesaiannya ialah kembali kepada cara hidup beragama. Adanya panduan halal haram dalam tingkah laku. Justeru, antara cadangan saya ialah yang pertama. Sekolah-sekolah perlu dilibatkan secara langsung dengan komuniti masyarakat setempat dan kerapkan aktiviti bersama masyarakat. Agar masyarakat lebih peka dan cakna isu sekolah dan pelajar. Mereka lebih ambil berat jika ada melihat pelajar-pelajar yang memakai pakaian sekolah berkeliaran.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia ada PIBG Yang Berhormat, tiap-tiap sekolah ada PIBG dan semua yang apa namanya mak ayah dia semuanya anak di sekolah di situ jadi sekolah buat lah,

maknanya PIBG dan PIBG, Persatuan Ibu Bapa tanggungjawab bersama. Nak bagi tahu ke Yang Berhormat Lah.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker, cuma kalau kita harapkan mesyuarat agung mungkin setahun sekali. Sebab itulah cadangan saya dilibatkan beberapa aktiviti bersama masyarakat. Yang kedua masjid dan surau perlu meluaskan lagi skop dakwah kepada segenap lapisan masyarakat terutama golongan remaja. Yang ketiga pihak Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam juga perlu memantau kemampuan imam- imam di masjid dan surau dan mengadakan kursus atau seminar berkala kerana masih kedapatan imam- imam yang sangat lemah mutu bacaan al-Quran mereka ketika mengimamkan solat jemaah. Lalu apa kaitannya dengan sosial dengan ibadat tadi. Jawabnya amal ibadah yang tidak sempurna tidak akan memberi kesan baik kepada diri seseorang. Akhirnya akan terus merebak lah penyakit sosial di dalam masyarakat.

Maka sebagaimana kita berusaha untuk menaik taraf fizikal masjid dan surau. Diharapkan dalam masa yang sama, kita juga perlu menaik taraf mutu ibadah mereka yang mengimarahkan masjid dan surau tersebut kena pantau imam dan bilal masjid-masjid di kampung. Jangan hanya memantau kuliah-kuliah yang disampaikan oleh YB-YB Pembangkang. Kami pun tahu batas sempadan apa yang boleh disebut dan apa yang tak boleh disebut dalam masjid dan surau apatah lagi kami alhamdulillah, berpegang teguh kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Matlamat kita adalah sama iaitu mahu masyarakat memahami agama, maka sepatutnya sama-samalah kita berganding bahu dalam mendidik masyarakat agar hidup secara beragama yang menjadi formula penyelesaian kepada segala penyakit masyarakat. Yang keempat, dalam masa yang sama diharapkan kerajaan negeri dapat melihat juga kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau seperti imam, bilal dan siak agar dapat kiranya dinaikkan sedikit elaun mereka sesuai dengan kenaikan kos sara hidup mutakhir ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Tahniah kepada kerajaan negeri kerana peningkatan kutipan hasil pada tahun 2023 yang lalu. Namun diharapkan kerajaan lebih proaktif dalam mempelbagaikan lagi sumber negeri tidak hanya bergantung kepada sumber cukai termasuklah merealisasi titah Tuanku Agar Pahang dijadikan negeri yang mesra pelabur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam sebuah negara atau negeri yang mengamalkan sistem demokrasi, blok pembangkang diiktiraf sebagai sebahagian daripada kerajaan. Berperanan sebagai semak dan imbang terhadap langkah yang diambil oleh kerajaan agar dapat diperbaiki apa yang salah dan ditampung apa yang kurang. Jika setiap pihak berperanan dengan baik, maka manfaatnya akan kembali kepada negeri dan rakyat jelata. Maka kerajaan seharusnya berjiwa besar dan melihat di sudut positif setiap teguran dan kritikan yang dibuat oleh pembangkang.

Mungkin ubat itu rasanya pahit, tapi fungsinya merawat kesakitan. Mungkin suntikan itu terasa sakit, tapi ia adalah ikhtiar untuk menyembuhkan. Jangan mudah menganggap teguran dan kritikan itu adalah fitnah dan mencipta persepsi. Ujian juga adalah senjata yang sering digunakan oleh para pengampu dan penjilat yang sebenarnya menjadi racun yang boleh membunuh seseorang pemimpin dan

meruntuhkan sebuah kerajaan. Maka menafikan hak pembangkang adalah melanggar prinsip demokrasi. Peruntukan yang sepatutnya disalurkan kepada Wakil Rakyat Pembangkang masih lagi dinafikan walaupun belum menerima peruntukan sepatutnya, namun terima kasih kepada kerajaan atas pemberian sumbangan Ramadhan sebanyak RM5,000.00 kepada wakil rakyat pembangkang pada Ramadhan yang lalu. Alhamdulillah.

Namun bukan tidak bersyukur tapi diharapkan kerajaan dapat menambah lagi jumlah sumbangan Ramadan ini pada masa akan datang kerana saya difahamkan masjid di kampung pun dapat sumbangan RM6,000.00 pada Ramadhan yang lalu untuk program Ihya Ramadhan. Apatah lagi sebuah DUN yang mempunyai berpuluh-puluh buah masjid dan surau. Alhamdulillah, kami telah manfaatkan sumbangan tersebut dengan menyerahkan kepada mereka yang memerlukan.

Namun, persoalannya, bagaimana pula baki 11 bulan berikutnya. Saya mengharapkan rakan-rakan wakil rakyat Pakatan Harapan yang kini berada dalam kerajaan dapat menasihati rakan-rakan Barisan Nasional agar mengambil contoh kerajaan Pulau Pinang yang menyalurkan peruntukan bulanan kepada pembangkang atau kerajaan Selangor dan Perak yang menyalurkan peruntukan pembangunan kepada Wakil Rakyat Pembangkang. Akhirnya rakyat juga yang boleh mengambil manfaat. Kerajaan sering mendakwa bahawa kerajaan ini adalah kerajaan perpaduan. Sering diuar-uarkan termasuk ketika menyebut salam, salam perpaduan. Namun tindakan yang diambil tidak menggambarkan mahukan perpaduan sebaliknya mencetuskan permusuhan dan kebencian.

Pembangkang dihalang untuk menggunakan fasiliti seperti Dewan Orang Ramai dan padang. Sebagai contoh, baru-baru ini, saya sendiri mengadakan jamuan rumah terbuka Aidilfitri dan telah menempah Dewan Semai Bakti FELDA Keratong. Namun sehari sebelum majlis diadakan, kami dihubungi oleh Pengurus FELDA mengatakan kelulusan menggunakan dewan ditarik balik, setelah pelbagai persiapan dibuat. Alasan yang diberikan ialah mendapat arahan daripada Exco.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Saya mencelah Yang Berhormat Dato' Sri. Saya mencelah. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya betulkan sikit kenyataan tu bukan mendapat arahan daripada Exco. Sepatutnya ialah permohonan itu terus kepada HQ FELDA. Terima kasih banyak Dato' Sri.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Takkanlah menggunakan dewan untuk menjamu rakyat sendiri pun diperlakukan begitu rupa sehingga ada yang datang bertemu dengan saya dan bertanya YB, Dewan itu dewan orang ramai atau dewan orang UMNO? Jangan jadi seperti kata pepatah, telunjuk lurus, kelingking berkait atau seperti ayam yang berkokok nyaring, namun, ekor terpalit najis. Najis irihati, najis dendam kesumat dan najis sombong yang tidak berkesudahan.

Saya ulang menafikan hak pembangkang adalah melanggar prinsip demokrasi. Maaflah YB Pelangai. Kalau boleh belajar bersikap profesional seperti YB Muadzam Shah ketika beliau memegang portfolio FELDA sebelum ini kerana pada tahun lepas saya dapat menggunakan apa ni dewan yang sama dan tidak timbul masalah pun bahkan dapat bersama-sama bersilaturahim dengan semua.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Minta izin saya nak betulkan sikit fakta saya memang saya minta maaflah kalau mungkin sifat kurang ajar ke apa. Bukan sifat kurang ajar. Terima kasih kepada YB Muadzam Shah sebelumnya memegangkan Exco Portfolio Exco FELDA. Sebenarnya perkara Dewan Orang Ramai FELDA ini dia ada cara tatakelola dia nak memohon.

Bukannya main begitu sahaja melalui Pengurus. Dia ada lagi peringkat atasan lagi bermaksud setiap dewan tu memang untuk orang ramai orang FELDA. Siapa pun boleh masuk tapi melalui tatakelola yang betul. Maksudnya kalau mengikut perundangan dan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA ikutlah insya-Allah ya.

Ini benda ni boleh kita bincang ha tak perlulah nak panjang lagi sebab maksudnya ikutlah prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA. Insya-Allah Yang Berhormat, kita akan bantu. Insya-Allah ya. Terima kasih banyak. Assalamualaikum.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Saya...

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Tambah sikit…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Minta laluan. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Pengalaman saya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak ini nak tanya soalan ke nak menambah? Kalau nak menambah nak...

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tak saya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak kalau Yang Berhormat nak menambah, Yang Berhormat kena duduk belah sini. Yang Berhormat boleh bangun untuk bertanya soalan.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okay soalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha okay soalan. Tanya soalan.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sebab saya lalu dua Exco FELDA, saya tak dengar lagi kena mohon di atas. Kita mohon dengan pengurus FELDA sahaja. Ini yang saya baru dengar kena mohon dengan pengurus atasan. *Cannot brain* lah.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Okay rasanya boleh lah terus ikutlah, ikut ya. Terima kasih.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Saya teruskan ucapan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya pun nak tanya perkara yang sama Dato' Sri. Setakat dewan sepatutnya pengurus FELDA je yang luluskan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia dalam dunia pada saya, kadang-kadang dia macam-macam. Bila kita baik dengan orang tu kita cakap macam ini. Bila kita tak baik dengan orang itu, kita bercakap macam ini. Biasalah kan, ini dunia. Jadi Yang Berhormat pun, cara penyampaian Yang Berhormat tu Jangan terlalu er… apa provokasi tau, bahasa-bahasa itu bagi bahasa yang elok sikit. Kita ni orang Islam. Jangan berkait-berkait. Jadi ini menimbulkan kemarahan. Yang Berhormat nak kan kita bersama. Saya, kadang-kadang saya pun tak *syok* juga dengar. Bukan saya, tapi cara bahasa tu guna bahasa yang lebih lembut lagilah. Jangan kita cuba dalam dewan ini nak kita memprovokasi.

Tengok wakil daripada Cheka. Tengok wakil daripada Berserah. Cara penyampaian itu elok, beradab. Jangan kita terlalu nampak provokasi. Yang ini yang menyebabkan orang bawah menerima benda ini dengan cara yang salah. Jadi, saya harap semua dapat apa namanya ini… perhatian ya. Bahasa penggunaan dalam Dewan ni eloklah bahasa yang lebih baik lagi. Jangan bahasa-bahasa yang memprovokasi. Nak provokasi, yang sebelah ini pun boleh provokasi. Tapi sampai bila? Yang Berhormat cakap kita ini nak bersama. Cara… cara tu cara penggunaan bahasa.

Jadi, Yang Berhormat minta lain kali penulis skrip itu lain, kali bagi bahasa yang lembut sikit ya. Ini... ini saya boleh rasailah, kita boleh cek dengan rakan-rakan yang lain. Cuma dia orang ni mungkin tak nak. Sebagai Speaker, saya kena tegur. Setakat ini yang lain-lain bahasanya baik. Terima kasih.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Cuma apa yang saya sebut ini menggambarkan bagaimana keadaan bila dikhianati atau pun dizalimi

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, nanti sekejap. Kita boleh bagi tahu gambaran tetapi jangan bahasa yang provokasi, bahasa yang menyakitkan hati orang lain. Bahasa yang membuatkan orang rasa tak selesa. Orang kita ini semua faham bahasa-bahasa penggunaan itu biar bahasa yang lembut. Yang Berhormat baca ayat Quran tadi tapi bahasanya tidak

menggambarkan seperti ayat yang dibaca. Dia kena... kena... kena berhikmah. (Bacaan dalam Bahasa Arab).

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya kena *control* benda ini.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya pun begitu juga. Saya tengok. Saya kagumlah sebenarnya. Mungkin Yang Berhormat daripada Ibam... kita berkesempatan untuk hadir dalam *International Conference on Islamic Contemporary Education* yang kita anjurkan. Kerajaan Negeri anjurkan. Kita panggil ulama-ulama daripada merata tempatlah seluruh dunia untuk hadir bagi kita...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

22 negara.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

28 Dato' Sri. 28... dan berbagai agamawanlah, ulama daripada... tapi saya kagum sebenarnya Rektor Universiti Al-Azhar dan juga Sheikhul Al-Azhar. Yang saya hadir masa itu dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Dato' Sri SS dengan rakan-rakan, sahabat saya, Dato' Sri Syed Ibrahim, ini... ADUN Kerdau. Ini ADUN Kerdau dia mohon maaf sebab tetamu kita ini, kita rai tetamu, tetamu kita akan berangkat balik hari ini sebab itu yang sahabat saya daripada Kerdau tidak dapat hadir, sebab Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar wakilkan dia untuk menghantar pulang secara hormatlah.

Dan saya berbincang berborak, walaupun saya lihat misal contohnya, saya tak faham sangat bahasa Arab tapi tertib dia itu masya-Allah, saya tengok dia daripada di Kaherah jumpa di sana, kemudian di sini. Ketertiban dia itu membuatkan kita rasa terpegun. Betul. Mungkin Jengka tak berkesempatan. Saya ingat mungkin satu hari kita pergi misal contohnya, Alhamdulillah. YB Jengka, anak dia belajar dekat Jordan. Kat Universiti Yarmouk ke universiti mana? Al-Bait di Jordan dalam tempoh satu tahun Yang Amat Berhormat Dato' Sri pergi ke Jordan bersama dengan sama saya, kita dua kali kita jumpa. Jumpa dengan pelajar kita untuk kita temu, kerana kita nakkan modal insan yang generasi pewaris ini, memiliki, menimba ilmu bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara di tempat-tempat yang tersohor juga.

Alhamdulillah, sebab itu saya tengok. Kita ada 400 pelajar Pahang yang menuntut di Universiti Al-Azhar. Alhamdulillah, sebenarnya bukanlah saya nak er... tapi saya nak maklumkan sepatutnya saya menggulung ya. Rektor Universiti Al-Azhar itu sendiri telah bersetuju untuk melantik Profesor Madya Karbani, seorang ulama yang tersohor dalam ilmu hadis yang mengajar sekarang ini, menjadi pensyarah di UnIPSAS menjadi penyelaras bagi membolehkan anak-anak pelajar kita belajar di Universiti Al-Azhar ini, diselaraskan. Dan apa yang dizahirkan oleh Rektor Universiti Al-Azhar itu? Dia kata Profesor Madya Doktor Karbani ini adalah seorang yang cukup tawaduk.

Yang Berhormat Dato' LA, Penasihat Undang-Undang bersama dengan saya, dia kata seorang yang cukup tawaduk. Dia duduk situ aje, seorang yang merendah diri tetapi ilmu dia, ilmu hadis antara yang tersohor yang hebat, dia kata. Manafaatkanlah. Sebab itu saya diam aje tengok daripada rakan-rakan seberang sana, bukan... saya asas ini pendidikan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mesej yang nak sampaikan Yang Berhormat? [ketawa]. Mesej yang nak disampaikan setelah Yang Berhormat bercerita...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Mereka ini orang-orang agama belaka. Dia pun ada juga kos, tuntutan sebagai khalifah untuk kita galas bersama. Mewujudkan masyarakat yang tertib, bersopan dan juga mematuhi syariat Islam. Sebab itu saya kata saya kagum saya dengar tetapi itulah maknanya kita orang politik bila bercakap... orang politik ini... ADUN Jengka, dia pengajian di Pakistan. Betul tak? Pakistan saya dengar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia boleh cakap Hindustan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi begitu juga Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang. *Senior* ke *junior* ini? *Junior* daripada Pakistan. Tapi kalau tengok cara ini rakan saya daripada Jengka bercakap, dengan Sahibus Samahah Mufti bercakap, berbeza. Tak... saya er... kita mengikuti. Sebab itu kalau boleh mesej itu sampai. Dia sebenarnya jamuan raya ini, saya di Benta tak pernah guna, saya buat tepi jalan je. Saya jamuan raya saya di Benta, tepi jalan je. Percaya tak? Saya boleh tanya ini ADUN sahabat saya, ADUN Padang Tengku. Saya buat tepi jalan saja kan? Saya tak buat dalam dewan, tepi jalan je, Lailahaillallah.

Yang pentingnya jamuan raya bukan nak buat dalam dewan. Bukan nak buat di hotel, buat tepi jalan je. Tapi bila di tepi jalan, kita panggil-panggil semua tolong kita. Jadi orang bawa khemah buruk, taruh situ khemah-khemah. Sama sama kita raikan, tak jadi masalah. Ini orang putih kata, *this is not a problem, what the heck man*, contohlah kan tapi itu itu orang putih cakap. Sebab apa raakan YB Dato' Sri Speaker daripada Houston, Texas, dia yang cakap. Tapi maksud saya itu *point taken*. Kita tengok, kita jangan meroyan sangat, saya tak nak. Sebenarnya kalau kita nak bahas ini ADUN Jengka, sebab apa Jengka ini memang tempat panas. ADUN Cheka ini dulu asal daripada ADUN Jengka.

Di situ saya duduk situ. Kita boleh bertekak sampai Bentara bawa kita keluar. Kita bukannya... bukanlah... semua anak jantan belaka, ini jantan belaka misal contohnya. Contohnyalah... *so no point*. Maknanya maksud saya itu kita cakap cara elok dan sebenarnya kalau ikut dari segi tertib susunan itu elok. Kalau ada sikit-sikit itu maklum sajalah, kita perbetulkan insya-Allah. Saya dah tengok lama ini perkara-perkara ini. Saya biar... biar diam aje. Saya kata eh apa ini, sebenarnya ialah orang Budu kan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Penggunaan bahasa itu Yang Berhormat kena nampak lebih lembut lagilah. Saya kena tegur, sebab kalau mengikut peraturan bahawa isi-isi ucapannya dalam *Standing*

Order kita bahawa seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Maksudnya bila kita keluarkan perkataan-perkataan yang tidak manis didengar, kita akan memberikan apa ini contoh yang tidak baik. Okey Yang Berhormat, sila sambung, saya bagi lagi.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya pergi kepada *point* seterusnya. Kalau di awal penggal lalu, Dato' Sri Speaker berjaya menganjurkan program pemukiman Wakil-wakil Rakyat bagi menambah pengetahuan Wakil-wakil Rakyat. Terima kasih dan tahniah diucapkan atas keprihatinan Dato' Sri Speaker. Kalau pemukiman yang lalu, banyak ilmu berkaitan protokol dikongsikan, maka untuk akan datang saya mencadangkan agar modul penerangan berkaitan undang-undang dan peraturan Dewan dan Wakil Rakyat itu sendiri sesuai dengan peranan Ahli Dewan Negeri sebagai polisi mereka dengan izin, agar semua Wakil Rakyat dapat benar-benar berperanan untuk membangunkan negeri yang tercinta ini. Akhirnya saya mendoakan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker mendapat haji yang mabrur, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat tak pergi ke?

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Tak pergi lagi, doakanlah saya ke sana nanti.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah, *Whatsapp* jangan lupa. Hantar dekat-dekat sebelum wukuf.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dengan ini Bukit Ibam mohon menyokong Usul Menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita dibekalkan dengan peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat dan juga apa namanya Undang-undang Tubuh Negeri ya, *Laws of the Constitution* of Pahang. Jadi kita boleh bacalah dalam tu memang termaktub segala galanya. Macam doa yang saya baca ini, terdapat dalam ini juga sebenarnya. Sama je doa ini. Doa yang saya baca tiap-tiap pagi itu, terdapat dalam ni. Siapa baca benda itu dia tahulah, siapa tak baca dia tak tahulah. Jadi elok kita baca dan supaya kita menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri yang... ini yang dicadangkan tadi itu insya-Allah, kita akan ambil kira untuk kita adakan kursus selepas ini. Terima kasih YB daripada Bukit Ibam.

Seterusnya saya jemput Wakil daripada Damak. Kita nak tengok, perbandingan dua bahasa.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang dan seterusnya rakan-rakan Yang Berhormat sekalian.

Di kesempatan ini, patik ingin menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah ketika merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri Pahang pada hari Isnin yang lalu. Semoga kepulangan Baginda ke negeri Pahang dan juga saranan-saranan yang telah diberikan akan menjadi panduan dan pedoman untuk kita mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian negeri Pahang Darul Makmur yang kita cintai ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perkhidmatan Tuanku sebagai Pemangku Raja Pahang yang sangat cemerlang. Tuanku dikagumi oleh rakyat jelata, bahkan menzahirkan sikap yang begitu adil kepada rakyat jelata dan begitu juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ini juga terzahir apabila Tuanku turun ke daerah-daerah yang mana Tuanku telah menitahkan supaya semua Yang Berhormat, walaupun daripada pembangkang hadir bersama-sama majlis bersama Tuanku. Kami di barisan pembangkang ini amat menghargai dan berterima kasih atas sikap Tuanku yang sewajarnya kita sama-sama hargai dan menjadikan tauladan untuk kita mengekalkan keamanan dan kesejahteraan keharmonian di Negeri Pahang Darul Makmur ini. Semoga Tuanku terus dekat di hati rakyat jelata sepertimana Paduka Baginda ayahanda Tuanku.

Di kesempatan ini juga, Damak ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang di atas kejayaan yang telah dicapai khususnya dalam meningkatkan hasil negeri dan menyalurkan hasil ini kepada seluruh rakyat jelata di negeri Pahang ini. Tahniah sekali… sekali lagi diucapkan oleh Damak.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di Dewan Yang Mulia ini, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah, ya khususnya kepada Majlis Daerah Jerantut yang dipimpin oleh Yang Hormat Dato' Khairun Nissa binti Aris, atas kejayaan mendapat Anugerah Bandar Paling Bahagia bagi Malaysia pada tahun 2024. Jadi maknanya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita tengok YB bahagia je tengok.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Alhamdulillah, bahagia ada makna ya. Juga telah dinobatkan Majlis Daerah Jerantut sebagai pemenang kereta berhias paling popular undian awam sempena Karnival Rakyat Pahang pada tahun ini. Jadi ini menggambarkan bahawa Jerantut daerah yang subur dengan suasana harmoni, bersatu padu, hormat menghormati walaupun…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Daripada pelbagai kaum.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Jadi, anugerah ini, er… Bandar Bahagia ke Bandar Paling Bahagia?

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Mengikut yang saya rujuk ialah Bandar Paling Bahagia di Malaysia.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

Yang tu nak kena betul sikitlah. Er… Bandar Bahagia ini ada 3. Daerah Jerantut, dan juga Rompin, dan Cameron Highlands, Bandar Paling Bahagia. Yang 2 lagi itu Bandar Bahagia, Jerantut dan Rompin ini Bandar Bahagia.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih ...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Di Temerloh, kita ada Taman Bahagia [ketawa].

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Tapi kita harap

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Di Temerloh, dia memang lain sikit.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Tapi harapan kita bukanlah Hospital Bahagia.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ha ya betul, nak betulkan fakta.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih. Jadi, kita harap suasana bahagia ini terus kekal, walaupun daerah kita adalah daerah yang pelbagai bangsa dan kaum serta agama.

Dato' Sri Speaker,

Berkenaan dengan isu-isu yang berkait dengan masyarakat setempat, sekali lagi Damak ingin membangkitkan isu yang berkaitan dengan air. Walaupun saya rasa semua YB telah membangkitkannya, tapi saya perlu bangkitkan sekali lagi. Bukanlah kita nak merendahkan pihak PAIP atau sebagainya, malah seperti mana yang kita tegaskan, kita sentiasa berganding bahu. Malah, sekiranya ada tugas-tugas yang diselesaikan oleh PAIP, PAIP ini, kita ucapkan jutaan terima kasih pada mereka.

Cuma di dalam DUN Damak ini, ada kawasan-kawasan yang hingga hari ini, maknanya daripada PRU Ke-14 hingga PRU Ke-18, maknanya, saya masih belum berjaya menyelesaikan isu-isu khususnya berkaitan dengan air. Ini yang berkaitan dengan beberapa lokasi kampung yang mana saya perlu sebut ya, supaya dapat diambil diambil perhatian yang serius oleh pihak yang berwajib.

Pertama ialah Kampung Sempadan. Kampung Sempadan ialah sempadan dengan DUN Bentalah, YB EXCO, yang mana di sini ada 115 buah rumah masih tidak menerima bekalan air paip, semenjak sekitar tahun 80an lagi.

Jadi ini adalah suatu yang yang bagi saya amat menyedihkanlah bagi pihak saya sebagai Wakil Rakyat. Kemudian kedua ialah Kampung Berau. Sebanyak 105 buah rumah juga tidak menerima bekalan air paip. Manakala yang ketiga ialah Kampung Perlok. Sebanyak 95 buah rumah menerima nasib yang sama ya. Manakala di Kampung Belukar dan di kawasan Kampung Damak, ada rumah-rumah yang tidak dapat air kerana paip air itu melalui kawasan bukit yang tinggi.

Jadi bukan sahaja di waktu musim perayaan ya, musim cuti sekolah tapi waktu biasa pun mereka tidak dapat menerima air bersih. Jadi kita ini sudah merdeka, ya 66 tahun dan alhamdulillah ya kita disini dapat mengecapi nikmat air bersih. Tapi warga kampung yang saya sebutkan tadi, mereka ini terpaksa menggunakan air bukit dan terpaksa mendaki bukit, meredah hutan untuk membaiki empangan kecil yang dibuat secara gotong-royong ya, bagi mendapatkan air bukit, dan saya sendiri menyelami keadaan mereka ni dan saya naik bukit bersama-sama mereka. Alhamdulillah, walaupun keadaan saya yang macam ini, tapi saya lepas jugak ke bukit-bukit tinggi ini demi untuk memastikan rakyat dan apa nama… masyarakat di kampung kita ini mendapat pembelaan sesuai dengan hasrat Kerajaan Negeri supaya kita bekerja sebaik mungkin untuk kebaikan rakyat kita.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu kemalangan maut yang berlaku di… khususnya di selekoh Kampung Lata Kasah. Lokasi tersebut terletak di Kilometer 8, Jalan Jerantut - Benta dan kawasan ini kerap kali berlaku kemalangan sehinggakan pada 1 Mac tahun lalu, dua beradik maut dalam kemalangan membabitkan tiga kenderaan di kawasan ini. Jadi, saya menerima aduan bahawa jalan ini memang seringkali digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan ada ketikanya dipandu dalam keadaan yang berbahaya. Selekoh yang tajam juga mengundang bahaya, bahkan tiada papan tanda ‘AWAS’ yang menyebabkan pemandu-pemandu ini kadang-kadang mereka terbabas dan berlakulah kemalangan maut dan di kawasan ini juga seringkali lori-lori besar, lori bijih dan lori sawit yang adakalanya membawa muatan lebih dan dipandu dengan laju dan merbahaya.

Seterusnya yang ketiga saya ingin mengenengahkan lagi, sekali lagi isu yang berkaitan dengan Jambatan Sekolah Kebangsaan Damak. Jambatan sepanjang kira-kira 20 meter dan lebar 2 meter ini ditutup kerana er… kesan hakisan akibat berlaku er… banjir pada Disember 2021. Namun demikian, tahun demi tahun sampai ke hari ini, jambatan ini belum dibaiki lagi ya, walaupun kita sudah membangkitkannya di er… di Pihak, Pihak Berkuasa Tempatan, namun alasan yang diberikan ialah masih lagi

dalam, er… dalam Jawatankuasa Teknikal, tapi maknanya terlalu lama semenjak 2021 sampai 2024 masih lagi belum siap.

Dan er… perkara ini patut dipandang serius kerana hampir 400 orang warga sekolah ini menunggu jambatan baru dan mereka terpaksa menggunakan jalan yang jauh, memusing jauh dan jalan yang… yang alternatif yang jauh itu pun kadang-kadang terdedah kepada air naik waktu tengkujuh. Kemudian berkaitan dengan infrastruktur ini juga, saya baru mendapat mesej ya, daripada orang asal dari Kampung Berjuang iaitu Encik Man bin Landik. Beliau memesejnya pada saya dia kata, "YB bila jalan kampung kas ini nak siap? Kerana dah berlubang-lubang berzaman-zaman dan semakin hari makin teruk". Jadi saya harap pihak berkuasa tempatan mengambil perhatianlah. Jalan ke Kampung Sungai berjuang ia supaya dinaik taraf bagi memberi kemudahan kepada warga kampung.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang pelancongan… Industri Pelancongan Muslim. Perkara yang ingin saya sentuh ini sebenarnya sesuai dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang menyasarkan 3.2 juta ketibaan pelancong Muslim ke negara ini sepanjang tahun ini, berbanding 2.1 juta pada tahun lepas. Jadi Jerantut bagi saya adalah satu daerah yang strategik untuk menggamit pelancong Muslim dan bukan Islam serta mengenengahkan produk-produk yang Islamik.

Jadi, kedudukan Jerantut ini sangat strategik kerana di situ ada KTMB yang menghubungkan negeri-negeri di daerah Semenanjung dan sekarang ini ada keretapi DMU, yang mana menggamit pelancong-pelancong yang hadir khususnya untuk pergi ke Taman Negara. Jadi, stesen KTMB ini boleh dinaik taraf agar menjadi destinasi pelancongan dan Jerantut ini juga ada Hotel Darul Makmur ya, milik Majlis Ugama Islam. Hotel Firdaus juga milik orang kampung saya depan rumah betul. Haji Yusof ini memiliki Hotel Firdaus dan rumah-rumah Inap Desa yang boleh kita ketengahkan sebagai produk pelancongan.

Hotel Darul Makmur pula di Jerantut adalah tempat penginapan yang selesa kepada pelancong menawarkan makanan yang juga cukup enak, dan Paduka Baginda Tengku Hassanal pun seringkali tidur di hotel ini. Jadi, kedudukannya cukup strategik berhampiran dengan Masjid Tengku Ahmad Jerantut, berhampiran dengan Galeri Aza dan juga berhampiran dengan Dataran Asam Rong. Jadi, ini adalah satu tempat yang menarik untuk diketengahkan.

Daerah Jerantut ini juga boleh dijadikan pusat pelancongan Islamik ataupun pusat pelancongan spiritual kerana di Jerantut ini ada lebih kurang 15 Madrasah dan Tahfiz yang dipimpin oleh maulana-maulana yang terkenal di negeri Pahang ini. Contohnya, Maulana Johari, Maulana Helmi, Maulana Adli, Maulana Sharkar je tak de di sana.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada...

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi, bukan sahaja boleh hadir ke tempat ini, malah kita boleh ketengahkan, kita boleh…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita ada Maulana Zuridan tu okeylah.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Saya bukan Maulana ya, Mau lena.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mau lena.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi pelancong-pelancong bukan saja boleh mengikuti program-program yang diadakan, malah di sana ada program Memanah, Berkuda, Mendengar Alunan Qasidah dan boleh belajar al-Quran. Bukan sahaja bagi, bagi pelancong Muslim, malah yang bukan Islam, ia boleh melihat er... keindahan madrasah-madrasah ini. Saya juga mengesyorkan hotel-hotel yang dimiliki oleh bukan Islam di Jerantut ini, supaya memohon Persijilan Halal daripada JAKIM. Ia kerana apa? Ini boleh menggamit pelancong-pelancong Muslim supaya sama-sama er… tinggal di hotel-hotel ini.

Dan saya juga menyarankan agar Pejabat Agama Islam Daerah dan juga Pejabat Agama Islam negerilah supaya er... menjadikan satu… kita kata usaha menarik pelancong-pelancong bukan Islam ini, supaya mereka ini dapat di didedahkan dengan keindahan Islam dengan menyediakan pamplet dalam pelbagai bahasa, menyediakan juru-juru bahasa dan juga menaik taraf masjid ye supaya masjid ini mesra bukan sahaja kepada ahli jemaah untuk sembahyang, tetapi untuk orang bukan Islam dan pelancong-pelancong supaya mereka boleh datang dan tengok aktiviti orang Islam solat.

Saya pernah tengok juga di negara-negara Eropah seperti di Jerman, di mana di Brazil yang mereka ini membuat hari terbuka masjid. Jadi kita ini kadang-kadang orang bukan Islam ni masuk dia tengok daripada jauh tapi diadakan satu tempat khusus. Duduk di atas kerusi tengok orang Islam solat. Jadi supaya apa? Supaya ini boleh menghilangkan kekeliruan ia terhadap Islam dan memberikan imej yang baik kepada mereka.

Jadi akhir sekali, dalam ucapan saya ini, saya ingin juga, juga menyatakan ucapan terima kasih kepada Paduka Baginda Sultan yang telah menyentuh tentang perlunya program-program dakwah dikembangkan dan juga saya ucap, mengucapkan tahniah kepada Pejabat Mufti, Pejabat Agama Islam, Majlis Ugama Islam yang begitu aktif di dalam menyebarkan agama Islam ini, dan bukan itu saja, saya berharap agar er… pihak berkuasa agama memantau dan juga er... apa kita kata menghalang perkembangan er... fahaman-fahaman yang boleh menggugat kesucian akidah Islam yang berpaksikan akidah Ahli Sunnah WalJamaah. Ia seperti munculnya fahaman-fahaman Liberal, Sisters in Islam, Pertubuhan Melayu Murtad, Suruhanjaya antara agama dan sebagainya.

Jadi Alhamdulillah buat masa ini keadaan ini adalah terkawal di negeri Pahang dan saya harap pihak berkuasa agama meneruskan program- program dakwah kepada masyarakat kita. Semoga keprihatinan Kebawah Duli Baginda Tuanku Al-Sultan terhadap perkembangan dakwah ini dan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri Pahang dalam menyuburkan pendidikan Islam dapat meninggikan lagi syiar Islam yang menjadi rahmat kepada seluruh alam insya-Allah. Jadi, saya rasa itu sahaja ucapan saya pada petang ini. Saya harap ucapan saya ini, biasalah saya tak panas sangat. Tapi kerana apa? Kerana di hujung ni biasa nampak macam dah layu dah belaka.

Jadi akhir sekali, saya ingin menyampaikan satu pantun kepada Dato' Sri Speaker lah. Kalau nak jawab, jawablah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada pantun takpe saya akan jawab.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dari Tanah Putih ke Kampung Lecar,
Tahu Kampung Lecar di mana?
Singgah istirehat di Kampung Kemasul,
Tahu Kemasul di mana Dato' Sri?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat saya ini orang Pahang.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih Dato' Sri Speaker,
Semoga mendapat Haji Mabrur.

Sekian, Damak mohon menyokong. Assalamualikum warahmatullah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya kita jemput wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam Sejahtera selamat petang. Er... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Menteri Besar. Barisan er... Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Pertama sekali, saya ingin menjunjung kasih atas pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah yang telah menyempurnakan penggal baginda sebagai Ketua Negara Malaysia pada Januari lepas dan telah kembali menerajui pemerintahan negeri Pahang yang kita cintai.

Saya juga ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berperanan sebagai Pemangku Raja Pahang, ketika

baginda Sultan menggalas amanah sebagai Ketua Negara selama lima tahun yang lepas.

Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

Saya menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Sidang Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-15 pada Isnin lalu.

Tuanku baginda telah memperakui prestasi ekonomi dan pembangunan negeri yang begitu memberangsangkan yang dapat dilihat melalui Belanjawan Negeri Pahang 2024 bertemakan Pahang Prihatin Rakyat Makmur. Sebanyak 211 projek pembangunan negeri dan pembekalan air telah dilaksanakan kerajaan bagi tahun 2023. Manakala bagi tahun 2024 sebanyak 249 projek infrastruktur serta projek-projek bekalan air di seluruh negeri Pahang dengan objektif meningkatkan lagi kemudahan asas, keselesaan dan taraf hidup rakyat di dalam perancangan dan pelaksanaan.

Pengiktirafan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, terhadap kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dalam melaksanakan usaha menjaga hasil bumi negeri amat signifikan di mana ianya berjaya mengatasi ketirisan hasil negeri yang berpunca daripada kecurian hasil bumi dan pencerobohan tanah kerajaan di samping memastikan kelestarian sumber alam negeri Pahang.

Keprihatinan Tuanku baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat baginda terserlah dengan titah baginda agar usaha pengurangan kemiskinan tegar di negeri Pahang diteruskan serta dirancang sebaik-baiknya bagi meningkatkan kualiti hidup golongan yang memerlukan dan tiada kelompok masyarakat yang terpinggir dari arus pemodenan dan pembangunan. Baginda merestui segala usaha Kerajaan Negeri di dalam memberi pelbagai bentuk bantuan, sumbangan dan inisiatif secara berterusan serta projek-projek pembangunan yang secara langsung membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan ekonomi rakyat.

Baginda Sultan telah turut menzahirkan kebanggaan terhadap pelaksanaan 20 jenis inisiatif di bawah Bantuan Prihatin Pahang serta pelaksanaan Program Rumah Rakyat Pahang serta Projek Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru' RASA) yang memberi fokus kepada pemilikan rumah untuk golongan B40 di negeri Pahang. Seperti yang saya utara... utarakan dalam sidang dewan yang lepas, harap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan peningkatan bilangan Rumah Rakyat Pahang pada tahun-tahun yang mendatang berdasarkan prestasi ekonomi negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua.

Setinggi-tinggi syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas kejayaan terus mentransformasikan negeri kita sebagai negeri yang berdaya maju dengan pelbagai inisiatif ekonomi dan peningkatan pelaburan asing. Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang di dalam titah Baginda telah menzahirkan ucapan tahniah kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang yang berjaya meningkatkan prestasi kutipan hasil melebihi RM1 bilion, 2 tahun berturut- turut.

Saya turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Pentadbir Daerah yang mengambil langkah proaktif untuk mengecapi kejayaan yang kita rasai pada hari ini. Peningkatan hasil negeri ini dikembalikan kepada rakyat dan kesejahteraan rakyat

sentiasa diutamakan melalui inisiatif dan insentif berfokuskan rakyat seperti Skim Rumah Rakyat Pahang, Bantuan Prihatin Pahang yang merangkumi pelbagai bantuan persekolahan, bantuan kepada siswa *Pride Student*, Program Anak Kebanggaan Pahang, Kad Perubatan Warga Emas, Bantuan Keusahawanan dan pelbagai bantuan kluster bersasar dan banyak lagi.

Dato' Sri Yang di-Pertua.

Ucapan saya pada hari ini turut memberi fokus kepada beberapa isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan DUN Sabai. Yang pertama, yang pernah saya bangkitkan di Dewan Yang Mulia ini ketika sidang yang pertama dulu. Tak lain tak bukan, berhubung dengan permohonan untuk sebuah Dewan Serbaguna di DUN Sabai. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong telah pun membantu mengenal pasti tapak tanah yang sesuai bagi pembinaan dewan yang dicadangkan. Isunya, tapak yang dicadangkan ini di bawah pemilikan JKR dan pihak JKR Bentong telah majukan surat permohonan pelepasan tapak tersebut kepada pihak JKR Negeri. Mohon pihak JKR Negeri untuk bertindak segera untuk kita teruskan usaha pembinaan dewan ini.

Yang kedua, berhubung dengan cadangan Projek Pertanian Tanah Kelompok. Saya ingin memohon pertimbangan Kerajaan Negeri agar Rancangan Tanah Kelompok baru dikaji di kawasan DUN Sabai bagi Pembangunan Projek-projek Pertanian Mikro… Makro seperti Tanaman Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Saya rasa suatu ketika dulu ketika Dato' Sri Speaker menguasai DUN Lanchang dulu, memang ada kawasan yang Pengeluaran Tanaman Kekal ini di kawasan Lanchang.

Saya harap er... sistem ataupun projek yang dijalankan di DUN Lanchang itu dapat dikembangkan ke daerah-daerah lain. Projek-projek Tanah Pertanian mampu menjana produksi hasil tani bagi memenuhi keperluan dan permintaan pasaran domestik dan eksport. Terdapat ramai usahawan tani dengan pengalaman dan idea pertanian moden dan tawaran tanah pertanian sedemikian dapat memacu pertumbuhan ekonomi mereka dan juga kawasan DN Sabai.

Yang ketiga projek mampu milik, saya ada kemukakan soalan ini dalam soalan lisan saya, yang mana telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Exco yang berkaitan. Walau bagaimanapun, kebanyakan projek swasta di kawasan Sabai menawarkan rumah kos sederhana dan tinggi di mana ianya di luar kemampuan rakyat kategori B40. Warga kampung, pekerja estet, pekerja kilang, golongan sedemikian memang kurang mampu, malah permohonan untuk mendapatkan pembiayaan melalui bank memang ditolak. Saya mencadangkan, suatu ketika dulu ada syarikat-syarikat gergasi yang menguasai sektor perladangan er… dilibatkan dengan pembinaan rumah untuk golongan yang bekerja di estet. Di DUN Sabai saja ada IOI. Syarikat IOI telah menyediakan perumahan mampu milik kepada pekerja dia.

Saya rasa syarikat-syarikat lain yang ada dalam sektor perladangan di negeri Pahang ini Sime Darby, IOI atau Harrisons Crosfield yang syarikat-syarikat gergasi yang ternama boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak dan seterusnya membina rumah mampu milik kepada pekerja-pekerja di kawasan tersebut. Dengan ini, kita dapat juga mengelakkan penghijrahan pekerja estet daripada kawasan tersebut ke kawasan bandar dan seterusnya mereka ini menyewa di… er...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mohon mencelah Dato' Sri. Saya mengambil maklum cadangan daripada Sabai, satu cadangan yang amat baik untuk kita menyediakan er… peluang-peluang perumahan dan saya akan memanjangkan ini kepada LPHP supaya dapat bekerjasama dengan GLC-GLC yang berkaitan, terima kasih. Terima kasih Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Kita boleh ajak ni... syarikat-syarikat yang menguasai sektor perladangan ini untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan mereka boleh menyediakan perumahan mampu milik yang boleh dibeli oleh pekerja-pekerja estet kepada warga tempatan. Kebanyakan yang ada di dalam estet sekarang... sekarang ini adalah pekerja asing, Tetapi masih juga ada warga tempatan yang bekerja di estet yang mana boleh er… kita dapat kurangkan permintaan daripada golongan tersebut dan tidak bergantung 100% kepada rumah mampu milik yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya minta laluan sikit... Cheka... Sabai, minta laluan. Pertama saya ucap terima kasih atas pandangan. Saya menyedari bahawa sebahagian besar pekerja estet ini bila usia dia meningkat tua, mereka terpaksa keluar daripada ladang. Dalam keadaan begitu, dia tidak dapat pampasan perumahan dan sebagainya. Saya bukan saja nak minta pekerja supaya estet berkenaan sediakan rumah, bahkan sepatutnya dia bagi sediakan rumah percuma. Mereka dah berkhidmat 30 tahun di ladang tersebut, 40 tahun ladang tersebut dan dengan kekayaan yang diperoleh oleh ladang, sepatutnya ladang menyediakan perumahan bagi kakitangan yang telah lama menyumbang bakti kepada lading. Ini pandangan saya. Terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih Cheka. Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sambil menggalas tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat DUN Sabai, saya juga memikul amanah sebagai suara tunggal kaum India di Dewan Negeri Pahang. Walaupun masyarakat India tak bilangannya agak tak ramai di negeri Pahang, namun kebajikan dan kesejahteraan kaum India tetap disantuni oleh kerajaan inklusif Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja].

Pelbagai bantuan pendidikan, bantuan kepada sekolah Tamil, bantuan kepada rumah ibadat selain Islam termasuk kuil, bantuan keusahawanan, kebajikan dan banyak lagi yang disalurkan kepada masyarakat India. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa isu yang telah dimajukan kepada saya oleh masyarakat India di luar sana untuk disuarakan dalam Dewan Yang Mulia ini. Yang pertama ini ialah isu yang hangat diperkatakan sejak lama juga berkaitan pembinaan dan pembangunan SJK(T) Ladang Jeram di Kuantan. Isu pembinaan bangunan baru Sekolah Tamil Ladang Jeram telah berlarutan selama beberapa tahun.

Walaupun tapak tanah dan dana pembinaan telah diluluskan zaman pentadbiran mantan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak lagi, projek berkenaan telah terbengkalai. Masalahnya bukan isu terbengkalai ini, terdapat beberapa bilik darjah di sekolah ini yang beroperasi dalam kontena sehingga masyarakat di luar sana

melabelkan sekolah ini sebagai sekolah kontena. Zaman moden ini, kalau ada sekolah dalam kontena, saya rasa saya tak tahulah ada tempat lain yang… sekolah yang beroperasi dalam kontena ini. Kita perlu mencari jalan penyelesaian terhadap isu ini. Lama berlarutan, isu ini sering dipolitikkan dan dijadikan isu untuk menyerang Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri oleh beberapa pihak. Maka saya mohon tindakan Kerajaan Negeri dan juga Pusat agar segera menangani isu ini mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan bangunan baharu sekolah dapat dilaksanakan.

Yang kedua, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang banyak membantu masyarakat India. Tapi ada cadangan baru, kalau dapat er… saya mengutarakan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar mempertimbangkan Bantuan Prihatin sempena perayaan Deepavali. Bantuan prihatin yang dicadangkan sesungguhnya dapat menyantuni keperluan masyarakat India golongan B40 membawa sinar kegembiraan ketika musim perayaan.

Yang ketiga, peluang kerja kontrak bagi kontraktor kaum India. Kontraktor-kontraktor kaum India datang jumpa dengan saya mengadu mereka sukar untuk mendapat kontrak dalam er… PBT dalam er… agensi-agensi yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan konsesi di negeri Pahang. Saya mohon er… jasa baik Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberi kebenaran kelulusan agar kontraktor India dapat bernafas dan dapat bekerja menjalankan kerja-kerja yang ditawarkan di PBT ataupun oleh syarikat-syarikat yang memegang konsesi di negeri Pahang.

Dan yang terakhir projek tebatan banjir di Kuil Maran juga telah saya bangkitkan pada dewan… Sidang Dewan yang lalu, turut mendapat sokongan daripada Kuala Sentul tetapi masih belum ada titik noktah terhadap isu yang dibangkitkan. Setiap tahun ketika musim tengkujuh kawasan Kuil Maran dan persekitarannya ditenggelami air banjir beberapa kali. Pihak kuil terpaksa membelanjakan ratusan ribu ringgit bagi kerja-kerja membaik pulih dan pembersihan pasca banjir. Maka sekali lagi saya mohon tindakan Kerajaan Negeri bagi meminimumkan impak banjir dengan perlaksanaan projek tebatan banjir di kawasan berkenaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Akhir sekali, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas segala usaha memacu pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang dan rakyatnya, Maju Terus Pahang. Sekian terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong Titah Diraja. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Sabai. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tahan.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Bismilllahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

Yang dihormati YB Speaker, yang saya muliakan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli MMK, rakan-rakan Ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan juga kepada pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Speaker kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah pada hari Isnin yang lalu ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sesungguhnya Titah Baginda menzahirkan kecaknaan baginda terhadap perjalanan tadbir urus Kerajaan Negeri bagi memastikan manfaat dan faedah terus dinikmati oleh seluruh rakyat negeri ini.

YB Speaker,

Izinkan saya memulakan ucapan saya pada kali ini dengan menyebut sabda Rasulullah SAW sebagai panduan dan peringatan untuk kita bersama. Sabda Rasulullah SAW [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Maksudnya "apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang Raja atau pemimpin itu, nescaya dijadikan baginya pembantu yang benar dan ikhlas. Jika pemimpin itu lupa atau leka, nescaya diberikan peringatan. Jika pemimpin itu… nescaya… jika pemimpin itu mengingati, nescaya akan diberikan pertolongan kepadanya. Sebaliknya, jika Allah menghendaki selain daripadanya iaitu keburukan kepada pemimpin itu nescaya dijadikan baginya pembantu yang jahat. Jika pemimpin itu lupa dan lalai, nescaya tidak diberikan peringatan. Dan jika dia mengingati, nescaya tidak akan diberikan pertolongan kepadanya". Hadis riwayat Abu Daud.

Insya-Allah, keberadaan saya dan rakan-rakan ADUN Bukan Kerajaan di dalam Dewan Yang Mulia ini adalah sebagai penyemak dan pengimbang. Apa yang baik akan kita sokong dan dukungi bersama. Apa yang kurang baik akan kita sama-sama perbaiki dan perelokkan. Antaranya melalui sesi perbahasan seumpama ini demi negeri dan rakyat yang kita sama-sama sayangi dan kasihi.

YB Speaker,

Dalam kesempatan ini, ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dan kemukakan bagi mendapat penjelasan dan perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri. Yang pertama, pada 1 April 2024 baru-baru ini, ada satu artikel atau laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysiakini* di dalam *News Lab Malaysiakini.com.* Laporan ini hasil kerjasama dengan *Pulitzer Centre Rainforest Investigation Network* di bawah tajuk "Ada Balak Di Balik Sawit". Laporan ini merujuk kepada ladang sawit PKNP di Kampung Bukit Mat Daling, Ulu Tembeling dalam DUN Tahan yang berkeluasan 8,093 hektar. Ada beberapa dakwaan yang disebut di dalam laporan ini terhadap projek yang telah bermula sejak tahun 2014.

Antaranya, yang pertama memberi ancaman kepada habitat banyak haiwan yang berada di ambang kepupusan. Yang kedua, penebangan hutan dilakukan dengan tidak teratur. Ketiga, Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) itu menyatakan pendekatan berperingkat dalam membersihkan hutan bertujuan mengurangkan kerosakan alam sekitar. Namun, imej satelit menunjukkan pembalakan dilakukan pada tompokan yang terpecah-pecah di banyak tempat. Seterusnya hasil tuaian cukup mengecewakan, separuh di ladang PKNP kira-kira 4,046 hektar sedang… sedang beroperasi dan dari situ ladang itu hanya mengeluarkan 29 tan buah segar setahun… tandan buah segar setahun. Laporan ini juga mendakwa pemilik ladang tidak

melaksanakan dengan betul cadangan EIA yang mengakibatkan pengeluaran tanaman yang rendah akibat pencerobohan gajah liar.

Bagi saya, laporan dan paparan ini sangat negatif dan memberikan kesan yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri Pahang yang kita cintai. Soalan saya, adakah apa yang disebut di dalam laporan ini benar ataupun tidak. Jika tidak, pihak kerajaan perlu membuat penjelasan secara tuntas dan menjawab secara berfakta segala dakwaan yang dibuat oleh *Malaysiakini*. Saya mohon pihak kerajaan membuat tindakan bersifat praktikal di dalam memastikan syarikat atau GLC yang dilantik ini akan membawa keuntungan kepada Kerajaan Negeri dan memberi limpahan ekonomi kepada rakyat yang berada di sekitarnya.

Yang kedua, saya sekali lagi inginkan penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan projek pembinaan jalan perhubungan di dalam kampung di Hulu Tembeling yang melibatkan Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Bukit Mat Daling dan juga Kampung Gusai. Rakyat di bawah sering bertanya kepada saya tentang kelangsungan projek ini kerana mereka melihat tiada gerak kerja dan er… perkembangan yang sepatutnya berlaku di lapangan. Lebih-lebih lagi jangka masa projek ini sepatutnya siap pada Ogos 2025. Justeru, saya ingin bertanya apakah status terkini projek ini? Apakah ia menyebabkan projek ini dilihat seolah-olah tergendala? Adakah apa yang sedang berlaku ketika ini ada kaitan dengan er… kelemahan pihak kontraktor yang telah dilantik atau sebaliknya?

Yang ketiga. Ketika ini, kerja-kerja membaik pulih dan membina cerun di sepanjang laluan daripada Kuala Tahan ke Kampung Bantal sedang giat dilaksanakan. Namun, apa yang saya nak fokuskan di sini ialah berkaitan dengan jalan-jalan yang berlubang di sepanjang laluan ini. Terutama sekali di beberapa lokasi antaranya selepas ladang Yayasan Pahang iaitu sebelum sampai ke simpang masuk Kampung Kuala Sat.

Lubang atau kerosakan yang ada di tengah jalan itu terlalu banyak sehingga tiada ruang untuk kita mengelak. Keadaan ini menyebabkan timbul rasa tidak selesa di kalangan penduduk setempat dan membahayakan mereka di samping membahayakan juga kepada pengguna-pengguna luar, di kalangan pelancong yang ingin melakukan aktiviti di Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Bukit Emak dan juga Kampung Gusai. Telah ada sebelum ini kejadian penunggang motosikal yang jatuh dan cedera. Telah ada kejadian tayar kereta yang pecah dan juga tangki air kereta yang pecah berpunca daripada kerosakan jalan ini.

Justeru, saya mengharapkan agar pihak yang berwajib atau pihak yang melaksanakan projek khas baik pulih cerun di sepanjang laluan ini dapat membantu dan berbuat sesuatu agar lubang-lubang yang merintangi laluan ini dapat ditampal dengan sebaiknya demi menjamin keselamatan dan juga keselesaan pengguna.

YB Speaker,

Perkara yang keempat yang saya nak sebut. Umum mengetahui bahawa projek perumahan generasi baharu FELDA, PGBF di FELDA Padang Piol sebanyak 26 unit telah dilaksanakan pada tahun 2013. Pembinaan projek ini telah dilakukan di atas padang awam FELDA Padang Piol. Maka bagi memastikan penduduk FELDA Padang Piol terus mempunyai padang awam bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti riadah dan lain-lain, satu padang awam baru telah diluluskan pembinaannya pada hujung pada hujung tahun 2014 dengan kos lebih kurang RM170,000.00.

Namun projek ini gagal kerana padang yang dibina tidak boleh digunakan. Bahkan wujudnya lopak-lopak air di dalam kawasan padang tersebut. Saya difahamkan pihak FELDA telah meluluskan satu lagi peruntukan untuk membaik pulih padang ini pada Julai 2023 tahun lalu dengan nilai kerja lebih kurang RM150 ribu. Saya juga difahamkan bahawa kerja baik pulih ini sepatutnya telah siap pada penghujung tahun 2023. Namun sehingga saat ini kerja-kerja baik pulih ini belum disiapkan. Bahkan saya juga difahamkan beberapa kali surat teguran dan amaran telah dikeluarkan oleh pihak FIC sebagai pegawai penguasa projek ini kepada kontraktor yang terbabit. Justeru, saya mengharapkan satu tindakan dan er… penyelesaian pantas mesti dibuat agar projek ini segera disiapkan dan tiada lagi dana awam dikeluarkan terhadap projek yang sama.

Yang kelima, saya seperti rakan-rakan ADUN yang lain sama ada di blok kerajaan mahupun bukan kerajaan. Ingin juga menyentuh berkenaan dengan masalah bekalan air. Saya sangat menghargai usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui PAIP bagi menyelesaikan perkara ini. Ambang Syawal baru-baru ini menyaksikan 5 hari sebelum menjelangnya Aidilfitri berlaku masalah masalah terputus bekalan air yang melibatkan penduduk Kampung Sungai Putat, Kampung Gajah Mati, Kampung Tanjung Betung, Kampung Batu Embun Seberang dan FELDA Padang Piol.

Kejadian ini berpunca daripada kerosakan yang berlaku di Loji Rawatan Air Padang Piol. Menurut penduduk, kejadian kali ini dikira yang paling buruk dalam sejarah. Namun, saya sangat-sangat menghargai dan berterima kasih kepada pihak PAIP Jerantut bermula dari pengurusnya dan seluruh warga kerjanya yang bertungkus lumus siang dan malam bagi melakukan kerja baik pulih.

Bayangkanlah, kerja-kerja baik pulih dibuat bermula jam 5 petang dan berakhir pada jam 5 pagi. Selepas 5 minit pam dihidupkan, kerosakan lain pula berlaku, yang menyebabkan bekalan air masih tidak dapat disalurkan kepada pengguna. Netizen semestinya akan mempersoalkan, kenapa setiap kali musim perayaan akan berlakunya masalah terputus bekalan air dan berlakunya kerosakan di LRA.

Bagi kita dan pihak PAIP sendiri khususnya, sudah semestinya perkara seperti ini tidak diingini berlaku. Jika ianya berlaku, banyak pihak akan terkesan terutamanya pengguna dan warga kerja PAIP yang er… terpaksa bekerja lebih masa dan mengorbankan waktu cuti dan waktu bersama keluarga. Namun, ada juga yang mengalami masalah terputus bekalan air tanpa mengira musim seperti Kampung Kuala Retang dan sebahagian daripada Kuala Tembeling.

Oleh kerana masalah terputus bekalan air ini sering berlaku pada setiap kali musim perayaan dan sememangnya telah boleh dijangka, saya mengharapkan agar pihak PAIP mempertingkatkan lagi kesiapsiagaan mereka dalam mendepani masalah ini seperti menambah aset-aset yang sedia ada seperti tangki statik dan juga lori tangki air agar kerja-kerja membekalkan air kepada penduduk yang terkesan dapat dilakukan dengan lebih teratur dan kerap.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah Speaker.

Saya tertarik dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tahan tadi supaya ada langkah yang perlu diambil. Saya teringat di kawasan saya pun sama, Yang Berhormat Speaker. Ada tangki yang dah siap lama. Ada 4 tangki besar, tangki perkhidmatan *service* punya *tanks* tapi tak berfungsi. Yang saya rasa pembinaannya

adalah untuk tujuan kalau sekiranya berlaku terputus bekalan, supply akan diambil daripada tangki yang besar ini, reserve yang besar ini. Tapi tidak berlaku perkara tersebut kerana tidak digunakan, tidak berfungsi. Ada sekurang-kurangnya 4 kalau tak silap saya 4 tangki yang dah lama bina usang dan tidak berguna. Maka ini boleh menjadi salah satu daripada cadangan yang boleh digunakan di Tahan. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tahan, minta laluan sikit. Saya meneliti isu yang berlaku di FELDA yang dibangkitkan di Tahan Dato' er… Speaker. Isunya ialah loji yang dibina pada awalnya bukan untuk FELDA, untuk menampung keperluan kampung tradisi. Tapi bila pembinaan FELDA dibuat, Padang Piol, Sungai Retang, LRA yang sama terpaksa tampung di dua tiga FELDA lain. Ini membuatkan kapasitinya tidak mampu. Jadi penyelesaiannya yang telah dibuat di peringkat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ialah membina loji baru bagi menampung keperluan tersebut.

Saya setuju apa dibangkitkan sementara waktu kita boleh sediakan lori pengangkutan tapi ni bukan penyelesaian jangka panjang dan saya setuju apa dibangkitkan bahawa untuk menyelesaikan secara jangka panjang secara tuntas, sebuah LRA baru mesti dibina bagi menampung keperluan penambahan perumahan, FELDA dan sebagainya tidak lagi boleh ditampung oleh loji yang sedia ada. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih kepada rakan daripada Beserah dan juga Cheka. YB Speaker, saya terus kepada *point* terakhir saya pada kali ini. Pada sidang yang lalu, saya ada berkongsi di dalam Dewan ini, rasa kebimbangan penduduk Kampung Batu Balak, Mukim Kuala Tembeling terhadap cadangan pembalakan berhampiran kawasan er… empangan kecil atau tandak air yang mereka bina sejak 23 tahun yang lalu dan masih digunakan sebagai sumber air utama penduduk kampung sehingga hari ini. Masalah bekalan air terputus akibat gangguan gajah liar kerap berlaku.

Sebagai contoh, pada bulan Ramadan yang lalu, hampir setiap minggu bekalan air terputus akibat gangguan gajah liar yang memijak dan mencabut *poly pipe* yang menyalurkan bekalan air kepada penduduk kampung. Lebih daripada 4 jam masa yang diperlukan untuk membuat baik pulih apabila bekalan air terputus bermula daripada perjalanan ke lokasi yang mengambil masa perjalanan hampir 2 jam pergi dan 2 jam untuk balik, belum dicampur lagi dengan masa untuk menjejaki paip yang rosak dan dicabut serta kerja-kerja baik pulih.

Pada 14 Februari 2024 yang lalu, satu sesi konsultasi telah dianjurkan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Jerantut bersama penduduk Kampung Batu Balak, pelesen, beberapa lagi entiti dan saya turut bersama. Menyedari bahawa pembalakan di kawasan ini akan tetap berlaku dan kesannya kepada sumber air penduduk akan lebih meruncing serta gangguan gajah liar akan lebih hebat dan dahsyat, maka pihak penduduk kampung meminta agar proses penyaluran bekalan air bersih ke kampung mereka mesti menjadi keutamaan dan disegerakan oleh pihak kerajaan.

Sebelum projek bekalan air bersih itu terlaksana, sebagai penyelesaian jangka pendek dan sebelum kerja-kerja pembalakan ini dimulakan, maka saya dengan rasa rendah

diri bagi mewakili penduduk kampung ingin memohon kepada pihak Kerajaan Negeri agar menyediakan satu peruntukan khas bagi membina telaga tiub bagi manfaat 40 buah rumah dengan bilangan isi rumah hampir 100 orang. Mudah-mudahan perhatian dan jasa baik Kerajaan Negeri terhadap penduduk kampung ini akan diganjari oleh Allah Ta'ala dengan gandaan hasil mahsul Kerajaan Negeri secara berterusan, insya-Allah. Amin Ya Rabbal Alamin.

YB Speaker,

Untuk akhirnya, terima kasih saya ucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri di atas segala pelaksanaan projek kecil dan besar di dalam kawasan DUN Tahan yang saya wakili. Terima kasih juga kepada semua agensi dan jabatan di peringkat negeri dan daerah atas segala kerjasama yang dihulurkan demi kepentingan dan juga kebaikan rakyat. Marilah kita berdoa agar Allah Ta'ala memberkati kehidupan kita semua serta dipermudahkan segala urusan kita dalam melaksanakan amanah Allah dan juga kepercayaan rakyat. Dengan ini Tahan menyokong Usul Titah Diraja. Sekian, Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tahan. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan. Salam Sejahtera, salam perpaduan. Saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Pertama sekali, izinkan saya membincangkan di Dewan yang mulia ini, penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian. Saya menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda bahawa galakan dan dorongan perlu diberi kepada golongan muda ataupun *agropreneur* untuk melibatkan diri dan menceburi bidang pertanian demi merancakkan pembangunan pertanian mampan dan lestari. Malahan negeri Pahang yang terkenal dengan sektor pertanian merupakan antara negeri yang paling strategik untuk menarik penglibatan anak muda untuk mempertingkat sektor pertanian menuju ke arah sektor pertanian yang pintar dan revolusi pertanian 4.0.

Di kawasan Cameron Highlands sebagai contoh, kebanyakan petani kecil telah pun bercucuk tanam selama berpuluh-puluh tahun dan kini sudah tiba masanya di mana semakin ramai petani yang kian berusia tinggi, perlu membuat pilihan yang penting dalam kehidupan mereka iaitu sama ada menyerahkan kepada generasi kedua anak mereka untuk terus bercucuk tanam atau terpaksa berhenti bercucuk tanam.

Yang Berhormat Speaker,

Sesetengah petani yang berusia tinggi ini sering mengeluarkan keluhan bahawa anak-anak mereka tidak berminat untuk mengikut jejak ayah atau ibu mereka kerana atas beberapa faktor. Selain daripada harga hasil pertanian yang agak tidak menentu, tempoh pajakan dan sewa yang tidak panjang, menambah lagi unsur ketidakpastian dan memberi impak kepada mereka yang ingin meneruskan pertanian dan seterusnya meningkatkan tahap pertanian.

Cuma di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana sejak tahun 2020 telah memperkenalkan pembaharuan dalam polisi pertanian dengan memberi sewaan tanah sebanyak 3 + 2 tahun kepada petani melalui Pahang Corporation iaitu sebanyak 5 tahun berbanding dengan TOL yang berkuatkuasa selama setahun sahaja. Selain itu, segelintir pekebun atau *agropreneur* juga ditawarkan pajakan tanah yang bertempoh lebih panjang oleh Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH) untuk tujuan pertanian.

Maka saya lihat bahawa perkembangan polisi pertanian di Cameron Highlands dan di Pahang secara amnya adalah berstrategi dan memenuhi visi negeri Pahang untuk menjadi negeri yang mampu menghasilkan bahan makanan yang berkualiti dan mencukupi. Memandangkan tempoh sewaan yang ditawarkan oleh Pahang Corporation selama 5 tahun akan tamat pada tahun ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar menawarkan tempoh sewaan yang lebih panjang atau pajakan yang bertempoh lebih panjang seperti tawaran pajakan oleh PKCH, khususnya kepada para petani yang selama ini bercucuk tanam dan telah menunaikan tanggungjawab dengan membayar sewa.

Langkah ini bukan sahaja akan memberi insentif kepada semua petani untuk bayar sewa tepat pada masanya tetapi juga akan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan juga menghantar *signal* yang jelas bahawa Kerajaan berhasrat memajukan sektor pertanian dengan adanya penglibatan orang muda dan menawarkan sokongan dan bantuan institusi ke arah tersebut, demi mencapai usaha meningkatkan tahap sekuriti makanan.

Yang Berhormat Speaker,

Isu kedua yang ingin saya bincang dalam Dewan ini adalah cadangan mempertingkat sektor pelancongan khususnya ekopelancongan di kawasan Cameron Highlands, yang baru-baru ini diiktiraf sebagai bandar paling bahagia di Malaysia. Cameron Highlands merupakan destinasi ekopelancongan dan agro pelancongan yang menjadi tarikan kepada ramai pelancong dan pada tahun 2023, Cameron Highlands juga telah mencatatkan jumlah pelancong tempat ketiga tinggi di seluruh negeri Pahang seperti yang Exco maklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Di sini kita juga nampak pelbagai usaha dan inisiatif yang telah diambil untuk mempertingkat sektor pelancongan khususnya eko atau agropelancongan di Cameron Highlands. Antaranya yang kita nampak, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri kerana baru-baru ini mengumumkan untuk mewujudkan *Man and Biosphere* (MAB) *Mossy Forest* di Cameron Highlands untuk memulihara kepelbagaian biologi dan mempromosikan pembangunan lestari.

Yang Berhormat Speaker,

Aktiviti mendaki gunung yang merupakan sebahagian daripada sektor ekopelancongan, kian menjadi aktiviti popular dalam kalangan pelancong di dalam dan di luar negara termasuk pelancong dari negara Eropah, yang antaranya amat berminat untuk mendaki gunung seperti Gunung Irau, di mana *Mossy Forest* terletak. Demi mempertingkat tahap ekopelancongan, saya mencadangkan agar menambah baik laman web Jabatan Perhutanan agar ia menjadi lebih mesra pengguna, memudahkan proses permohonan dan pembayaran *fi* bagi permit memasuki hutan, cara memaparkan senarai malim gunung juga boleh dipermudahkan dan menjadi lebih

jelas kepada er… pemohon, serta membuka permohonan malim gunung agar lebih ramai penduduk yang berminat boleh turut serta.

Yang Berhormat Speaker,

Ramai penduduk Cameron Highlands yang berminat dalam aktiviti ini telah menzahirkan hasrat mereka untuk menceburi bidang ini dan harap turut membantu mempromosikan Cameron Highlands sebagai destinasi mendaki gunung dan ekopelancongan yang strategik. Namun, kebanyakan mereka sering diberitahu bahawa permohonan malim gunung tidak dibuka ataupun sudah tutup. Saya percaya bahawa sektor ekopelancongan di Cameron Highlands dan di Pahang secara amnya akan berkembang dengan lebih pesat sekiranya peluang galakan dan sokongan diberi kepada penduduk setempat termasuk menjadi malim gunung untuk kita bersama-sama mempertingkat tahap dan mutu pelancongan.

Yang Berhormat Speaker,

Isu ketiga yang ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah isu yang kian menjadi topik hangat dalam kalangan penduduk Cameron Highlands iaitu pembentung, *culvert* yang tersumbat di Batu 51, Kampung Raja yang menyebabkan air melimpah ke atas jalan persekutuan FT 59, apabila hujan lebat. Terima kasih kepada pihak er…JKR serta agensi kerajaan lain termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dan juga er… Jabatan Pengairan dan Saliran kerana mengambil tindakan pantas untuk mengalihkan air anak sungai tersebut.

Namun dimaklumkan bahawa pihak JKR daerah tidak mampu membersihkan pembentung dengan *machine* yang sedia ada dan sedang memohon peruntukan agar kerja membersihkan pembentung yang tersumbat boleh bermula. Saya dimaklumkan oleh ramai penduduk bahawa bahagian jalan di Batu 51 tersebut pernah terputus pada lebih kurang 10 tahun yang lalu. Ia menyebabkan terputusnya satu satu jalan perhubungan yang menghubungkan kawasan Kampung Raja kesemua kawasan lain di Cameron Highlands. Justeru, saya berharap agar peruntukan khas ini boleh diluluskan dan disalurkan dengan secepat mungkin demi menyelesaikan masalah tersebut dan menjamin keselamatan penduduk dan juga pelancong.

Yang Berhormat Speaker,

Isu keempat yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan ini adalah cadangan untuk mengurangkan risiko banjir di negeri Pahang khususnya di Cameron Highlands. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada banjir. Antara yang paling penting adalah hujan yang terlalu lebat. Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko banjir seperti membersihkan sedimen sungai, menjalankan projek tebatan banjir dan sebagainya. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi menjalankan rancangan tebatan banjir Sungai Ikan, Kampung Raja.

Ia termasuk juga rancangan tebatan banjir di Ringlet dan di Lembah Bertam yang telah lulus dan telah selesai pada tahun-tahun yang lalu. Di sini saya ingin mencadangkan bahawa satu jumlah peruntukan boleh disediakan setiap tahun kepada pihak JPS agar JPS boleh memulakan kerja-kerja awal atau preliminary tanpa perlu membuat permohonan. Mekanisme atau langkah ini, saya percaya boleh mempercepatkan usaha untuk mengatasi atau mengurangkan risiko banjir kerana pihak JPS daerah boleh memulakan kerja-kerja penting yang awal berdasarkan situasi semasa dan pertimbangan *on the ground*.

Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan. Banjir kilat pernah berlaku di kawasan Tringkap, Cameron Highlands pada 4 bulan Disember 2023 dan menyebabkan benteng sungai runtuh. Maka saya berharap juga bahawa Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan dan meluluskan projek-projek termasuk membersihkan sungai dan juga membina *flood wall* yang telah runtuh demi mengambil langkah pencegahan banjir seawal-awalnya.

Yang Berhormat Speaker,

Er…isu terakhir yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan ini adalah cadangan untuk mengasah bakat atlet renang secara sistematik di Cameron Highlands. Dalam beberapa tahun ini, ramai atlet renang muda yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah telah muncul dan mencapai pelbagai kejayaan yang yang cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan. Walaupun cuaca sejuk tapi ada atlet renang juga. Ramai daripada mereka telah pun meraih pingat emas, perak dan gangsa dalam pelbagai pertandingan termasuk Kejohanan *Revos Swimming Championships* 2024 di Kuantan pada Mac 2024 yang EXCO bangkitkan hari itu dan dua orang daripada mereka dijemput untuk menyertai *MAS Malaysia Invitational Age Group, Swimming Championship* 2024, dengan izin.

Walau bagaimanapun, disebabkan kawasan Cameron Highlands kekurangan fasiliti kolam renang yang ber *standard* tinggi, pelajar-pelajar yang berminat hanya boleh menceburi bidang ini dalam kolam yang jauh lebih kecil daripada kolam di kawasan lain untuk tujuan latihan. Setelah mendapat tahu cabaran mereka, sebuah resort di Cameron Highlands, Strawberry Park Resort juga secara sukarelanya meminjam fasiliti kolam renang kepada pelajar untuk berlatih sehari seminggu.

Namun kolam tersebut masih tidak mencapai *standard* yang cukup tinggi untuk tujuan pertandingan dan er…maka pelajar sentiasa perlu bertolak ke tempat lain seperti Ipoh, Kuala Lumpur, Kuantan dan sebagainya untuk menyertai latihan yang lebih sistematik untuk persediaan pertandingan.

Yang Berhormat Speaker,

Seperti yang saya bangkitkan dalam sesi pertanyaan semalam, Menteri Belia dan Sukan telah mengadakan lawatan kerja ke Cameron Highlands pada 6 Mei 2024 iaitu 3 hari yang lepas dan menteri juga berharap agar satu fasiliti kolam renang boleh dibina yang ber*standard* tinggi di Cameron Highlands untuk mempertingkat mutu latihan dan mencungkil bakat. Maka saya berharap juga agar Kerajaan Negeri Pahang boleh meneliti dan menyokong cadangan membina fasiliti kolam renang dengan mencari tanah yang sesuai bagi tujuan itu untuk bersama-sama memperkasa sukan tersebut dari peringkat akar umbi…

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker, saya mohon er…Yang Berhormat Tanah Rata kalau boleh kongsi dengan saya, er…berapa ramai sebenarnya yang atlet renang khususnya di kalangan pelajar di Cameron Highlands yang terlibat dalam sukan ini. Kita boleh perhalusi. Sebab setakat ini memang fokus kita untuk Cameron Highlands ini adalah acara olahraga khususnya acara jarak jauh sebab sekian lama memang er…Cameron Highlands melahirkan ramai atlet-atlet jarak jauh. Sesuai dengan er…cuaca dan suhu di sana. Jadi kalau kita ada data, mungkin kita boleh bincang dan Kerajaan Negeri bersedia untuk er…melihat kawasan yang sesuai untuk kita perhalusi cadangan Yang Berhormat.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih banyak-banyak kepada er…Yang Berhormat EXCO atas sokongan tadi dan er… setahu saya ada 16 atlet yang selalu menyertai pertandingan. Er…setahu saya ada juga ramai er…budak-budak yang berminat. Mungkin mereka *join one off* dan er…antara 16 itu, saya rasa hampir semua selalu menyertai pertandingan dipelbagai peringkat daerah, negeri dan er…kebangsaan. Saya juga akan…

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Sorry, sikit lagi er... Yang Berhormat apa pencapaian tertinggi 16 ini? Kalau boleh kongsi.

YB TUAN HO CHI YANG

Er…seperti yang saya katakan tadi ada 2 orang dijemput untuk menghadir untuk menyertai *MAS Malaysia Invitational Age Group Swimming Championship*. Sebelum ini di 5 orang er…menyertai Kejohanan *Revos Swimming Championships* dan er…mendapat pelbagai pingat termasuk pingat emas. Saya boleh juga bagi butiran secara lebih terperinci. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Er… itu sahaja dapa…daripada saya dan dengan ini saya menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat kawasan Tanah Rata. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Pulau Tawar.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamu'alaikum WBT dan selamat petang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker atas keizinan saya berucap pada petang ini. Terlebih dahulu saya menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas Titah Diraja yang menzahirkan kepetinan…keprihatinan terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negeri ini. Er…insya-Allah pada petang ini, saya nak menyentuh pertama kali berkait berkait rapat dengan er…perkara yang… perkara berkait rapat dengan potensi koko di pasaran dunia.

Jadi er…baru-baru ini ada dilaporkan dalam er…laman sosial kementerian terbabit. Bahawasanya hasil perkongsian strategik antara Lembaga Koko Malaysia dengan syarikat terkenal tanah air, syarikat makanan, telah menghasilkan produk baru dengan dengan mengge…menggunakan 100% biji koko premium daripada Sabah dan Sarawak. Jadi Sabah, Sabah menjadi pusat er…HQ er… Lembaga Koko Malaysia. Jadi kerjasama ini amat baik kerana dapat memberi peluang kepada pekebun-pekebun koko malaysia untuk meningkatkan hasil dan mempamerkan keunikan biji koko kerana biji koko Sabah Sarawak ini er…orang Eropah beli, kita eksport kerana ia antara lima terbaik di dunia. Jadi saya buat carian sikit apa faedah koko.

Jadi koko ini tuan-tuan, namanya adalah *theobroma cacao* itu bahasa Yunani dia, bermaksud makanan dewa-dewa. Tapi orang islam makanan ini ada khasiat lah Allah SWT buat. Jadi koko ni peranan dia antaranya adalah khasiat dia melambatkan penuaan, lambat tua. Mana muka ni mungkin muda banyak makan koko. Betul Timbalan Speaker? Timbalan Speaker pun nampak muda. Jadi koko ni juga dia boleh

mengurangkan hormon stress. Jadi saya cadang lah kalau akan datang kita nak mengurangkan *stress* dalam Dewan kita makan koko. Boleh Yang Berhormat Benta? Insya-allah.

Jadi itu khasiat koko tuan-tuan, yang mana ianya baik untuk kita… mungkin pihak kerajaan negeri boleh melihat potensi yang ada pada koko ini kerana saya teringat masa saya kecil dulu di kampung… kampung saya di Kampung Pulau Tawar itu, memang keliling rumah tok saya tu koko, pokok koko. Jadi kami ni belah koko, makan mentah-mentah koko sebelum dijemur tapi lama-lama itu dia hilang begitu sahaja. Tak tahu sebab apa, potensi ni dah… koko ni tak di popularkan di Pahang. Jadi mungkin lah pihak kerajaan akan melihat kembali kerana industri koko ini menyumbang sebanyak RM8.2 billion kepada hasil eksport negara, insya-Allah.

Baik, perkara kedua saya nak sentuh adalah berkait dengan perladangan, perladangan. Baru-baru ini saya ada berjumpa dengan Persatuan Pekebun Kecil cawangan Pahang di Bera kerana ramai kalangan mereka ini berada di Bera dan sekitar Jengka. Jadi dicadangkan saya pergi ke Bera, buat pertemuan. Baik, kerajaan melalui Kementerian Peladangan dan Komoditi menyebut saya tengok baru-baru ini dalam laman sosial terbabit, menyebut tentang kursus penuai sawit profesional melalui kursus TVET khusus untuk anak tempatan, bukan orang asing, anak tempatan ini masuk kursus TVET ini dan mereka dikenali sebagai penuai sawit profesional dan anggaran tawaran gaji yang diberikan kepada mereka RM3,500.00 purata. Maka dan menjimatkan tenaga mereka hanya melakukan tiga tugasan sahaja.

Baik, perkara ini baik tapi bila kita tengok di lapangan, kalau kita tengok di lapangan kerja sawit khasnya, masih lagi kita… sektor sawit ini kekurangan pekerja. Cuma di Pahang ini kita mungkin tidak ada… mungkin dah angka tepat. Kalau orang di FELDA berapa, masih lagi kekurangan pekerja, kalau pekebun kecil pun sama, berapa lagi mereka kurang pekerja-pekerja tempatan. Bila pekerja tempatan ini kurang maka mereka terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing untuk menguruskan kebun mereka.

Ada disediakan hari ini mesin-mesin moden untuk memudahkan urusan mereka yang terlibat dengan sektor sawit ini contohnya, mesin cantas eletrik *my*cut, *e-cutter* bateri, Canvas Evo dan lain-lain tapi penggunaannya amat terhad. Bagi mereka yang mampu beli dan mereka guna lah di kawasan yang mungkin tidak berbukit. Namun saya nak sebut di sini tentang perlunya kita melihat kembali kekurangan tenaga kerja ini… anak tempatan untuk mereka dilibatkan dengan kerja-kerja ladang di peringkat lapangan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sikit. Terima kasih yang berkaitan anak muda bekerja di FELDA. Setahu saya sekarang anak-anak kita ini tidak suka kerja di FELDA. Dia lebih suka kerja di bandar sebab anak-anak muda sekarang memilih kerja. Inilah masalah kita hadapi. Untuk pengetahuan Pulau Tawar.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Baik terima kasih Yang Berhormat Exco. Maka saya fikir kita kena memperhebatkan kempen kepada mereka ini untuk lebih ramai melihat apa yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Memang kita ada kekangan di situ. Kalau saya tengok pada salah satu daripada masalah cabaran kerja ini laporan daripada Dasar Agro Makanan Negara (DAN). DAN ini dia DAN 1 dan DAN 2.0. Dasar Agro Makanan Negara yang telah di buat untuk 2021 hingga 2030. Salah satu daripada laporan yang kita baca ini adalah

menjadi cabaran pada sektor ini adalah kerana kekurangan penglibatan belia dalam sektor agro ini.

Kalau 2019 saya baca laporan ini lamalah, kita ambil daripada 14.8 juta tenaga kerja lebih kurang 10 er… lebih kurang berapa persen sahaja, 10% sahaja yang terlibat dengan sebahagian kerja-kerja pertanian. Memang tak ramailah yang berminat. Jadi pun turut ada masalah. Maka kita lihat sektor sawit, serta getah apatah lagi. Sektor pertanian pun menghadapi masalah sama. Apabila kita kekurangan tenaga kerja belia tempatan untuk berkhidmat di ladang dan sebagainya. Kita lihat ada tawaran-tawaran daripada kerajaan tapi masih belum mampu untuk menarik minat mereka atas faktor-faktor yang tertentu lah. Baik, seterusnya saya nak menyebut tentang perkara yang berlaku di kawasan FELDA tempat saya wakili.

Awal Ramadan baru ni ada satu kes. Kes ini kes terpencil tapi ia mungkin membuka mata pihak pengurusan FELDA untuk melihat menyelesaikan perkara ini. Awal Ramadan ini ada satu kes kematian yang melibatkan seorang pemuda, yang… yang dia pergi ke rumah sebelah rumah ayah dia, rumah tersebut ditinggalkan terlalu lama, tuan rumahi tu pergi duduk di kedai dan rumah itu tinggal lama, puluhan tahun dan tak diselenggara, tak dijaga lah. Maksudnya dengan semak-samun dan sebagainya.

Jadi pemuda ni pergi ke rumah sebelah rumah mak dia ini, dan dia cuba membersihkan kawasan tersebut. Simen yang ada di bahagian dapur tu menghempap kepada dia dan dia meninggal… meninggal dunia. Maka saya berbincang dengan tok empat dan juga pengurus FELDA, untuk pengurus dan tok empat bincang dengan tuan rumah, bagaimana nak bagi perkara ni tak berlaku di masa mendatang. Tetapi bila kita selidiki ia berkait dengan undang-undang lah. Maka tuan rumah dia ada hak rumah dia, kita bukan boleh suka-suka boleh masuk.

Jadi cumanya untuk mungkin untuk pengetahuan dan tindakan daripada sahabat saya daripada Exco FELDA, untuk tidak untuk memastikan supaya perkara tak berlaku di masa mendatang, mungkin dalam kawasan-kawasan FELDA ada rumah peneroka yang ditinggalkan dan using, yang tak terurus. Bagaimana kita nak menyelesaikan perkara tersebut mengikut undang-undang? Kalau tuan rumah tak bagi, kita bincang dengan dia dan bagaimana nak selesai? Supaya tidak berulang perkara-perkara yang seperti saya sebutkan tadi. Kita bimbang nanti jika tak diuruskan dengan baik, ada ular dan binatang berbisa dan perkara-perkara yang tak diinginilah. Mudah-mudahan perbincangan yang ada di kalangan pegawai FELDA, pengurus FELDA dan juga tok empat di sekitar kawasan terbabit akan membuahkan hasillah supaya tak berulang perkara ni.

Seterusnya berkait rapat dengan menyentuh masalah yang saya sebutkan tadi masalah air lah. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada pengurusan PAIP, khususnya PAIP Jerantut yang bertungkus lumus pada malam raya, sehari sebelum raya mereka dah bekerja untuk menyelesaikan masalah air. Saya selalu sebut dalam Sidang DUN ini, antara masalahnya adalah masalah di kampung tradisional yang jauh dengan bandar iaitu Kampung Pulau Tawar, Kampung Bukit Nikmat. Kerana kampung ni jauh daripada bandar dan mereka… dan masalahnya adalah bila paip pecah, bila paip pecah dan mereka lambat nak dapat balik air masuk ke dalam tangki mereka dan ini berlaku lagi.

Kita lihat datang pihak PAIP bawa lori dan *tanker* untuk bantu mereka. Alhamdulillah saya ucapkan tahniah kepada pengurusan PAIP. Cuma kawasan tersebut berlaku tiap-tiap minggu tak ada air. Kerap sangat kerana paip pecah. Maka tindakan yang perlu dibuat adalah untuk menyelesaikan perkara ini, paip yang dahulunya 40 tahun

lebih, tak penah bertukar. Jadi saya mohonlah Kerajaan Negeri untuk lihat perkara ni kalau boleh dahulukan orang Bukit Nikmat ini kerana dia bukit dan nikmat. Insya-Allah boleh pahala kita, insya-Allah. Kita dahulukan mereka kerana masalah asas ini selalu terlalu menghantui mereka. Boleh katakan tiap-tiap minggu masalah. Bila masalah paip air ni tak selesai orang yang dicari antaranya Yang Borhormatlah, selain daripada pegawai-pegawai PAIP yang ada di sekitar kawasan tersebut. Baik itu perkara yang berkait dengan paip-paip yang menjadi masalah di Kampung Bukit Nikmat.

Jadi Yang Berhormat Speaker,

Perkara-perkara yang saya sebutkan tadi khususnya berkait rapat dengan tenaga kerja dan pengurusan FELDA dan sebagainya, supaya kita dapat melihat perkara ini dengan lebih baik dan tuntas. Mudah-mudahan, usaha kerjasama yang kita buat bersama, jalin kerjasama sama-sama kita, akan membuahkan hasil untuk membantu masyarakat di luar sana menikmati kemudahan-kemudahan yang ada di negeri ini.

Jadi, saya buat akhirnya mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pulau Tawar. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang terakhir bagi sesi petang ini, saya ingin mengalu-alukan kedatangan wakil-wakil pemerhati Dewan Negeri daripada kawasan DUN Bilut yang pertama; yang kedua, seramai 10 orang Ahli Majlis Tertinggi Puteri UMNO Pahang; yang terakhir, seramai 8 orang pelajar dan dua orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, Kuantan. Selamat datang ke Dewan Undangan Negeri Pahang.

Seterusnya, saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat yang terakhir bagi sesi petang ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Assalamualaikum Warahmatullahi WBT dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana saya juga berpeluang dan juga menjadi ADUN yang terakhir dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Ke-15 pada petang ini.

Pertamanya, saya memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah SWT, pada tahun ini kita telah dapat menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan dan kita dapat menyambut Syawal dengan penuh rasa kesyukuran. Seterusnya, semoga kita semua dapat dipertemukan lagi pada tahun hadapan. Insya-Allah.

Pohon Kemboja tumbuh di darat,
Akar bersirat di pohon Sena,
Tuanku Sultan sanjungan rakyat,
Kekal berdaulat di singgahsana.

Kalau menyalin dengan sempurna,
Suratnya bersih halamannya terang,
Tok Wan memimpin dengan bijaksana,
Rakyatnya kasih Tuhan pun sayang.

Pohon senduduk dahan berpintal,
Patah ditimpa dahan berangan,
Bersatu padu semangat yang kental,
Barulah negeri maju ke depan.

Patik merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan balik ke negeri Pahang, negeri tercinta dan dikasihi, setelah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong dengan jayanya.

Patik juga menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dengan penuh jayanya sebagai Pemangku Raja Pahang sepanjang tempoh keberadaan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Negeri dan Daerah serta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas prestasi kejayaan meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri dua tahun berturut-turut melebihi RM 1 bilion, sebagaimana titah pujian oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Apa yang saya amati, peningkatan kutipan hasil Kerajaan Negeri ini adalah satu usaha berterusan Kerajaan Negeri, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri memastikan tadbir urus yang baik serta kecekapan dan menjadikan pentadbiran ini sentiasa berintegriti. Sekiranya gaya kepimpinan dan Kerajaan Negeri ini dikekalkan, saya yakin prestasi sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Saya juga yakin kejayaan demi kejayaan akan dicipta kerana asas sering ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah sentiasa memastikan kebajikan rakyat menjadi keutamaan Kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Dunia dan negara menyaksikan perkembangan ekonomi yang tidak menentu, memberi kesan kepada kehidupan rakyat pada hari ini. Walaupun demikian, ternyata Kerajaan Negeri masih mampu menyalurkan demi bantuan… demi bantuan dan memastikan rakyat tidak terlalu terbeban dengan kos hidup… kos sara hidup pada hari ini. Dengan situasi ini, saya mengharapkan kerajaan melalui agensi-agensi pelaksana dapat mempertingkatkan program-program seperti “Jualan Rahmah” demi memberi manfaat kepada masyarakat.

Dalam hal yang berkaitan juga, saya menyeru Kerajaan Negeri dapat mempertingkatkan “Jualan Makmur” di DUN-DUN dalam Pahang sepertimana dilaksanakan menjelang Aidilfitri yang lalu. Program-program anjuran kerajaan seumpama ini terbukti mendapat sambutan dan sangat memberi manfaat kepada masyarakat di mana ianya dapat meringankan beban kepada mereka.

Yang Berhormat Speaker,

Merujuk kepada laporan MET Malaysia, fenomena El Nino boleh menyebabkan cuaca lebih kering dan biasanya berlaku dalam tempoh 9 hingga 12 bulan. Cuaca yang panas dan kering ini sering dikaitkan dengan bekalan air, di mana sungai semakin cetek, memberi kesan dalam menyediakan bekalan air kepada masyarakat. Oleh yang demikian, saya berharap pihak PAIP dapat terus bersiap siaga menyediakan langkah pengurusan krisis secara komprehensif dalam memastikan rakyat sentiasa mendapat bekalan air yang sewajarnya, sekiranya terputus akibat daripada masalah cuaca ini.

Yang Berhormat Speaker,

Lebuhraya Tun Khalil Yaakob ataupun Lebuhraya Segamat-Kuantan merupakan laluan utama pilihan pengguna menghubungkan negeri Pahang dengan Johor dan juga merupakan jalan utama ke Chini. Dari Simpang Gambang ke Chini, saya mengamati bahu-bahu jalan tidak diselenggara menyebabkan semak dan lalang di kiri kanan semakin meninggi juga mendatangkan bahaya kepada pengguna. Oleh yang demikian, saya mohon agar mendapat perhatian pihak kerajaan dalam penyelesaian yang terbaik demi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di laluan tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Dari sudut dakwah Islamiah, menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk menjadikan negeri Pahang terus makmur dan sejahtera. Suka saya memetik dari satu video titah Tuanku pada lawatan baginda ke Maran tempoh hari, di mana baginda mengingatkan kepada kita semua agar menjadi… menjaga kesucian masjid dan tiada lagi perangai lama seperti sembahyang 2 imam, kafir mengkafir, hasut menghasut dan berpolitik di dalam masjid. Selain daripada itu, ingin saya juga menarik perhatian di masjid-masjid dan surau, agar diadakan pemantauan yang berterusan supaya kuliah-kuliah yang dilaksanakan di masjid ini, tiada unsur perumpamaan mengaitkan isu politik bagi mengelak perpecahan masyarakat dan kebencian kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam usaha memperkasa pembangunan generasi baru terutama di luar bandar, amat diharapkan kerajaan memberi tumpuan dalam mempertingkatkan peluang pekerjaan agar mereka dapat mencari rezeki di kampung halaman ataupun tidak merantau.

Selain daripada itu, adalah diharapkan focus peluang pengajian pelajar er… peluang Pengajian Pembelajaran Kemahiran, TVET kepada generasi muda yang keciciran agar mereka yang tidak dapat menyambung ke peringkat yang lebih tinggi ini dapat menyara hidup dan…dan keluarga. Dengan usaha berterusan kepada golongan generasi muda ini, adalah diharap agar masalah sosial dapat dibendung seterusnya kesejahteraan dan kemakmuran negeri Pahang dapat dikekalkan. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada FELCRA Kampung Baru Salong yang merupakan kampung tradisi di DUN Chini yang mendapat Johan Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan, dalam singkatan AKAP, dan juga penerima Bantuan Program Desa Lestari Peringkat Kebangsaan (KKLW) Tahun 2023.

Hasil lawatan kerja saya di Klinik Kesihatan Chini, antara cadangan daripada doktor, Ketua Unit Chini mengharapkan keperluan mendesak adalah sebuah unit mesin *scan,* dengan izin ataupun mesin imbas bayi ibu mengandung yang telah rosak dan hanya bergantung dengan sebuah mesin demo dari sebuah syarikat pembekal. Saya juga berharap agar Tabika KEMAS di kawasan DUN Chini, antaranya Tabika KEMAS Perumahan DARA mendapat perhatian pihak berwajib dalam membaik pulih

bangunan yang uzur, demi memastikan keselamatan kanak-kanak tidak terjadi kejadian yang tidak diingini.

Kawasan jalan utama Gugusan FELDA Chini juga amat diharapkan agar pihak FELDA dapat bersama membantu menyelesaikan tunggakan bil lampu jalan yang telah menyebabkan tindakan pemotongan meter lampu jalan tersebut. Isu ini selalu dibangkitkan oleh penduduk setempat apabila berlakunya kemalangan dengan binatang ternakan yang berkeliaran pada waktu malam.

Yang Berhormat Speaker,

Seperti sedia maklum, Kerajaan Negeri Pahang memandang serius isu bekalan air dengan membelanjakan peruntukan yang besar dalam menyelesaikan gangguan bekalan air di seluruh kawasan yang terlibat. Termasuklah dengan pembinaan kolam takungan air, ORS Chini yang sedang dalam proses pembinaan 90 peratus dan akan siap tidak lama lagi. Namun, proses pembinaan ORS ini yang memerlukan peruntukan tambahan RM10 juta, tertangguh kerana masih belum menerima kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Penambahan Rumah Rakyat Pahang (RRP) kepada masyarakat OA telah membuktikan Kerajaan Negeri Pahang cakna, dengan tidak meminggirkan mereka dalam agenda memakmurkan negeri. Bagi masyarakat Orang Asli DUN Chini, saya melihat keperluan asas bekalan elektrik di kampung mereka mendapat perhatian dengan sebaiknya kerana masih ada kampung Orang Asli ini yang masih belum menerima bekalan elektrik seperti Kampung Melai dan juga Kampung Patah Jelutong. Baru-baru ini lawatan Pengurus Besar TNB Pahang ke Kampung Melai bagi meninjau, dan amatlah diharap permohonan pembekalan akan dapat perhatian serius serta dipercepatkan.

Yang Berhormat Speaker,

Selain daripada itu, keperluan penempatan generasi baru FELDA hari ini sangat mendesak permintaannya. Saya sangat mengharap pihak kerajaan dan FELDA dapat mempercepatkan proses dan juga menambah lebih banyak lagi, menyediakan lot tapak rumah generasi FELDA di kawasan rancangan FELDA yang belum ada cadangan lot tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Saya mendoakan agar segala usaha dan perancangan Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail dapat diteruskan dengan lancar dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pahang Darul Makmur.

Laci penuh berisi benang,
Benang dipintal jadikan tali,
Mencari salah terlalu senang,
Membaikinya sukar sekali.

Akhir kalam, Chini menyokong Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Chini. Hari ini adalah Hari Syawal yang terakhir bagi tahun ini. Sempat lagi saya mengucap Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua agensi kerajaan, kakitangan-kakitangan kerajaan serta semua pemerhati-pemerhati di Dewan Negeri Pahang. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk hari ini, saya perhatikan seramai 12 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua. Persidangan kita akan disambung semula pada hari Jumaat, 10 Mei 2024 bersamaan 1 Zulkaedah 1445 Hijrah bermula pukul 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 4.44 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEEMPAT
10 MEI 2024
(JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KE-4: 10 MEI 2024 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	35
5	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	52

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 10 Mei 2024 (Jumaat)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Kanan
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang**	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**

Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Jumaat 10 Mei 2024
bersamaan 1 Zulkaedah 1445 Hijrah.

DOA

Perkara Pertama : Bacaan doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam perpaduan marilah kita sama-sama memulakan mesyuarat kita pada hari ini dengan membaca umul kitab. Al-Fatihah. [bacaan Al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkatMu ke atas, kami berhimpun dipohon Anugerah Taufik Mu, dipohonkan menyuluh memandukan kepada ketika kami berunding. Menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua : Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bissmilahhiramanirahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi, salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan pada hari ini. Sebelum kita meneruskan aturan selanjutnya, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal FELDA Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang bersama FAMA Negeri Pahang berbesar hati menyumbangkan produk usahawan FAMA Pahang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Lain kali buat lagi. *Goodies bag* tersebut telah diedarkan kepada pihak urus setia dan diletakkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk meneruskan aturan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Cheka untuk mengemukakan pertanyaan nombor 1.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya kemukakan soalan 1.

> [Apakah kesediaan kerajaan untuk perlombongan bahan nadir (REE) di Pahang sebagai sumber pendapatan negeri?]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikuam WBT, selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Speaker saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Cheka yang bertanyakan soalan apakah kesediaan kerajaan negeri untuk perlombongan bahan nadir ataupun REE, dengan izin di Pahang sebagai sumber pendapatan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, saya dengan beberapa kepimpinan Kerajaan Negeri telah pun melawat ke satu tapak di Perak pada 25 September yang lalu. Di mana ini merupakan lawatan kerja untuk melihat sendiri Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif di Mukim Kenering, daerah Hulu Perak, negeri Perak. Tujuan lawatan tersebut untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker adalah untuk melihat serta mempelajari teknik perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang dilakukan tanpa menjejaskan alam sekitar.

Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dijadikan projek perintis NR-REE dan Mesyuarat Majlis... Mesyuarat Kerajaan MMK Ke-13 pada tahun ini pada 3 April yang lalu telah meluluskan cadangan Projek Perintis NR-REE di negeri Pahang seluas luasnya 220 hektar di Sungai Wang, Mukim Hulu Jelai, daerah Lipis. Kerajaan Negeri dalam peringkat pemurnian fasa akhir, Prosedur Operasi Standard ataupun SOP Perlombongan NR-REE di negeri Pahang yang diterajui oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang ataupun PTG dan Pahang Mining Corporation ataupun PMC sebelum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan pihak berkuasa negeri.

Kerajaan Negeri juga mengamalkan sikap terbuka kepada mana-mana pengusaha atau pelabur sektor perlombongan untuk menjalankan eksplorasi NR-REE di negeri Pahang dan juga bersedia untuk menawarkan kerjasama bagi pembukaan kilang memproses NR-REE di Malaysia khususnya di negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, sila soalan tambahan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh kerana REE Malaysia ini tidak ada radioaktif dan dia terdedah kepada kadar kecurian yang sangat tinggi. Saya kebetulan ialah dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang REE. Kita boleh bayangkan satu hilux REE yang belum diproses harganya RM500,000.00, 2 hilux RM1 juta. Dan dia menarik err... kadar kecurian yang sangat tinggi kerana dia proses sangat mudah. Jadi saya cadangkan 2 perkara yang pertama sekali ialah supaya Kerajaan Negeri mengenal pasti dan terus gazet kawasan ini sebagai kawasan yang dipantau rapi untuk mengelak sebarang kecurian. Terutama Pahang ni antara negeri yang punya deposit yang agak tinggi.

Yang keduanya ialah bila kerajaan bercadang untuk melakukan *explorer* terhadap kawasan ini. Isu kita ialah Kerajaan Persekutuan melarang eksport keluar *raw* dalam bentuk *raw* mereka diproses. Perak mendapat kebenaran khas untuk eksport *raw* setelah diproses. Kita bimbang nanti bila kita buat pelombongan, kita hanya simpan sahaja dan negeri tidak dapat hasil. Sehubungan dengan itu, alangkah baiknya kalau sekiranya Kerajaan Negeri juga memohon Kerajaan Persekutuan untuk hasil yang di lombong untuk... untuk kenal pasti kawasan ini juga dibenarkan untuk eksport keluar dan err... di... juga dicadangkan supaya syarikat Kerajaan Negeri dapat mempunyai saham yang besar dalam sebarang usaha perlombongan supaya hasil dapat kita tingkatkan dengan lebih baik.Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Cheka tetapi sukacita saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini apa yang dinyatakan oleh Yang Berhomat Cheka tadi, semuanya telah pun diambil kira oleh Kerajaan Negeri. Berhubung dengan eksport ke luar negara, untuk makluman ADUN Cheka di dalam satu mesyuarat bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selepas sahaja saya melawat di Perak, saya telah bangkitkan perkara ini supaya sekiranya Pahang juga mengeluarkan bahan nadir ini, kita pun nak hantar juga kita pun nak eksport juga dalam bentuk yang telah diproses dan ianya dalam tindakan pihak kerajaan.

Jadi err... bab kecurian ini, saya fikir Kerajaan Negeri Pahang telah pun secara maksimum supaya kerja-kerja aktiviti perlombongan yang tidak sihat ini diambil tindakan sewajarnya. Sebab itulah pada peringkat awalnya kita mengenakan kompaun. Hari Isnin, kita tangkap kenakan kompaun. Tapi hari Rabu ataupun Jumaat ada lagi aktiviti tersebut dan akhirnya saya telah buat keputusan, Kerajaan Negeri dalam EXCO saya minta Penasihat Undang-Undang supaya setiap aktiviti ini tidak lagi dikompaun tetapi terus dibawa ke mahkamah dan tindakan pun pada peringkat awalnya agak... agak tidak begitu ringan.

Contohnya, RM50,000.00 sahaja dan itu pun saya telah bangkitkan supaya RM50,000.00 ini tidak menggerunkan mereka aktiviti... yang melaksanakan kerja ini. Dan akhirnya yang terkini saya dimaklumkan bahawa sesiapa yang mengerjakan aktiviti secara haram ini, baru-baru ni pihak mahkamah telah menjatuhkan hukuman dibayar didenda RM200,000.00 dan semua jentera telah dilucutkan haknya dan ini adalah satu usaha yang telah dibuat daripada dulu lagi dan sebab itulah kita berjaya dapat hasil yang tinggi 2 tahun berturut-turut kerana kita telah berjaya menguruskan ketirisan dan kebocoran. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh ADUN Cheka tadi, Kerajaan Negeri telah pun buat beberapa tahun yang lalu. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan… ini… bagi wakil daripada ni, Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lepas tu wakil daripada Kemayan.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima Kasih kerajaan. Saya nak kongsi sikitlah ataupun nak bertanya bagi pihak kerajaan. Sebelum ini, kita difahamkan ataupun rakyat difahamkan bahawa bahan nadir bumi ini adalah ataupun REE adalah banyaknya radioaktif ya. Boleh tak pihak kerajaan mengeluarkan satu jadual sebab saya difahamkan memang ada jadual… jadual radioaktif dan *non-radioactive* supaya rakyat tidak keliru. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Satu cadangan yang baik daripada Tras dan pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Kemayan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Susulan lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Perak. Adakah kaedah ataupun teknik perlombongan tersebut menjejaskan alam sekitar?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Daripada segi pemerhatian sayalah sebagai *layman* ya… sebagai *layman* dan juga beberapa rakan yang lain termasuk kepimpinan negeri. Kita mendapati teknik atau kaedah perlombongan yang digunakan yang di Perak tersebut tidak begitu menjejaskan alam sekitar. Makna yang kata *zero* tu tidaklah tapi contohnya kalau kawasan tersebut 200 ekar mungkin dalam 10 ekar sahaja yang terlibat dan ada sedikit penebangan.

Kemudiannya, penebangan ini sangat minima tidak dibuat sesuka hatilah, ada kontrol dan sebagainya dan ianya terkawal dan dipantau setiap masa terutama sekali supaya tidak berlakunya hakisan tanah, tanah runtuh dan sebagainya. Untuk makluman ADUN daripada Kemayan juga, kaedah dipanggil ISL ataupun *In-Situ leaching,* dengan izin Yang Berhormat Speaker dilakukan dengan kesan minimum terhadap alam sekitar dan ianya ternyata berbeza dengan kaedah perlombongan tradisional dilakukan secara terbuka yang mengakibatkan banyak pokok yang ditebang. *In-Situ*

leaching… ada… ada Bahasa Melayu sikit *situ… situ*. Kalau *in*-sini *leaching,* macam mana Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu kena tanya *Insinyur* sebelah tu. [Ahli Dewan ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada komen Yang Berhormat daripada Benta? *In-Situ Leaching…* saya mencadangkan supaya ayat *In-Situ Leaching* ini kalau ditukar kepada *in*-sini *leaching* itu, ada apa-apa makna tak? [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang ini kalau kita tengok memang *in-situ* ini istilah memang di situ. Ha… *in-situ* memang dia Bahasa Inggeris tapi sebenarnya *in-situ* tu macam kita ni ha *in situ*lah. Ia tak *in sini…* di situ, die kabor di situ… *in-situ* maknanya *in-situ* tu di sini tapi dia tak ada *in* sini tapi di sini. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Leaching tu leceklah ya?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Leaching tu macam leceklah?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi, itulah Dato' Sri Speaker. Kalau *in* sini tu kita apa nama kena buat kajianlah Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih daripada sahabat saya daripada Benta. Makna orang putih pun pinjam ayat Bahasa Melayu ya… situ ya. [Ketawa]. Dato' Speaker kata apa tadi? *Leaking?*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Leaching… lecek… lecek tu dia macam berair-berairlah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Ketawa] Speaker dah makan ubat ke belum?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itulah malam Jumaat ya, hari ni Jumaat ya. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dan untuk makluman Ahli Dewan, insya-Allah Kerajaan Negeri akan menentukan kaedah perlombongan yang terbaiklah dan yang terbaik, yang mesra dan selamat di samping kita memaksimakan hasil pengeluaran sumber. Sekiranya kita buat di Pahanglah dan saya berharap supaya ADUN Cheka yang juga merupakan… tadi Yang Berhormat daripada Cheka ada mengatakan beliau juga merupakan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan supaya dapat membantu Kerajaan Negeri sekiranya di mana perlulah terutama sekali apa yang telah saya bangkitkan supaya kita boleh mengeksport bahan yang telah diproses. Setakat ini, hanya Perak yang diberi kebenaran. Makna *precedent* dah ada dah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Satu soalan tambahan, boleh? Satu je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita sebenar dah 1, 2, 3, 4 dah ni.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

1, *last.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, saya bagi peluanglah untuk hari ini pasal hari Jumaat.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab hari Jumaat. Kalau boleh dikongsi di dalam Dewan ini daerah mana kawasan mana yang mengikut kajian yang mempunyai *reserve* REE yang… yang banyak atau yang besar? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains di Pahang ni yang banyak ialah di… di Lipis, di Raub dan juga di Bentong ada sikit, *REE* nilah. Apa yang saya laporkan dan saya difahamkan mengikut rekod yang ada pada saya lebih kurang… ada… lebih kuranglah tapi ini yang sumber daripada JMG, 1.4 juta tan, dia

punya hasil itu. Kalau kita *convert to* RM lebih kurang RM80 bilion. Ini sumber daripada JMG.

Setakat hari inilah sebab saya tahu nadir bumi ini, katanya dia macam emas juga, kalau berebut-berebut sangat, dia boleh lari ke tempat lain. Kalau di Lipis ngan Raub tu, kalau berebut-berebut sangat takut dia lari pulak ke Pekan ke, ke Rompin ke ataupun dia hilang terus daripada radar. Mana tahu kan. Jadi, insya-Allah ini mendatangkan hasil kepada kerajaan… Kerajaan Negeri dan bila hasil banyak kepada Kerajaan Negeri, lagi banyak bantuan yang kita boleh beri kepada rakyat, Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Minta maaflah ya Wakil Beserah. Tak ada di Beserah ya, takyah dicarilah [ketawa]. Seterusnya soalan kedua, wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera semua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 2.

> [Lesen Pendudukan Sementara (LPS) untuk Pengusaha Ikan Sangkar
>
> Berapakah jumlah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang telah dikeluarkan kepada pengusaha ikan sangkar di sepanjang Lembangan Sungai Pahang sehingga tahun 2023 mengikut daerah?
>
> Berapakah kadar bayaran tahunan yang dikenakan kepada setiap lesen yang dikeluarkan?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Waalaikumussalam WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan ADUN Kuala Semantan ini dari segi lesen TOL - Lesen Pendudukan Sementara bagi sangkar ikan. Jadi, berapakah jumlah LPS yang telah diluluskan di sepanjang Sungai Pahang hingga tahun 2023?

Saya nak maklumkan iaitu di Bera kita telah meluluskan 12, di Jerantut 45, di Lipis 13, di Maran 50, di Pekan 10, di Rompin, Rompin... Rompin ni kira bukannya tapi kira di tepi Sungai Rompin tu 12, di Temerloh 33 dan sebenarnya hampir 600 permohonan LPS ni untuk ni… apa ni ikan sangkar yang telah dikemukakan kepada pihak pentadbir tanah daerah masing-masing dan ianya diproses oleh Pejabat Tanah dan dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah Galian.

Jadi, dia banyak dia punya dan untuk pemprosesan ini pihak pejabat tanah kena mendapatkan maklumat daripada jabatan teknikallah. Teknikal tengok misal contoh sesuai atau tidak, sebab pada masa yang sama ada juga aktiviti-aktiviti lain di sepanjang sungai dan kita ada rizab sungai dan sebagainya. Jadi, kadar yang dikenakan ialah RM50.00 satu hektar ataupun RM50.00 per 10,000 meter persegi, dia punya keluasan… dia ikut keluasan dan sebab saya maklumkan termasuk di… di Temerloh ni.

Malahan di Temerloh kita mendapat permohonan banyak, 296 permohonan yang telah di... maknanya ia diterima daripada pengusaha-pengusaha dan sepertimana yang telah saya menyatakan sebanyak 33 telah pun yang mematuhi semua ni apa nama syarat-syarat termasuk syarat teknikalnya telah pun diluluskan di Temerloh err… insya-Allah err… Pejabat err… ini Pejabat Pengarah Tanah Galian masih lagi memproses dan err… ianya akan berterusan dari masa ke semasa. Terima kasih.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Dato' Sri Speaker,

Err… saya mendapat maklumat langsung daripada pengusaha-pengusaha ikan sangkar ini ada yang dah setahun. Sebelum itu dia dapat LPS ini kemudian dia mohon semula sampai setahun masih belum ada kelulusan dah melangkau tahun. Jadi itu persoalannya dan saya juga ingin bertanya apakah halangan-halangan antaranya oleh pihak err… Pejabat Tanah dan juga PTG untuk mengeluarkan lesen pendudukan sementara ini? Terima kasih.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ia sebenarnya sebab itu kita mohon err… kita buat apa nama… permohonan LPS ini err… dia kira setiap tahun ya sebab dia akan dikaji dari masa ke semasa. Yang lulus tahun sudah, kemudian tahun yang sekarang kadang-kadang ada pembangunan yang telah pun dirangka, dirancang di kawasan itu sebab itu dipanggil LPS. Jadi, sebab itu err… tempat-tempat ini kita mendapatkan maklumat daripada jabatan teknikal, JPS misal contohnya dia nak buat ini apa nama err… rancangan tebatan banjir. Ia melibatkan kawasan sungai dan kebetulan masa itu masih tak ada lulus kelulusan untuk projek berkenaan, kita bagi kelulusan. Nama pun LPS, lesen penempatan sementara.

Jadi itu sebabnya err… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita terpaksa membuat penelitian tahun demi tahunlah. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat ADUN Kuala Semantan ada kes-kes yang lebih jelas beritahulah jadi kita tengok apa alasan dia jadi kalau secara menyeluruh itu tak sesuai sebab ada kalanya misal contohnya, dia berlaku kemarau kan jadi kawasan itu dah kering, dia minta kat kawasan itu, kita tak nak la masa dia minta esok kita luluskan dan kemudian dia kata kita luluskan dan dia nak buat tempat itu dah ada beting apa nama… pasir dan sebagainya jadi dia kata tak sesuai dah dan ada sesetengah tempat misal contohnya kawasan… kawasan Buntut Pulau situ ada err… apa nama jambatan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

ECRL… ECRL dan juga jambatan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha… ECRL err… benda itu kita kena tengok jadi benda ini er… apa nama sungai ini dia berubah *regime* dia, dia panggil *regime,* dengan izin, dia berubah kadang-kadang dia dalam lepas itu esok tohor dia jadi macam ini jadi terdampar dan peristiwa ini banyak berlaku dan pengusaha-pengusaha mengeluh kerana perusahaan mereka ini terjejas dek kerana aliran sungai itu berubah jadi itu sebab yang kita kena sentiasa menelitilah sebab saya katakan tadi jabatan teknikal akan beri pandangan dan insya-Allah kalau ada YB kes-kes yang lebih khusus beritahu, kita tengok… nanti kita tengok apakah sebab-sebab mengapa ini err… ianya terpaksa ditolak ataupun dikaji semula. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan nombor 3 wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon mengemukakan err… pertanyaan nombor 3. Terima kasih.

> [Apakah ada usaha daripada pihak kerajaan negeri utk menambah bilangan gerai PLB di kampung-kampung untuk masyarakat setempat?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker,

Rakan saya daripada Tioman menanyakan tidakkah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambahkan bilangan gerai PLB di kampung-kampung untuk masyarakat setempat. Soalan ini memang baik pada pandangan saya cuma kita untuk membina sesuatu bangunan itu kita perlu kepada penelitian tak kiralah gerai ke, dewan ke, apakah keperluannya. Jadi memang tak dinafikan err… di Tioman ini ada membuat permohonan di Kampung Pianggu iaitu Mukim Endau begitu juga Desa Perdana dan juga Meripoh… Meripoh ya Mukim apa… Keratong err… permohonan ini boleh kita bang… angkatkan kepada pihak KKDW seandainya mereka mempunyai err… apa ruang ataupun hak untuk meluluskan perkara itu dan boleh juga kita angkatkan kepada pihak SDO dan tidak mustahil juga melalui Kementerian Pembangunan Koperasi, Dato' Sri Speaker.

Kerajaan Negeri setakat ini tidak ada halangan seandainya pihak kementerian dapat memberi kerjasama dan meluluskan apa err… untuk pembinaan gerai tapi kita kena pastikan keperluan di kawasan ataupun di lokasi berkenaan itu sebenarnya. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon soalan tambahan satu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, sila.

YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Apakah langkah-langkah positif ataupun proaktif dari pihak kerajaan berhubung dengan gerai-gerai PLB yang terbiar ataupun terbengkalai dan adakah juga pihak Kerajaan Negeri bercadang gerai-gerai yang sedia ada ini boleh disewakan kepada pihak JPKK ataupun err… NGO-NGO serta koperasi. Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sebab itu tadi saya sebutkan Dato' Sri Yang di-Pertua, kita ini kadang-kadang didesak oleh masyarakat setempat kita pun bina. Rupa-rupanya kita beri dia empat, lima pintu kedai… sepintu pun tak berniaga. Ada setengah tempat itu sebulan sekali sahaja dia berniaga, kita pun tak tahu macam mana. Jadi penelitian yang seumpama itu kita terpaksa ambil kira melalui Pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Luar Bandar ataupun agensi-agensi yang menyediakan peruntukan yang seumpama itu. Jadi bila dah timbul isu macam rakan saya daripada Tioman sebut ini, adanya gerai-gerai yang tidak beroperasi ditanya tidakkah nak disewakan tidakkah err… benda itu boleh je, kita boleh runding.

Mungkin dalam tindakan daerah err… rakan saya daripada Tioman kalau ada berlaku di Rompinlah, berpakat dengan DO, dengan Penghulu dan Ketua Kampung bagaimana nak diorganisasikan gerai-gerai yang tidak apa… berfungsi itu tadi. Benda itu boleh err… boleh dirundingkan peringkat… peringkat daerah bahkan peringkat mukim sahaja pun kadang itu sesetengah tempat itu di peringkat kampung sahaja.

Kerajaan dah buatlah la, pakatlah guana gaya supaya benda itu tidak… tidak terbiar cuma kerajaan ni kadang-kadang itulah bila kita tak buatkan ada desakan-desakan supaya suruh buat. Bila kita dah buat, kadang-kadang satu kampung itu sampai ada lima biji dewan Dato' Sri Speaker tak tahu bila dia mengguna, tak tahu. Err… jadi apa namanya… akhirnya minta maaf Dato' Sri Yang di-Pertua mohon izin kita membuat kerja (Bacaan dalam Bahasa Arab), "tidak menghilangkan lapar dan tak menghabiskan dahaga, yang timbul adalah pembaziran". Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sudah? Jadi… sila. Ada lagi? Okey, satu lagi soalan tambahan.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Speaker,

Saya err… nak tahu dia ada isu berkaitan dengan kedai-kedai yang di… yang di… apa diwujudkan oleh PLB. Ada isu berkaitan dengan sewa atas sewa. Sewa di atas sewa. Penyewa pertama dia sewa kemudian dia tak laksanakan apa-apa perniagaan. Kemudian dia sewa kepada penyewa yang kedua. Jadi isunya, ada berlaku dan bagaimana kerajaan menangani kerana apa bila penyewa kedua menyewa pada penyewa pertama daripada majlis dia akan menyebabkan harga itu tinggilah? Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Memang orang kampung kita dia suka begitu, dia minat begitu. Makna kalau boleh tiga kali kita tindih itu. Jadi apa nama… itu hobinya orang kampung Yang Berhormat Ustaz. Jadi kalau dia maknanya suka berenang, kita beri ke dia berenang, janji dia mengundi kita je, ya betul Ustaz? Tak sekarang ini macam mana kita nak *knowledge* kan diaorang. Kita beri… kita kata ini gerai kita buat enam pintu. Ha… angkat tangan saya nak. DO pun bagi, eh dia tak niaga…betul. Tapi sewa dia bayar err… dia simpan sahaja, sewa dia bayar. Kita nak marah dia bayar sewa err… tetapi kita…

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh… boleh mencelah sedikit?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Boleh tapi tunggu sedikit.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sikit… sikit sahaja.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, saya… saya nak memuaskan Tahan ini. Tidak saya karang yang tak tahan. [Ahli Dewan ketawa]. Jadi apa nama… Dato' Sri Speaker, bila dia tak meniaga tapi dia sewa yang jadi mangsa orang kampung… orang kampung nak beli garam, orang kampung ini dia tak boleh beli garam tengah malam, dia ada mitos dia. Kalau beli garam…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kenapa? Kenapa Yang Berhormat tidak boleh garam tengah malam?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, kalau saya bercerita nanti ADUN Tahan tak tahan pula. Jadi… [ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita cerita… kita cerita di luar err… luar dewan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri… Dato' Sri Speaker,

Ini sahabat saya Kerdau… dia sebenarnya begini. Bila Tahan sebut bila dapat tu menyewa dia sebenar menyewa ni adalah satu bentuk perniagaan [Ahli Dewan ketawa]. Dia meniaga juga, dia meniaga… dia menyewa. Dia dapat… orang tanya awak meniaga menda dia sewa dia meniaga tu, *the nature of bussiness* tu kerja dia menyewa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Inovasi. [Ketawa]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi dia orang kata ini dia selalunya kalau dia macam kita dapat kita sub kan... tapi makna kita sub ni kita… kita bagi ke orang yang satu lagilah. Tapi kalau sampai dua kali sub... sub… suwey la. Jadi itu je lah. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Jadi apa namanya. Itulah cara orang kampung kita diaorang apa… berniaga. Saya pun bersetuju dengan sahabat saya Kanda EXCO Kanan yang berpengalaman memberikan apa pandangan kepada kita dalam dewan ini. Memang itu tabiat kita di mana-mana pun. Ni tadi Dato' err… wakil daripada Tioman tanya tidakkah kerajaan berhasrat untuk menambahkan geran? Kita nak jawab tidak berhasrat karang dia kata apalah punya kerajaan tak berhasrat untuk membangunkan masyarakat. Kita jawab berhasrat ha… itu guana gaya pulak geran yang terbiar. Jadi serba tak kena. Pagi sejuk, tengah hari panas, petang rengit, malam gelap, bila nak betulnya. [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil dari Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya *just* tadi nak tambah je. Duit dibayar bulan-bulan tapi jadi stor, itu je lah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Sedikit soalan tambahan. Saya fikir tujuan gerai ni dibina untuk berniaga bukan untuk dapat hasil bagi pihak Majlis Daerah… Majlis Daerah dapat hasil. Kita… pandangan saya ialah kita mesti tegas bahawa 6 bulan dia tak meniaga, kerajaan akan batalkan lesen dia, bagi pada yang nak meniaga supaya tidaklah akan berlaku nanti. Dia sewa walaupun dia bayar tapi tujuan tak sampai. Matlamat yang dikehendaki oleh PBT tak sampai. Tujuannya ialah kita untuk meniaga yang kedua… sekejap. Yang kedua ialah tempat yang lebih strategik. Saya tengok banyak gerai dibina tetapi kadang-kadang wat gapo orang tak nak meniaga. Tempat yang tidak strategik, jauh dan sebagainya. Saya fikir… ini sekadar pandangan saya sajalah.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua, ADUN Cheka ni dia ahli PAS.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker... Speaker...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker,

ADUN Cheka ni dia Ahli Parlimen, dia punya minda dia… pemikiran dia… bertaraf bandar raya [Ahli Dewan ketawa]. Jadi… jadi… jadi maknanya, kedai macam di bandar Kuantan, di bandar Temerloh ataupun yang lebih dekat lagi di bandar Kuala Lumpur memang boleh kita buat gitu. Kalau di kampung kita nak buat begitu, kadang-kadang kawan ADUN Cheka. Kita pun, Allah… nak keras karang jadi serba-salah. Tauke kedai tu pak sedara, yang membelinya anak saudara, yang tukang lulusnya pupu-poyang. Jadi kalau kampong… di kedai, memang itulah dia maknanya, tajuknya begitu. Bukan tak setuju tapi saya rasa tunggu Kampung Kuala Tekal, DUN Kerdau tu jadi bandar raya kita buat macam tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat,

Tak apalah kita *go case by case*, *case by case* kita tengok. Tapi sebenarnya Yang Berhormat saya nak kongsi juga sebenarnya memang orang kampung kita ni kalau JKKK dia dapat kedai, JKKK sebelah tu nak kedai juga. JKKK ini dapat futsal JKKK sebelah tu nak futsal juga. Ini masalah dia jadi kadang-kadang dia benda tu terlalu banyak dibuat. Kita tak nak buat dia cakap ini Wakil Rakyat tak ada daya maju dan daya saing. Tak boleh nak mendapatkan peruntukan ini satu hal juga.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dato' Sri Speaker… Dato' Sri Speaker ada pengalaman menda tu?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya berada di sini sejak tahun 1999. Yang ada sini lagi kawan-kawan saya yang lamalah. Wakil daripada Benta dan wakil daripada Jengka eh… wakil daripada Cheka, dia dulu masuk pastu dia keluar, pastu masuk balik, keluar masuk balik.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker, cara menjawab macam bagi pihak kerajaan je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya memang dilantik oleh kerajaan tapi saya kena…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Rindu eh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

…saya kena berlaku adil.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Dato' Sri Speaker, tambah sikit lagi boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Begini yang disebut tentang sewa atas sewa tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak habis lagi. [Ketawa]

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Sebab penjelasan daripada sahabat saya daripada Kerdau tadilah kan kome ni dekat aje Kerdau yang Sanggang ni sebelah-sebelah je. Saya tengok isu sewa atas sewa ni kadang-kadang dia jadi satu masalah kepada gerai-gerai yang ada di tempat apa ni pihak berkuasa tempatan ini. Jadi mungkin kena ada satu kaedah bagaimana untuk mengawal sewa atas sewa ni makna kena kenal pasti betul-betul mana yang benar-benar peniaga kadang-kadang macam disebut oleh Benta tadi sampai tiga lapis sewanya kan. Jadi perkara- perkara macam ini, mungkin kita kena teliti dan beri pada orang yang benar-benar nak meniagalah Dato' Sri. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya bersetuju...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey…okeylah.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dengan sahabat saya daripada Semantan ini Dato' Sri Speaker, bukan tak setuju tetapi masa kita menawarkan gerai tu kepada dia. Dia cuma tidak menyebut kalimah Wallahi Wabillahi Watallahi je nak niaga [Ahli Dewan ketawa]. Dia bukan main tunjuknya buku bank, tunjuk apa namanya… apa mesin nyor dia, mesin kelapa dia, oh gaya macam nak niaga betul. Jadi kita kena jual, apa nak buat? Memang saya dah kabo dua hari lepas, di antara gaji Ahli-ahli Yang Berhormat kena tipu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, soalan seterusnya. Soalan nombor 4, wakil daripada Tanah rata.

YB TUAN HO CHI YING

Terima kasih. Dato' Sri soalan saya nombor 4.

> [Man and Biosphere (MAB) Mossy Forest Penubuhan Man and Biosphere (MAB) Mossy Forest di Cameron Highlands oleh Kerajaan Negeri Pahang yang bertujuan menggabungkan pemuliharaan dan pembangunan amat digalakkan.
>
> Jelaskan pelan kerajaan untuk memanfaatkan penubuhan MAB untuk mempertingkatkan usaha memelihara khazanah alam sekitar dan

meningkatkan tahap pembangunan ekonomi penduduk setempat pada masa yang sama]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Tanah Rata. Di Cameron Highland ini memang baru-baru ni dianugerahkan tempat pemandangan paling indah antara 41 pemandangan paling indah. Dan juga Kerajaan Tempatan, kawasan majlis yang Bandar Paling Bahagia dan saya ucapkan tahniahlah kepada Cameron Highlands. Penubuhan *Man and Biosphere (MAB) Mossy Forest* di Cameron Highlands adalah selaras dengan *Blueprint* Pahang Destinasi Warisan Dunia iaitu salah satu *blueprint* yang akan menjurus kepada transformasi ke arah ekonomi yang berasaskan khazanah. Yang menggariskan hasrat pelaksanaan pembangunan yang sumber berasaskan pengiktirafan tapak atau kawasan sebagai warisan sejagat.

Program *Man and Biosphere* ni merupakan inisiatif utama UNESCO, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertu dalam pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan mampan. Program ini menyediakan ruang melalui penyediaan pelan pengurusan serta kawalan bagi mengurangkan konflik di antara aktiviti-aktiviti manusia dan juga di kawasan sekitar. Penubuhan *MAB* ini, *Mossy Forest* adalah platform yang sesuai bagi tujuan pemeliharaan khazanah alam dari penerokaan yang tidak terancang dan pada masa yang sama menjadi platform untuk menarik pelancong-pelancong ke tapak ekopelancongan bertaraf antarabangsa.

Perkara ini sekali gus dapat memperkasakan ekonomi penduduk-penduduk setempat dan serta memperkenalkan budaya-budaya dan warisan di sekitar kawasan Cameron Highlands. Pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan kerjasama Universiti Putra Malaysia telah merangka satu Pelan Induk Pembangunan Taman Eko Rimba *Mossy Forest*.

Pertamanya, terdapat empat strategi yang dirangka untuk mencapai objektif melalui strategi kemudahan. Menerusi strategi tersebut, kemudahan-kemudahan dan fasiliti-fasiliti yang berada di Taman Eko Rimba *Mossy Forest* ini akan dibangunkan semula dengan memberikan penekanan terhadap keseimbangan ekosistem *Mossy Forest*. Antara objektif tersebut adalah satu, penghasilan produk-produk ekopelancongan yang unik serta berdaya maju.

Kedua, mewujudkan strategi bagi pembangunan semula kawasan rekreasi kawasan ini bagi tujuan pembentukan pengalaman rekreasi dan konservasi sumber. Ketiga, penyusunan strategi bagi pemasaran berkesan untuk produk-produk ekopelancongan di kawasan rekreasi terlibat. Keempat, merangka pelan tindakan bagi melaksanakan semua strategi-strategi yang telah dikenal pasti dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan ekopelancongan di kawasan ini dan dengan adanya *Mossy Forest* ini sudah tentu akan dapat meletakkan nama Cameron Highlands di peta antarabangsa dan menggalakkan lebih ramai lagi pelancong-pelancong akan berkunjung ke Cameron Highlands. Dengan kawasan yang indah, dengan segala yang ada di Cameron Highlands sudah sewajarnyalah Cameron Highlands ini dikenal pasti sebagai antara Bandar Paling Bahagia dalam Malaysia ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi ke soalan nombor 5 wakil daripada Ketari.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan Ketari nombor 5.

> [Apakah status terkini permohonan peruntukan (Notis Pemberitahuan Kecacatan [NOD]) untuk baik pulih kerosakan jalan, hakisan tebing sungai dan keruntuhan cerun di sepanjang Jalan Bentong - Kuala Lumpur Lama (FT 68)?]

YB TUAN IR RAZALI BIN KASSIM

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat ADUN Ketari yang mengemukakan soalan atau pertanyaan kenaikan peruntukan dan Notis Pemberitahuan Kecacatan [NOD] di sepanjang Jalan Bentong-Kuala Lumpur Lama (FT 68).

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2022, peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM900,000.00 untuk kerja-kerja pembaikan *pavement*, RM2.3 juta untuk pembaikan bukan *pavement* dan RM2.5 juta untuk pembaikan cerun.

Untuk pembaikan *pavement* ini, err… satu di Seksyen 38.50 – 41.00, ini *landmark* dekat simpang Janda Baik, kosnya RM900,000.00. Mula 18.02.2022 dan siap pada 01.06.2022. *So,* kerja dah siap 100%. Manakala kerja-kerja bukan *pavement* di Seksyen 67.00, *landmark* dia dekat terowong ECRL iaitu membaik pulih tebing dan jalan runtuh, kos RM2.3 juta, mula pada 13.01.2022 dan siap pada 29.08.2022. Pun dah siap 100%.

Dan kerja-kerja pembaikan cerun di dua kerja iaitu di Seksyen 56, *landmark* dia di Kolam Air Panas. Kos RM1.8 juta. Mula pada 20.1.2022 dan siap pada 19.05.2022. Kerja dah siap sepenuhnya dan satu lagi di Seksyen 43.4, *landmark* dia dekat Simpang Janda Baik. Kerja-kerja memasang *gabion*, kos RM745,000.00, mula pada 29.06.2022 dan siap pada 28.10.2022. Itu untuk kerja tahun 2022.

Bagi tahun 2023, peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM1.8 juta untuk kerja pembaikan *pavement*. Ini di Seksyen 47.00 hingga Seksyen 49.50. Kos RM1.0 juta. Mula pada 24.02.2023 dan siap pada 31.05.2023. Kerja dah siap sepenuhnya.

Dan kedua di Seksyen 70.00 hingga Seksyen 71.00. Kos RM800,000.00. Mula pada 01.06.2023 dan siap pada 04.09.2023. Kerja dah siap 100%. Manakala kerja-kerja bukan *pavement,* ada dua kerja. Pertama di Seksyen 49.00 hingga 49.50 iaitu kerja baik pulih bahu jalan yang runtuh, kos RM80,000.00. Mula pada 20.06.2023 dan siap pada 18.09.2023. Dan kerja keduanya di Seksyen 70.00 hingga 70.80 iaitu menaik taraf longkang sedia ada. Kos RM250,000.00. Mula pada 20.06.2023 dan siap pada 04.09.2023.

Bagi permohonan pembaikan pada tahun 2024, permohonan peruntukan telah dihantar kepada pihak Kementerian Kerja Raya… Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Senggara Fasiliti Jalan JKR Malaysia pada 25 Oktober 2023. Bagi permohonan kerja-kerja pembaikan melibatkan Jalan Persekutuan dan kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR Malaysia pada 5 Februari 2024, bagi kerja kerja pembaikan melibatkan cerun di Jalan Persekutuan dan juga Jalan Negeri.

Hingga kini, JKR Pahang telah menerima kelulusan untuk melaksanakan pembaikan *pavement* di 2 lokasi dengan kos RM3 juta dan pembaikan cerun di 3 lokasi dengan kos RM6 juta. Kerja kerja di tapak dalam proses pelaksanaan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Soalan tambahan saya adalah, yang pertama apakah untuk tahun 2024, apakah jumlah peruntukan yang dipohon? Kalau tak boleh angka tepat… ataupun *percentage* yang kita dapat? Dan yang kedua, sebahagian besar jalan tersebut sedang digunakan oleh kontraktor-kontraktor ECRL yang menggunakan kenderaan berat dan juga menyumbang kepada kerosakan jalan raya dan semua itu. Adakah apa-apa mekanisme Kerajaan Negeri untuk memastikan kerosakan yang dilakukan oleh kontraktor ini akan dibaik pulih? Atau apakah penyelenggaraan dia?

YB TUAN IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan yang pertama tadi berkaitan dengan peruntukan, saya sudah maklum tadi peruntukan untuk tahun 2024 ni, satu untuk kerja-kerja jalan, *pavement* RM3 juta dan kerja-kerja pembaikan cerun ada RM6 juta dan manakala kerja-kerja kerosakan jalan akibat laluan kenderaan berat daripada… oleh ECRL... err… saya percaya bahawa pihak ECRL ini sendiri err… tu dalam apa ini, err… dia akan membaiki mana-mana jalan kerosakan disebabkan oleh kerja-kerja yang dilaksanakan untuk kerja-kerja ECRL.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan satu. Agak lain sikit tapi saya nak kaitkan apa yang dibangkitkan soal kerosakan jalan. Ada isu besar sikit kita di laluan Jerantut-Benta, di mana lombong bijih besi di Kampung Baru dan lori-lori bijih besi ni kita tahulah dengan besarnya dengan beratnya dan baru diturap dan masih rosak lagi. Maknanya saya ingat kalau lori ECRL dia terpaksa tanggung kos. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk lori-lori yang bawa bijih besi ini yang menyebabkan kerosakan teruk kerana beban yang sangat besar, yang tak mampu ditampung oleh jalan kita? Saya kesian JKR terpaksa baiki setiap kali baiki balik. Apakah mekanisme supaya pihak yang menyebabkan kerosakan ini juga menanggung kos bagi mengurangkan beban kerajaan? Terima kasih.

YB TUAN IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan jalan tersebut, saya akan semak balik dengan pihak JKR. Sebab isu ini saya tiada maklumat dan insya-Allah saya akan semak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 6.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Pelaburan Asing Bersih Negara 2023 sebanyak RM 39.5 Billion berbanding RM 74.6 billion (2022), menurun sebanyak 47%;
>
> a) Apakah kesan penurunan FDI bersih 2023 negara kepada pelaburan di negeri Pahang?
>
> b) Apakah perancangan atau polisi kerajaan negeri untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang Tenaga Yang Boleh Diperbaharui (Renewable Energy)
>
> c) Berapakah nilai pelaburan di Pahang setakat 2023 dalam bidang Tenaga yang Boleh Diperbaharui?]

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim, Assalammualaikum WBT. Terima kasih YB Dato' Sri Speaker dan juga terima kasih kepada sahabat saya ADUN Beserah yang bertanyakan soalan nombor 6 dengan satu pertanyaan, 3 soalan sebenarnya. Soalannya berbunyi demikian, saya akan jawab satu persatu.

Pelaburan asing bersih negara 2023 sebanyak RM39.5 bilion berbanding RM74.6 bilion pada tahun 2022 menurun sebanyak 47%. Soalan pertama (a), apakah kesan penurunan FDI bersih 2023 negara kepada pelaburan di negeri Pahang?

Yang Berhormat Speaker,

Jumlah FDI pada tahun 2022 adalah RM11.01 bilion. Manakala pada tahun 2023, kita berjaya meraih jumlah FDI yang lebih tinggi iaitu RM11.7 bilion. Penambahan sebanyak 6%. Dari segi impak kepada FDI, ia tidak mempunyai kesan sebenarnya. Sungguh pun begitu, angka pelaburan domestik ada penurunan sebanyak RM4 bilion disebabkan persaingan sengit antara negeri… antara negara. Dan juga sentimen pelaburan semasa. Peningkatan FDI ini dilihat memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pahang di mana hasil… kutipan hasil negeri pada tahun 2023 mencapai RM1.306 bilion berbanding RM1.28 bilion pada tahun 2022.

Saya selaku Wakil Rakyat muda memang amat kagumlah dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang berjaya meningkatkan hasil Kerajaan Negeri melebihi RM1 bilion buat dua tahun berturut-turut. [Ahli Dewan menepuk meja]. Syabas Dato' Sri.

Soalan kedua, apakah perancangan ataupun polisi Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang Tenaga Yang Boleh Diperbaharui? Dalam erti kata, *Renewable Energy*. Kerajaan Negeri Pahang dan juga agensi-agensi *invest* Pahang yang ditugaskan untuk menarik pelaburan memang mengalu-alukan semua cadangan ataupun *proposal* untuk tenaga yang boleh diperbaharui. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk tingkatkan sumber tenaga dari sumber-sumber yang boleh

diperbaharui untuk menjadi 40% daripada jumlah sumber pada tahun 2035 dan sasaran yang begitu tinggi iaitu 70% sumber tenaga yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2050, di mana kita jangkakan Malaysia boleh capai karbon sifar bersih ataupun dengan izin, NETS Zero pada tahun tersebut. Dan kami telah menerima begitu banyak cadangan ataupun proposal yang melibatkan ladang solar, yang melibatkan solar terapung dengan izin, *floating solar*, yang juga cadangan-cadangan stesen pengecasan elektrik untuk kenderaan elektrik.

Berkenaan dengan ladang solar, kami melihat cadangan tersebut secara *case by case*. Ia sebab ladang solar ini dia ada kos peluang dengan izin, *opportunity cost*. Sekiranya kita gunakan tanah tersebut untuk ladang solar, maknanya ia tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Sebagai contoh, untuk tanaman pertanian, sebagai contoh, untuk tanah perindustrian. Dan kita perlu ingat, sungguhpun Pahang ni keluasannya besar saiznya 36… 36 juta kilometer persegi tetapi 57% daripada saiz tersebut perlu dirizabkan untuk kawasan tadahan air, perlu dirizabkan untuk hutan khatulistiwa kita yang begitu istimewa. Bermaksud yang kita hanya boleh membangunkan Pahang ni dengan saiz tanah 43%. Jadi saiz tanah 43% ini perlu dimaksimakan sebaik mungkin dan kita perlu teliti apakah cadangan tanah yang sesuai untuk tujuan solar ataupun tenaga boleh diperbaharui.

Baik untuk soalan ketiga. Berapakah nilai pelaburan di Pahang setakat 2023 dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui? Nilai pelaburan komited melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang pada tahun 2023 dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui adalah berjumlah RM800 juta untuk projek Pahang Wind Farm ataupun tiang penjana tenaga angin atau Energy Sdn. Bhd. dan PSK telah menyerahkan permohonan projek-projek pelaburan dan fail yang telah diluluskan berkaitan projek *Renewable Energy* kepada Pahang Water and Energy Resources Sdn. Bhd. pada tahun 2021 bagi tindakan penyelarasan selanjutnya.

Saya pun sebenarnya terkejut dengan cadangan ini sebab saya duk ingat *wind farm* ataupun tiang tenaga angin ni hanya boleh dilaksanakan di lokasi-lokasi tertentu di dunia. Sebagai contoh di California ke, di Eropah ke tetapi ini sebenarnya menurut pelabur antarabangsa, boleh. Dengan syarat tenaga… tiang tenaga angin tersebut ataupun *wind farm* tersebut mempunyai kelajuan sekurang-kurangnya minima 5 meter persaat. Jadi sebelum mereka mendirikan tiang jana kuasa angin yang begitu besar itu mereka perlu mendirikan sebuah menara kecil dengan izin, *Wind Mast* yang mengukur kadar kelajuan angin di lokasi-lokasi yang dicadangkan di Pekan, di Rompin, di Lipis dan sebagainya.

Untuk memastikan data selama 6 bulan itu mencapai kelajuan minima 5 meter dari segi kelajuan angin. Untuk pelabur balik modallah orang kata. Kalau tidak, projek ini tidak boleh menjadi *waiver*. Jadi sama-samalah kita mendoakan agar kajian ini berjaya supaya Pahang jadi negeri pertama dalam Malaysia yang akan ada projek tenaga angin ataupun *Wind Farm*, insya-Allah. Terima kasih YB Yang di-Pertua.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh, satu soalan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita bagi Tras kemudian Beserah.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bagaimana pula dengan tenaga yang digunakan ombak? Adakah untuk digunakan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ombak?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ombak… ombak… untuk menyelidik tenagalah baru, macam gitu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ombak…

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Laut… laut…

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Tras. Sehingga kini kita belum terima apa-apa cadangan untuk jana kuasa daripada ombak. Sebenarnya saya difahamkan satu alternatif sedang diwujudkan oleh GLC daripada negara China, Shanghai Electric Company semasa saya pergi Ekspo err... Ekspo Perdagangan di Germany. Mereka ada teknologi *Floating Wind Solar*. Maksudnya tenaga angin terapung di laut. Tapi saya percaya ini adalah satu teknologi baru dan saya perlu meneliti dan berbincang dengan pakar-pakar di syarikat tersebut untuk mengetahui dengan lebih lanjut adakah teknologi ini boleh diguna pakai di perairan negeri Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker, terima kasih pihak kerajaan di atas jawapan diberikan. Memang kita akui cabaran yang besar untuk kita nak beralih kepada sistem ataupun kepada perkara baru daripada perkara lama. Tapi nak tak nak suka tak suka, kita kena merancang hari ini untuk beralih. Hari ini kita bergantung sumber tenaga kita kepada sumber-sumber berasaskan fosil sama ada arang batu ataupun gas. 70% tenaga kita elektrik ke dan sebagai jana kuasa pemanasan… *heating,* industri semua gunakan elektrik yang berasaskan kepada arang batu ataupun natural gas. Jadi 70%, maka ke arah negara yang *zero carbon discharge* ini kita kena merancang sekarang dan cabaran memang besar.

Cuma saya nak tanya ada tak satu *roadmap* yang kita buat untuk negeri Pahang, bagaimana kita nak menjana dan melaksanakan perancangan tersebut sehingga boleh tercapai sasaran 2040 kita adalah merupakan negeri *low carbon emission*? Negeri yang ada pengeluaran hasil karbon yang yang rendah. Yang kedua, adakah polisi bagaimana untuk penjanaan tenaga solar ini ada saiz ataupun kuantiti tertentu kerana dia sama macam pertanian. Dia kena ada *economies of scale*, dia tak boleh buat ladang solar kecil-kecik. Dia tidak menjanakan keuntungan ataupun boleh pulangan. Dia mesti ada saiz ataupun kuantiti tertentu yang boleh dijana supaya pelabur ini boleh mendapat keuntungan. Ada tak garis panduan yang diberikan dari segi *scale* ladang solar yang perlu dibina di negeri Pahang? Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Beserah. YB Dato' Sri Speaker, sebenarnya Kerajaan Negeri ada perancangan untuk *net zero* dalam negeri Pahang. Ia masih dalam peringkat kajian dan akan diambil kira untuk Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang ataupun *Pahang Economic Masterplan* yang bakal dilaksanakan ataupun dikaji oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Pahang bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pahang. Dalam perancangan tersebut, kita juga perlu mengambil kira arah tuju Malaysia sepertimana yang saya sebut tadi kita ingin menjana 70% daripada sumber tenaga daripada tenaga yang boleh diperbaharui.

Ya, saya setuju dengan sahabat saya daripada Beserah kita perlu beralih daripada ekonomi yang berteraskan minyak dan gas ataupun *carbon base economy* kepada ekonomi yang lebih lestari, yang lebih hijau. Tapi kita perlu ingat transisi ini, peralihan ini adalah satu yang begitu sukar. Itu sukar sebab selama 100 tahun ataupun berdekad-dekad kita telah… kita memerlukan minyak dan gas untuk pelbagai keperluan bukan sahaja untuk jana tenaga, malah sebagai contoh untuk pengeluaran plastik.

Adakah kita ada *substitute… alternative* untuk plastik sekarang ni? Jawapannya tidak bukan untuk jangka masa yang terdekat ini. Tapi saya percaya dengan kewibawaan manusia untuk membuat inovasi dan mudah-mudahan saintis-saintis kita boleh menemui satu kaedah untuk mengurangkan tenaga-tenaga ataupun bahan-bahan seperti plastik, *chemical,* malah nitrogen yang berasaskan daripada industri minyak dan gas.

Kita juga boleh ambil contoh pengeluaran makanan. Dalam dunia ini ada 8 bilion manusia. Untuk memberi makan kepada 8 bilion ini kita perlu ada penggunaan baja nitrogen. Menurut kajian-kajian tertentu tanpa baja nitrogen… tanpa baja ammonia, *fosfat* dan sebagainya kita tak boleh memberi makan kepada 4 bilion manusia kerana nitrogen digunakan untuk semua bahan makanan. Semua apa… baja untuk gandum, untuk nasi dan sebagainya. Ini kesukaran yang kita hadapi… cabaran. Tapi saya setuju, kita perlu beralih. Suka tak suka kita perlu beralih.

Tapi dengan, dengan kadar kemampuan kita. Sebab negara-negara barat ni dia sudah lama ke hadapan. Ya ada banyak negara yang masih belum di tahap pembangunan yang tinggi, mereka perlukan kegunaan minyak dan gas untuk masa yang terdekat ini supaya mereka boleh membangun dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara barat. Sebab itu negara-negara yang maju ini perlu bantu negara-negara yang mundur. Sebagai contoh, di Afrika, mereka tidak mempunyai sumber yang banyak ataupun kekayaan yang tinggi… hasil kekayaan yang tinggi yang bolehkan mereka beralih terus kepada ekonomi hijau. Benda ini makan masa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Berbalik dengan err… saya belum habis jawab lagi [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh… belum lagi. Panjang juga ya mukadimah [ketawa].

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Mukadimah. Err… berbalik dengan pertanyaan berkenaan dengan soalan saiz ladang minima. Menurut… menurut pemain-pemain industri, saiz minima untuk ladang solar...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

150…

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Adalah menurut merekalah 40 ekar sebagai *rule of term,* 1 megawatt memerlukan 3.5 ekar tanah dan anggaran kos untuk 40 megawatt ni adalah RM50 juta. *So,* ini adalah ladang solar yang paling kecillah untuk orang kata balik modal kepada pelabur. Itu sahaja YB Dato' Sri. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Dato’ Sri Speaker, untuk soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey *last*.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya cuma nak minta penjelasan daripada wakil kerajaan kerana daripada kenyataan apa tu pertanyaan daripada sahabat saya Beserah yang menyatakan Pelaburan Asing Negara pada 2023, sebanyak RM39.5 bilion dan telah menurun sebanyak 47% berbanding dengan 2022.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat kita dah pergi soalan lain dah Yang Berhormat.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Tak err... tak maksudnya yang untuk pelaburan asing pertanyaan YB Beserah tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Cuma… saya cuma nak mintak penjelasan daripada Kerajaan Negeri kerana apa yang saya dapat daripada Sinar Harian yang bertarikh 1 April 2024, FDI negara sebenarnya pada 2023 adalah meningkat sebanyak err… bukan meningkat adalah berjumlah RM188.4 bilion untuk FDI pada 2023. Itulah saya mohon penjelasan daripada wakil Kerajaan Negeri ataupun err… berkenaan dengan ini sama ada FDI negara telah menurun atau meningkat sebenarnya. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Kalau saya boleh petik sumber... terima kasih sahabat saya daripada Semambu. Kalau saya boleh petik sumber MIDA, pada tahun 2023, Malaysia telah merekodkan jumlah Pelaburan Asing sebanyak RM188.4 bilion berbanding RM163.3 bilion pada tahun 2022 iaitu sebanyak... itu peningkatan sebanyak 15.3%. Jadi untuk pertanyaan YB, kita perlu rujuk kepada yang menanya soalanlah YB Beserah kita. Dari sumber yang beliau dapat mengenai penurunan tersebut. Sebab saya hanya menjawab kepada pertanyaan beliaulah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya jawab soalan daripada... Dato' Sri. Saya rujuk ini daripada data daripada Bank Negara. Ini FDI… *net* FDI… bukan *gross* FDI. Okey, ini *net* FDI. Mungkin kita ada *approved* FDI tapi belum tentu lagi. Tapi yang dah betul-betul melabur adalah sebanyak ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna dia dah buat kerja tanah. Ha… contohnya, dia melaburlah, contoh. Okey, kita pergi soalan seterusnya. Soalan nombor 7, wakil daripada Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT, Dato' Sri Yang di-Pertua. Sebelum saya menanyakan soalan ni saya tengok ke galeri yang ada di depan. Saya nak ucap… saya nampak apa ni DJ… DJ rumah terbuka saya. Jadi saya nak ucapkan selamat datang kerana beliau membawa rombongan daripada Majlis Belia Negeri Pahang. Selamat datang ke Dewan ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi soalan saya ialah soalan nombor 7.

> [Apakah latihan yang akan diberikan kepada Suri Rumah untuk melahirkan Usahawan Suri Rumah sebagaimana yang dinyatakan dalam Matan Belanjawan Tahun 2024?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada sahabat yang bertanya daripada kawasan Padang Tengku. Soalan sahabat kita adalah mengenai apakah latihan yang akan diberikan kepada suri rumah untuk melahirkan usahawan suri rumah sebagaimana yang dinyatakan dalam Matan Belanjawan tahun 2024?

Ya, suri rumah yang berpengetahuan mengenai teknologi IT adalah merupakan satu kelebihan kerana ianya boleh meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka sekiranya ianya digunakan dengan betul. Jadi untuk itu, kami telah menyediakan satu latihan penting iaitu latihan mengenai kepentingan teknologi IT. Sehubungan itu, peserta-peserta akan dipilih mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan bagi menyertai Program Usahawan Suri Rumah ini.

Peserta-peserta Anggun Niaga dan Anggun Usaha bagi tahun 2022 dan juga 2023 antaranya akan dipilih untuk menyertai program ini. Program ini diwujudkan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran serta memberi latihan insentif dalam bidang keusahawanan dan perniagaan secara atas talian.

Melalui program yang disediakan, peserta akan dilatih menggunakan teknologi terkini dan telefon pintar ke arah suri rumah celik digital. Program yang akan diadakan juga akan mengajar suri rumah cara untuk memanfaatkan platform digital dan media sosial dalam mempromosikan dan menjalankan perniagaan atas talian. Ini termasuk pengenalan kepada e-Dagang, pengurusan media sosial, pemasaran kandungan dan strategi pemasaran digital untuk menarik pelanggan serta meningkatkan penjualan. Dengan penyelesaian program ini, peserta tidak hanya akan meningkatkan literasi digital mereka tetapi juga akan memperoleh kemahiran praktikal yang dapat digunakan untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Tadi ada disebut ada peserta Anggun Niaga dan satu lagi Anggun apa tadi? Anggun Sutera? Anggun? Anggun Usaha ha... Anggun Niaga dan Anggun Usaha. Selain daripada itu, kita semua tahu bahawa Dato' Sri Speaker, suri rumah tangga ini banyak lagi rakan-rakan sengaji dia umpamanya usahawan bawah err... Amanah Ikhtiar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Rakan *WhatsApp*. Rakan *WhatsApp* pun ramai juga.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ha… [ketawa]. Amanah Ikhtiar, RISDA, bimbingan RISDA, bimbingan Pertanian, FELDA dan pelbagai lagilah. Jadi saya nak tanya adakah boleh program ini juga melibatkan kumpulan-kumpulan ini dan jika boleh, bila? Bagaimana cara nak mendaftar? Bila program itu dilaksanakan? Supaya kehadiran apa ni usahawan wanita yang banyak ini dapat dirasai. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Minat betul Padang Tengku ni pada suri rumah tangga ya [ketawa].

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada soalan tambahan tersebut. Untuk makluman semua ya, peserta-peserta yang menyertai program ini bukan sahaja yang peserta baru tetapi juga

termasuklah peserta daripada yang telah dijalankan oleh agensi-agensi tadi yang RISDA ke Amanah Ikhtiar. Sebenarnya di dalam program yang kami sediakan termasuk dah mereka-mereka ini dan untuk makluman juga sebenarnya Anggun Usaha ini adalah program yang dinamakan Anggun Usaha yang terdiri daripada wanita-wanita B40 dan Anggun Niaga adalah golongan ibu tunggal B40.

Ha… itu beza dia tapi masih lagi wanitalah dan program ini akan kita jalankan seawal bulan Jun tahun ini dan cara untuk wanita-wanita di luar sana untuk mendapatkan ataupun menyertai program ini ialah dengan melihat media sosial Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Negeri Pahang juga melalui pejabat-pejabat ADUN dan juga pemimpin setempat. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan nombor 8. Wakil daripada Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 8.

> [Pertubuhan belia secara dasarnya wujud sebagai platform untuk melatih belia-belia untuk meningkatkan lagi nilai-nilai kepimpinan, kesukarelawan, pendidikan dan lain-lain. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan lagi belia-belia Pahang untuk bergiat aktif dalam pertubuhan belia?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih juga sahabat saya Yang Berhormat Jenderak atas soalan berkait dengan pengukuhan aspek kepimpinan dan juga usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menggalakkan belia di seluruh negeri ini terlibat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sebelum saya menjawab soalan ini, saya mengalu-alukan kehadiran barisan kepimpinan belia Majlis Belia Negeri Pahang yang baharu yang akan menerajui Majlis Belia Pahang dalam tempoh 2 tahun sehingga 2026 yang diterajui oleh saudara Shaharuddin Ahmad. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kampung Teluk Ira.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Usahawan yang juga pemilik Laziz Patin dan juga Timbalan Presidennya, saudara Megat Suhai Osman, Pegawai Pertanian Daerah Bera kalau tak silap dan gandingan rakan-rakannya dan kita harap sinergi pengalaman, ada usahawan ada pegawai pertanian, cikgu, pegawai IT dan latar belakang lain akan mampu memberi suntikan baru kepada negeri ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang atas tu boleh duduk. Diaorang semua dah tangkap gambar dah. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dato' Sri Speaker,

Sesungguhnya pelbagai inisiatif, usaha dan juga strategi telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk meningkatkan aspek kualiti kepimpinan belia sekali gus menggalakkan belia-belia di seluruh negeri ini untuk terlibat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan belia sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun persekutuan dan antara inisiatif julung-julung kali diadakan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah pelaksanaan Program Pemerkasaan Persatuan Belia Pahang atau *Youth Empowerment Society* atau juga dikenali sebagai *YES Pahang* yang melibatkan 3 peringkat pelaksanaan iaitu daerah, zon dan juga negeri. Program ini dirangka khusus untuk melahirkan pemimpin belia yang benar-benar berkualiti dan yang terbaik atau dengan izin, *Cream of The Cream* sekali gus mampu mewarisi kepimpinan negeri ini pada masa depan.

Melalui program *YES* ini, seiring peribahasa "Jikalau menampi, jangan tertumpah padinya". Peserta dipilih secara rapi melalui beberapa saringan ketat bermula di peringkat daerah hingga ke peringkat negeri. Setiap anak muda yang terlibat dalam program *YES* ini perlu memperuntukkan masa selama 2 hari untuk kursus Fasa 1 iaitu di peringkat daerah, 4 hari untuk kursus Fasa 2 iaitu di peringkat zon dan 5 hari untuk kursus Fasa 3 iaitu di peringkat negeri. Ini bermakna pemimpin belia yang berjaya menyertai sehingga 3 fasa *YES* ini perlu memperuntukkan keseluruhan 11 hari bagi menyempurnakan program yang julung-julung kali diadakan ini.

Model program *YES* ini dirangka dengan cermat, tersusun dan juga rapi mencakupi kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, pembentukan daya saing dan ketahanan jati diri yang tinggi, kecekapan pengurusan pertubuhan belia serta pendedahan kepada cabaran-cabaran masa kini yang perlu dihadapi oleh belia.

Dan matlamat akhir daripada program *YES* ini, kita berhasrat melahirkan pemimpin pelapis belia yang benar-benar kompeten untuk menerajui pertubuhan-pertubuhan belia di seluruh negeri Pahang dan keberadaan mereka kemudiannya mampu menarik anak-anak muda belia dari seluruh negeri ini untuk terlibat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan belia sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun persekutuan. Dan pemimpin-pemimpin belia yang terpilih ini kemudiannya akan disenarai pendek daripada program *YES* ini dan berpeluang untuk menyertai satu program khusus yang insya-Allah kita akan laksanakan pada Julai ini iaitu Retreat Khas Pemimpin Muda Pahang bagi menentukan hala tuju dan jatuh bangun belia di negeri Pahang selepas ini.

Retreat Pemimpin Muda Pahang ini akan menjadi platform penting untuk kita mendengar suara-suara daripada pemimpin-pemimpin belia untuk kita berkomunikasi mencapai persetujuan dan kata sepakat. Apa hala tuju yang nak dibawa selepas daripada ini supaya pemimpin-pemimpin belia ini dipandu dengan fokus dan matlamat yang jelas demi manfaat anak-anak muda dan belia di seluruh negeri Pahang ini.

Dan selepas daripada kita mencapai kata putus tentang hala tuju belia negeri Pahang ini yang banyak perubahan selari dengan peredaran masa maka selepas daripada itu

kita akan melangkah lebih jauh lagi termasuk antaranya menjalinkan kerjasama dengan belia-belia dari negeri lain khususnya negeri Sarawak sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan hasrat Kebawah Duli Paduka Mulia ini telah saya sampaikan kepada delegasi Sarawak yang kebetulan berkunjung ke negeri Pahang ini beberapa minggu lalu dan alhamdulillah disambut dengan cukup baik dan mereka sendiri telah... sedang memperhalusi cadangan kerjasama yang akan kita rintis dan Sarawak adalah permulaan.

Selepas daripada ini, kita akan rintis kerjasama dengan belia-belia dari negeri-negeri lain pula dan kita harap melalui pelaksanaan program *YES,* Retreat Pemimpin Muda Pahang ini dan macam-macam kerjasama dengan belia-belia negeri lain dan kita dapat melahirkan kualiti hebat pemimpin-pemimpin muda atau belia dari seluruh negeri Pahang dan ia akan menjadi katalis atau pemangkin kepada wujudnya minat serta kecenderungan di kalangan belia dari seluruh negeri Pahang ini untuk terlibat dan kemudiannya bergerak secara aktif dalam pertubuhan-pertubuhan belia di seluruh negeri Pahang ini, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, kita pergi ke soalan seterusnya.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri. Soalan tambahan sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada soalan tambahan juga?

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Err... nak cepat. Kalau tidak kita lambat. Tak ada hal.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Sikit aje. Okey, yang pertama saya nak ucap tahniahlah atas usaha memperkukuhkan belia di dalam negeri Pahang. Tak apalah soalan itu, saya jumpa sendirilah dengan Yang Berhormat EXCO. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Steady Jenderak. Soalan seterusnya, soalan nombor 9.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Assalamualaikum, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 9.

[Apakah mekanisma kawalan harga barangan runcit dan keperluan asas oleh kerajaan negeri bagi kawasan-kawasan terpencil dan pedalaman di negeri ini?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Boleh kita bincang kat luar tak? [Ahli Dewan ketawa]. Tak boleh? Okey, saya bagi jawapan ya. Terima kasih ADUN Sungai Lembing telah mengeluarkan soalan yang begitu baik sekali. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri atau Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pahang sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis perniagaan bagi memastikan peniaga memantau undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dalam melaksanakan urusan peniaga. Pihak kementerian sentiasa menggerakkan anggota penguatkuasa dan pegawai pemantau harga di pelbagai peringkat peniaga sama ada peringkat pengilang, pemborong dan peruncit di seluruh kawasan meliputi bandar dan luar bandar.

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan antara mekanisme yang dan usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi kawalan harga bagi barangan runcit dan keperluan asas oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan-kawasan terpencil dan pedalaman di negeri adalah seperti berikut. Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Dalam peruntukan perundangan tersebut antara tindakan yang boleh diambil ke atas peniaga adalah penguatkuasa anti pencatutan di mana peniaga akan dikenakan tindakan sekiranya mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, juga tindakan menguatkuasakan perintah kawalan harga, tanda harga oleh penjual peruncit.

Selain itu, pihak kementerian turut melaksanakan skim harga maksimum musim perayaan bagi perayaan utama di Malaysia. Di dalam skim ini, pihak kementerian telah menetapkan harga beberapa barang terpilih yang menjadi tumpuan perayaan tersebut sama ada di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit. Err… pihak kementerian juga telah menjalankan pemeriksaan serta pemantauan meliputi seluruh rantaian pengedaran, pembekalan barangan dan perkhidmatan di seluruh negeri telah dijalankan bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang yang telah dikuatkuasakan oleh KPDN.

Bermula dari 1 Januari, ini untuk maklumat ADUN Sungai Lembing. Bermula daripada 1 Januari 2024 hingga kini, sejumlah 16,274 premis perniagaan telah diperiksa di mana 4,389 premis adalah kawasan luar bandar dan 11,885 adalah kawasan bandar. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak 189 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM952,000.00 dan kutipan kompaun berjumlah RM107,900.00. Pemantauan harga secara harian dilakukan… juga dilakukan oleh pegawai pemantau harga di premis terpilih di seluruh negeri Pahang seperti pasar raya, pasar besar, pasar basah, pasar mini dan kedai serbaneka 24 jam.

Untuk menolong kawasan terpencil, kita adakan Jualan Rahmah dan Jualan Makmur. Program ini adalah program jualan barangan keperluan harian terdiri daripada barang makanan mentah atau siap dan barang bukan makanan dikategorikan sebagai barang keperluan harian. Program ini dilaksanakan dengan penglibatan peruncit, pasar raya besar, pasar raya dan pasar raya mini dan kedai runcit yang mana digalakkan untuk memberi pengurangan harga barangan semasa program jualan berlangsung antara 10% hingga 30% berbanding harga pasaran semasa berdasarkan tempat untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia, untuk bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup.

Sepanjang… untuk pengetahuan ADUN Sungai Lembing, sepanjang tahun 2023 KPDN Negeri Pahang telah melaksanakan sebanyak 486 Jualan Rahmah di seluruh negeri Pahang. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara hidup telah melaksanakan program penyeseragaman harga sejak tahun 2009 dengan menanggung kos pengangkutan pembekal ke kawasan pedalaman yang terpilih bagi 7 barangan keperluan bersubsidi atau kawalan seperti tepung gandum, gula putih bertapis kasar, beras putih dan minyak masak, err…minyak masak 1 kilo, Gas Petroleum (sebiji tong gas) dan petrol RON 95 dan diesel.

Objektif program ini adalah membolehkan penduduk di luar kawasan bandar pedalaman dapat membeli barangan keperluan bersubsidi tersebut pada harga ditetapkan oleh kerajaan iaitu seperti di bandar. Bagi negeri Pahang sebanyak empat tempat… zon terlibat program sehingga kini. Mungkin ada untung sikit untuk ADUN Tahan. Ada dua tempat untuk dia. 1 Zon Kuala Tahan, Zon Kampung Bantal, 1 untuk Tioman, Zon Pulau Tioman dan satu di Zon Pekan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L AVEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan Dato' Sri. Isu yang dibincangkan ini ialah kawalan harga barang di kawasan terpencil dan pedalaman dan saya cadangkan untuk atasi isu ini, lantik sukarelawan daripada pertubuhan belia untuk turun padang bantu agensi penguatkuasa yang saya rasa kita semua sedar bahawa agensi ini hanya dapat kita lihat memainkan peranan khususnya sewaktu musim perayaan. Untuk sepanjang masa meneliti isu harga barang ini termasuk di kawasan bandar, di kawasan luar bandar dan pedalaman. Saya rasa kita perlu *engage,* dengan izin, pertubuhan belia atau mana-mana sukarelawan untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasa bagi memantau harga barang sepanjang masa. Bukan sekadar musim perayaan sahaja. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Sabai. Err… saya haraplah semua orang menjadi sebagai orang… sebagai pengguna yang bijak, okey. Err…kita minta semua orang menjadi mata dan telinga untuk KPDN. Kalau mendapati mana-mana tempat jual dengan harga yang mahal, sila hubungi KPDN, kita ada 9 aduan… 9 saluran boleh buat aduan dalam *website*. Err… tambah lagi satu, telefon saya, betul. [Ahli Dewan ketawa]. Nak sebut sekali lagi orang marah dah, 012-981 8819. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan yang seterusnya soalan nombor 10, wakil daripada Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 10.

[a. Sejauh mana kejayaan sektor ekopelancongan di Negeri Pahang?

b. Kompleks pelancongan Tasik Chini didapati telah lama tidak beroperasi.

Apa perancangan kerajaan negeri bagi memastikan Tasik Chini menjadi lokasi pelancongan popular di Malaysia memandangkan pihak

UNESCO telah bersetuju untuk meneruskan pengiktirafan sebagai Rezab biosfera?]

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Manis.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Soalan (a) antara kekuatan Pelancongan Negeri Pahang adalah sektor ekopelancongan dan kita bersyukur kerana pelbagai kejayaan telah diperolehi. Antaranya pada tahun lepas, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah memperakui daerah Lipis sebagai Geopark Kebangsaan. Yang keduanya, Cameron Highlands diiktiraf sebagai antara 51 tempat tercantik di dunia.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk soalan (b) yang bertanyakan tentang pelancongan Tasik Chini. Perancangan Kerajaan Negeri antaranya pertama, pembaikpulihan Kompleks Pelancongan Tasik Chini dilaksanakan melalui tender dan *request for proposal,* dengan izin kepada pelabur berpotensi dan berkelayakan mengurus bangunan kompleks pelancongan. Permohonan telah diterima pada Februari dan dalam proses penilaian. Pihak PSK akan mengangkat permohonan tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah permohonan lengkap diterima dan penilaian selesai.

Kedua, pihak PTNP (Perbadanan Taman Negeri Pahang) juga dalam tindakan untuk membangunkan kajian saintifik pembangunan pelancongan Tasik Chini dan menjalankan bengkel libat urus melibatkan masyarakat Orang Asli, komuniti setempat, NGO pada bulan depan… pada bulan depan untuk mendapatkan seberapa banyak input untuk penyediaan Pembangunan Pelan Pengurusan Tasik Chini, bawah peruntukan EFT.

Ketiga, Tourism Malaysia bersama Pusat Penyelidikan Tasik Chini menghasilkan 2 pakej pelancongan di Tasik Chini, yang masih beroperasi iaitu *Lake Chini Exploration, Lake and Forest Experience*, dengan izin dan *Forest and Indigenous Experience*. Keempat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui projek penanaman pokok dan program *Buy Back Guarantee* dengan komuniti Orang Asli.

Kelima, Jabatan Perikanan Negeri Pahang juga telah melepaskan 40,000 ekor ikan dalam program *Man and Biosphere 360°* anjuran Majlis Biodiversiti Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, walaupun Kompleks Pelancongan Tasik Chini sekarang masih dalam tindakan untuk mendapatkan operator baru. Walau bagaimanapun, sekarang di Tasik Chini terdapat kemudahan yang ditawarkan Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) yang merangkumi penginapan asrama dan studio, tapak perkhemahan, surau, bilik mesyuarat, medan komuniti, kafe dan kemudahan… kemudahan berkayak dan banyak lagi.

Program-program juga telah dilaksanakan oleh pihak PPTC di Tasik Chini adalah modul ekopelancongan kalau ikut senarai ada 16. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, err... *sorry* Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita berharap bahawa err... kita boleh mengambil kesempatan juga melawat Tasik Chini walaupun Kompleks Pelancongan Chini belum sedia tetapi kita sudah ada PPTC. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Soalan tambahan boleh? Dato' Sri? Terima kasih err... Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Soalan tambahan saya adalah kawasan ekopelancongan biasanya terletak dalam hutan err... dan sebagainya. Contohnya, Taman… Taman Negeri Endau-Rompin, Air Terjun Pandan. Err... soalan saya adalah kawasan ini, macam mana Kerajaan Negeri nak memastikan err... kawasan ini sentiasa terjaga dan terpelihara daripada impak pembangunan, pembalakan, perlombongan dan sebagainya?

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhor err... Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk err... tempat-tempat pelancongan yang berasaskan ekopelancongan di negeri Pahang. Kita lihat err... destinasi-destinasi berlainan dia mempunyai *owner* yang berlainan dan mempunyai peraturan-peraturan yang berlainan yang perlu dipatuhi. Jadi sebagai contoh, Taman Negeri Rompin kita difahamkan bahawa dia dalam tindakan Kerajaan Negeri untuk diwartakan.

Manakala untuk air terjun-air terjun, kita ada air terjun yang telah pun dibangunkan sebagai destinasi pelancongan tapi juga ada air terjun yang masih dalam kajian untuk aspek keselamatan, kemudahan dan lain-lain lagi. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada Chini. Soalan pasal Tasik Chini, sila.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Yang Pertama saya nak ucap terima kasih kepada ADUN Pulau Manis yang cakna bagi kawasan DUN Chini. Err... jiran… jiran. Jadi adakah pihak kerajaan berhasrat untuk membuat lawatan untuk melihat kawasan Tasik Chini ni?

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Dato Speaker err… Dato' Sri Speaker,

Memang Yang Berhormat Chini telah err… menjemput saya untuk melawat. Jadi insya-Allah jangan risau kita akan ambil masa aturkan jadual untuk melawat. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah. Soalan terakhir, kita silakan err… wakil daripada Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan pertanyaan yang ke-11.

> [Berapa ramai usahawan FELDA di negeri Pahang yang menghasilkan produk sendiri seperti kerepek dan lain-lain produk?]

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Speaker,

Assalamualaikum WBT, terima kasih kepada Yang Berhormat Chini sahabat saya bertanyakan soalan berapa ramai usahawan FELDA Negeri Pahang yang menghasilkan produk sendiri seperti kerepek dan juga lain-lain produk? Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Dato' Sri, FELDA terus memainkan peranan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi peneroka dan generasinya dengan melahirkan usahawan dari pelbagai sektor dalam menyediakan pelbagai inisiatif strategik untuk meningkatkan kapasiti dan kemahiran usahawan FELDA.

Ingin saya nyatakan di sini, berikut adalah bilangan usahawan FELDA di negeri Pahang yang aktif dan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dengan izin mengikut kategori perniagaan.

Pertama, tanaman berjumlah 199, ternakan berjumlah 1,576 usahawan, akuakultur bernilai eer... berjumlah 89 usahawan, perniagaan 1,861 usahawan, perusahaan 307 usahawan, kraftangan 250 usahawan, dan juga perkhidmatan 1,926 bermaksud keseluruhannya enam ribu dua… 6,208 usahawan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 2,418 usahawan FELDA di negeri Pahang iaitu 38.95% aktif dalam menghasilkan produk mereka sendiri seperti perusahaan makanan iaitu kerepek, makanan tradisional dan juga makanan fermentasi. Dan juga produk kraftangan berasaskan tekstil iaitu batik dan songket serta kayu dan juga logam iaitu pisau, parang dan juga dekorasi ukiran kayu.

Langkah proaktif yang dilakukan oleh FELDA dalam memperkasakan potensi usahawan FELDA Negeri Pahang telah melahirkan seramai 25 usahawan berjaya, mencapai jualan lebih daripada RM1 juta dalam tempoh 1 tahun yang seterusnya menjadi model dan juga tunjang kepada para usahawan FELDA yang lain.

Ini menunjukkan keberhasilan program pembangunan usahawan di kalangan peneroka dan juga generasi FELDA yang tidak hanya membantu dalam menjana pendapatan tambahan tetapi juga membuka peluang pekerjaan kepada generasi baharu.

FELDA akan terus memberikan sokongan dan juga bimbingan kepada para usahawan untuk memastikan mereka terus berdaya saing dan juga berkesan dalam memajukan ekonomi setempat.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker iaitu kepada pihak FAMA dan juga usahawan-usahawan yang telah bersama menyumbang produk-produk yang dapat kita pada hari ini, iaitu, yang antaranya pertama, ucapkan terima kasih… merakamkan terima kasih kepada usahawan Zati D' Hati Resources yang berasal daripada Pekan yang memberi kita hari ini sambal hitam dan sambal Pahang.

Keduanya, Hakimah Bakery daripada Kuantan memberikan kita iaitu biskut bangkit kelapa. Yang ketiga adalah PJ Food Industries daripada Kuantan, pes opor dan juga Ikhtiar Emas Trading daripada Jerantut yang membekalkan kepada kita hari ini ialah maruku halus.

Saya ucapkan… inilah antara usahawan-usahawan yang perlu kita lahirkan selain daripada usahawan-usahawan FELDA, inilah antara usahawan-usahawan negeri Pahang yang boleh mempunyai jenama yang baik untuk kita perkembangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Dato' Sri.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya, apakah usaha-usaha yang dirancang oleh pihak kerajaan bagi terus meningkatkan lagi usahawan di negeri Pahang ini?

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat daripada Chini. Pihak FELDA, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Pihak FELDA sebelum kita menghuraikan Kerajaan Negeri ingin saya menyatakan bahawa Pihak FELDA telah memberikan pelbagai inisiatif dan juga insentif kepada usahawan-usahawan di Malaysia dan juga untuk usahawan di negeri Pahang.

Di antaranya program PPP yang telah mereka bangunkan dan insya-Allah di bawah Kerajaan Negeri Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Negeri Pahang telah memperuntukkan dan juga Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 untuk pelaksanaan program adaptasi dan juga pecutan digital. Kita dapat hari ini rata-rata usahawan, rata-ratanya kita sendiri. Saya dapat melihat rakan-rakan kita semua ber*tiktok*, semua ada *Facebook*, semua *Instagram*.

Ini adalah satu platform yang baharu. Bukanlah kata baharu sangat tetapi boleh digunakan sebagai adaptasi untuk usahawan-usahawan boleh buat pecutan yang lebih baik. Ada usahawan itu menjual tudung. Dahulu *lecturer* tapi hari ni jual tudung, *income* dia 1 bulan, err... *income* semasa nak hari raya je, RM2.2 juta. Bermaksud melalui *online services*.

Ini antara salah satu yang kita perlu huraikan dan saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan kita lebih kurang RM500,000.00 untuk usahawan-usahawan ini mendapat adaptasi dengan pelbagai inisiatif-inisiatif digital yang perlu kita berikan kepada usahawan-usahawan tersebut. Ini antara inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang akan di*support*, akan disokong oleh ya, produk-produk dan juga agensi-agensi lain. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk kita minum pagi. Tapi sebelum itu, saya hendak err... mengalu-alukan kehadiran atau kedatangan wakil-wakil pemerhati kita. 4 orang daripada Angkatan Tentera Malaysia. 8 orang daripada Majlis Belia err... ini bangun untuk kali ketigalah diaorang dan 10 orang daripada Puteri UMNO Bahagian Indera Mahkota [Ahli Dewan menepuk meja]. Dan saya bercadang untuk menempohkan pada… dan kita kembali pada pukul 11.45 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 11.15 pagi]

[Persidangan disambung semula]

MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA DARIPADA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Menimbang usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju Menjunjung kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun disokong dan dibahaskan pada 8, 9 Mei 2024. Seramai 25 orang ahli telah mengambil bahagian membahaskan usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari ini pihak kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya ingin memaklumkan bahawa penggulungan pihak kerajaan akan dimulakan dengan EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Ini kerana Yang Berhormat EXCO terlibat dalam sesi raptai program yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang selepas penggulungan.

Seterusnya saya suka maklumkan bahawa, tempoh masa penggulungan adalah selama 30 minit atau kurang dan hari ini juga merupakan hari Jumaat, suka saya… jadi suka saya menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat agar kita tidak kerap mencelah-celah ya, mencelah ketika sesi penggulungan. Untuk itu, sukacita saya menjemput err... EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang untuk memberikan jawapan. Silakan.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih YB Dato' Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Bacaan dalam Bahasa Arab). Saya ingin mengambil kesempatan untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan keizinanNya kita, Ahli-ahli Dewan dapat diberi kekuatan, kesihatan yang baik dalam menyampaikan mandat yang diamanahkan serta dapat berkumpul bersama-sama dalam menyempurnakan persidangan kita pada kali ini di Dewan Yang Mulia ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya sebagai penggulung yang pertama dalam sesi penggulungan kita pada hari ini. Begitu juga kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negeri yang telah mengemukakan soalan semasa sesi soal jawab yang berkaitan dengan portfolio saya mahupun ketika perbahasan usul ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang dibawa oleh Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada hari pembukaan sidang dewan yang lalu.

YB Dato’ Sri Speaker,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas keprihatinan dan buah fikiran baginda dalam memartabatkan usaha kerajaan baginda untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua rakan Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya yang menyentuh mengenai portfolio saya iaitu Yang Berhormat Ketari, Beserah, Semambu, Bukit Ibam dan Tras. Insya-Allah, segala soalan tambahan yang dikemukakan oleh semua rakan Ahli Dewan saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Ingin saya maklumkan sidang Dewan Yang Mulia pada hari ini bahawa jumlah nilai pelaburan komited yang masuk ke dalam negeri Pahang pada tahun 2023 adalah sebanyak RM16.44 bilion iaitu terdiri daripada pelaburan asing sebanyak RM11.67 bilion dan pelaburan domestik sebanyak RM4.8 bilion berjaya diperolehi berbanding RM20 bilion, pelaburan asing RM11.1 bilion dan pelaburan domestik RM9.56 bilion yang direkodkan pada tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak RM4 bilion. Kebanyakannya pelaburan domestik dan terdiri daripada bagi jumlah keseluruhan pelaburan berjaya dibawa masuk ke dalam negeri Pahang.

Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan asing ataupun *(Foreign Direct Investment - FDI)* telah meningkat daripada RM11.1 bilion ke RM11.67 bilion. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia dengan strategi bagi meningkatkan prestasi pelaburan negeri Pahang dalam ekosistem dan situasi ekonomi yang mencabar ketika ini. Justeru itu, beberapa inisiatif sedang dan telah dilaksanakan bagi mendepani cabaran-cabaran ekonomi domestik dan global bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri Pahang terus teguh dan kekal di landasan yang betul.

YB Dato’ Sri Speaker,

Bagi memastikan prestasi pelaburan negeri Pahang terus mencatatkan peningkatan, Kerajaan Negeri telah memperkasakan *Invest Pahang* sebagai gerbang pelaburan utama ke negeri Pahang bermula tahun 2022. Ini merupakan salah satu strategi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu-isu dan cabaran yang dihadapi di peringkat agensi dan *State Government Linked Company* (S-GLC) dalam memudah cara urusan pelaburan di negeri Pahang.

Selari dengan titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada Isnin yang lalu, *Invest Pahang* merupakan inisiatif yang Kerajaan Negeri laksanakan dalam mengurangkan karenah birokrasi di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan dan meningkatkan potensi negeri Pahang sebagai destinasi utama yang mesra pelabur. Untuk makluman Dato’ Sri Speaker dan semua Ahli Yang Berhormat, *Invest Pahang* ini dipengerusikan secara bersama oleh saya sendiri selaku EXCO Pelaburan,

Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang bersama dengan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Mesyuarat jawatankuasa ini diurusetiakan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan dilaksanakan secara berkala mengikut jadual pada setiap hari Khamis minggu ke-3 setiap bulan. Melalui forum ini juga, Kerajaan Negeri menjalankan fungsi dan tanggungjawab menyelaras hala tuju sektor fokus pelaburan dalam memastikan semua bidang utama keberhasilan ekonomi Negeri Pahang membawa kesan limpahan daripada pelaburan yang akan dibawa masuk. Sebagai contoh, untuk 5 tahun yang akan datang, penekanan dan keutamaan akan diberikan kepada pelaburan dalam sektor perkilangan dan pembuatan aeroangkasa, pelancongan, mobiliti dan pertanian.

Saya amat optimistik bahawa lebih banyak pelaburan akan dapat dibawa masuk melalui hubungan kerjasama yang baik di peringkat jabatan negeri dan agensi pusat. Sebagai gerbang utama pelaburan, cadangan projek pelaburan yang berpotensi akan diberikan fasilitasi termasuk cadangan dan penentuan lokasi projek, penyelarasan keperluan utiliti dan infrastruktur untuk pembangunan projek.

Selain daripada projek-projek fizikal yang menjadi tumpuan utama, Kerajaan Negeri juga sedang giat mencari penyelesaian dan memainkan peranan dalam isu keterjaminan makanan khususnya untuk mengurangkan kos pengeluaran makanan ternakan, antaranya untuk ternakan ruminan seperti lembu dan kerbau, ayam pedaging, kos pengeluaran sayur-sayuran dan bijirin dan kos operasi projek pelaburan.

Menyedari kepentingan sokongan dan bantuan oleh Kerajaan Persekutuan, saya turut mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Invest Pahang bersama MIDA, Singapura dan MIDA China bagi melihat potensi, mengetahui *trend* ataupun perkembangan pelaburan semasa serta meninjau peluang-peluang sedia ada di negara sana. Penglibatan aktif semua anak syarikat Kerajaan Negeri (S-GLC) dalam melaksanakan pembangunan projek negeri Kerajaan Negeri dapat menggambarkan kerjasama erat antara semua agensi kerajaan dan pemain industri dalam membuat perancangan dan penilaian permohonan projek pembangunan berimpak tinggi.

Inisiatif kedua yang dilaksanakan bagi terus memacu sektor pelaburan agar terus kukuh dan berdaya saing di Malaysia dan di peringkat global adalah dengan menubuhkan satu majlis penasihat yang dikenali sebagai Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Pahang ataupun MPEN. MPEN ini yang ditubuhkan pada 19 April 2023 dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Nazir bin Tun Abdul Razak serta dianggotai oleh pemimpin terkemuka dalam bidang korporat, tokoh usahawan dan juga penjawat awam. MPEN adalah badan penasihat yang ditubuhkan untuk memberi nasihat strategik kepada Kerajaan Negeri mengenai peluang pembangunan ekonomi, cabaran dan perkembangan ekonomi baru yang memberi fokus kepada pembangunan industri, inovasi, tarikan pelaburan, perdagangan, pembangunan wilayah dan pembangunan tenaga kerja di negeri Pahang.

MPEN juga berperanan untuk mengkaji dan menilai data dan analisis ekonomi serta bertanggungjawab menyediakan cadangan tentang pilihan dasar dan program kepada Kerajaan Negeri yang boleh membantu memacu pertumbuhan ekonomi, daya saing dan produktiviti serta menyokong penciptaan peluang pekerjaan dan pelaburan yang berkualiti di negeri Pahang. MPEN juga bertanggungjawab dalam penggubalan Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang yang akan berfungsi sebagai rujukan pembangunan ekonomi oleh Kerajaan Negeri dan agensi negeri untuk diselaraskan dengan inisiatif

sedia ada dan baharu bagi meningkatkan kecekapannya melalui hubungan strategik antara agensi kerajaan, ahli akademik dan sektor swasta.

Pelan ini akan dibangunkan melalui sesi libat urus bersama agensi negeri, Persekutuan, sektor swasta, komuniti tempatan dan badan akademik. Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 23 April 2024 telah menghadiri Mesyuarat Majlis Kerjasama Bersama ataupun dengan izin, *Joint Coorperation Council (JCC)* di Guangxi, China bagi meninjau kemajuan projek Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia di China. Yang Berhormat Menteri Besar turut menekankan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan Taman Perindustrian berkembar seperti berikut.

Pertamanya, meningkatkan peranan MCKIP dan CMQIP dengan memanfaatkan industri sedia ada seperti besi dan keluli, komponen kenderaan elektrik, mewujudkan program latihan TVET serta pusat penyelidikan dan Pembangunan R&D melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan juga Kolej Yayasan Pahang. Kedua, mempromosikan Taman Logistik Antarabangsa Kuantan Malaysia-China (MCKLIP) sebagai hab bagi industri perkhidmatan 2.0 yang akan beri tumpuan kepada industri logistik bersepadu dan ketiga mengukuhkan sinergi antara MCKIP dan CMQIP dengan memberi tumpuan kepada kedudukan kompetitif Malaysia sebagai peneraju industri minyak sawit yang utama.

Menyedari inisiatif peluang-peluang pelaburan bukan hanya tertumpu kepada perbincangan bersama pemain industri, Kerajaan Negeri Pahang turut melihat potensi pelbagai saluran promosi pelaburan melalui penyertaan dan penganjuran seminar dan sidang kemuncak. Baru-baru ini saya telah menyertai Ekspo *Hannover Messe* 2024 di negara Jerman. *Hannover Messe* 2024 merupakan ekspo terkemuka dunia menghimpunkan inovasi teknologi terkini daripada pemain-pemain industri dalam pelbagai sektor industri terutamanya dalam sektor seperti *Carbon Neutral Processes* dengan izin, *Energy for Industry, Manufacturing X*, *Industries* 4.0, *AI & Machine Learning, Hydrogen & Fuel Cells.* dan inisiatif seperti ini secara tidak langsung mampu membina reputasi negeri Pahang dengan pemain-pemain industri berpotensi dari Jerman dalam sektor teknologi digital.

Kerajaan Negeri melalui *Invest Pahang* telah merancang untuk menganjurkan *Malaysia East Cost Convention* (MECC) buat julung kali di Pantai Timur dan dijangka dianjurkan pada suku ke-4 tahun ini. Konvensyen ini bertujuan untuk mempromosikan negeri Pahang sebagai sebuah destinasi pelaburan utama di Malaysia dan menarik pelabur asing dan domestik untuk terus melabur di negeri Pahang. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menganjurkan Konvensyen Pelaburan buat rantau Asia Tenggara yang akan menghimpunkan pelabur-pelabur serantau di bawah satu bumbung dan mempromosikan peluang pelaburan di negeri Pahang. Konvensyen ini dirancang untuk diadakan pada suku ke-3 tahun ini di Singapura.

Mengambil kira *trend* semasa juga, kita boleh melihat dan mempelawa pemain-pemain industri dalam sektor *Low Altitude Aviation,* dengan izin. Industri *Low Altitude Aviation* ataupun penerbangan altitud rendah merupakan satu bentuk integrasi ekonomi baru bagi aktiviti yang turut melibatkan perkembangan potensi industri huluan *upstream,* pertengahan *midstream* dan hiliran *downstream* dalam meningkatkan transformasi pembangunan tersebut menjadi nadi aktiviti ekonomi. Salah satu komponen industri tersebut adalah penggunaan *Unmanned Aaerial Vehicle* ataupun kenderaan udara tanpa pemandu (UAV).

Di China pengiktirafan kenderaan udara tanpa pemandu UAV semakin berkembang dari penggunaan dalam bidang ketenteraan kepada penggunaan komersial dan awam seperti memadam kebakaran, menyembur racun dan baja hasil tanaman dan juga memantau pencerobohan nelayan asing. Penggunaan dron dan UAV sebagai perkhidmatan logistik seperti penghantaran barangan atau makanan ke rumah adalah perkara biasa dan lumrah terutama dalam kehidupan seharian masyarakat bandar di negeri China. Penggunaan UAV boleh dikomersialkan kerana mempunyai ciri-ciri yang kecil, ringan dan pantas. Potensi UAV terutama dalam menggantikan kaedah konvensional rutin harian manusia terutamanya untuk tujuan komersial yang merangkumi semua aspek ekonomi seperti perkapalan dan penghantaran pertanian, pemasaran dan sektor-sektor yang berpotensi juga.

Baru-baru ini juga saya mendapat makluman bahawa pihak Kerajaan Persekutuan juga sedang berusaha membangunkan ekosistem pengaplikasian teknologi dron dalam bidang pertanian bagi membantu meningkatkan hasil pendapatan petani dan peladang. Penggunaan teknologi dron mampu membantu meningkatkan hasil pertanian, mengurangkan kebergantungan pekerja asing serta memberi peluang pekerjaan kepada para petani terutama sekali di kawasan luar bandar. Oleh itu, saya berharap lebih ramai pemain industri dapat menceburi bidang ini memandangkan teknologi ini memang sangat diperlukan bagi memodenkan industri pertanian dan perkhidmatan logistik dalam memenuhi permintaan masa depan dan paling penting adalah menarik penglibatan generasi muda.

YB Dato' Sri Speaker,

Pada tahun 2023, beberapa inisiatif yang berbentuk kerjasama dengan beberapa buah negara seperti New Zealand, China dan Emiriah Arab Bersatu telah dilaksanakan dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan antarabangsa ke negeri Pahang dan dalam masa yang sama memastikan tanah yang berpotensi dan strategik tidak terbiar dan dapat dibangunkan dengan segera. Kerajaan Negeri Pahang telah menjalinkan pelbagai kerjasama strategik dengan pemain industri sama ada pihak tempatan dan asing dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negeri berkembang dan baik. Hasil rundingan dengan pelbagai pelabur yang berpotensi pada tahun sebelum itu, projek pembangunan industri dan pembuatan bot amfibia negeri Pahang dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM425 juta telah berjaya dimuktamadkan.

Menyedari kepentingan dan kepesatan pembangunan industri besi dan keluli, rancangan pembesaran kilang besi dan keluli dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM8 bilion di Kawasan Perindustrian Gebeng turut ditekan bagi memenuhi permintaan dalam dan luar negara. Bagi memastikan perkembangan pelaburan di negeri Pahang sentiasa relevan dengan *trend*, dengan izin di peringkat nasional dan global. Kerajaan Negeri Pahang turut melihat potensi sektor tenaga boleh diperbaharui. Dalam erti kata *Renewable Energy*, dengan izin buat negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang telah berkolaborasi bersama syarikat daripada Emiriah Arab Bersatu (UAE) dalam cadangan Projek Janakuasa Tenaga Angin, *Pahang Wind Farm*.

Projek ini dijangka menjadi projek janakuasa Tenaga Angin pertama di Malaysia. Nilai pelaburan projek ini dianggarkan berjumlah RM800 juta dan berkapasiti 2 gigawatt (GW) dan bakal dilaksanakan di beberapa daerah iaitu Pekan, Rompin, Kuantan dan Lipis. Tertakluk kepada hasil kajian kelajuan angin. Selain itu, di bawah seliaan PKNP, terdapat 5 buah projek tenaga solar yang bertapak di negeri Pahang melalui syarikat-syarikat swasta seperti RE Gebeng Sdn. Bhd, Halpro Engineering Sdn. Bhd., Ragawang Powers Sdn. Bhd., PKNP Reneuco Suria Sdn. Bhd. dan P Solar Sdn. Bhd.

Anggaran nilai pelaburan adalah RM200 juta bagi setiap projek. Pihak *Invest Pahang* juga sedang meneliti beberapa cadangan yang melibatkan konsep solar terapung ataupun dengan izin, *floating solar* dan cadangan stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV). Selain itu, Kerajaan Negeri juga komited dalam pembangunan industri aeroangkasa di negeri Pahang sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Khas Daerah Kecil Gebeng 2035 yang dilancarkan pada 13 September 2022. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menguasai sekurang kurangnya 1% daripada pasaran *Maintenance, Repair & Overhaul* Asia-Pasifik yang dianggarkan bernilai RM15 trilion. Lanjutan daripada itu Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak *Malaysia Space Agency* (MYSA) dalam usaha untuk menerokai peluang kerjasama dalam bidang *space science* selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2020… 2030, maaf. Inisiatif yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja tertumpu kepada projek pelaburan luar negara sahaja di samping memperkenalkan *Location Centric Approach* bagi pembangunan yang dibawa masuk dapat dibangunkan berdasarkan sumber dan keadaan geografi muka bumi di negeri Pahang.

Kerajaan Negeri turut menetapkan fokus 6 sektor pelaburan dan industri bagi memastikan prestasi negeri Pahang berdaya saing seperti berikut. Pertama-aeroangkasa, kedua-keterjaminan makanan, ketiga-pembuatan, keempat-mobiliti atau pengangkutan, kelima-pelancongan dan keenam-syarikat pemula ataupun S*tart-Up Company* ini. Melalui penetapan fokus sektor pelaburan dan industri ini, Kerajaan Negeri dapat mempromosikan peluang pelaburan sedia ada melalui penglibatan pelbagai program-program promosi pelaburan pada tahun 2023 di bawah payung *Invest Pahang*.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menurut Laporan Sosio Ekonomi Negeri Pahang pada tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara (DOSM), negeri Pahang telah mencatatkan keluaran dalam negara kasar sebanyak 4.1% iaitu yang kelapan di Malaysia. Saya berharap pada tahun 2024 negeri Pahang akan terus mencatatkan peningkatan KDNK yang signifikan dan menyumbang ke arah KDNK negara. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negeri Pahang iaitu sebanyak 51.8% bersamaan dengan RM31.8 bilion. Ini diikuti oleh sektor pembuatan yang mencatat 22.4% bersamaan dengan RM13.7 bilion pada tahun 2022.

Menjunjung Titah Tuanku untuk menjadikan negeri Pahang mesra pelabur, kita perlu sentiasa melakukan *benchmarking* ataupun penandaarasan terhadap kecekapan kita memproses permohonan pelaburan. *Ease of Doing Business* merupakan satu indeks yang diperkenalkan oleh Bank Dunia yang diguna pakai secara global dalam mengukur daya saing sesebuah negara.

Menurut rujukan indeks *Ease of Doing Business,* semakin kecil nilai indeks menunjukkan kedudukan yang lebih baik dari segi peraturan yang mudah untuk perniagaan dan perlindungan yang baik untuk hak milik. Indeks ini memainkan peranan penting dalam menarik pelabur asing dan akan menjadi tarikan bagi pembangunan perniagaan baru. Sehubungan itu Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perhutanan dan jabatan-jabatan teknikal yang lain hendaklah mengurangkan karenah birokrasi bagi menarik para pelabur untuk datang ke negeri Pahang dan seterusnya memberikan *feel good factor,* dengan izin kepada pelabur yang berurusan di jabatan masing-masing.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung. Dua minit lagi, setengah jam dah.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Allahuakbar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi? Boleh sambung persidangan akan datang. [Ahli Dewan ketawa]. Saya tahu Yang Berhormat banyak perkara nak disampaikan, saya faham. Tapi kita bagi 30 minit untuk tiap-tiap seorang.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Oh okey, baiklah. Saya akan cuba ringkaskan sebaik mungkin. Untuk Portfolio Sains, Teknologi dan Inovasi, kita ada beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan antaranya Minggu Sains Malaysia dan err… tahun ini kita akan laksanakan *Malaysia Techlympics 2024* yang mensasarkan 5,000 jangkaan pengunjung dan akan bertumpukan kepada inovasi di peringkat err… rakyat… rakyat-rakyat di negeri Pahang.

Dari segi robotik, ini merupakan salah satu cara untuk kita menarik minat pelajar-pelajar dalam bidang sains teknologi, err… kejuruteraan dan matematik secara tidak langsung dan saya juga berbangga kerana melalui robotik ada sekolah-sekolah yang mewakili Pahang dan Malaysia di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh ada sebuah sekolah… Sekolah Permatang Keledang, sekolah Orang Asli pertama yang bertanding dalam bidang robotik di peringkat bangku sekolah di Shandong, China.

Antara inisiatif Portfolio Sains, Teknologi Inovasi adalah Program Pahang Inovatif *Start-up Accelerator*. Di mana ini adalah inisiatif berteraskan… untuk mewujudkan syarikat berteraskan teknologi dan selama… selama dua tahun telah mewujudkan 59 syarikat. Sebagai contoh syarikat YesHello, EXPLORIA dan Qarbotech telah berada di tahap yang tertinggi dan mencapai *valuation company,* dengan izin bernilai USD 1 juta dan kini Syarikat Qrbotech kini sedang berusaha mencari dana Pre-Series A sebanyak RM8 juta dan saya doakan melalui program PISA ini, Pahang dapat melahirkan satu syarikat yang berstatus *unicorn* dan mempunyai nilai melebihi RM1 bilion satu hari nanti, insya Allah.

Inovasi oleh Pahang Go… sukacita saya ingin maklumkan Pahang Go telah menunjukkan peningkatan penggunaan dari semasa ke semasa. Sehingga ini, jumlah muat turun mencatatkan jumlah hampir 500,000 dengan pengguna aktif bulanan sekitar 400,000. Purata jumlah transaksi bulanan pula mencatatkan bilangan 300,000 transaksi dengan nilai transaksi mencecah RM2.5 juta setiap bulan. Perkhidmatan yang paling popular adalah pembayaran parking dan kompaun atas talian dan di masa-masa akan depan… masa-masa akan datang kita akan mewujudkan *application eWallet*, insya-Allah.

Dengan segala perancangan yang teliti pelbagai program bagi sektor sains, teknologi dan inovasi pada tahun 2024, saya berharap ia membawa negeri Pahang ke satu dimensi baru iaitu sebuah negeri berteraskan sains, teknologi, inovasi yang dapat memacu perkembangan ekonomi, pelaburan dan perindustrian negeri.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan agar dapat memberi sepenuh komitmen dalam menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di negeri ini dan juga kekal kondusif dan kompetitif seterusnya memacu keyakinan para pelabur dan golongan perniagaan. Kejayaan yang bakal kita kecapi hasil daripada usaha yang digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, insya-Allah akan beri manfaat yang besar khususnya kepada rakyat negeri Pahang dalam usaha menjadikan negeri Pahang tercinta ini terus memahatkan sejarah gemilang dalam mencapai tahap pelaburan yang tinggi yang juga tidak akan melupakan kecaknaan terhadap kelestarian alam sekitar dan biodiversiti yang kekal kukuh untuk generasi akan datang.

Sekian, saya sudahi dengan salam serta doa semoga kita sentiasa diberi petunjuk yang benar dalam apa jua pun yang kita laksanakan demi kemakmuran negeri Pahang. Saya mohon menyokong Usul Titah Diraja yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Peramu Jaya, wakil daripada kerajaan. Seterusnya kita jemput EXCO Hal Ehwal Felda, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Dan selepas ini kita akan err… saya akan tempohkan, sila.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum WBT dan juga salam sejahtera dan juga salam perpaduan. Saya tinggal lebih kurang ada sikit masa ni. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bagi 30 minit.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

30 minit? Okey, insya-Allah terima kasih banyak. Terlebih dahulu sehingga melafazkan rasa syukur ke Allah SWT dengan izin dan limpah rahmatNya, saya bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain diberi ruang mengambil bahagian membawa suara rakyat dan juga amanah Kerajaan Negeri di Dewan Yang Mulia ini.

Seterusnya patik menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan juga Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ibarat kapal dengan nakhoda,
Penentu arah menuju destinasi,
Tuanku dan rakyat berpisah tiada,
Kasihnya dijunjung Titahnya ditaati.

Tuanku dan rakyat berpisah tiada,
Dulu kini sehinggalah sekarang,
Kami rakyat berasa bangga,
Kebawah Duli yang kami sayang.

Titah Tuanku pada hari Isnin yang lalu akan patik junjung dan sematkan sebagai panduan patik dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada patik. Tuanku adalah payung dalam sistem pemerintahan demokrasi bagi memastikan rakyat Pahang hidup aman dan makmur di bawah kepimpinan Tuanku. Patik juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas perkenan Kebawah Duli Tuanku di atas pelantikan patik selaku EXCO Kerajaan Negeri.

Asah kapak tajam beliung,
Terbang mari kayu berduri,
Tuanku umpama kemuncak payung,
Patik di bawah berteduh diri.

Setinggi-tinggi terima kasih juga dirakamkan kepada err... Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang portfolio Hal Ehwal Felda, Koperasi Dan Juga Usahawan.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya yang menyentuh portfolio saya iaitu Yang Berhormat Padang Tengku, Cheka, Kuala Sentul, Pulau Manis, Kemayan, Beserah, Jenderak, Tahan, Pulau Tawar dan juga Chini. Ini menggambarkan semua Ahli-ahli Berhormat mengambil inisiatif dan juga ingin memaklum mencakna bahawanya FELDA itu tetap di hati Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih banyak di atas keprihatinan untuk membantu FELDA pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di Dewan Yang Mulia ini, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas kejayaan cemerlang di dalam menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang ke peringkat yang lebih baik dari tahun ke tahun. Seperti titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berhubung prestasi ekonomi, pembangunan negeri, pendidikan dan juga pembangunan islam secara holistik di negeri Pahang.

Tidak ketinggalan juga peningkatan pelaburan asing serta inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kemiskinan tegar serta menjadikan negeri Pahang di satu landasan yang baik dari aspek ekonomi dan pembangunan modal insan. Prestasi negeri Pahang yang semakin berkembang ini jelas dapat dilihat melalui kutipan hasil melebihi RM1 billion bagi tempoh 2 tahun berturut-turut yang juga merupakan hasil limpahan peningkatan sosioekonomi negeri.

Dengan perkembangan ekonomi yang semakin positif ini, saya berharap masyarakat di semua peringkat dapat menikmati hasil usaha dan juga kerja keras yang telah Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail selaku Menteri Besar Pahang laksanakan selama ini tidak mengira sama ada mereka yang di kawasan tumpuan ekonomi di bandar mahupun di luar bandar mahupun segenap lapisan bangsa dan juga masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Seramai 8 Ahli Yang Berhormat menyentuh soal FELDA. Antaranya Yang Berhormat Padang Tengku, Yang Berhormat Cheka, Yang Berhormat Kuala Sentul, Yang Berhormat Kemayan, Yang Berhormat Tahan, Yang Berhormat Pulau Tawar, Yang Berhormat Bukit Ibam dan juga sahabat saya, Yang Berhormat Chini. Yang Berhormat Padang Tengku mempersoalkan isu penyelesaian masalah rumah-rumah setinggan FELDA bagi memastikan perkampungan FELDA dibuat secara tersusun dan tidak mencacatkan pemandangan.

Pihak FELDA memandang serius isu ini dan telah mengambil beberapa langkah awal seperti pelaksanaan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA yang telah dilaksanakan terlebih dahulu iaitu PGBF dan Skim Tanah Rakyat FELDA yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri. Inisiatif ini bagi memastikan isu rumah-rumah setinggan dapat diatasi dengan perancangan lebih tersusun dan juga teratur. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat Chini, pelaksanaan Projek PGBF dan Skim Tanah Rakyat FELDA…

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Boleh saya celah sikit?

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Sila.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Berkaitan dengan isu penempatan semula ataupun STRF yang dicadangkan, saya sebenarnya meneliti tapi saya tengok daripada keputusan ataupun jawapan ni, FELDA di tempat saya FELDA Chegar Perah, dia 38 unit dicadangkan untuk STR ini dan di Kechau 65 sedangkan keperluannya lebih. Saya ingat ini tidak dapat menyelesaikan masalah. Mungkin menambahkan masalah. Kat mana kita nak pergi dengan jumlah yang kecil ini?

Saya sebenar telah ambil inisiatif mengadakan perjumpaan dengan Pejabat Tanah yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Pejabat Tanah, Pegawai Kanan FELDA Wilayah Mempaga dan juga err… pegawai-pegawai di peringkat FELDA di err… pemimpin masyarakat di Pejabat Daerah Lipis di mana kita mencadangkan satu lot tanah yang pada masa ini dipajak kepada apa nama FGV untuk tanaman kelapa sawit. Sedangkan mengikut seksyen tanah itu, Seksyen 6, tanah itu ialah tanah kediaman dan perbandaran. Tapi sekarang ni dipajak untuk tanam kelapa sawit.

Dan dalam perancangan kita untuk mengatasi kelaparan tanah ini, saya mencadangkan supaya tanah seluas 50 ekar itu dipergunakan untuk kita membuat STR bagi menyelesaikan kedua-dua FELDA ini makna kita bukan untuk satu FELDA saja. Tapi untuk anak-anak generasi kedua di FELDA Chegar Perah dan juga Kechau, jadi nak mintak pertimbangan khusus tentang perkara ini. Terima kasih.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak ayahanda Yang Berhormat Padang Tengku dan juga terima kasih juga di atas pandangan dan juga usaha yang telah dibuatkan. Ini menandakan Yang Berhormat sangat cakna kepada permintaan-permintaan anak FELDA yang

ingin mendapatkan tanah perumahan. Seperti sedia maklum bahawasanya satu jawatankuasa telah diwujudkan di setiap rancangan. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan bahawanya setiap rancangan FELDA ini telah diuruskan satu jawatankuasa khas, dipengerusikan oleh pengurus dan juga jawatankuasa-jawatankuasa adalah penduduk-penduduk itu.

Di antaranya adalah Ketua Peneroka… peneroka dan juga JPW, wanitanya dan juga bersamanya adalah Kami Anak FELDA, KAFnya dan juga Majlis Belia FELDA yang berada di dalam FELDA masing-masing. Sebab itu, rentetan daripada itu Yang Berhormat Padang Tengku, saya mengambil maklum dan juga saya yakin kita akan lihat secara terperinci bagaimana sebab Seksyen 6 dan Seksyen 5 ini iaitu ladang yang telah diusahakan adalah… ada kemusykilan sedikit menghasilkan dan juga caranya nak membagi balik semula kepada anak peneroka. Insya-Allah, kita akan letakkan sebagai salah satu *priority* ataupun kepentingan untuk menjadikan anak-anak peneroka dapat kita hasilkan perumahan mereka. Terima kasih banyak.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Chini, pelaksanaan projek PGBF dan juga Skim Tanah Rakyat FELDA adalah perancangan projek perumahan bagi membantu golongan generasi baharu FELDA memiliki rumah mampu milik yang juga selesa. Sehingga kini, 3,340 unit PGBF di 29 tapak seperti kata Yang Berhormat Padang Tengku tu, memang kita ingin dapat kalau boleh sebanyak mungkin… sebanyak permohonan tetapi satu-satu rancangan tu tidak bolehlah memenuhi.

Jika ada di FELDA saya tu di FELDA Chemomoi, Bentong, Pahang ini, kita ada 555 ketua isi keluarga tapi namun untuk meletakkan satu keluarga, satu rumah, satu keluarga dapat balik, satu kemusykilan kerana keadaan tanah dan juga keperluan tanah itu terlalu besar keadaannya. Oleh itu, kita menguruskan sebaik yang mungkin agar memenuhi permintaan-permintaan. Barangkali daripada satu rumah, 555 kebarangkalian itu tidaklah semua anak-anak itu ingin mendapatkan tanah tersebut.

Namun, kita cuba memenuhi permintaan-permintaan yang telah diuruskan pada hari ini. Insya-Allah, sehingga kini sebanyak 3,340 unit PJBF di 29 tapak di mana 1,154 unit telah siap sepenuhnya, manakala baki 346 unit diurus FELDA dan juga 1,840 unit diurus oleh Lembaga Perumahan dan juga Hartanah Pahang masih di dalam pembinaan. Kerajaan Negeri dan pengurusan FELDA sentiasa memantau secara berskala supaya perancangan dan juga pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual serta garis panduan yang diselaraskan bersama.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama FELDA juga turut mengambil inisiatif tambahan untuk melaksanakan Skim Tanah Rakyat FELDA (STRF) di 18 rancangan FELDA terpilih untuk fasa awal ini melibatkan 2,120 unit dan juga Kerajaan Negeri dan FELDA akan meneruskan usaha ini untuk fasa seterusnya ke rancangan-rancangan FELDA yang lain, insya-Allah. Manakala soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheka juga dilihat ada kaitan dengan perancangan pembangunan di dalam kawasan FELDA yang mana Yang Berhormat mengambil contoh pembangunan seperti di FELDA Sungai Buaya.

Pada pandangan saya, sekiranya ada perancangan yang teratur, perincian yang baik, kajian pembangunan mengambil semua aspek seperti bayaran pampasan, pengambilan tanah, status tanah dan juga kelulusan pihak berkuasa negeri, Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), persetujuan daripada FELDA dan juga persetujuan daripada Kerajaan Negeri. Insya-Allah, saya rasa dan juga amat bangga jika peneroka-peneroka ini dijadikan jutawan, dijadikan sebagai hartawan kerana apabila peneroka ini menjadi jutawan, peneroka ini menjadi hartawan, anak-anaknya pun juga

akan menjadi kaya dan juga raya. Maka Wakil Rakyat mengurangkan sedikit beban untuk memikirkan bagaimana kaedah-kaedah kita untuk membantu mereka ini. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Cheka.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Yang Berhormat Kuala Sentul pulak membangkitkan isu tunjuk sebab, saya… rakan saya ini berbaju biru pulak hari ni, insya-Allah. Terima kasih banyak kerana berbaju biru.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baju… baju lama tu.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Baju simpanan tu… tu tadi bisik dengan dia tu, masya-Allah. Yang Berhormat sahabat saya Kuala Sentul ni membangkitkan isu surat tunjuk sebab kepada Pengurus FELDA di mana beliau bersama Yang Berhormat Kuala Sentul di dalam satu program. Dalam pengetahuan saya, tiada surat amaran ataupun surat tunjuk sebab dikeluarkan oleh pejabat saya. Boleh *check*, tetapi saya hanya meminta beberapa penjelasan daripada Pengarah Wilayah Jengka berkaitan program yang dihadiri oleh pengurus yang dimaklumkan.

Saya juga menerima aduan bahawasanya satu majlis yang diadakan di masjid dan dihadiri oleh Yang Berhormat Kuala Sentul bersama pengurus rancangan FELDA, di mana ia mendatangkan pelbagai persepsi yang kurang baik serta boleh menjurus ke arah institusi agama dipolitikkan. Ini secara tidak langsung memerlukan saya memahami situasi sebenar bukanlah menghalang tapi nak fahami situasi sebenar yang berlaku melalui piawaian yang betul ataupun tidak tetapi tidak menghalang Yang Berhormat Kuala Sentul untuk berzakat. Malah, saya cadangkan tahun depan zakat lebih lagi supaya di Kuala Sentul tu terdapat penerimanya yang lebih banyak lagi, insya-Allah.

Yang Berhormat Kemayan pula mempersoalkan isu rumah kedua…

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Err… Terima kasih atas jawapannya. Sebenarnya isu… isu ini isu Pengurus FELDA tak boleh jumpa dengan Yang Berhormat, isu Ketua Kampung tak dibenarkan berjumpa Yang Berhormat ini isu remehlah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Jadi, kita mengharapkan kerajaan terbuka sedikitlah. Saya percaya bukan Yang Berhormat di sini tetapi yang lebih sudu dari kuah ini yang… yang… yang dilantik menjadi penyelaras. Itulah maksud saya. Terima kasih.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Sentul. Takpe, kita *pm* tepilah, insya-Allah. Yang Berhormat Kemayan pula mempersoalkan isu rumah kedua yang telah dibina di atas lot peneroka asal tetapi masih belum mendapat kelulusan bekalan air dan juga elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, Pengurusan FELDA telah pun memberikan

kebenaran sehingga 31 Disember 2023 iaitu kebenaran kali kedua bagi kemasukan elektrik kepada rumah-rumah yang telah siap dibina dalam rumah lot peneroka asal.

Binaan 2 rumah 1 lot ini telah melanggar Akta Tanah iaitu Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 iaitu Akta 530 di mana dalam masa yang sama, akta ini sedang dalam proses penambahbaikan dan juga pindaan. Badan Kawal Selia FELDA (BKSF) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengetuai pindaan ini dan juga proses pindaan ini memerlukan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab kepada FELDA iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia selain perlu dibentangkan di dalam Parlimen. Kerajaan Negeri senantiasa memberi kerjasama sepenuhnya di dalam perkara ini.

Saya selaku EXCO Hal Ehwal FELDA akan berusaha untuk membantu mempercepatkan proses ini dan dalam masa yang sama akan cuba membuat rayuan kali ketiga kepada pengurusan tertinggi FELDA agar membenarkan baki-baki rumah yang siap dibina dibenarkan kemasukan eletrik dan juga air. Insya-Allah, jika permohonan ini dapat diterima.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Yang Berhormat Kemayan juga turut membangkitkan isu berkaitan pengurusan ladang oleh FELDA Plantation Management Sdn Bhd (FPM) dari segi hasil dan juga kos pengurusan. Suka saya nyatakan di sini, rekod pencapaian FELDA pada tahun 2023 menunjukkan hasil bagi kawasan yang diuruskan oleh FPM adalah baik berbanding ladang yang diuruskan sendiri. Malah, pencapaian hasil ladang yang diuruskan FELDA juga setanding dengan pencapaian industri yang di luar sana. Walau bagaimanapun, beberapa perkara…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Dato' Sri Speaker,

Mohon mencelah. Untuk pengurusan daripada FPM ini, saya minta Wakil Kerajaan untuk menyemak secara keseluruhan berdasarkan FELDA-FELDA yang berkaitan sebab kalau tengok secara pukal, mungkin hasil itu kalau digabungkan semua mungkin lebih baik daripada hasil yang dibuat sendiri. Tapi kalau kita lihat kos pengurusan ladang yang diuruskan oleh peneroka yang buat sendiri lebih murah berbanding dengan err… potongan yang dibuat oleh pihak FPM kepada peneroka ada yang melebihi sampai RM3,000.00 lebih sebulan dan hasil yang diperolehi pun tidak mencapai err… seperti peneroka-peneroka yang buat sendiri.

Saya rasa saya mohon kepada pihak kerajaan untuk err… menyemak dan bentangkan betul-betullah kepada kita supaya kita tahu sejauh mana hasil bulanan yang buat sendiri berapa, hasil yang serah kepada FELDA berapa… berapa kos yang buat sendiri berapa, berapa kos yang dibuat oleh FELDA. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tidak bercadang untuk bagi mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk mencelah ya, sebab kita nak sembahyang zohor… sembahyang Jumaat. Zohor masuk 1.07pm. Jadi kita ada 10 minit 10… 10 …15 minit lagi untuk Wakil Kerajaan untuk menamatkan penggulungan dia.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri, terima kasih banyak YB Kemayan. Saya akan ambil nota. Walau bagaimanapun, beberapa perkara berkaitan pengurusan juga… saya akan mempercepatkan bacaan saya ini. Pengurusan juga baca… perlu diambil kira terutama di segi perbandingan kos. Perbandingan juga perlu dibuat secara adil dengan mengambil kira pencapaian hasil di kawasan-kawasan yang berbeza. Sebagai contoh, hasil bagi kawasan berbukit dan berpaya berkemungkinan lebih rendah jika dibandingkan dengan kawasan rata. Ladang peneroka yang dikendalikan oleh FELDA/FPM diuruskan secara berkelompok mengikut peringkat dan juga ataupun blok. Hasil yang dikeluarkan akan dipuratakan mengikut luas kawasan lot peneroka berbanding hasil peneroka urus sendiri bergantung secara individu.

Dari kos operasi pula, FELDA/FPM menggunakan buruh mengikut prosedur, manakala peneroka yang urus sendiri menggunakan buruh kosong iaitu tenaga kerja yang buat sendiri yang difahami dan diketahui adalah daripada pekerja asing tanpa permit ataupun pendatang asing. Peneroka yang urus sendiri tidak mengambil kira kos operasi seperti kos baja, upah membaja, meracun, *pruning*, selenggara, jalan pertanian dan juga lain-lain berbeza dengan pendapatan peneroka bersama FPM adalah pendapatan bersih setelah ditolak semua kos operasi ladang.

FPM menguruskan ladang berdasarkan kos yang dipersetujui, mematuhi SOP Perladangan yang telah ditetapkan. Saya bersama pihak FELDA akan membuat perbincangan dan mengadakan sesi libat urus bersama pihak FPM dalam masa terdekat dalam usaha mendapatkan kaedah terbaik untuk meningkatkan hasil dengan kos yang optimum kepada semua warga peneroka.

Yang Berhormat Tahan memohon penjelasan dan tindakan bagi menyediakan kerja-kerja baik pulih padang awam baharu di Padang Piol. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kerja penambahbaikan Padang Awam FELDA di Padang Piol yang dimaksudkan telah melibatkan proses dua sebut harga iaitu kerja pembaikan saliran dan juga longkang, di mana kerja ini telah diselesaikan mengikut jadual. Manakala kerja kedua adalah kerja pembaikan padang (*sub soil drain)* dan juga rumput di mana masih tertangguh ataupun lewat jadual di peringkat kontraktor yang telah dilantik.

Kontraktor telah pun diberi memo peringatan dan juga amaran disebabkan kelewatan ini dan juga saya telah berhubung dengan pihak FELDA dan dimaklumkan pihak kontraktor dalam proses penghantaran rumput padang dan akan menyiapkan kerja yang berbaki yang akan dijalankan pada bulan ini ataupun bulan Jun dan juga memerlukan tempoh penjagaan rumput lebih kurang 3 bulan dan kerja… kerja ini dijangka siap pada Jun 2024.

Yang Berhormat Pulau Tawar meminta pencerahan bagi penyelesaian isu rumah peneroka yang tidak terurus ditinggalkan kosong. Di sini, saya telah pun mendapat penjelasan lanjut daripada pihak FELDA berhubung perkara di mana rumah yang ditinggalkan ini adalah berkemungkinan disebabkan beberapa isu antaranya adalah pewarisan yang masih belum diselesaikan, belum lagi melantik pentadbir, peneroka berpindah ke rumah lain ataupun peneroka yang sudah menjadi warga emas perlu diletakkan di tempat-tempat yang lebih sesuai ataupun anak-anak peneroka mengambil ibu bapanya untuk tinggal bersama dengan mereka dan saya mengambil maklum perkara ini dan membawa kepada pengurusan tertinggi FELDA supaya tindakan seperti penyelenggaraan, pembersihan, penjagaan dan sebagainya dapat diuruskan oleh pengurusan rancangan tersebut dan kos yang melibatkan perkara ini akan ditolak daripada hasil ladang peneroka-peneroka terbabit.

Isu penggunaan dewan, saya harap benda ini boleh kita selesaikan secara terperinci. Insya-Allah satu mekanisme baru ya yang kita akan bincang dengan pihak FELDA dan juga Kerajaan Negeri untuk menguruskan perkara-perkara ini untuk dapat diselesaikan. Saya juga mohon maaf jika kekeliruan yang berlaku di atas perkara ini, namun penambahbaikan akan kita laksanakan kelak.

Yang Berhormat Chini pula membangkitkan persoalan tunggakan bayaran lampu jalan di jalan-jalan utama Gugusan Chini. Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat Perdana Menteri semasa sambutan Hari Peneroka FELDA Kebangsaan pada 7 Julai 2023 yang lalu kerajaan… kerajaan mengumumkan akan menanggung bayaran kos operasi bil lampu jalan dalam Rancangan FELDA bermula tahun 2024 dengan implikasi kewangan berjumlah RM7.7juta setahun. Peruntukan bagi bayaran bil lampu jalan ini telah mula disalurkan kepada FELDA bagi suku tahun pertama 2024 (Januari-Mac 2024) dengan menggunakan peruntukan Perbelanjaan Mengurus (OE) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Justeru itu, segala bayaran bil lampu dalam kawasan FELDA akan ditanggung dan dibayar oleh FELDA sepenuhnya melalui peruntukan ini bermula Januari 2024. Daripada semakan awal yang dibuat, tiada tunggakan bayaran bil di kawasan Gugusan Chini. Walau bagaimanapun, semakan lanjut dibuat sebagaimana maklumat Yang Berhormat Chini. Selain itu, pihak FELDA masih dalam proses bekerjasama dengan pihak TNB Ibu Pejabat untuk mengenal pasti dan menyambung semula meter lampu dan akaun-akaun yang tersesat… yang terkesan akibat dari tunggakan bil pada tahun 20… 2023.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Yang Berhormat Padang Tengku ada menyentuh soal statistik penerima Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro Negeri Pahang atau lebih dikenali sebagai Skim i-PUSH dan juga status pelaksanaannya. Pertama kali saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang telah pun memberikan ilham yang sangat baik untuk membantu usahawan-usahawan negeri Pahang.

Ini adalah satu penghormatan yang di… dipetik daripada err…usahawan-usahawan yang telah memberikan maklumat kepada saya kerana kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar mengilhamkan satu bantuan. Maklumlah, usahawan ini kadang-kadang *on* kadang-kadang *off.* Kadang-kadang ada duit kadang-kadang tiada duit. Namun dengan i-PUSH ini dapat membantu serba sedikit meringankan beban usahawan-usahawan untuk membantu secara skala kecil dan juga skala besar.

Sukacita saya ingin nyatakan… maklumkan bahawa Skim i-PUSH ini telah memberi manfaat kepada 2,258 orang usahawan yang mendapat pembiayaan Fasa 1 dan juga Fasa Ke-2. Melalui inisiatif Kerajaan Negeri sejak diperkenalkan pada tahun pada November 2022. Untuk meningkatkan kapasiti dan mengembangkan perniagaan sesebuah perniagaan atau perusahaan, sumber kewangan adalah aspek utama untuk disediakan setiap seseorang usahawan. Menyedari hakikat tersebut, Skim i-PUSH ini telah diperluaskan pelaksanaannya dengan tambahan peruntukan RM5 juta seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di dalam Belanjawan 2024.

Berdasarkan rekod yang telah diterima Sistem Maklumat Usahawan (SMU), majoriti pemohon pembiayaan ini adalah daripada usahawan dalam bidang penyediaan

makanan dan juga minuman. Diikuti oleh usahawan dalam bidang perkhidmatan dan juga peruncitan. Suka untuk saya tekankan di sini, kemudahan pembiayaan i-PUSH ini terbuka untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum. Statistik juga menunjukkan majoriti sebanyak 94.07 lebih kurang bersamaan 5,362 orang yang menerima pembiayaan ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu.

Inisiatif ini juga boleh dinikmati oleh semua yang berkelayakan serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Diharap rakan saya di bawah Parlimen Bentong, Yang Berhormat Dato'… Yang Berhormat Sabai telah mendapat penjelasan berhubung perkara ini dan akan sama-sama mencari kaedah dan strategi untuk meningkatkan daya saing dan memperkasakan usahawan di daerah Bentong dan juga seluruh negeri Pahang di pasaran yang lebih global.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sebelum saya nak menggulung, saya ingin memaklumkan juga ada beberapa perkara-perkara yang berhubung kait dengan FELDA ini. Antaranya di Pahang, Kerajaan Negeri Pahang iaitu FELDA. Kita akan menganjurkan beberapa karnival-karnival untuk membantu usahawan-usahawan FELDA ini berdaya saing, berdaya mampu untuk menguruskan perniagaan-perniagaan mereka secara mikro, secara kecil-kecilan sehingga secara besar- besaran.

Antaranya pada tarikh 1 dan juga 2 Jun nanti, Karnival Segalanya FELDA akan dilaksanakan di Jengka, Pekarangan Stadium Jengka yang akan dilak… dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar selaku kepimpinan Ulul Amri Negeri Pahang untuk memberikan sokongan moral kepada semua usahawan-usahawan FELDA dan juga dalam karnival ini akan menerapkan beberapa perkara elemen-elemen, komponen-komponen yang boleh memberikan impak yang besar kepada anak-anak peneroka dan juga FELDA. Karnival ini bermaksud Segalanya FELDA dan juga saya ingin memaklumkan juga dan juga mempersilakan ataupun menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Dato' Sri Speaker untuk bersama dengan Hari Peneroka Peringkat Kebangsaan yang akan dilaksanakan pada 12 dan juga 13 hingga 14 di MAEPS, Serdang yang akan mengumpulkan lebih kurang 500,000 yang akan hadir semasa di MAEPS.

Apa keunikan di dalam karnival tersebut iaitu hari peneroka tersebut, kita akan mengumpulkan 317 gerai setiap peneroka. Setiap rancangan FELDA yang ada di Malaysia ini sebanyak 317, kita kumpulkan mereka ini untuk gabungkan dalam satu bumbung dan akan mempamerkan produk dan juga produk makanan-makanan mereka dan kita nak letakkan sebagai *Malaysia Book of Record* kerana kehadiran untuk antaranya adalah untuk belia-belia yang kita akan gabungkan, anak-anak peneroka di dalam satu bumbung juga untuk berkempen selama tiga hari dua malam untuk merasai merapatkan ukhwah yang telah lama tak jumpa mak ayah, yang dah lama mungkin selepas raya tak jumpa, dia akan berjumpa di Serdang.

Sekali lagi saya ingin memaklum dan juga menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama dalam karnival ataupun Hari Peneroka Peringkat Kebangsaan untuk meraikan ya meraikan peneroka-peneroka yang ada pada hari ini iaitu teknik yang

terbaru dan inilah perkara-perkara baru yang dilaksanakan oleh FELDA untuk meratapi dan juga untuk bersama dengan kita semua.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dan juga di dalam usahawan ini, saya ingin buat penyentuhan sedikit sahaja iaitu beberapa kolaborasi yang boleh dibuat dan mungkin pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat saya catatkan dan juga menjadikan sebagai satu panduan untuk kita gerakkan bersama.

Ya, walaupun kita berbilang… berbeda pegangan politik, namun kita nakkan keberhasilan ialah satu-satu untuk rakyat negeri Pahang. Walaupun kita berbeza pandangan, namun hasrat daripada Kerajaan Negeri adalah untuk mencapai matlamat itu untuk membantu dan meringankan beban iaitu untuk membantu dan juga menjadikan rakyat negeri Pahang ini selesa, aman juga makmur dan tiada masalah-masalah yang lain. Walaupun kita berbeza tempat, namun hasrat tetap sama dan janganlah kita memikir sebelah pihak kerajaan sahaja yang asyik dipersalahkan.

Namun, kita perlulah berganding bahu. Janganlah meletakkan persepsi-persepsi negatif kepada Kerajaan Negeri kerana saya yakin percaya kalau kita lihat wajah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar tidak pernah lekang untuk memikirkan masalah rakyat. Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, di kesempatan ini saya memohon maaf jika terdapat soalan-soalan tambahan yang tidak dijawab hari ini dan saya akan jawab semuanya secara bertulis.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga agensi-agensi yang hadir pada hari ini dan saya lihat Dato' DO saya pun ada di sini. Terima kasih banyak juga Dato'… Dato' DO dan juga Dato' YDP yang hadir pada hari ini. Yang dapat hadir daripada Bentong yang dapat hadir bersama hari ini juga dan juga daripada sekali lagi saya ingin rakamkan ucapan penghargaan dan juga terima kasih atas pandangan juga input-input yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Mengakhiri penggulungan ini, saya menyoko… saya mohon menyokong oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Negeri Pahang. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Buah selasih daun kayu,
Terima kasih, thank you YB.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempohkan persidangan pada sebelah pagi ini untuk memberikan laluan kepada solat Jumaat dan juga untuk kita makan tengah hari dan insya-Allah persidangan kita akan disambung semula pada pukul 3.00 petang ini. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 12.49 tengah hari*]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan meneruskan atur cara urusan mesyuarat bagi perkara ketiga iaitu menjemput wakil kerajaan bagi memberi jawapan dan pandangan. Untuk ini, saya menjemput Exco Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang memberikan jawapan. Sila YB.

YB CIK LEONG YU MAN

Salam sejahtera, Salam perpaduan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Baginda… Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang terhadap kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri. Saya menjunjung kasih Titah Tuanku yang menyentuh portfolio saya iaitu supaya kerajaan negeri Pahang dapat merancang untuk membentuk strategi baru pelancongan negeri dan membina persepsi awam mengenai keunikan dan keprihatinan untuk menjaga warisan berharga yang ada di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker,

Tentang portfolio Pelancongan, Kerajaan Negeri telah menyusun kalendar acara pelancongan Pahang setiap tahun. Untuk tahun ini, lebih 40 acara diaturkan untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke negeri Pahang secara langsung merancakkan aktiviti ekonomi tempatan serta meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Sila izinkan saya mengambil peluang ini untuk memperkenalkan dua *signature event* di negeri Pahang. Yang pertama, *Fraser's Hill International Bird Race* dengan izin, Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser. Ini merupakan acara paling lama di negeri Pahang dianjurkan sejak tahun 1988. Tahun ini adalah kali ke-35, bertarikh 7 hingga 9 Jun 2024. Acara ini menawarkan peluang kepada peminat burung seluruh dunia untuk mengenal dan melihat pelbagai spesies burung *endemic* mahupun burung berhijrah di Bukit Fraser.

Kedua, *Royal Pahang Billfish International Challenge* Rompin dikenali sebagai *Billfish Capital of Asia*. Satu destinasi memancing ikan layaran utama di dunia. Acara ini berkonsepkan 'tangkap dan lepas' dapat mempromosi perairan Rompin untuk menarik pemancing-pemancing tegar dalam dan luar negara. Untuk tahun ini, acara ini akan diadakan 6 hingga 8 September. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati, di seluruh asia hanya 2 *events* sebegini yang diiktiraf layak untuk menghantar pemenang ke *Offshore World Championship* dengan izin, di Costa Rica, satunya di Dubai dan satu lagi di Malaysia, Negeri Pahang, Rompin acara *Royal* Pahang *Billfish International Challenge*.

Sementara itu, Acara Pahang *International Ocean Festival* akan diadakan Ogos tahun ini di Pantai Cherating. Ini merupakan acara sukan air yang menyasarkan penyertaan pendayung dalam dan luar negara dan juga mempromosikan Pantai Cherating.

Yang Berhormat… Yang Berhormat Speaker,

Semoga pengalaman istimewa dan kenangan indah yang dibawa kepada pelancong menerusi penganjuran acara dapat memperkukuhkan kedudukan negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan utama dan unggul di Malaysia.

Yang Berhormat Speaker,

Pada tahun ini Kerajaan Negeri Pahang akan menganjurkan *Malaysia International Tourism Expo* Pahang dengan ringkasan… dengan singkatan MIT Pahang pada 8 hingga 10 Oktober bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan. Ini merupakan *expo* pelancongan B2B bertaraf antarabangsa anjuran kerajaan yang julung kali diadakan di Malaysia. *Expo* ini bertujuan untuk menjadikan negeri Pahang khususnya Kuantan sebagai *hub* pertemuan bagi pemain industri pelancongan untuk berhubung dan memupuk kerjasama. Program dan aktiviti yang dirancang termasuk pameran pelancongan, seminar pelancongan, sesi B2B yang memudahkan rangkaian dan interaksi perniagaan di kalangan pembeli dan penjual industri pelancongan. Pertunjukan persembahan kebudayaan yang mempamerkan tarikan dan keunikan negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan negeri melalui Tourism Pahang meneruskan usaha promosi dengan menyertai *Expo* Pelancongan dalam dan luar negara. Penganjuran lawatan suai kenal, *Fam Trip* di kalangan media, pengusaha pelancongan mahupun pempengaruh untuk memberi pendedahan berkaitan produk- produk pelancongan negeri Pahang. Pada bulan Januari yang lepas kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak MOTAC melalui *Islamic Tourism Center* (ITC) bagi menyambut kedatangan sekumpulan 36 orang imam dari 14 wilayah Negara China yang menyertai lawatan pengenalan pelancongan mesra muslim dengan tema *Imam Fam Trip Discover Muslim-Friendly Malaysia*. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang juga mengadakan *Fam Trip* untuk menggalakkan *Muslim-Friendly Tourism* di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Seperti yang dijawab dalam soalan Dewan, pada tahun lepas negeri Pahang menerima kedatangan pelancong seramai 13,231,064 orang dengan anggaran perbelanjaan mencecah RM11.89 bilion. Angka ini merujuk kepada pelancong yang menginap sekurang-kurangnya satu malam tanpa memasukkan jumlah pelancong harian.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi memperkasakan industri pelancongan kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan RM3 juta untuk menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur dan kemudahan pelancongan dan juga RM2.2 juta untuk projek pelancongan berasaskan flora dan perhutanan. Projek yang dijalankan merangkumi kebanyakan daerah iaitu Rompin, Kuantan, Lipis, Maran, Raub, Cameron Highlands, Jerantut, Pekan, Bentong dan Bera.

Yang Berhormat Speaker,

Perbadanan Taman Negeri Pahang telah mewartakan Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah melibatkan keseluruhan Hutan Simpan Gunung Ais dan Hutan Simpan

Gunung Ais tambahan daerah Jerantut. Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah ini bertujuan untuk memelihara dan melindungi habitat semula jadi dan membantu meningkatkan populasi Harimau Malaya seterusnya meningkatkan keluasan kawasan rayau bagi mengelakkan konflik antara manusia dengan hidupan liar. Selain itu, majlis pemasyhuran Lipis sebagai Geopark Kebangsaan juga disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 18 Januari 2024.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi Program Pengalaman Homestay Malaysia, negeri Pahang menambah satu kluster baru iaitu Homestay Ulu Cheka, Jerantut dan satu kluster lagi dalam proses untuk didaftarkan, iaitu Homestay Ulu Sungai Raub, Pahang. MOTAC Pahang juga memberi perhatian tentang ketersediaan infrastruktur sokongan. Untuk makluman semua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 hingga Ke-12 *Rolling Plan* 1 hingga 4, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan 52 projek pembangunan serta penyelenggaraan dengan peruntukan melebihi RM31.5 juta kepada negeri Pahang. Untuk tahun ini, sebanyak RM 3.185 juta telah diluluskan di bawah projek penyelenggaraan. Sehubungan itu permohonan baharu bagi menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan negeri Pahang boleh dikemukakan demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus… sekali gus menjana ekonomi setempat dengan syarat.

Yang Berhormat Speaker,

Tourism Malaysia Wilayah Timur juga aktif menjalankan aktiviti dan program promosi termasuk acara dan pameran pelancongan, lawatan suai kenal yang juga melibatkan krew penggambaran serta perfileman, kerjasama strategik sesi *networking* dan juga sesi perkongsian.

Yang Berhormat Speaker,

Sila izin saya mengambil kesempatan di Dewan ini untuk memperkenalkan dua produk pelancongan yang baru di negeri Pahang. Yang pertama, *Via Ferrata* Pulau Tioman. *Via Ferrata* merupakan bahasa Itali yang bermaksud satu laluan khas di permukaan bukit gunung atau gua menggunakan alat keselamatan yang lengkap. *Via Ferrata* Pulau Tioman merupakan *Via Ferrata* yang tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan ketinggian 610 meter dari aras laut di kawasan puncak Nenek Semukut. Jadi kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat berpeluang boleh menikmati pemandangan indah, lautan-lautan dan gunung-gunung yang juga dikenali sebagai *Dragon Horns* di Pulau Tioman. Ini salah satu produk baru di Pulau Tioman dan dialu-alukan, kita semua dapat menikmati peluang ini.

Kedua, *Tree Top Walk* di Taman Negara Sungai Relau, Pahang. *Tree Top Walk* di Taman Negara Sungai Relau, Pahang kini menjadi tarikan baharu kepada pencinta kehidupan flora dan fauna. Ia menjaminkan pemandangan alam yang hijau, segar dan mendamaikan kepada para pengunjung. *Tree Top Walk* dengan laluan sepanjang 660 meter ini sangat selesa dan sesuai untuk pelbagai peringkat umur, sekaligus boleh dijadikan destinasi untuk menarik dan membawa keluarga beriadah.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi memelihara dan memartabatkan seni budaya di negeri Pahang, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan melalui pengukuhan seni dan budaya, pengembangan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik, bimbingan seni budaya, perancangan dan penyelarasan dasar, penyelidikan dan pembangunan, dokumentasi dan penerbitan serta pembangunan produk seni bidaya… seni budaya, minta maaf. Program dan aktiviti ini juga memberi peluang kepada penggiat seni untuk terus berkarya disamping menjana ekonomi komuniti setempat.

Pada tahun ini, perancangan program dan aktiviti menepati dengan visi dan misi negara iaitu berteraskan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 - Negara Maju, Rakyat Berbudaya. Melalui DAKEN juga penerapan nilai-nilai murni dan jati diri menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk lebih menghargai keunikan kepelbagaian budaya di Malaysia. Ia juga membantu untuk menjadikan seni budaya negeri Pahang sebagai aset pelancongan yang unik dan istimewa.

Yang Berhormat Speaker,

Kepelbagaian budaya sentiasa diutamakan dalam penganjuran program-program. Sebagai contoh, pementasan Teater Muzikal 'Hijau' dengan penglibatan pelbagai kaum dari prasekolah, kanak-kanak istimewa, remaja, belia dan dewasa berumur 5 tahun hingga 65… 60 puluh tahun. Bagi melahirkan pewaris dan pelapis dalam kesenian tradisional, Program Perantisan Seni Gendang Pahang telah bermula dari tahun 2022, 2023 dan akan diteruskan lagi pada tahun ini. Program ini berjaya melahirkan kumpulan pelapis yang mampu mengadakan persembahan di peringkat daerah dan negeri.

Elemen-elemen seni budaya lain turut diketengahkan adalah permainan tradisional seperti congkak, wau pungguk, hencang buah keras dan sebagainya. Masakan makanan tradisional negeri Pahang turut dipromosikan seperti Ikan Patin Masak Tempoyak, Sambal Hitam Belimbing Buluh, Gulai Asam Rom Siput Sedut dan kuih muih tradisional. Tidak ketinggalan juga dalam seni persembahan tradisional, terdapat kerjasama antara Jurulatih Seni budaya Negara dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang untuk melahirkan pelajar sekolah yang mahir dalam bidang tari, muzik dan teater.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk portfolio Perpaduan; kemajuan sesebuah negara bukan sahaja diukur dengan pembangunan infrastruktur semata-mata. Pembangunan ini perlu seiring dengan pembentukan masyarakat yang harmoni serta bertoleransi dalam suasana masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan etnik. Pendedahan kepada pemahaman… pemahaman antara satu sama lain adalah sangat penting dan perlu ditekankan merangkumi elemen silang budaya supaya masyarakat dapat menerima dan meraikan perbezaan yang wujud dan membudayakan nilai perpaduan di setiap aspek kehidupan.

Saya ingin menzahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah menyediakan peruntukan melalui belanjawan tahun ini untuk… untuk menerapkan elemen silang budaya supaya penghayatan, pengetahuan, pengalaman nilai-nilai persefahaman di kalangan masyarakat dapat disebarluaskan.

Sehingga Mei 2024, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pahang (JPNIN) agensi yang bawah tanggungjawab dan portfolio saya, telah

melaksanakan program berteraskan elemen silang budaya seperti Sambutan Tahun Baharu Cina sempena Program Harmoni Madani: Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Negeri Pahang, Program Gerak Ramah 2024: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan, Program Silang Budaya Sempena Sambutan Aidilfitri Perpaduan Negeri Pahang. Program-program berteraskan elemen silang budaya ini akan diteruskan sehingga akhir tahun untuk memastikan nilai perpaduan sentiasa diperkukuhkan.

Yang Berhormat Speaker,

JPNIN juga merancang untuk melaksanakan sambutan Minggu Perpaduan Negeri Pahang yang akan dilaksanakan pada bulan Jun tahun ini bertemakan "Perpaduan Dalam Kepelbagaian". Ini juga adalah usaha untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moment of unity* dengan izin.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi memastikan perpaduan di negeri Pahang terpelihara, Jawatankuasa Tindakan Perpaduan (PADU) Negeri Pahang melibatkan keahlian ketua jabatan, wakil agensi pelbagai bidang, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), belia, tokoh akademik, agensi swasta untuk merangka inisiatif dan program untuk memantapkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di peringkat komuniti.

Pada ruang dan kesempatan ini, ingin saya sampaikan walaupun kita mempunyai perbezaan bukan sahaja dari segi latar belakang etnik, mahupun kepercayaan agama dan ideologi, akan tetapi hakikatnya kita berpijak di bumi yang sama, berlindung di bawah awan yang sama iaitu negara kita Malaysia. Dengan rendah hati, saya mohon supaya kita semua bersama membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian hingga akhirnya iklim keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan dinikmati bersama.

Yang Berhormat Speaker,

Menjaga kepentingan warisan turut menjadi… turut menjadi agenda Kerajaan Negeri. Untuk itu, peruntukan telah diberikan kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang dalam usaha menjaga kelestarian warisan negeri. Peruntukan tersebut melibatkan banyak kerja termasuk: satu; menaik taraf muzium-muzium negeri, dua; pembangunan-pembangunan Galeri Diraja, tiga; projek menaik taraf pembangunan Pulau Beram, Pekan yang bakal menjadi mercu tanda pelancongan domestik dan antarabangsa di daerah Pekan, empat; projek menaik taraf Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah, Kampung Pulau Keladi yang turut dilengkapi dengan kemudahan inap desa, *homestay* suasana kampung bagi pengunjung dalam dan luar negara. Lima; pembangunan penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah atau AL-ASAR. Bukan sahaja pusat kajian, malah bangunan fizikal yang dinamakan sebagai Perkampungan AL-ASAR ataupun Pekan Sega juga akan dibangunkan dan banyak lagi projek.

Yang Berhormat Speaker… Yang Berhormat Speaker,

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan Ahli Dewan dalam sesi perbahasan yang menyentuh portfolio saya. Bukan sahaja perbahasan, saya dapati bahawa untuk sidang Dewan kali ini, jumlah soalan Dewan yang diterima yang berkenaan dengan portfolio saya telah bertambah berkali ganda kalua berbanding dengan sidang Dewan yang lalu. Dengan ikhlas hati, saya mengucapkan terima kasih

kerana ramai yang minat dan prihatin khususnya tentang sektor pelancongan di negeri Pahang.

Dengan ini, sila izinkan saya menjawab persoalan yang dibangkit masa perbahasan. Untuk Yang Berhormat Lanchang yang bertanyakan, mencadangkan supaya kerajaan memberi perhatian tentang aktiviti pelancongan di Pusat Konservasi Kebangsaan Kuala Gandah dengan menaik taraf kemudahan dan fasiliti. Untuk maklumat, Yang Berhormat, kerajaan melalui projek RMK-12 telah menyediakan jumlah peruntukan RM 30 juta untuk tiga projek di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN).

Yang pertama; projek untuk memperkasakan PKGK Kuala Gandah sebagai *Center of Excellence* Pengurusan Gajah ke Arah Pemeliharaan Khazanah Sumber Asli Negara. Projek ini juga menekankan pembangunan kawasan ekopelancongan seperti Laman Latihan Gajah yang akan dinaik taraf untuk menyediakan aktiviti tambahan kepada pelawat.

Yang kedua; projek tebatan banjir yang memfokuskan untuk pengurangan impak dan risiko kerosakan aset akibat bencana banjir.

Yang ketiga, Projek menaik taraf kemudahan eko pelancongan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah yang merangkumi kerja-kerja, sebagai contoh, menaik taraf ruangan interpretif, menaik taraf sistem bekalan air mentah, menaik taraf tandas awam dan banyak lagi. Dan kesemua projek ini dijangka akan siap pada tahun 2025 atau tahun 2027 bergantung kepada projek yang berlainan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya dengan rendah hati memohon kepada semua rakan Ahli Dewan supaya kita dapat bersama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam menjayakan misi Kerajaan Negeri. Semoga segala usaha yang kita laksanakan akan memberi manfaat khususnya kepada rakyat negeri Pahang dan menjadikan negeri Pahang yang kita cintai ini terus melakarkan sejarah gemilang dan mencapai kejayaan demi kejayaan. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebentar, sebelum tutup ya. Terima kasih perbahasan ucapan jawapan yang sangat komprehensif. Membentangkan perancangan yang sangat teliti. Saya bangkitkan dalam perbahasan ialah isu eko pelancongan. Sebahagian besar, hampir semua yang saya senaraikan itu melibatkan sungai dan kita dapati ada beberapa usahawan yang mendapat pengiktirafan dunia antarabangsa, contohnya Tanah Aina. Mereka ini mendapat tekanan yang sangat serius. Dia tak dibenarkan, saman beberapa saman yang dibuat semata mata kerana dia… dia menggunakan sungai.

Sebenarnya eko…eko pelancongan ini mesti kena guna sungai dan saya nak… dia mendapat 30 pengiktirafan antarabangsa dan ribuan pelancong yang datang ke tempat dia. Saya fikir saya sebut ini untuk perhatian Exco berkenaan supaya kalau boleh apa mekanisme yang kita boleh bantu. Bukan sahaja dialah, semua usaha yang telah habis berjuta-juta duit sendiri untuk menarik dan dia menjadi manfaat kepada Kerajaan Negeri dalam menarik pelancong. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Cheka atas pandangan tadi. Pandangan tadi dihormati dan kita akan mengambil kira untuk mempertimbangkan. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Just tambah sikit je.

YB TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Berkaitan sungai dengan tasik dengan air ini lah. Saya kalau dapat pihak kerajaan tengok juga permainan apa ini… dipanggil *Stand-Up Paddle Boards* yang kita atas *board,* jalan atas air itu, yang permainan ini tak mahal pun. Dan kita, negeri kita pun, banyak ada tasik banyak sungai, banyak ya. Boleh kita popularkan. Saya nak cadang Wakil Kerajaan suruh tengok balik permainan ini. Macam di Maran sini pun kita ada tasik. Bukan setakat untuk kita tengok sahaja, kalau dapat kita manfaatkan dengan program sukan air macam ini pun elok juga. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Luit. Terima kasih atas cadangan. Nanti sila saya mohon Yang Berhormat Luit nanti boleh bagi sikit info lanjutan untuk kita bersama mengkaji dan tengok potensi untuk menambah sebagai produk baru di negeri Pahang. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

Songket dijahit dibuat kebaya,
Dipakai dara idaman kalbu,
Pelbagai kaum, pelbagai budaya,
Pahang Makmur, Aman dan Maju.

Tenun Pahang berjalur jalur,
Seninya halus indah dipandang,
Diberi jolokan Darul Makmur,
Maju terus…maju terus negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Exco Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang memberi jawapan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan menyertai bersama-sama di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri

Pahang Yang Ke-15 yang telah bermula pada hari Isnin yang lalu. Mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan junjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Pahang Ke-15. Saya selaku Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuhkan portfolio saya.

Tuan speaker,

Saya memula dengan portfolio Hal Ehwal Pengguna. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius dalam menumpukan usaha-usaha bagi mengawal harga dan stok barangan keperluan harian di negeri Pahang sentiasa mencukupi di pasaran untuk kegunaan rakyat di negeri Pahang. Pelbagai perancangan dan program yang berkesan dirangka untuk memastikan keperluan harian adalah mencukupi.

Antaranya Jualan Makmur. Sehingga kini, program Jualan Makmur telah diadakan sempena Tahun Baru Cina pada 7 hingga 8 hari bulan Februari 2024 di 9 lokasi. Manakala sempena Hari Raya Aidilfitri telah diadakan pada 3 hingga 7 April 2024 di seluruh Pahang merangkumi 23 lokasi melibatkan RM1.7 juta. Barang keperluan adalah… yang dijual dan disubsidi adalah bersesuaian dengan keperluan perayaan ini. Subsidi barangan adalah antara 15 hingga 30% dari harga asal jualan.

Kedua, Program Jualan Rahmah. Kerajaan Persekutuan melalui KPDN Pahang melaksanakan Program Jualan Rahmah di bawah insentif Payung Rahmah bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program ini kerjasama antara pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan *hypermarket,* dengan izin, yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian di antara 10 hingga 30% lebih murah dari harga pasaran tempatan. Program Jualan Rahmah ini disasarkan untuk dilaksanakan di seluruh 14 Parlimen dan 42 DUN di negeri Pahang. Sehingga kini, bilangan pelaksanaan Jualan Rahmah di negeri Pahang adalah sebanyak 138 program.

Bagi membantu masyarakat terutama golongan B40 yang tinggal di kawasan pedalaman mendapatkan barangan keperluan pada harga yang munasabah. Kerajaan Persekutuan melalui KPDN Pahang telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak tahun 2009. Kerajaan Persekutuan akan menanggung kos pengangkutan dari pembekal ke kawasan pedalaman yang terpilih bagi barangan keperluan bersubsidi atau barangan kawalan seperti tepung gandum, gula…gula putih bertapis kasar, beras putih, minyak sawit tulen peket 1 kilo, botol 1 liter, LPG Gas, petrol RON95 dan diesel.

Bagi tahun 2024, terdapat 5 zon di negeri Pahang yang terlibat dengan pelaksanaan program ini. *So* pagi tadi saya sudah bangkit ya. Tapi kali ini, tahun ini kita tambah lagi satu tempat *so* adalah di zon Pulau Tioman, zon Pekan, zon Kuala Tahan, zon Kampung Bantal dan zon Pos Sendirut.

Kerajaan Negeri melalui KPDN juga menggalakkan perniagaan berkonsep digital khususnya dalam sektor peruncitan melalui Inisiatif Digital Sektor Peruncitan yang bertunjuk untuk…yang bertujuan untuk meningkatkan pendedahan kepada peniaga dan pengguna melalui kemudahan eWallet dalam berurus niaga. Sehingga April 2024, inisiatif ini telah dilaksanakan bersempena program-program berikut; Karnival Jualan Rahmah Peringkat Negeri Pahang pada 2 hingga 3 Mac 2024, melibatkan pemberian baucer eWallet sebanyak RM20.00 kepada 1,000 pengguna.

Dua, Bazar Ramadan Chini, Bazar Ramadan Bandar Jerantut serta Bazar Ramadan Mahkota Square melibatkan pemberian baucar eWallet sebanyak RM20.00 kepada 5,000 pengguna dan RM50.00 kepada 78 peniaga Menu Rahmah. Program ini juga dirancang untuk diperluaskan ke lokasi lain bagi memastikan peniaga dan pengguna di negeri Pahang yang mesra dengan ekosistem masyarakat tanpa tunai. Kerajaan Negeri melalui KPDN sentiasa melaksanakan pelbagai program-program advokasi kepenggunaan bagi melahirkan pengguna bijak yang tahu hak-hak mereka sebagai pengguna serta berani bertindak melalui salur yang betul. Program-program ini dilaksanakan melalui pelbagai platform.

KPDN Negeri Pahang dengan kerjasama Pertubuhan Gema Negeri Pahang dan Gerakan Pengguna Siswa iaitu Widad University College dan Cosmopoint College Kuantan telah melaksanakan Program Mysave Food Ramadan pada 14 hingga 25 April 2024 yang merupakan satu usaha menyelamatkan lebihan makanan dan minuman yang tidak terjual oleh peniaga bazar ramadan.

Sehingga April 2024, sebanyak 22 Program Advokasi Kepenggunaan telah dilaksanakan melibatkan pelbagai kumpulan sasar seperti Kelab Pengguna Sekolah, Gerakan Pengguna Siswa, komuniti serta NGO. Pelaksanaan program-program advokasi akan segera dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi memastikan pengguna mendapat maklumat dan informasi pengguna secara lebih berkesan dan menyeluruh.

Kerajaan Negeri melalui KPDN Pahang sentiasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan seperti pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan bagi memastikan peniaga sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan untuk melindungi hak-hak pengguna. Sehingga April 2024, sejumlah 26 ribu premis perniagaan telah diperiksa di mana sebanyak 257 kes telah dihasil dengan nilai rampasan berjumlah RM1.2 juta dan kutipan kompaun berjumlah RM159,000.00.

Selain itu, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan turut dilaksanakan dengan tujuan untuk mengawal harga barangan keperluan semasa musim perayaan untuk elak peniaga menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya. Melalui skim ini, KPDN Pahang telah menetapkan harga beberapa barangan terpilih yang menjadi tumpuan semasa musim perayaan. Sehingga kini, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina telah dilaksanakan berkuat kuasa 6 hingga 14 Februari 2024 manakala Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri berkuat kuasa 5 hingga 19 April 2024.

KPDN Pahang mengalu-alukan semua pengguna untuk bersama-sama membantu menjadi mata dan telinga untuk melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan oleh peniaga melalui pelbagai medium aduan yang boleh diperolehi melalui laman web rasmi KPDN.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit, *break* sekejaplah. Biasa pemantauan pada musim perayaan, saya ucap tahniahlah, memang dah berjalan. Isunya permintaan meningkat pada setiap kali musim perayaan, menyebabkan peniaga ambil kesempatan untuk naik. Kalau mekanisme ini diteruskan, dia akan mengulang benda yang sama. Saya lihat keperluan untuk kita memaksimakan bekalan sebelum musim perayaan supaya bekalan tidak... tidak ada masalah dan peniaga tidak ambil kesempatan. Kalau bekalan kurang, peniaga ambil sebab... sebab permintaan sangat tinggi. Jadi, saya fikir cadangan mekanisme untuk *control* ini bukan dikawal pada hari perniagaan tapi

ditingkatkan jumlah kepada pembeli supaya peniaga tidak ambil kesempatan. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHIN SIANG

Terima kasih Cheka. Kerajaan ambil maklum perkara ini dan biasanya kita memantau dari Pegawai Penguatkuasa KPKDN akan memantau dari sehari ke sehari. Kalau Cheka boleh tengok website, kita kerja. Tiap-tiap hari kita kerja. Mereka ada bagi laporan baru saya. Okey terima kasih Cheka. Kita ambil maklum perkara ini.

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia merupakan alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna membuat tuntutan tebus rugi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan secara murah dan tepat. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berfungsi untuk mendengar tuntutan dengan bebas, adil dan saksama serta pada masa yang sama membangunkan undang-undang berhubung perlindungan pengguna.

Untuk tempoh sehingga April 2024, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia Negeri Pahang telah memfailkan sebanyak 78 tuntutan dengan ini, di mana 28 tuntutan adalah barangan, manakala 50 tuntutan untuk perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, 28 kes telah berjaya diselesaikan, manakala 28 kes sedang dalam proses pendengaran. Jumlah tuntutan setakat ini adalah sebanyak RM1 juta. Manakala jumlah *award* adalah sebanyak RM319,000.00. Jenis tuntutan paling tinggi yang difailkan bagi tahun 2024 sehingga kini adalah pakej haji atau umrah dengan 28 kes, diikuti pengubahsuaian rumah sebanyak 11 kes.

Tuan Speaker,

Seksyen Pendakwaraya KPDN Pahang berperanan untuk menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh KPDN. Sehingga 8 Mei 2024, jumlah tindakan kes yang dihasilkan adalah sebanyak 272 kes. Daripada jumlah tersebut, 198 kes melibatkan kompaun *on the spot,* dengan izin dan 74 adalah kes biasa.

Sebanyak 8 kes telah difailkan di mahkamah jenayah Kuantan pada tahun 2024 di mana 5 kes adalah dalam proses perbicaraan di mahkamah manakala 3 kes telah disabitkan dan dikenakan dengan nilai RM6,000.00. Satu kes dikelaskan sebagai kes berprofil tinggi yang melibatkan sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang disiasat di bawah Ops Tiris melibatkan rampasan barang kawalan iaitu minyak diesel bersubsidi sebanyak RM258,000.00 yang dituduh di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang dibaca bersama Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sebanyak RM1 juta atau 3 tahun penjara.

Tuan Speaker,

Untul portfolio Sumber Manusia. Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui PERKESO telah memastikan pelaksanaan tanggungjawab berkaitan perlindungan keselamatan sosial kepada rakyat di Negeri Pahang melalui penguatkuasaan Akta 4 (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969) dengan pembayaran keseluruhan faedah sebanyak RM11.7 Juta melibatkan sebanyak 2,389 kes tuntutan setakat Mac 2024. Keutamaan Kerajaan Negeri melalui PERKESO pada tahun ini melibatkan perlindungan sosial kepada lebih kurang 26 ribu majikan dan 157 ribu pekerja.

Bagi memastikan setiap pekerja yang menghidapi penyakit dan kemalangan dapat dibantu dengan segera, PERKESO juga ada menubuhkan Skuad PERKESO Prihatin bagi bertindak secara segera untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan untuk siasatan dan pembayaran segera pampasan yang diperlukan oleh pekerja atau waris terlibat. Selain itu, PERKESO juga bertindak segera melalui data-data yang disalurkan oleh pelbagai pihak menerusi Aplikasi Prihatin di bawah Program *Social Synergy* PERKESO.

Setakat ini usahasama di Negeri ini turut melibatkan pendaftaran lebih kurang 70% Pusat Khidmat Parlimen dan DUN yang ada. Untuk memastikan peluasan perkhidmatan perlindungan sosial di negeri ini dapat disegerakan dan dipertingkatkan, Kerajaan Negeri melalui PERKESO yang juga sentiasa memastikan aktiviti pengesanan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara berkala. Sebanyak 10% atau 2,678 pendaftaran majikan baru disasar pada tahun 2024. Melalui aktiviti operasi pengesanan, pengesanan yang dijalankan, setakat Mac 2024, sebanyak 9 aktiviti Ops Kesan dan 2 Ops Bersepadu telah dilaksanakan.

Tuan Speaker,

Sejak Sistem Insuran Pekerja atau lebih dikenali dengan SIP dilaksanakan dan pengguna sepenuhnya Portal MYFutureJobs bermula tahun 2020 sehingga Mac 2024, Kerajaan Negeri melalui PERKESO telah berjaya membantu seramai 33,320 pekerja mendapat pekerjaan. Usaha ini turut meliputi sebahagian 10,577 pekerja yang dilaporkan mengalami kehilangan pekerja di negeri ini dalam tempoh tersebut. Peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PERKESO juga dilihat membantu meningkatkan semua guna tenaga di negeri ini dan mengurangkan jumlah pekerja diberhentikan dalam kalangan majikan terlibat.

Bermula Januari sehingga Mac 2024, hanya terdapat sebanyak 409 tuntutan kes kehilangan pekerja yang dilaporkan di negeri ini. Untuk memastikan tiada yang terpinggir dalam usaha untuk membantu pencari kerja di negeri Pahang, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerja Sistem Insurans Pekerja (SIP), PERKESO juga sentiasa memberi perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja yang terdiri daripada pelbagai golongan mudah terjejas seperti golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, pesara, bekas banduan, peserta Program Return to Work, dengan izin, graduan, belia, wanita, Orang Asli dan berinsuran… orang berinsuran PERKESO khususnya rakyat di negeri Pahang.

Selaras dengan hasrat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, PERKESO juga telah bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi di peringkat negeri bagi memastikan perkhidmatan pekerja PERKESO dapat diselaraskan dan dijayakan dengan baik secara keseluruhan. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 6,450 pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan di seluruh negeri Pahang. Usaha ini diteruskan lagi pada tahun dengan sasaran sebanyak 8,200 penempatan pekerja baharu di negeri ini.

Usaha sama PERKESO bersama dengan semua majikan berdaftar di negeri ini turut dilihat mendapat sambutan yang baik dari masa ke semasa di mana sejak dimulakan pada Januari tahun 2020 sehingga Mac 2024, didapati bahawa sebanyak 4,570 majikan telah berdaftar dan menggunakan perkhidmatan percuma dari Portal MYFutureJobs ini.

Selain itu, dalam meningkat lagi usaha pengambilan pekerja baru, PERKESO juga sentiasa aktif melakukan aktiviti temu duga harian di Pusat Transformasi Bandar

(UTC), Aktiviti temu duga di premis majikan, program temu duga bersama pihak pengajian tinggi awam atau swasta dan program temu duga *out reach,* dengan izin, di kawasan-kawasan luar bandar bagi membantu meningkatkan akses pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan.

Bermula Januari hingga Mac tahun ini sahaja, sebanyak 75 aktiviti temu duga telah berjaya dilaksanakan di seluruh negeri Pahang. Untuk rujukan setakat Mac 2024, sebayak 2,018 kekosongan pekerja aktif direkodkan di negeri ini dan sebanyak lebih kurang 118,000 kekosongan aktif di seluruh Malaysia untuk direbut oleh semua pencari kerja menerusi Portal MyFutureJobs. Antara 10 peluang pekerja aktif yang direkodkan adalah seperti berikut; kerani pejabat merekodkan 534, pengurusan cawangan 451, operator loji dan mineral 394, pembantu jualan 331, pekerja hasil ladang tanaman 337.

Tuan Speaker,

Golongan suri rumah adalah tulang belakang yang penting memastikan kesejahteraan keluarga di negara ini. Setiap peranan yang dimainkan oleh golongan ini sama ada di rumah mahupun di luar rumah bagi mengurus soal rumah tangga atau sebarang urusan dipertanggungjawabkan perlu dihargai serta dilindungi dengan pelan yang sewajarnya.

Untuk itu, pihak Kerajaan Negeri melalui PERKESO sentiasa melaksanakan siri libat urus merentasi agensi dan kawasan bagi menyampaikan matlamat… maklumat berkenaan skim perlindungan menerusi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah. Setakat ini, jumlah hingga Mac 2024 sebanyak 7,545 golongan isi rumah telah berjaya didaftarkan di negeri ini. Usaha ini akan diteruskan dari masa ke semasa untuk memastikan semua golongan isi rumah terutama bagi mereka yang terdiri daripada golongan yang memerlukan dapat dibantu dan dibekal dengan skim perlindungan yang sama dengan harga mencarum sebanyak RM10.00 sebulan atau RM120.00 bagi perlindungan selama setahun. Tetapi bagi suri rumah yang belum mencapai umur 54 sahaja.

Tuan Speaker,

Pengangguran telah… telah menjadi isu nasional memandangkan ia memberi kesan secara langsung kepada landskap ekonomi dan sosial sesebuah negara amnya dan kepada negeri Pahang khususnya. Kerajaan Negeri melalui MPNP telah mewujudkan Dasar Pelan Tindakan Majlis Pekerja Negeri Pahang 2024 - 2029 yang akan dilancar pada masa yang terdekat.

Kajian ini melibatkan kerjasama dari semua agensi industri dan wakil akademik dan telah menggariskan lima teras utama. Peneraju hala tuju pekerja, kedua - kemampanan kapasiti organisasi, ketiga - pengupayaan sokongan sumber manusia, empat - memperkasa dan modal insan, lima - pengukuhan jalinan kerjasama. Antara inisiatif yang dicadangkan adalah dengan mewujudkan pangkalan data utama CariKerja@Pahang dan *dashboard* dengan izin, bagi menyepadukan proses perancang strategi MPNP yang lebih berkesan.

Selain itu, bagi menggalakkan warga Pahang yang mahir supaya peluang bekerja di Pahang, program sokongan kerja dan inisiatif-inisiatif menarik juga dicadangkan di dalam dasar dan pelan tersebut. Kesemua teras objektif, strategi dan inisiatif yang dibangunkan bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan, produktiviti dan kecekapan yang berfungsi sebagai pencetus ekonomi di negeri Pahang.

Antara inisiatif yang akan dijalankan pada masa yang terdekat, Pahang 1st Job yang dibangkit oleh ADUN Beserah. Program Pahang 1st Job merupakan satu inisiatif kerajaan dan membantu rakyat negeri Pahang untuk mendapatkan pekerjaan. Jangkaan untuk program ini berlangsung antara Januari hingga Mac 2025. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mencari kaedah yang terbaik bagi menjayakan program ini demi keberlangsungan untuk jangka masa yang panjang. Program ini akan memberikan manfaat kepada 100 anak Pahang, kos gaji RM2,500.00 sebulan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri selama 6 bulan. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan institusi pendidikan, agensi-agensi berkaitan dan pemain industri bagi menjayakan program Pahang 1st Job.

Pangkalan Data Utama Pekerja Pahang. Sistem CariKerja@Pahang merupakan satu medium yang integrasi maklumat berkaitan peluang pekerjaan, latihan dan tawaran geran daripada pelbagai agensi di bawah satu bumbung. Pangkalan Data Utama Pekerjaan Pahang akan dibangunkan sebagai penambahan modul dalam sistem Pelaburan, Invest Pahang yang sedia ada selaras dengan *one stop centre approach,* dengan izin, bagi pelaburan masuk di negeri Pahang. Perkara ini akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk membangunkan satu sistem pelaburan yang bersepadu dan holistik. Siri forum ini akan melibatkan er… penyertaan dari jabatan, agensi, badan bukan kerajaan, pusat pengajian tinggi dan pemain industri negeri Pahang.

Penganjuran program ini menjadi satu medium kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk membincangkan kesediaan pekerja untuk berhadapan industri 4.0 seperti robot autonomi, sekuriti siber dan teknologi AI. ketidak er… *sorry* ya teknologi AI ketidaksepadanan pekerja dan kekurangan tenaga kerja mahir.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri menerusi ADTEC Jerantut adalah menawarkan kursus kemahiran TVET secara separuh masa dan kursus jangka pendek. Kapasiti latihan kemahiran di ADTEC Jerantut boleh menampung sehingga 600 pelajar pada satu-satu masa. Iklan pengambilan pelajar baru sesi Julai 2024 telah dibuka kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran (SPM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3. Kemudahan yang disediakan kepada pelajar-pelajar mengikut kursus sepenuh masa di ADTEC Jerantut seperti penginapan disediakan, makan minum percuma 4 kali sehari, kemudahan pinjaman PTPK dan kemudahan latihan yang lain seperti bilik kuliah, bengkel, dewan kuliah, dewan makan dan asrama yang lengkap. Kadar kebolehpasaran graduan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat minta gulunglah. Masa dah sampai.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okey, terima kasih Tuan Speaker. Jerantut pada tahun 2023 adalah tinggi er… lebih kurang 90%, yang menyaksikan kecemerlangan graduan kami memam er… mampu menembusi pasaran kerja dalam bidang yang berkaitan. Selain lima bidang kursus yang ada, Pusat Latihan Tinggi ADTEC Jerantut kini menawarkan kursus baharu khususnya berkaitan dengan teknologi *boiler* dengan izin, bagi tujuan menyediakan latihan kemahiran kepada anak-anak tempatan negeri Pahang. Sebagai permulaan ADTEC memperkenalkan kursus jangka pendek berkaitan *boiler*.

Antara kursus yang ditawarkan adalah Kursus Asas Pengendalian dan Penyelenggaraan *Boiler*, Kursus Pemantapan *Boilerman* dengan izin ya. Kedua-dua kursus ini adalah sebagai persediaan untuk peserta yang terlibat memenuhi syarat untuk mendapatkan er… mendapatkan persijilan kompetensi er… sebab saya banyak lagi, tidak apa saya jawab er… berkaitan dibangkit oleh ADUN-ADUN er… saya jawab sekejap ya penggulungan er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, mungkin saya boleh mencadangkan kepada Yang Berhormat mungkin boleh hantar secara bertulis kerana masa singkat.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okay, saya hanya menjawab beberapa soalan sahaja okey. Terima kasih Dato' Sri. *So*, soalan yang dibangkitkan oleh er… Sungai Lembing eh… er… Sungai er… ADUN Sungai Lembing bangkitkan kos sara hidup semakin meningkat. Sehubungan ini Kerajaan Negeri dimohon untuk meneliti er… cadangan seperti okay *so* er… KPDN akan er… telah menggerakkan seramai 137 anggota pegawai penguatkuasa seluruh negeri Pahang er… meliputi lima pejabat cawangan untuk menjalankan pemeriksaan setiap hari ke atas semua lapisan perniagaan sama di peringkat kilang, pengeluar, pemborong dan peruncit.

Kita akan er… buat pemantauanlah okey dan er… yang untuk er… juga dibangkitkan menubuhkan koperasi bagi memperkasakan ekonomi dengan mengedar bantuan gerai khas. Terima kasih ADUN er… Sungai Lembing. Untuk menjawab soalan ini er… SKM sentiasa menggalakkan penubuhan koperasi er… sebelum ini kita perlu 50 orang untuk satu koperasi dan sekarang hanya 20 orang dah boleh tubuhkan koperasi okey.

Untuk menjawab soalan dari Kemayan, mohon pihak Kerajaan Negeri mengutamakan pengambilan pekerja tempatan dan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda berminat bekerja di dalam estet berkaitan Kerajaan Negeri seperti PKPP, FGV, FELCRA dan RISDA. Juga ini soalan dibangkit oleh er… Pulau Tawar juga er… antara isu dalam sektor kelapa sawit adalah kekurangan pekerja tempatan. Kerajaan Negeri dimohon supaya meneliti penglibatan anak tempatan di ladang serta memperhebatkan kempen kepada anak tempatan.

Kedua-dua jawap er… dua soalan yang lebih kurang sama er… itulah yang saya telah bangkit itu hari. Anak kita ini tak suka kerja bawah panas, dia suka lebih suka dalam kerja dalam sejuk. *So*, kita akan cubalah okey cari jalan macam mana kita nak tolong mereka ini. Okey untuk er… untuk menjawab ADUN Beserah, okey dari er… itu hari tanya daripada 31,000 permohonan kerja yang berdaftar dalam sistem MYFutureJobs. *So* soalan yang dibangkitkan apakah peringkat kelayakan dimiliki oleh pemohon. Izinkan saya berkongsilah sedikit ya. *So*, PhD 53 orang, Sarjana *Master* eh… 538; Sarjana Muda 10,050 orang; Diploma 7,260 orang; STPM (A-Level) 756; SPM (O Level) 5,986 orang; PMR 604 orang.

Untuk ADUN Beserah, apakah sektor yang paling ramai pemohon kerja memohon? Satu adalah pembuatan 2,917 orang; pentadbiran aktiviti sekolah sokongan perkhidmatan 2,873 orang. Untuk last sekali, er… untuk Chini. Mohon pihak kerajaan mengenal pasti strategi dan langkah-langkah bagi meningkatkan peluang pekerjaan di negeri secara keseluruhan bagi mengelakkan penghijrahan sumber manusia keluar dari negeri Pahang. *So*, inilah saya bagi jawapan bertulislah sebab agak panjang. *So* dengan inilah saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang memberi jawapan. Sila.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Pertamanya, marilah kita sama-sama panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana berkat izin limpah kurnia, inayah dan makbulnya jua, maka kita dapat bersama-sama berada di Dewan yang mulia ini bagi menjalan… menggalas tugas amanah serta tanggungjawab yang dipikulkan di atas bahu kita. Selanjutnya, patik menjunjung setinggi tinggi-kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas Titah Diraja sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15 pada Isnin yang lalu.

Sesungguhnya titah diraja yang diungkapkan mencerminkan keprihatinan dan kecaknaan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, untuk memastikan kita Ahli-ahli Yang Berhormat menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan penting untuk bertukar pandangan, merencana serta menimbang serta berunding dengan mendahulukan kepentingan negeri bertuah Pahang ini dan rakyat. Jika diperhalusi Titah Diraja secara jelas Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku telah mengiktiraf kejayaan serta pencapaian cemerlang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang dalam meningkatkan kutipan hasil negeri melebihi RM1 Billion untuk dua tahun berturut turut.

Pengurangan hutang negeri yang cukup signifikan dalam tempoh lima tahun ini iaitu dari RM3.3 Billion sehingga hanya kepada RM 993 juta serta ketegasan Kerajaan Negeri menangani ketirisan hasil negeri, dengan tidak lagi sekadar mengenakan kompaun semata-mata sebelum ini, sebaliknya terus mendakwa pesalah kemuka pengadilan. Ini adalah pencapaian dan kejayaan yang hebat dan cukup luar biasa. Dan kejayaan ini terhasil dari titik peluh, idea strategi serta khidmat bakti tidak berbelah bahagi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang serta seluruh kakitangan Kerajaan Negeri Pahang. Jadi sudi apalah kiranya Ahli-ahli Yang Berhormat semua kita bagi satu tepukan gemuruh kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Pada awal sesi penggulungan ini, saya akan membawa perhatian seisi dewan berkaitan Portfolio Komunikasi Dan Multimedia terlebih dahulu…

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

… errr Speaker boleh saya mencelah sedikit. Yang Berhormat Speaker saya nak mencadangkan ulasan daripada pihak kerajaan, dulukan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan kemudian baru kita boleh cerita portfolio cadangan sayalah. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Luit saya akan pergi juga kepada soalan-soalan itu dalam penggulungan saya ini. Dan kebetulan *partner* saya dari Lepar yang melihat kepada sukan. Dulu, dia selalu bertanya. Bila tak ada ini, tak ada tanya saya pasal sukan ini, tak berapa banyak. Tapi saya akan sentuh juga beberapa soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya berkaitan pelaksanaan inisiatif Jalinan Digital Negara atau JENDELA iaitu sebuah pelan infrastruktur digital yang dibangunkan untuk menambahbaik perkhidmatan komunikasi digital negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, di bawah inisiatif JENDELA, terdapat 4 projek utama yang telah dan sedang dilaksanakan di negeri ini bermula dari pertengahan tahun 2021 lagi. Pertamanya, sebanyak 143 menara telekomunikasi baharu dengan liputan 4G telahpun siap dan beroperasi setakat 30 April tahun ini. Tumpuan sedang diberikan ketika ini bagi menyiapkan baki 127 lagi menara telekomunikasi yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap beroperasi secara berperingkat menjelang penghujung tahun ini. Kedua, kesemua 902 stesen pemancar sedia ada ke rangkaian 4G, telah siap dinaiktaraf dari perkhidmatan 2G kepada… dan 3G kepada 4G pada suku ketiga tahun 2022.

Ketiga, kesemua 69 perkampungan Orang Asli telah dibekalkan dengan perkhidmatan jalur lebar menggunakan akses WiFi yang dihubungkan dengan teknologi satelit. Ini pun dah siap dilaksanakan. Dan yang keempat, sebanyak 141,131 premis di seluruh negeri Pahang telah mempunyai capaian kepada gentian optik. Manakala baki sebanyak 39,901 premis lagi sedang dibekalkan dengan rangkaian gentian optik ini dan dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini. Berdasarkan kepada pencapaian semasa. Setelah inisiatif jendela ini dilaksanakan, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk negeri Pahang telah berjaya ditingkatkan daripada 89.1% iaitu sebelum jendela dilaksanakan kepada 94.42% pada suku pertama tahun ini.

Tumpuan masa kini adalah untuk memastikan baki 127 menara baharu untuk siap dan beroperasi sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini. Berhubung pembangunan infrastruktur komunikasi untuk liputan 5G, pelaksanaan untuk negeri Pahang telah bermula pada suku ke-4 tahun 2022 di mana pihak Digital Nasional Berhad atau DMB telah memperuntukkan sebanyak 361 struktur 5G kepada negeri Pahang. Setakat ini sehingga 30 April, sebanyak 337 struktur stesen pemancar 5G telah siap dan beroperasi, manakala baki 24 struktur disasarkan untuk siap pada penghujung penghujung suku kedua tahun ini, sekaligus menepati sasaran liputan 5G di kawasan berpenduduk seperti yang telah ditentukan oleh DMB sebelum ini.

Bagi pelaksanaan fasa berikutnya, ia dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini dengan mensasarkan lebih banyak lagi kawasan liputan 5G di lokasi baru dengan tumpuan akan diberikan ke kawasan Pahang Barat, khususnya di Raub, Lipis, Cameron Highlands dan juga Bentong. Bagi mencapai sasaran liputan 5G di kawasan berpenduduk yang disasarkan di peringkat nasional iaitu 80%.

Yang Berhormat Speaker,

Sedikit menyentuh mengenai Pelan Digital Pahang 2021-2025. Daripada 50 inisiatif yang telah dirangka, sebanyak 8 inisiatif telah berjaya dilaksanakan manakala 39 inisiatif dalam fasa pelaksanaan dan selebihnya dalam proses perancangan. Pelan Digital Pahang ini penting bagi mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dan saling berintegrasi di antara kerajaan, rakyat dan juga industri. Di antara inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti kutipan hasil Kerajaan Negeri menerusi aplikasi

Mobile PahangGo dan melalui inisiatif ini secara puratanya, RM 2.5 juta nilai transaksi bulanan meliputi kutipan *parking*, pembayaran kompaun, pembayaran cukai pintu, cukai tanah dan pelbagai lagi berjaya diuruskan oleh PahangGo dan PahangGo ketika ini sedang giat Melaksa… menaiktaraf sistem e-rakyat dan pembangunan Sistem Maklumat Geografi atau GIS bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri Pahang yang lain.

Yang Berhormat Speaker.

Saya tertarik untuk mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheka iaitu berkaitan gesaan diadakan siaran langsung untuk Sidang Dewan kali ini. Bagi saya adalah sangat tidak wajar keterlaluan dan melampau apabila Pemuda PAS Pahang mengeluarkan kenyataan provokasi berbunyi, "kalau MB Pahang anak jantan, buatlah siaran langsung". Bagi saya, ungkapan ini begitu kasar dan apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang menjelaskan, bahawa sememangnya Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat siaran langsung pada awalnya tetapi terpaksa dibatalkan disebabkan tindakan provokasi melampau tersebut, sekali lagi, Pemuda PAS Pahang mengeluarkan satu lagi kenyataan yang cukup melampau dan keterlaluan yang berbunyi, "Menteri Besar Pahang penakut", walaupun telah dijelaskan dalam Dewan Yang Mulia ini. Bagi saya, ini bukan budaya...

YAB DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, mintak laluan.

Yang Berhormat Speaker, yang pertama tuduhan tu tak betullah sebab saya ada anak tiga orang. Kalau tak jantan, tak ada anak. Memang tak betullah semua sekalilah. Lepas itu, kita memang nak buat… *almost* nak buat… tapi kita tangguh. Batalkan. Kemudian keluar pula *statement* kata… pemuda PAS keluar pula satu *statement* mengatakan saya penakut. Ini saya akan pertimbangkan. Saya akan mendapat suara majoriti daripada kawan-kawan semua dan juga daripada pihak yang berkecuali. Sama ada *live* untuk bulan depan, kita akan buat atau tidak.

Dan saya nak nyatakan di sini, kalau buat, bukan sebab provokasi daripada Pemuda PAS. PAS ini Parti Islam Se-Malaysia, ada perkataan Islam itu, tapi harap timbalan presiden, ADUN Cheka… beri nasihat sikitlah, sebab saya tak abis lagi YB, sebabnya Ketua Pemuda UMNO Pahang tidak pernah mengeluarkan kenyataan-kenyataan begitu. Cabar mencabar dan sebagainya.

Jadi ini seperti mana yang saya ingat dalam masa saya belajar dululah Yang Berhormat Cheka ya. Kita kalau nak sesuatu… saya ingat lagi *lecturer* saya, mengajar saya… dia kata, dia buat lawaklah dalam pukul 3.00… 4.00 petang, dah masing-masing mengantukkan… dia kata kalau kita nak sesuatu ini, dia ada cara dia. "Katalah *you* minat kat seorang perempuan" dia kata, "cuba *you* bagi tau kat dia, *i* minat kat *you* lah, I nak nikah dengan *you* lah". *Confirm* dia tak nak, walau dia ada hati kat kita. Tapi kalau pandai, *birthday* dia bagi hadiah, pergi jumpa dia, baju pakai cantiklah, *make up* apa ni… cantik, rambut cantik dan sebagainya… daripada tak nak boleh jadi nak. Ha… itu analogi dia.

Berbalik kepada yang ini, kita memang nak buat dah. Saya dah bagi tahu dah Speaker… bagi tahu dah pada kawan-kawan… kali ini *be prepare,* kita nak buat *live*. Tetiba keluar kenyataan itu. Saya tahu, yang tersiratnya ialah apabila buat *live* nanti… Sidang Dewan kita ada *live*... ha… ini adalah perjuangan Pemuda PAS. Itu yang tersirat. Sebab itu kita tak buat, sebab kita ni politik semua. Sebab itu kita tak buat, kita

memang nak buat. Bila kita tak buat dia keluar pula, kata MB penakut. Tapi dia tak pernah ajak saya bertumbuk ke… tak pernah ajak saya berbahas.

Makna kalau dia pernah ajak saya bertumbuk... saya kata saya takut nak bertumbuk… boleh dia buat *statement* itu. Ini tak ada. Cuba dia pelawa saya ke. Tapi saya MB, saya ingat tak adalah saya nak tumbuk dia, nampak saya bodoh sangatlah pula kan. Tapi maknanya dia tidak pernah mengajak saya … apa-apa pun tak ada. Tapi terus dia buat *statement* macam tu. Ini adalah sudah tidak adil. Yang Berhormat Speaker terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya pun tidak bercadang nak panjangkan isu ini. Saya ingat dia pun tak pujuk… tak apa ni sebab dia *confirm* tak nak masuk UMNO lah, saya rasa gitulah. [ketawa]. Kalau dia nak masuk UMNO dia lain cara dia. Saya ingat dia rentetan Sidang lepas tak ada siaran langsung. Sidang sebelum tidak ada siaran langsung. Jadi… Titah Tuanku tidak ada siaran langsung. Kali ni titah tuanku… dulu Pemangku Raja, tiada siaran langsung. Kali ini Tuanku sendiri tidak ada siaran langsung.

Jadi, saya fikir mungkin kerana sentimen rasa rakyat kita nak dengarlah titah Tuanku. Sekurang-kurangnya perbahasan itu soal kedualah, macam-macam isu… Parlimen lagi hangat. Tapi saya fikir kita... saya mencadangkan lah sebagaimana Speaker cadang supaya sidang akan datang kita buat siaran langsung. Sekurang kurangnya rakyat kita boleh mengikuti. Bukan soal provokasi politik ini biasalah sebenarnya, bukan… bukan benda baharu. Kita dah lama, *season* dalam politik dan kita pun tidak ambil hati sangat dengan kata kata… ialah pemuda cara pemuda… wanita cara wanita. Kita, kita lebih rasional kita… Saya akan maklum apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tadi. Insya-Allah saya akan selesaikan.

YAB DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya akan pertimbangkan untuk buat *live* atau tidak pada bulan 8 ini. Kalau masih keluar provokasi yang keterlaluan, ini saya anggap provokasi yang keterlaluan dan menyentuh peribadi. Dan saya tahu dia… dia pun sebagai pemuda dalam… dalam PAS. Lepas itu yang mendesak Ahli-ahli Dewan. Saya tak tahulah kot Ahli-ahli daripada Perikatan Nasional pakat suruh dia yang bercakap. Itu pun strategik politik juga. Kita tahu. Tapi kalau ada provokasi yang melampau, saya tidak akan buat sebabnya untuk mendapat apa ini… ucapan Dewan, kita ada rakaman. Kita ada media sosial kita sendiri. Macam macam boleh keluar tak semestinya secara *live.* Dan saya

dah tengoklah di Semenanjung ini, 7 negeri je yang buat *live*… Terengganu pun tak buat. Kalau tak silap sayalah. Ada dalam *handphone* saya, dah *check* tengok dah.

Maknanya sehingga hari ini, walaupun dah nak buat, tapi bila keluar… kita dah kata nak buat bulan 8, keluar pula lagi dia punya *statement*… apa tujuan dia… pelik juga saya. Makna keputusan telah dibuat. Kata pulak MB Pahang penakut. Tak pernah ajak bertumbuk pun. Tak pernah ajak berbahas pun. Tak pernah itu pun. Tetiba keluar *statement*. Kalau penakut Yang Berhormat… ADUN Cheka, ini penggal kelima tau. Kalau penakut dua tiga penggal jalan dah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat… Untuk maklumat *sorry*… untuk maklumat Yang Berhormat Cheka, Titah Diraja ada *live* di Pahang Media. Okay, itu maklumat Yang Berhormat Cheka. Sila Exco Kerajaan…

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker,

Saya perlu sebut perkara ini sebab tindakan mencerca pemimpin nombor satu atau pemimpin utama Pahang ini bukan kali pertama. Bukan juga kali kedua. Dah banyak kali oleh Pemuda PAS Pahang ini. Kalau Yang Berhormat Cheka kata biasalah Pemuda, tak biasa Yang Berhormat Cheka. Sebab saya bersama dengan Yang Berhormat Tahan, masa kita dalam sama sama pemuda dan dah terlepas daripada talian Muafakat Nasional pun, kita masih bersahabat secara baik, tak mengeluarkan kenyataan kenyataan sebegini. Dan saya minta kenyataan sebegini agar dihentikan dan ditegur serta-merta. Sebab ini bukan budaya politik di Pahang. Budaya politik kebencian terhadap pemimpin ini perlu dihentikan serta-merta. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Speaker,

Selanjutnya, saya ingin menyentuh berkait dengan belia kerana sesungguhnya jatuh bangun negeri ini banyak ditentukan oleh belia yang ada pada hari ini. Berkait perkara ini saya sangat gembira dan mengalu-alukan titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang menggesa lebih ramai *agropreneur* muda dilahirkan di negeri ini. Dan saya selaku Exco yang turut bertanggungjawab untuk portfolio belia ini, sedia untuk mengatur satu perjumpaan khas antara kepimpinan belia di seluruh negeri Pahang ini dengan Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Veterinar bagi memperincikan bentuk kerjasama dan inisiatif bersama yang boleh dilaksanakan antara pihak kerajaan dan juga belia bagi memastikan titah atau hasrat Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ini mampu direalisasikan dengan jayanya.

Kerjasama dan inisiatif ini termasuklah memperkukuh penyertaan serta penglibatan belia dalam sektor perikanan, ternakan, tanaman, industri makanan dan asas tani, agro teknologi dan lain lain lagi. Melalui perjumpaan dan perbincangan ini, adalah amat penting kepimpinan belia dari seluruh negeri Pahang diberikan kefahaman yang jelas oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang saya sebutkan tadi khususnya dari segi prosedur keperluan teknikal dan kelayakan untuk mendapatkan segala bantuan atau geran yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Berkait dengan bidang sukan, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang akan menghantar penyertaan kontinjen yang besar ke SUKMA Sarawak pada Ogos ini melibatkan 45 orang pengurus pasukan, 127 jurulatih serta 327 atlet lelaki dan 276 atlet wanita. Dan ketika ini kita sedang melakukan persiapan rapi dari segi latihan dan juga penyertaan ke kejohanan sukan di dalam dan di luar negara dan kita berhasrat untuk memperbaiki kedudukan negeri Pahang di SUKMA pada kali ini dan kita bersungguh-sungguh untuk menjayakan hasrat ini dan pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Negara.

Banyak inisiatif-inisiatif baru antaranya adalah berkenaan dengan kebajikan atlet itu sendiri. Sebelum ini untuk elaun latihan atlet hanya diberi sebanyak RM100.00 sebulan. Tapi dengan inisiatif baru ini, bermula Januari ini, elaun atlet adalah sekurang-kurangnya RM250.00 sebulan. Dari segi kebajikan jurulatih, sekarang kita telah menaikkan gaji minima jurulatih kepada sekurang-kurangnya, ini melibatkan jurulatih sepenuh masa iaitu sekurang-kurangnya RM2000.00 sebulan. Kerana kita percaya bahawa kebajikan atlet dan jurulatih ini perlu ditingkat seiring demi mencapai prestasi sukan yang lebih baik.

Dan antara inisiatif lain juga yang kita laksanakan adalah penubuhan Tabung Sukan Pahang yang julung-julung kali diadakan, di mana kita membuka ruang dan peluang kepada syarikat-syarikat dan juga pihak berkepentingan untuk membantu dengan menyalurkan sumbangan ke dalam tabung ini, untuk kita bantu atlet-atlet, jurulatih dan juga persatuan-persatuan sukan dan sumbangan ini dikecualikan cukai. Ini juga adalah inisiatif baru dan sehingga kini sebanyak RM770,000.00 telah kita terima melalui tabung ini dan sebahagian besarnya telah disalurkan kepada pembangunan atlet, jurulatih dan juga persatuan-persatuan sukan dan dalam soal ini saya menggesa dan menggalakkan syarikat-syarikat termasuk syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pahang iaitu *state* atau *state* GLC untuk turut menyumbang kepada Tabung Sukan Pahang ini.

Dan selain daripada itu, sekarang kita sedang merancakkan pembinaan pusat-pusat latihan sukan di seluruh daerah di negeri Pahang ini. Kalau boleh saya sebutkan Cameron Highlands dan Raub sekarang kita sasarkan untuk olahraga bagi sukan jarak jauh. Bentong juga olahraga, tapi untuk acara balingan. Pekan olahraga juga untuk acara lompatan. Kuala Krau untuk gimnastik artistic. Bera untuk sukan petanque. Sepak takraw di Betau. Jerantut untuk Sukan Muay Thai, baru sahaja siap. Triang, Silambam dan Pekan juga kita akan majukan pusat latihan untuk kriket.

Dan yang terakhir untuk sukan ini adalah pemodenan Stadium Darul Makmur dan saya nak mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail kerana telah bersetuju menyalurkan peruntukan yang cukup besar kepada stadium pada tahun lalu, lebih kurang RM2.4 juta untuk bawa satu [Ahli dewan menepuk meja] transformasi dan pemodenan yang saya rasa sudah sampai masanya sesuai stadium sebagai mercu tanda bukan Kuantan sahaja, tetapi juga di negeri Pahang.

Sebab Pahang hanya ada satu-satunya stadium iaitu Stadium Darul Makmur dan lokasinya di tengah-tengah bandar Kuantan, amat penting dan melalui pemodenan ini selepas ini insya-Allah Yang Berhormat Menteri Besar Pahang juga telah bersetuju untuk menyalurkan RM1.2 juta untuk kita tukar atau naik taraf padang atau rumput Stadium Darul Makmur daripada *cowgrass* sekarang kepada rumput *bermuda* dan sedikit bantuan daripada KBS atau Kementerian Belia dan Sukan berjumlah RM500,000.00. Makna KBS bagi RM500,000.00 *top up* dengan peruntukan daripada kerajaan negeri Pahang RM1.2 juta untuk kita tukar buat pertama kalinya, dan…

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Yang Berhormat Speaker

Boleh saya mencelah sikit. Dengar cerita rumput-rumput itu tadi. Apa beza rumput-rumput yang sedia ada, dengan rumput yang bakal di stadium itu? Beza sikit.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dia Liga Malaysia ini Yang Berhormat Speaker, telah berubah jadualnya. Akan berlangsung ketika musim tengkujuh. Maknanya kalau dulu Liga Malaysia ini dia tak main pada bulan Oktober, November, Disember, Januari, Februari, sebab ketika itu musim hujan. Kalau *cowgrass* ni yang rumput yang sedia ada sekarang dia akan berlumpur, jadi mungkin tergendala atau tertangguh perlawanan bola sepak tersebut. Tapi dengan rumput *bermuda* ini, daripada penilaian dan kajian daripada KBS itu sendiri lebih kompetitif. Perlawanan boleh diteruskan, tak lah tertangguh disebabkan lumpur dan hujan dengan lebat merosakkan padang.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Terima kasih. Cuma saya sedikit permohonan daripada *vice president* dua Kelab Golf Diraja Pahang. Yang Berhormat Speaker, daripada Naib Presiden lah. Rumput yang lama itu nak dibuang ke,bakar ke nak dibuat apa?

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker, saya cerita pasal bola ini citer pasal golf ini.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Jadi kita permainan bola, permainan golf di punya lapangan, lapangan itu rumput. Kalau dalam Quran, [ayat al-Quran] cuba awak tanya ustaz-ustaz tu [ayat al-Quran] Abbah itu rumput. al-Quran dah jadikan benda itu. Jadi semua lapangan kita ini ada rumput. Permainanlah. Saya ada sebab saya tanya itu.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker,

Yang Berhormat sebenarnya banyak pihak yang memang tengah melobi untuk rumput *cowgrass* ini [ketawa] saya yang ini, saya serah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kalau saya selaku Naib Presiden yang Timbalan Presiden Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi saya ini nak mintak rumput hantarlah ke kelab golf. Itu je. Kalau apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju dalam Dewan Yang Mulia ini, saya mohon selaku Timbalan Presiden Kelab Golf Diraja Pahang. Apa salahnya menyumbang rumput tapi Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak menyumbang ke kelab golf ini. Terima kasih.

YAB DATO' HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, nak minta rumput itu tak payah masuk dewan lah [ketawa] Sikit punya hal tu. Terima kasih.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Apa-apa hal pun, terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Seterusnya saya nak sentuh sikit berkenaan dengan sukan permotoran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tioman dan memang ketika ini kecenderungan yang sangat tinggi di kalangan anak muda terhadap sukan permotoran ini. Bukan sahaja di kalangan belia tetapi juga di kalangan pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Jadi, Kerajaan Negeri amat menyedari perubahan minat yang cukup luar biasa di kalangan rakyat negeri Pahang ini. Dan bila mana kita menganjurkan *event* RXZ *fighter* baru-baru ini iaitu pada Mac lalu, dapat sambutan yang cukup hebat dan bagi impak yang cukup besar kepada sektor pelancongan dan ekonomi negeri Pahang ini, kita akan melihat secara bersungguh-sungguh.

Cadangan-cadangan untuk litar lumba dan drag yang akan dan yang dah ada pun misalnya di Pekan. Sama ada litar-litar ini boleh dinaik taraf, sesuai dinaik taraf untuk memenuhi minat anak-anak muda di negeri Pahang ini kerana hakikatnya Pahang masih belum ada lagi litar seperti ini dan kita tengok di negeri lain, memang minat untuk hadir setiap *event* di litar-litar ini bagi kesan ekonomi yang cukup besar kepada negeri-negeri tersebut.

Yang Berhormat Speaker

Sebagai penutupnya, saya nak memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu hari ini adalah lebih baik dari hari semalam. Merujuk kepada prestasi cemerlang Kerajaan Negeri Pahang yang sentiasa menunjukkan perubahan positif dari segi peningkatan hasil negeri, pengurangan hutang kepada Kerajaan Persekutuan, peningkatan pelaburan dan KDNK, pengurangan ketirisan melalui peningkatan penguatkuasaan selain kecekapan tadbir urus yang membolehkan hari ini lebih baik dari hari semalam. Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah melakukan yang terbaik sekalipun ada perbezaan ideologi atau fahaman politik di dalam atau pun luar Dewan Yang Mulia ini demi kepentingan rakyat dan negeri marilah kita bersama-sama membina masa depan Pahang yang lebih gemilang.

Resepi kejayaan ini terletak di bahu setiap seorang dari kita di dalam Dewan yang mulia ini untuk membentuk kesatuan dan juga kebersamaan saling hormat-menghormati dan mengetepikan perbezaan yang hanya merugikan kita serta merencatkan kemajuan tanah bertuah Pahang Darul Makmur ini. Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri penggulungan saya dengan mendukung sepenuh jiwa raga saya terhadap Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Pahang. Seterusnya, saya menjemput Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang memberi jawapan, sila.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinannya, maka dapat kita bersama-sama di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya, Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.

Di kesempatan ini, patik ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah menyempurnakan Titah Diraja yang pada hemat patik yang komprehensif mencakupi segenap aspek dalam memastikan urus tadbir negeri ini berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan negeri memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat seperti mana yang dizahirkan dalam Belanjawan Negeri Pahang tahun 2024 ini. Usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat menjadi fokus utama kerajaan negeri bagi membela nasib mereka yang terkesan dari segi pendapatan dan kualiti hidup. Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan meneruskan usaha dalam menangani isu-isu semasa bagi memastikan kesejahteraan rakyat diutamakan. Pelbagai inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2024 diakui memberi manfaat kepada rakyat.

Antara program tersebut adalah bagi memperkukuhkan tadbir urus dalam Pengurusan Bencana Negeri Pahang, Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang KWAMP bagi... iaitu meningkat… iaitu peningkatan sebanyak 31.5% bersamaan RM2.4 juta berbanding peruntukan tahun 2023, sebanyak RM7.6 juta. Kerajaan Negeri juga memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat di mana penekanan kepada aspek kebajikan dan keperluan rakyat termasuk kebajikan warga emas dan juga orang kurang upaya.

Di antara program-program berkenaan adalah seperti berikut; Pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah melibatkan peruntukkan sebanyak RM2.058 juta di mana memberi manfaat kepada 7,712 orang penerima bantuan daripada kalangan warga emas dan juga OKU. Di samping itu, pemberian secara *one-off* RM500.00 diberi kepada 300 orang penyelia dan petugas Program Pemulihan dalam Komuniti PPDK melibatkan peruntukkan sebanyak RM150,000.00 bagi menghargai sumbangan yang diberikan kepada golongan OKU. Pemberian bantuan secara *one-off* kepada 1,500 orang pelatih OKU di PPDK melibatkan peruntukkan sebanyak RM300,000.00, dengan pemberian sebanyak RM200.00 setiap pelatih.

Seterusnya pelaksanaan penanda aras premis OKU dengan tujuan untuk mengiktiraf kemudahan OKU… kemudahan mesra OKU melibatkan peruntukkan sebanyak RM500,000.00. Di samping itu juga, sambutan Hari Kebajikan yang menggabungkan sambutan Hari OKU, Hari Warga Emas dan Hari Kanak-kanak di bawah satu program yang mana… yang sama melalui peruntukan sebanyak RM250,000.00. Bantuan Prihatin Pahang diteruskan juga pada tahun 2024, menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan rakyat iaitu anak yatim di pusat jagaan berdaftar dengan JKM akan menerima RM250.00 melibatkan 450 orang penerima, dengan peruntukan sebanyak RM112,500.00. Rumah anak yatim yang berdaftar akan menerima RM10,000.00, melibatkan 14 buah pusat jagaan dengan peruntukkan sebanyak RM140,000.

Peruntukkan sebanyak RM1.5 juta kepada 500 orang penerima warga emas yang akan menerima subsidi RM3,000.00 seorang untuk pembedahan katarak mata…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mohon mencelah sekejap Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Speaker. Saya minta penjelasan kerajaan berkaitan dengan Kumpulan Wang Bencana tadi, malapetaka. Cadangan saya sebab sekarang ini apa yang… yang berlaku bencana ataupun malapetaka yang menimpa rumah persendirian atau perseorangan sahaja yang dilindungi, dapat bantuan ini. Tapi peniaga-peniaga tidak mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terutama sekali peniaga kecil. Ada yang kena bencana ribut, terbakar. Bila warung dia contohnya goreng pisang ke, jual keropok, di kawasan saya itu ada kadang-kadang berlaku ribut, tapi tidak ada bantuan daripada Jabatan Kebajikan.

Cadangan saya supaya peniaga-peniaga kecil ini dibantu melalui insuran berkelompok. Kalau pihak kerajaan negeri boleh *cover* premium insurans berkelompok untuk peniaga kecil syarat dia adalah syarat-syaratnya. Bukan semua insurans boleh *cover* tapi kalau boleh dicari inisiatif supaya bila berlaku bencana mereka dilindungi juga. Ada juga sumbangan untuk nak mulakan balik perniagaan. Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat. Sebenarnya perkara ini memang ada di dalam perbincangan kita di masa akan datang. Insya-Allah. Dan seterusnya peruntukkan sebanyak RM600,000.00 kepada Majlis Kebajikan Negeri Pahang bagi membantu kelancaran pengoperasian pertubuhan tersebut dalam membantu dan melengkapi usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam bidang Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat.

Program Pahang Makmur merupakan inisiatif kebajikan daripada Kerajaan Negeri di mana penjenamaan semula program kebanggaan Pahang iaitu Kasih Makmur yang telah berjaya dilaksanakan sebelum ini. Melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri meneruskan pelaksanaan Kad Kesihatan kepada 31,600 orang warga emas dan OKU melibatkan peruntukan sebanyak RM16.8 juta. Dan bagi menjawab persoalan daripada sahabat kita daripada Semambu dua hari lepas, di mana pemegang kad yang menerima daripada tahun 2022 boleh meneruskan walaupun tiada kad baru, sekiranya kad tersebut hilang, beliau boleh er… mereka boleh mengemukakan kad pengenalan dan kita tak perlukan kad baru, okey.

Dan seterusnya wanita Malaysia membentuk 48.5% daripada keseluruhan 32.7 juta penduduk negara. Manakala di Pahang, wanita mewakili 48% daripada keseluruhan

1.4 juta penduduk negeri Pahang. Justeru, tidak dapat dinafikan sekiranya potensi mereka diupayakan sepenuhnya, wanita boleh menyumbang dan menyertai usaha-usaha pembangunan negara dalam aspek ekonomi, politik, budaya dan sosial dengan lebih efektif.

Di negeri Pahang, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memperkasa wanita sebagai nadi yang menjadi penyumbang penting dalam pembangunan negara. Untuk ini, Kerajaan Negeri telah merangka pelbagai inisiatif bagi mencapai matlamat ini. Antaranya bagi merungkai isu-isu berkaitan wanita dalam sumber aspek pembangunan wanita, ianya terdapat dalam Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang (DPTWP) secara komprehensif kepada wanita dalam semua kategori dan kluster tanpa mengira bangsa. Bagi tujuan pelaksanaan program-program DPTWP ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun sehingga tahun 2026.

Kerajaan Negeri juga memberi fokus kepada usahawan kecil, wanita kecil, ibu tunggal dan usahawan kecil B40 melalui program Anggun Maju. Kursus dan latihan keusahawanan akan diberikan kepada 1,000 usahawan yang layak. Program ini akan bermula Jun sehingga Disember 2024 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM420,000.00.

Peranan suri rumah boleh menjadi asas yang kukuh untuk menjalankan perniagaan. Walaupun sering dianggap kerja rumah tanpa gaji, ramai suri rumah telah berjaya membina perniagaan sendiri menggunakan masa dan kemahiran yang mereka ada di rumah. Pihak Kerajaan Negeri akan menyediakan pendidikan dan latihan keusahawanan yang boleh diakses oleh suri rumah, baik melalui program formal ataupun latihan tidak formal dalam membantu mereka memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memulakan dan mengurus perniagaan mereka sendiri.

Memperkasa dan membangunkan pemimpin wanita muda merupakan bahagian penting dalam agenda pembangunan di banyak negara, termasuk Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi program yang memberi peluang, sokongan dan pembangunan dalam memperkasakan kepimpinan wanita muda ini. Dan satu lagi adalah perkahwinan beramai-ramai adalah fenomena budaya yang mempunyai akar yang mendalam dalam sejarah dan tradisi masyarakat di pelbagai bahagian dunia.

Ianya dilakukan dengan lebih ramai pasangan pengantin dalam satu majlis yang diraikan oleh bukan sahaja keluarga tetapi pemimpin kerajaan. Untuk itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi menjayakan program ini. Bukan kahwin ramai-ramai tapi kahwin beramai-ramai itu maksudnya banyak pasangan, bukan kahwin ramai ya.

Keprihatinan Kerajaan Negeri bukan sahaja kepada orang dewasa, malah seawal kelahiran turut diberi perhatian. Program Permata Makmur tahun 2024 diwujudkan bagi menghargai anak kelahiran Pahang, yang lahir pada tahun 2024. Permohonan untuk inisiatif ini telah mula dibuka pada 1 Mei 2024. Kepada ibu-ibu di luar sana yang akan melahirkan, bolehlah mendaftar dan laman web kita adalah laman web e-Rakyat ya, boleh berdaftar di situ. Okey seterusnya, selain itu Kerajaan Negeri Pahang turut berkolaborasi bersama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri bagi melaksanakan beberapa inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 untuk meningkatkan peluang dan penyertaan wanita dalam ekonomi dan sokongan psikososial.

Sukarelawan Skuad Waja ditubuhkan untuk memperkasakan komuniti melalui psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah dan menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah merangka pelbagai program yang bersesuaian selaras dengan Teras Strategik 2, Pelan Strategik KPWKM 2021-2025 memperkasakan wanita yang mana program-program ini dilaksanakan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri. Program-program dirangka adalah selaras dengan langkah strategik di bawah... seperti di bawah ini iaitu Wanita dan Ekonomi Wanita, Wanita Selamat, Wanita Sejahtera dan juga Wanita dan Kepimpinan.

Dalam konteks memperkasakan NGO bagi tahun 2023, sebanyak 32 NGO telah diluluskan peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan melibatkan lebih RM0.5 juta bagi pelaksanaan program-program pemerkasaan wanita. Sepanjang 2023, 2 NGO iaitu Persatuan Qaseh Peduli Kuantan iaitu Peduli *Care* dan Persatuan Jingga Wanita Peduli, telah diluluskan di negeri Pahang melalui peruntukan khas Perbendaharan NGO KPWKN yang melibatkan peruntukan sebanyak RM21,648.00. Di samping itu juga, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Pahang merupakan agensi badan berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

Peranan LPPKN di peringkat negeri sebagai agensi pelaksana dan penyampai perkhidmatan terus kepada masyarakat khususnya di negeri Pahang. Bagi usaha tindakan pencegahan dan bantuan sokongan keluarga, LPPKN Negeri Pahang telah dan akan melaksanakan beberapa program seperti berikut. Yang pertama, kempen penerapan nilai teras keluarga yang disingkatkan KASIH. Yang ke-2, program pendidikan kemahiran keibubapaan dan bimbingan kaunseling. Yang ke-3, program psikoseksual untuk remaja dan yang ke-4, program kesihatan reproduktif dan kesejahteraan wanita.

Yang Berhormat Dato'... Yang Berhormat Speaker,

Penglibatan serta sumbangan kaum wanita ini amat diperlukan dalam membantu kerajaan membangunkan negeri. Wanita harus mempunyai rasa tanggungjawab meningkatkan keupayaan dalam memajukan diri dalam apa jua bidang yang diceburi. Bagi menempatkan diri dalam arus perkembangan semasa, menguasai teknologi adalah satu langkah yang tepat bagi wanita membina kerjaya dan empayar. Wanita perlu menghadapi perubahan dalam cara bekerja seiring dengan perubahan digital dan ekosistem seterusnya dapat memacu ekonomi keluarga dan negara tanpa mengabaikan tugas dan tanggungjawab sebagai isteri dan juga ibu.

Oleh kerana peranan dan komitmen wanita sangat tinggi dalam melaksanakan apa jua agenda pembangunan yang diamanahkan, Kerajaan Negeri melalui Pelan Tindakan Wanita Pahang akan memperincikan keperluan wanita dan peluang yang perlu diberikan kepada mereka terutamanya dalam bidang ekonomi dan pembuat dasar bagi memastikan mereka kekal relevan dan terus memberi sumbangan.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Dan akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini.

Kepada soalan-soalan yang tidak sempat saya jawab secara lisan insya-Allah saya akan menjawabnya secara bertulis dan dengan kata-kata itu saya akhiri penggulungan dan saya menyokong Titah Diraja. Wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang memberi jawapan. Sila Yang Berhormat.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama berada di Dewan yang mulia ini pada hari ke-4 bagi menunaikan amanah dan tanggungjawab dari kawasan masing-masing.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi ruang kepada saya untuk ucapan penggulungan dan membahas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah. Patik menjunjung kasih di atas keberangkatan pulang Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang ke negeri tercinta ini setelah 5 tahun bertahkta sebagai ketua utama negara mengetuai kepimpinan negara sepanjang tempoh pemerintahan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-16.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT atas kebijaksanaan Tuanku berdua dalam melunaskan amanah dan merungkai permasalahan negara yang tidak pernah dialami sebelum ini. Jasa dan kecemerlangan Tuanku akan dikenang rakyat untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada kepimpinan yang dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang telah berjaya menerajui kepimpinan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dengan penuh kecemerlangan dengan menitik berat urus tadbir yang baik, akauntabiliti dan integriti *This is Pahang*, Pahang 1st, tiada janji, lihat bukti. Terima kasih juga saya zahirkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang membahas Titah Diraja dan turut menyentuh portfolio saya yang mencakupi hal-hal kerja raya, pengangkutan dan kesihatan.

Yang Berhormat Speaker,

Di bawah portfolio kerja raya, pengangkutan dan kesihatan, sebanyak 29 soalan bertulis telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 4 soalan telah dijawab secara lisan manakala selebihnya akan dijawab secara bertulis.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh portfolio kerja raya, peruntukan RM2.8 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk senggaraan jalan dan jambatan persekutuan tahun 2004, JKR Pahang telah menerima agihan bagi kerja pembaikan jalan, jambatan dan kerja

rutin dan lain-lain berjumlah RM153.33 juta dan daripada peruntukan tersebut sebanyak 161 kerja senggaraan sedang dilaksanakan di seluruh Negeri Pahang.

Sehingga 30 April 2024, JKR Negeri Pahang telah menerima peruntukan sejumlah RM104.595 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung. Saya hargai pandangan dan izinkan saya memberi penjelasan berhubung soalan-soalan tambahan yang telah diajukan sepanjang perbahasan dua hari yang lalu. Seramai 11 ahli Yang Berhormat menyentuh soal portfolio kerja raya antaranya Yang Berhormat Batu Talam, Beserah, Lanchang, Ketari, Bukit Ibam, Sabai, Tahan, Tanah Rata, Chini, Pulau Manis dan Semantan.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab soalan tambahan daripada Batu Talam berkenaan cadangan baru, jalan baru dari Raub ke Slim River, Perak. Ianya telah diangkat dalam *Rolling Plan* 1, 2, 3 dan 4 dalam Rancangan Malaysia Ke-12, namun belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Ekonomi. Permohonan untuk mengangkat cadangan projek telah dibuat sekali lagi dalam *Rolling Plan* ke-5 RMK ke-12. Merujuk soalan tambahan ADUN Beserah berkenaan isu kerosakan jalan di Beserah. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan peruntukan bagi pembaikan jalan tahun 2004 telah diangkat kepada pihak Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Selenggara Fasiliti Jalan Kerja Raya Malaysia. Sehingga kini, sebanyak RM4 juta peruntukan telah diluluskan. Bagi pembaikan jalan di DUN Beserah meliputi Jalan Kuantan-Chukai, FT 03 dan Jalan Kuala Lumpur-Kuantan, FT 02.

Yang Berhormat,

Speaker menjawab soalan tambahan penduduk Lanchang berkenaan cadangan menaik taraf laluan perhubungan di Kampung Kelubi yang sering terkesan akibat bencana saban tahun. Dimaklumkan, berdasarkan semakan JKR Negeri Pahang tetapi terdapat dua jalan perhubungan di kampung tersebut. Walau bagaimanapun, pihak JKR Negeri Pahang perlu membuat semakan status jalan dan lokasi jalan perhubungan yang dimaksudkan untuk dinaik taraf memandangkan laluan tersebut banyak melalui ladang persendirian.

Manakala berkenaan jambatan gantung yang kembali rosak selepas banjir dimaklumkan secara umum pembinaan jambatan baru oleh JKR Malaysia telah mengambil kira keperluan JPS yang mensyaratkan disediakan ruang lepas ataupun *free board* satu meter daripada aras banjir tertinggi atau berdasarkan pengiraan hidrologi. Walau bagaimanapun, terdapat juga jambatan gantung yang dibina oleh agensi lain seperti Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Pejabat Tanah dan Daerah. Tambahan lagi, sejak kebelakangan ini, kejadian banjir yang berlaku adalah… akibat banjir yang luar biasa yang mengakibatkan jambatan tenggelam. Merujuk kepada soalan tambahan YB ADUN Ketari, berkenaan 100 *hotspot* hakisan cerun di Jalan Lama Karak-Kuantan.

Dimaklumkan bahawa jalan tersebut merupakan Jalan Persekutuan FT 68, Jalan Kuala Lumpur-Bentong, Jalan Lama Bentong. Permohonan peruntukan bagi pembaikan cerun 2024 telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR Malaysia. Sehingga kini, JKR Pahang telah menerima kelulusan untuk melaksanakan pembaikan cerun di tiga lokasi dengan kos berjumlah RM6 juta dan kerja-kerja di tapak dalam proses pelaksanaan.

Manakala soalan tambahan daripada DUN Ibam agar jalan ke Kampung Orang Asli dinaik taraf dan lampu jalan di sekitar FELDA Gugusan Selancar, FELDA Keratong er… dan FELDA Keratong Indah dibaik pulih kerana membahayakan pengguna jalan. JKR Negeri Pahang memaklum terhadap permohonan ini. Untuk makluman, permohonan bagi menaik taraf jalan kampung Orang Asli perlulah dikemukakan oleh pihak JAKOA kepada pihak JKR Negeri Pahang untuk tindakan penyediaan anggaran kos dan tindakan selanjutnya.

Manakala permohonan kelulusan peruntukan bagi penyelenggaraan lampu jalan akan diangkat ke Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Selenggara Fasiliti Jalan. Kerja-kerja akan dilaksanakan apabila peruntukan diluluskan kelak. Menjawab soalan tambahan daripada ADUN Sabai berhubung dengan permohonan dewan serba guna di Sabai. Berdasarkan kawasan yang telah dikenal pasti dan dicadangkan.

Dato' Sri Speaker,

Berdasarkan semakan daripada JKR Bentong dan Pejabat Tanah…Pejabat Daerah Daerah Bentong didapati pemohonan pembangunan tersebut adalah termasuk di dalam Tanah Simpanan Jalan ataupun ROW dan Simpanan Pintasan Karak Bypass. Seperti dinyatakan dalam plan… Plan Akui iaitu PA 125110. Walau bagaimanapun, setelah mendapat penjelasan daripada Pegawai Daerah Bentong, saya akan membawa perkara ini kepada pihak JKR Negeri untuk menyelesaikan berkenaan isu tanah. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah Bentong yang telah memberi penjelasan kepada saya.

Menjawab soalan tambahan daripada ADUN Batu Talam, *sory* er…maaf daripada ADUN Tahan tentang status terkini jambatan er…terkini pembinaan Jalan Kuala Sat, Kuala Tembeling, Mat Daling yang didapati seperti sedang tergendala. Projek Jalan Kampung Mat Daling, Jerantut, Pahang ke sempadan Pahang-Terengganu, Fasa 3B merupakan salah satu projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Projek tersebut telah bermula pada 11 November 2021 kini dalam fasa pelaksanaan dengan cadangan jajaran asal sepanjang 42 kilometer. Walau bagaimanapun, projek pembinaan jalan tersebut terpaksa dikurangkan kepada 3 kilometer sahaja atas justifikasi seperti berikut. Pertamanya, Hutan Simpan Kekal Gunung Ais yang diwartakan sebagai Taman Harimau Al-Sultan Abdullah. Sebahagian jajaran jalan merentasi kawasan Taman Harimau Al-Sultan Abdullah yang keduanya, Jajaran asal jalan merentasi Hutan Simpan Kekal dan kawasan *Central Forest Spine*. Menjawab soalan tambahan daripada ADUN Tanah Rata…

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Speaker, er…saya nak sedikit penjelasan. Apa yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya sebenarnya bukan merujuk kepada Jalan Mat Daling ke sempadan Terengganu. Apa yang saya fokuskan kepada er… projek pembinaan jalan dalam kampung yang melibatkan Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal ke Kampung Mat Daling dan juga Kampung Gusai yang meibatkan ada dua jambatan. Itu yang saya maksudkan, ada 2A, 2B, 2C, itu yang… bukan-bukan yang ke sempadan Terengganu itu. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Okey, Speaker saya mengambil maklum tentang perkara yang dibangkitkan itu dan saya akan beri jawapan bertulis. Er…soalan tambahan daripada ADUN Tanah Rata berkenaan dengan pembaikan pembentung *culvert* di Batu 51, Kampung Raja. Laluan

yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FT 59, Jalan Tapah-Cameron Highlands. Jalan tersebut masih boleh dilalui berikutan JKR Cameron Highlands telah melaksanakan kerja-kerja sementara secara kecemasan. Pihak JKR Cameron Highlands telah menyediakan *Notification of Defect* ya, ataupun NoD bagi pembaikan jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut. Ianya dalam tindakan untuk diangkat kepada JKR Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya dalam masa terdekat ini.

Menjawab soalan tambahan daripada ADUN Chini berkata, penyela… penyelenggaraan Jalan Segamat-Kuantan melalui kawasan Chini. Laluan yang dimaksudkan ialah laluan Lebuhraya Kuantan-Segamat ataupun Lebuhraya Tun Razak, (FT12). Laluan tersebut masih belum diserahkan sepenuhnya untuk tujuan-tujuan… untuk tujuan penyelenggaraan. Tanggungjawab pembaikan di jalan yang dibina oleh JKR dan belum diserahkan untuk penyelenggaraan adalah di bawah ibu pejabat JKR Malaysia.

Menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Pulau Manis, pihak konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri sentiasa melaksanakan tampalan jalan-jalan berlubang iaitu skop kerja rutin R01 ataupun tampalan *pothole*. Walau bagaimanapun, skop ini terhad kepada Jalan Persekutuan yang telah diserahkan untuk diselenggara… untuk penyelenggaraan dan jalan raya, Jalan-jalan Negeri yang didaftarkan di dalam Sistem MARRIS oleh pihak JKR Negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab soalan tambahan daripada Semantan, berhubung dengan Laluan Persekutuan (FT02) di besarkan dua laluan sehala. Pihak JKR Negeri Pahang melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) telah mengangkat permohonan untuk menaik taraf laluan LPT2 bermula daripada Seksyen 203 iaitu di Pekan Lanchang sehingga ke Seksyen 246 Sempadan Temerloh-Maran.

Dalam *Rolling Plan* pertama, ke-2 dan ke-3 er… *Rolling Plan* 1, 2, 3 dan 4, ya, RMKe-12, namun masih belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Ekonomi. JKR sekali lagi telah mengangkat permohonan untuk menaik taraf laluan tersebut, dalam *Rolling Plan* ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12 kepada pihak er… Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Ekonomi. Kerja-kerja menaik taraf akan dilaksanakan sekiranya kelulusan diperolehi kelak.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam memastikan jaringan jalan yang baik untuk memudahkan pergerakan rakyat di samping melancarkan aktiviti para pedagang dan menjana ekonomi negeri setempat, sebanyak 288 bilangan cadangan projek bina baharu atau menaik taraf jalan telah dipohon kepada Kementerian er… kepada kerajaan persekutuan iaitu er… Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam *Rolling Plan* ke-4 rancangan dengan anggaran kos keseluruhan RM53.463 bilion.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh Portfolio Pengangkutan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengangkutan Negeri Pahang sentiasa mengambil berat berhubung isu kesesakan di… di persimpangan-persimpangan jalan utama, di bandar Kuantan serta di Jalan Utama Cameron Highlands. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketepuan kadar

aliran trafik terutama semasa waktu puncak atau cuti umum. Dengan pertambahan bilangan kenderaan yang tinggi dan seterusnya menyebabkan *level of space* menurun kepada Tahap E atau F. Jawatankuasa Pengangkutan Jalan, Jalan Negeri Pahang juga turut membincangkan isu, er… mengenai isu-isu keselamatan jalan raya di negeri Pahang seperti penyelenggaraan jalan dan sebagainya.

Yang Berhormat Speaker,

Seramai 3 Ahli Yang Berhormat menyentuh soal Portfolio Pengangkutan di antaranya Yang Berhormat Batu Talam, Ketari dan Kuala Semantan. Menjawab soalan tambahan daripada Kuala Semantan berkenaan dengan penyelenggaraan jalan C119 berhampiran Hotel Seri Malaysia di Bandar Temerloh hingga ke Lubuk Kawah.

Yang Berhormat Speaker,

Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Pahang khususnya PDRM Temerloh telah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang trafik di lokasi yang disebutkan iaitu di Jalan Bangau, Lubuk Kawah, laluan ke Hotel Seri Malaysia sejak akhir bulan Mei, sejak akhir bulan April sehingga awal bulan Mei. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak enam, 56 buah lori telah diperiksa dan 61 saman telah dikeluarkan kepada pemandu lori yang, er… atas pelbagai kesalahan.

Manakala pihak Pejabat Daerah Temerloh… Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh sentiasa akan terus er… melaksanakan pemantauan secara berkala dan mengejut melibatkan agensi Penguatkuasaan Negeri dan Persekutuan seperti Unit Penguatkuasa Negeri Pahang, JPJ, PDRM serta Jabatan-jabatan lain yang menetapkan syarat permit seperti JKR dan JPS ke atas pengusaha-pengusaha pam pasir agar mematuhi syarat-syarat had muatan lori, kelajuan dan laluan yang ditetapkan di dalam permit.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Mohon mencelah sedikit. Er… YB Speaker dan juga Exco. Terima kasih kepada penjelasan tentang apa yang disebut oleh Semantan tentang Laluan C119. Cuma isunya, Jalan C119 ini, laluan ini, keadaan permukaan jalan yang berlekuk lekir dan bergelombang ini dah terlalu lama saya rasa.

Jadi mungkin suatu usaha bersepadu perlu dilakukan oleh agensi-agensi berkaitan umpamanya pembaikan. Sebab acap kali bila paip bocor, di sini selalu sangat jadi paip bocor di bawah jalan. Jadi bila paip bocor, mungkin pembaikan yang dilakukan oleh PAIP itu tidak menepati SOP yang sepatutnya. Jadi menyebabkan, jalan itu bergelombang. Hari ini baiki besok lori besar lalu dia gelombang balik semula. Jadi ini isu yang saya rasa perlu diberi perhatianlah, terima kasih er… Speaker.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Er… terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Semantan. Er... Jalan C119 ini adalah Jalan *State*, Jalan Negeri ya, er… milik Jabatan Kerja Raya dan diselenggarakan oleh konsesi YP Maintenance. Insya-Allah, er… perkara ini akan diambil perhatian. Menjawab kepada soalan tambahan daripada ADUN Ketari, cadangan menaik taraf LPT.

Yang Berhormat Speaker,

Lembaga Lebuhraya Malaysia ketika ini, fokus kepada LPT 1 adalah, menangani isu banjir, dengan menaik taraf 14 lokasi, iaitu 10 lokasi yang telah dikenal pasti sebagai kawasan banjir, dan 4 lokasi sebagai kawasan berpotensi banjir secara peringkat. Manakala cadangan pelebaran Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak telah dirancang untuk pelaksanaannya dan ketika ini sedang da… di peringkat pra-pembinaan.

Menjawab soalan tambahan daripada Batu Talam mencadangkan agar Kerajaan Negeri merancang laluan baru ECRL dari Bentong ke Lipis.

Yang Berhormat Speaker,

Jalan ECRL, eh *sorry*, er… maaf, jajaran ECRL di negeri Pahang melibatkan pembinaan 7 buah stesen merentasi daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Bentong. Daerah-daerah lain juga dalam penelitian bagi pembangunan *spur line* yang menghubungkan daerah tersebut ke laluan utama ECRL sedia ada. Ketika ini, Pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri telah melantik pihak UMPSA Universiti Malaysia Pahang bagi menjalankan kajian bagi Kebolehsanaan pembinaan *spur line* projek Laluan Rel Pantai Timur ECRL di negeri Pahang yang melibatkan cadangan pembinaan *spur line* di daerah Pekan, Rompin, Raub dan Lipis. Kajian selama sebulan ini masih berlangsung dan hasil kajian akan dikemukakan pada 12 Julai 2024 kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM2 juta bagi tahun 2024 untuk menaik taraf kemudahan latihan Pahang Skill kepada pusat kecemerlangan dengan membangunkan kursus baru iaitu Kursus Penyelenggaraan Landasan Kereta Api selaras dengan Projek Laluan Rel Pantai Timur, yang kini dalam proses penyiapan fasiliti kursus tersebut. Dengan kerjasama pihak Malaysia Railway Link Sdn. Bhd. (MRL) dan China Communications Construction Company (CCCC) selaku kontraktor pemaju utama projek ECRL. Pengambilan pelatih seramai 100 orang akan dibuat pada tahun 2025 bagi menyertai kursus selama setahun dengan Sijil Kemahiran Malaysia.

Manakala, bagi mempromosi pelancongan kereta api di laluan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM150,000.00 untuk tahun 2024 bagi mempromosi pakej pelancongan kereta api yang melibatkan 5 stesen Keretapi Tanah Mela… Tanah Melayu Berhad ya, iaitu di Stesen Kemayan, Mentakab, Jerantut, Lipis dan Merapoh.

Yang Berhormat Speaker,

Menyentuh tentang Portfolio Kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengagihkan peruntukan mengurus sebanyak RM1.493 bilion dan peruntukan pembangunan sebanyak RM149.278 juta kepada negeri Pahang melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.

Untuk mengurus adalah… bagi tujuan pembayaran… pembayaran emolumen melibatkan 16,725 orang pegawai dan kakitangan seluruh negeri Pahang dan penyampaian perkhidmatan di bawah program pengurusan, perubatan, kesihatan awam, kesihatan pergigian, farmasi, keselamatan dan kualiti makanan, penyediaan penyelidikan dan sokongan teknikal, program kursus serta konsesi, penswastaan, makmal ubat dan stor.

Manakala bagi peruntukkan pembangunan adalah meliputi pelaksanaan projek pembangunan fizikal, penggantian dan naik taraf peralatan perubatan dan fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negeri Pahang. Sejumlah RM15.5 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf dan membina semula 40 buah klinik daif di seluruh negeri Pahang dan 2 projek telah berjaya disiapkan iaitu Klinik Desa, Jengka 25 dan Klinik Desa… dan Klinik Desa Kampung Raja, Cameron Highlands. Manakala 38 projek lagi dijangka siap sebelum pertengahan Disember 2004.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 sebanyak 16 projek pembangunan fizikal dengan siling peruntukan sebanyak RM808.427 juta sedang giat dilaksanakan. Ini termasuk pembinaan baru Klinik Kesihatan Kuala Tahan, Jerantut dengan peruntukan RM26 juta serta pembinaan bangunan *menses board*, dengan izin, dan penambahan kapasiti set janakuasa tunggu sedia ada di Hospital Bentong dengan peruntukan berjumlah RM9.362 juta.

Yang Berhormat Speaker,

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang yang turut menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti bagi rakyat negeri Pahang, di mana Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukkan bagi menaik taraf perkhidmatan bersalin di 3 buah klinik kesihatan yang terletak berhampiran dengan sempadan negeri iaitu Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman, Klinik Kesihatan Perwira Jaya di FELDA Selancar, Rompin dan Klinik Kesihatan Sungai Ular, Kuantan dengan keseluruhan peruntukan RM6.37 juta.

Sumbangan ini adalah bagi memastikan rakyat yang tinggal berhampiran sempadan negeri masih boleh melahirkan anak seterusnya mendaftarkan kelahiran di dalam negeri Pahang tanpa perlu mendapat perkhidmatan kesihatan di negeri bersempadan. Pusat Bersalin Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman telah beroperasi pada September 2023 dan telah merekodkan kelahiran bayi pertama pada 03 November 2023 manakala Klinik Kesihatan Perwira Jaya FELDA Selancar, Rompin mula beroperasi pada Mac 2024 dan merekodkan kelahiran bayi pertama pada 19 April 2024.

Seramai 2 Ahli Berhormat menyentuh portfolio kesihatan, antaranya Yang Berhormat Beserah dan juga Yang Berhormat Chini. Menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Beserah, bagi projek menaik taraf Klinik Kesihatan Sungai Ular, Kuantan pula, ianya telah mencapai kemajuan kerja 100% dan dijangka boleh beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober 2024, selepas perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan selesai.

Menjawab soalan daripada YB Chini, Yang Berhormat Chini. Bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat er... Ahli Kawasan Chini berdekatan dengan mesin *ultrasound* bagi Klinik Kesihatan di kawasan Chini. Perkhidmatan kesihatan ibu mengandung bagi penduduk di kawasan FELDA Chini disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui sebuah Klinik Kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Chini dan 5 buah Klinik Desa iaitu Klinik Desa Chini 2, Klinik Desa Chini 3, Klinik Desa Chini Timur dan Klinik Desa Salong serta Klinik Desa Mambang.

Semua fasiliti ini secara kumulatif menerima purata sebanyak 60 hingga 80 ibu mengandung sehari. Bagi memenuhi keperluan ibu mengandung di kawasan ini, sebuah mesin *ultrasound* telah diletakkan di Klinik Kesihatan Chini dan ia telah berfungsi dengan baik sejak 10 tahun lalu. Kerosakkan *ultrasound* ini tidak dijangka

dan sedang dibaiki. Sementara itu, *ultrasound* gantian sedang diuruskan bagi memastikan perkhidmatan tidak terganggu.

Dalam masa yang sama, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang juga telah membuat permohonan aset *ultrasound* baru pada tahun 2023, ke Ibu Pejabat Kesihatan Kesihatan Malaysia dan sedang menunggu kelulusan. Jabatan ini sentiasa komited untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan ibu mengandung di kawasan ini berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang melalui Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, akan sentiasa mengambil tindakan yang proaktif dalam mewujudkan dasar dan program-program yang akan memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat negeri Pahang. Pelbagai strategi dalam melengkapkan kemudahan asas rakyat melibatkan jalan negeri, Projek Laluan Rel Pantai Timur, projek-projek penyenggaraan berskala kecil dan besar melibatkan sekolah, pejabat, jambatan dan sebagainya adalah diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh rakyat Pahang khususnya.

Saya mengambil kesempatan untuk sekali lagi merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Saya juga ingin mengucapkan kasih kepada…

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Minta laluan. Speaker... er… saya nampak apa tu... Exco macam nak *landing* dah kan. Nak *landing.* Jadi sebelum dia *landing* tu, saya ingin bagi pandangan sikitlah betapa ataupun mungkin benda ini telah ada dalam perancangan er... Kerajaan. Tadi YB Exco ada menyebut berkenaan dengan projek pembinaan klinik baru di Kampung Kuala Tahan, kalau tak silap saya. Kalau tak silap saya lokasi yang bakal didirikan klinik itu, dia duduk di kawasan bukit dan berhampiran dengan er... berhampiran dengan dengan lokasi Sekolah Menengah er... Kebangsaan Jubli Perak, Sultan Haji Ahmad Shah.

Hingga hari ini, isu yang dialami oleh Sekolah Menengah Kebangsaan JP SAS ini isu air lah. Penggunaan hampir 90% air bukit. Hanya 10% air er… paip kerana tekanan yang terlalu rendah di kawasan berada di kawasan tinggi. Jadi, pandangan saya, jika sekiranya er... projek baru pembinaan klinik ke, sekolah nak dilakukan nak dilakukan di kawasan itu, pihak Kerajaan perlu memikirkan untuk er... bina satu tangki khas. Satu tangki khas yang besar yang boleh *cover* keseluruhan bangunan-bangunan baru yang akan dibina.

Er… kalau di pergi projek rumah seratus biji yang ada di Kuala Tahan, saya dimaklumkan mereka bina tangki khas, khas untuk rumah tersebut yang insha-Allah, bila tangki khas sebegitu dibuat, dibina, ia akan menyelesaikan ataupun tidak menimbulkan masalah air yang sebagaimana yang selalu dialami oleh Sekolah Menengah Kebangsaan JP SAS pada hari ni. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Tahan. Yang Berhormat Speaker, saya ambil maklum tentang er... perkara yang diutarakan oleh Tahan dan saya akan bincang dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri serta pihak PAIP tentang isu berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Er... saya juga ingin mengucap terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan-urusan persidangan Dewan Negeri kali ini. Dengan segala peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang telah disediakan dan akan dilaksanakan nanti, sudah tentu akan lebih memaju, mensejahtera dan memakmurkan lagi negeri Pahang, insya-Allah.

Di akhir Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, di akhir Titah Diraja, er... Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan menyeru semua Ahli Dewan agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri Pahang. Jadi, marilah kita sama-sama menghayati, mengamal termasuk rakyat di luar sana, agar kita semua rakyat Malaysia khususnya lah orang Melayu Islam yang lebih er… tertib dan beradab dalam setiap bicara dan tingkah laku sama ada bersuara secara umum mahupun di media-media sosial.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dengan ini, saya mohon menyokong Titah Diraja. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WBT. Sekian terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Mohon kebenaran Speaker untuk saya er... mencadangkan usul tergempar, bagi Dewan ini merakamkan ucapan takziah di atas kematian Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal Yang di-Pertua Dewan Negara yang Ke-20 pada pagi tadi. Ini selaras dengan peraturan Dewan, Perkara 17(1). Jadi Yang Berhormat Speaker saya mohon supaya semua Ahli Dewan bersetuju untuk saya… untuk saya mencadangkan usul merakamkan ucapan takziah di atas kematian Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal, Yang di-Pertua Dewan Negara ini… yang ke-20 pagi tadi. Saya mohon er... usul tergempar ini mendapat sokongan semua Ahli Dewan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Pada kesempatan ini, saya ingin mencadangkan suatu usul yang berbunyi;

> **“Untuk merakamkan ucapan takziah di atas kematian, Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal. Ucapan takziah ini kita tujukan kepada**

seluruh ahli keluarga mendiang yang meninggal dunia pada pagi tadi di Institut Jantung Negara di mana beliau merupakan Speaker Dewan Rakyat... Dewan Negara."

Sehubungan dengan itu, saya mohon supaya semua Ahli Dewan dapat menyokong... menyokong usul tergempar yang saya ajukan pada hari ini selaras dengan peraturan mesyuarat Perkara 17 dalam (1). Saya mohon mencadang dan mendapat sokongan Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang ucapan takziah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker Dewan Negara, Datuk Mutang Tagal yang meninggal dunia pagi tadi. Saya ingin dapatkan sokongan seorang ahli. Sila.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.... Dato' Speaker saya dengan ini menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ahli Exco Kerajaan.

Satu soalan yang dibawa oleh… satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Besar tentang usul tergempar yang setuju, sila nyatakan "setuju". Yang tidak setuju nyatakan "tidak".

Satu soalan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun dilulus dengan sebulat suara. [Ahli Dewan menepuk meja].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada semua Ahli Dewan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar.

Seterusnya saya menjemput Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Selamat Petang dan Salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk terus terlibat dalam sesi perbahasan usul Titah Diraja pada sidang Dewan pada kali ini.

Pertamanya, Saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat saya menggulung perbahasan pada persidangan dewan kali ini dan juga merupakan sidang Dewan Undangan Negeri yang pertama buat saya selaku Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menjunjung kasih kepada… kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah di atas Titah Diraja sempena perasmian pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri yang ke-15.

Tuanku putera kesayangan ayahanda dan bonda,
Cemerlang negeri rakyat suka gembira,
Raja dan rakyat berpisah tiada,
Bijaksana memerintah negeri tercinta,

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.
Sektor perumahan merupakan salah satu sektor utama pembangunan dalam negeri Pahang. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang pada tahun 2021 yang lalu untuk mengawal selia dan melaksanakan pembangunan rumah mampu milik dan sehingga kini Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan rumah mampu milik pada harga jualan di bawah nilai semasa untuk dimiliki oleh seluruh rakyat negeri Pahang.

Kerajaan Negeri telah meluluskan 7 Skim Perumahan Mampu Milik daripada… terdiri daripada PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Penjawat Awam Pahang, Rumah Pahang iaitu Perumahan Generasi Baru FELDA, Rumah Rakyat Pahang, Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru' RASA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan penghargaan dan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kebijaksanaan dalam mewujudkan inisiatif dan skim perumahan baharu Negeri Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri telah berusaha mewujudkan skim-skim PR1MA Pahang dan seterusnya skim-skim perumahan baharu untuk memastikan keperluan asas kediaman yang merupakan *human needs,* dengan izin Yang di-Pertua, dapat merealisasikan impian semua rakyat dari kategori miskin tegar sehinggalah kumpulan M40 di samping meningkatkan lagi kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti secara holistik.

Kejayaan yang telah dihasilkan oleh projek PR1MA Pahang adalah dengan penyiapan rumah berjumlah 7,664 unit, bersamaan nilai hartanah lebih daripada RM1.14 bilion telah diberi milik kepada rakyat di dalam negeri Pahang. Keistimewaan juga kepada penjawat awam dengan diberikan diskaun 10% bagi setiap pembelian rumah PR1MA Pahang. Untuk makluman sidang Dewan, Negeri Pahang pada keseluruhannya telah mengatasi negeri-negeri lain dengan mewujudkan dasar dan polisi… dan polisi serta tawaran produk-produk perumahan bagi semua lapisan rakyat. Tahniah Pahang. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pahang 1st.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Projek PR1MA Pahang memberi fokus kepada rakyat Pahang berpendapatan sederhana iaitu had pendapatan isi rumah di bawah RM10,000.00 dengan harga jualan bermula daripada RM150,000.00 seunit dan sebagaimana saya nyatakan tadi, 7,664 unit telah siap dan memperolehi CCC manakala 1,291 unit lagi dalam pembinaan dan 35,184 unit di peringkat perancangan dan projek Rumah Makmur pula menghadkan pendapatan seisi rumah di bawah RM5,000.00 dengan harga jualan bermula dari RM80,000.00 seunit. Kerajaan Negeri telah meluluskan 7,804 unit di mana hampir 500 unit dalam pembinaan, manakala 7,300 unit peringkat perancangan.

Saya ingin menjawab soalan Tuan Mohd Rafiq Khan bin Ahmad Khan, DUN Pulau Manis yang menanyakan… menerima aduan penduduk yang masih ke rumah… bagi rumah PR1MA mendapat kualiti binaan yang sangat rendah dan tindakan susulan Kerajaan Negeri terhadap isu ini. Untuk makluman YB, Projek Pembangunan Perumahan perlulah melalui proses yang lengkap bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan sebelum pembinaan... sebelum pembinaan dapat dimulakan di tapak bina, bermula daripada Kelulusan Kebenaran Merancang, satu kumpulan perunding akan dilantik oleh pihak pemaju dalam mendapatkan kelulusan berwajib dari pihak PBT. Setelah proses Kebenaran Merancang diperolehi, pemaju perlu mendapatkan kelulusan pelan infrastruktur dan pelan bangunan dalam proses pembinaan projek perumahan akan dipantau secara berperingkat oleh pihak perunding yang dilantik sehingga projek semuanya siap.

Pihak perunding yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti segala piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBT dan Kerajaan Negeri ini dipenuhi. Melalui lawatan tapak oleh PBT dalam proses mendapatkan sijil layak menduduki, pemaju perlu mematuhi segala kehendak dan spesifikasi yang ditetapkan seperti mana di dalam kelulusan pelan-pelan yang berkaitan. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, UKBS setelah kehendak kualiti mencapai kadar yang ditetapkan pemajuan tersebut akan menerima sijil layak menduduki.

Oleh yang demikian, pemaju dan perunding yang dilantik akan dipertanggungjawabkan ke atas kualiti kerja, produk hasil binaan mengikut keperluan seperti yang diluluskan sebelum proses serah kunci dilaksanakan kepada peserta yang layak. Pada tahun...

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Mohon mencelah. Er… YB Speaker terima kasih kepada Exco yang menerangkan keadaan. Cumanya saya nak bertanya, er... sebab isu penduduk ini dia dah buat laporan pada tribunal dan dah Mahkamah Tinggi pun dah mengesahkan pemaju itu perlu membayar ganti rugi lah kepada penduduk dan tindakan ganti rugi itu masih hampir sampai sekarang ini lah masih tak di terimalah oleh penduduk-penduduk yang terkesan. Nak tanya itu lah sebab laporan dah buat pada Exco dan Menteri Besar sendiri dan er… laporan pun ada pada saya, saya boleh *forward* pada Exco sendiri insya-Allah. Jadi nak tanya itulah kalau ada perkembangan saya nak tanya boleh rakyat nak tahu, terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih ADUN Pulau Manis. Er… tu di Indera Sempurna?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Dia nama asalnya Perumahan Indera… PR1MA Inderapura tapi sekarang ni nama dia Sri Damai Jaya.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kita masih lagi dalam tindakan, insya-Allah kita akan er… mengambil tindakan tentang perkara yang dinyatakan ini dan pihak YB boleh memberikan maklumat lanjut kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang nanti, insya-Allah. Dan masih dalam pengetahuan pihak Lembaga Hartanah dan… Perumahan dan Hartanah Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Dato' Sri, mohon mencelah. Er… saya nak bertanya [berdehem] kepada Yang Berhormat berkenaan status rumah PR1MA di Kuala Sentul. Saya dah bangkitkan ini pada mesyuarat yang lepas iaitu Cadangan Projek Pembangunan Perumahan Bercampur bagi Perumahan Rakyat 1Malaysia di Mukim Chenor, Kuala Lumpur yang telah er… diberi persetujuan pemunya tanah oleh LPHP pada tahun 2023. Saya nak tahu status inilah sebab soalan saya dari bulan 12 hari itu tak dijawab. Lepas itu di Maran ini YB, pada taklimat persembahan kepada Tuanku masa Tuanku datang ke Maran hari itu Tuanku sendiri bertanya, adakah projek perumahan di Maran? Jadi jawapan er… Dato' D.O pada masa tu tak ada, tak ada. Jadi saya harap projek perumahan PR1MA di Kuala Sentul ni dapat direalisasikan segera lah, terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tadi saya ada jumpa Kuala Sentul kat luar tadi, tapi tak apa saya ni sebab kita er… baru kita mengambil alih perumahan… kerajaan perumahan ini er… jadi saya akan mengambil maklum perkara yang YB beritahu tadi dan kita nak melihat apa masalah dihadapi di Kuala Sentul tersebut, sama ada kontraktor yang terbabit ke yang kita lantik tapi masih belum berjalan ke.

Jadi, kita ingin mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dan sekiranya kalau boleh kita nak Kerajaan Negeri memastikan bahawa pemilikan rumah ini mesti kita dapat dilaksanakan, rumah mampu milik ini kerana inilah satu er… perkara yang sangat penting dan keperluan kepada seluruh rakyat negeri Pahang ini. Jadi kita akan mengambil maklum apa yang YB bangkitkan ini dan kita… saya akan bawa kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang untuk diambil tindakan selanjutnya, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Pahang telah memperkenalkan Skim Rumah Penjawat Awam dan merupakan satu skim rumah mampu milik khusus untuk penjawat awam negeri Pahang. Kerajaan Negeri telah meluluskan 870 unit melibatkan tiga daerah iaitu Kuantan, Maran dan Pekan dan dalam peringkat pelaksanaan, insya-Allah. Pembangunan perumahan ini secara dasarnya memberikan banyak pilihan kepada rakyat untuk memiliki rumah terutama penjawat awam yang berkhidmat dalam negeri Pahang dengan harga jualan bermula RM120,000 seunit sehingga RM400,000

seunit dan ia memberi pilihan kepada pembeli-pembeli untuk memiliki rumah idaman yang bersesuaian dengan pendapatan mereka.

Kerajaan Negeri Pahang juga telah bersetuju untuk mengambil alih Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA (PGBF) yang terbengkalai daripada pengurusan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 2022 dan ia dijenamakan semula sebagai Rumah Pahang. Ini merupakan projek perumahan khas untuk generasi baru FELDA iaitu kepada generasi anak peneroka daripada golongan muda FELDA. Projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 1,850 unit yang dijual dengan harga jualan dari RM120,000.00 seunit dan kini berada pada peringkat pembinaan Fasa 1 berjumlah 404 unit akan dijangka siap pada awal 2025.

Dan untuk makluman Sidang Dewan, pecahan mengikut daerah-daerahnya ialah Daerah Jerantut melibatkan 400 unit di FELDA Sungai Retang, 144 unit di FELDA Kota Gelanggi 2, 50 unit di FELDA Jengka 12. Daerah Kuantan melibatkan 300 unit di FELDA Bukit Sagu. Daerah Maran melibatkan 120 unit di FELDA Jengka 1,100 unit di FELDA Jengka 6, 180 unit di FELDA Jengka 11, 100 unit di FELDA Bukit Tajau, 56 unit di FELDA Kampung Awah dan Daerah Rompin menempatkan 400 unit di FELDA Keratong. Menjawab soalan daripada ADUN Kuala Sentul untuk makluman YB projek rumah Pahang ini masih dalam tempoh pembinaan dengan penyiapan di antara 46% hingga 61% manakala proses penawaran sedang dilaksanakan kepada pemohon-pemohon yang layak.

Bagi Rumah Pahang di FELDA Sungai Retang sebanyak 37 nama peserta telah diluluskan bagi memenuhi pengisian rumah untuk diberikan penawaran dan untuk Projek Rumah Pahang perjanjian usaha sama antara LPHP dan pemaju masih dalam tempoh sah dan terdapat kemajuan di tapak dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, kita sedang menilai juga *progress-progress* yang seterusnya dan kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa projek ini dapat disiapkan bagi memenuhi keperluan rumah untuk generasi kedua FELDA ini.

Bagi perumahan rakyat, Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Rumah Rakyat Pahang (RRP) pada tahun 2020 dengan kos pembinaan bernilai RM75,000.00 seunit yang diberikan secara percuma kepada rakyat negeri Pahang yang layak. Sejumlah 1,029 unit rumah RRP telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang merangkumi empat fasa pembinaan bernilai RM77.2 juta dan Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan peruntukan RM2.1 juta lagi bagi menyediakan peralatan kelengkapan rumah bernilai RM2,000 bagi setiap rumah dan peserta diberi pilihan sama ada kelengkapan perabot ataupun barangan elektrik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Penyedian rumah seperti Rumah Ru'RASA, Rumah RRP ni tak pernah dibuat kat tempat lainlah. Jadi kita rakyat negeri Pahang sungguh amat bertuah kerana Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan pemilikan rumah bagi orang yang kurang mampu ataupun miskin tegar dan rumah ini diberikan secara percuma dan juga melibatkan juga perabot-perabot ataupun peralatan elektrik diberikan kepada mereka-mereka yang betul-betul layak.

Dan di antara projek lain iaitu Projek Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah atau Ru'RASA merupakan projek bantuan peruntukan daripada Kerajaan Emiriah Arab Bersatu dengan kerjasama Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Kerajaan Negeri merafak sembah menjunjung kasih kepada Sultan Pahang kerana berjaya

mendapatkan bantuan dana tersebut dalam keprihatinan Baginda bersama-sama untuk membantu rakyat miskin dan golongan daif dalam memiliki kediaman yang selesa dan juga berkualiti. Sejumlah 790 unit Rumah Ru'RASA telah diluluskan merangkumi tiga fasa pembinaan bernilai RM76 juta dan proses pemilihan peserta yang layak adalah sama seperti Program Rumah Rakyat Pahang (RRP).

Bagi Fasa 1, 160 unit telah berjaya disiapkan, 172 unit sesebuah dan 18 unit rumah jenis bertiang dengan kos pembinaan RM8.14 juta termasuk perbelanjaan perabot dan kelengkapan rumah. Pelaksanaan Ru'RASA akan diteruskan dalam Fasa 2 bagi tahun 2024 melibatkan 260 unit berjumlah RM25.3 juta dan dalam Fasa 3 bagi tahun 2025 melibatkan 320 unit berjumlah RM33 juta. Menjawab soalan daripada Tuan Nazri bin Ahmad daripada Bukit Ibam, tak ada ya, berapakah jumlah Rumah Ru'RASA yang telah dan sedang dibina dalam Bukit Ibam dan seluruh negeri Pahang? Yang itu yang telah saya nyatakan tadi lebih kurang dalam tujuh ratus… akan dilaksanakan 790 unit Rumah Ru'RASA akan dilaksanakan di seluruh negeri Pahang.

Dan di daerah Rompin, agihan kuota yang telah diluluskan adalah sebanyak 16 unit merangkumi 15 unit rumah jenis sesebuah dan 1 unit rumah jenis bertiang. Bagi Bukit Ibam terdapat 6 unit Rumah Ru'RASA jenis sesebuah dan 1 unit rumah jenis bertiang yang telah siap dibina iaitu 1 unit di Bukit Ibam, 1 unit di Desa Perdana, 1 unit di Kampung Merepoh, 1 unit di Bandar Melati, 2 unit di tapak PPRT Perwira Jaya dan 1 unit di PPRT Lubuk Batu.

Tuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

KPKT juga telah meluluskan satu projek di daerah Bera yang melibatkan 500 unit dan Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan tapak cadangan pembangunan projek PPR, Projek Perumahan Rakyat seluas 51 ekar di daerah Pekan. Kerajaan Negeri Pahang juga akan meneruskan lebih banyak lagi perancangan perumahan… perumahan yang bakal ditawarkan yang mana ianya memberi kepentingan kepada rakyat pada masa yang sama menitikberatkan aspek lokasi kemudahan setempat dan kepentingan sosial dalam membantu menyediakan hartamah… hartanah jangka masa panjang. Diharapkan dengan adanya inisiatif-inisiatif dan program-program yang telah direalisasikan ini, rakyat dapat menikmati hidup yang lebih baik seiring dengan saranan kerajaan persekutuan dalam… dan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh tentang er… Kerajaan Tempatan. Sebagaimana yang kita semua maklum, tidak dapat dinafikan seiring dengan *trend* pembandaran yang pesat berlaku, jumlah penduduk yang menetap di kawasan bandar juga semakin lama semakin meningkat, ramai orang datang ke Pahang ini. Berdasarkan banci 2020 dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peningkatan kadar pembandaran negara telah mencapai 75.1% dan dijangka semakin meningkat. Situasi ini juga boleh dilihat di dalam negeri Pahang terutama di Kuantan, Temerloh dan Bentong.

Ramai juga penghijrahan daripada luar masuk ke… ke… perbandaran… ke bandaraya kita, ke negeri kita ini dan berlaku peningkatan ini yang ketara penduduk tinggal di kawasan bandar dan justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri Pahang akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua penduduk dalam negeri Pahang. Saya amat percaya usaha-usaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik, sedia digapai oleh PBT negeri Pahang

kerana dalam keadaan semasa pun ianya telah terbukti melalui pelbagai pengiktirafan-pengiktirafan yang telah negeri Pahang iaitu kita semua terima.

Sebagai contohnya, baru-baru ini Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Rompin telah menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia sempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2024 anjuran Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebelah dia tak ada dah… Jengka. Semalam saya ada kat Damak bahawa Cameron Highlands adalah satu bandar yang paling bahagia dan bandar Rompin dan Jerantut, bandar bahagia. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tiga-tiga itu semua bandar yang paling bahagia. Tersilap bagi fakta semalam, saya menarik baliklah ya.

Sebenarnya tiga bandar ini… tiga Majlis Daerah ni...ialah Majlis Daerah yang… tempat yang paling bahagia kerana Jerantut, Cameron Highlands dan daerah Rompin… dan Majlis Perbandaran Temerloh pula telah menerima dua Anugerah Emas iaitu satu Anugerah Perak dan satu Anugerah Khas di *Public Service Innovation Asia* pada 20-24 Februari 2024 atas usaha-usaha inovasi yang diperkenalkan. Dalam konteks inisiatif ke arah Bandar Rendah Karbon pula, Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Bentong telah menerima pengiktirafan Anugerah *Diamond* dan professional dalam beberapa kategori sempena Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada tahun… 7 Februari 2024.

Terkini pada 29 April 2024, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Bandaraya Kuantan telah menerima pensijilan *Asean Clean Tourist City Standard* 2024-2026 anjuran bersama Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Kerajaan Negeri dengan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh PBT-PBT ini yang telah menerima pengiktirafan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Untuk negeri Pahang, Majlis Bandaraya telah pun diberikan penarafan *Smart City Early Adopter* pada tahun 2023 dan baki 10 PBT lagi telah memulakan usaha-usaha ke arah penarafan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh tentang alam sekitar, saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya mengekalkan status Rizab Biosfera Tasik Chini dengan kerjasama daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Mesyuarat *Session of The International Coordinating Council of The Man and Biosphere Programme* 2023 di Paris telah memutuskan bahawa Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini di Pahang telah menepati kriteria dan secara langsung mengekalkan Tasik Chini sebagai tapak biosfera berkepentingan antarabangsa. Sinergi antara semua pihak berkepentingan telah menghasilkan semua pemuliharaan berkesan dalam mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan status Rizab Biosfera Tasik Chini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Cameron Highlands. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Cameron Highlands telah dinobatkan antara 41 kawasan pemandangan yang terindah di dunia… Cameron Highlands. Dan baru-baru ini melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 Januari 2024 telah setuju untuk meluluskan permohonan untuk menubuhkan *Man and Biosphere Mossy Forest* Cameron Highlands.

Selaras itu, Kerajaan Negeri Pahang kini dalam tindakan pelaksanaan kajian dan mengenal pasti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan bagi memastikan matlamat pencalonan *Mossy Forest* berjaya direalisasikan. Taman Eko Rimba ini mempunyai keistimewaan pelbagai biologi dan merupakan hutan pergunangan… hutan pergunungan yang mencapai ketinggian 2,000 meter. Hutan ini terletak di Brinchang, Cameron Highlands dan merupakan hutan semula jadi yang lembap, berlumut dan basah sepanjang tahun.

Pencalonan sebagai tapak *Man and Biosphere* ini dijangka akan menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke *Mossy Forest* baik daripada dalam mahupun di luar negara. Selain daripada perancangan pencalonan tapak *Man and Biosphere Mossy Forest*, Kerajaan Negeri Pahang turut mempunyai cadangan pencalonan bagi UNESCO Global Geopark, Geopark Kebangsaan, cadangan geo tapak bagi tapak budaya serta cadangan Tapak Warisan Dunia. Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas perakuan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi daerah Lipis pada 8 November 2023 sebagai Geopark Kebangsaan dan dikenali sebagai Lipis Geopark dengan 28 Tapak Warisan Geologi, 18 tapak warisan budaya dan 6 tapak warisan biologi juga.

Pembangunan Geopark ini penting kerana tapak yang dikenal pasti merupakan sumber warisan geologi, biologi dan budaya yang perlu dipelihara pada masa yang sama membolehkan kita menggunakan sumber warisan tersebut untuk pembangunan lestari serta memperkasakan lagi ekonomi masyarakat tempatan. Wilayah Geopark Lipis seterusnya dirancang untuk dicalonkan sebagai UNESCO Global Geopark pada tahun 2025. Begitu juga Taman Negara Pahang yang dikenal pasti sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO. Taman Negara Pahang menyokong habitat bagi 575 spesies burung dan lebih 50 spesies ikan sungai dan pencalonan Taman Negara Pahang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO ini akan melibatkan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Warisan, Jabatan Perhilitan, Jabatan Perhutanan dan pemegang taruh lain yang akan dikenal pasti.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sikit lagi saya menyentuh tentang hakisan pantai kita. Hakisan pantai ini, ada soalan-soalan yang berkaitan hakisan pantai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya menggulung je lah sebagai satu rumusan untuk pemakluman kita semua. Kejadian hakisan pantai semakin kritikal berlaku di seluruh Malaysia termasuklah negeri Pahang. Oleh yang demikian, hakisan pantai adalah satu masalah negara bukan hanya masalah kepada negeri Pahang sahaja.

Di dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2, dinyatakan terdapat 6 negeri mempunyai lebih daripada 10 pasai… pantai yang terhakis, di mana salah satunya adalah negeri Pahang dan panjang hakisan pantai adalah sebanyak 61.8 kilometer yang terhakis. Sumber laporan kajian hakisan Pantai Negara (NCES) dengan izin Yang di-Pertua, 2015. Di negeri Pahang terdapat 3 daerah yang mempunyai pantai iaitu Pekan, Kuantan dan juga Rompin.

Dan antara kawasan yang terjejas adalah pantai seperti Pantai Cherating, Taman Gelora, Balok, Cherok Paloh, Pantai Sepat, Tanjung Batu Nenasi, Pekan; Pantai Bernas, Rompin; Kuala Pontian, Rompin; Tanjung Gemok, Rompin. Selain daripada itu, jenis pantai yang kita ni jenis berpasir dan tidak dilindungi oleh zon penampan seperti pokok-pokok bakau menyebabkan garisan pantai terdedah secara langsung

dengan faktor hakisan semula jadi seperti ombak, angin, arus dan juga pasang surut. Apatah lagi dalam peningkatan paras air laut masa kini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat

YB DATO' MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

semasa musim tengkujuh…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagi ke?

YB DATO' MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Sikit je lagi, 5 minit lagi

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, sila.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHARUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Semasa musim tengkujuh, pantai ini akan mengalami tahap hakisan yang ketara disebabkan ombak daripada Laut China Selatan dan tiupan angin kencang daripada arah timur laut. Kerajaan persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) giat menjalankan kajian bagi mengatasi masalah hakisan pantai kita di Malaysia ini.

Pada masa yang sama, JPS juga telah dan sedang melaksanakan kajian perancangan jangka panjang dalam mengatasi masalah hakisan bagi masa…masalah hakisan ini dan bagi mengenal pasti isu-isu dan kaedah penyelesaian. Contohnya, Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu atau dikenali sebagai *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) dan kajian ISMP Pahang yang pertama telah disiapkan pada tahun 2005 dan kajian semula ISMP Pahang ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Oktober 2025.

Kajian dalam ISMP tersebut telah mengambil kira isu-isu berkaitan masalah hakisan di muara dan juga guna tanah sepanjang pesisiran pantai negeri Pahang. Langkah pengawalan hakisan pantai bagi kawasan ini merupakan kaedah yang paling efektif bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang berlaku. Namun, ia memerlukan kos yang besar kerana melibatkan pemuliharaan muara sungai dan pembinaan struktur pemecah ombak *breakwater,* dengan izin Yang di-Pertua serta *beach erosion protection structures* dengan izin Yang di-Pertua.

Contohnya lapis lindung *rock revetment groin, block concrete*, temboh… tembok pengawal muara, *training walls* dengan izin Yang di-Pertua. Antara projek-projek hakisan pantai dan pengorekan muara yang telah diluluskan di negeri Pahang adalah kerja mencekah mencegah hakisan pantai di Pantai Sepat, Kuala Pahang.

Yang kedua, Projek pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Tanjung Pahang, Rompin. Ketiga Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Kampung Mukut, Pulau Tioman,

Rompin. Keempat, kerja mencegah hakisan pantai Nenasi, Pekan, Pahang dan berikut adalah dalam pelaksanaan projek hakisan pantai iaitu satu Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Tanjung Batu, Nenasi, Pekan, Pahang. Kedua, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang Daerah Pekan. Ketiga, kerja mencegah pantai dihakisan pantai di Pantai Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilaksanakan, JPS telah mengenal kasti… mengenal pasti projek-projek untuk dilaksanakan.

Berikut adalah projek-projek yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dibawa kepada kerajaan persekutuan. Pertamanya, Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Balok Daerah Kuantan, Pahang. Kedua Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Cherating, daerah Kuantan. Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Merchong, daerah Pekan dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kampung Kuala Pontian, daerah Rompin, Pahang dan beberapa lagi projek yang melibatkan hakisan pantai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, Bahagian Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pahang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mahupun persekutuan dan pihak-pihak yang berkaitan atas kerjasama erat dan komitmen yang padu diberikan kepada saya sepanjang saya memegang portfolio ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih sekali lagi kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Paduka Mulia Kebawah Duli Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di atas sokongan dan dorongan tiada berbelah bahagi buat Kerajaan Negeri di bawah kepim…kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Bak kata pepatah, rakyat, raja dan rakyat berpisah tiada dan selama saya berkhidmat sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tuanku selalu mencemar duli menziarahi rakyat, bantuan diberi rakyat gembira tiada terperi, kebaikan Tuanku lekat dihati. Dengan segala-gala peruntukan dan perancangan-perancangan yang telah disediakan yang akan dilaksanakan nanti, sudah tentu akan lebih memajukan mensejahtera dan memakmurkan lagi Negeri Pahang Darul Makmur, insya-Allah.

Pisang emas dibawa berlayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang memberi er… jawapan, sila.

DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Pertamanya, saya mengucapkan salam sejahtera dan selamat petang kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan dan yang utamanya juga kita memanjatkan puji syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberikan keupayaan untuk membela nasib baik, untung kehidupan rakyat di Negeri Pahang Darul Makmur yang kita sayangi ini.

Kita juga memanjatkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW yang telah menjadi suri tauladan. Bagaimana junjungan baginda di dalam dia sebagai seorang pesuruh Allah tetapi di dalam waktu yang sama, dia bijak untuk menjadi pemimpin dan membina…membela rakyat serta membina sebuah negara yang duduk di dalam pentadbiran baginda dalam pelbagai bentuk bangsa, rupa paras, warna kur…kulit pada ketika itu. Mudah-mudahan Allah SWT sentiasa meninggikan maqam junjungan mulia kita Nabi Muhammad SAW di persemadian mulia Baginda SAW.

Kita juga mengambil kesempatan untuk menyembah ucapan setinggi menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah kerana berkenan berangkat seterusnya bercemar duli bagi merasmikan Persidangan Dewan Negeri Pahang kali ke-3 pada er…penggal ini yang mudah-mudahan dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku menyampaikan titah perasmian, memberi semangat kepada kita Ahli Dewan untuk terus memastikan kebajikan dan kemakmuran negeri Pahang ini dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Kenapa tidak Ahli Dewan untuk menyokong titah perasmian Kebawah Duli Tuanku. Kebawah Duli Tuanku telah ber…me… membentangkan titah ucapan yang menonjolkan bagaimana kesungguhan Tuanku apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Hamba Tua Tuanku, untuk memastikan negeri Pahang ini sentiasa makmur dengan baik.

Segala pujian yang telah dilontarkan oleh Kebawah Duli Tuanku kepada tubuh Hamba Tuanya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ini sebagaimana saya teringat firman Allah SWT. di dalam Surah Al-Anbiyaa' ayat 90. (Bacaan ayat al-quran). Mereka itu bersungguh-sungguh untuk berlumba-lumba membina kebaikan. Ini gambaran Allah SWT sendiri akan memuji apa yang disebutkan oleh hamba-Nya jika dia berlaku kebaikan. Hamba Allah SWT banyak, bukan si fulan sahaja dan tidak juga sihelan.

Siapa sahaja yang telah dizahirkan di bumi ini, mereka itu adalah hamba Allah SWT. Alhamdulillah, Kebawah Duli Tuanku telah menyampaikan titah perasmiannya yang menonjolkan satu persatu apa yang telah diusahakan oleh er… Kerajaan Negeri Pahang dan juga telah mencurahkan titah harapan baginda Tuanku supaya kita menjaga kepentingan ini bersama, agar ia tidak pincang dan tidak menjadi sebarang pertikaian di antara kita satu sama lain atau saja-saja ditelek dan diintai. Seolah-olahnya ada kepincangan setelah ianya telah di apa namanya… disaksikan oleh

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah.

Tuan Yang di-Pertua,

Portfolio Agama, Luar Bandar dan juga Hal Ehwal Orang Asli banyak dipersoalkan oleh rakan-rakan Dewan, bagus. Ini satu perkara yang perlu kita ambil tahu, apa kerajaan dah buat? Apa kerajaan dah usahakan dalam hal ehwal agama, hal ehwal luar bandar, hal ehwal orang asli. Seumpama contoh tentang hal ehwal agama, bagaimana isu tauliah yang dibangkitkan oleh rakan daripada Cheka. Alhamdulillah, kita tauliah ini sebenarnya di bawah kuasa penuh mutlak Kebawah Duli Tuanku.

Tauliah ini pun sebenarnya dah lama Tuanku tidak… tidak melimpah perkenan untuk beri lagi kepada siapa-siapa tetapi setakat ini memang ada kebenaran mengajar yang di… *delegate* kan dengan izin, diberikan kuasa kepada Majlis Agama Islam Pahang untuk dipilih kepada siapa-siapa yang memohon untuk mereka mendapat apa namanya kebenaran mengajar. Setakat ini Majlis Agama Islam Pahang, tanpa ada pengaruh daripada mana-mana pihak, telah mengeluarkan kebenaran mengajar ini sebanyak 311 kebenaran mengajar.

Ini apa yang telah mereka keluarkan kepada sesiapa yang memohon tetapi permohonan ini akan diberi penelitian yang rapi oleh Majlis Agama Islam Pahang kerana Kebawah Duli Tuanku telah bertitah, jangan ada ajaran sesat disampaikan di dalam masjid-masjid di negeri Pahang. Jangan ada unsur-unsur yang mereka mengajar itu pengaruh parti politik kepartian di dalam masjid yang diadakan di negeri Pahang ini. Jangan ada perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya pecah belah.

Jadi Majlis Agama Islam Pahang sebagai badan yang bebas, mesti bertanggungjawab untuk memastikan apa yang disebutkan dan dititahkan oleh Kebawah Duli Tuanku dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Mungkin menyentuh soal ada tak pembatalan? Tak ada batal, kita tak batalkan apa mana-mana, bahkan kita perkasakan lagi melalui Jabatan Agama Islam Pahang.

Dengan adanya 430 orang… 436 orang guru takmir yang kita sebarkan di masjid-masjid di seluruh negeri Pahang ini, untuk mereka mengajar di masjid-masjid dengan betul dan dengan teliti dan kita sentiasa minta jabatan agama dan majlis agama memantau, jangan ada perkara-perkara seperti ajaran Ayah Pin. Sekarang ini ada pula ajaran apa namanya macam nak kata syiah, bukan syiah, nak kata apa namanya ajaran… pelik yang dikatakan Kaabah kononnya di Jordan dan sebagainya. Ini kita tak nak berlaku di Negeri Pahang Darul Makmur dan begitu juga ajaran-ajaran yang membawa kepada perpecahan.

Rakan daripada Tras ada mempersoalkan tentang…

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato', minta celah sikit. Saya nak tanya, adakah kerajaan Pahang berhasrat untuk meneladani yang apa yang dibuat di Terengganu, di Selangor, di Perak dan beberapa buah lagi yang melarang ahli-ahli politik termasuk wakil rakyat untuk berceramah, berkuliah dan lain lain di masjid dan surau.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Tuanku dah berkali-kali bertitah sebenarnya. Apa namanya tak perlu ada ceramah politik di dalam masjid dan orang-orang politik tak perlu campur urusan-urusan ceramah dan ceramah itu perlu ikut jadual yang diaturkan oleh pihak masjid dan wajarnya titah Tuanku ini Kerajaan Negeri memastikan Majlis Agama Islam Pahang dapat dilaksanakan. Itu kewajaran, tetapi kenakalan sesetengah individu yang terkadang kala curang kepada titah kepada Kebawah Duli Tuanku, terkadangkala luar daripada pengetahuan kita dan keupayaan kita. Ada berlaku perkara-perkara ini. Jadi kita berharap perkara ini perlu kita mengambil fahaman yang penuh waras apa yang dimaksudkan oleh Kebawah Duli Tuanku. Terima kasih rakan daripada Padang Tengku yang menyuarakan perkara…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit, penjelasan sikit. Terima kasih YB Speaker. Saya nak sikit penjelasan. Kita menerima tidak boleh berpolitik di dalam masjid, *clear.* Cuma nak penjelasan, adakah orang politik tak boleh mengajar langsung di masjid?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita jelas daripada titah Kebawah Duli Tuanku itu tidak membenarkan orang politik untuk berceramah di dalam masjid yang telah dibina dan telah di apa namanya… sah oleh kerajaan negeri. Jadi kita kena faha lah.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Maksud saya dia nak mengajar Riyadh Al-Solihin, Al-Azkar Imam An-Nawawi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kitab Riyadh al-Solihin itu bagus, Kitab Al Azkar itu baik, bahkan nak mengajar apa-apa Tafsir Tabari pun bagus, tetapi maknanya kita dah ada guru-guru yang dilantik, dah ada guru-guru yang ditauliah, dah ada apa namanya… tokoh-tokoh yang kita kenal pasti, kita sokong mereka tu mengajar bersama-sama. Dan kalau kita dah di sebut begitu di dalam titah Kebawah Duli Tuanku, sebagai ahli politik tidak dibenarkan ceramah, kita beri sokong ustaz-ustaz kita yang nak mengajar itu, tanpa kita apa namanya mengganggu kelas-kelas dia untuk dia mengajar seperti biasa. Beri sokongan, kita jadi anak murid.

Saya pernah bersimpuh di depan guru-guru yang mengajar walaupun kita kononnya merasa kita azhri yon, masri yon, orang keluaran *graduate* daripada Azhar tapi apa salahnya kita bersimpuh di depan mereka. Kelas-kelas dah diaturkan, pengajian-pengajian dah ada dan kalau kita tak puas hati, kita siap bawa lagi daripada luar negara. Baru-baru ini hampir apa namanya… 120 orang tokoh berkumpul di negeri Pahang, kita boleh pilih terasa nak daripada Mesir, ada. Terasa nak daripada Morocco, ada. Terasa nak daripada Jordan, ada. Begitulah bersungguhnya Kerajaan Negeri Pahang untuk menghidupkan majlis Ilmu di Negeri Pahang Darul Makmur dan ini bukan lagi semalam je. Negeri Pahang ini, subhanallah, Maha Suci Allah. Kita tak jemput, tiap-tiap bulan ada je tokoh kerana kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya terima sambut. Siap beri lagi. Ustaz Syed Ibra awak beri kereta apa ke dia orang tu? Pakaiannya? duduk hotel mana? Kalau dia dengar saya beri hotel yang lebih kurang, tak patut Syed Ibra. Kurang-kurang letak *Swiss Bell* ataupun Zenith. Menghargainya ulamak yang nak datang ke negeri Pahang.

Pagi tadi… pagi tadi saya nak ke Dewan lewat sikit kerana dikunjungi oleh bekas Dekan Kuliah Dakwah Universiti Al-Azhar, Profesor Doktor Jammal Faruk. Dia dating, minta kejap je. Saya lupa dia minta sampaikan salam kepada Wan Rosdy. Takkan saya tak ingat, dia bos saya, tolong sampaikan salam. Saya pun tak teringat penyampai baru sekarang dengan lafaz assalamualaikum Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Dia datang pagi tadi. Turun malam tadi datang ke sini tapi kita sibuk Dewan tak sempat nak mengatur kelas untuk dia. Kita atur dia pergi jumpa Pejabat Mufti jumpa dengan Mufti sebab Mufti *free,* ada sedikit ruang kita minta dia pergi menyampaikan kuliah di situ dan bertemu. Maknanya, tidak ada halangan tapi kita kena sabar lah dulu kita ikutlah titah Tuanku. Bukan kita… Tuanku tak beri kelas agama. Kita tu tak sabar dulu.

Kemudian… Sila Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya cuma nak berkongsi jela. Saya pergi ke Maghribi baru ini. Dato'… Yang Berhormat daripada Kerdau pun ada ikut. Ada satu dalam slot lawatan ke masjid yang 3, yang ketiga terbesar di dunia masjid tersebut. Jadi kami sampai antara Asar-Maghrib. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Jengka, masjid tersebut selepas sahaja solat akan ditutup, tak boleh guna langsung. Lepas sembahyang Zohor tutup, lepas Asar dan Maghrib tutup lepas itu Isyak. Jadi kalau di sana pun penggunaan terhadap masjid itu begitu *strict* sekali. Tapi di negara kita, negeri kita tidak sampai ke tahap itu.

Padahal dalam masjid itu ialah masjid yang ketiga terbesar, makna tempat orang datang melawat apa semua tapi tidak dibenarkan. Jadi saya, itupun sebab saya datang atas tugas rasmi, memang dia bukan lah untuk kami masuk dan masa itu dia bagitahu masjid ini selepas je solat jemaah akan ditutup. Saya Tanya, dia sebab apa? Sebabnya dia kata yang menjadi punca pergaduhan satu ketika dulu, berpuluh tahun yang dulu, ada usaha untuk err… *to topper the government of the day* dan juga Raja dengan izin ya, berlaku di dalam masjid tersebut. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil keputusan disanalah, Kerajaan Maghribi ya Dato' Sri err… ADUN Kerdau, dari Maghribi, Maghribi ya yang masjid tu, Maghribi hah! Maghribi, Morocco itu samalah.

Jadi, cuma saya nak buat perbandingan je lah ya. Maknanya sampai ketahap tu sekali, lepas sembahyang, masjid tak boleh digunakan lagi untuk tujuan lain, tetapi perkara ini tidak berlaku di negara dan di negeri kita. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menambahkan lagi penjelasan kepada kita di Dewan yang penuh bermakna pada petang ini. Kita ini maknanya patut balik main bola dah ini tapi dalam Dewan tak apalah. Tras memberi pandangan tentang Masjid Lama Raub, Masjid Abu Bakar ya, yang minta buatkan ruang perniagaan. Sebenarnya di situ, tanah itu milik Majlis Agama Islam Pahang bukan di bawah Jabatan Agama. Kerajaan Negeri tidak ada halangan seandainya Majlis Agama Islam berminat untuk apa namanya er… apa nama nak menambahkan lagi kedai-kedai dan gerai-gerai yang boleh memberi ruang kepada bumiputera untuk berniaga, seandainya boleh.

Begitu juga apa ADUN daripada Cheka yang tanya tentang PDM memang ada sebahagian daripada PDM ini ditutup tetapi ada lagi, tidak semua PDM di seluruh Pahang ditutup, sebagaimana yang disebutkan dalam persoalan di perbahasan dalam Dewan. PDM-PDM yang ditutup itu kerana keupayaan kita bersaing di dalam skala inflasi dan juga apa… perlawanan perniagaan masa kini, menyebabkan apa namanya ada kawasan-kawasan dan lokasi-lokasi yang terpaksa PDM itu ditutup tetapi macam di Kuantan ini, masih lagi beroperasi dengan baik.

Merujuk kepada apa yang dicadangkan oleh rakan daripada Bukit Ibam, tentang apa namanya er… sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar serta imam-imam masjid. Saya bab sekolah, pelajar-pelajar sekolah ini kita nak bawa aktiviti dengan orang ramai tak boleh lah macam pelajar-pelajar universiti. Pelajar universiti dia ada namanya Program Bakti Siswa tetapi dalam waktu yang sama kita tidak ketepikan pelajar ini. Kita akan apa namanya bina apa namanya macam-macam aktiviti yang dinamakan ko-kurikulum.

Ko-kurikulum ini dia ada program apa sukan, ada program ilmiah, ada program yang berkaitan dengan apa namanya er… dia pakai uniform ini dengan izin Yang di-Pertua, nak jadi Pengakap ke Pandu Puteri ke, macam-macam program yang kita ada tapi kita kena kawal rapi. Maklumlah budak sekolah rendah dan sekolah menengah ini, daya kenakalan mereka kurang boleh di*control* berbanding dengan budak-budak yang dah di peringkat universiti.

Begitu juga tentang Imam tadi, mintak diberikan kebajikan kepada imam. Imam ini sebenarnya dia kerja 5 kali je sehari. Masjid-masjid daerah khususnya masjid negeri dan daerah, kita dah ada peruntukan khas nak jaga masjid itu bersih macam mana, kemudian itu keselamatan macam mana. Masjid kariah ini, kita didik Jawatankuasa dia, macam mana nak jaga kebajikan masjid. Ada pun imam dia kita dah bagi err… sumbangan bukan gaji. Sumbangan dengan kos setiap imam RM850.00.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bermurah hati, dekat nak raya bagi juga *one-off*. Betullah dibangkitkan, bahawasanya Kerajaan Negeri telah telah mendapat peruntukan, menambahkan peruntukan sebanyak RM1 bilion. RM 1 bilion itu Tuan Yang di-Pertua, kalau beri ke Syed Ibra seorang, ADUN Kerdau kaya raya *billionaire* tetapi kita nak kongsi bukan dengan Tok Imam jer, kita nak kongsi dengan JKKK, kita nak kongsi dengan longkang pecah, kita nak kongsi dengan jalan yang tak berapa, tak sempurna. Banyak kita nak agihkan dan perlu difikir oleh Kerajaan Negeri, bagaimana kewangan itu dapat disalurkan supaya semua perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Jadi, insya-Allah kalau kita beri sokongan kepada Yang Amat Berhormat Menteri besar dengan baik, kita tidak apa… mencari jalan perbezaan yang terlalu ketara. Mungkin Kerajaan Negeri akan menambah lagi pendapatannya. Tidak mustahil selepas daripada ini, kita akan dapat duit yang lebih banyak, peruntukan pengurusan kewangan yang lebih banyak, ramai lagi apa namanya mereka dapat kita bantu dengan baik dan dengan sempurna. Dalam pada itu, alhamdulillah, alhamdulillah, kita bantu orang-orang masjid ini, imam-imam dengan pelbagai peruntukan untuk mereka adakan aktiviti dari masa ke semasa.

Kalau dia datang, contohnya minta bantuan, terbaharu, kelmarin Masjid apa namanya… Bukit Rangin. Apa nama masjid itu saya pun lupa Saidina Ali ke Saidina Osman, minta peruntukan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, kami nak besarkan masjid ini, ada nak perlukan peruntukan, diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tidak ada sebarang halangan untuk membantu pihak-pihak masjid bagi memastikan usaha kebajikan dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga, apa namanya disebutkan tentang program-program ibadah untuk anak-anak. Program keagamaan sebagaimana saya sebut tadi, kita dah adakan sesuai dengan keupayaan sekolah, kementerian ataupun sekolah agama dan sesuai dengan tanggungjawab pelajar dan ibu bapa menerima program yang disediakan oleh sekolah, untuk mendidik peribadi mereka menjadi anak-anak yang sejahtera dan berjaya. Damak, rakan saya daripada Damak ada er… minta tanya tentang hotel yang bukan Islam (*non-Muslim*) mendapatkan halal. Ada hotel yang *non-muslim* contohnya Zenith Hotel. Dia ada sijil halal dan banyak hotel-hotel lain lagi. Sebab dia minta, hotel yang tak ada sijil halal sebab dia tak minta. Kita tak boleh nak pergi tepek sijil halal bukan sahaja kepada hotel yang Islam… yang bukan Islam, bahkan hotel yang Islam kalau dia tak minta kita tak dapat nak bubuh.

Kalau dia mintak dengan izin Yang di-Pertua, "ahlan wa sahlan" kita berikan dia sijil halal tapi mesti ada syarat-syarat dia, yang membolehkan dia untuk diberikan sijil halal perlu dipenuhi. Grand Darulmakmur, hotel di bawah Majlis Agama Islam Pahang, pernah tak dapat sijil halal kerana S.O.P yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam bersama dengan JAKIM, dia tidak penuhi walaupun dia hotel di bawah Majlis Agama Islam, kita minta dia selesaikan dulu beberapa perkara yang telah ditetapkan kebersihan, keselamatan dan sebagainya, baru kita keluarkan dia sijil halal. Itupun setelah dia mohon Tuan Yang di-Pertua.

Berbangkit dengan persoalan yang dikemukakan mengenai mohon pihak kerajaan memastikan pengisian agama ini, tadi dah jawab, sekali gus apa yang dipersoalkan oleh apa namanya rakan daripada Jengka, rakan daripada Padang Tengku. Saya rasa dah terjawab ulang kita nak balik main bola pula lepas ni, jadi lama sangat pula nanti berulang-ulang. Harap difahami apa… Kuala Semantan mintak mengadakan peruntukan khusus, kesian ke JPKK tak ada peruntukan nak mesyuarat beli kertas pun… kus semangat.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar selain daripada beri apa namanya… elaun kepada Tok Empat RM1000.00, elaun setiausaha RM300.00, elaun kepada pengendali mesyuarat RM100.00, betul lah seratus. Ini saya ada senarainya, saya minta dengan SFINO, Pegawai Kewangan Negeri RM1 juta kepada JPKK diberi. Bukan sahaja nak mesyuarat, apa sahaja program dan aktiviti yang dia nak buat diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui kelulusan MMK dan dipersetujui oleh Pegawai Kewangan Negeri. [Ahli Dewan tepuk meja]

Tak ada, tak ada isu kecuali JPKK tu… dia JPKK itu maknanya macam "ayam kena tungau" Tuan Yang di-Pertua. Hah… ayam kena tungau ni, dia mogok gitu jer, dia macam ayam tak makan. Hah… itu tak ada arahlah, dia berak ke kapur pun tak jalan. Itu, kita luar daripada jangkauan kita untuk membantu mereka. Kita hanya boleh *knowledge*kan, didik mereka supaya dia keluar daripada kelemahan yang mereka sedang apa alami.

Tras juga, supaya kawasan-kawasan Orang Asli ini, kawasan rayau Orang Asli dapat digazetkan. Sebenarnya Yang Berhormat Tras, bukan Orang Asli je merayau, saya baru sekarang aje berhenti merayau setelah balik daripada Mesir. Sewaktu belum pergi ke Mesir dulu, saya rajin merayau dalam hutan, cari akar penugas, cari akar teja sebab boleh jual di Pekan Sari. Nanti orang nak bersalin dia beli, Tuan Yang di-Pertua. Kerana dia nak makan lepas salin. Dia panaskan, dia minum, dia akan jadi selesa, dia akan jadi *slim*, cantik kerana minum air akar kayu itu. Jadi sekarang ini saya dah berhenti mencari akar kayu itu. Dengar pula dek Pengarah Hutan.

Jadi ini bukan saya je, sahabat saya daripada Jenderak pun rajin juga merayau dalam hutan. Sahabat [ketawa] saya, rajin juga. Dia ada orang memang minat merayau. Jadi kalau begitu, Yang Berhormat ADUN Jenderak kena ukur pula ke dia, jauh mana pula tanah dia sebab dia rajin merayau. Saya pula karang kena ukur juga ke saya sejauh mana.

Saya ini diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjaga hal ehwal Orang Asli. Memang saya akan berusaha sedaya mungkin kepentingan berkaitan tanah Orang Asli ini kita kena jaga tapi tidaklah makna sejauh mata memandang begitu. Kita mesti mengikut apa nama… Akta Tanah. Peruntukan yang diberikan kepada kerajaan, menguruskan tanah itu. Orang Asli mohon macam mana, Orang Melayu mohon macam mana, Orang Cina mohon macam mana, Orang India mohon macam mana. Kalau kita semua ikut dan teliti dengan peruntukan yang diberikan, insya-Allah, sikit tak banyak, sikit sorang akan dapat.

Kita ada akta-akta dan alhamdulillah permohonan pewartaan ini telah kita laksanakan. apa… kita telah banyak kampung 154 kampung telah dipohon, 40 kampung telah mendapat kelulusan permohonan di negeri Pahang setakat ini. Makna ada *progress*, ada pergerakan dan insya-Allah kerja ini kita buat secara konsisten, berterusan sebab dia perlu kepada peruntukan kewangan yang besar.

Maklumlah nak ukur perimeter ini bukan satu perkara yang mudah dan juga dia perlu kepada masa dan dia perlu kepada penelitian daripada Jabatan Teknikal. Jabatan Hutan, Jabatan JPS, JKR. Banyak kerjanya dan setelah mereka semua memberikan komen ataupun syor masing-masing, baru kita boleh membuat keputusan di dalam mesyuarat, untuk kita bawa kepada MMK, sama ada diterima ataupun ditolak setiap permohonan yang dikemukakan melalui Pentadbir- pentadbir Tanah Daerah dan juga negeri.

Lanchang mempersoalkan tentang pembangunan kemudahan tempat Orang Asli nak…nak ke sungai. Betul Lanchang. Kita ni baru inilah pandai…pandai ke sungai ini. Sungai ini bahasa…bahasa berhaluslah. Sungai besar, sungai kecil. Sungai besar itu maknanya buang air besar, sungai kecil itu maknanya buang air kecil. Dulu-dulu, kalau ADUN Beserah ini dia nak pergi ke sungai besar, tak serupa dengan saya bersama Luit nak ke Sungai Besar…nak pergi ke Sungai Besar.

Orang tempat saya ni dengan tempat Luit, dulu-dulu, ini cerita dulu bukan sekarang. Dia akan cari batang banir. Tahu batang banir Tuan Yang di-Pertua? Nasib Tuan Yang di-Pertualah, tak tahu. Batang kayu yang buruk sebab itu dusun orang Melayu dulu dia tak…tak ada *planning*. Langsat cambah di situ, manggis cambah di situ, rambutan cambah di situ. Dia ikut di mana tempat tuan dia dahulu ke sungai besar dan ke sungai kecik.

Sekarang ini barulah ada sistem tandas ini. Kementerian Kesihatan buat Kempen Kebersihan. Ajar orang, beri tandas *free*. Itu tahun 70an. Saya ingat lagi itu saya sekolah rendah. Jabatan Kesihatan datang dengan KEMAS, buat kempen. Pak cik, tak boleh berak merata. Ada taun begini hepatitis macam-macam nasihat Jabatan Kesihatan beri. Baru sekarang pandai kita guna tandas. Saudara-saudara saya yang duduk di perkampungan Orang Asli ini, rakan daripada Lanchang memang tak berapa pandai juga lagi. Kalau rakan daripada Beserah, dia selubung tepi sungai…tepi laut. Ah… itu…itu zaman dulu. Sekarang tak ada dah benda itu.

Memang kita ajar untuk membina tempat-tempat buang air. Kita buatkan, kita sediakan. Bahkan kita binakan surau, kita binakan dewan. Ada benda ini. Buat dari

semasa ke semasa. Tak kiralah di Lancang ke, di mana. Saya nak beritahu kalau surau, kita sekarang ini dah bina surau yang bertaraf masjid di Kampung Orang Asli sebanyak 14 buah masjid… surau bertaraf masjid. Ada tandas, ada tok imam dan sebagainya. Hak tak ada itu, tak adalah lagi. Insya-Allah, dia akan menyusul.

Kita akan buat kerja. Kita mintak JAKOA tengok, kita minta PLB tengok, kita minta SDO tengok. Kita bantu supaya benda itu dapat kita pertingkatkan dari semasa ke semasa insya-Allah. Contoh tempat saya sendiri, Paya Sendayan. Saya tak boleh lawan hebatnya dekat apa Peneras, Jenderak. Jenderak ada masjid lawa, bersih. Yang paling cantik sekali di Kuala Boh, Cameron Highlands. Lawa, cantik. Lawa pada kampung kita lagi. Ada masjid, ada surau. Bersih, tak selekeh. Hah, ini antara unsur-unsur yang ada dalam pengetahuan kerajaan dan kerajaan buat kerja secara konsisten untuk memastikan kebajikan.

YB TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…Yang Berhormat. Memang menarik macam dalam ceramah ini, tapi masa…masa…masa dah...dah…dah sampai ini. [Ketawa] Minta gulung…minta gulung.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya…saya sebenarnya tadi, bila tengok kawan-kawan, Ahli Kerajaan dan juga pembangkang tak ada. Saya senang hati, saya kira borong je. Tapi tengok bila saya nak bercakap, masuk balik. Jadi saya takut karang balik macam berhutang pula, tak lelap tidur. Saya… yang saya bimbang, yang bertanya itu makin tak lelap tidur. Saya cuba ringkaskan. Damak, tanya tentang apa… jalan. Jalan tu, jalan apa namanya di yang rosak itu saya dah cek dengan JAKOA. Sungai Berjuang. Sungai Berjuang, jalannya dah dibina, molek jalannya tapi jalan nak ke Kampung Sungai Berjuang itu. Hah yang ini jalan di bawah MARRIS. Nanti saya akan pakat dengan sahabat saya yang jaga jalan. YB err… insinyur kita daripada Muadzam, macam mana nak bantu jalan itu. Kita akan tengok. Maknanya jalan kampung apa Sungai Berjuang itu tak ada masalah, yang ada masalah jalan Kampung Melayu yang nak ke Sungai Berjuang itu.

Chini tanya tentang keperluan perumahan. Ini, perumahan tadi YB daripada Bebar dah cerita. Tahun lepas sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan dan dah siap pun buat, bukan umum je. Sebanyak 100 buah apa namanya ini, Rumah RRP untuk Orang Asli dan lebih kurang RM1 juta disediakan untuk baik pulih rumah yang rosak Orang Asli. Maknanya tak ada masalah. Tahun ini Yang Amat Berhormat dalam bajet baru ini, tambah lagi daripada 100 buah menjadi kepada 120 buah rumah untuk Orang Asli dibina dan dibantu kepada mereka.

Rakan saya di Jenderak, dia tanya soalan tentang jalan daripada Kampung Paya Pelung ke Kampung Bukit Rekoh. Sebenarnya ini, saya berdua dengan dia buat kerja. Pergi masuk, ajak PLB, ajak SDO, ajak pejabat daerah. Memang dia pun tahu, dia saja nak beritahu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawasanya dia buat kerja juga. Hah tu, dia pun tahu cerita ini sebenar. Untuk daripada Paya Pelung kepada apa… Paya Rekoh itu, kita perlu kepada bajet yang agak besar. Jadi kita kena beri kepada kerajaan sedikit masa untuk mendapatkan peruntukan yang sebesar itu.

Namun, apabila Yang Amat Berhormat tengok benda itu begitu, macam mana Ustaz Syed Ibra, masa dalam Mesyuarat Tindakan Negeri. Ada jalan kedua untuk bantu orang Paya Pelung, Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Kita bina jalan daripada Paya

Pelung ke Bandar Kerdau tapi terpaksa lalu Ladang Biong. Ladang Biong ini estet, milik individu. Pakatlah Dato' Syed Ibra, MB cakap. Saya pergi pakat. Ladang Biong pun bersetuju untuk bina jalan. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan sebanyak RM3 juta bagi membina jalan Kampung Orang Asli daripada Paya Pelung ke Kerdau untuk membantu untung nasib Kampung Orang Asli.

Kampung Labu, tak ada dalam soalan tapi dalam kawasan YB juga Yang Amat Berhormat bersetuju memberi RM1.5 juta untuk menaik taraf, untuk ditinggikan situ. Insya-Allah dalam tahun ini, JKR akan pastikan pihak berkenaan akan ditenderkan supaya benda itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua tapi anggukkan itu saya faham. Maka saya dengan ini setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku berangkat merasmikan Dewan ini seterusnya menyampaikan titah ucapan. Sesungguhnya dengan hati yang rendah menyokong segala titah ucapan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Tuanku. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Exco yang cukup semangat dan masa memang tidak mencukupi. Jadi saya terpaksalah berhenti er... ucapan dari Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Exco terakhir bagi sesi petang ini iaitu Exco Kanan, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang memberi jawapan. Sila.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah [bacaan dalam bahasa Arab] Yang Berhormat Dato Sri... Yang Berhormat Tuan Speaker, terdahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker atas kewibawaan serta kecekapan kedua-duanya yang telah berjaya mengendalikan persidangan Dewan Negeri Pahang pada kali ini dengan cukup lancar dan baik sekali. Ucapan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan saya terlibat sama dalam sesi penggulungan pada petang yang berbahagia ini. Insya-Allah.

Junjung Kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah atas perkenan Tuanku bercemar Duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15 bagi tahun 2004 dengan diiringi oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah sekaligus perkenan bertitah merasmikan persidangan tersebut pada 6 Mei 2024 bersamaan 27 Syawal 1445 Hijriah. Sesungguhnya titah ucapan, saranan serta nasihat bawah Duli Paduka Baginda Tuanku mencakupi seluruh aspek pembangunan serta kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat jelata di bumi Pahang yang tercinta ini.

Sungguh benar bagai dikata bahawasanya kewibawaan serta kebijaksanaan kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dapat diperlihatkan melalui kejayaan serta kecemerlangan memerintah dan mentadbir negara sepanjang 5 tahun tempoh pemerintahan bersemayam sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16, tatkala negara dilanda badai pandemik COVID-19 serta ketidak stabilan senario politik tanah air. Rumah sudah siap, pahat masih berbunyi.

Demikianlah perumpamaan yang boleh digambarkan apabila masih ada yang mempertikaikan hikmah dan kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang juga merupakan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 bagi menyelesaikan konflik kepimpinan negara pada ketika itu. Malahan... malahan dalam tempoh pemerintahan Kebawah Duli Tuanku, Kebawah Duli Tuanku telah menyaksikan 4 Perdana Menteri mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri dalam tempoh pemerintahan baginda.

Selepas Pilihan Raya Umum ke-15, PRU ke-15 demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat jelata, sebenarnya apabila tidak ada parti yang memperoleh majoriti untuk mentadbir negara secara tersendiri, maka Kebawah Duli Tuanku telah bertitah supaya membentuk Kerajaan Perpaduan Malaysia hasil kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sebab itu dalam sesi Dewan Yang Mulia ini, saya amat tertarik apabila Ahli-ahli Dewan berucap membahaskan Titah ucapan Kebawah Duli Tuanku menekankan aspek kesejahteraan rakyat, kesejahteraan rakyat. Ternampak, terserlah. Baik di barisan Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat Kerajaan mahupun barisan Wakil Rakyat Pembangkang. Malahan ditekankan pelbagai aspek. Sebenarnya, tiap kali ataupun tiap Ahli berbahas antara perkara yang disentuh oleh barisan Ahli Dewan daripada saf pembangkang ialah utamakan kesejahteraan rakyat.

Utamakan kepentingan rakyat. Tapi pada masa yang sama, memang benar kata manusia mudah lupa. Kerana selepas Pilihan Raya Umum ke-6... ke-15. Kebawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-16 pada ketika itu mohon ditubuhkan kerajaan segera. Kerana tidak ada parti yang memperolehi majoriti pada ketika itu. Maka Kebawah Duli Tuanku telah menitahkan mengadap pemimpin-pemimpin parti daripada semua kelompok dan mohon supaya berpakat, bermuafakat bersetuju menubuhkan Kerajaan Perpaduan.

Yang Berhormat Dato' Tuan Speakar,

Dan apa yang terjadi, ini fakta, ini fakta, fakta sejarah. Fakta sejarah ini memperlihatkan tidak semua ketua-ketua parti atau parti yang bertanding dalam PRU yang ke-15 bersetuju. Ini fakta sejarah. Dan antara parti yang tidak bersetuju kita semua tahu parti mana. Kerana tidak mengendahkan Titah Kebawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada ketika itu.

Akhirnya, parti Pakatan Harapan bersama dengan Barisan Nasional dan juga parti-parti yang lain telah menubuhkan Kerajaan Perpaduan sebagai menyahut titah Kebawah Duli Tuanku Agong pada ketika, ini fakta. Sebab itu, kalau bercakap berkenaan mensejahterakan rakyat, menstabilkan... situasi negara demi untuk kemajuan dan pembangunan, terbukti bahawasanya Kerajaan Perpaduan telah menyahut seruan Kebawah Duli Tuanku. Saya bangkitkan ini kerana dalam sidang Dewan yakni tidak henti-henti diungkapkan itu. Tapi sebenarnya, yang menjadi petualang utama menggagalkan, melewatkan penubuhan kerajaan di peringkat pusat pada ketika itu, tidak lain dan tidak bukan. Umum semua tahu.

Sebab itu, saya nak mengingatkan rakan-rakan barisan saf kepimpinan Ahli Dewan yang terbabit supaya mengimbau kembali dan jangan mudah mengatakan bahawasanya barisan Ahli Dewan daripada barisan Kerajaan Perpaduan ini tidak mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kita telah buktikan bahawasanya kita telah mengutamakan dengan menstabilkan keadaan politik negara pada ketika itu. Jadi

saya nak zahirkan. Makna tiap kali yang dibangkit itu kepentingan utamakan kesejahteraan rakyat. Barisan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana bertindak demi untuk kepentingan rakyat. Itu yang diungkapkan. Berbalik-balik.

Saya sebenarnya tidak mahu sangat bangkitkan perkara ini, tetapi saya nak mengingatkan kita jangan mudah lupa. Bahawasanya sebenarnya dalam Dewan Yang Mulia ini, apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebagai Menteri Besar yang memimpin Kerajaan Perpaduan Negeri Pahang Darul Makmur ini banyak. Terlalu banyak. Kalau kita sentuh tentang pengurangan kadar kemiskinan 60% telah pun dikurangkan. Kalau kita menyentuh berkenaan inisiatif Bantuan Prihatin Pahang. Ada 20 inisiatif. Pendek kata kalau kita cerita… tak habis ini… seminggu ini.

Satu demi satu demi satu inisiatif yang dibuat. Malahan Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah maklumkan kita nak naikkan hasil ini tidak lain dan tidak bukan demi untuk kesejahteraan rakyat. Kita peruntukkan RM600 juta, kerana apa? RM50 juta sebulan komitmen Kerajaan Negeri yang telah pun tetap jadi setahun 600, 600 ini kita *reserve*kan. Selebihnya kita pulang semula kepada rakyat dalam pelbagai bentuk.

Mana ada negeri, contohnya misal contoh kita buat perumahan. Kalau ikut betul-betulnya, perumahan ini sebenarnya Kerajaan Negeri telah mengusahakan PR1MA Pahang, Projek Rumah Makmur dan akhirnya Projek Rumah Rakyat Pahang *free,* percuma. RM75,000.00 bermula dengan RM65,000.00 kemudian RM75,000.00 sebuah… dibina. Tentu tidak mencukupi lagi tapi kita akan buat, insya-Allah ini jaminan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Bercerita pasal bekalan air. Saya nak beritahu bekalan ini bukan masalah Pahang sahaja. Masalahnya mencakupi seluruh negara. Syarikat air mana ada syarikat air yang mempunyai keuntungan yang begitu tinggi kecuali di negeri-negeri yang tertentu. Malahan ada juga rakan kita yang menjadi Ahli Dewan Yang Mulia ini yang juga merupakan Ahli Parlimen yang mewakili sebuah kawasan di sebuah negeri yang lain.

Cuba tanya kualiti air di negeri tersebut. Kita dalam proses untuk memperbaiki perkhidmatan bekalan air… mana mungkin kita punya paip air ini dia punya jarak itu panjang dia kalau kita susun… Yang Berhormat Tuan Speaker, daripada Pahang ini sampai ke United Kingdom. Punya panjangnya dan sebahagian besarnya ialah *AC pipe* dengan izin, *asbestos cement pipe* yang dah 40 tahun dah 50 tahun.

Sebab itu ada rakan Ahli Dewan yang sebut pecah di sini kita baiki, pecah sini. Itu sebenarnya *AC pipe* ni dengan izin, *asbestos cement* ini bila dia kita letak… kita tanam dia, dia kukuh dalam bumi, dia padat. Tetapi kalau dia pecah, kita korek itu, itu akan mewujudkan ketidakstabilan di sebelah. Bila kita sambung, kita ganti dengan *MS pipe* dengan izin, paip keluli ini bila kita sambung, di sini akan pecah.

Yang itu memang bukan kata di Pahang, ambil yang dalam dunia yang hebat sekali UK, United Kingdom pun dia akan berlaku pecah itu juga. Sebab dia dah melepasi tempoh hayat dia. Kita roti Gardenia sikit, 2 hari dah tamat tempoh nak makan. Tak sanggup kita makan kan? Ini kiranya jasa benda alah ini, *AC pipe* ini dah 40 tahun, 50 tahun berkhidmat, tentu ada masalah dan pihak PAIP membaikinya tetapi belum cukup.

Sebab itu bila dibangkitkan bahawasanya tindakan yang diambil oleh PAIP ini seolah-olah perlahan... dengan izin. Adatlah, sebab jarak ataupun panjang paip itu sendiri, terlalu panjang. Mana mungkin kita nak siapkan dalam masa tempoh terdekat. Sebab

itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri memberi jaminan insya-Allah menjelang tahun 2026, sekurang-kurangnya akhir tahun 2026, 90% Dato' Sri ya. Insya-Allah kita akan dapat kurangkan masalah ini, kita… insya-Allah ya, kita dapat kurangkan.

Air kita, kualiti dapat ditingkatkan tapi kita kena bagi kerjasama. Saya sendiri saya tengok tempat saya pekerja PAIP ini betul… tengah malam orang hari raya, kita bakar lemang kan. Bakar lemang tahan juga, kita bantai main mercun. Tuju pang! pang! pang! Main, main bunga api yeah! yeah! yeah!. Hamba Allah ini duduk berkorek mengorek anu… tu… sampai pagi untuk pastikan bekalan air dapat diperolehi.

Malahan kawasan Kerdau sendiri sahabat saya YB Kerdau bantu dengan menggerakkan *tanker-tanker* itu. Bukan makna kawasan yang berlaku di kawasan itu, makna kita ni kita sebagai pemimpin, orang kata *what is a leader? definition of the leader?* dengan izin. *A leader is a problem solver*, pemimpin adalah penyelesai masalah. Dia tak tunggu dah. Gerakkan bomba dapat, bomba masuk campur tangan… sebab kita… mustahil. Cuba tengok ada tangki yang tangki air tu letak di pejabat PAIP? Tak ada… semua bergerak belaka, semua nak belaka. *So,* kita buat. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini kita kena ada realiti.

Kita buat perbandingan negeri kita dengan negeri-negeri lain. Jadi, baru kita tahu. Misal contoh kita nak kalau boleh kita nak ni kalau boleh pecut 100 meter ini 10 saat. Eh! tengoklah sikit ini peringkat mana 10 saat ini… contohlah kan pelari di mana… Usain Bolt bolehlah kiranya kurang daripada anu… 9 *something* saat. Tetapi kalau kita peringkat Asia, peringkat Tenggara Asia, dia ada *standard-standard* juga… kita Pahang, kita kena tengok juga. Sebab itu dalam konteks seumpama ini bila dibahaskan kawan-kawan bahas saya mesti tengok, saya kadang menggeleng kepala masya-Allah, mentang-mentanglah kita ini misal contohnya kebaikan itu banyak. Tuanku titahkan demi untuk kepentingan rakyat. Banyak kebaikan itu, tapi dah tentu ada dia punya kekurangan di sana sini.

So, sama-samalah kita bangun dan bangkit dan kita teliti masalah-masalah yang boleh kita selesaikan bersama. Contoh… kalau misal contoh kalau saya tengok saya kata, saya sebutkan, kita tak boleh nak buat ini jamuan raya di dalam dewan, bukan dewan sahaja jamuan raya. Jamuan raya boleh buat rumah, boleh buat… saya buat di tepi jalan je, hanya tepi jalan tepi R&R lah… kan. R&R Benta je. Bukan buat di dewan pun.

Bantu sikit-sikit sorang, lemang kita bakar ramai-ramai, kemudian khemah kita pinjam JPKK, kita pinjam dengan KRT. Bukan pinjam gitu je, pinjam gitu ada sesetengah bagi sewa. Insya-Allah tak payah nak, nak kita jadikan sebagai seolah-olah itu satu perkara yang begitu besar cacat celanya, tidak.

Jadi, saya nak ingatkan semula bahawasanya bercakap pasal kesejahteraan rakyat, barisan Kerajaan perpaduan mendahului junjung titah Tuanku, tubuh kerajaan. Begitu juga kita di Pahang. Saksi hidup saya dengan Dato' Sri Syed, Yang Amat Berhormat Dato' Sri sendiri sebagai ini apa nama… pemimpin utama. Mengapa kita tidak tubuhkan kerajaan ataupun mengapa kita tubuhkan kerajaan perpaduan bersama dengan rakan daripada PH, BN dengan PH. Ada sebenarnya dalil-dalil justifikasinya, insya-Allah. Tetapi kita perintah sekarang ini kita memerintah. Kita akan buat yang terbaik yang sepertimana yang saya katakan. Insya-Allah.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya balik semula kepada titah Tuanku tadi. Memang kita nak buat yang terbaik. Pihak kerajaan sebenarnya setelah mendengar mengamati Titah Kebawah Duli Tuanku yang begitu ikhlas nak pastikan negeri Pahang ini hebat, maju, berjaya. Rakyatnya terus diberi pembelaan dan itu pun memang

selaras sepertimana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Kita bincang dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tiap-tiap minggu nak menyelesaikan masalah, masalah tetap ada tetapi insya-Allah kita akan buat. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, Tuanku bertitah, saya menyentuh berkenaan aspek portfolio saya. Dalam titah Tuanku, Tuanku titah dalam sektor agro pertanian, misal contohnya menggunakan teknologi terkini *Internet Of Things*, misal contohnya, insya-Allah.

Saya nak maklumkan bahawasanya kita melaksanakan, jabatan kerajaan, Jabatan Pertanian ini sentiasa memperkenalkan pendekatan yang terkini. Insya-Allah dengan teknologi… menggunakan teknologi terkini. Kita menjalankan kursus dan memberikan pendedahan kepada peserta-peserta yang berminat, insya-Allah. Malahan, kalau saya nak sebutkan di sini Yayasan Pahang misal contohnya er… terlibat dalam Program er… Keterjaminan Makanan ini dan er… apa yang dilaksanakan, alhamdulillah oleh Yayasan Pahang ialah melalui peruntukan yang dipohon daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebanyak RM6.9 juta dan er… Yayasan Pahang telah memperkenalkan tiga projek ini… projek perintislah iaitu pertamanya ialah *rock melon*, dengan izinlah *rock melon*. Yang keduanya, penanaman nenas dan yang ketiganya menjalankan projek ikan tilapia melalui sistem bioflok, bioflok.

Jadi, *rock melon* ini dibuat di Kuala Medang dengan kerjasama daripada seorang pengusaha yang berjaya, Rosdi dengan kelulusan sebanyak RM1.3 juta peruntukan. Kita wujudkan 20 *green houses*, 20 *green houses* dengan izin dan er… itu yang *rock melon.* Kemudian yang nenas ini 30 ekar sebagai perintisnya dibuat di Gambang dengan projek atau peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2.65 juta.

Kemudian ikan tilapia ini sebagai permulaan menggunakan sistem bioflok er… ini… sistem bioflok ini, peruntukannya RM3 juta, ada 12 tangki er… yang… yang diusahakan dan baru-baru ini kita membuat tuaian yang pertama. Dan er… projek ini mensasarkan seramai 15 pelatih mahir yang akan mengusahakan projek-projek ini dengan memperolehi pendapatan lebih daripada RM2,500.00 sebulan.

Dan dalam tahun er… tahun ini juga atau tahun hadapan, Yayasan Pahang berhasrat memperhebatkan lagi program berkaitan dengan er… *food security* dengan izin, dengan peruntukan sejum er… sebanyak RM15 juta serta melahirkan lebih ramai lagi golongan agropreneur muda yang terlibat secara langsung dalam sektor ini dan er… kali ini kita akan menggunakan pendekatan di mana er… Yayasan Pahang akan membina dia punya *green house* itu seluas lebih kurang dalam satu ekar, dia satu *green house*. Kos dia lebih kurang RM2 juta dan menggunakan konsep fertigasi dan *Internet Of Things* lah, AI jugalah.

Penglibatan ini kita bagi pendedahan kepada agropreneur muda untuk melatih diberi latihan selama satu tahun dan selepas tamat latihan ini, insya-Allah agropreneur muda ini akan diberikan bimbingan dan juga bantuan dalam bentuk bantuan geran ataupun modal untuk mereka mengusahakan dan kita er… program ini akan dipantau secara khusus dengan teliti oleh pihak Kerajaan Negeri, insya-Allah.

Ini akan menjadikan er… ini projek ini sebagai landasan utama bagi membolehkan anak-anak muda menceburkan diri dalam sektor agro makanan. Saya nak… nak maklumkan juga iaitu sahabat saya daripada Semambu ada membangkitkan tentang cadangan penglibatan golongan muda dalam program pertanian ke arah revolusi

pertanian. Dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan program sewaan lot tanah sementara untuk tempoh satu hingga dua tahun kepada anak-anak muda yang berminat di setiap DUN.

Jadi perkara ini kita… kita akan teliti tengok, sebab apa memang kita nak galakkan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah menggariskan supaya Pahang kita ini tadi mengeluarkan makanan sendiri. Maknanya hasil makanan yang dikeluarkan ini dapat menampung setidak-tidaknya er… ini keperluan di dalam er… di dalam negeri Pahang, insya-Allah dan er… Jabatan Pertanian sedia memberi nasihat er… ini khidmat nasihat dan memberi latihan serta memantau projek pertanian yang dilaksanakan oleh petani-petani, usahawan ini termasuk agropreneur muda yang di… er… yang dikenal pasti dan yang dipilihnya nanti insya-Allah dan er…

Di samping itu juga, agropreneur muda ini juga akan diberi peluang untuk melibatkan diri dalam bidang ternakan di negeri Pahang. Malahan terdapat 64 rizab haiwan yang diwartakan dengan keluasan 4,457 hektar kawasan rizab padang ragut. Masih terdapat 19 rizab haiwan dengan keluasan 474 hektar yang boleh dimohon oleh er… usahawan-usahawan tani ini, termasuk agropreneur muda ataupun belia yang berminat melalui dan perlu memohon melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (PSK) dan kita boleh memberi pertimbangan kepada mereka yang… yang layak untuk diberikan kelulusan.

Manakala, sahabat saya daripada Padang Tengku ada menyebut tentang er… Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) yang membuat kajian bahawa negara akan mengalami tempoh kemarau yang dijangka akan berlarutan bermula tahun hadapan sehingga 2035 er… ini ADUN er… sahabat saya ADUN Padang Tengku mendapatkan er… pelaporan daripada NAHRIM ya dan er… bertanya apakah persiapan, persediaan Kerajaan Negeri bagi menghadapi tempoh kemarau tersebut terutama dari segi keterjaminan makanan di masa akan datang.

Kita melihat bahawasanya er… apabila kita mendapat maklumbalas daripada agensi kerajaan, khususnya yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti NAHRIM ini, dia… Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia bila dia maklumkan tentang kemungkinan berlakunya kemarau yang berlarutan selama beberapa tahun hingga 2035, maka kita membuat kesilapan. Pertama sekali misal contohnya di kawasan-kawasan jelapang padi kita er… kerajaan akan menggariskan pelan untuk bersedia menaik taraf infrastruktur prasarana di kawan… kawasan sawah padi. Sebahagian besar kawasan padi di negeri Pahang bergantung kepada sumber air sungai. Jika berlaku kemarau paras air sungai akan cetek. Sebagai persiapan… persediaan infrastruktur, rumah pam akan dinaik taraf khususnya di muka-muka sauk.

Sistem perparitan juga… sistem perparitan dan sistem pengairan akan dinaik taraf bagi meningkatkan kecekapan er… sistem agihan ke petak-petak sawah. Malahan kalau tengok dari segi *variety* baharu padi yang tahan lasak ini kita dengan kerjasama dengan pihak MARDI er… *variety* padi baharu iaitu er… kalau dilihat di sini MR315 yang diasaskan melalui gabungan induk MR253 dan MR263, *variety* ini dipercayai mempunyai potensi kerana mampu meningkatkan purata hasil padi yang tinggi serta tahan kepada perubahan cuaca dan serangan penyakit.

Jadi er… kita buat persiapan juga sebab kita ada jelapang padi di Pekan dan di Rompin dan insya-Allah kita bersedia ke arah itu dan er… bantuan kepada petani khususnya penanam sayur dan buah-buahan juga diberikan untuk menaik taraf sistem pengairan dan membina kolam takungan telaga tiub, *tube well* dengan izin, dan pemasangan sistem pengairan dilaksanakan dan er… petani juga akan diperkenalkan dengan

konsep *rain harvesting* maknanya kita er… akan cuba untuk memperkenalkan er… sistem *rain harvesting* bagi menyimpan air hujan bagi tujuan pertanian dan er… menekankan konsep pertanian pintar.

Konsep pertanian pintar ini melalui penggunaan teknologi fertigasi dan hidroponik, NFT ataupun *Nutrien Film Technique* dengan izin dan DFT *Deep Film Technique* yang ternyata lebih menjimatkan penggunaan air dalam penanaman sayur-sayuran er… akan diberikan perhatian dan er… juga kita akan melaksanakan kawalan perosak bersepadu di mana musim kemarau lazimnya akan meningkat serangan perosak ke atas tanaman. Jika tidak dikawal, ianya boleh menjejaskan hasil tanaman.

Pelaksanaan konsep kawalan perosak bersepadu ini akan dilaksanakan khususnya dari segi memberi penerangan kepada petani melalui kursus dan amalan amali secara *hands on* dan er… di samping itu juga kita akan memperkenalkan kempen kesedaran menanam untuk keperluan keluarga secara kecil-kecilan yang boleh membantu menampung kos sara hidup dan mengurangkan import makanan dan ini penting untuk dilaksanakan kerana ia boleh digabungkan dengan konsep z*ero waste* iaitu menggunakan sisa bahan makanan untuk dijadikan sebagai baja kompos. Ini diperkenalkan melalui program pertanian bandar ini di mana kita perkenalkan.

SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…Yang Berhormat err… sini ah panjang lagi panjang lagi?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya bukan apa Ini Speaker, yang menyediakan jawapan kepada kepada ini… ini jawapan yang dibangkit, soalan yang dibangkit ahli ahli Dewan terdiri daripada sahkan kepegawaian. Mereka ini bertungkus lumus tak tidur malam, menyediakan fakta, mencari jawapan. Jadi saya pun serba salah juga untuk nak ini apa nama… ringkaskan, ni mereka terpaksa hanya memperuntukkan *man hours* dengan izin yang cukup panjang.

Sebab itu saya mengambil kesempatan di sini saya nak merakam setinggi penghargaan. Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker, kepada pegawai-pegawai yang bertungkus lumus, terima kasih banyak kerana mereka ini antara *the unsung heroes* di belakang tabir yang membantu ahli-ahli dewan khususnya perbahasan kerajaan untuk memperlengkapkan. Saya boleh saja boleh bagi apa nama jawapan bertulis ini, saya sekarang ini pukul tujuh dah. Dia kalau ikut ni, Sahabat saya daripada Kerdau, saya ingat Maghrib masuk pukul 7.12 lagi 10 minit lagi masuk Maghrib, jadi saya tak…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mintak izin. Saya boleh Jamak Takhir tak apa...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ramai di sini… Insya-Allah Jamak Takhir boleh, jangan jamak takyah. Jadi saya nampakkan betul. Saya rasa kalau saya sentuh semua ni banyak sebenarnya saya nak beritahu ni sektor agro ini kita rancak. Saya nak ucap terima kasih kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar Perikanan. Malahan data data yang diberikan ini saya rasa cukup bermanfaat.

Cukup bermanfaat kerana fakta fakta yang diberikan ini sebenarnya memberi kita satu keyakinan, bahawasanya kita berada di dalam landasan yang yang benar Negeri Pahang, insya-Allah. kalau misal, contohnya sebagai contoh kita ternakan misal contohnya. Banyak perkara yang kita laksanakan dengan ternakan unggas, ayam, itik dan pelbagai lagi. Malahan kita pun ada er… kita telah laksanakan projek ini, Wagyu yang saya maklumkan kita telah luluskan peruntukan tambahan, kita telah beli 161 ekor lembu premium jenis Wagyu daripada Australia dan baru-baru ini kita telah kumpul.

Sehingga hari ini, daripada ini lembu-lembu yang kita bawa masuk ni, lembu ini ada yang dah beranak. Jadi jumlah yang dah banyak 22, 22 ekor. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua… eh Tuan Speaker. Jadi kita bawa 161. Saya nak kongsi sikit nak beritahu kita bawak masuk daripada jenis Full Blood, maknanya 100% Wagyu kemudian daripada F1, F1 dan yang beranak ini daripada Full Blood pun ada beranak dan daripada F1 pun ada beranak dan sekarang ini berada di Bukit Kajang di Raub dan insya-Allah ianya akan berkembang.

Kita masa bawa masuk tu kita beli itu kita beli lembu yang bunting. Saya dah beritahu kita beli lembu bunting. Jadi kita dapat ibu dia, kita dapat anak. Setakat hari ini 22 ekor dah anak yang tarikh lahir ini apa… ini tempat lahir dia ditulis situ Raub, maknanya Bukit Kajang. Dia dulu asalnya ini mak dengan ayahnya di Australia. Tapi sekarang dia dia… kita telah Malaysian kan. Jadi ini veterinary, alhamdulillah.

Malahan saya juga nak sentuh sikit pasal yang ikan ni perikanan. Sebenarnya perikanan ini, kita kalau tengok dari segi hasil ikan, sebenarnya saya nak beritahu kalau pendaratan perikanan, tangkapan bagi tahun 2023 kita ini kiranya masuk dalam ikan laut ni Tuan Yang di-Pertua, eh Tuan Speaker, nombor 5. Maknanya Perak nombor 1, Sabah nombor 2, Kedah nombor 3, Selangor nombor 4, Pahang nombor 5. Kemudian Sarawak nombor 6, Kelantan nombor 7, Terengganu nombor 8, okey.

Lepas tu er… begitu juga dengan akuakultur. Kita mengatasi er… saudara-saudara kita daripada pantai timurlah ya kita mengatasi mereka. Malahan kalau tengok pendaratan ikan darat Pahang ni nombor 2 dari Perak cukup mengatasi. Dan peruntukan yang diterima missal Contohnya, kalau kita tengok pengeluaran ikan, makan ikan ini di Pahang kita tahun 2023 tu, 136,853 metrik tan. Nilainya ialah RM 1.32 bilion. Berbanding dengan tahun ini apa nama sebelum ini iaitu 129,522 metrik tan iaitu lebih kurang RM1.15 billion.

Dia peningkatan kuantitinya 6%, peningkatan nilainya 15%. Jadi alhamdulillah syabas saya ucapkan kepada Jabatan Perikanan yang telah berjaya melaksanakan program. Malahan dalam penggayaan hasil ikan darat kita di sungai, Jabatan Perikanan telah melepaskan berjuta ini ekor benih-benih ini ikan dan ini telah dapat menambahkan lagi sumber protein daripada ikan dan kita nak maklumkan bahawa kita akan menjalankan kempen, kempen er… membasmi ini… ikan pemangsa iaitu ikan baung ekor merah sebab ikan baung ekor merah ini dia… apa nama dia makan benih-benih ikan yang lain habis pupus. *So* ini kita akan buatkan kita beri tumpuan ke daerah-daerah Jerantut, Temerloh, Lipis, Pekan dan sebagainya dan insya-Allah.

Dan perkara ini kita akan laksanakan dalam masa terdekat supaya kita dapat kurangkan ini… ikan pemangsa ini, Tuan Speaker, supaya ikan-ikan kita ikan asli kita. ikan Kerai, ikan Kelah, ikan Tamalian, insya-Allah, ikan Jelawat. Tak pupus, tak pupus. Dan kalau bercerita pasal Agro Tourism, Agro Tourism saya ingat di Kuala Sat, di Kuala Tahan dia ada santuari dan santuari ikan kelah dan sebagainya kalau tengok saya nak maklumkan. Tengok sini memang cantik.

Dia tengok… kita boleh mandi sungai. Anak-anak boleh diberi pendedahan bukan sahaja di dalam kelas, tapi di luar darjah dengan melalui pengalaman di apa nama… kawasan yang semulajadi dan insya-Allah perkara ini kita akan perkukuhkan supaya Agro Tourism ini menjadi satu daya tarikan yang boleh merancakkan lagi ekonomi, pertumbuhan ekonomi di dalam negeri kita dan insyaAllah kita akan bekerjasama dengan pemimpin setempat di kawasan-kawasan terbabit. Dan err… saya hanya sedikit sebanyak ingin nak menyentuh sikit ini… Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pasal ini, sektor pendidikan. Saya tadi saya cakap pasal agro ini tadi, kita ada yang telah dibangkit oleh rakan-rakan ADUN pun dia kata pusat-pusat ini pertanian, ada yang terbiar dan sebagainya.

Sebenarnya tidak pusat-pusat pertanian ini sebagai *venue* ataupun dengan izin, tempat untuk menjadi perantara antara petani dengan pegawai. Di tempat-tempat ini tadi ditempatkan pegawai-pegawai untuk memudahcara petani ini apa nama sistem pemudahcaraan dengan petani dan memang kita akui ada di setengah-setengah tempat itu dia ini… tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Tapi kita insya-Allah kita akan optimakan. Dan di kesempatan ini juga saya nak maklumkan, sebenarnya rakan saya daripada, daripada Sabai dia ada bangkit pasal sekolah SJKT Jeram ni ya, SK… SJKT Jeram.

Sebenarnya saya nak maklumkan. Pertama-tama sekali kita di Negeri Pahang ini kita ada jumlah SJKT yang… antara yang banyaklah. YB Sabai merupakan bekas guru pendidik, dia tahu. Sebenarnya kita di Malaysia dia Walaupun sekolah tu ada seorang muridnya. Kita takleh tutup. Tak boleh tutup sekolah itu dan ini berlakulah di…

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah sedikit. Tras. Saya nak kongsi bersama pada petang ini. Dekat kawasan sayalah, di Fraser Hill ada satu sekolah Cina, seorang murid je. Tak boleh ditutup. Lastnya kena tutup. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

*Last*nya, kena tutup juga.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Akhirnya, kena tutuplah, sebab murid itu dah masuk sekolah menengah [ketawa]. Dia tak amik lagi dah. [Ahli Dewan ketawa]. Sebab tak ada orang lagi dah.

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

[Ketawa] Ya… ya…saya tahu ini…

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, mencelah. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan ini. Saya rasa yang dekat Bukit Fraser iaitu Sekolah Cina itu sudah dibawa lesennya pergi ke Selangor dan Sekolah Tamil Bukit Fraser pun menghadapi kekurangan murid. Saya mengesyorkan kita ada beberapa buah sekolah Tamil di negeri Pahang ini, yang mana menghadapi kekurangan bilangan pelajar, bilangan murid. Saya mohon agar Kerajaan Negeri dapat menyediakan tempat tapak baru untuk kita membawa lesen yang mana menghadapi kekurangan murid ini, dapat kita pindahkan ke kawasan-kawasan yang mana mempunyai kepadatan penduduk India yang tinggi. Sekian terima kasih.

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Terima kasih ini… Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih rakan saya daripada Sabai. Memang betul, tadi sahabat saya daripada Tras maklumkan memang betul. Makna Sekolah Kebangsaan Tamil Bukit Fraser, dulu ada satu orang murid tapi gurunya 6. 6 guru itu dia mengajar itu, tak tutup tapi akhirnya tutup kerana tak ada…

YB TENGKU ZULPURI BIN SHAH BIN RAJA PUJI

Dia *best student*, dia apa itu kedatangan penuh dan dia juga adalah… semua dia [ketawa] sebab dia seorang… [ketawa].

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Semua dia… [ketawa]…

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Betul… betul. Jadi sebenarnya di Pahang kita ada 37 SJKT. Maksudnya memang kita beri tumpuan. Tapi seperti mana yang sedia maklum, dia sebenarnya di SJKT Jeram ini, kerajaan telah beri kelulusan untuk dilaksanakan projek ini. Tapi akhir sekali, syarikat yang melaksanakan didapati bankrap. Apabila dia bankrap, dia terpaksa dibatalkan projek itu. Tapi yang jadi masalahnya setelah nak dipulihkan, didapati bahawa tanah yang nak dibina itu, bukan tanah yang dipunyai oleh LPS ini, Lembaga Pengelola Sekolah dan itu jadi satu syarat penting untuk Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan tanah itu milik Lembaga Pengelola Sekolah.

Sebab itu dalam kontrak seumpama ini, projek ini dah jalan. Tapi bila didapati bukannya tanah itu bukan milik LPS SJKT Jeram, maka telah diberi maklum. *So* Lembaga Pengelola Sekolah ini telah mohon tanah KPTG. Dan maklumat terakhir diterima iaitu bulan Mac yang lalu, pihak LPS ini telah mohon kepada KPM untuk meneruskan projek ini… SJKT Jeram ini. Dia ada 46 murid sebenarnya, 46 murid. Walau bagaimanapun 46 murid, oleh kerana sementara nak membina bangunan kekal, ada 6 kontena yang telah disediakan tapi enam kontena semua ada *aircond* YB

Saya sekolah kebangsaan biasa ni, *aircond* tak ada. Dia… malahan kipas pun terhad. Pihak ibu bapa terpaksa menyediakan kipas kipas tegak ini tadi. *So* yang ini memang jangan risau, dia dengar tu memang kontena tetapi *very… very cozy* lah maknanya sebab ramai…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat… Yang Berhormat Dah masuk waktu maghrib ini

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Okey. [Ahli Dewan ketawa]. Jadi saya nak rekod… [Ahli Dewan ketawa]. Ha… yang ni hebat… hebat. Ini hebat… hebat mengingatkan saya. Dia terima kasih ini YB. Inilah Kerajaan Perpaduan. Insya-Allah. [Ahli Dewan ketawa].

Saya nak mengambil kesempatan di sini, pertama sekali Dato' Sri saya nak mengucapkan tahniah kepada UniPSAS kerana berjaya menganjurkan *International Conference on Islamic* ini. [Ahli Dewan menepuk meja]. Memang dengan penglibatan daripada ramai 200 peserta dan 28… daripada 28 negara. Yang ini saya nak merakam

setinggi penghargaan pertama sekali kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang sebenarnya, cetusan idea ini gerakkannya, sokongan kuat daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri sendiri hingga lawatan lawatan kita ke Morocco, ke Jordan dan sebagainya. Pelawaan secara personel telah dipanjangkan dan pemimpin pemimpin tokoh tokoh yang hebat termasuk daripada Universiti Al-Azhar hadir.

Dan sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri memainkan peranan penting dan sebenarnya individu yang memainkan peranan yang hebat ialah Dato' Sri Syed, iaitu wakil daripada Kerdau. Dia… sahabat saya daripada Kerdau. Saya sebagai Exco Pendidikan Dato' Sri sebab dia situ ramai juga peserta daripada negara Arab. Jadi, saya bercakap… cakap nasib baik jamuan, saya mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Sri itu, yang hadir itu Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie dengan Profesor Dr Zawawi, Naib Canselor UniPSAS. Dia orang boleh cakap Arab. Bila Menteri Republik Czech… Menteri Pendidikan Republik Czech cakap Arab… saya cakap, Yang Amat Ariff … apa yang dia orang cakap ini. Saya begitu je.

Jadi Alhamdulillah, dengan persetujuan daripada Rektor Universiti Al-Azhar akan wujud pusat bahasa Arab di Kuliah Abu Bakar. Dia dah tengoklah tempat terhebat, jadi kita… anak-anak kita boleh belajar kat situ. Dia tak perlu lagi masuk madrasah di Cairo itu, dia terus daripada situ… dia akan diberi banyak, malahan Libya telah mempelawa anak anak pelajar kita belajar dengan tanpa bayaran. Dia banyak di situ dan UniPSAS telah berjaya menandatangani 14 MOU baru baru ini, dan ini akan dapat diterjemahkan dengan tindakan susulan dan insya-Allah kita akan menghantar wakil kita hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ke Morocco ke Universiti Qarawiyyin yang antara universiti tertua di dunia ya.

Dan ini akan dibuat *follow up* supaya kita dapat hantar anak anak pelajar kita daripada tahfiz profesional dan tahfiz turath dan tahfiz-tahfiz lain ke negara Morocco ini tadi, insya-Allah. Saya juga nak mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada para-para guru. Sebenarnya di Pahang kita ini bilangan guru kita ada 25,702 dan murid 262,366. Daripada 16 Mei ini, Hari Guru akan diadakan di negeri Pahang. Negeri Pahang akan jadi tuan rumah kepada sambutan Hari Guru Peringkat kebangsaan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mohon izin. Jadi kita beri laluan khas di masjid-masjid seluruh Pahang untuk membaca khutbah sempena Hari Guru.

YB DATO' SRI IR MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Saya daripada tadi, eh... saya tengok khutbah tadi maknanya menyentuh pasal Hari Guru. Kita kena muliakan guru-guru kita insya-Allah, ini insan mulia. Saya tak boleh jadi cikgu sebab dia kalua anu tu dia pang!!... pang!!… dia formula lima lima [aksi]. Ha gitu kan. Jadi guru guru macam sahabat yang lain Yang Amat Dato' Sri… makna 25,702 ini insan yang mulia insya-Allah kita doakan mudah-mudahan Allah Ta'ala akan beri rahmat, keberkatan dan keredhaan kepada mereka semua.

Dan saya nak ucapkan bagi pihak Yang Amat Berhormat Datp' Sri dan rakan-rakan dalam barisan kerajaan, rakan daripada saf kepimpinan sokongan kerajaan dan juga daripada rakan-rakan pembangkang untuk mengungkapkan ucapan Selamat Hari Guru. Mudah-mudahan guru akan terus bertambah apa ni… *passionate,* maknanya dengan izin… ha *okay okay*. *Coming*. Insya-Allah.

Jadi saya itu yang dapat saya sentuh sedikit sebanyak. Terima kasih kepada semua dan yang lain itu... untuk soalan yang dibangkitkan, kita minta urus setia Dewan menghantar jawapan secara bertulis.

Jadi dengan kata-kata itu, saya insya-Allah dengan ini, saya menyokong usul junjung kasih titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri ke-15 pada 6 Mei yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar baru-baru ini. Sekian. Assalammualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Exco kanan. Saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai kakitangan kerajaan semua bertungkus lumus untuk menyediakan jawapan-jawapan pada hari ini khususnya kepada Exco-Exco Kerajaan Negeri. Jadi tidak lupa jugalah kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai Dewan Negeri juga. Marilah kita memberi penghargaan setinggi tingginya kepada semua pegawai kerajaan dan juga pegawai Dewan Negeri. [Ahli Dewan menepuk meja].

Baiklah Ahli Ahli Yang Berhormat sekalian, kita mengucapkan terima kasih kepada 10 Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan atas permasalahan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pihak kerajaan akan menyambung semula menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada hari Isnin minggu hadapan. Saya akan menempohkan persidangan pada hari ini dan persidangan kita akan disambung semula pada hari Isnin, 13 Mei 2024 bersamaan 4 Zulkaedah 1445H bermula pukul 9.30 pagi. Terima kasih persidangan ditempohkan Insya-Allah.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 7.24 petang*]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KELIMA
13 MEI 2024
(ISNIN)

KANDUNGAN

HARI KE-5: 13 MEI 2024 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	**KEHADIRAN**	**i - iv**
2	**DOA**	**1**
3	**PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR**	**1**
4	**SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG**	**36**
5	**RANG UNDANG-UNDANG:**	
	RANG UNDANG-UNDANG DN 1/2024. **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1/2024) 2024**	
	MEMORANDUM PERBENDAHARAAN TAMBAHAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2024. DN 5/2024.	**59**
	- BACAAN KALI PERTAMA	**60**
	- BACAAN KALI KEDUA	**62**
	- DALAM JAWATANKUASA	**64**
	- BACAAN KALI KETIGA	
	RANG UNDANG-UNDANG DN 2/2024. **RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA (PAHANG) (PINDAAN) 2024**	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**65**
	- BACAAN KALI KEDUA	**66**
	- DALAM JAWATANKUASA	**68**
	- BACAAN KALI KETIGA	**69**
	RANG UNDANG-UNDANG DN 3/2024. **RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS BANDAR RAYA KUANTAN (PINDAAN) 2024**	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**70**
	- BACAAN KALI KEDUA	**71**
	- DALAM JAWATANKUASA	**72**
	- BACAAN KALI KETIGA	**73**

RANG UNDANG-UNDANG DN 4/2024.
RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG (PINDAAN) 2024

- BACAAN KALI PERTAMA **74**
- BACAAN KALI KEDUA **75**
- DALAM JAWATANKUASA **76**
- BACAAN KALI KETIGA **77**

6 **USUL:**

USUL TAMBAHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2024 **78**

USUL PELANTIKAN AHLI YANG DILANTIK DI BAWAH PERKARA 18A (1) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG **79**

7 **URUSAN-URUSAN AN** **90**

8 **PENANGGUHAN** **91**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 13 Mei 2024 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Kanan
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan Dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang**	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**

Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Isnin 13 Mei 2024
Bersamaan 4 Zulkaedah 1445 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

Bismillahirahmanirahim [bacaan al-Quran]. Segala puji bagi Allah di buka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah Ya yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan Taufik mu dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

Perkara Kedua: Pertanyaan-Pertanyaan Kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat meneruskan persidangan pada hari ini. Hari ini agak berlainan sedikit. Selalunya Speaker baca doa, tapi hari ini kita bagi Setiausaha baca doa.

Sebelum kita memulakan Aturan Mesyuarat, Saya ingin memaklumkan beberapa perkara. Pertamanya, Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang bersama FELDA Negeri Pahang berbesar hati menyumbangkan produk Usahawan FELDA Pahang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada di meja. Bagus Exco Baru ni Yang Amat Berhormat. Dua kali dah sumbang. Hari esok ada lagi? Kalau ada hari esok hantar ke pejabat (ketawa). Pejabat kita semualah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, minta izin mencelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh. Ya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau boleh saya minta Exco FELDA ini bagi juga kepada Ketua Jabatan yang hadir. Mungkin bukan hari inilah. Di lain masa. Takkan diaorang nak cium bau je, tengok barang kan. Terima kasih Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu satu cadangan yang baik Yang Amat Berhormat. Lain kali siapa nak sumbang, sumbang sekali untuk pegawai-pegawai kita yang memang mereka ini turut hadir di dalam mesyuarat kita. Boleh Yang Berhormat semua?

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Bahawasanya memang kita dah serahkan sekali yang berada dalam dewan kecuali yang sebelah atas sana tu sahaja yang Berhormat Dato' Sri. Terima kasih banyak Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik hati [ketawa]. Begitu juga Ahli Dewan Negeri dari Kawasan Chini dengan kerjasama Projek Pembangunan Peneroka (PPP), Sentuhan Kasih FELDA Chini Timur 2 juga menyumbangkan cenderamata berupa buah Apollo Melon. Ha… buah Apollo Melon Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat saya pun tak pernah tengok lagi buah Apollo Melon ni, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ha… jadi semua kita boleh rasalah buah Apollo Melon. Ini bukan Apollo DAP punya tu kan. Bukan [ketawa]. Yang roket DAP tu, Apollo juga kan? Ha… bukan. Ini yang Chini punya er wakil rakyat daripada Chini. Produk-produk tersebut telah diedarkan oleh pihak urus setia yang diletakkan atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian.

Seterusnya. Saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengisi borang Kajian Kepuasan Pelanggan ya yang telah diedarkan. Ini bertujuan untuk menambah baik lagi keupayaan dan kecekapan tadbir urus Dewan Negeri. Baiklah. Teruskan dengan atur Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Ketari untuk mengemukakan soalan pertama.

YB SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Dato' Sri Speaker, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada komponen parti-parti Barisan Nasional khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Dato' Sri Speaker yang telah bantu berkempen untuk memenangkan calon Kerajaan Perpaduan di KKB yang lalu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih. Soalan saya nombor enam.

[Program kebajikan Bantuan Prihatin Pahang adalah merupakan satu program kebajikan yang amat baik dan memanfaatkan golongan tertentu warga Negeri Pahang. Apakah keseluruhan jumlah peruntukan yang telah di sediakan untuk program ini sejak ia dimulakan. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan program Bantuan Prihatin Pahang agar lebih ramai warga Pahang dapat menerima bantuan melalui program ini.]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat Pagi. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Ketari yang bertanyakan soalan Bantuan Prihatin Pahang. Saya lihat daripada soalan ni ada dua perkara. Yang pertama, apakah keseluruhan jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk program ini? Dan juga adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memperluaskan program Bantuan Prihatin Pahang? Sebelum saya menjawab soalan saya ingin respons sikit di atas ucapan penghargaan dan terima kasih dan ini semua adalah Barisan Nasional Yang Berhormat Speaker adalah membantu di atas kemenangan Tioman dan Pelangai tempoh hari. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Speaker,

Bantuan Prihatin Pahang merupakan Inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 dan diteruskan sehingga kini. Sehingga tahun ini Yang Berhormat Speaker dan juga makluman ADUN Ketari, kita telah membelanjakan sebanyak RM141.78 juta bagi pelaksanaan program-program di bawah Inisiatif Bantuan Prihatin Pahang. Pecahan peruntukan adalah seperti. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut, pada tahun 2021 sebanyak RM31.30 juta, pada tahun 2022 RM30 juta, pada tahun lepas 2023 juta ... Pada tahun lepas 2023 RM42.40 juta dan bagi tahun ini sehingga minggu lepas RM38.08 juta. Jumlahnya RM141.78 juta.

Yang kedua, Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memperluaskan program ini? Yang Speaker, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa prihatin dan sedar bahawa keperluan dan manfaat pelaksanaan inisiatif ini dan sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Pahang akan sentiasa komited dan akan menambah baik lagi pelaksanaan inisiatif Bantuan Prihatin Pahang serta akan meluaskan lagi skop-skop program ini di bawah Inisiatif Bantuan Prihatin Pahang agar lebih ramai lagi rakyat negeri Pahang akan mendapat manfaat daripadanya. Sebagai contoh, bagi tahun 2023 dan 2024 Kerajaan negeri Pahang telah memperkenalkan beberapa program yang terbaru di bawah Inisiatif Bantuan Prihatin Pahang.

Antaranya ialah program Berkhatan Anak Pahang dengan peruntukkan sebanyak RM1 juta kepada 3,000 penerima. Yang ini ada syarat berkhatan ni. Berkhatan kali pertama Yang Berhormat Speaker. Sebab ada yang kata MB yang kali kedua? kali kedua tak boleh, sendirilah dan umurnya mestilah tingkatan, tingkatan tiga ke bawah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

15 tahunlah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

15 tahun. Ni saya kena begitu awal-awal supaya jelas ya. Dia tidak jadi macam Bantuan Kahwin Kali Pertama. Ha kali kedua nak, ketiga nak dan sebagainya.

Yang kedua ialah Program MyLesen Prihatin Pahang juga diperkenalkan bagi menyediakan subsidi Lesen Motor kepada golongan muda yang berumur 18 hingga 21 tahun, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM720,000. Seterusnya, peruntukkan kepada Majlis Kebajikan Negeri Pahang sebanyak RM600,000, badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera BAKAT sebanyak RM100,000 manakala Persatuan Keluarga Polis sebanyak RM50,000 di bawah kluster pemberian apresiasi pembedahan katarak mata dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta yang memberikan manafaat kepada 500 warga emas.

Kerajaan Negeri juga turut memperkasakan program-program sedia ada di bawah Bantuan Prihatin Pahang bagi meningkatkan keberkesanan dan manfaat kepada penerimanya. Antaranya ialah Bantuan Prihatin Pahang Kluster Siswa telah ditingkatkan daripada RM300.00 pada tahun lepas telah dinaikkan kepada RM400.00 tahun ini Yang Berhormat Speaker. Untuk setiap penerima melibatkan penambahan peruntukan daripada RM8.87 juta kepada RM14.18 juta.

Yang kedua ialah Bantuan Prihatin Pahang Jemaah Haji yang kini dikenali sebagai Barakah Haji Pahang telah ditingkatkan daripada RM500.00 tahun lepas kepada RM750.00. Setiap penerima melibatkan penambahan peruntukan sebanyak daripada RM1.0 juta kepada RM1.5 juta dan juga insentif perkahwinan kali pertama bagi pasangan bukan Islam dan juga pasangan daripada masyarakat Orang Asli yang melibatkan 3000 pasangan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Wakil daripada Ketari. Soalan tambahan.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

Ya memang dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang atas inisiatif-inisiatif yang memang bagus. Cuma saya nak tanya adakah kerajaan sudi pertimbangkan untuk memperluaskan lagi kepada golongan terutamanya suri rumah yang bekerja di rumah dan tanpa insurans sebab Kerajaan Persekutuan sedang telah melaksanakan Skim Insurans Suri Rumah yang cuma RM120.00 satu tahun. Mungkin ini juga boleh dipertimbangkan kepada suri rumah-suri rumah yang layak dan juga yang kepada ibu tunggal yang untuk meringankan beban kos sara hidup mereka. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Ketari. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, setiap Bantuan Prihatin Pahang berasaskan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Itu yang pertama. Kalau ikutkan memang kita nak bagi macam-macam tetapi bergantung kepada peruntukan ataupun hasil yang kita dapat. Selepas kita tolak, apakah perbelanjaan tetap yang harus kita keluarkan sebagai contohnya gaji untuk penjawat awam? Itu dah tetap lebih kurang RM50 juta sebulan, setahun RM600 juta gaji dan juga lain-lain kos yang kita

tidak dapat elakkan. Dan cadangan daripada Ketari tadi berhubung dengan ibu tunggal.

Ibu tunggal ini kita kategorikan bukan semua ibu tunggal sebab ada ibu tunggal yang kaya Yang Berhormat. Jadi yang ini kita keluarkan. Kita er... ibu tunggal miskin di sana sebab kita menghargai ibu tunggal kita panggil ibu mulia... kita... Ibu mulia tu kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat dengar kalau rakan-rakan saya EXCO bercakap, ibu mulia itu maknanya ibu tunggal yang miskin dan kita telah memperuntukkan RM2.1 juta untuk ibu tunggal dan ini dalam pelaksanaan. Manakala cadangan Yang Berhormat tadi untuk bantuan suri rumah, kita akan fikirkan dan kalau sekiranya kedudukan kewangan mengizinkan, tidak ada masalah.

Yang pentingnya Kerajaan Negeri Pahang prihatin dan sentiasa membantu rakyat yang memerlukan di negeri Pahang ini Yang Berhormat Speaker, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Wakil daripada Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya apakah status penyaluran Bantuan Prihatin Pahang (BPP) untuk tahun 2024 yang terkini?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada ADUN Chini. Yang Berhormat Speaker, ADUN Chini bagi apa tadi? Apollo?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apollo Melon. *Watermelon* saya tahulah tapi Apollo saya tak tahu.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh saya tanya ADUN Chini. Sebab apa Apollo Melon? Adakah dia bentuk macam roket ya [ketawa] ataupun...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh tunjukkan contoh tu.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya tunjukkan ini, mohon izin. Ini buah dia. Tapi ini saiz yang dah gred rendah sikit, dia sebab ini dah penghujung buah pengeluaran. Buah yang pertama sulung dan produk melalui bantuan prihatin... bantuan pembangunan peneroka disalurkan ke Projek Sentuhan Kasih ini. Ini yang kali pertamalah. Jadi saya pun mohon maaf seperti cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Besar, kita tak dapat bekalkan kepada semua. Tapi insya-Allah Dato' Sri MB, kita kalau ada yang pengeluaran kedua nanti, kita tambah kepada semua ketua-ketua jabatan [Ahli Dewan menepuk meja], pegawai-

pegawai daerah lagi boleh sumbang Dato' Sri, kita sumbang. Tapi Dato' Sri boleh lulus sikit peruntukan [ketawa]. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh... boleh... boleh [ketawa].

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Speaker, mencelah sikit. Itu bukan gaya roket itu, gaya bulan [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi bulan dia bulan kuning. Kalau hijau tadi saya tak bagi tunjuk [ketawa]. Pasal kuning, okay. Soalan tambahan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menjawab soalan tambahan daripada ADUN Chini. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Dewan, sehingga sekarang ini ada 20 jenis insentif untuk tahun inilah yang kita akan bagi dan 7 Bantuan Prihatin Pahang yang telah dilancarkan. Antaranya ialah Moh Karnival Makmur yang mana satu daripadanya telah selesai kita laksanakan. Manakala 6 lagi dalam proses pelaksanaan dan peruntukan ialah sebanyak RM8.45 juta. Program-program yang dibuat bagi tahun ini antaranya ialah program Berkhatan Anak Pahang, inisiatif perkahwinan kali pertama untuk masyarakat Orang Asli dan dan juga bukan Islam. Jemaah haji telah pun dilaksanakan kerana ibu mulia seperti mana yang saya katakan tadi.

Kemudian rumah anak yatim yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam pelaksanaan dan juga Majlis Kebajikan Negeri Pahang dalam pelaksanaan. Dan sehingga bulan Mei, ada lagi 3 tambahan Bantuan Prihatin Pahang yang bakal dilancarkan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Dengan jumlah peruntukan RM18 juta yang akan memberi manfaat kepada 60,000 orang... Speaker. Tambahan tersebut ialah pelajar tahun pertama 2.2 juta orang, kita bagi juga duit poket kepada anak-anak kita ataupun kepada cucu-cucu kita.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa ringgit seorang yang pelajar pertama itu?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

RM100.00 Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Zaman dulu, zaman Barisan Nasional dulu kita ada bahagi ke?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada... ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pelajar RM100.0 ke RM50.00, RM60.00 saya lupa dah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pokoknya, kita ada bagilah Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah. Maknanya kita bagi kepada semua pelajar-pelajar tahun satu ya?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. Kita juga memberi peruntukan kepada mahasiswa-mahasiswi yang berada yang berada di IPTA sebanyak RM400.00 dan juga kepada Pengerusi JPKK, JPKKOA, Tok Batin, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha JPKK yang melibatkan RM1.68 juta, Speaker. Maknanya Yang Berhormat Speaker, apa yang kita dapat daripada hasil kita, kita serah kembali kepada rakyat. Memang kita serah sikitlah sebab kita sebagai kerajaan yang memerintah yang pentingnya rakyat. Rakyat mendapat bantuan daripada kita. Sebab itulah di kawasan-kawasan yang bukan di... dipegang oleh kerajaan pun kita bagi bantuan tetapi terus kepada rakyat. Pokoknya, rakyat mendapat bantuan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan yang terakhir.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama, saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana Bantuan Prihatin Pahang ramai yang dapat manfaat insya-Allah. Cuma isu yang saya ingin dapat penjelasan ialah mekanisme pemilihan peserta. Sebab kadang-kadang yang dapat tu berulang-ulang. Daripada zakat pun dia dapat, daripada JKM pun dia dapat, daripada pelbagai sumber. Tapi yang tertinggal tercicir tu memang tercicir. Jadi kita... sebab itu mungkin bagi saya kita ada satu back... big data yang perlu kita ada supaya yang berulang-ulang tu tak dapat pada dia dan yang langsung tak dapat di kampung langsung terbiar. Itu minta penjelasan, mekanisme pemilihan peserta. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada ADUN Cheka. Saya tidak nafikan Yang Berhormat Speaker tapi saya rasa seorang dua saja tapi seorang dua ini janganlah besar-besar sangatlah bawa ke Dewan. Sikit aje, ada seorang dua aje Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Isolated... Isolated cases.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab kita pun ada sumber data. Ini duit kerajaan. Satu sen pun kita kira duit kerajaan ini. Audit ada, SPRM ada. Tidak mungkin kita *purposely* ini ataupun dengan izin dengan sengaja memberi kepada seseorang itu dapat dua tiga kali dan banyaknya bantuan daripada selain daripada kerajaan, MUIP dan sebagainya, baguslah Yang Berhormat Speaker. Kita sebagai Wakil Rakyat, kita patut bangga sebab Kerajaan Negeri bagi, MUIP bagi, lagi benda lagi? BAKAT bagi, TERATAI bagi, baguslah tu. Lagi banyak lagi bagus, apa masalah dia?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil Rakyat setempat pun bagi kadang-kadang.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Wakil rakyat setempat pun bagi. Lagi banyak lagi bagus. Jadi, saya fikir ini tidak ada masalah. Janganlah sebab ada mungkin seorang dua dan sebagainya yang berlapis, kita nak besar-besarkan isu ini. Sebab kita ini manusia, Yang Berhormat lagi tahulah kan. Kadang-kadang dipanggil ustaz. Ustaz daripada ADUN Cheka. Maknanya apa ni Yang Berhormat Speaker. Maknanya lagi banyak dapat orang yang memerlukan bantuan, lagi bagus jadi... apa dia Benta? Benta ini nak menyampuk (ketawa).

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sila, sila Cheka. Saya bagi laluan. Boleh Yang Berhormat Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh... boleh.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat, saya bukan pertikai ya, saya bukan pertikai. Bagi saya kalau nak dapat 4, 5 kali pun tak apa. Cuma yang kita er... ialah kalau yang tercicir itu, itu je. Soal kalau kita duit banyak kita bagi banyak kali pun saya sangat setuju tapi yang tercicir tu dan saya bangkitkan bukan kerana ada kes ya, bukan kes. Ini tulus ikhlas saya tanya. Apa mekanisme supaya tidak berlaku keciciran yang layak dapat tiba-tiba tak dapat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya fikir tercicir ini saya tidak nafikan tapi sebenarnya saya katakan tadi, seorang dua, sebab kita ni manusia bukan malaikat. Tetapi saya nak bagi tahu kepada semua ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Setiap pemberian khususnya duit kerajaan. Kita ada data-data tertentu dan kita ada maklumat-maklumat tertentu. Sebagai contohnya bantuan rumah rakyat Pahang, pengerusinya Yang Hormat Dato' Pegawai Daerah, pengerusi dia dan mereka ini mesti berdaftar dengan e-Kasih. Bukan kita boleh bagi sesuka hati. Jadi er... maknanya kalau sekiranya ada tercicir seorang, dua itu,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maklumlah, maklum.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kita maklumlah sebagai kesilapan manusia. Tetapi sepatutnya Yang Berhormat Cheka, nombor telefon saya pun ada Yang Berhormat terus *contact* saya. Er... tuan, ada kawasan Cheka ada yang tercicir, patut dapat ke tidak dapat. Nanti saya hantarlah penyelaras DUN Cheka pergi hantar, saya tidak mintaklah DUN Cheka hantarkan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh ADUN Cheka boleh hantar juga tetapi bersama Yang Amat Berhormat ada. Soalan seterusnya. Soalan nombor dua wakil daripada Pulau Tawar.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya nombor dua.

> [Industri tanaman Koko antara komoditi penting negara dengan sumbangan kepada RM 8 Bilion pada tahun 2023. Apakah perancangan kerajaan Pahang untuk memajukan industri komoditi Koko ini pada masa akan datang?]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

ADUN Pulau Tawar menanyakan berkenaan komoditi koko. Saya terutama sekali er...nak berkongsi dengan ADUN Pulau Tawar ni bagi saya, sebenarnya untuk makluman Dato' Sri Speaker dalam dewan yang mulia ini. Dia pengeluar komoditi koko ini, bagi ADUN Pulau Tawar, you tahu tak mana negeri-negeri, negara yang pengeluar koko yang antara 10 yang ini terbanyak.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Tempat saya tak tahulah Yang Berhormat. Tapi mengikut yang saya baca tu ada 5 negara yang mengambil daripada Malaysia ni, sebab Malaysia ini biji koko dia berkualiti. Maknanya Malaysia salah satu daripada lima negara.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi saya nak kongsi maklumat ini. Dia sebenarnya negara yang banyaknya ialah di Benua Afrika dengan Latin Amerika, pertama Nigeria, kedua Brazil, ketiga Ghana, keempat Cameroon, kelima agaricus, keenam Ekuador, ketujuh Indonesia, kelapan Dominican Republik, kesembilan Peru, kesepuluh Colombia, kesebelas Mexico, kedua belas Papua New Guinea, ketiga belas, Sierra Leone, orang sebut Sierra Leone, keempat belas Uganda, kelima belas Venezuela, keenam belas India. Jadi dah tengok, ini negara-negara yang banyak mengeluarkan koko. Kemudian soalan kedua, bukan soalan tambahan, soalan pagi ini nak bertanya. Kita tahu ini, ini ADUN ni sebab waris,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini sebab warislah dia bertanya.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab cerita pasal koko, hebat Pulau Tawar cerita pasal koko, okay. Coklat antara yang terhebat, coklat senarai coklat yang popular, ini apa nama, kita tidak payah tanyalah, kita terus kongsi, kita kongsi terus. Coklat tu, antara coklat yang terhebat di dunia. Nombor satu, ini sebutan jangan ikut sangat, kita orang kampung dia. Dia tulisan dah Cissia, Cissia maknanya daripada Zurich, Switzerland.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Betullah tu.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Betul ya. Lepas tu Vosges Haut… Vosges Haut daripada Chicago.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

USA lah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er...apa nama Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kampung saya pulak dah, yang nombor tiga Saffron Bougerv. Saffron Bougerv ini, Berkeley, USA juga. Yang keempat Jacques Torres. Jacques Torres ini daripada New York, Amerika, nombor 5 Norman Love Confections, Florida.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Patchi ni nombor berapa? Tak tahu nombor berapa Patchi.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

haah... Valrhona nombor enam France, nombor tujuh Godiva chocolatier, yang ini Belgium, nombor lapan Richard Donnelly Fine Chocolate, Santa Cruz, tempat waris tu California.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

USA, dekat San Jose.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kemudian, nombor sembilan Richart, Richart dari Paris, France, nombor sepuluh

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Richard tu kalau ejaan Richard tapi dipanggil Richard.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab kena tanya Dato' Sri juga Richard dari France. Nombor 10 Puccini Bomboni, Amsterdam.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat wakil Benta, Yang Berhormat Pulau Tawar bagi tahu kalau pergi tu ajak lah dia sekali.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kome nak mengetea sekali di sana, insya-Allah. Jadi maknanya kita lihat di sini. Pengeluar koko yang terbesar banyak daripada Afrika dan juga di Latin Amerika, tetapi pengeluar coklat tersohor di dunia banyak di Amerika dan di Eropah. Tidak ada negara Afrika di sini yang. Malahan di Asia tidak ada kalau Jepun di antara yang ke bawah. Jadi cuba tengok.

Sebab tu saya sekali berkesempatan, Dato' Sri YB Speaker pergi ke Australia di Tasmania, Cadbury dengan izin, kilang Cadbury. Bila tengok dia beritahu dia tak ada koko pun di Australia, tanam koko, dia import. Jadi koko dari luar dan dia hasilkan coklat. Sebab tu saya kagum jugalah maknanya bila waris saya dari Pulau Tawar. Dia cerita pasal koko, jadi minat itu. Kita nak beritahu negara yang tidak mengeluarkan koko mengeluarkan coklat yang paling hebat di dunia. Jadi menjawab soalan daripada Pulau Tawar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oo…Itu mukadimah lah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tiada mukadimah, jadi nak cerita nak menggalakkan sebab dia bertanya pasal koko. Pertama sekali, keghairahan kita untuk menanam koko ini bagus. Tapi pada masa yang sama kita nak lihat betapa hebatnya kebijaksanaan orang di Amerika tidak tanam pun koko. Dia beli koko-koko kita ni tadi termasuk koko daripada kawan-kawan kita, saudara kita dari Pulau Tawar, Lipis tetapi banyaknya Lipis sana yang menanam koko, proseskan, buat dan jual kepada kita. Macam mungkin kalau kita sebut Snickers, Amerika, Toblerone daripada di Amerika juga. Lepas tu apa nama Nutella, Itali, Ferrero Rocher Itali. Lepas itu coklat yang paling sihat sekali, Dato' Sri Speaker tahu tak coklat yang paling sihat sekali.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pada saya, coklat ini semua tak sihat. Okay apa Yang Berhormat?

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dark chocolate yang sihat sekali untuk jantung, sebab YB Pulau tawar kata, kalau kita *stress* ni kita makan coklat. Tenang sikit, jadi coklat yang sihat sekali *dark chocolate.* Coklat untuk kesihatan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa nama coklat Yang Berhormat, ulang sekali lagi.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dark chocolate, dark chocolate. Yes, dark chocolate.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Make sure pronunciation right okay.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Alright.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Mencelah sedikit, nak tanya wakil kerajaan. Saya dapat maklum di Kuala Lumpur tu ada terdapat Raub coklat, betul ke? Produk daripada Raub. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tidak mustahil sebab Raub ini dia ada tanam koko. Malahan ada gred yang dirujukkan sebagai Raub punya gred mana koko gred yang hebat. Dia ada insya-Allah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, Saya tengok coklat Raub ini terdapat di Hotel W, W Hotel.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Hotel W, wakil daripada Tioman duduk di Hotel W. Saya menengok je Hotel W dari KLCC sebelah dengan Hotel W. Tetapi kita dulu kita ada. Saya bukan nak, nak tapi saya tengok hotel saya banyak Sofitel di Morocco duduk kat sofitel. Di Sofitel. Tapi saya tak ada satu share pun, tak ada share. Jangan kisah ini, saya pun tidak kenal tuan punya hotel. Rakan saya dalam Dewan yang mulia Yang Berhormat Dato' Soffi tidak dapat duit kopi, satu sen pun tak ade.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat sudah makan ubat ke hari ini. Sila teruskan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya makan coklat. Jadi sebenarnya, koko ini di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi, ya. Ada satu kementerian yang ditubuhkan khas, errr... dan Lembaga, *sorry,* ada satu lembaga yang ditubuhkan khas dipanggil Lembaga Koko Malaysia (LKM) yang sentiasa prihatin dan proaktif dalam mempastikan pembangunan tanaman koko terus maju dan berdaya saing.

Dan er... Program insentif dan galakan yang diberikan kepada pengusaha tanaman koko di Pahang adalah seiring dengan perancangan kementerian dan Lembaga Koko Malaysia di seluruh Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, pekebun kecil koko akan diberi insentif peluasan kawasan penanaman koko melalui program Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko (RPHK), pada tahun 2022 hingga 2023. Pakej insentif ini termasuk penyediaan kawasan, penanaman pokok, pelindung koko dan tanaman integrasi pokok koko, ini koko dan pokok buah-buahan serta penyelenggaraan kebun.

Pahang juga menerima pembangunan seluas 20 hektar di daerah Lipis, dan tahun ini dibangunkan sebuah mini pemerosesan koko untuk memastikan kualiti koko yang dihasilkan berkualiti. Jadi yang ini, Lembaga Koko, terima kasih kepada Lembaga Koko yang ada pejabat dia, YB ini, Dato' Sri Speaker, pejabat Lembaga Koko ini, dia ada satu pusat penyelidikan dan pembangunan koko. Di mana Dato' Sri? Takyah jawab, saya jawab sahajalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat jawablah. Kalau saya menjawab saya dah ADUN, saya bukan, saya Speaker. Saya tak perlu jawab.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker, saya nak tanya ini. Sahabat saya daripada Jengka. Jengka?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil Jengka.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kat mana ini, pejabat ini, Lembaga Koko.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Jengka, sila jawab.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Saya jawab boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dimaklumkan di mana er... ini Pejabat Lembaga Koko, Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Dato' Sri Speaker,

Saya ingat dia tak tala ke saya rupanya tala jugak ke saya. Lama mengonar nak jawab soalan. Jengka ada dekat Jengka 18, Lembaga Koko, er...

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya ingat, saya bimbang jika ADUN Jengka dia tak tahu dia ada pejabat Lembaga Koko di Jengka. Lagipun, saya tengok ini apa nama ini sahabat saya daripada Jengka

monyok pada pagi ini itu pasalnya itu saya nak saya nak kejutkan dia supaya bersemangat dia...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab dia pun dah tanggal songkok tadi [ketawa].

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha itulah, nak menjawab dia pakai songkok. Sebenarnya ada pejabat di, di Jengka. Pejabat Penyelidikan dan Pembangunan. Pengurusnya ialah Dr. Rozita. Pernah jumpa Dr. Rozita? Ada dia Pengurus di situ. Jadi, Pulau Tawar boleh pergi ke Jengka, ya. Jadi, dia meluluskan 70,000 pusat pemprosesan koko di Kampung Putu, di, kawasan mana itu? Kawasan Kampung Putu Dato' Sri, kawasan Cheka. Nak tahu sama ada ADUN Cheka, dia ini apa nama maklum tentang perkara ini.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Maklum cuma, saya tengok jawapan soalan tak jawab lagi ini. Soalannya, apakah, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan industri koko di Pahang. Jadi saya rasa kita *straight* pada jawab soalanlah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dan inilah masalahnya. Ada sekiranya saya nak beritahu, pusat pemerosesan ini, ini koko ini dibuat di Putu, di kawasan DUN Cheka. Makna inilah insentifnya, antara. Bukan buat Sogo di situ, tidak. Dibuat untuk maknanya, diproseskan, supaya di situ nanti keluar pula coklat Putu, daripada Lipis yang hebat kerana kita ada misal contohnya, kampung-kampung misal contohnya program tanaman baru, 23,001 hektar. Lulus 10 hektar dan tahun 2022 di Kampung Limau Purut, Kerambit, kawasan Cheka. Lah patut saya tak payah menjawab ya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ada maklumat… ada maklumat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ada. Jadi, [ketawa]. Jadi, tak cicir ini. Jadi, Kampung Limau Purut, Kerambit 10 hektar. 9 orang terlibat. Pada, ini ADUN Cheka tahulah 9 orang ini. Tahun 2022. Tahun 2023, Kampung Limau Purut juga, 7 orang lagi kita beri bantuan, RM19,000.00, 1 hektar, 10 hektar. Kemudian kelulusan penanaman koko, ada RM2,000.00, 1 hektar. 69 hektar semuanya. 80 orang menerima bantuan dia nama, keluasan penanaman koko. Maknanya, kawasan dah sedia ada diperhebatkan.

Antaranya pemberian insentif input pertanian, baja sebatian, racun rumpai, racun serangga, racun kulat, alat pemangkas, pam racun. Kita bagi di mana? Di Triang, 14 hektar, ada 3 orang yang terlibat. Kampung Jerangsong, Damak, 1.6 hektar, 2 orang yang terlibat. Di Kerambit, 25 hektar, 27 orang yang terlibat. Pos Senderut, Lipis, 16 hektar, 33 orang yang terlibat. Kampung Kechor Tui, Lipis, 6.85 hektar, 7 orang terlibat. Kampung Kubang Rusa, Lipis, 2 hektar, 4 orang yang terlibat. Ulu Jelai, Lipis, dalam 2 hektar, 4 orang yang terlibat.

Ini insentif ini tadi yang kita bagi digalakkan supaya, petani-petani koko ini dapat memperkasakan lagi, ini apa nama, ini industri er... koko ini tadi. Dan er... pelbagailah yang er... yang, yang kita ini laksanakan dan juga menggunakan teknologi terkini. Mungkin besok, satu ketika Lembaga Koko minta supaya er... menganjurkan 1 lawatan kerja, kan. Ini mungkinlah, bawa yang dia orang ini pergi, pergi melawat. Lawat ke negara-negara yang mengeluarkan coklat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pergi ke Sierra Leonelah [ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sierra Leone, yang untuk penanam kokolah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pengeluar, pengeluar coklat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pengeluar koko di Afrikalah, ya. Ini di. Tapi kalau nak tengok yang mengeluarkan coklat haa, kat Amerikalah, tempatnya Insya-Allah. Jadi er... saya rasa itu di antara er... insentif yang telah diberikan. Makna Lembaga Koko ini sentiasa terbuka. Kita kecil je sebenarnya dari segi pengeluaran itu, tetapi seperti mana yang telah dizahirkan oleh kerana nilai dia, ya, nilai dia tinggi, ya maknanya mencecah berbilion sebab apa? Ini, sebab itu kalau kita nak tengok ini Dato' Sri Yang di-Pertua, coklat yang termahal sekali di dunia. Dia nama dia, Tok ak.

Dia To'ak macam mana dia nak menyebutnya itu. Tokaok ke apa? Jadi maknanya antara 100 ke 300 USD, dia punya nilaian dia. Jadi, er... Insya-Allah satu hari kita mahu melihat supaya coklat-coklat yang dihasilkan di Malaysia ini, akan termasuk dalam senarai tersohor di dunia suatu hari insya-Allah dan juga hasil daripada penanaman sumbangan daripada petani-petani koko, termasuk di Pahang ini di masa akan datang Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ada soalan tambahan?

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Soalan tambahan. Terima kasih wakil kerajaan, berkenaan jawapan yang cukup baik tadi. Cuma er... disebut tadi kalau nak ajak saya pergi, alhamdulillah, tapi yang Switzerlandlah, pergi Switzerland, bukan Afrikalah. Ajak Dato' Speaker sekali. Baik, terima kasih. Cuma saya nak bertanya tentang, kita lihat pusat penyelidikan pembangunan koko tu di Jengka tu dia selalu buat kajianlah.

Contohnya pada 12 Januari 2023, dia selalu membuat kajian tentang kematangan buah koko itu, dari segi saiz, dia warna, berat dan sebagainya. Jadi tadi dah diterangkan juga tentang er… berpuluh mungkin berpuluh ratus ya, hektar tanah yang digunakan yang disebut di Lipis, di Kampung Limau Purut. Jadi, saya nak tanya

adakah yang terlibat dengan penanaman koko ni individu ataupun secara berkelompok? Yang terkinilah, sekian.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang ini, ada yang berkelompok, ada yang sendiri-sendiri. Dia buat dia, dia apa nama, apa nama tanaman dia ni secara runcit-runcit dan sebenarnya satu ketika dulu, Dato' Sri Yang di-Pertua, Dato' Sri Speaker, *sorry.* Dia tanaman koko ini menjadi satu tanaman baru. Yang ditanam banyak termasuk di kampung saya, saya di kebun saya ini arwah mak saya pun nanam koko. Tapi satu ketika itu, bila pasaran dia, kemudian dia tak menentu, jadi orang menebang, pokok koko ini. Ditebang pokok koko tu sebab dia, dia intensif dia juga, dia ambik dia dibelah kemudian dia kena jemur, dia ada cara dia.

Akhirnya bila ada tanaman-tanaman lain yang baru, diorang tebangkan. Ni... apa nama... koko ni banyak yang dah ditebang satu ketika dulu sangat di Raub banyak pokok, di Triang, di kawasan saya di Benta banyak, Pulau Johor dan sebagainya. Tapi di tebang tu, tinggal yang sikit-sikit je. Sebab tu sekali maknanya Lembaga Koko Malaysia dia memberi insentif ni. Ini di bawah Kementerian Perladangan dan er... Komoditi dia macam sawit juga, er... sebab tu kita akan er... bekerjasama dengan agensi pusat sebab dia ada pejabat satu di Jengka iaitu satu yang *cover* tapi Insya-Allah ye dengan cara ini, kalau sekiranya ada kecenderungan misalnya contoh kawasan tu tadi er... nak dibuat secara berkelompok (STR) misalnya Skim Tanah Rakyat kita nak tumpukan kepada koko, kerana harga koko di meningkat sekarang ni meningkat harga koko tapi komoditi ni Dato' Sri Yang di-Pertua kadang naik, turun naik, turun naik, jadi, itu akan memberi cabaran.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Flat situated turun naik, turun naik.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, dijemput wakil daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 3.

> [Berapakah kampung Orang Asli yang terdapat di negeri Pahang dan pohon senaraikan Kampung Orang Asli yang masih tiada kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan raya mengikut daerah.]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Er... saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan daripada Semambu yang bertanya mengenai Hal Ehwal Kampung Orang Asli, Dato' Sri Speaker. Persoalannya er... tentang kemudahan asas seperti air, api dan

jalan. Beliau ingin mengetahui berapa banyakah lagi kampung-kampung Orang Asli yang tidak mendapat bekalan er... seumpama itu.

Sebenarnya di negeri Pahang Darul Makmur ini, kita mempunyai 266 buah kampung Orang Asli, Dato' Sri Speaker dan hampir 80% daripada 266 buah kampung itu, telah kita usahakan untuk memiliki bekalan api, air dan jalan dan tidak dinafikan ada beberapa buah kampung lagi yang masih belum memiliki bekalan-bekalan yang seumpama itu seperti api. Api ada 51 buah kampung Orang Asli yang masih belum memiliki bekalan api. Ertinya 215 buah kampung dah ada. Kemudian itu air. Air ini sebanyak 7 buah kampung Orang Asli yang masih belum mendapat bekalan air.

Ertinya kita sudah ada 259 buah kampung yang memiliki bekalan air. Adapun perhubungan jalan terdapat sebanyak 47 buah kampung Orang Asli yang masih lagi belum memiliki jalan perhubungan. Ertinya kita sudah memiliki 219 buah kampung, er… sambungan jalan untuk berhubung di antara kampung Orang Asli dan masyarakat di luar.

Kalau disebutkan oleh rakan daripada Semambu untuk mintak nama senarai kampung berkenaan, saya boleh sebutkan tetapi banyaklah. Contohnya di Muadzam. Muadzam, ada 6 buah kampung yang tidak memiliki bekalan api iaitu Banai, Dong, Gambir, Kemara, Kemomoi er... dan juga Kampung Seri Langkap Lama. Manakala di Raub kita ada 5 buah kampung yang belum miliki api iaitu Kampung Kelik, Telaga, Bukit Telaga, Kampung apa Sungai Dalam, Delam. Sungai Kepong dan Sungai Kenong. Manakala di Cameron Highlands. Kita...

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah sikit.

Di klik tu ada Solar sel.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Solar.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Seperti juga di apa kampung er... kita pasang solar di Kampung Penjuring. Penjuring ni pasang solar. Solar ni dipasang oleh (KKDW), Dato' Sri Yang di-Pertua. Cameron Highlands, Kampung Terlimau, Kampung Kampung Lemoi dan Kampung Chenan Cerah dan juga di Pekan, Kampung Padang. Rompin pula terdapat 2 buah kampung iaitu Kampung Mentelong, Kampung Simpok dan di Bentong, Kampung Penjuring. Di Jerantut, Kampung Kuala Atuk. Di Kuala Lipis, banyak. Kampung Jernang, Kampung Titung, Kampung Sempar, Kampung Cerus, Kampung Cincin, Kampung Curuk, Kampung Sungai Jelai, Kampung Tungau, Kampung Gempoh, Lenjang, Pagar Sop Kee Ang, Kenderung, Dayuk, Rakuh, Ngening, Bandar Simon Lama, Labu, Cherong Tidol, Sawih, Tigol, Bukit Long, Kuala Sindirod, Rangan, Jangap, Rengang, Bertang, Kabang. Itu yang tak ada api.

Tetapi sebenarnya kerajaan dah berusaha. Contohnya macam di Lipis ni. Saya menjawab sekali apakah langkah-langkah kerajaan, pihak kerajaan telah mengadakan projek bersama (TMB) Mini hidroelektrik yang sedang dilaksanakan di Pos Lenjang dan di Pos Titok yang dijangka akan dapat membantu kampung-kampung berkenaan mendapat bekalan api dan selesainya dianggarkan pada tahun 2026 insya-Allah.

Dato' Sri… Dato' Sri Speaker.

Adapun bekalan air yang tiada sistem retikulasi terdapat sekurang-kurangnya satu sumber air alternatif seperti sistem *tube well*, JAKOA sistem Bakas KKM dan telaga serta perigi. Ini sebagai alternatif kepada kampung-kampung berkenaan seperti di Muadzam Kemara, Bukit Telaga di Raub, Sungai Delam, Kepong, Kenong. Adapun di Pekan Kampung Orang Asli Padang. Di Jerantut, Kampung Orang Asli Kuala Atuk.

Manakala dari segi jalan pula di Muadzam, terdapat 2 buah kampung. Kampung Orang Asli Chemomoi dan Kemara, di Raub, terdapat 2 buah kampung yang belum lagi ada jalan iaitu Kampung Delam dan Sungai Kenong. Di Cameron Highlands. terdapat sebuah kampung iaitu Chenan Cerah. Di Pekan pula, Kampung Orang Asli, Padang Genin dan Jong. Manakala di Rompin terdapat sebuah kampung iaitu Semupok di Jerantut, Kampung Kuala Atuk dan Kampung Sungai Kucing. Di Bera, Kampung Orang Asli Lubuk Tembangan. Jadi, itulah nama-nama kampung yang tidak mempunyai jalan di di daerah-daerah berkenaan termasuk di Lipis juga.

Jalan premix, *crusher run* telah dibina namun berlaku kerosakan yang serius dan dalam proses permohonan peruntukan untuk membaik pulih iaitu Kampung Jernam, Titong, Sempar, Cherus, Cincin, Corok, Sungai Jelai, Tumu, Gempur, Lenjang, Pagar, Sop Kee Ang, Kenderung, Dayuk, Rakuh, Ngening, Bandar Simon Lama, Labu, Cherong Tidol, Sawil, Tigol, Bukit Long, Kuala Sindirod, Rangan, Jangap dan Chelang.

Jadi, Dato' Sri Yang di-Pertua. Itulah senarai-senarai nama kampung, yang masih lagi belum ada kemudahan asas er... daripada yang diminta oleh rakan daripada Semambu di Kampung- Kampung Orang Asli. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan. Ada seorang tambahan.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, er… terima kasih sahabat dari Kerdau menjelaskan dan beri senarai yang kampung-kampung Orang Asli yang tak ada kemudahan asas. Cuma pertanyaan saya kepada wakil kerajaan negeri adalah er...

Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai satu tempoh masa yang diberikan untuk memastikan kampung-kampung Orang Asli yang tiada infrastruktur awam ni untuk mencapai status sifar dalam masa depan? Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker, di atas soalan tambahan. Kita kalau boleh seluruh di negeri kita ni semuanya selesa, jalannya, airnya dan apinya. Pada tahun 2000 dulu, sebahagian besar daripada kampung-kampung yang kita sebut ni langsung tak ada apa-apa. Contohnya saya nak sebutkan kampungkan Kampung, Kampung Lemoi, Limau Tulip. Itu nak pergi ke kampung tu kena mendaki bukit di Cameron Highlands.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lemoi, saya dah pergi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dan kalau nak turun daripada dakian kena pakai tali. Tapi sekarang ini kita dah buat jalan er... apa namanya daripada simen. Dato' Sri Speaker. Jadi, kita berusaha…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cameron Highlands.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

untuk menyelesaikan masalah- masalah membina ini. Dia terpaksa kita gembelingkan kita punya keupayaan yang sangat besar, kerana diorang jauh. Satu. Yang kedua. Contohnya kalau golongan kaum Bateq itu Dato' Sri Speaker, kampung dia tu bulan Januari duduknya di seberang kanan mudik eh… bulan Mac dah kiri mudik pula. Jadi dia, 2, 3 bulan sekali berpindah... berpindah, kita tengah mengatur nak buat jalan hala ke sini dia dah pindah hala ke sana pulak dah. Jadi ini di antara faktor-faktor yang kita susah untuk meletakkan jangka masa yang tepat untuk kita mengesan jauh tempat yang apa... bergunung-ganang, berbukit bukau, sungai, hutan rimba kemudian faktor tanah.

Dato' Sri Speaker,

Tanah ini kadang-kadang kita nak buat jalan eh... rupanya tanah... apa namanya er... yang telah di*gazette*? Tak boleh kita apa... nak tebang sewenang-wenangnya. Jadi benda ini, dalam pengetahuan kerajaan, kerajaan berusaha segigih mungkin untuk menyelesaikan permasalahan itu tetapi dalam waktu sama kita ada kekangan-kekangan yang terpaksa kita akur juga. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasih. Satu soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan. Wakil daripada Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya nak mintak sikitlah... daripada EXCO tengok-tengokkan iaitu di Bechah Kelubi. Di Bechah Kelubi di Teluk Gunung di mana kita minta diwujudkan tadika di... dan pihak KEMAS telah pun bersetuju dan katanya dah ada peruntukkan untuk membawa cikgulah di sana tetapi isunya sekarang ialah penempatan atau bangunan untuk diwujudkan bangunan tadika itu sebab tak ada tempat er... dicadangkan di surau. Tapi di surau tu kita takut ganggu kegiatan-kegiatan er… keagamaan yang dirancang di Bechah Kelubi itu. Kalau boleh Kerajaan Negeri boleh tengok sikit macam mana untuk kita menyelesaikan masalah ini. Ini isu lama dah ni.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh rakan daripada Padang Tengku mengenai untuk pembinaan bangunan tadika. Saya rasa benda ini saya akan bawa kepada er… KEMAS dan juga akan bincang di dalam MMK. Bagaimana untuk kita merungkaikan faktor tempat ini lah benda yang tadi akan macam… macam rakan

daripada Semambu juga ada benda kekangan-kekangan Dato' Sri Speaker, insya-Allah. Terima kasih kepada rakan er... Padang Tengku di atas pandangan dan cadangan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

Soalan Seterusnya kita pergi kepada wakil Damak soalan nombor 4.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Speaker, saya mengemukakan soalan nombor 4.

[Pada tahun 2018 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah menitahkan bagi memartabatkan tulisan jawi pada papan tanda seluruh Negeri Pahang.

a) Sehingga tahun 2023, sejauh manakah perlaksaan penerapan tulisan jawi di seluruh negeri Pahang?

b) Berapakah jumlah kutipan kompaun yang telah dikenakan bagi yang tidak mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri sejak arahan dikeluarkan?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kepada Damak telah mengemukakan soalan berkaitan dengan er... untuk memartabatkan tulisan jawi pada papan tanda di seluruh negeri Pahang. Untuk makluman sidang Dewan, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang ke-15 yang bertarikh 29 Mei 2019 telah meluluskan cadangan penyeragaman penggunaan tulisan jawi serta saiz tulisan jawi pada papan tanda, tunjuk arah, papan iklan premis perniagaan, papan tanda bangunan, papan tanda jalan dan lorong di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan negeri Pahang.

Untuk makluman Damak, hanya jenis perniagaan sahaja yang disyaratkan perlu disertakan dengan tulisan jawi. Manakala perkataan-perkataan lain adalah terpulang kepada pemilik perniagaan. Jenis tulisan jawi yang boleh digunakan adalah *Sakkal Majalla, Uthman* ataupun *Arabic style* dan bagi tujuan semakan ejaan perkataan untuk tulisan jawi ini bolehlah dirujuk dan mendapat pengesahan daripada Munsyi Dewan Jawi di UniPSAS terlebih dahulu dan ukuran saiz tulisan Jawi dicadangkan adalah sama ada sama saiz atau minima separuh daripada tulisan rumi yang di pada papan tanda dan sehingga Disember, 31 Disember 2023, sebanyak 110 kompaun telah dikeluarkan berjumlah RM15 ribu kepada pihak-pihak yang tidak mengikuti arahan-arahan pelaksanaan papan tanda tulisan Jawi di negeri Pahang. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Soalan tambahan. Terima kasih kepada YB Exco yang telah menjawab soalan tadi.

Pertamanya saya ucapkan tahniah. Ia kerana usaha yang begitu baik dan juga yang menyeluruh dalam pelaksanaan tulisan Jawi ini yang sepatutnya disokong oleh semualah. Yang keduanya berkaitan dengan badan tadi er… badan yang memantau tulisan jawi tadi berada di UniPSAS kan. Jadi kalau di peringkat er… daerah-daerah macam mana, contohnya, kalau kita menemui tulisan-tulisan yang silap, contohnya hari itu, saya pernah terjumpa er… bahasa inggeris diterjemahkan dalam Jawi. Contohnya, *welcome* jadi *welcome* itu ditulis *wau… ya... lam… kaf… mim…* ah… jadi YB EXCO agama lagi tahu la jadi *wau… lakum…*, jadi maknanya tu jadi macam beratlah. Jadi macam mana kita nak tangani kalau berlaku masalah kitorang jumpa terus nak rujuk kepada siapa yang supaya tulisan-tulisan ni dapat dipeliharalah ia supaya maknanya tidak menjadi yang sebaliknya.

Kemudian ketiga, saya ingin membuat cadangan supaya selain daripada menggunakan *font Arabic* tadi apa semua, apakah kalau kiranya di… di perkenalkan tulisan khat? Ia kerana tulisan khat ini lebih menarik mata memandang ia kalau kita *implement*kan pada kedai atau pihak pejabat-pejabat kerajaan. Itu sahaja terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada soalan daripada Damak. Antara bandar paling bahagia di Jerantut, 3 bandar paling bahagia...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bahagia.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Jerantut dan juga Cameron Highlands.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cameron Highlands.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Er… pemantauan ini kita dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah Tempatan dan Perbandaran ataupun bandar raya yang akan memantau daripada pelaksanaan tulisan Jawi di seluruh negeri Pahang. Kawasan-kawasan PBT dan dari segi semakan perkataan ini. Kita… sebab itu saya kata tadi… kita. Pertamanya bila kita buat pemohonan itu akan dirujuk terlebih dahulu kepada er… Munsyi Dewan Jawi ni di UniPSAS. Memang perkara ini kadang-kadang berlaku ada disebabkan apa ni… ejaan yang melibatkan bahasa orang putih itu belum masuk bahasa Jerman lagi belum masuk bahasa Holland lagi.

Jadi, kadang-kadang dia ada kekhilafan yang berlaku tersebut. Tetapi sekiranya kita ada ataupun terlihat mana-mana papan tanda yang er… kita nampak salah dan kita bolehlah memaklumkan kepada pihak Majlis Daerah ataupun Kerajaan Tempatan terbabit untuk diperbetulkan dan cadangan daripada Damak ini memang baik. Memang tulisan khat tu memang nampak cantik lah. Tapi kadang-kadang ada juga orang ni tidak boleh baca terus. Bila dah berpusing banyak tu kan… dia dah jadi lain macam dah. Jadi antara kita memartabatkan tulisan jawi ini adalah untuk pertamanya,

kita nak mendidik seluruh rakyat dalam negara kita. Bukan sahaja orang Melayu juga boleh baca jawi. Kalau boleh kita nak mintak daripada Tanah Rata baca jawi juga.

Kalau boleh satu hari daripada Semambu pun membaca jawi juga. Jadi kita nak ambik sese… apa... sesenang yang mungkin bila dia dah pandai esok, dia sendiri boleh buat tulisan khat. Jadi terima kasih kepada Damak, jadi kita akan cubalah. Walau bagaimanapun, satu cadangan yang baik kita akan cuba tengok dari segi apa… berbincang dan pelaksanaannya. Kalau boleh membawa kebaikan kepada kita semua. Insya-Allah kita akan laksanakan dalam negeri Pahang. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebut. Sebutkan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya bersetuju dengan Damak ni. Betul juga apa yang dijawab oleh rakan kerajaan. *wau… ya… lam… kaf… mim…* ni, kalau kita baca bahasa Arab dia akan bunyi *wai… lun…, wai…* ni maknanya macam kita baca Surah [bacaan ayat al-Quran] itu bahasa Arab maknanya tetapi ini tulisan jawi maknanya bukan tulisan Arab ertinya tulisan Melayu. Jadi kita *mindset*kan yang kita baca itu jawi Melayu. Jangan kita *mindset*kan yang kita baca itu Arab. Memang kalau dirujuk kepada Munsyi. Tulisannya begitu, Jawinya bukan Arabnya. Kalau Arabnya memang itulah bacaan. Betul Damak.

Tapi kalau Jawinya memang itulah bacaannya *welcome… wau… ya… lam… kaf… mim... welcome*… Jangan baca Arab... kalau... [bacaan dalam bahasa Arab] "celakalah engkau" maknanya... tapi dia baca… kita baca Jawi jangan baca Arab kalau baca kitab Arab kita kena buka kitab Arab ha... kita baca Jawi *welcome*, memang itulah ejaanya kita boleh rujuk dengan munsyi sama ada di majlis agama ataupun di apa... UnIPSAS. Terima kasih Dato' Sri Speaker, saja menambah tu pun.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri Speaker, ni nak tanya sikit ni Damak ni tadi er... [bacaan dalam bahasa Arab] ada pernah nampak?

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Ada pernah nampak sebelum ini tapi kita dah... dah ada peringatkan. Alhamdullilah berlaku perubahan cuma di Jerantut ni sebab dia pintu masuk ke Taman Negara jadi bukan... bukan orang Rompin ke, orang Benta ke datang ini orang daripada Arab Saudi datang. Jadi kalau dibaca itu, [bacaan dalam bahasa Arab] Jerantut ni [bacaan dalam bahasa Arab] terus. Jadi Alhamdulillah dah dibaiki dan insya-Allah nanti saya akan PM tepilah pada EXCO untuk kita bincang.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIB MOHD. ARIFF

Kerajaan Negeri memandang serius juga kalau kita [bacaan dalam bahasa Arab] tadi ya "celakalah kamu" kena ambil tindakan segeralah. Jadi kita minta semakan yang teliti daripada Dewan Munsyi daripada UnIPSAS, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam kita dengan Indonesialah. Kalau kita sini kita panggil sup ekor. Kalau di Indonesia saya malas sebutlah nama sup apa. Kalau tanya sup ekor tak ada di Indonesia ni ha... di Indonesia ini sebut… boleh sebut? Speaker ya boleh kita panggil sup buntut. Kalau di Indonesia sup buntut tu makna sup ekor. Tapi... tapi kalau pergi ke Indonesia pergi pula... minta air bandung takde, nak saya minta air bandung, saya nak air... nak makan mee bandung, takde. Tak jumpa di Indonesia tapi ada di Malaysia. Jadi benda-benda ni kita kena... kena... selaraskanlah insya-Allah. Seterusnya soalan seterusnya soalan nombor lima Wakil daripada Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Pertanyaan saya nombor lima.

[Apakah perkembangan terkini projek ECRL di negeri Pahang?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Er... soalan daripada Jenderak bertanyakan tentang perkembangan terkini projek ECRL di negeri Pahang.

Er… Projek Laluan Rel Pantai Timur ataupun ECRL sepanjang 665 kilometer adalah projek infrastruktur rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga Selangor. Pembinaan Projek ECRL ini dibahagikan kepada tiga seksyen iaitu Seksyen A daripada Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Mentakab dan Seksyen C daripada Mentakab ke Pelabuhan Klang melalui Gombak dan Serendah.

Jajaran ECRL ini merangkumi Seksyen A sehingga Seksyen C, terdiri daripada 20 buah *station* secara keseluruhannya. *Station* ECRL bermula dari... bermula dengan 2 *station* di negeri Kelantan maknanya Kelantan 2 *station*, di Terengganu ada 6 seksyen… 6 *station*, er... di Pahang ada 7 *station* dan di Selangor ada lima buah *station*. *Station-station* yang terdapat di negeri Pahang khususnya di Cherating, Cherating ini ialah *station* penumpang. Kemudahan *station* di Kuantan Port City. Kuantan Port City ada *station* penumpang dan *station* kargo. Er... *station* KotaSAS *station* penumpang sahaja, *station* di Paya Besar *station* penumpang dan kargo, *station* Maran *station* penumpang dan kargo, Temerloh *station* penumpang dan kargo dan Bentong *station* penumpang dan kargo.

Selain daripada itu, jajaran sisihan ataupun dengan izin *spirline* ini di negeri Pahang iaitu 2 jajaran sisihan berada di daerah Kuantan iaitu satu di Kuantan Port City 1 ataupun KPC 1 dan juga Kuantan Port City 2 (KPC 2) yang menghubungkan dengan Pelabuhan Kuantan dan satu lagi sisihan berada di Temerloh yang... yang berintegrasi dengan jajaran Keretapi Tanah Melayu er... Berhad. Jumlah keseluruhan panjang

jajaran negeri Pahang adalah sepanjang 258.64 kilometer yang merangkumi jajaran utama 237 kilometer dan jajaran sisihan sepanjang 21.48 kilometer.

Sehingga Februari 2024, status kemajuan keseluruhan projek ini telah mencapai 62.4% ini secara keseluruhan. Manakala kemajuan kerja pembinaan di negeri Pahang telah mencapai 58.97%. Dan pada ketika ini pembinaan Projek ECRL melibatkan kerja-kerja struktur utama seperti pemasangan rasuk, *beam launching*, pembinaan stesen, pembinaan terowong dan pemasangan landasan ataupun *track laying* dengan izin sedang giat dilaksanakan di sepanjang jajaran. Sejumlah 25 terowong daripada keseluruhan 30 terowong di negeri Pahang maknanya di Pahang ada 30 buah... 32 buah terowong yang telah ditembusi daripada 32, 25 telah ditembusi atau bersamaan dengan 29.35 kilometer panjang terowong.

Manakala bagi struktur jambatan sejumlah 829 daripada 1,282 rentang atau *span* er... untuk pemasangan *rasuk-rasuk binoche* telah siap dipasang di jajaran utama maknanya lebih kurang 65% lah er... dia punya er... jumlah rasuk yang telah dipasang. Kerja-kerja bagi 7 *station* di Pahang juga sedang giat dilaksanakan manakala bagi jajaran sisihan ke Kuantan Port, kerja-kerja tanah dan cerucuk jambatan sedang giat dijalankan.

Selain daripada itu, kerja-kerja pemasangan landasan di negeri Pahang telah bermula sejak Disember 2023 dan sehingga kini hampir 40 kilometer panjang landasan telah siap dipasang. Bagi negeri Pahang di jajaran utama dengan menggunakan *track laying* mesin. Pada masa ini tarikh siap projek ECRL bagi Fasa 1 dari Kota Bharu, Kelantan hingga ke ITT, Gombak di Selangor masih kekal seperti dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala penyiapan bagi fasa seterusnya iaitu di negeri Selangor iaitu pada Gombak hingga ke Pelabuhan Klang dijangka siap pada 31 Disember 2027.

Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Er… soalan tambahan Dato' Sri Speaker...

YBSPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan bagi Wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Er… boleh tak dapatkan peratus kemajuan kerja terowong yang menghubungkan Bentong – Gombak? Sekian.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bentong – Gombak er... Dato' Sri Speaker, saya tidak ada maklumat *detail* er… dari segi peratusan daripada Gombak… er… apa ni… daripada Gombak… Bentong - Gombak sebab yang dibagi maklumat keseluruhan di negeri Pahang di 32 buah terowong dan 25 yang dah siap daripada 30 jadi er… maklumat *detail*, saya akan bagi kemudian.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN WAN ISMAIL

Dato' Sri Speaker, saya nak tambah sikit.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN WAN ISMAIL

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Projek ECRL ini akan siap pada tahun 2026 siap tetapi akan beroperasi pada awal tahun 2027. Ini perbincangan awal antara saya dengan MRL dan saya telah minta supaya kalau boleh dipercepatkan lagi kerana saya percaya baru-baru ini saya pergi ke China melawat pejabat mereka dan mereka sedang usahakan maknanya kalau siap 2026, kalau boleh beroperasi tahun 2026 itu lebih bagus. Itulah perkembangan terkini Yang Berhormat Speaker, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Wakil takde? Soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor enam,

Wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDIN BIN SALIM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor enam.

> [Kawasan Perindustrian di Temerloh
>
> Berapakah jumlah kawasan perindustrian yang terdapat di daerah Temerloh?
>
> Apakah fokus pihak kerajaan negeri dalam membangun dan memajukan kawasan-kawasan perindustrian yang ada di Temerloh?]

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB Dato' Sri Speaker dan terima kasih juga kepada sahabat saya, ADUN Kuala Semantan yang bertanyakan soalan iaitu berapakah jumlah kawasan perindustrian yang terdapat di daerah Temerloh dan apakah fokus pihak Kerajaan Negeri dalam membangun dan memajukan kawasan kawasan perindustrian yang ada di Temerloh? Baik. Di Temerloh 4 kawasan perindustrian yang berada di daerah Temerloh berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 penggantian iaitu pertamanya, Taman Perindustrian Temerloh di Mentakab, kedua Taman Perindustrian Songsang, ketiga, Taman Perindustrian Kampung Sempadan dan akhir sekali kawasan Industri Seberang Temerloh.

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa memberi fokus kepada kawasan-kawasan perindustrian di negeri Pahang secara keseluruhannya dengan kerjasama semua jabatan baik di jabatan negeri dan di Persekutuan seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK), Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Malaysia Investment Development Authority (MIDA), East Coast Economic Region Development Council, (ECERDC), Ministry of International Trade Industry (MITI) dengan izin dan lain-lain lagi.

Selaras dengan projek ECRL di negeri Pahang, pihak MIDA sedang melaksanakan pelan pembangunan dan pelaburan melalui *Economic Accelerator Projects* dengan izin projek yang boleh dibangunkan dalam radius 20 hingga 30 kilometer daripada stesen tersebut. Stesen ECRL Temerloh dicadangkan untuk menyokong industri sekitar stesen ECRL.

Fokus kerajaan negeri dalam membangun dan memajukan kawasan industri di Temerloh adalah melalui industri perkayuan dan perlombongan antaranya. Antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan bagi menyediakan ekosistem yang kondusif dan mesra pelabur kepada sektor perindustrian negeri Pahang, Kerajaan Negeri melalui jabatan ataupun agensi telah menyediakan peruntukan untuk menyelenggara kawasan perindustrian termasuk membaiki membaik pulih jalan-jalan dan kemudahan di kawasan perindustrian di samping memudah cara urusan pelaburan sektor perindustrian.

Manakala berdasarkan kajian Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Temerloh 2035, ia memfokuskan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang ada terutama Kawasan Perindustrian Temerloh er… ke arah industri berteknologi tinggi berasaskan Revolusi Industri 4.0 ke arah gabungan industri elektronik dan mikro elektronik dan juga penekanan industri *drone* berteknologi berasaskan kecerdasan buatan ataupun dengan izin *artificial intelligence*.
Dapat juga cadangan untuk membangunkan kawasan perindustrian perabot Kampung Sempadan Lanchang bagi penempatan Pusat Perkhidmatan Logistik Bersepadu Berasaskan pertanian dan perkayuan di peringkat wilayah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan nombor 7 wakil daripada Kemayan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

> [Apakah kategori Usahawan yang akan dapat menyertai kursus dan latihan bagi Program Anggun Maju?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga kepada sahabat dari Kemayan. Untuk makluman semua, pada tahun 2022 dan juga 2023, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan khas usahawan kecil ibu tunggal yang B40 yang kita namakan Anggun Niaga.

Manakala satu lagi program yang dinamakan Anggun Usaha telah diberikan kepada golongan keluarga yang kurang berkemampuan iaitu B40 bagi memastikan para usahawan kecil ini dapat memajukan perniagaan mereka dengan lebih sistematik dan teratur.

Semua peserta Anggun Niaga dan Anggun Usaha diberi bantuan sebanyak RM1,000.00 setiap seorang bagi menambah baik keperluan perniagaan mereka dan kesinambungan kepada usaha tersebut untuk tahun 2024 ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu lagi program yang dinamakan Anggun er... Anggun Maju. Anggun Maju ini adalah di mana kedua-dua peserta daripada Anggun Usaha dan Anggun

Niaga ini kita campurkan untuk kita menambah baik perniagaan yang telah mereka jalankan.

Jadi di situ kita akan memberikan latihan yang terbaik untuk mereka memajukan lagi perniagaan dan disamping itu juga kita juga menawarkan kursus Anggun Maju ini kepada golongan-golongan lain yang bersesuaian di luar sana di mana peserta untuk Anggun Maju ini, kita sasarkan seramai seribu orang yang terdiri pada Anggun Niaga, Anggun Usaha dan beberapa lagi kumpulan kecil lain. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya di jemput wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih Dato' Sri Spekar, soalan saya nombor 8.

> [Penubuhan Sekretariat Perantau Anak Pahang merupakan satu inisiatif yang baik di dalam menyantuni anak-anak negeri Pahang yang berada di luar Pahang dan memberi ruang dan peluang kepada mereka mendapatkan segala maklumat, inisiatif, bantuan dan kerjasama mengenai Negeri Pahang. Berapa ramaikah yang telah mendaftar sehingga kini dan apakah rancangan atau inisiatif khas yang disediakan buat mereka?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT, selamat pagi Yang Berhormat Dato' Sri Speakar, terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sabai atas soalan mengenai keberadaan perantau, Sekretariat Perantau Anak Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speakar,

Sekretariat Perantau Anak Pahang telah dilancarkan secara rasminya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang pada 5 Januari lalu di World Trade Center, Kuala Lumpur. Pelancaran yang julung-julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan yang cukup baik daripada perantau anak Pahang di mana lebih 500 perantau anak Pahang meliputi pelbagai lapisan dan latar belakang serta merentasi golongan profesional, usahawan, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta sehingga kepada pelajar pelajar di institut pengajian tinggi mengambil bahagian dalam program ini dan Sekretariat Perantau Anak Pahang ini dinaungi sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato’ Sri Haji Zulkifli Haji Ya’acob.

Penubuhan Sekretariat Perantau Anak Pahang ini adalah manifestasi kepedulian dan kecaknaan serta keprihatinan Kerajaan Negeri Pahang terhadap kebajikan, untung nasib dan keberadaan perantau anak Pahang walau di mana jua mereka berada. Setakat ini seramai 21,798 orang perantau anak Pahang yang bermastautin dan bekerja di luar Pahang telah mendaftar kepada Sekretariat Perantau Anak Pahang ini.

Antara objektif utama penubuhan sekretariat ini, yang pertama ianya berfungsi sebagai *One Stop Center* kepada perantau anak Pahang bagi mendapatkan segala

maklumat yang tepat lagi benar berhubung segala inisiatif serta polisi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Yang keduanya, membantu Kerajaan Negeri Pahang membuat perancangan dan penyelarasan dari segi penyaluran bantuan kebajikan dan sumbangan kepada rakyat-rakyat Pahang yang berada di perantauan. Dan yang ketiganya, memperkukuh silaturahim, hubungan serta talian di antara Kerajaan Negeri Pahang dan juga perantau anak Pahang.

Sehubungan itu, setiap perantau anak Pahang digesa untuk mendaftar kepada Sekretariat Perantau Anak Pahang melalui *google form* yang terdapat di Facebook Sekretariat Perantau Anak Pahang dan juga tiktok Perantau Anak Pahang atau perantau anak Pahang boleh menghadirkan diri terus ke Pejabat Sekretariat Perantau Anak Pahang yang bertempat di tingkat 6 di World Trade Centre, Kuala Lumpur untuk sebarang urusan termasuk pendaftaran.

Setakat ini, pelbagai program telah dilaksanakan oleh sekretariat ini sejak pelancarannya pada Januari lalu. Antaranya adalah Program Larian Tok Gajah, Kuala Lumpur pada 18 Februari lalu yang menghimpunkan perantau anak Pahang dan masyarakat sekitar untuk beriadah, berlari bersama-sama terlibat dengan aktiviti sukan dan juga sebagai medium untuk mempromosi negeri Pahang kepada warga Kuala Lumpur.

Yang kedua, program pemberian baucer minyak petrol dan diesel 'Moh Balik Beraya ke Pahang' pada 31 Mac lalu bagi meringankan beban kewangan perantau anak Pahang yang ingin pulang ke kampung halaman bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Dalam hal ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana menambah jumlah baucer ini yang asalnya kita peruntukkan kepada seribu orang perantau Anak Pahang terawal. Tapi bila sambutan yang cukup hebat dan menggalakkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tambah kepada 5,000 baucar untuk Perantau Anak Pahang.
Yang ketiganya, adalah Program Rumah Terbuka Aidilfitri yang dilaksanakan di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur baru-baru ini bagi mengukuhkan ukhuwah antara Perantau Anak Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang.

Yang keempat, beberapa siri perjumpaan dan ramah mesra antara Kerajaan Negeri dan juga mahasiswa serta penuntut institut pengajian tinggi di seluruh negara yang berada di luar Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Insya-Allah selepas ini, pelbagai program, inisiatif dan pendekatan yang akan dilaksanakan oleh Sekretariat Perantau Anak Pahang ini untuk mendekati untuk membela kebajikan anak-anak Pahang yang berada di perantauan bukan sahaja di Lembah Klang tetapi juga di seluruh negara dan negeri-negeri lain termasuk di luar negara. Ini kerana menerusi Sekretariat Perantau Anak Pahang ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan limpahan kebajikan turut dinikmati Perantau Anak Pahang di samping penyaluran maklumat yang tepat berdasarkan prestasi semasa Kerajaan Negeri Pahang sambil ingin membendung persepsi negatif yang cuba ditularkan oleh pihak-pihak tertentu di media sosial yang bertujuan menjejaskan reputasi dan kredibiliti Kerajaan Negeri Pahang.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil daripada Tanah Rata. Soalan tambahan.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan. Apakah rancangan Sekretariat Perantau Anak Pahang atau Kerajaan Negeri secara amnya untuk menggalakkan er… mahasiswa-mahasiswi negeri Pahang yang belajar di luar Pahang untuk balik ke Pahang untuk bekerja ataupun memulakan perniagaan? Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tanah Rata atas soalan tersebut. Sebenarnya sekarang kita di peringkat Sekretariat Perantau Anak Pahang ini kita sedang kemaskini data yang diperolehi di kalangan perantau anak Pahang itu sendiri dan juga mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di luar daripada negeri Pahang ini.

Dan dalam sesi perjumpaan tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sentiasa melaporkan prestasi ekonomi dan juga peluang-peluang yang terdapat di negeri Pahang ini dan kalau fokus kepada pekerjaan misalnya tadi dan juga perniagaan, saya rasa selepas ini melalui data-data yang kita perolehi selepas kita saring yang saya sebutkan tadi, 21,798 orang melibatkan perantau sahaja belum termasuk daripada data mahasiswa mahasiswa ini, kita boleh adakan perjumpaan-perjumpaan khusus menawarkan pada mereka, mungkin ramai yang tak tahu.

Misalnya untuk orang muda, adanya Pahang Skills yang menyediakan peluang latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar dalam tempoh 3 bulan, 6 bulan, setahun er… dalam bidang kemahiran untuk mereka menceburi bidang-bidang ini, selagi… sekaligus boleh berkhidmat di negeri Pahang bila tamat pengajian kelak dan dari sudut pentadbiran misalnya, mungkin kita akan boleh adakan sesi-sesi bersama dengan EXCO-EXCO Kerajaan Negeri yang terlibat untuk kita berkongsi maklumat-maklumat ini dengan mereka. Terima kasih Yang Berhormat Tanah Rata.

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya kita bagi kepada soalan nombor 9 wakil daripada Sungai Lembing.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 9.

> [Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan kawasan DUN Sungai Lembing yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya kepada anak-anak muda tempatan?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih er… pertanyaan dari ADUN Sungai Lembing. Untuk menjawab soalan ini. Setakat Mac 2024, seramai 311 pencari kerja direkodkan di kawasan Bukit Goh dan Sungai Lembing. Untuk memastikan setiap pencari kerja memperoleh pekerjaan yang diingini, Kerajaan Negeri melalui PERKESO adalah menyerah… menyediakan kuota MYFutureJob untuk mereka mencari kerja. *So*… untuk Pahang sampai Mac 2024 adalah 2,018 peluang pekerjaan aktif negeri Pahang. Kalau di seluruh Malaysia adalah 118,000 peluang pekerjaan untuk mereka cari.

Untuk mewujudkan peluang pekerjaan, saya mohon wakil rakyat dari DUN Sungai Lembing, pergilah berjumpa dengan kilang-kilang kelapa sawit… lah, minta pengurus ambil pekerja tempatan atau anak muda ini boleh bekerja sebagai *boilerman*. Kita sebagai ADTEC Jerantut kita boleh bagi *training* yang *free*. Dia boleh belajar dekat 2… 3 bulan dekat Jerantut dan dia boleh kerja *boiler*. Untuk maklumat, *boiler* ini hanya untuk anak tempatan sahaja. Tak boleh ambil pekerja asing dan juga di sung…di Sungai Lembing ini ada peluang pelancongan juga. *So*, harap-haraplah anak muda kita ni boleh cari kerja lah di Sungai Lembing ini. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Er… Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya kira soalan… jawapan tadi tidak berapa menepati jawapan… soalan yang saya tanyalah. Soalan tambahan saya, merujuk kepada berita daripada Utusan Online bertarikh 26 April 2024, er… tajuk dia 'JRG Minerals, Shandong Huaxin meterai MoU projek RM15 bilion di Bukit Goh'. Soalan saya, sejauh mana perkembangan pelaburan yang dimaksudkan dan manfaat kepada warga peneroka khususnya peluang pekerjaan kepada anak-anak muda. Dan apakah ini penyelesaian… sebahagian penyelesaian kepada masalah bauksit bagi peneroka di Bukit Goh?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta maaf, boleh ulang sekali lagi tak?

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, merujuk pada tajuk akhbar Utusan Online bertarikh 26 April 2024. 'JRG Minerals… JRG Minerals, Shandong Huaxin meterai MoU projek RM15 bilion di Bukit Goh. Soalan saya, sejauh mana perkembangan pelaburan yang dimaksudkan dan manfaat kepada warga peneroka khususnya peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di DUN Sungai Lembing dan apakah ini sebahagian penyelesaian kepada masalah bauksit peneroka Bukit Goh?

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Izinkan saya mencelah. Terima kasih banyak kepada soalan Sungai Lembing. Saya mohon menjawab serba sedikit mengenai status perjanjian yang telah digembar gemburkan di dalam Utusan Online tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bahawasanya satu majlis jawatankuasa khusus er… akan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan terutama sekali peneroka dan juga anak-anak peneroka dan juga sekitar FELDA Bukit Goh kerana belum ada kata putus lagi untuk pembangunan di dalam FELDA Bukit Goh ini.

Insya-Allah, jika kita mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Negeri dan juga FELDA, insya-Allah kita akan bentangkan dalam persidangan DUN pada akan datang, insya-Allah. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Er… Terima kasih er… EXCO FELDA. Saya menjaga portfolio cari kerja. Yang untuk pelaburan ini saya tak tahu. Minta maaflah, *so* mungkin kita kena *refer* kepada EXCO Pelaburan. Okay, terima kasih.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, terima kasih YB Teruntum. Sebab dalam soalan saya ini, perancangan kerajaan untuk membangunkan kawasan DUN Sungai Lembing. Saya tak bertanya peluang… stastistik mencari kerja dan saya rasa jawapan tadi merujuk kepada… lebih merujuk kepada situlah. Jadi telah jelaslah dengan soalan saya tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay. Kita pergi soalan seterusnya. Soalan nombor 10, wakil daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 10. Terima kasih.

> [Apakah strategi dan tindakan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta komitmen bagi memulihkan kegemilangan Bukit Fraser sebagai pusat pelancongan yang termasyur suatu ketika dahulu. Apakah plan untuk menarik semula pelancong pergi ke sana?]

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tras. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, untuk menarik pelancong ke Bukit Fraser, beberapa usaha kerajaan telah dilaksanakan atau dirancang. Antaranya, pertama penyediaan infrastruktur dan fasiliti seperti pelancongan. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan peruntukan RM1.24 juta untuk beberapa projek termasuk pemasangan lampu jalan jenis LED, menaik taraf Pura…Pusat Rekreasi Pelancongan Paddock di Bukit Fraser, menaik taraf infrastruktur park and garden Bukit Fraser, menaik taraf infrastruktur beberapa trail di Bukit Fraser dan selain itu, pihak MOTAC pada tahun lepas juga meluluskan RM500 untuk projek menaik taraf laluan pejalan kaki di Kompleks Pelancongan Bukit Fraser juga menaik taraf Pelantar Terapung, Pusat Rekreasi Pelancongan Allan's Water, Bukit Fraser.

Yang kedua dengan er…penganjuran acara. Jadi mengikut kalendar acara pelancongan tahun ini. Terdapat 4 acara yang telah disenaraikan iaitu Fraser's Hill International Bird Race yang akan berlangsung pada bulan depan. Kejohanan Memanah Field Kebangsaan Bukit Fraser, Fraser's Hill Canoe Polo Competition dan Healing@Fraser's Hill. Keempat-empat acara ini kita mensasarkan peserta dari dalam dan luar negara dan ketiga er…usaha promosi. Usaha promosi diteruskan dengan pener…penerbitan bahan-bahan er…promosi dan juga bekerjasama dengan pihak media untuk penganjuran *fam trip*. Ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Tourism Pahang malah juga dengan kerjasama daripada Tourism Malaysia.

Akhir sekali tentang pengurusan Bukit Fraser seperti yang dibahaskan Yang Berhormat Tras dalam sesi perbahasan beliau pada tahun 1997 er…fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan telah diserahkan kepada Majlis Daerah Raub. Jadi setakat ini Majlis Daerah Raub ada cawangan di Bukit Fraser dengan kakitangan seramai 12 orang dan masing-masing ditugaskan untuk perkhidmatan sebagai contoh kerja-kerja pembersihan, kerja-kerja…kerja-kerja keindahan dan landskap, kerja-kerja kutipan sisa pepejal, kerja penyelenggaraan padang golf, er.. ak…kutipan aktiviti di tapak perkhemahan, pemeriksaan bagi aktiviti perlesenan, kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan awam dan juga bantu jabatan bahagian atau unit yang berkaitan untuk er…pelaksanaan projek pelesenan cukai pintu dan sebagainya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir pada hari ini kita pergi pada soalan nombor 11.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bagi pihak Yang Berhormat Tanjung Lumpur, saya kemukakan soalan 11.

> [Berapakah jumlah peminjam TEKUN atau Amanah Iktihar kepada penduduk DUN Tanjung Lumpur dan berapa jumlahnya?]
>
> [Apakah perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah pinjaman tertunggak tesebut?]

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Beserah mewakili kepada Yang Berhormat Tanjung Lumpur di atas persoalan berapakah jumlah peminjam TEKUN atau Amanah Ikhtiar kepada penduduk di DUN Tanjung Lumpur dan juga berapa jumlahnya dan juga apakah perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pinjaman tertunggak tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga Ahli Dewan yang dimuliakan,

Bahawasanya kita dapat difahami bahawa TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar ini banyak membantu terutama sekali golongan-golongan usahawan er…yang baru bertapak dalam perniagaan mahupun ingin memperkasakan perniagaan mereka dan juga TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar juga banyak membantu di seluruh negara dan terutama sekali di negeri Pahang ini, insya-Allah. Dan juga pada tahun 2023 seramai 534 orang sahabat usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia ataupun AIM di DUN Tanjung Lumpur telah menerima pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.01juta dan juga manakala bagi tahun 2024 pembiayaan yang telah diperuntukkan dan sehingga Februari 2024 adalah kepada 505 orang sahabat usahawan AIM adalah berjumlah 790,000 orang eh RM790,000.

Untuk makluman semua Ahli-ahli Dewan, kedua-dua agensi iaitu TEKUN dan juga AIM telah menyediakan pembiayaan kepada lebih daripada 41,522 usahawan di negeri Pahang dengan jumlah lebih kurang 727.3juta. Daripada jumlah tersebut, kutipan sebanyak 637.35 juta berjaya dibuat dan juga beberapa pelan tindakan untuk mengatasi masalah bayaran tertunggak telah pun dilaksanakan dan sedang dilaksanakan seperti berikut. Pertamanya adalah penjadua…penjadualan semula akaun tertunggak. Kedua meneruskan tindakan undang undang.

Ketiga menjalinkan kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Akaun tertunggak akan dimasukkan dalam sistem rekod perbankan dan juga kelima semakan lebih teliti kepada permohonan baharu kemudiannya keenam mempergiat kutipan bayaran balik dan tawaran diskaun untuk bayaran balik secara penuh. Demikian Dato' Sri dan saya ingin menjelaskan Dato' Sri ingin menambah nak ucapkan penghargaan kepada usahawan dua usahawan FELDA yang telah memberikan sumbangan kita pada hari ini iaitu usahawan daripada Wak Samien bin Wahid, peneroka yang berasal daripada fle…FELDA Selancar 2 dan juga saudari Nor Afizah binti Rosman generasi kedua FELDA Keratong 4 yang telah memberikan sumbangan kita untuk semua yang hadir pada hari ini. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan tambahan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Satu soalan tambahan, er…berdasarkan data yang ada saya ingin mendapat penjelasan berapa orang yang diambil tindakan undang-undang kepada peminjam dan er…apakah tindakan sama ada dia diambil tindakan mahkamah atau dipenjara ataupun di… jumlah bilangan dan berapa kos yang tindakan undang-undang sahaja.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat er... Cheka, sekalian dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya belum lagi mempunyai data yang terbaru untuk 2024 dengan 2023 yang telah diambil er…tindakan ataupun sebarang tindakan susulan daripada itu. Namun pihak er… TEKUN dan juga AIM ni kebiasaan ya, kebiasaannya ia menghantar dahulu kepada AKPK. Kaunselingkan mereka ini dahulu sebelum dianjakkan kepada fasa tindakan undang-undang di dalam mahkamah ataupun dalam perbankan dipanggil CTOS dan juga CRISS.

Namun, pihak AKPK ini banyak membantu kepada kebanyakan usahawan-usahawan daripada TEKUN dan juga AIM untuk membantu mereka untuk menjadualkan semula pinjaman-pinjaman mereka daripada menyenarai hitam kepada usahawan-usahawan tersebut kerana nilai pinjaman TEKUN ni RM20,000, RM50,000. Ini memberikan satu sikap buruk dan juga satu sikap negatif nanti pula kepada pihak usahawan-usahawan tersebut. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan 1.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mungkin Pihak Kerajaan boleh jawab secara bertulis, saya mo… nak minta penjelasan berapakah jumlah atau bilangan mereka yang gagal seluruh negeri Pahang untuk menjelaskan er…semula pinjaman mereka dan apakah punca kegagalan mereka? Adakah disebabkan oleh kos perniagaan yang tinggi, kegagalan perniagaan ataupun apa-apa sebab lain masih? Terima kasih.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Dato' Sri. Kita akan buat jawapan bertulis untuk Yang Berhormat dari Berserah. Terima kasih Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 er… pertanyaan dan jawapan sebelum saya menempohkan persidangan. Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah pertanyaan yang diterima bagi Sidang pada kali ini adalah sebanyak 175 soalan. Daripada semua apa nama Wakil Rakyat kita dan 43 soalan khas ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. 44 pertanyaan telah dipilih sebagai pertanyaan lisan harian manakala 131 akan dijawab secara bertulis melalui Sistem Soalan Dewan Pahang iaitu SSDP. Jumlah pertanyaan tambahan sehingga Jumaat ya sehingga hari Jumaat lepas 10 Mei 2024, tidak termasuk pada hari ini nanti apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar buat membuat penggulungan adalah sebanyak 189 pertanyaan.

Jabatan dan Agensi Kerajaan akan menyediakan jawapan bagi pertanyaan yang telah direkodkan. Jawapan ini akan dijawab secara bertulis dan akan dipaparkan di dalam sistem selepas Pihak Kerajaan memperhalusi dan berpuas hati dengan jawapan tersebut. Sekiranya Pihak Kerajaan berpendapat jawapan tersebut perlu diharmonikan. Jabatan dan Agensi Kerajaan akan menambah baik kandungan jawapan sehingga Pihak Kerajaan berpuas hati. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan akan disambung semula pada pukul 11.55 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 11.26 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAH DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan menimbang Usul Menjunjung Kasih atas Ttah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis adalah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja pada Dewan Negeri. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah pun disokong dan dibahaskan pada 8 dan 9 Mei 2024. Seterusnya pihak kerajaan seramai 10 orang telah pun memberikan jawapan- jawapan pada hari Jumaat 10 Mei 2024.

Pada hari ini majlis akan menyambung menimbang Usul tersebut. Sekarang saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Usul tersebut. Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat ucapan penggulungan. Yang Berhormat Speaker, Alhamdulillah syukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmat serta keizinannya telah sampailah kepada giliran saya untuk menggulung Usul Perbahasan Titah Diraja pada hari terakhir persidangan kita pada hari ini.

Terlebih dahulu patik menzahirkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah atas perkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada hari isnin yang lalu.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ke Dewan yang mulia ini cukup bermakna dan cukup istimewa kerana buat pertama kalinya Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku berangkat sebagai Sultan Pahang setelah 5 tahun mengemudikan tampuk pemerintahan negara sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ke-16. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih atas lafaz Titah Diraja yang menjadi panduan amat berguna kepada kerajaan, Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku serta kepada patik pacal-pacal Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagi diri patik sudah pastinya Titah Tuanku itu akan menyemarakkan lagi tekad dan iltizam patik untuk terus mencurahkan bakti bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan dan kemakmuran negeri terus dipertingkatkan. Selanjutnya jua patik menzahirkan ucapan menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah atas Kecemerlangan Tuanku memerintah Negeri Pahang Darul Makmur dengan penuh bijaksana selaku Pemangku Raja Pahang sepanjang tempoh 5 tahun.

Patik mendoakan semoga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang bersama-sama Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang sentiasa berada dalam rahmat pemeliharaan dan perlindungan Allah SWT, selamat sejahtera, dilanjutkan usia serta dikurniakan sihat walafiat amin.

Yang Berhormat Speaker,

Terima kasih kerana lagi sekali mengizinkan saya untuk bangun berbahas, menggulung bagi pihak kerajaan negeri serta menjawab beberapa soalan di bawah jawatankuasa-jawatankuasa Saya. Namun begitu sebelum saya meneruskan penggulungan ini terlebih dahulu sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pang Sok Tao calon Kerajaan Perpaduan yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Bharu pada sabtu lalu dengan majoriti 3869 undi. Kemenangan ini telah meneruskan lagi kesinambungan kemenangan calon-calon daripada kerajaan perpaduan seperti di Tioman dan Pelangai dalam siri pilihan raya sebelum ini. Semoga Puan Pang Sok Tao dapat menjalankan tugas sebagai wakil rakyat dengan baik dan meneruskan agenda pembangunan rakyat di Kuala Kubu Bharu dan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Speaker,

Pada hari rabu dan khamis yang lalu kita semua telah menyaksikan seramai 25 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada kali ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas secara berhemah dan sopan untuk menyatakan pandangan serta berusaha mendapatkan maklumbalas daripada kerajaan negeri. Mudah-mudahan Allah SWT memudahkan segala urusan kita dan mengurniakan rahmatnya kepada kita semua.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air di negeri Pahang. Saya mulakan penggulungan saya dengan menyentuh isu ini kerana boleh dikatakan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini sama ada di sebelah kerajaan ataupun di sebelah pembangkang. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, saya tidak menafikan masalah perkhidmatan bekalan air ini masih lagi berlaku dan ianya boleh… bukan boleh diselesaikan dengan sekelip mata. Seperti mana yang sering saya katakan isu bekalan air di Pahang memerlukan peruntukan yang besar, tempoh masa yang panjang serta komitmen yang cukup tinggi malah agenda meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air ini amat dekat di hati saya dan sudah pastinya ia menjadi fokus utama kerajaan negeri untuk mentransformasikan perkhidmatan ini ke arah yang lebih baik.

Yang Berhormat Speaker,

Semakan semula kadar tarif air bagi pengguna domestik di negeri Pahang yang terakhir adalah pada tahun 1983 iaitu 41 tahun yang lalu di mana kadar tarif domestik yang lama adalah 0.37sen. 0.37 sen per meter padu, satu meter padu bersamaan dengan 2000 botol air yang berkapasiti 500 mililiter. 41 tahun ni Yang Berhormat Speaker, maknanya ada Ahli-ahli Dewan ni yang belum lahir pada masa itu sekarang ni dah jadi Ahli Yang Berhormat. Punya lama tak lama tarif air ini dan ini bermakna boleh kita katakan sepanjang 41 tahun kerajaan negeri melalui Pengurusan Air Pahang Berhad atau PAIP telah memberikan subsidi kepada rakyat negeri ini secara

tidak langsung dan caj dikenakan jauh lebih rendah berbanding kos sebenar air terawat.

Walau bagaimanapun keadaan ini memberi impak negatif kepada perkhidmatan pembekalan air di Pahang. Paip-paip lama tidak ditukar, loji tidak dapat dinaiktaraf dan tangki-tangki menjadi usang dan uzur malah seperti mana sahabat saya Yang Berhormat ADUN Benta menjelaskan jumaat yang lalu bahawa paip lama jenis AC dengan izin *Abestos Cement* terlalu uzur dan sering pecah secara berjangkit. Kita *repair* di sini pecah di sana, *repair* di sana pecah disini. Seperti mana kata Yang Berhormat Speaker daripda Bentong… daripada Benta, *engineer* jadi lebih tahu daripada saya lah. Speaker setuju?

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Setuju.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Speaker. Sama ada kita suka atau tidak suka mahu tidak mahu kerajaan negeri Pahang melalui PAIP perlu menjalankan kerja-kerja naik taraf untuk memastikan bekalan air kepada pengguna lebih terjamin dan seiring dengan kemajuan dan pembangunan yang semakin meningkat di Pahang. Kos perbelanjaan modal ataupun dengan izin, *carped* untuk meningkatkan taraf perkhidmatan air sebenarnya adalah amat tinggi. Paip-paip lama perlu diganti, tangki-tangki usang perlu dibaiki dan loji-loji perlu dinaik taraf.

Pelbagai penambahbaikan telah dirancang dan transformasi paip secara keseluruhan amat dititikberatkan sejak saya menerajui kerajaan negeri dan sehingga kini alhamdulillah kita mula dapat melihat hasil yang positif. Kedudukan kewangan PAIP lebih stabil dan semakin mengukuh. Pelbagai projek projek *carped* telah dibuat di samping kerja-kerja operasi ataupun *odd Pac* dijalankan untuk tujuan rekod dan untuk makluman rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian sama ada di sebelah sana atau pun di sebelah sini. Bagi fasa pertama sahaja pembiayaan sebanyak RM926 juta telah diluluskan oleh Pengurusan Aset Air Berhad ataupun PAAB dan PAIP juga di dalam proses perbincangan untuk tambahan RM700 juta lagi bagi mendapatkan peruntukan.

Yang Berhormat Speaker,

Projek Pembangunan Perkhidmatan Bekalan Air Pahang fasa pertama kini sedang giat dilaksanakan dengan status semasa seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini iaitu 13. Jika projek sudah siap dilaksanakan, ia bernilai RM 121.2 juta, 32 projek sedang dilaksanakan nilai RM 461 juta dan 82 projek sedang peringkat pra pembinaan bernilai RM 1.91 bilion. Di manakah projek-projek tersebut?

Yang Berhormat Speaker, saya ada senarai, di Bentong ada, di Bera ada di Cameron Highlands ada, Jerantut ada, Kuantan ada, Lipis ada. Boleh dikatakan semua daerah ada. Saya harap rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, terutama daripada sebelah pembangkang cuba dapatkan senarai ini, supaya tidak membuat kenyataan yang tidak betul ataupun mengelirukan rakyat.

Jadi, saya tidak ada halangan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mendapatkan senarai projek-projek ini. Selepas ni boleh minta dengan pihak urus setia…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Semua daerah ada ya Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada… ada.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Er… Bentong… nanti, saya kena tengok juga. Bentong, Bera, Cameron, Jerantut….

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebelas…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kuantan, ada… ada. Raub, Lipis, Pekan ada semua yerk, ada hah… ada semualah, boleh saya katakan ada semualah. Jadi kita boleh tahu, kalau tidak, kita tidak tahu dan mungkin kita akan mengatakan hah… ni tak buat lagilah, Kerajaan tidak ambil tindakanlah, itu dan sebagainya. Ini yang telah… senarai utama, ini projek yang telah siap dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker,

Saya sangat optimis projek-projek ini kelak akan membantu Kerajaan Negeri dan PAIP untuk memastikan hasrat meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air kepada pengguna dapat dicapai. Kita juga perlu berlaku adil kerana saya akui perancangan ini masih dalam pelaksanaan dan perjalanan penuh liku-liku masih ada, sebab kita ada projek yang dalam pelaksanaan ataupun dalam pra pembinaan.

Yang Berhormat Speaker,

Sebagai contohnya sahabat saya Yang Berhormat daripada Beserah, Yang Berhormat Beserah ada menyatakan dan memohon tindakan bagi mengatasi masalah bekalan berkaitan air di Balok. Permasalah ini benar, belum selesai dan dalam perancangan untuk diselesaikan melalui pelaksanaan projek pembangunan di kawasan berkenaan yang masih di peringkat pembinaan. YB ya, masih dalam peringkat pembinaan.

Namun permasalahan di DUN Beserah termasuk di kawasan Gebeng yang sebelum ini sangat kritikal telah pun selesai. Yang ni YB tak sebut pulak. Sehingga kini, selesainya projek ini telah mendapat penghargaan daripada Gebeng Industry Support Group dengan izin. Saya bukan cakap kosong jer, saya ada bukti. YB Beserah kalau hendak, boleh ambik daripada saya, ni suratnya. (Ahli tunjuk kertas).

Yang Berhormat Speaker,

Speaker kena tengok ni, nanti Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagilah satu salinan supaya…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bukan satu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

… dia boleh simpan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lima (5) pun saya boleh bagi. (Ahli ketawa)

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Hah okay, PDF…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi Yang Berhormat Beserah boleh… boleh….

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sikit Yang Amat Berhormat…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Speaker. Terima kasih atas pencerahan yang diberikan. Memang kita tidak nafikan banyak usaha dibuat. Saya sebut juga, perkara ini kepada penyelesaian masalah yang besar. Industri Gebeng tu memang dulu *problems* sekarang dah okay, Alhamdulillah.

Saya pun berhubung rapat dengan GISG ini, mendapatkan maklumat dalam semua perkara. Cuma yang saya sebut tu, adalah benda yang kita nak bantu selesai tapi tak boleh bertemu, itu jer. Isu dia dah panjang, dah lama orang mengadu, tapi tidak… tidak di… macam seolah-olah tidak diangkat aduannya, payah, tidak ada komunikasi dalam erti kata lain. Bila nak selesai dan sebagainya, orang tanya kita.

Sebab itu saya kata, kalau, macam perancangan dah ada beritahu penduduk. Bila jangka selesai, dalam pembinaan, jadi senanglah. Itu jer isu dia. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Makna Yang Berhormat tak tahulah sebelum ni. Sekarang dah tahu dah, pra pembinaan tu.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Hah… itu saya tak tahu.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah… sekarang ni dah tahulah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Hah… okay.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah… itu yang saya bagi tahu ni. (Ahli ketawa) Terima kasihlah Yang Berhormat daripada Beserah ya.

Yang Berhormat Speaker,

Bersabit dengan kata aduan apa semua tu ada. Saya ada juga minta supaya pihak PAIP meningkatkan dia punya sistem aduan penerimaan daripada rakyat dan sebagainya. Ada dalam teks saya.

Yang Berhormat Speaker,

Projek penukaran pam-pam di rumah Pam Kobat telah pun siap dilaksanakan dan Alhamdulillah telah memberi impak yang sangat baik serta membantu menyelesaikan permasalahan di kawasan tersebut.

Untuk makluman sahabat saya daripada Beserah, sehingga kini terdapat 6 lagi projek di kawasan Beserah yang sedang dilaksana dan dalam peringkat pra pembinaan. Yang ni mungkin Yang Berhormat pun tak tahu ya. Kalau tahu lepas ni Yang Berhormat boleh bagitahu kepada rakyat di kawasan Yang Berhormat. Antaranya ialah membina tangki imbangan berkapasiti 106 juta liter sehari ataupun JLH di kawasan Perindustrian Gebeng.

Yang ke-2, pemasangan paip air dari Kemaman ke Gebeng sepanjang 29.8 kilometer. Ke-3, kerja-kerja penggantian paip di kawasan Balok sepanjang 85 kilometer dan kerja-kerja penggantian paip dari tangki industri Gebeng ke Institut Latihan Perindustrian Gebeng sepanjang 3.3 kilometer.

Yang Berhormat tahu tak sebelum ni, yang projek ni, ke baru tahu sekarang? Tahu dah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Dato' Sri, itu yang… itu saya… saya tahu dah, sebab projek, kita nampak. Yang saya maksudkan ni, ialah rakyat perlu ada hubungan komunikasi dengan pihak PAIP supaya tak timbul sebarang salah sangka, persoalan dan sebagainya, itu saja. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Beserah. Sebenarnya PAIP ada, tetapi saya ada dalam teks saya, kita minta supaya ditambah baik lagi selepas ini.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat, saya mintak laluan sikit, sikit aje.

Er… salah satu projek tadi ialah pembinaan paip daripada Kemaman ke Gebeng. Saya dapat penjelasan apakah er… Kerajaan Negeri membeli air daripada Kemaman daripada Loji Kemaman untuk Gebeng ataupun ada perancangan kita bina elak beli sendiri untuk di Gebeng.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Er… kita beli pun ada juga dan masih lagi dalam peringkat perjanjian dan masih belum dimuktamadkan. Kita akan kaji buruk baik dia tapi perjanjian, draf perjanjian telah pun ada tapi masih belum dimuktamadkan sebab projek belum siap sepenuhnya.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam pada itu, saya juga akan memastikan agar PAIP menambahbaik lagi, hah… ni yang… Yang Berhormat Beserah mintak ni. Menambah baik lagi mutu perkhidmatan bukan sahaja ketika musim perayaan, bahkan secara harian. Malah ketika perayaan Aidilfitri baru-baru ini, ramai yang menyalahkan PAIP akibat berlakunya gangguan bekalan air.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker,

Gangguan bekalan air baru-baru ini adalah disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik juga yang melibatkan 9 buah loji rawatan air dan 2 buah rumah pam sehingga menyebabkan loji tidak dapat beroperasi dan menjejaskan bekalan air kepada lebih kurang 51,000 buah premis.

Maknanya dia bila air paip ni terjejas, dia bukan sebab dia sendiri, tetapi dia berkait rapat dengan bekalan elektrik tapi yang jadi mangsanya ialah PAIP. Bagi mengatasi masalah ini daripada berulang, pihak TNB, kita pun berhubung dengan pihak TNB bila berlaku masalah ini dan pihak TNB telah memberi komitmen untuk meningkatkan sistem bekalan mereka melibatkan kos RM 640 juta. Dan apa yang ingin saya jelaskan di sini adalah tidak adil untuk menyalahkan satu pihak sahaja sedangkan gangguan bekalan air ini berpunca daripada pihak yang lain juga.

Dalam pada itu, saya juga dimaklumkan bahawa gangguan bekalan elektrik ini turut disebabkan oleh peningkatan penggunaan tenaga elektrik ataupun dengan izin Yang Berhormat Speaker *overload* apabila ramai yang pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri bersama keluarga.

Di samping itu, saya juga telah meminta PAIP untuk meningkatkan mutu penyelesaian aduan. Yang Berhormat ni ADUN Beserah ni, ada saya mintak ni, CEO PAIP pun ada ya. Meningkatkan mutu penyelesaian aduan, mengurangkan gangguan bekalan, pembaikan paip-paip bocor kecil dan meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air dan hal-hal kecil juga perlu diberi perhatian dan diatasi dengan segera.

Saya percaya selain daripada projek-projek pembangunan yang giat PAIP laksanakan, PAIP akan juga laksanakan projek-projek *quick win* dengan izin agar

penyelesaian jangka pendek dapat dibuat sementara impak secara menyeluruh menerusi projek-projek pembangunan yang lain terus dilakukan.

Antara projek *quick win* tersebut Yang Berhormat Speaker, saya bukan nak sebut sangat *quick win* ni. Semalam, saya bincang dengan pakar-pakar bahasa, saya tanya apa *term* Bahasa Melayu *quick win* tu. Saya tak nak jadi macam salah seorang Ahli Parlimen masa Rais, Dr. Rais Yatim jadi Speaker, bila dia kata "Yang Berhormat sila cakap dalam bahasa Melayu" dia sebut *Rolling plan*. Terjemahkan dalam bahasa Melayu, dia pun… *last-last* dia kata apa tau, dia kata "pelan bergulung" dah satu Ahli Parlimen gelak (Ahli ketawa). Jadi *quick win* ni apa ya, maksud yang… yang mendatangkan, yang boleh menyelesaikan dengan cepat sesuatu masalah tersebut tapi kita selalu guna *quick win*.

Antara projek *quick win* tersebut adalah menyiapkan *inline booster* di Bukit Goh, Kuantan, membina tangki sedutan dan rumah pam di Kampung Tersusun Lipis dan menaik taraf sistem bekalan air di Rumah Pam Mentakab di Temerloh. Jumlah keseluruhan projek *quick win* ini sebanyak 16 buah projek membabitkan komitmen kewangan dalaman sebanyak RM 12 juta. Peruntukan besar ini memerlukan kedudukan kewangan PAIP yang cukup dan kutipan hasil yang optima. Kutipan hasil ini semestinya dikembalikan untuk kegunaan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna. Inilah manifestasi komitmen dan fokus Kerajaan Negeri dan PAIP dari semasa ke semasa untuk terus meningkatkan perkhidmatan bekalan air di negeri Pahang bagi memberi keselesaan kepada semua pengguna.

Yang Berhormat Speaker,

Lagi sekali saya ulangi komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani isu permasalahan bekalan air di Pahang iaitu hasrat Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan 90% permasalahan bekalan air dapat dicapai akhir tahun 2026. Dah berulang kali saya sebutkan perkara itu dan status semasa saya nak beritahu juga kepada Ahli Yang Berhormat. Sehingga kini, 43 projek…43 peratus projek telah siap dilaksanakan, 15 peratus projek dalam pembinaan dan 38 peratus projek sedang di peringkat pra-pembinaan. Dalam pada itu, saya juga berharap…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri, mohon…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sila, sila.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya minta maaf mohon mencelah sikit dalam penggulungan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, sebab saya perhatikan... minta maaf cakap saya ingat ADUN Cheka ya. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ADUN Cheka begitu prihatin terutama sekali berkenaan dengan bekalan air. Banyak dibangkitkan dan saya terpikir. Ada juga ni ADUN ataupun Ahli-ahli Dewan daripada barisan Pembangkang. Bila bercakap dia kata minta maaf kita bercakap ini. Dia mesti bercakap juga kerana kebenaran itu walaupun dia pahit, walaupun dia memilukan tapi kebenaran mesti diutarakan juga. Jadi oleh kerana ADUN Cheka ni, yang juga merupakan Ahli Parlimen ini...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kubang Kerian.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kubang Kerian, minta maaf. Jadi Ahli Parlimen Kubang Kerian sebab mengikut data yang saya dapat maklum. Bekalan air di negeri Kelantan yang mana ADUN Cheka menjadi Ahli Parlimen di Kubang Kerian di negeri Kelantan. Dia duduk di…di apa nama ranking yang ke terbawahlah, asalnya bawah, bawah jauh lebih bawah daripada… daripada Pahang. Macam kita katakan tadi misal contoh Dato' Sri. Kita kadang… kita berusaha, ikhtiar kita nak baiki. Daripada dulu sekarang saya ingat sangat jauh lebih baik, paip kita pecah kita baiki dan sebagainya.

Kualiti air kita memang kira di antara yang terbaiklah memenuhi WHO, dengan izin. *World Health Organization*. Tapi di Kelantan tu saya difahamkan. Malahan ada penduduk yang terpaksa beli pam penggalak sendiri. Ini di rumah-rumah sendiri kerana *pressure* kurang, kualiti air keruh teruk, coklat, mempunyai apa nama kandungan besi yang tinggi, *ferrous* kan. Jadi saya nak tanya sini. Ada tidak, ADUN Jengka merangkap Ahli Parlimen Kubang Kerian membangkitkan ini, menegur Kerajaan Negeri supaya membelanjakan sebahagian daripada belanjawan untuk menambah baik bekalan air di negeri Kelantan. Itu saya nak tahu itu.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya cadang YB sahabat saya YB Benta, kita gi ke Kelantanlah. Kita bahas Sidang Dewan Negeri Pahang. Apa saya bangkitkan soal di Kelantan? [Ketawa] Data-data yang ada… saya sebab tu saya tahu apa yang kita yang kita buat di peringkat kementerian. Tapi saya nak jelaskan sebahagian maklumat yang kita baca ni konon air keruh. Tuan-tuan boleh pegi, boleh tengok di Kelantan. Hotel lima bintang naik, pelbagai Bandar Baru Tunjong nak berkembang, airport baru. Kalau tak ada air, kita boleh bayangkan. Takkan hotel naik kerana tak ada air.

Jadi jangan kita terpengaruh. Saya tak nak panjang isu ni sebab kita Dewan Negeri Pahang, kita fokus Pahanglah. Dan saya pun sebut bahawa apa yang kita buat di Pahang, saya membantu di peringkat kementerian. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun saya selalu jumpa kita bantu termasuklah. Untuk makluman 14 juta peruntukan untuk baik pulih Empangan Chereh yang pecah walaupun empangan ni bekalan air untuk negeri Pahang. Tapi pusat masa tu kita tolong. Saya luluskan 40 juta untuk baik pulih Chereh, Empangan Chereh yang pecah dan sekarang tengah berjalan. Saya tak nak bangkitkan isu tu bagi kita siapa pegang jawatan, dia bertanggungjawab dan kita laksanakan sebaik mungkin kita bina negeri kita bersama. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri, soalan saya senang je tanya. Ada tidak ni ADUN Cheka selaku Ahli Parlimen di kawasan anu dan juga sebagai orang nombor dua dalam parti yang mengikuti Perikatan Nasional membuat teguran begitu. Itu saja soalan saya, saya nak tau. Itu sebab apa kalau tengok di sini memang teguran tu memang bertubi-tubi. Saya tengok ada tanya, ada tanya. Soalan saya, ada tidak maknanya ADUN Cheka…YB ADUN Cheka membangkitkan ini. Dengan ini kerajaan yang dipimpin oleh parti yang beliau dokongi.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Jawapannya ada. Bahkan saya turun ke loji-loji air dan saya beri taklimat kepada Syarikat Air Kelantan. Kita dengar permasalahan apa yang berlaku dan apa yang boleh diatasi termasuk soal aduan Dato' Sri. Soal aduan, kita harus akui. Jadi semua tu kita turun dan saya turun beberapa loji yang telah kita lulus di peringkat pusat untuk pantau betul perjalanan kelulusan, tempoh siap dan sebagainya. Bukan hanya disebut di sini. Saya turun dan itu sebagai jawapanlah. Saya turun dan saya buat teguran. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Bukan apa, saya…saya bangkitnya. Saya tertarik sebab bila ADUN Cheka sebutkan. Saya ingat rakan saya daripada Dong ada bangkitkan. Kalau boleh dia kata, ini nasihatkan sikit Ketua Pemuda PAS ni. Ketua Pemuda PAS ni kalau tengok *statement* dia, dengan izin. Bukan main lagi lancangnya mulutnya. Maknanya kata tersungkur Barisan Nasional dengan DAP di KKB, saya ingat baca semula.

Jadi bila tengok situ teguran daripada sahabat saya, dia katakan kalau boleh maknanya pemuda PAS ni hormat sikit Yang Berhormat Dato' Sri. Didik sikit janganlah maknanya celupar sikit. Oleh kerana misal, contohnya tak ada siaran langsung. Ini Sidang Dewan *so* dia kata penakut, macam-macam. Ungkapan yang tak sepatutnya tetapi bila perkara ini dibangkitkan Dewan. Jadi ADUN Cheka selaku Timbalan Presidennya, kira nombor dua dalam parti.

Biasalah, provokasi. *So*, kadang-kadang kita…bila kita sebut begitu. Ini…ini gelangganglah politik. Makna biasa provokasi. Dan saya bangkitkan ini supaya dapat diperjelaskan walaupun penglibatan daripada menteri sekarang mantan menteri. Ranking ini bekalan air di dalam negara ini, di Kelantan adalah merupakan yang tercorot. Itu saya nak beritahu dan kita jauh lebih baik tetapi cara lempangan tu kan atau kepongan sebut keponglah,

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya, saya nak jawablah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ia jauh…jauh lebih dahsyat.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kalau-kalau kita nak bertengkar, kita buka gelanggang bertengkar. Okay. Saya nak jelaskan bahawa data yang ada…data yang ada harus dilihat kepada semua sistem yang ada. Untuk makluman di Kelantan, tidak ada satu pun kelulusan empangan bekalan air sebagaimana negeri-negeri lain. 30 tahun Kelantan memerintah, tidak ada peruntukan untuk empangan bekalan air. Negeri lain banyak empangan bekalan air menyebabkan punca bekalan air tidak ada dapat disalurkan. Isu besar di Kelantan ialah masalah sumber air. Bukan masalah agihan air, sumber bekalan air.

Lantaran itu, apa yang boleh kita buat ialah ada perkara di bawah Kerajaan Persekutuan di bawah Jadual 1. Sebagai contoh, ARW. Pendekatan 1, Geran Persekutuan. Apa yang boleh kita bantu, kita bantu. Baik pulih air ni sebenarnya berlaku di semua negeri termasuk juga di Pulau Pinang dibangkit sampai sekarang tak

selesai isu air. Di Pulau Pinang mengharapkan air daripada Perak. Data saya ada dalam kepala saya semua.

Jadi kalau kita nak lihat satu persatu sempat kita bukak plan Malaysia, kita pergi ke Parlimen bawah tengok negeri-negeri. Di peringkat DUN kita fokus DUN kitalah, apa yang perlu kita bangkitkan negeri lain. Saya fikir Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya fikir, saya tak nak panjangkan isu ini sebab kita nak fokus kepada beri peluang Menteri Besar menjawab apa dibangkit oleh ADUN-ADUN. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, saya ingat, saya ingat…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker,

Saya nak buktikan bahawasanya ADUN Cheka ni adalah manusia biasa. Bila kita bangkit, soalan ini, tengok cara melenting dia. Jadi kita di sini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini…ini.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dato' Sri Speaker saya ingat… saya ingat cukup …

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Hei, Jengka duduk, Jengka. Ini peraturan. Dak, saya nak buktikan di sini. Saya melihat betapa apabila disentuh satu isu yang itu, melenting. Sebagai sepatutnya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, okay Yang Berhormat, kita ingat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itu sahaja. Saya nak buktikan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay...okay. Ini…ini…Itu provokasi ya. Bukan provokasi ya. Sila teruskan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya teringat peristiwa 1996. Masa tu, Yang Berhormat Speaker, ADUN ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

1999.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

1999. ADUN Cheka pun ada. Pengerusi Backbencher, nampak gaya macam sejarah nak berulang kembali ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia…dia, Yang Amat Berhormat. Dia begini. Seorang jadi EXCO, seorang masih lagi pembangkang, seorang jadi Speaker. [Ahli dewan ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hebatlah tu. Tahniah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya dukacita sebab bila saya menggulung ADUN Cheka tak ada. Itu yang saya tunggu supaya saya tu, tu. ADUN Cheka tak ada.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya…saya…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker saya ingat…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat Speaker, saya tak ada, saya tak ada. Perbahasan saya, saya tak bangkit pun portfolio bawah Benta. Jadi saya rasa kalau kita teruskan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ingin meneruskan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan….

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

…ucapan penggulungan saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Cuma saya haraplah supaya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang atau Kerajaan. Kalau sekiranya ada mana-mana projek PAIP yang telah siap, kita sama-samalah ucapkan terima kasih kepada PAIP supaya menghargai kerja mereka siang malam kadang-kadang kita tengok. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang juga mengambil berat terhadap usaha-usaha penguatkuasaan bagi memberi tumpuan berterusan terhadap kes-kes yang menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan Negeri. Seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang ataupun UPNP tidak perlu gusar dan takut serta terus proaktif memperkasakan tindakan penguatkuasaan undang-undang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Unit Penguatkuasaan ini telah ditubuhkan pada 15 hari bulan Oktober 2019 iaitu lebih kurang setahun lebih. Dengan takdir Allah-Nya, saya menjadi Menteri Besar dan sekarang ni begitu aktif melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan segala pencerobohan tanah kerajaan, perlombongan haram serta pencerobohan kawasan hutan simpan dapat dibasmikan sehabis-habisan.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli-ahli Dewan, bermula Januari sehingga Mei 2024 tahun ini sahaja t elah mencatatkan tangkapan sebanyak 34 kes melibatkan kesalahan pencerobohan tanah kerajaan seluas… pencerobohan tanah kerajaan, Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Melombong tanpa pajakan Seksyen 158 Enakmen Mineral Negeri Pahang 2001 dan pemindahan bahan batuan tanpa kelulusan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara (Akta 828) melibatkan sitaan 66 jentera dan 270 eksibit barang kes. Selain daripada itu, denda sebanyak RM250,000.00 berjaya dikutip hasil daripada pendakwaan ini. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Speaker,

Kenapa kita beria sangat pasal aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ni? Pertama sekali yang terakhir… saya, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri kita ada program di Negeri Sembilan. Semasa makan tengah hari itu, untuk makluman Yang Berhormat Cheka, sahabat saya daripada Cheka. Semasa makan tengah hari itu, ini cerita benar ni, ni saksi hidup ada… MB Negeri Sembilan boleh kata kalau nak tengok lori-lori yang datang ke, ke Negeri Sembilan hari Sabtu, Ahad ni selepas Subuh. Maknanya bawak benda-benda yang aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Malu kita kat situ… sebab itu yang kita beria sangat ni, pasal Unit Penguatkuasaan. Hari tu kena denda RM50,000.00. Saya melahirkan rasa tak puas hatilah dengan kerja-kerja yang dengan denda tersebut. Sekarang ni dah kena RM250,000.00. Baguslah maknanya.

Selain daripada itu juga, Unit Penguatkuasaan telah menyelesaikan tindakan pemusnahan struktur binaan dan tanaman di atas tanah kerajaan yang diceroboh seluas 302 ekar di seluruh Pahang melibatkan tanah kerajaan milik PSK dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyeru agar kita semua menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang supaya menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan yang mengetepikan semakan kehakiman pekebun durian Musang King di daerah Raub baru-baru ini. Di samping itu, pada 8 Mei yang lalu, seorang lelaki telah pun didakwa dan didapati bersalah kerana menceroboh tanah kerajaan di dalam daerah Raub serta dijatuhkan hukuman denda RM200,000.00 dan penjara 12 bulan sekiranya gagal membuat bayaran.

Yang Berhormat Speaker,

Antara perkara yang disentuh dalam Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ialah mengenai kejayaan Kerajaan Negeri mengurangkan hutang sebanyak 70% iaitu daripada RM3.31 bilion kepada RM993.62 juta dalam tempoh 5 tahun. Kejayaan utama pengurangan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan menerusi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Pahang bernilai RM2.1 bilion merupakan kesepakatan dan persetujuan bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang secara jelas memberi keuntungan kepada Kerajaan Negeri terutamanya dalam meningkatkan perkhidmatan bekalan air di negeri ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air ini sebenarnya telah ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 lagi iaitu ketika di bawah pentadbiran Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang keenam. Pasukan khas ekoran daripada itu, pasukan khas telah dibentuk di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi merundingkan perjanjian yang bersifat.... Namun, kesukaran mencapai kata sepakat menyebabkan rundingan berlarutan kerana ada beberapa terma dan syarat yang tidak dapat dimuktamadkan antara kedua-dua pihak.

Namun begitu, dengan takdir Allah SWT, saya telah diberi peluang untuk menerajui kepimpinan negeri pada 15 Mei 2018 dan menggunakan peluang yang ada, saya telah memulakan semula perbincangan tawaran Kerajaan Persekutuan sehingga ia dinoktahkan pada 26 April 2022. Terima kasih kepada Perdana Menteri Ke-9 dan Menteri Kewangan ketika itu yang turut membantu melupuskan hutang Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan penglibatan Yang Berhormat Cheka dalam usaha, dalam usaha ini ketika Yang Berhormat Cheka sebagai Menteri Alam Sekitar dan Air. Walau bagaimanapun, penglibatan Yang Berhormat Cheka hanyalah secara formaliti sahaja kerana rundingan penstrukturan semula industri bekalan air Pahang ini sebenarnya telah dimuktamadkan pada 29 September 2019 iaitu sebelum Yang Berhormat Cheka menjadi menteri lagi dan pada 30 Mac 2020, baru beberapa hari yang Yang Berhormat Cheka menjadi menteri, semua draf perjanjian yang dimuktamadkan sebelum ini dikemas kini sehinggalah kepada perjanjian penstrukturan semula industri bekalan air yang ditandatangani pada 23 Disember 2020.

Namun begitu, tanpa penglibatan Yang Berhormat Cheka, penghapusan hutang ini sebenarnya boleh sahaja dilakukan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berdasarkan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan Seksyen 17 (A) dan (B). Begitu juga dengan hutang SUKMA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheka yang mendakwa hutang tersebut belum dilangsaikan tetapi yang sebenarnya hutang yang berjumlah RM168.8 juta telah pun diselesaikan dengan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 lagi.

Kejayaan-kejayaan ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan pengurusan kewangan dapat diurus dengan penuh teliti dan tidak membebankan perbelanjaan negeri bagi membolehkan pelbagai bentuk pembangunan negeri termasuk penyaluran bantuan kebajikan untuk rakyat dapat diteruskan. Apa yang penting adalah kebijaksanaan kita dalam menguruskan hutang ini dan mengambil segala peluang yang ada untuk kita terus mengurangkan hutang-hutang ini dari semasa ke semasa. Cukup-cukuplah mengelirukan rakyat dengan

hanya berkisar soal istilah dan kaedah kerana pengurangan hutang adalah satu kejayaan yang perlu diakui oleh semua pihak.

Yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang adalah gambaran jelas kepada Kerajaan Negeri bahawa tidak berpeluk tubuh sebaliknya menggerakkan segenap usaha untuk mengurangkan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Speaker, saya juga merasa terpanggil untuk menjelaskan mengenai pengukuhan syiar Islam di bumi Pahang…

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang kini berkembang…

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha, boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Wakil Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker, saya *just* nak menambahlah. Apa yang Menteri Besar beritahu tadi adalah benar. Sekitar tahun 2019, ketika itu saya Timbalan Menteri Air dan Tanah Sumber Asli ya. Rombongan daripada Dato' Sri MB Pahang telah mengada kunjungan hormat di kementerian kami ketika itu dan usaha persefahaman perjanjian memang telah dibuatlah, telah dimulakan pada awal 2018 di mana pihak Kerajaan Pahang telah mula mengadakan perundingan dengan pihak kementerian ketika itu tapi malangnya dalam masa proses persediaan perjanjian tersebut dimeterai, Kerajaan PH ketika itu bertukar tangan, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, teruskan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat ADUN Tras.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat saya mohon penjelasan sikit. Saya tak nak panjanglah isu ini cuma kalau kita tengok perjanjian itu dimeterai pada er… bulan November, 5 November 2022. Soal saya ialah berapa, berapa jumlah sebab isu kita 7 tahun ding dong ni kerana tekanan tak dapat *win-win situation*, macam dibangkit oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Akhirnya kita sepakat dengan satu jumlah di mana Kerajaan Pusat bersetuju dan Kerajaan Negeri juga bersetuju.

Penjelasan saya ialah berapa jumlah terakhir yang dipersetujui dan berapakah jumlah pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pada pada waktu itu, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, jumlahnya dia berubah-ubah sebab kita bincang lama. *Last* sekali yang diinovasikan kalau tak silap saya RM2.1 bilion yang *last* sekali. Kemudian dia adalah pengurangan, pertambahan dan sebagainya dan begitu juga kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang, hutang ini pun akan bertambah dan dia juga mungkin berkurangan daripada semasa ke semasa. Dia tertakluk kepada urusan seharian.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya meneruskan penggulungan saya. Kali ini saya nak sentuh berhubung dengan pengukuhan syiar Islam. Saya rasa terpanggil untuk memaklumkan di Dewan yang mulia ini er… apakah pengukuhan syiar Islam yang dibuat di negeri Pahang. Yang kita semua tahu ianya sekarang ni semakin berkembang, begitu baik, subur tetapi namun begitu, ada lagi dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa agama Islam di Pahang ini kononnya terancam dan ada juga yang mengatakan bahawa Pahang ini merupakan negeri sekular. Ini yang amat menyedihkan saya.

Hari ini saya nak bagitahu apa yang Kerajaan Negeri Pahang telah buat untuk mengukuhkan syiar Islam di bumi Pahang ini. Antaranya ialah untuk makluman Yang Berhormat Speaker, er… kenyataan ini menyebabkan, mencetuskan persepsi buruk kepada kerajaan yang ada pada hari ini dan ini sebenarnya boleh memecah belah… memecahbelahkan keharmonian rakyat negeri…di negeri ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, sebenarnya sudah banyak Kerajaan Negeri bagi peruntukan dan melaksanakan pelbagai program ke arah pengukuhan syiar Islam. Selain bantuan dan sumbangan yang disalurkan kepada masjid, surau, mualaf, penggantian baru menerusi Bantuan Prihatin Pahang, pengantin baru menerusi Bantuan Prihatin Pahang, Kerajaan Negeri juga telah membentangkan… Kerajaan Negeri juga telah membentangkan 14 Rang Undang-undang atau enakmen berkaitan agama Islam yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Maknanya daripada 2018 semenjak saya mengambil alih sehingga ke sekarang ini dah 14 Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan ini.

Antaranya apa dia Yang Berhormat Speaker? Rang Undang-undang menghalang umat Islam keluar daripada agama Islam, murtad. Sebelum ini tak ada. Sebelum ini siapa nak keluar daripada Islam, dia boleh keluar, dan tidak ada enakmen yang boleh kita menghalang mereka atau menyekat mereka daripada untuk menyertai agama lain, dan kita dah buat.

Yang kedua Rang Undang-undang berkaitan dengan wakaf. Kita juga telah laksana. Sebelum ni caca marba, rojak, wakaf sana wakaf sini tetapi tidak ada satu yang tersusun. Lepas tu apa dia? Rang Undang-undang berkaitan wasiat serta Rang Undang-undang berkaitan tarekat bagi menghalang penyerab… penyebaran ajaran sesat.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri menerusi Yayasan Pahang sedang giat membangunkan pendidikan tahfiz khusus untuk anak-anak Pahang bermula dari peringkat awal pra persekolahan sehinggalah ke peringkat diploma. Antara program tahfiz yang diwujudkan apa dia? Yang pertama sekali Tadika Tahfiz Negeri Pahang.

Pada tahun 2018, untuk makluman rakan-rakan semua cuma ada satu je cawangan tahfiz di negeri Pahang ini. Ini angka tau, angka tidak boleh berbohong. Sekarang ni saya nak bagitau, sudah ada 25 buah Tadika Tahfiz di seluruh Pahang dan modul pendidikan ini telah pun mula berkembang dan sekarangnya digunakan oleh 4,000 TABIKA KEMAS di seluruh negara. Dia ambil modul kita tu untuk digunakan di peringkat persekutuan. Daripada satu sampai 20 buah, apa maknanya? Maknanya syiar Islam berkembanglah.

Kemudian Sekolah Rendah Tahfiz Negeri Pahang di Tanjung Lumpur ada 267 orang murid dari tahun 1 hingga tahun 3. Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang menawarkan pendidikan sekolah menengah dan juga peringkat diploma. Malah, sebuah lagi Maahad Tahfiz Negeri Pahang akan dibina di DN Padang Tengku di mana majlis pecah tanah mengenainya telah pun dilaksanakan 8 Februari yang lalu. Kemudian Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang yang ditubuhkan pada tahun 2020 hasil kerjasama Yayasan Pahang dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang. Maahad Tahfiz ini merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang menawarkan pendidikan turath tahfiz dan kurikulum standard sekolah menengah dan Program Tahfiz Mahir yang memfokus golongan belia tahfiz dari institusi atau madrasah di seluruh Pahang dengan program latihan kemahiran jangka pendek iaitu tiga bulan termasuk dengan izin, *on job training* dengan jaminan pekerjaan selepas tamat latihan.

Selain daripada itu, apa, apa lagi Yang Berhormat Speaker yang kita buat? Ialah penubuhan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, yang ini juga merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menubuhkan industri ini [Ahli Dewan menepuk meja] dan negeri Pahang juga, saya tak nak bandingkan negeri lain. Tahun lepas kita bagi empat er… RM500.00 pada jemaah haji, bakal jemaah haji. Tahun ini kita naik RM750.00, yang saya rasa negeri yang kononnya *Islamic* pun belum lagi melaksanakan program ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam saya ni nak pergi haji ni dapatlah [ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang… yang… [ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tanya je Yang Berhormat. Tapi kalau Yang Amat Berhormat bagi pun saya tak nak, bagi kepada orang yang memerlukan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker daftar di mana?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya daftar sendiri. Dia… apa nama? *Private… private.* Oo ini yang… yang daftar dengan Tabung Haji lah?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang daftar di negeri Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oo okay.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sila, sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang daftar gelap kita memang tak bagi Dato' Sri [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang ini daftar Al-Amin.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang ni mengerjakan haji bukan naik haji [Ahli Dewan ketawa]. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga baru-baru ini ha yang ini iaitu kita menganjurkan International Conference on Contemporary Education in Islamic World yang telah menghimpunkan ahli akademik Islam. Seramai 300 peserta dari 28 buah negara termasuk Rektor Universiti Al-Azhar, Profesor Dr Salamah Daud.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin mengucapkan syabas, tahniah, terima kasih kepada ADN Benta selaku EXCO Pendidikan [Ahli Dewan menepuk meja] yang berusaha merealisasikan perkara ini bersama-sama dengan Yang Berhormat daripada Kerdau [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah juga berusaha, bekerjasama dalam perkara ini dan tak lupa kepada apa ni? UniPSAS yang dipimpin oleh er… Profesor Dr. Zawawi. Kejayaan penganjuran ini memperlihatkan keupayaan Kerajaan Negeri dalam menganjurkan majlis ilmu yang bertaraf antarabangsa dan diiktiraf oleh dunia.
Yang Berhormat Speaker,

Dalam pada itu negeri Pahang juga turut dipilih menjadi tuan rumah Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini yang akan berlangsung bermula 23 hingga 28 Mei di Auditorium Darul Makmur, Kompleks Penyiaran Sultan

Haji Ahmad Shah, Kuantan. Penganjuran majlis ini merupakan kali ketiga… ketika Pahang… kali ketiga Pahang dipilih. Sebelum itu kali pertama pada tahun 2011 dan kali kedua ialah pada tahun 2014.

Ini bersabit dengan *conference* ni Yang Berhormar Speaker, saya nak sentuh jugalah, nak berkongsi dengan kawan-kawan. Saya bersama dengan Yang Berhormat Benta, Kerdau, bersama dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, kami telah diberi peluang untuk berjumpa dengan taraf dia kalau di Malaysia ni, Timbalan Perdana Menteri lah. Dia… apa ni ADUN Kerdau boleh, nama dia apa dia? Sheikh (tidak jelas) Azhar. Semasa kami bagitaulah, juru terjemahnya Kerdaulah. Kerdau bagitaulah dalam bahasa kita, "Ya Sheikh…. Pahang nak anjur ni" dalam bahasa Arab la kan untuk buat *Islamic con*… Dia kata, dia tanyalah, sajalah kenapa perlu buat dia kata, Islam ni tak perlu dah buat *conference* ni. Islam ni dah sempurna dia kata. Islam dah sempurna, apa lagi nak buat *conference*. Dia kata yang jadi masalahnya, dia bagitau kamilah, Islam dah sempurna tetapi yang jadi masalahnya orangnya, orangnya. Maknanya yang suka mentafsir yang bukan-bukan ni. Begitulah, beginilah, mengelirukan rakyat. Itu yang… itu yang kita bagitau kat dia kan? Yang Berhormat Speaker faham tak saya cakap ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Faham Yang Amat Berhormat. Tetapi dia lebih faham lagi jika lain kali Yang Amat Berhormat bawak saya sekali [Ahli Dewan ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okay… maksud saya dia kata Islam ni dah sempurna. Jadi tujuan buat *conference* ini ialah untuk meng… *educate*kan lagi kita orang Islam ni lah sebab kadang-kadang kita mengeluarkan fatwa-fatwa ataupun cakap-cakap yang mengelirukan, itu maksud dia tu. Baiklah Yang Berhormat Speaker, saya teruskan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sikit tak Yang Amat Berhormat?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya ambil peluang ini ucap terima kasih la dan tahniah Kerajaan Negeri Pahang, baru-baru ini dalam bulan Ramadan er… telah memutuskan supaya hari Jumaat tu separuh hari je kerja. Kakitangan kerajaan mengalu-alukan dan menghargai keputusan pihak kerajaan. Soalan saya, ada tak ruang untuk akan datang ni setiap hari Jumaat kita jadi separuh hari ataupun kita cuti hari Jumaat? Lagi… lagi memudahkan hari Jumaat ini sebagai orang Islam kan terutama sekali dia akan rasa selesa untuk mengerjakan ibadat pada hari Jumaat. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga harus mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan kerana kita bincang perkara ini untuk… sebab dia melibatkan *federal, federal* tak buat jadi kita buat. Tapi Yang Berhormat SS ni dia… ada kejantanan dia, kita buat je dia kata, ha tu yang kita buat tu.

Untuk… untuk kita buat akan datang, *full day* tu, pokonya yang separuh hari ini *confirm*, insya-Allah kita akan teruskan yang separuh hari ni sebab kita dah buat. Kalau kita tarik balik jadi implikasi dia tak bagus. Tapi untuk sehari suntuk tu perlukan perbincangan yang lebih lanjut. Terima kasih Yang Berhormat daripada er… Beserah.

Jadi Yang Berhormat Speaker, apa yang saya nyatakan ini adalah menunjukkan bahawa Islam di Pahang tidak pernah goyang dan juga terancam. Yang Berhormat Speaker jangan tengok jam, psiko saya [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, saya sebenarnya hari ini kita boleh sampai petang sebab kita tak ada *pressure*, tak ada *tension,* tak ada nak menunggu mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat nak berbahas lagi, tak ada dah.

Yang Amat Berhormat, kemudian kita ada Rang Undang-undang. Jadi kita, saya tak ada masalah. Saya menengok tu saya nak tengok makin ramai yang hadir. Kita bagi tepukan sikitlah [Ahli Dewan menepuk meja] kepada semua yang dapat bersama-sama dengan kita sebagai pemerhati.

Sila Yang Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak beritahu juga Dewan yang mulia ini kita memperuntukkan sebanyak RM162.5 juta menerusi belanjawan tahun lalu untuk er… apa orang kata untuk kita menegakkan atau menambah baik perkembangan Islam di negeri kita. Oleh itu, saya juga menyeru janganlah lagi ada suara-suara sumbang yang cuba mengganggu-gugat dengan menyebarkan persepsi kebencian lebih-lebih lagi berkaitan agama Islam yang secara jelasnya merupakan agama rasmi Persekutuan dan negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya untuk menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Cheka ada memohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan dan cadangan untuk meningkatkan kadar premium balak yang sudah lama tidak disemak. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri telah pun meningkatkan kadar premium pembalakan pada tahun 2019 daripada kadar lama yang hanya RM1,000.00 sahaja kepada kadar mengikut jenis hutan iaitu Hutan Simpanan Kekal kadar yang dikenakan ialah RM4,200.00 sehektar setahun dengan kenaikan 76.19%. Dulu RM1,000.00 naik kepada RM4,200.00. Seterusnya… manakala Hutan Tanah Kerajaan pula kadar yang dikenakan adalah RM3,500.00 sehektar setahun dengan peningkatan 71.42%.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, sebelum kenaikan ini kita telah membuat kajian yang begitu teliti. Pertama sekali kita membandingkan dengan negeri-negeri lain. Pahang ketika itu 36 tahun kalau er… kalau tak silap saya kita tidak menaikkan cukai balak ini sedangkan negeri-negeri lain dah 2, 3 kali naik tapi kita tak naik dan apa yang kita naik ini adalah lebih rendah lagi daripada negeri-negeri lain cukai yang kita kenakan ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya Yang Amat Berhormat boleh naik lagi la kalau nak la? [ketawa] Kalau nak la…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Er… nanti saya fikir la…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi rakyat ini kita kena jaga Yang Amat Berhormat er… nanti persepsi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab nak naik yang ini bukan mudah macam-macam. Macam-macam bantahan, tohmahan, itulah, inilah dan sebagainya la.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahu, faham Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Last-last saya kata kepada er… kepada syarikat kayu-kayan yang jumpa saya… saya kata Tan Sri dulu untung macam ini sekarang untung macam ini sahaja lah yang lebih itu kerajaan ambil balik saya kata. Akhirnya mereka bersetujulah Yang Berhormat Speaker. Untuk naik lagi ini, buat er… dalam masa yang terdekat ini belum ada dalam perancangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Sentul. Saya tahu dia menunggu sahaja bila saya nak menjawab soalan dia. [ketawa] Yang Berhormat Kuala Sentul bertanya apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan industri utama di daerah Maran selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu daerah satu industri.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan rakan saya daripada Kuala Sentul, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri akan menyelaraskan kawasan industri di setiap daerah dengan kerjasama jabatan dan agensi berkaitan seperti pejabat tanah, pihak berkuasa tempatan, Lembaga Pelaburan Malaysia ataupun MIDA, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ataupun ECERDC dan sebagainya untuk merancakkan lagi ekonomi dan meningkatkan lagi peluang pekerjaan bagi pekerja tempatan. Sehingga kini terdapat dua tapak kawasan industri Maran iaitu Kawasan Perindustrian Jengka dan Pekan Tajau. Pekan Tajau ini dekat dengan rumah Yang Berhormat kan. Dekat haa… jawablah Speaker nak dengar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, bangun dan jawab.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak la dekat sangat, rumah saya di Chenor. Jadi kalau di Simpang Pekan Tajau itu baguslah sebab saya diberitahu Stesen ECRL itu akan dibina nanti Dato'. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak apa Yang Berhormat, kalau jauh dari rumah dia kita nak dekatkan. [ketawa] Manakala perancangan Kerajaan Negeri pada masa akan datang setelah Stesen Laluan Rel Pantai Timur ECRL Maran siap dan beroperasi adalah untuk menjadikan seperti mana kata Yang Berhormat Kuala Sentul tadi untuk menjadikan Stesen ECRL Maran sebagai pusat pengumpulan mineral untuk dibawa ke Pelabuhan Kuantan.

Yang Berhormat daripada Padang Tengku mencadangkan supaya perancangan yang rapi dibuat bagi memastikan mana-mana agensi yang masih belum beroperasi di Kuala Lipis mempertimbangkan untuk membuka pejabat atau cawangan operasi mereka di Bandar Baru Lipis 3.0.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan ADUN Padang Tengku, salah satu projek dalam perancangan di daerah Lipis ialah Bandar Baru Kuala Lipis 3.0 di Bukit Sarang, Mukim Gua, daerah Lipis seluas 360.98 hektar ataupun 892 ekar di atas bekas tapak UiTM tanah milik Kerajaan Negeri.

Lokasi projek terletak dalam Koridor Kuala Lipis, Padang Tengku yang merupakan koridor pembangunan utama yang yang strategik dengan tahap kesalinghubungan optimum. Cadangan ini bagi memenuhi pendekatan pembangunan dan Rancangan tempatan Daerah Lipis 2020 untuk mewujudkan pembangunan koridor terancang, perbandaran mampan, pengukuhan bandar warisan, memperkasakan aktiviti pertanian, pengekalan kualiti alam sekitar dan mengenal pasti potensi aktiviti perlombongan emas dan memantapkan lagi sektor pelancongan.

Bandar Baru Kuala Lipis 3.0 berpotensi untuk menjadi hub tumpuan dan menempatkan bangunan-bangunan kerajaan secara berpusat. Ini ditambah dengan perancangan pembangunan yang mampu meningkatkan lagi ekonomi di daerah Lipis dengan fokus baharu bagi aktiviti perniagaan yang mampu menarik pelabur serta pelancong dari luar dengan adanya komponen-komponen pembangunan yang penting iaitu zon perumahan, perniagaan, industri dan lain-lain.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk maklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada saudara kita di Gaza menerusi Tabung Pahang *for* Palestin yang diuruskan sendiri oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, tabung Pahang4Palestine telah kita lancarkan pada 28 Oktober lalu bagi mengutip derma untuk membantu saudara kita di Gaza yang dibunuh, dizalimi dan ditindas oleh rejim Israel. Setelah hampir 7 bulan

tabung ini dilancarkan, jumlah kutipan yang berjaya dikumpulkan adalah berjumlah RM1.5 juta ringgit. [Ahli Dewan menepuk meja].

Saya ucapkan terima kasih kepada para penyumbang, insya-Allah pada 20 Mei ini Yang Berhormat Speaker iaitu Isnin depan saya akan melancarkan penghantaran bantuan dalam bentuk barangan seperti ubat-ubatan, selimut dan makanan yang siap dimakan ke Gaza dengan kerjasama Wisma Putra menerusi program Ops Ihsan. Terima kasih lagi sekali kepada semua penderma atas keprihatinan nasib malang yang menimpa rakyat Gaza dan saya beri jaminan di sini bahawa setiap sen yang telah disumbangkan ini akan disalurkan terus kepada saudara kita di sana. Kita ini Yang Berhormat Speaker, RM1.5 juta itu kita jaga duit itu betul-betul. Kita tak ada la nak beli jongkong emas ke, nak melabur di sana er… dulu tak ada maknanya satu sen yang disumbangkan itu kita akan pastikan sampai ke rakyat di Gaza.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Alhamdulillah. [Ahli Dewan menepuk meja] Dan marilah kita semua berdoa supaya saudara kita di Gaza terus diberikan kekuatan, kesabaran, kesejahteraan dan keselamatan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya rasa setakat ini sahajalah penggulungan saya pada kali ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberkati segala usaha yang kita laksanakan untuk kesejahteraan dan kemakmuran negeri Pahang. Kita semua sebagai pemimpin yang memikul amanah, biarlah kita menebar kebaikan dan menghambat kebencian. Kebaikan adalah bahasa yang dapat didengar oleh orang tuli dan dapat dilihat oleh orang buta er… saya ulang lagi sekali Speaker, kebaikan adalah bahasa yang dapat didengar oleh orang tuli dan dapat dilihat oleh orang buta. Orang yang amanah apa tandanya. Pesan orang tua-tua, orang yang amanah duduknya tinggi, tegaknya rendah, kepalanya tinggi, perangainya merendah, dibawa ketengah dia bertuah, dibawa ke tepi dia berbudi.

Berpijaklah di bumi nyata bahawa prestasi yang seharusnya menjadi sandaran dan ukuran bukannya rekayasa fitnah tidak berkesudahan. Bersyukurlah kemakmuran dan keharmornian negeri yang dinikmati ini tidak datang begitu sahaja tetapi hasil usaha, idea, keringat yang tumpah di bumi bertuah ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Yang sikit sama dirasa, yang setitik sama mencolek, yang secebis sama dikutip yang secupak sama nampak. Persoalan telunjuk lurus kelingking berkait tidak timbul memandangkan segenap lapisan masyarakat yang memerlukan dan layak sememangnya menerima manfaat dan pelbagai inisiatif yang disalurkan secara terus kepada mereka. Mekanisma dan kaedah penyaluran adalah bergantung kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri.

Berpada-padalah dalam berkata-kata, yang tua dihormati, yang muda disayangi, yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa. Masuk kampung orang jangan bawa ayam jantan, benang arang orang jangan dipijak-pijak, kalau kaki belum bertaji bongsal er… bangsal orang jangan diuji. Kalau hidup mahu dihormati, marilah bersatu hati dan hidup bermuafakat. Sama-samalah kita duduk bermufakat menjunjung adat, duduk bersama berlapang dada melerai sengketa.

Insya-Allah, jika percaya pada prestasi dan bukan bersandarkan persepsi, Pahang akan terus menikmati kemakmuran dan kestabilan di masa hadapan. Semoga saya telah menjawab sebahagian besar soalan yang ditujukan kepada saya yang mengetuai portfolio-portfolio yang dipertanggungjawabkan kepada saya. Jika ada soalan-soalan yang tidak terjawab insya-Allah, saya er… saya akan jawab secara bertulis dan saya akan berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dari Lipis Ke Kota Gelanggi,
Pergi Mencari Sayur Meranti,
Adat Budaya Dijunjung Tinggi,
Taat Setia Tersemat Di Hati.

Pergi Ke Hutan Memburu Rusa,
Dapat Seekor Dibahagi Rata,
Eratkan Perpaduan Tidak Kira Bangsa,
Menjaga Kemakmuran Negeri Tercinta.

Yang Berhormat Speaker,

Saya menyokong usul Titah Diraja. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, usul ini telah dicadang dan disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan di Dewan untuk mendapat kelulusan. Ahli Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan ya.

Yang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak.

Tiada.

Usul tersebut diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat (1) - Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024. DN 1/2024. Memorandum Perbendaharaan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024. DN 5/2024.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon mengemukakan rang undang undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, saya mahu menyokong usul.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu."**

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker. Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang Berhormat Speaker, Saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

saya mohon mencadangkan,

> **"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu."**

Yang Berhormat Speaker,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita berhenti sekejap untuk memberi laluan. Pada waktu Zohor…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Handphone-handphone…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Memang waktu masuk Zohor, tapi masuk waktu … boleh terus.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh teruskan? Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ulang sekali lagi. saya mohon mencadangkan, suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

Yang Berhormat Speaker,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut.

Jumlah wang yang dipohon untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun kewangan 2023 ialah sebanyak RM108,660,280.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lapan Juta Enam Ratus Enam Puluh Ribu Dua Ratus Lapan Puluh sahaja).

Yang Berhormat Speaker,

Perincian maklumat bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan di dalam Memorandum Perbendaharaan Tambahan Bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 Negeri Pahang yang dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Negeri ini sebagai kertas DN 5/2024.

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan.

Saya mohon mencadang. Terima kasih.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang Berhormat Speaker. Saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Masalah di hadapan Majlis ialah,

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.",

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.
Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan "setuju", dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[*Cokmar diturunkan*]

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B. 03 Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Kewangan dan Perbendaharan Negeri dibuka untuk dibahas.
Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM34,979,280.00. [Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Empat Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus Lapan Puluh sahaja] untuk Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-Ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Maksud bekalan B.03 Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B. 32. Kumpulan Wang Terkanun.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maksud bekalan B.32. Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahaskan. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM73,681,000.00 [Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Tiga Juta Enam Ratus Lapan Puluh Satu Ribu sahaja] Untuk Maksud Bekalan B.32 – Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan ”setuju.”

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Maksud Bekalan B.32 – Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada undang undang.

Dengan ini, saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat membuat cadangan. Sila Yang Amat Berhormat.

YAB DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada majlis sekarang.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang Berhormat Pengerusi,

saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Majlis bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat.

[*Cokmar dinaikkan*]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024, dibaca bagi kali yang ketiga.

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon memaklumkan bahawa

> **“Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu**”

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan ditujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang Berhormat Speaker.

Saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang undang undang ini dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2024) 2024, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (2) - Rang Undang-undang

Rang Undang-undang Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024. DN 2/2024.

Yang Berhormat Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

YB DATO’ SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mohon mengemukakan… saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939.

YB DATO’ SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan, "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939."

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Secara keseluruhannya… secara keseluruhannya Taman Negara Pahang adalah seluas 2,477 km persegi. Ianya ditubuhkan pada tahun 1939 untuk memulihara, mengayakan dan melindungi keaslian flora dan fauna bagi memastikan khazanah negara ini terus kekal hingga ke generasi yang akan datang selain sebagai sumber rekreasi termasuklah pemerhatian hidupan liar, rekreasi air, pengalaman alam sekitar, penyelidikan, pendidikan alam semulajadi dan keunikan budaya tempatan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, justifikasi pindaan adalah seperti berikut:

Memberikan Majlis Mesyuarat Kerajaan kuasa mengesahkan dan meminda kaedah-kaedah di bawah Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939.

Kaedah-kaedah yang perlu dipinda melalui enakmen ini adalah khususnya berkenaan dengan Kadar Fi Taman Negara yang meliputi Bayaran Masuk, Lesen dan Permit serta apa-apa kaedah-kaedah lain berkaitan Taman Negara.

Kadar Fi Taman Negara yang diguna pakai pada masa kini ialah berdasarkan kepada kaedah yang dibuat di bawah Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939. Kadar tersebut tidak pernah diubah semenjak tahun 1939.

Mana kaedah-kaedah bagi enakmen-enakmen lain yang juga memberi kuasa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk membuat dan meminda apa-apa kaedah di bawah enakmen yang berkenaan. Sebagai contoh bagi Enakmen Hotel Pahang 2020, di mana Peraturan-Peraturan Hotel (Pahang) 2021 diberi kuasa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk membuat dan meminda kaedah dan peraturan tersebut.

Yang kelima, kutipan Fi Taman Negara akan dimasukkan ke Akaun Amanah Taman Negara Pahang bagi membiayai penyelenggaraan kemudahan-kemudahan Taman Negara.

Yang Keenam, melancarkan kecekapan dalam apa-apa pembuatan atau pindaan kaedah-kaedah di bawah enakmen ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sekian sahaja penerangan ringkas saya berkenaan rang undang-undang ini dan saya mohon mencadang. Sekian, terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939",**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Sri Speaker, pertama sekali, saya menyokong penuhlah pindaan dibuat. Kerana kita tahun 1939 lagi, tak pernah dibuat pindaan. Yang saya fikir cabaran besar pada Taman Negara… Taman Negeri ini ialah pembangunan di mana sebahagian sebagai taman negara. Dulu Taman Negara dia masuk satu pintu sekarang ni dah boleh masuk semua dan dia akan datangkan kesan secara langsung kepada rizab Taman negara kita.

Saya menyokong ini kerana melihat bahawa perlunya suatu kajian dibuat kepada *fee* Taman Negara khususnya Taman Negeri di bawah di negeri Pahang dan serta lesen dan permit serta beberapa perkara yang melibatkan gangguan, ganggu gugat kepada ekosistem yang ada di Taman negara. Sebagai contoh, kecurian yang sering berlaku. Kayu-kayu yang berharga dan sebagainya dan ini di antara usaha pihak Kerajaan Negeri yang saya ucap tahniah dan saya menyokong penuh pindaan ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939.

YB PENGERUSI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[*Cokmar diturunkan*]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB PENGERUSI

Fasal 1 dan Fasal 2 dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada undang undang hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada undang undang.

YB DATO’ SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Pengerusi,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Rang undang-undang ini boleh dinamakan Enakmen Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024 dibaca bagi kali yang ketiga.

[BACAAN KALI KETIGA]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon memaklumkan bahawa "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939" telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya pohon.. saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang. Terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Taman Negara (Pahang) (Pindaan) 2024, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (3): Rang Undang-undang Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024. DN3/2024.

Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

saya mohon mencadangkan, "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021."

Yang Berhormat Speaker,

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perkataan 'bandaraya' di dalam Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021 (Enakmen 27) bagi versi bahasa Kebangsaan yang telah dieja sebagai dua patah perkataan kepada satu perkataan sahaja. Ini adalah kerana perkataan tersebut telah dieja sebagai satu perkataan dalam tafsiran Majlis Bandaraya di bawah seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Asas pertimbangan pindaan ini adalah bagi pertama, penyeragaman perkataan seperti mana tafsiran di bawah Seksyen 2, Akta 171. Kedua, penyelarasan penggunaan perkataan bandaraya antara Akta, Enakmen, warta, penamaan dan surat menyurat. Ketiga, mengelakkan salah faham dan cabaran di Mahkamah akibat ketidakseragaman penggunan perkataan bandaraya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sekian sahaja penerangan saya berkenaan dengan rang undang-undang ini.

Saya mohon mencadang. Sekian, terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021",**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”,

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021.

YB PENGERUSI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[*Cokmar diturunkan*]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1, Fasal 2 dan Fasal 3.

YB PENGERUSI

Fasal 1, Fasal 2 dan Fasal 3; dibuka untuk perbahasan. Tiada Perbahasan.

Masalahnya bahawa Fasal 1, Fasal 2 dan Fasal 3 jadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Fasal 1, Fasal 2 dan Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon menyokong Usul itu.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Majlis bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat.

[*Cokmar dinaikkan*]

SETIAUSAHA DEWAN

Rang undang-undang ini boleh dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024 dibaca bagi kali ketiga.

[BACAAN KALI KETIGA]

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

saya mohon memaklumkan bahawa

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan 2021"**

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon menyokong Usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju"

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandar Raya Kuantan (Pindaan) 2024, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (4): Rang Undang-undang Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024.DN4/2024.

Yang Berhormat EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang 1973.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Speaker,

saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan,

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Awam Pahang 1973."**

Yang Berhormat Speaker,

Mengikut ketetapan Enakmen Bil. 11, 1973, menetapkan bahawa Mesyuarat Lembaga PPAP perlu diadakan sebanyak 4 kali setahun. Oleh yang demikian, pindaan bilangan kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAP daripada 4 kali setahun kepada 3 kali setahun dibuat bagi menyelaraskan bilangan kekerapan Mesyuarat Lembaga PPAP dengan negeri-negeri lain dan selaras dengan Enakmen Bil. 11, 1973. Cadangan pindaan tersebut juga telah mendapat persetujuan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAP Bil 3/2023.

Yang Berhormat Speaker, sekian sahaja penerangan ringkas saya mengenai Rang Undang-undang tersebut.

Saya mohon mencadang. Sekian. Terima kasih.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Awam Pahang 1973"**,

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang 1973.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dewan bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

DALAM JAWATANKUASA

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Fasal 1 dan Fasal 2, dibuka untuk perbahasan. Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Fasal 1 dan Fasal 2, menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB DATO’ RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Majlis bersidang semula dalam sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024 dibaca bagi kali ketiga.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang 1973” telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.”

YB DATO’ RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker, saya mohon menyokong Usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (Pindaan) 2024, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

Perkara Kelima (1): Usul.

Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan 2024.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan ini, mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2024 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Memorandum Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2024 yang dibentangkan di dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat DN 5/2024."**

Yang Berhormat Speaker, tambahan peruntukan adalah untuk:

i) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM21,000,00.00 sahaja.

ii) Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM2,000,000.00 sahaja.

iii) Jabatan Kerja Raya Negeri berjumlah RM45,991,000.00 sahaja.

iv) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri berjumlah RM4,390,000.00 sahaja.

dan yang akhir Jabatan Kehakiman Syariah Negeri berjumlah RM300,000.00 sahaja.

Peruntukan tambahan ini bagi tujuan menampung keperluan perbelanjaan serta memastikan pelaksanaan projek-projek yang akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat dapat diteruskan.

Yang Berhormat Speaker, sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Usul Tambahan Perbelanjaan 2024. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada Ahli yang menyokong?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon menyokong Usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Usul ini dibuka untuk perbahasan. Tiada Perbahasan. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (2):

Usul Pelantikan Ahli Yang Dilantik Di Bawah Perkara 18A (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik 5 orang menjadi ahli yang dilantik di Dewan Negeri menurut kehendak Fasal (1) Perkara 18A, Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang."**

Yang Berhormat Speaker, 5 orang ahli yang dicadangkan untuk dilantik di Dewan Negeri ini adalah seperti yang berikut:

1. YH Dato' Ahmad Irshadi Abdullah Al-Qadri

2. YH Dato' Wong Tat Chee

3. Encik Haris Salleh bin Hamzah

4. Encik Mohd Fadzli bin Mohd Ramly

5. Encik Rizal bin Jamin

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menyentuh sedikit latar belakang kelima-lima orang yang dicadangkan sebagai ahli-ahli yang dilantik.

Yang pertama, YH Dato' Ahmad Irshadi Abdullah Al-Qadri. Pendidikannya ialah Ijazah Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya. Pengalamanya adalah Pensyarah Darul Quran JAKIM, Guru Bahasa Arab Universiti Kebangsaan Malaysia,

Pensyarah Institut Pengajian Al-Quran Sultan Haji Hasanal Al-Bulkiah, Brunei dan juga merupakan Panel Program Al-Kuliyah TV3. Penghargaan yang pernah diterima oleh beliau ialah Tokoh Dakwah sempena Maal Hijrah peringkat Wilayah Persekutuan oleh JAWI tahun 1987.

Penama yang kedua, YH Dato' Wong Tat Chee. Berasal daripada Temerloh, Pahang. Pendidikan University of Louisiana, USA. Berpengalaman sebagai Ahli Majlis Penggalakan Ekonomi Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan. Kerjaya beliau adalah Pengarah Urusan Lit Tat Property Sdn. Bhd. Dalam Khidmat Kemasyarakatan, beliau merupakan Ahli Majlis Dewan Perniaan Cina Negeri Pahang (2004-2014), Ahli Lembaga Tetap Persatuan Kochow Malaysia (2006 sehingga sekarang).

Manakala penama yang ketiga Encik Haris Salleh bin Hamzah. Berasal dari Jerantut, Pahang. Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda Universiti Islam Malaysia. Kerjaya beliau sebagai Peguambela dan Peguamcara di firma guaman Tetuan Haris Salleh & Co Managing., Ahli Majlis Daerah Jerantut (2013 – Mac 2024), Pengerusi Koperasi Kg Koi Berhad (2021- sekarang) dan juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pahang Mining Corporation daripada tahun 2023 sehingga sekarang.

Penama yang keempat ialah Encik Mohd Fadzli bin Mohd Ramly. Berasal dari Rompin, Pahang. Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa. Kerjaya beliau peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, Peguam Syarie Negeri Pahang, Peguam Panel Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Kerajaan Malaysia, Firma guaman sendiri – Mohd Fadzli & Co. Rompin dan cawangan Pasir Mas, Kelantan 2009 hingga sekarang. Beliau mempunyai pengalaman sebagai Pengarah Syarikat Perumahan PROAM Solution, Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang kawasan Rompin bermula 2018.

Penama yang kelima ialah Encik Rizal bin Jamin. Berasal dari Lipis, Pahang. Mendapat pendidikan dalam Bachelor in Computer Science and IT. Kerjaya beliau ialah Data Analytics Consultant daripada Januari 2023 hingga sekarang iaitu di Petronas Digital Sdn. Bhd. dan juga di NTT Data Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Naib Presiden dan Pengurus MIS bagi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Hannover Re Asia Pacific Branch, Head of Professional Services, Ageas Asia Insurance Limited, Head Data Management, Analytics Center of Excellence di Hong Kong.

Yang Berhormat Speaker,

Pemilihan ahli yang dilantik telah mengambil kira latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman, pencapaian kerjaya dan komitmen dalam khidmat bakti kepada masyarakat, aspek interpersonal... interpersonal. Ahli-ahli yang dilantik juga memainkan peranan yang penting dalam pemilihan bagi memastikan hubungan masyarakat pelbagai kaum tanpa darjat.

Selain daripada itu, pelantikan ini adalah berdasarkan kepada justifikasi dan pertimbangan berikut:

Yang pertama, meluaskan perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada rakyat jelata terutama dalam situasi politik dan sosio ekonomi yang mencabar.

Yang kedua, pelantikan tambahan Ahli Dewan Negeri mampu mengurangkan kadar atau rasuah secara keseluruhan seseorang Ahli Dewan Negeri kepada jumlah penduduk yang diwakilinya.

Ketiga, calon yang dilantik adalah di kalangan mereka yang berkaliber dan berkemahiran tertentu dan dapat berganding bahu bersama Ahli-ahli Dewan Negeri untuk menyumbangkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Saya percaya dengan cadangan pelantikan ini, ahli-ahli yang dilantik akan dapat membantu dalam mencapai visi dan misi Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker, sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Usul ini. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membawa Usul ahli yang dilantik. Merujuk kepada Fasal (1) Perkara 18A Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Negeri Pahang. Usul tersebut hendaklah disokong oleh sekurang-kurangnya 7 Ahli Dewan Negeri dan diluluskan dengan majoriti mudah. Oleh itu, saya memohon sekiranya ada sokongan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato Sri Speaker,

Saya Shafik Fauzan bin Sharif juga menyokong Usul tersebut.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Speaker,

Saya Ahli dari Batu Talam mohon izin menyokong Usul. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya menyokong Usul itu.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Saya daripada ADUN Tras menyokong er... mohon izin menyokong Usul itu.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Yang Berhormat Dato Sri Speaker,

Ketari mohon izin menyokong Usul itu.

YB TUAN HO CHI YANG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya Tanah Rata mohon izin menyokong Usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Usul ini telah mendapat sokongan 7 Ahli dari kawasan Tioman, Inderapura, Batu Talam, Chini, Tras, Ketari dan juga Tanah Rata. Sekarang Usul ini untuk dibuka bagi perbahasan. Tiada perbahasan? Masalahnya ialah usul ini...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya minta bahaslah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bismillahirrahmannirrahahim. Assalamualaikum WBT.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Perkara Fasal (1) 18A memperuntukkan bahawa Dewan Negeri boleh melantik 5 orang dan senarai nama pun dah dibaca. Cuma kami barisan pembangkang melihat 2 perkaralah.

Yang pertama, keperluan. Apa keperluan kita buat lantikan tambahan sebab pelantikan tambahan ini akan menambahkan kos Kerajaan Negeri. Tidak banyak perkara yang kita konflik di peringkat Dewan Negeri yang pembangkang tak setuju. Kebanyakannya kita bersetuju dengan apa yang dibuat termasuk Rang Undang-undang, peruntukan tambahan bajet dan sebagainya.

Maka saya fikir keperluan untuk menambah 5 orang ini kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Yang kedua, kalau kita lihat dari segi senarai yang disenaraikan itu, ada yang lebih dulu pada kitalah. Saya minta maaflah, sepatutnya tak adalah ucapan tahniah sebelum Dewan lulus tapi dah ada *viral* tahniah nama tertentu sebelum *viral*, sebelum Dewan kita bincang lagi. Jadi, perkara ini tak sepatutnya berlakulah. Walaupun Dewan akan lulus macam mana pun kerana 7 orang sokongan dan *simple* majoriti. Tapi berikan saya kesempatan untuk kita lihat aspek tersebut.

Yang satu lagi aspek ialah kalau boleh kita lihat di antara calon-calon ini. Kita ada kekurangan juga ketara di skala masyarakat India dalam Dewan Negeri.

Kita hanya ada seorang saja daripada India. Dan saya lihat ada keperluan untuk diwakili oleh kaum India. Bukan soal kaum tapi kita tahu bahawa keperluan.

Yang kedua, masyarakat Orang Asal. Jadi kalau boleh kita lihat segmen-segmen tersebut untuk kita. Kalau keperluan untuk kita tambah mereka ni sepatutnya kita utamakan. Sekurang kurangnya Orang Asal nampak dia, Kerajaan Negeri membela dia dengan melantik ADUN lantikan ini dan demikian juga masyarakat Orang Asli. Di samping itu, saya lihat bahawa keperluan sejauh mana keperluan dan berapa bajet yang terpaksa kita keluarkan untuk tanggung lima-lima ADUN dilantik ini. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker. Ada 1, 2, 3, 4, 5 perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Cheka. Saya ucapkan terima kasih.

Yang pertama sekali apabila perkara ini dibawa sudah hampir 2 tahun untuk kita kerajaan mempertimbangkan ada keperluan atau tidak dan akhirnya kita telah memutuskan bahawa ia sememangnya ada keperluan. Kita bawa dalam EXCO sebulat suara putus bahawa ada keperluan. Daripada segi kos pun kita kaji. Sama ada kita sayangkan kos untuk atau beri perkhidmatan kepada rakyat mana yang lebih penting dan kosnya pula sebab kita mempunyai kedudukan kewangan yang baik.

Bagi saya sebagai rakan-rakan semua termasuk rakan-rakan ADUN dan termasuk juga Ex-Officio, Kerajaan Negeri Pahang mengutamakan kebajikan dan kepentingan kepada rakyat berbanding dengan kos yang dikeluarkan itu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu yang penting, kita kena pertimbangkan kos atau rakyat, jadi kita pentingkan rakyat. Jadi sebab itu kita buat.

Yang ketiga, konflik saya tidak nampak, kami dah bincang. Kita tak nampak ada konflik, sebab itu kita laksanakan. Sebagai kerajaan, kalau kita rasa ini merugikan kita... kita tidak buat dan ini menguntungkan... menguntungkan kerajaan dalam masa yang sama membahagiakan rakyat. Sekarang kita ada 2 ke 3 daerah Bebar yang kita dapat daerah yang bahagia?

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat, ada 3.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

3. Mungkin dengan ada lantikan ini boleh jadi 5. Yang penting kita berupaya dan mampu membahagiakan rakyat.

Yang keempat, kekurangan yang ketara. Yang Berhormat cuba tengok dalam Dewan ini. MCA ada tak? Tak ada. Kita lantiklah seorang. Terima kasih kepada rakan-rakan daripada Pakatan Harapan yang bersetuju supaya Barisan Nasional melantik daripada MCA. Tak ada, MIC dah ada dah. Speaker nampak tak MIC? (ketawa).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya nampak dengan jelas.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi kita letak calon daripada MCA seorang. Orang Asli, Senator yang kuota Kerajaan Negeri, Senator daripada Orang Asli. Ahli Parlimen.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli Parlimen dan juga Senator Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pegawai Khas saya pun ada Orang Asli. Kita buat lagi ORACO, Orang Asli Corporation.

Cameron Highlands Ahli Parlimen. Jadi semuanya ini telah diambil kira dan telah dipertimbangkan dengan sehabis baik. Jadi kalau nak melihat daripada sudut kekurangan kelemahan, memang ada, itu memang ada tetapi antara kelemahan dan kekurangan jauh lebih banyak kebaikan daripada kelemahan ataupun kekurangan [Ahli Dewan menepuk meja].

Dan yang seterusnya, itulah Yang Amat Berhormat daripada Cheka lantik. Jadi saya ingat kita tak usah panjang-panjanglah perkara ini kerana saya sangat yakin dan percaya mereka ini apabila diberi peluang akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di negeri Pahang.

Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Speaker, boleh saya ambil bahagian sikit. Kita dulu memang dulu kita sokong Enakmen ini pada 2018 kalau tak silap dan DAP keluar Dewan. Masa itu tak sokong. Jadi maknanya perkara ini tidak timbul soal.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

2020.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

2020.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

November 2020.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dan ini tak timbul soal kita bantah soal Enakmen ini, tidak tapi keperluan satu.

Yang kedua, kita akan belanja 2 tahun ini RM1.5 juta untuk 5 orang ini. RM1.5 juta tu kalau kita gunakan untuk kepentingan apa baik pulih peparitan ke jalan negeri, dia boleh selesai banyak masalah sedangkan satu tadi kerajaan hari ini yang ada kukuh. Sokongan besar, tidak ada keperluan untuk menambah sokongan daripada Ahli-ahli ADUN lantikan.

Yang ketiga, saya minta supaya sebelum... Kita tangguhkan dulu lantikan ini sehingga kita *clear*, jelas peranan masing masing. Sebab yang dilantik ini aktif *politician*, kesemuanya dan dia akan jadi lebih politik daripada memainkan peranan dia.

Kita ada dah senarai peranan yang akan dimainkan oleh setiap ADUN yang kita lantik ini. Kita setuju tak ada masalah, tapi sebab kita tahu sekali wakil apa. Apa peranan mereka dalam Dewan ini. Kami tak jelas. Jadi kami nak sokong macam mana? Saya cadangkan supaya usul ini kita tangguhkan dulu sehingga kita jelas dulu peranan setiap ADUN yang dilantik dan dia perlu mewakili kelompok-kelompok yang minoriti. OKU, NGO itu kita sokong. Sebab itu sebenarnya. Bila kerajaan membangkitkan usul ini pada 2020 tu antara tujuan ADUN lantikan ini untuk mewakili kelompok-kelompok minoriti. Kelompok NGO, wakil NGO, wakil daripada aktivis, wakil daripada Orang Asli, profesional, profesional semua ini. Okay, wakil daripada OKU.

Jadi kami setuju. Cuma apa yang dilantik hari ini. Senarai nama ini kita tidak ada agensi personel, tidak. Apa yang dilantik ini semuanya aktif *politician* tidak mewakili kelompok-kelompok yang dimaksudkan dan yang ketiga tidak jelas peranan masing-masing. Jadi, kita bimbang kita belanja RM1.5 juta untuk tempoh dua tahun akan datang. Tanpa jelas apa fungsi, kita melantik ADUN lantikan ini. Itu hujah saya terima kasih, saya cadangkan ditangguhkan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mohon Dato' Speaker, saya tak nampak apa yang disebutkan oleh rakan daripada Beserah yang seolah-olah kita nak melantik ini tidak ada peranan dan er…kepentingannya kepada kerajaan sebab mereka itu apa namanya telah kita teliti keupayaan mereka dan juga kebersamaan mereka dengan orang ramai. Apabila kita lantik daripada apa tokoh daripada MCA contohnya, dia akan membawa suara orang ramai daripada MCA daripada masyarakat-masyarakat yang ada di kawasan berkenaan. Dia akan bantu kita sebagaimana rakan-rakan daripada pembangkang membantu membawa suara orang ramai itu tujuannya.

Dia juga akan membantu mengurangkan beban-beban, isu-isu seperti disebut parit tadi seperti disebutkan tentang longkang disebutkan tentang jalan. Ini kita minta mereka bersama dengan kita. Begitu juga kalau di dalam hal-hal Orang Asli, dia orang boleh bantu juga, bukan semestinya kena ambik tahu tentang Orang Asli kena asli. Saya sendiri diamanahkan oleh Yang Amat Berhotamt untuk mengambil tahu tentang Orang Asli. Kita menjiwai kita merasai. Kita duduk bersama dengan dia dan kita yakin orang yang kita lantik ini boleh buat kerja dan mereka berupaya dan wajar kita lantik serta patut, pada hari ini yang Yang Amat Berhormat selama dua tahun meneliti bersama dengan barisan kerajaan keperluan itu, sebab itulah kita cadang.

Bak kata orang Melayu kita bila nak bantu orang yang biar bergolok bergadai, tetapi kita dah tengok pulak sebelum kita nak bergolok gadai. Kita (bacaan ayat al-Quran). Itu hadis Rasulullah dengan izin Dato' Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Allah merahmati satu hamba itu apabila dia tahu kadar diri kita. Yang Amat Berhormat itu sudah teliti mintak Pegawai Kewangan Negeri tengok mintak Penasihat Undang-

undang teliti, mintak Setiausaha Kerajaan perhalusi. Setelah dikaji diteliti dari segala sudut. Maka sebab itu kita Yang Amat Berhormat Menteri Besar mintak rakan-rakan EXCO bersetuju untuk kita bawak. Maka EXCO bersetuju Yang Amat Berhormat bentangkan hari ini. Setelah ada rasionalisasi yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, maka 7 orang rakan daripada ADUN-ADUN dia orang memberi sokongan. Apa yang telah dibawa. Jadi saya rasa tidak ada kewajaran untuk kita menangguhkan dan sewajarnya kita sebagaimana yang disebut oleh Cheka tadi, dia menyokong. Walaupun Baserah tak menyokong tapi wajar kita menerima pandangan daripada Cheka menyokong apa yang…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat, saya rasa, saya rasa bukan kita tak sokong, kita tangguhkan dulu.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya rasa saya kena betulkan kenyataan. Jangan mengelirukan Dewan tadi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tiada keliru Cheka sebut bagi memberi pandangan. Ada beberapa perkara kena ambil kira Cheka tadi sebut. Walaupun kita sokong menda ini, memang itu ayatnya dan juga Beserah minta tangguh. Jadi, saya rasa tak perlu tangguh. Kita teruskan saja kenapa kita perlu tangguh. Kita teruskan saja, sokongan pun sudah ada. Cadangan pun dah diberikan dan benda ini wajar kita buat kerana kita nak menolong orang ramai.

Kita bekerja ni, biar berama. Dia tak ada kata maknanya tak ada yang tidak kena satu individu (bacaan ayat al-Quran) kerjasama beramai. Imam Syafie pun ada sebut di dalam pepatah beliau (bacaan ayat ai-Quran). Ini Imam Syafi'i memberikan teori cara kita bertindak dengan izin Dato' Sri Speaker. Barang siapa yang berunding dengan jumlah yang besar (bacaan ayat al-Quran) kerja dia akan jadi lebih ramai orang yang layak. Bayangkan kalau berat itu kita pikul 10 orang tetapi sekarang ini kita pikul 20 orang. Mana jadi lebih ringan dan mana jadi lebih mudah. Dato' Sri Speaker, saya rasa wajar kita teruskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Speaker, saya boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya…sila

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya betul tadi, saya minta ditangguhkan satu supaya peranan. Yang kedua kita ada hantar usul…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya dah ambil kira dah pandangan daripada DUN Beserah itu.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kita ada hantar usul kepada Speaker untuk kita semak perkara ini. Pertama, kita kata hak dan ahli yang dilantik ini tidak boleh menentu dan meruntuhkan kerajaan. Itu pertama, kita usul kita tidak mahu dia menjadi anggota yang akan menentukan satu kerajaan atau akan menjatuhkan kerajaan. Itu yang pertama.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Beserah. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang kedua kita mintak semua benda tu disemak dulu. Ada beberapa perkara. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Beserah, saya dah dengar pandangan daripada Beserah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi, bagi ni wakil daripada Luit dulu bercakap

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Er…mengenai perlantikan ini, saya suka nak rujuk juga Laporan prestasi Program Pembangunan Negeri Pahang, *Rolling Plan* Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12. RMK Ke-12 tidak lama dah, tahun er…15,16 bulan je lagi. Tapi untuk laporan prestasi ini, Negeri Pahang ini prestasi 15.59%, manakala bahasa, bahasa kerja ini memang teruk. Jadi ada apa kaitannya dengan pelantikan ADUN. Kenapa tidak ada pelantikan yang boleh membantu Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi permohonan ini. 15% atas sedikit daripada Negeri Sabah sahaja, tengok ni.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker, saya memohon izin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya cakap, saya nak cakap sikit. 15% itu sehingga bulan April er…belum habis lagi. Inilah yang mengelirukan rakyat, ini yang masalah kita ni. Er…Yang Berhormat ni. Er…Benta nak bercakap.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya boleh maafkan Cheka sebab Cheka tiada dalam Dewan dalam penggal yang dulu. Minta maaf, Beserah, Beserah dengan Luit ada dalam Dewan yang kita di sini merupakan penggubal undang undang. Kita kena bagi contoh tunjukkan yang kita menggubal undang undang dan kita hormat dan kita patuh kepada undang-undang yang kita sendiri sudah gubalkan. Sebab tu saya rasa terkejut apabila Baserah bangkitkan tentang perkara yang patut ada pra-syarat pada pelantikan. Sepatut perkara ni kita dah bincang kita dah bahas sebelum kita membuat pindaan kepada pasal perlembagaan ini, kita ada menyentuh berkenaan dengan Perlembagaan pindaan kepada Perlembagaan. Perkara ini telah pun kita bereskan.

Maknanya perkara dah bereh semasa kita buat keputusan itu iaitu kita telah meminda Perlembagaan dan mengizinkan Dewan Undangan Negeri untuk melantik 5 orang ADUN yang dilantik ADUN Tambahan dan syarat-syarat seperti mana yang kita ikut. Kita ni patuh kepada perkara yang kita putuskan sendiri dan antara pihak yang menyokong dan mendokong pindaan kepada Perlembagaan yang telah kita buat, yang pada hari ini kita laksanakan sebagai usul oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar termasuklah rakan saya dari Beserah, kepada rakan saya dari Luit dan juga rakan, rakan saya yang ada, Jengka ada pada masa itu. Jangan berdiri. Jadi maksudnya kita dah sama-sama bersetuju. Hanya kita nak laksanakan. Sekarang ini kita nak melaksanakan mengapa kita balik semula kepada soal macam kita ungkai semula, yang ini yang tak betul.

Saya ingat, dalam Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Dewan belaka faham peraturan. Tapi di sana ini, di depan di atas sana itu pemerhati. Jadi dia tengok apa halnya ini, Ahli Dewan yang mulia di Dewan Undangan Negeri Pahang ini. Dia yang bersetuju, kita yang bersetuju kita yang mendokong dan dia jadi undang-undang, kita ikutlah.

Jadi kalau di situ kata dia mesti terdiri daripada kalangan pihak-pihak tertentu. Bukan satu perkara yang menjadi, *mandatory* dengan izin. Maksudnya tokoh pemimpin boleh datang daripada mana-mana kelompok dan ini yang sebenarnya yang kita ikut. Jadi saya nak maklumkan sebab ada ungkapan yang mengatakan kita membuat sokongan yang mana memberi *advantage* kepada kita dengan izin. Ada setengah pihak ada setengah parti dan pada hari ini jangan, jangan, jangan, mengiyakan itu.

Kalau kita masih lagi membangkang, maknanya nampak gaya, eh dulu sokong, sekarang tak sokong kerana seolah-olah sekarang ini dia tidak beri *advantage* kepada pihak kita. Dan ini yang sebenarnya sedang diperhati oleh Ahli-ahli Dewan, dan juga pemerhati-pemerhati dari dan juga di luar sana. Ini *live* ini, ini *live* Dato' Sri. Makna kalau tengok itu.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Sri,

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang, yang Cheka saya faham, Cheka tiada masa itu. Tiada di Dewan ini, tetapi rakan-rakan lain yang ada di sini sepatutnya dia kita dah bersetuju yang ini kita nak laksanakan, dan saya rasa Dato' Sri Speaker kita teruskan dengan kuasa yang ada pada Dato' Sri Speaker.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon izin nak ulas sedikit berkenaan dengan Beserah tadi. Alasan mohon penangguhan sebab er… di kalangan yang dilantik ini tidak mewakili Orang Asli, misalnya OKU, NGO. Saya EXCO yang bertanggung jawab berkait dengan NGO misalnya, saya boleh bawa suara itu di Dewan ini. Dato' Sabariah mewakili OKU misalnya, Dato' Sri Syed Ibrahim mewakili Orang Asli. Tak ada isu Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi alasan untuk penangguhan ni tak tepat dan tak kukuh langsung Dato' Sri.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Masalahnya saya nak, saya nak habiskan. Sila duduk wakil daripada Beserah, sila duduk. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Sebab semua dah bercakap…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker sikit je, boleh? Dengan izinlah, sikit ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Last. Yang pertama sekali, Yang Amat Berhormat, yang terakhir saya nak bagi peluang bercakap.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya yang terakhir. Terima kasih Yang Amat Berhormat Speaker,

Yang pertama sekali, Pahang bukan yang pertama mengadakan ada lantikan. Jiran kita, kita ada ada lantikan, Terengganu ada, dan ada Sabah pun ada, kemudian di peringkat Federal, dia ada lantikan macam senatorlah, lama dah buat. Jadi saya ingat tak ada, tak ada apalah Speaker, ini kecil punya hallah. Jadi, dalam politik ini Yang Berhormat Speaker kita kena pandang ke hadapan, *move on*, kalau kita tengok belakang tak jadi mana kita ini. Speaker setuju tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Setuju [ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pandang ke depan tu saya setuju. Pasal apa, tapi kadang-kadang kadang Yang Amat Berhormat kita lari-lari pandang belakang lari-lari pandang belakang, kenapa Yang Berhormat? Pasal kita tak ada mata belakang.

Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong.

Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, sila nyatakan “tidak”.

AHLI-AHLI DEWAN

Tidak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah mendapat sokongan undi, er… sokongan suara bersetuju yang lebih kuat ataupun yang lebih ramai. Jadi, oleh itu, saya memasyhurkan usul tersebut diluluskan.

URUSAN-URUSAN AM

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: Urusan-Urusan Am
Kertas-kertas Mesyuarat.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai:
Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang
DN 6/2024

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2022
DN 7/2024

Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Berakhir 31 Disember 2022
DN 8/2024

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF) Berakhir 31 Disember 2022
DN 9/2024

Penyata Kewangan Majlis Bandar Raya Kuantan Berakhir 31 Disember 2022
DN 10/2024

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh Berakhir 31 Disember 2022
DN 11/2024

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong Berakhir 31 Disember 2022
DN 12/2024

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan Berakhir 31 Disember 2022
DN 13/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis Berakhir 31 Disember 2022
DN 14/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut Berakhir 31 Disember 2022
DN 15/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2022

DN 16/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran Berakhir 31 Disember 2022
DN 17/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin Berakhir 31 Disember 2022
DN 18/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera Berakhir 31 Disember 2022
DN 19/2024

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub Berakhir 31 Disember 2022
DN 20/2024

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketuju: Penangguhan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… Yang Berhormat Dato' Sri Speakar, saya minta sedikit sahaja. Boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila, sila, boleh.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya, terima kasih. Saya menyambut baik kertas yang dibentangkan. Cuma beberapa pandangan saya untuk penambahbaikan ialah yang pertama sekali kertas-kertas ini di*embargo* sampai ke hari ini. Makna kalau boleh menyebabkan kita tak boleh nak *coupe.,* kita tak boleh nak bentang, sedangkan hari ini hari akhir perbahasan. Kalau boleh, er… kertas-kertas audit ini ataupun laporan lebih awal dibuka supaya sekurang-kurangnya kita yang keduanya ialah soalan-soalan pertama untuk Tuan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker.

Soalan-soalan Dewan ini biasa diberi pada hari berkenaan. Boleh tak kalau untuk sidang akan datang, kalau soalan lebih awal supaya kita tahu soalan apa? Soalan saya naik ke tidak esok, saya tak tahu kecuali bila sampai, baru saya tahu soalan itu dapat. Jadi itu sikit pandangan, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya nak *respond* pada ADUN Cheka tadi. Berhubung dengan yang dibentangkan oleh setiausaha tadi. Ianya adalah satu perkara yang hanya dibentangkan dan tidak perlu dibahaskan. Itu termaktub di dalam peraturan. Dan begitu juga daripada segi kewangan. Untuk maklumanlah, kalau bersabit dengan T, tanggungan itu pun tidak perlu dibahaskan. Itu untuk memberi makluman sahajalah Yang Berhormat Speaker, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan. Sila Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat kalau nak berucap boleh, sikit.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker Alhamdulillah syukur kepada Allah kerana dengan limpah, rahmat serta keizinan-Nya, maka pada hari ini kita dapat menyempurnakan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Pahang ke-15 yang telah bersidang selama lima hari bermula pada hari Isnin.

Terlebih dahulu, Patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat kita pada kali ini.

Sudah pastinya segala titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku akan patik-patik, pacal-pacal Ahli-ahli Yang Berhormat junjung dan laksanakannya dengan sebaik mungkin bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri ini akan terus terpelihara dan dipertingkatkan.

Yang Berhormat Speaker,

Sepanjang tempoh lima hari ini, saya dapati perjalanan mesyuarat kita berlangsung dengan begitu baik sekali, meskipun terdapat sedikit panas, suam-suam kuku. Tetapi itu semua sudah menjadi lumrah dalam persidangan Dewan Negeri kita.

Bagaimanapun, secara keseluruhan ia berlangsung dengan penuh semangat setiakawan dan muhibah sekali. [Ahli Dewan menepuk meja].

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah mempamerkan kematangan berhujah kebijaksanaan, memberi pendapat, bernas dan bijak sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang kerana apa yang juga yang diutarakan adalah demi kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Saya sangat berharap agar suasana harmoni dalam tempoh 5 hari, persidangan kita ini, tidaklah terhenti setakat ini sahaja. Ianya hendaklah diteruskan juga pada persidangan-persidangan yang akan datang.

Yang Berhormat Speaker, mengambil kesempatan berada pada penghujung dewan sidang Dewan ini, saya, sudah tentunya wajib mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana telah menguruskan perjalanan mesyuarat kita dengan begitu baik dan teratur sekali. [Ahli Dewan tepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dan yang menariknya, saya dapati Speaker ni kadang-kadang, Speaker tidak merasakan diri ini Speaker masih lagi rasa macam ADUN Lanchang ataupun EXCO kerajaan lain. Itu masalahnya. [Ahli Dewan ketawa]. Jadi saya harap Speaker tapi kali ini setiap pagi Speaker makan ubat yang nampak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi… lepas makan ubat, nampak lebih baik lebih baik.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nampak lebih baik sikitlah. Tapi… Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Speaker tahu. Bukan ADUN Lanchang lagi, bukan EXCO lagi dah ye. Jadi…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya juga turut er… mengucapkan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Agensi-agensi Kerajaan yang turut hadir setiap hari serta menyediakan butiran yang diperlukan kepada pihak Kerajaan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan. Saya juga turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua penjawat awam Negeri dan Persekutuan Pasukan Polis Diraja Malaysia, Petugas Kesihatan, anggota RELA, Pasukan Bomba, Petugas Media serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran persidangan kita pada kali ini. [Ahli Dewan tepuk meja].

Tidak juga dilupakan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan dengan sempurna Istiadat Pembukaan Persidangan kali ini. Ini meliputi pasukan perbarisan oleh pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia, sehinggalah kepada petugas-petugas Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Kuantan yang terlibat

dalam kerja-kerja persiapan tempat. Saya juga difahamkan Yang Berhormat Speaker begitu baik hati, telahpun menjamu semua pasukan Tentera Udara yang terlibat dalam satu majlis makan malam. Syabas! Tahniah, Speaker [Ahli Dewan tepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker sebelum saya akhiri ucapan saya, hari cepat ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan, Selamat Hari Guru kepada semua guru-guru di seluruh negara terutamanya di negeri Pahang yang akan disambut pada 14 pada 16 Mei ini. [Ahli Dewan tepuk meja]. Selamat Hari Guru Cikgu. Terima kasih atas segala ilmu, kasih sayang dan inspirasi yang telah diberikan kepada kita semua. Semoga guru-guru sentiasa diberkati dengan kebahagiaan dan kesihatan yang baik. Teruskan menyinari dan membimbing anak-anak bangsa untuk menjadi insan yang berguna dan cemerlang.

Yang Berhormat Speaker,

Saya lagi sekali, mengucapkan terima kasih atas keterlibatan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam persidangan kita pada kali ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas ini kita akan pulang ke kawasan masing-masing, maka laksanakanlah kewajipan kita sebagai wakil rakyat dengan sebaik-baiknya.

Sebagai ketua kerajaan negeri, insya-Allah saya akan pastikan segala bentuk bantuan, sumbangan dan juga pembangunan akan terus dilaksanakan dengan sebaiknya di semua kawasan kerana ini adalah kewajipan saya untuk memastikan setiap rakyat di bumi Pahang ini mendapat limpahan kemakmuran yang sama rata.

Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat semua, selamat kembali ke kawasan masing-masing dan berhati-hatilah ketika memandu. Saya juga berdoa kepada Allah SWT supaya mengurniakan rahmat-Nya kepada kita semua, dengan setiap rakyat negeri ini terus hidup dalam suasana yang aman, makmur, sejahtera dan saling hormat menghormati antara satu sama lain serta dilindungi daripada segala musibah, bencana dan malapetaka.

Bunga Dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Di atas dahan Burung Tempua,
Melihat rusa tepi perigi,
Salam perpisahan untuk semua,
Di lain masa bertemu lagi.

Yang Berhormat Speaker, saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Wabillahi taufik Wal hidayah Wassalamualaikum WBT.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya berdiri untuk memberikan er… memberikan sokongan kepada cadangan usul Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er… pada kali ini. Sebelum tu, saya nak sentuh sikit. Sebenarnya pertama sekali saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan tahniah kepada Dato' Sri Speaker dan Timbalan Speaker yang telah menjalankan persidangan dengan begitu baik sekali mengikut peraturan.

Saya sebut ke sini ikut peraturan-peraturan Dewan dan er… malahan mungkin ada ketidak rasa kepuasan di hati mana-mana Ahli er… semasa kita melalui proses persidangan ini termasuk dalam perbahasan. Namun, saya nak maklumkan nak berkongsi di sini iaitu pertama sekali kalau kita lihat misal contohnya, *United Nation* (dengan izin) Bangsa-bangsa Bersatu, dia mempunyai 193 anggota dalam Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi, yang menguasai Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu ini ialah er… *United Nations Security Council,* Majlis Keselamatan er… Bangsa-Bangsa Bersatu, yang terdiri daripada 15 anggota. Dan 15 anggota ni tadi, walaupun 15 anggota tetapi yang menguasai segala galanya ialah 5 anggota tetap. Iaitu er… Amerika, UK… United Kingdom, Rusia, China dan Perancis. Lima ni mempunyai kuasa *veto.* Salah kalau salah satu negara er… tetap ni tadi menjadi anggota tetap ni tadi memberikan *veto* walaupun satu resolusi itu tidak dapat diteruskan.

Tetapi kita, Alhamdulillah, kita di dewan yang mulia ini kita berpandukan kepada peraturan majoriti, walaupun *simple majority* dia mengatasi suara minoriti. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Dato' Sri Speaker dan Timbalan Speaker dan kepada Barisan Pembangkang, biasalah tu ADUN Cheka, Beserah, Jengka ye, yang kita bincang ni kita macam main bolehlah main bola ikut peraturan. Selagi *referee* tak tiub kita pangkah kaki tu biasalah tu. Saya pernah main bola Dato' Sri, di Kelantan di Stadium Sultan ni… Muhammad tu, *so* main, kalau *referee* tak tiup kita… ni terjahlah. Tapi kalau tiup kita berhenti dan akhir permainan kita salam.

Saya pernah Dato' Sri dalam er… tempoh ini Pilihanraya ataupun penggal bermula 1999 kita main bola dengan dengan wakil Cheka ni dulu. Wakil Jengka main kat Stadium Darul Makmur, orang sorak semua sekali. Tapi dalam Dewan ni, kalau tengok tu memang Dato' Sri, Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, tak percaya betul tak. Kita berhambat kat situ, saya ingat Jengka duduk kat tepi sana. Saya duduk kat kawasan Pulau Tawar tu, ni er… YB ni… Dato' Sri Speaker duduk mana Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tempat er… wakil Cheka Yang Berhormat selepas saya dan kemudian sebelum saya tu Yang Berhormat daripada ni Beserah, Dato' Fauzi.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Makna kita tengok tu tapi, bertekak Dato' Sri Tapi, bila main bowling, kita berboling sama-sama. Maknanya main boling bukan boling, boling tu maksudnya, kita main boling *partne*r yang sama main bola tapi dalam dewan, kita berhujah dengan semangat yang bersungguh-sungguh kadangkala tu nampak garang sikit. Tapi insy-Allah saya rasa, kita ada titik-titik persamaan er… kalau yang sudi datang ke Benta, insya-Allah kita teh tarik duduk di Seberang Golok, bukan Golok sana tu, di seberang jambatan yang RNR dipanggil Seberang Golok tu. Duduk bincang dan sebagainya insya-Allah.

Jadi sekali lagi lah saya mengambil kesempatan di sini. Saya mohon maaf sekiranya ada terkasar bahasa er… menyinggung perasaan rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini. Insya-Allah kita doa agar Allah SWT memberikan rahmat, keberkatan dan keredaan kepada kita semua. Jadi dengan itu Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong usul cadangan usul penangguhan Dewan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri. [Ahli Dewan tepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang Berhormat sekelian,

Sebelum saya menangguhkan persidangan kita pada hari ini, saya ingin juga mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana kita dapat berkumpul selama 5 hari pada Mesyuarat Penggal Pertama, kali ke er… penggal… Penggal ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15 yang bermula pada 6 Mei 2024 yang lalu dan berakhir insya-Allah pada hari ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat yang menjayakan mesyuarat kali ini termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Kuantan, JKR, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, er… Majlis Sukan Pahang dan semua pihak yang tak dapat saya sebut satu persatu pada hari ini.

Kita juga nak ucapkan selamat Hari Ibu dan Selamat Hari Jururawat semalam ya kepada jururawat dan ibu-ibu kita yang tercinta.

Patik juga ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah yang berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang ke-15 yang merupakan detik cukup istimewa apabila ianya julung kali disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda sebagai Sultan Pahang.

Junjung kasih juga kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana 5 kali, baginda berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Dewan negeri ini ketika menjawat tugas sebagai Pemangku Raja Pahang.

Alhamdulillah, selama lima hari mesyuarat kita pada hari ini berlangsung, saya dapati mutu perbahasan dan ucapan setiap Ahli Dewan bertambah baik. Perjalanan mesyuarat kali ini juga berjalan lancar dengan suasana yang baik dan harmoni. Walaupun sedikit sikit-sikit ada sikap itu. Itu biasalah ibarat kata orang tua mesti kena ada asam garam. Menjadi tanggungjawab bagi setiap Ahli Dewan memberikan contoh dan teladan yang baik serta bersopan santun bertatasusila ketika bersidang di Dewan yang mulia ini.

Di sini, saya dan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Speaker ingin memohon maaf sekiranya sewaktu saya mempengerusikan mesyuarat ini, ada terkasar bahasa kadang-kadang terlepas cakap. Sebagai manusia biasa, kita juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan.

Saya juga ada membuat teguran ketika Ahli Berhormat sedang berucap supaya kita dapat mengekalkan adab dan tutur bicara sewaktu er… berpandu kepada peraturan Dewan kerana ini adalah majlis pembuat dasar tertinggi di peringkat negeri. Saya dan

Timbalan memohon maaf kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tegur secara nada yang keras… yang agak keras. Ada yang sederhana kadang-kadang sambil berjenaka supaya kita tidak mengantuk ketika mesyuarat berlangsung. Marilah kita sama-sama sentiasa mematuhi peraturan-peraturan Dewan sama ada yang termaktub di dalam buku peraturan Dewan atau ianya dibuat secara pentadbiran insya-Allah. Segala kekurangan dan kelemahan sama ada perjalanan mesyuarat, penganjuran acara-acara ataupun lain-lain kelemahan kita sama-sama perbaiki dan lakukan yang terbaik di mesyuarat yang akan datang.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan dan Kerajaan Perpaduan di atas kemenangan calon DAP pada Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Calon Pang Sock Tao berjaya mempertahankan kerusi ini dalam persaingan 4 penjuru selepas pilihan ke-15 lalu. 9 siri PRK diadakan iaitu di PRK Padang Serai, PRK Tioman, PRK Kuala Terengganu, PRK Simpang Jeram, PRK Pulai, PRK Pelangai, PRK Jepak, PRK Kemaman dan terbaharu PRK Kuala Kubu Bharu. Dari siri PRK berkenaan.

3 dimenangi oleh Perikatan Nasional iaitu PRK Padang Serai, PRK Kuala Terengganu dan PRK Kemaman. 6 lagi dimenangi oleh gabungan Kerajaan Perpaduan iaitu PRK Tioman, PRK Simpang Jerang, PRK Pulai, PRK Pelangai, PRK Jebak dan PRK Kuala Kubu Bharu. Keputusan ini menandakan bahawa kerjasama antara gabungan Kerajaan perpaduan semakin baik diterima rakyat. Dalam suasana politik semasa parti-parti politik perlu menyesuaikan diri dan melihat ke hadapan serta saling bantu membantu di antara satu sama lain.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa saya mempengerusikan mesyuarat ini dan saya yakin dan percaya segala pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira oleh pihak Kerajaan. Saya mendoakan selepas ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat pulang ke kawasan masing masing menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Ingatlah bahawa wakil rakyat menggalas amanah cukup besar yang hendak ditunaikan dengan jujur dan bijaksana. Wakil rakyat itu bukan sahaja mewakili rakyat yang mengundi mereka semasa pilihan raya tetapi juga rakyat yang tidak menyokong atau tidak mengundi mereka semasa pilihan raya. Ia amanah cukup besar buat insan yang bergelar wakil rakyat.

Al-Farabi dalam dua bukunya, Al-Madinah Al-Fadhilah, *The Virtuous City* ataupun Al-Siasah Al-Madaniyyah. Politikal rejim menghuraikan struktur sosial dan politik yang berpusat kepada kebaikan bersama iaitu *good common goods* dalam masyarakat. Menurutnya, kebaikan masyarakat hanya dicapai melalui keadilan, kesaksamaan dan pemimpin yang bijak. Beliau juga membayangkan bahawa sebuah masyarakat yang harmonis di mana semua pihak berperanan untuk mencapai kebahagiaan kolektif bukan hanya untuk kebahagiaan individu.

Kerana itulah dengan penuh keinsafan, saya berpesan dan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk kita muhasabah tentang peranan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Pahang keseluruhannya. Harapan rakyat kepada wakil rakyat sudah tentu pasti untuk melaksanakan amanah dengan baik sehingga mampu menyelesaikan bukan sahaja masalah kawasan masing-masing tetapi juga negeri dan negara. *Berkilat papan seperti cermin*… sebab MB pun… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dua kali berpantun,

Berkilat papan seperti cermin,
Bila dibidas dibalangnya kusam,
Berat badan menjadi pemimpin,
Bekerja keras siang dan malam,

Jauh di darat berladang cengkih,
Terasa penat menghayun cangkul,
Tanggunglah mandat pemimpin terpilih,
Ringan berat silalah pikul,

Penat badan singgah lelah,
Makan madu baru nyaman,
Ada yang menang ada yang kalah,
Jauhkan diri dari permusuhan.

Terima kasih. Persidangan Dewan Negeri ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan pada jam 2.33 petang].